

Akta 671

**AKTA PASARAN MODAL DAN
PERKHIDMATAN 2007**

Sebagaimana pada 5 Februari 2024

Akta 671

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
2007**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Orang bersekutu
4. Kepentingan dalam sekuriti
5. Penetapan sekuriti, derivatif dan produk pasaran modal
6. Kesan apabila perjanjian menjadi derivatif

BAHAGIAN II

PASARAN SAHAM DAN DERIVATIF

Penggal 1

Pasaran

7. Penubuhan pasaran saham atau pasaran derivatif

Penggal 2

Institusi pasaran

Subpenggal 1 — Bursa dan syarikat pemegang bursa

8. Kuasa Menteri untuk meluluskan bursa saham atau bursa derivatif

Seksyen

9. Suruhanjaya hendaklah meluluskan pindaan kepada kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan
10. Pelantikan pengarah syarikat pemegangan bursa, bursa saham dan bursa derivatif
11. Kewajipan bursa
12. Penarikan balik kelulusan bursa
13. Kesan penarikan balik kelulusan bursa

Subpenggal 2 — Syarikat pemegangan bursa

14. Syarikat pemegangan bursa
15. Kuasa Menteri untuk meluluskan syarikat pemegangan bursa
16. Laporan Pengawalseliaan Tahunan tentang pematuhan kehendak yang berterusan
17. Laporan khas oleh syarikat pemegangan bursa tentang pematuhan kehendak yang berterusan
18. Penarikan balik kelulusan syarikat pemegangan bursa
19. Kesan penarikan balik kelulusan syarikat pemegangan bursa
20. Penyenaiaan syarikat pemegangan bursa di bursa saham
21. Kewajipan syarikat pemegangan bursa
22. Jawatankuasa Pengurusan Risiko syarikat pemegangan bursa
23. Sekatan ke atas syarikat pemegangan bursa daripada mengurangkan pemegangan sahamnya
24. Pelupusan dan perolehan aset, dsb.
25. Kawalan pemegangan saham syarikat pemegangan bursa
26. Kuasa untuk mengeluarkan arahan
27. Penutupan bursa saham atau bursa derivatif
28. Kuasa Suruhanjaya berkenaan dengan bursa saham atau bursa derivatif
29. Pemberian bantuan kepada Suruhanjaya
30. Perintah penggantungan yang berhubungan dengan bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat
31. Kuasa Suruhanjaya atas pelanggaran seksyen 23, 24 atau 25

Subpenggal 3 — Am

Seksyen

32. *(Dipotong)*

33. *(Dipotong)*

Subpenggal 4 — Pasaran diiktiraf

34. Pengendali pasaran diiktiraf

35. Permohonan untuk pendaftaran

36. Kewajipan pengendali pasaran diiktiraf

36A. Penarikan balik pendaftaran

36B. Perubahan status

Subpenggal 5 — Kelulusan pusat penjelasan

37. Menubuhkan atau mengendalikan kemudahan penjelasan

38. Kuasa Suruhanjaya untuk meluluskan pusat penjelasan

39. Penarikan balik kelulusan

40. Kesan penarikan balik kelulusan

Subpenggal 5A—Am

40A. Tafsiran

40B. Penyiaran notis penggantung perdagangan atau penutupan

40C. Hak bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan tidak terjejas oleh undang-undang yang berhubungan dengan kontrak

40D. Kuasa Suruhanjaya untuk melantik pengurus berkanun

40E. Bantuan dan akses kepada maklumat, dsb.

40F. Saraan, perbelanjaan dan tanggung rugi pengurus berkanun

40G. Fi tahunan kena dibayar

40H. Ketidapkapaian Akta Syarikat 1965

Subpenggal 6 – Ubah suaian terhadap undang-undang ketidaksolvenan dan peruntukan pelbagai yang berhubungan dengan pengendalian dan tatacara pusat penjelasan diluluskan

41. Tafsiran

Seksyen

42. Kaedah-kaedah ingkar
43. Prosiding ingkar pusat penjelasan diluluskan mengatasi undang-undang ketidaksolvenan
44. Peruntukan tambahan tentang prosiding ingkar
45. Kewajipan untuk melaporkan apabila selesai prosiding ingkar
46. Jumlah bersih kena dibayar apabila selesai prosiding ingkar
47. Penolak tuntutan harta, pembatalan kontrak, dsb.
48. Pelarasan transaksi terdahulu
49. Hak pemegang jawatan yang berkaitan untuk mendapatkan amaun tertentu yang timbul daripada transaksi tertentu
50. Undang-undang ketidaksolvenan menurut bidang kuasa lain
51. Peserta menjadi pihak dalam transaksi tertentu sebagai prinsipal
52. Sekuriti atau derivatif dihantar serah kepada pusat penjelasan diluluskan
53. Pemindahan sekuriti dalam penyelesaian
54. Pembelian dan penjualan sekuriti
55. Imuniti
56. Pengkalan hak, dsb.
57. Pengecualian daripada peraturan-peraturan tentang pelaporan pemegangan saham yang substansial dan Penggal 3A Akta Syarikat 1965

*Subpenggal 7 — Penguatkuasaan peruntukan penghasilan bersih
di bawah perjanjian pasaran modal yang layak*

- 57A. Tafsiran
- 57B. Kebolehuatkuasaan hak di bawah peruntukan penghasilan bersih
- 57C. Pemakaian Bahagian ini

BAHAGIAN III

PERKHIDMATAN PASARAN MODAL

Penggal 1

Pelesenan dan pengawalseliaan

Seksyen

58. Kehendak bagi Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
59. Kehendak bagi Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
- 59A. Tanggungan sivil prinsipal bagi perbuatan wakilnya
60. Permohonan bagi pemberian lesen
61. Pemberian lesen
62. Kuasa Suruhanjaya untuk mengenakan syarat atau sekatan pada lesen
63. Fi
64. Alasan bagi penolakan pemberian Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
65. Alasan bagi penolakan pemberian Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
66. Kuasa Suruhanjaya untuk menyiasat transaksi berkenaan dengan sekuriti dan derivatif
67. Kehendak kewangan minimum
68. (*Dipotong*)
69. Pengubahan atau pemindahan lesen
70. (*Dipotong*)
71. Pernyataan palsu berhubung dengan permohonan bagi pemberian atau pengubahan lesen
72. Pembatalan dan penggantungan lesen
73. Kesan pembatalan, penggantungan atau pemberhentian lesen, dsb.
74. Pemberitahuan keadaan yang menghilangkan kelayakan
75. Pelantikan, pemilihan dan penamaan pengarah dan ketua eksekutif orang berlesen, dsb.
76. Orang berdaftar
- 76A. Pendaftaran orang yang menyediakan perkhidmatan pasaran modal
77. Daftar pemegang lesen
78. Pemberitahuan perubahan butir-butir

Seksyen

- 79. Penyiaran nama dan alamat
- 80. Rayuan
- 81. Penyerahan lesen

Penggal 2

Rekod

- 82. Pemakaian Penggal ini
- 83. Daftar sekuriti
- 84. Notis mengenai butir-butir kepada Suruhanjaya
- 85. Pembelaan terhadap pendakwaan
- 86. Pengemukaan daftar
- 87. Butir-butir mengenai wartawan kewangan
- 88. Suruhanjaya boleh memberi salinan cabutan daripada daftar

Penggal 3

Penjalanan urusan

Subpenggal 1 – Am

- 89. *(Dipotong)*
- 90. Pengeluaran nota kontrak
- 91. Penzahiran kepentingan tertentu dalam sekuriti
- 92. Syor oleh orang berlesen
- 92A. Maklumat yang hendak diberikan kepada seseorang yang melabur dalam produk pasaran modal
- 93. Keutamaan diberikan kepada pesanan klien
- 94. *(Dipotong)*
- 95. *(Dipotong)*
- 96. Obligasi tambahan ke atas orang berlesen

Subpenggal 2 – Sekuriti

- 97. Berurusan sebagai prinsipal

Seksyen

98. Penjualan pendek

Subpenggal 3 – Derivatif terselaras

99. Berdagang dalam derivatif terselaras atas akaun sendiri

100. *(Dipotong)*

101. Sekatan dagangan dalam derivatif terselaras

102. *(Dipotong)*

103. *(Dipotong)*

104. Urutan penghantaran dan penjalanan perintah

105. Berdagang dalam derivatif terselaras di luar Malaysia

106. *(Dipotong)*

107. Kegagalan mematuhi seksyen 99, 101 dan 104

Subpenggal 4 – Derivatif melalui kaunter

107A. Tafsiran

107B. Kelulusan repositori dagangan

107C. Permohonan untuk pemberian kelulusan

107D. Penarikan balik kelulusan

107E. Pelantikan pengarah atau ketua eksekutif repositori dagangan yang diluluskan

107F. Kewajipan menjaga kerahsiaan

107G. Penzahiran yang dibenarkan

107H. Kuasa Suruhanjaya untuk mengeluarkan arahan

107I. Kaedah-kaedah repositori dagangan

107J. Obligasi untuk melaporkan

Penggal 4

Buku, perlindungan aset klien dan audit

Subpenggal 1 – Buku

108. Penyimpanan buku dan pemberian penyata

*Subpenggal 2 – Perlakuan terhadap aset klien
berkenaan dengan sekuriti*

Seksyen

109. Pemakaian Subpenggal ini
110. Tafsiran
111. Wang tertentu yang diterima oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah dibayar ke dalam akaun amanah
112. Aset klien selain wang yang diterima oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
113. Pengeluaran wang daripada akaun amanah
114. Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah memberikan salinan kemasukan dalam buku
115. Tuntutan dan lien tidak tersentuh

*Subpenggal 3 – Perlakuan terhadap aset klien
berkenaan dengan derivatif*

116. Pemakaian Subpenggal ini
117. Tafsiran
118. Pengasingan aset klien
119. Wang dalam akaun terasing tidak boleh digunakan untuk pembayaran hutang, dsb.

*Subpenggal 4 – Perlakuan terhadap aset klien
berkenaan dengan pengurusan kumpulan wang*

120. Pemakaian Subpenggal ini
121. Tafsiran
122. Pengendalian akaun amanah
123. Aset klien
124. Hak kepada salinan kemasukan buku, memeriksa nota kontrak, dsb.

*Subpenggal 5 — Bidang tindakan yang boleh diambil oleh Suruhanjaya
untuk melindungi klien dalam hal keadaan tertentu*

125. Tindakan Suruhanjaya untuk melindungi aset klien, dsb.

Subpenggal 6 — Audit

Seksyen

126. Pelantikan juruaudit
127. Orang yang berkaitan hendaklah menyerahkan simpan laporan juruaudit
128. Kewajipan juruaudit
129. Kewajipan orang yang berkaitan atau pengarah atau pegawainya untuk memberikan maklumat
130. Kuasa Suruhanjaya untuk melantik juruaudit bebas, dsb.
131. Kuasa Suruhanjaya untuk melantik juruaudit bebas, dsb., atas permohonan
132. Juruaudit bebas, dsb., hendaklah melaporkan kepada Suruhanjaya
133. Kuasa juruaudit bebas yang dilantik oleh Suruhanjaya
134. Larangan terhadap pemberitahuan perkara tertentu oleh juruaudit bebas, dsb., dan pekerja
135. Buku, akaun dan rekod hendaklah dikemukakan apabila diminta
136. Penalti kerana membinasakan, menyembunyikan atau mengubah buku atau menghantar buku atau harta ke luar Malaysia
137. Hak bursa saham untuk mengenakan obligasi

Penggal 5

Peletakhakan

138. Tafsiran
139. Permohonan kepada mahkamah untuk memudahkan perjanjian atau perkiraan bagi pemindahan keseluruhan atau sebahagian perniagaan orang berlesen

BAHAGIAN IIIA

INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA

Penggal I

Permulaan

- 139A. Tafsiran

Penggagal 2

Skim persaraan swasta

Subpenggagal 1- Pentadbir skim persaraan swasta

Seksyen

- 139B. Kehendak bagi kelulusan untuk menubuhkan atau mengendalikan pentadbir skim persaraan swasta
- 139C. Permohonan bagi kelulusan
- 139D. Penolakan untuk meluluskan
- 139E. Pelantikan pengarah pentadbir skim persaraan swasta
- 139F. Penarikan balik kelulusan
- 139G. Kesan penarikan balik
- 139H. Kewajipan dan tanggungjawab pentadbir skim persaraan swasta
- 139I. Terma rujukan dan kaedah-kaedah pentadbir skim persaraan swasta
- 139J. Wang yang diterima oleh pentadbir skim persaraan swasta
- 139K. Akaun dan laporan berkenaan dengan pentadbir skim persaraan swasta
- 139L. Kuasa Suruhanjaya untuk mengambil tindakan berhubung dengan pentadbir skim persaraan swasta
- 139M. Kewajipan untuk mengambil langkah keselamatan munasabah
- 139N. Kewajipan untuk menyimpan kerahsiaan
- 139O. Penzahiran yang dibenarkan

Subpenggagal 2- Penyedia skim persaraan swasta

- 139P. Kehendak bagi kelulusan untuk menubuhkan, menawarkan atau menyediakan skim persaraan swasta
- 139Q. Permohonan untuk kelulusan
- 139R. Penolakan untuk meluluskan
- 139S. Penarikan balik kelulusan
- 139T. Kesan penarikan balik
- 139U. Pemberitahuan keadaan yang menghilangkan kelayakan

Subpenggagal 3- Skim persaraan swasta

- 139V. Permohonan untuk kelulusan skim persaraan swasta

Seksyen

- 139W. Penolakan untuk meluluskan
- 139X. Penarikan balik kelulusan
- 139Y. Caruman terletak hak pada anggota sebagai faedah terakru
- 139Z. Pengekalan faedah terakru
- 139ZA. Perlindungan faedah terakru
- 139ZB. Kesan penarikan balik

Subpenggal 4- Pemegang amanah skim

- 139ZC. Kelulusan pemegang amanah skim
- 139ZD. Penolakan untuk meluluskan
- 139ZE. Penarikan balik kelulusan

Penggal 3

Pemegang amanah bagi skim persaraan tajaan majikan

- 139ZF. Kelulusan pemegang amanah majikan
- 139ZG. Penolakan untuk meluluskan
- 139ZH. Penarikan balik kelulusan

Penggal 4

Am

- 139ZI. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
- 139ZJ. Fi yang kena dibayar
- 139ZK. Pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya
- 139ZL. Kuasa untuk mengeluarkan arahan, dsb.
- 139ZM. Penzahiran maklumat kepada Suruhanjaya
- 139ZN. Syor oleh orang berlesen
- 139ZO. Akuan palsu atau mengelirukan atau memberikan dokumen palsu kepada penyelia dan pentadbir
- 139ZP. Pernyataan yang palsu atau mengelirukan, dsb.
- 139ZQ. Penggunaan peranti manipulasi dan memperdaya
- 139ZR. Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 139ZP dan 139ZQ

Seksyen

139zs. Penamaan

BAHAGIAN IV

DANA PAMPASAN PASARAN MODAL

Penggagal 1

Tafsiran

140. Tafsiran bagi maksud Bahagian IV

Penggagal 2

Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal

141. Perbadanan
142. Fungsi Perbadanan
143. Kuasa Perbadanan
144. Kewajipan dan tanggungjawab Perbadanan
145. Keanggotaan Perbadanan
146. Pemecatan, peletakan jawatan dan pengosongan jawatan mana-mana anggota Perbadanan
147. Mesyuarat
148. Perbadanan boleh menubuhkan jawatankuasa
149. Perwakilan fungsi dan kuasa Perbadanan
150. Saraan, elaun atau perbelanjaan lain
151. Penzahiran kepentingan
152. Kuasa untuk mengambil orang untuk memberikan bantuan
153. Obligasi menyimpan rahsia
154. Penzahiran dibenarkan
155. Kuasa Suruhanjaya untuk mengeluarkan arahan
156. Kerjasama dan penyelarasan
157. Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati

Penggal 3

Dana Pampasan Pasaran Modal

Seksyen

158. Penubuhan Dana Pampasan Pasaran Modal
159. Aset yang membentuk Dana Pampasan Modal
160. Caruman dan levi
161. Pemeliharaan Dana Pampasan Pasaran Modal
162. Tahun Kewangan
163. Akuan dan audit
164. Laporan tahunan

Penggal 4

Peruntukan berhubung dengan tuntutan

165. Kaedah-kaedah Perbadanan
166. Rayuan kepada Suruhanjaya
167. Bantuan kepada Perbadanan
168. Pensubrogasian Perbadanan terhadap hak dan remedi pihak yang menuntut apabila pembayaran dibuat daripada Dana Pampasan Pasaran Modal
169. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah tertentu
170. Kuasa Perbadanan untuk membuat kontrak insurans
171. Penggunaan wang insurans
172. Wang dalam Dana Pampasan Pasaran Modal berikutan penggulungan bursa saham yang berkaitan
173. (*Dipotong*)

BAHAGIAN V

SALAH LAKU PASARAN DAN PERLAKUAN DILARANG YANG LAIN

174. Pemakaian Bahagian ini

Penggal 1

Perlakuan dilarang – Sekuriti

Subpenggal 1 – Kesalahan yang berhubungan dengan perdagangan palsu dan penipuan dalam pasaran, manipulasi pasaran saham, dsb.

Seksyen

175. Transaksi perdagangan palsu dan penipuan dalam pasaran
176. Manipulasi pasaran saham
177. Pernyataan yang palsu atau mengelirukan, dsb.
178. Mendorong orang untuk berniaga sekuriti secara fraud
179. Penggunaan peranti manipulasi dan memperdaya
180. Orang atau transaksi yang baginya seksyen 175 atau 176 tidak terpakai
181. Penyebaran maklumat berkenaan dengan transaksi haram
182. Penalti bagi kesalahan di bawah Subpenggal 1

Subpenggal 2 — Perdagangan dalaman

183. Maklumat
184. Maklumat yang boleh didapati secara umum
185. Kesan material ke atas harga atau nilai sekuriti
186. Berdagang dalam sekuriti
187. Sebutan mengenai “mengusahakan”
188. Perlakuan yang dilarang orang yang memiliki maklumat dalaman
189. Bukti pelanggaran seksyen 188
190. Perkiraan kerahsiaan oleh perbadanan
191. Perjanjian kerahsiaan oleh perkongsian
192. Penajajaminan dan penajajaminan kecil
193. Ketidapkakaian seksyen 188 bagi transaksi yang dijalankan di bawah skim perkiraan, dsb., di bawah mana-mana undang-undang bertulis
194. Kecualian bagi perbadanan yang mempunyai pengetahuan tentang niatnya
195. Kecualian bagi pengetahuan tentang niat atau aktiviti individu itu sendiri
196. Transaksi yang tidak disolisit
197. Kecualian bagi penebusan unit skim amanah di bawah waad belian balik

Seksyen

198. Pembelaan persamaan maklumat

Subpenggal 3 – Remedi sivil

199. Tanggungan sivil bagi pelanggaran seksyen 175, 176, 177, 178, 179 atau 181
200. Tindakan sivil oleh Suruhanjaya
201. Mendapatkan amaun kehilangan atau kerugian

Penggal 2

Perlakuan dilarang –Derivatif

Subpenggal 1 – Kesalahan yang berhubungan dengan perdagangan palsu, pembrokeran liar, dsb.

202. Perdagangan palsu
203. Pembrokeran liar
204. Penyebaran maklumat tentang perdagangan palsu
205. Manipulasi harga derivatif dan memborong simpan
206. Penggunaan peranti, dsb., untuk memfraud
207. Pernyataan yang palsu atau mengelirukan
208. Larangan penyalahgunaan maklumat yang diperoleh atas sifat rasmi
209. Penalti bagi kesalahan di bawah Subpenggal 1

Subpenggal 2 – Remedi sivil

210. Tanggungan sivil bagi pelanggaran seksyen 202, 203, 204, 205, 206, 207 atau 208
211. Tindakan sivil oleh Suruhanjaya

BAHAGIAN VI

TERBITAN SEKURITI DAN PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

Penggal 1

Produk Pasaran Modal Tersenarai dan Tidak Tersenarai

212. Kehendak bagi kelulusan, pendaftaran, kebenaran atau pengiktirafan

Penggal 1A

Permohonan bagi Kelulusan

Seksyen

- 213. Permohonan bagi kelulusan
- 214. Pemberian kelulusan
- 214A. Penolakan permohonan
- 215. Pernyataan palsu atau mengelirukan, dsb.
- 215A. Wang permohonan hendaklah dibayar ke dalam akaun amanah jika prospektus tidak dikehendaki

Penggal 2

Pengambilalihan, percantuman dan pengambilan paksa

- 216. Tafsiran
- 217. Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan, Percantuman dan Pengambilan Paksa
- 218. Pematuhan Kod, garis panduan, nota amalan dan arahan
- 218A. Kuasa Suruhanjaya untuk melantik penasihat bebas
- 218B. Kuasa penasihat bebas yang dilantik oleh Suruhanjaya
- 218C. Larangan terhadap komunikasi perkara tertentu oleh penasihat bebas dan pekerja
- 218D. Akses kepada buku, akaun dan rekod, dsb.
- 219. Pengecualian
- 220. Tindakan oleh Suruhanjaya dalam hal ketidakpatuhan Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan arahan
- 221. Dokumen, maklumat, dsb., yang palsu atau mengelirukan
- 222. Pengambilan paksa
- 223. Hak pemegang syer minoriti
- 224. Permohonan kepada mahkamah
- 225. Ketidapkapaian seksyen 180 Akta Syarikat 1965

Penggal 3

Prospektus

Seksyen

226. Tafsiran
227. Pelawaan
228. Tawaran bagi langganan atau pembelian
229. Tawaran dan pelawaan terkecuali
230. Terbitan terkecuali
231. Pengecualian
232. Kehendak mendaftarkan prospektus berhubung dengan sekuriti
233. Pendaftaran prospektus
234. Kehendak menyerah simpan prospektus dengan Pendaftar
235. Kandungan prospektus
236. Tanggungjawab am tentang penzahiran dalam prospektus
237. Prospektus ringkas bagi terbitan hak yang boleh dilepaskan
238. Prospektus tambahan atau gantian
239. Kesan pendaftaran prospektus tambahan atau gantian
240. Peraturan-peraturan bagi prospektus simpanan, prospektus simpanan tambahan, prospektus pendek, pernyataan profil, dsb.
241. Sekatan pengiklanan
242. Dokumen yang mengandungi tawaran sekuriti untuk pembelian disifatkan sebagai prospektus
243. Penguntukan sekuriti jika prospektus menandakan bahawa permohonan bagi kebenaran untuk disenaraikan di bursa saham telah dibuat
244. Persetujuan daripada seseorang untuk mengeluarkan prospektus yang mengandungi pernyataannya
245. Perintah pemberhentian
246. Tanggungan jenayah bagi pernyataan palsu, dsb., dalam prospektus
247. Orang yang tidak boleh dianggap telah membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus
248. Hak untuk mendapatkan kehilangan atau kerugian akibat daripada pernyataan palsu atau mengelirukan dalam dokumen penzahiran atau prospektus, dsb.

Seksyen

- 249. Tanggungan sivil bagi tindakan yang mengelirukan atau memperdayakan
- 250. Ketekunan wajar sebagai pembelaan
- 251. Pergantungan kepada pernyataan dan maklumat berkenaan dengan pernyataan palsu atau mengelirukan
- 252. Pergantungan kepada pernyataan dan maklumat berkenaan dengan tindakan yang mengelirukan atau memperdayakan
- 253. Pergantungan kepada pernyataan rasmi awam berkenaan dengan pernyataan palsu dan mengelirukan
- 254. Pembelaan penarikan balik persetujuan
- 255. Sekatan ke atas penawaran sekuriti bagi langganan atau pembelian
- 256. Perjanjian, dokumen dan prospektus untuk mengecualikan atau mengehadkan tanggungan terbatal

Penggal 3A

Permohonan untuk kebenaran atau pengiktirafan

- 256A. Tafsiran
- 256B. Permohonan bagi kebenaran atau pengiktirafan
- 256C. Pemberian kebenaran atau pengiktirafan
- 256D. Penolakan kebenaran atau pengiktirafan
- 256E. Penarikan balik kebenaran atau pengiktirafan
- 256F. Kesan penarikan balik
- 256G. Kuasa untuk mengeluarkan arahan, dsb.

Penggal 3B

Amanah Perniagaan

- 256H. Tafsiran dan pemakaian
- 256I. Permohonan bagi pendaftaran atau pengiktirafan
- 256J. Pendaftaran dokumen penzahiran
- 256K. Pendaftaran atau pengiktirafan amanah perniagaan
- 256L. Keengganan untuk mendaftarkan atau mengiktiraf amanah perniagaan
- 256M. Penarikan balik pendaftaran atau pengiktirafan
- 256N. Kesan penarikan balik pendaftaran atau pengiktirafan

Seksyen

- 256O. Pengurus pemegang amanah
- 256P. Kewajipan dan tanggungjawab pengurus pemegang amanah
- 256Q. Kewajipan dan tanggungjawab pegawai dan ejen
- 256R. Pemerolehan kepentingan dalam amanah perniagaan
- 256S. Penzahiran kepentingan dalam transaksi
- 256T. Daftar kepentingan
- 256U. Perakuan oleh ketua pegawai eksekutif dan lembaga pengarah pengurus pemegang amanah
- 256V. Penzahiran polisi dan amalan
- 256W. Pemecatan pengurus pemegang amanah
- 256X. Peletakan jawatan pengurus pemegang amanah
- 256Y. Penggantian pengurus pemegang amanah
- 256Z. Kehendak bagi surat ikatan
- 256ZA. Pengecualian dan penanggungrugian bagi pengurus pemegang amanah daripada tanggungan
- 256ZB. Mesyuarat agung tahunan
- 256ZC. Kewajipan pengurus pemegang amanah untuk memanggil mesyuarat
- 256ZD. Kuasa mahkamah untuk memerintahkan mesyuarat pemegang unit
- 256ZE. Hak pemegang unit dalam mesyuarat
- 256ZF. Tindakan oleh pemegang unit
- 256ZG. Penggulangan
- 256ZH. Batasan tanggungan pemegang unit
- 256ZI. Pemiutang pemegang unit tiada hak untuk memperoleh milikan harta atau aset amanah
- 256ZJ. Pembatalan pendaftaran secara sukarela oleh pengurus pemegang amanah
- 256ZK. Kuasa Suruhjaya untuk membatalkan pendaftaran amanah perniagaan yang tidak lagi berfungsi
- 256ZL. Melaporkan kepada Suruhjaya
- 256ZM. Kuasa Suruhjaya untuk mengeluarkan arahan
- 256ZN. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
- 256ZO. Kewajipan pengurus pemegang amanah untuk menyerahkan simpan penyata, dsb.

Penggal 3c

Pernyataan atau maklumat palsu atau mengelirukan
di bawah Penggal 3A dan 3B

Seksyen

256zp. Pernyataan atau maklumat palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya

Penggal 4

Debentur

*Subpenggal 1 – Surat ikatan amanah, kewajipan pemegang amanah, peminjam,
dsb.*

257. Pemakaian Penggal ini
258. Kehendak bagi surat ikatan amanah dan pemegang amanah
259. Bentuk dan kandungan surat ikatan amanah
260. Orang yang boleh menjadi pemegang amanah
261. Pemegang amanah sedia ada terus bertindak sehingga pemegang amanah baru mengambil jawatan
262. Penggantian pemegang amanah
263. Kewajipan peminjam
264. Kewajipan peminjam untuk menggantikan pemegang amanah
265. Kewajipan peminjam untuk memberitahu pemegang amanah mengenai cagaran, dsb.
266. Kewajipan peminjam untuk memberikan laporan suku tahun kepada pemegang amanah dan Suruhanjaya
267. Kewajipan peminjam untuk memaklumkan pemegang amanah dan Suruhanjaya kejadian material yang berlaku
268. Kewajipan peminjam jika prospektus menyatakan maksud atau projek yang baginya wang hendak digunakan
269. Obligasi pengarah peminjam untuk menghantar serah penyata kewangan
270. Peminjam hendaklah mengeluarkan dokumen yang merupakan keterangan keberhutangan, dsb.
271. Kewajipan penjamin
272. Obligasi pengarah penjamin untuk menghantar serah penyata kewangan
273. Kewajipan pemegang amanah

Seksyen

- 274. Pengecualian bagi pemegang amanah daripada tanggungan dan menanggung rugi tanggungan
- 275. Pemegang amanah ditanggung rugi
- 276. Kewajipan juruaudit kepada pemegang amanah bagi pemegang debentur
- 277. Kewajipan peminjam untuk memanggil mesyuarat
- 278. Kuasa pemegang amanah untuk memanggil mesyuarat
- 279. Mahkamah boleh memerintahkan suatu mesyuarat pemegang debentur
- 280. Kuasa Suruhanjaya untuk melindungi kepentingan pemegang debentur
- 280A. Kewajipan untuk memberitahu Suruhanjaya, dsb.
- 281. Kuasa mahkamah untuk memberikan arahan dan menentukan soalan
- 282. Kuasa khusus mahkamah

Subpenggal 2 – Am

- 283. Daftar pemegang debentur
- 284. Pelaksanaan spesifik
- 285. Debentur berkekalan
- 286. Terbitan semula debentur yang ditebus

Penggal 5

Skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan

- 287. Tafsiran
- 288. Kehendak ke atas pemegang amanah dan surat ikatan
- 289. Kelulusan bagi pemegang amanah dan syarikat pengurusan
- 290. Orang yang boleh menjadi pemegang amanah
- 291. Pemegang amanah yang sedia ada hendaklah terus bertindak sehingga pemegang amanah yang baru mengambil alih jawatan
- 292. Penggantian pemegang amanah
- 293. Pendaftaran surat ikatan
- 294. Kandungan surat ikatan
- 295. Ubah suaian surat ikatan melalui surat ikatan tambahan
- 296. Surat ikatan hendaklah diserahkan dengan Suruhanjaya

Seksyen

297. Kewajipan syarikat pengurusan
298. Kewajipan syarikat pengurusan untuk menyerah simpan penyata, dsb.
299. Kewajipan syarikat pengurusan untuk menggantikan pemegang amanah
300. Kewajipan pemegang amanah
301. Kewajipan pemegang amanah untuk menggulung skim
302. Kewajipan syarikat pengurusan dan pemegang amanah di bawah undang-undang am
303. Pengecualian bagi pemegang amanah daripada tanggungan dan menanggung rugi tanggungan
304. Pemegang amanah ditanggung rugi
305. Kewajipan syarikat pengurusan memanggil mesyuarat pemegang unit
306. Kuasa pemegang amanah untuk memanggil mesyuarat
307. Mahkamah boleh memerintahkan suatu mesyuarat pemegang unit
308. Daftar pemegang unit
309. Di mana daftar perlu disimpan
310. Penutupan dan pemeriksaan daftar
311. Kuasa mahkamah untuk membetulkan daftar
312. Daftar cawangan
313. Hak pemegang amanah, wasi, pentadbir berhubung dengan pemegang unit yang mati
314. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah
315. Ketidapkapaian Penggal 5 Bahagian VI

Penggal 6

Produk pasaran modal Islam, sekuriti Islam, dsb.

Subpenggal 1—Am

316. Tafsiran

Subpenggal 2—Produk pasaran modal Islam

- 316A. Produk pasaran modal Islam

Subpenggal 3—Sekuriti Islam

Seksyen

- 316B. Sekuriti Islam
- 316C. Penetapan oleh Menteri berkenaan dengan sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam, dsb.
- 316D. Pemakaian Penggal 4 Bahagian VI Akta
- 316E - 316H. (*Dipotong*)

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PERBADANAN TERSENARAI

- 317. Kewajipan ketua eksekutif dan pengarah perbadanan tersenarai untuk menzahirkan kepentingan dalam sekuriti
- 317A. Kelakuan yang dilarang oleh pengarah atau pegawai perbadanan tersenarai
- 318. Kehilangan kelayakan ketua eksekutif atau pengarah perbadanan tersenarai
- 319. Pengemukaan maklumat
- 320. Kewajipan juruaudit perbadanan tersenarai
- 320A. Penyata kewangan palsu atau mengelirukan perbadanan tersenarai
- 321. Perlindungan bagi orang terhadap tindak balas kerana membuat laporan kepada pihak berkuasa dalam hal keadaan tertentu

BAHAGIAN VIII

ORGANISASI PENGAWALSELIAAN SENDIRI

- 322. Tafsiran
- 323. Pengiktirafan organisasi pengawalseliaan sendiri
- 324. Kewajipan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf
- 325. Kaedah-kaedah organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf
- 326. Pelantikan pengarah organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf
- 327. Kuasa untuk mengeluarkan arahan ke atas organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf
- 328. Penarikan balik pengiktirafan
- 329. Perlindungan bagi organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf

Seksyen

- 330. Akaun dan laporan berkenaan dengan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf
- 331. Pemberian bantuan kepada Suruhanjaya

BAHAGIAN IX

DANA PEMBANGUNAN PASARAN MODAL

- 332. Penubuhan Dana Pembangunan Pasaran Modal
- 333. Aset yang membentuk Dana
- 334. Objektif Dana, dsb.
- 335. Keanggotaan Lembaga
- 336. Tempoh jawatan
- 337. Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan
- 338. Pengosongan jawatan
- 339. Kuorum dan tatacara mesyuarat
- 340. Penzahiran kepentingan
- 341. Pemeliharaan Dana
- 342. Tahun kewangan
- 343. Akaun dan audit
- 344. Kuasa Menteri berhubung dengan Lembaga
- 345. Pembubaran Dana
- 346. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

BAHAGIAN IXA

PENGURUSAN RISIKO SISTEMIK DALAM PASARAN MODAL

346A—346D. (*Dipotong*)

BAHAGIAN X

PENZAHIRAN MAKLUMAT

Penggal 1

Pemakaian

Seksyen

347. Pemakaian Bahagian ini

Penggal 2

Penzahiran maklumat

348. Kuasa Suruhanjaya untuk menghendaki pengemukaan buku
349. Kesalahan
350. Kuasa untuk menentukan bentuk dan cara pengemukaan
351. Perlindungan
352. Penzahiran kepada Suruhanjaya
353. Penzahiran maklumat yang berhubungan dengan berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif

BAHAGIAN XI

TINDAKAN PENTADBIRAN DAN SIVIL

354. Kuasa Suruhanjaya untuk mengambil tindakan
355. Kuasa Suruhanjaya untuk mengambil tindakan terhadap bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, dsb., kerana tidak mematuhi kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, dsb.
356. Kuasa berkenaan dengan pematuhan syarat lesen, dsb., oleh orang berlesen
357. Tanggungan sivil orang yang melanggar undang-undang sekuriti
358. Suruhanjaya boleh mendapatkan kehilangan atau kerugian
359. Sebutan mengenai perlakuan
360. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah tertentu
361. Permohonan untuk penggulangan

BAHAGIAN XII

AM

Seksyen

- 362. Larangan tentang penggunaan gelaran tertentu
- 362A. Derivatif bukan kontrak perjudian atau pertaruhan
- 363. Salinan buku sebagai keterangan *prima facie*
- 364. Permohonan kajian semula oleh orang yang terkilan
- 365. Masa bagi permohonan untuk kajian semula
- 366. Keputusan Menteri adalah muktamad
- 367. Kesalahan oleh kumpulan orang dan oleh pekerja dan ejen
- 368. Pemalsuan rekod
- 369. Pernyataan palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya, bursa atau pusat penjelasan diluluskan, dsb.
- 370. Percubaan, persubahatan dan komplot
- 371. (*Dipotong*)
- 372. Penalti am
- 373. Pengkompaunan kesalahan
- 374. Orang disabitkan bertanggung membayar pampasan
- 375. Penjalanan pendakwaan
- 376. Tanggung rugi
- 377. Garis panduan dan nota amalan Suruhanjaya
- 378. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
- 378A. Kuasa untuk membuat perkiraan
- 379. Penyelesaian pertikaian
- 380. Kuasa untuk meminda Jadual

BAHAGIAN XIII

PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

- 381. Pemansuhan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan kecualian dan peralihan berkenaan dengannya

Seksyen

- 382. Syarikat pemegangan bursa, bursa dan pusat penjelasan diluluskan disifatkan telah diluluskan
- 383. Kemudahan elektronik disifatkan berdaftar
- 384. Kecualian berkenaan dengan lesen yang dikeluarkan di bawah Akta termansuh
- 385. Permohonan lesen yang belum selesai
- 386. Peralihan dan kecualian berkenaan dengan cadangan korporat
- 387. Peruntukan peralihan berhubung dengan orang berdaftar
- 388. Pembatalan perundangan subsidiari
- 389. Pengubahsuaian kepada pentafsiran undang-undang bertulis lain
- 390. Penerusan hak, tanggungan yang lain, dsb., di bawah Akta termansuh
- 391. Pencegahan anomali
- 392. Orang yang berniaga dalam sekuriti berhubung dengan skim unit amanah
- 393. Peruntukan peralihan bagi syarikat pengurusan unit amanah yang tidak berlesen
- 394. Peruntukan peralihan bagi eksekutif kewangan korporat dan penganalisis kajian

JADUAL 1

JADUAL 2

JADUAL 3

JADUAL 4

JADUAL 5

JADUAL 6

JADUAL 7

JADUAL 8

JADUAL 9

JADUAL 10

JADUAL 11

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 671****AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

Suatu Akta untuk menggabungkan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [*Akta 280*] dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 [*Akta 499*], untuk mengawal selia dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan aktiviti, pasaran dan perantara dalam pasaran modal, dan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya.

[28 September 2007, P.U. (B) 342/2007
kecuali Penggal 2 Bahagian IV –
1 April 2010, P.U. (B) 143/2010]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa—

- (a) peruntukan yang berlainan dalam Akta ini; atau
- (b) semua peruntukan atau peruntukan yang berlainan Akta ini berkenaan dengan kelas atau kategori orang, sekuriti atau derivatif yang berlainan.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akaun amanah” ertinya akaun amanah yang disebut dalam seksyen 111 atau 122;

“aktiviti terkawal” ertinya mana-mana jenis aktiviti terkawal yang ditentukan dalam Bahagian 1 Jadual 2;

“amanah perniagaan” ertinya suatu skim unit amanah yang operasi atau pengurusan skim itu dan harta atau aset skim itu diuruskan oleh seorang pengurus pemegang amanah;

“anak syarikat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 5 *Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“aset”, berhubung dengan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, ertinya segala aset pemegang itu, sama ada atau tidak digunakan berkaitan dengan penjalanan aktiviti terkawal oleh pemegang itu;

“bank berlesen” ertinya bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

“bank Islam” ertinya bank yang dilesenkan di bawah **Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*];

“Bank Negara” ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*];

“bank saudagar berlesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam ***Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

* *CATATAN*—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

***CATATAN*—Akta Bank Islam 1983 dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]—lihat seksyen 282 Akta 759.

****CATATAN*—Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013—lihat seksyen 271 Akta 758.

“berniaga dalam derivatif” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Bahagian 2 Jadual 2;

“berniaga dalam sekuriti” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Bahagian 2 Jadual 2;

“buku” termasuklah—

- (a) daftar;
- (b) apa-apa rekod maklumat lain;
- (c) akaun atau rekod perakaunan, tidak kira bagaimana jua pun disusun, direkodkan atau disimpan; dan
- (d) dokumen;

“bursa derivatif” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang berhubungan dengannya suatu kelulusan di bawah subseksyen 8(2) sedang berkuat kuasa;

“Bursa Ditentukan” ertinya seseorang atau suatu badan yang mengendalikan suatu pasaran derivatif di luar Malaysia dan ditentukan sebagai Bursa Ditentukan di bawah seksyen 105;

“bursa saham” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang berhubungan dengannya suatu kelulusan di bawah subseksyen 8(2) sedang berkuat kuasa;

“debentur” termasuklah stok debentur, bon, nota dan apa-apa keterangan keterhutangan yang lain sesuatu perbadanan bagi wang yang dipinjam, sama ada atau tidak merupakan suatu gadaian ke atas aset perbadanan itu, tetapi tidak boleh ditafsirkan sebagai terpakai bagi mana-mana yang berikut:

- (a) apa-apa surat cara yang mengesahkan atau mewujudkan keterhutangan bagi, atau bagi wang yang dipinjam untuk membayar balasan yang kena dibayar di bawah, suatu kontrak jualan atau perbekalan barangan, harta atau

perkhidmatan atau apa-apa kontrak sewaan dalam perjalanan biasa urusan;

- (b) cek, draf bank atau apa-apa bil pertukaran yang lain atau surat kredit;
- (c) nota bank, jaminan atau polisi insurans;
- (d) penyata, buku akaun bank atau dokumen lain yang menunjukkan apa-apa baki dalam akaun semasa, deposit atau simpanan;
- (e) apa-apa perjanjian bagi suatu pinjaman jika pemberi pinjam dan peminjam ialah penandatanganan perjanjian itu dan jika peminjaman wang adalah dalam perjalanan biasa urusan pemberi pinjam itu, dan apa-apa nota janji hutang yang dikeluarkan di bawah terma perjanjian itu; atau
- (f) apa-apa surat cara atau produk atau kelas surat cara atau produk sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“depositori pusat” ertinya depositori pusat yang telah diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen 5(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [*Akta 453*]—

- (a) untuk menubuhkan dan mengendalikan suatu sistem bagi pengendalian pusat sekuriti, sama ada atau tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham—
 - (i) yang dengannya semua sekuriti itu didepositkan dengan dan dipegang dalam jagaan oleh, atau didaftarkan atas nama, syarikat itu atau syarikat penamanya bagi pendeposit dan perniagaan berkenaan dengan sekuriti itu dilaksanakan melalui catatan dalam akaun sekuriti tanpa penyerahan fizikal skrip; atau

- (ii) yang membenarkan atau memudahkan penyelesaian transaksi sekuriti atau perniagaan sekuriti tanpa penyerahan fizikal skrip; dan
- (b) untuk mengadakan kemudahan dan perkhidmatan lain yang bersampingan dengannya;

“derivatif” ertinya mana-mana kontrak, sama ada bagi maksud mewujudkan suatu obligasi atau suatu hak atau mana-mana kombinasi kedua-duanya, yang nilai pasaran, penghantaran atau obligasi pembayarannya diperoleh daripada, merujuk kepada atau berdasarkan, tetapi tidak terhad kepada, sekuriti sandaran atau komoditi, aset, kadar, indeks atau mana-mana kombinasinya, sama ada ia suatu derivatif terselaras ataupun derivatif melalui kaunter, tetapi tidak termasuk—

- (a) sekuriti;
- (b) mana-mana derivatif yang Bank Negara atau Kerajaan Malaysia ialah suatu pihak;
- (c) mana-mana derivatif melalui kaunter yang harga pasaran, nilai, penghantaran atau obligasi pembayarannya semata-mata diperoleh daripada, merujuk kepada atau berdasarkan, kadar pertukaran mata wang; atau
- (d) mana-mana perjanjian, apabila dibuat, adalah dalam suatu kelas perjanjian yang ditetapkan sebagai bukan derivatif;

“derivatif melalui kaunter” ertinya derivatif selain derivatif terselaras;

“derivatif terselaras” ertinya suatu derivatif, termasuk suatu kontrak niaga hadapan, yang didagangkan dalam bursa derivatif, yang sifat intrinsiknya ditentukan oleh bursa derivatif itu dan dagangannya dijelaskan dan diselesaikan oleh pusat penjelasan diluluskan;

“disenaraikan”, berhubung dengan suatu sekuriti atau perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, ertinya apa-apa sekuriti atau

perbadanan yang sekuritinya atau apa-apa kelas sekuritinya yang diterima untuk disebut harga di pasaran saham sesuatu bursa saham;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan jika tiada cara disebutkan ertinya ditetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dan kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa untuk menetapkan secara berlainan bagi orang, sekuriti, derivatif atau transaksi yang berlainan, atau kelas, kategori atau perihalan orang, sekuriti, derivatif atau transaksi yang berlainan;

“dokumen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“gabungan”, berhubung dengan sesuatu bursa derivatif atau pusat penjelasan suatu bursa derivatif, ertinya mana-mana orang, tidak kira bagaimana jua pun diperihalkan, yang menjadi pihak kepada suatu kontrak yang masih berterusan dengan bursa derivatif atau pusat penjelasan bursa derivatif itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang orang itu bersetuju terikat dengan kaedah-kaedahnya;

“institusi berlesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam *Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

“instrumen”, berhubung dengan derivatif, ertinya—

- (a) apa-apa jua yang boleh dihantar serah di bawah suatu perjanjian bagi penghantarserahannya, termasuk komoditi, atau dokumen yang mewujudkan atau memberikan keterangan mengenai sesuatu perkara dalam tindakan; atau
- (b) apa-apa perkara lain yang ditetapkan sebagai suatu instrumen bagi maksud Akta ini;

**CATATAN*—Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013—lihat seksyen 271 Akta 758.

“juruaudit” ertinya juruaudit syarikat yang diluluskan mengikut pengertian *Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“kaedah-kaedah”, berhubung dengan—

- (a) suatu bursa saham, ertinya memorandum persatuan dan perkara persatuan, atau kaedah-kaedah atau arahan, dengan apa jua nama disebut dan di mana-mana jua terkandung, yang mengawal keanggotaan, pengurusan, pengendalian atau tatacara bursa saham itu, atau kelakuan organisasi pesertanya dan, tanpa mengehendakan keluasan makna yang terdahulu, termasuklah—
 - (i) kaedah-kaedah yang terkandung dalam memorandum persatuan dan perkara persatuan atau dokumen konstituen lain bursa saham itu;
 - (ii) kaedah-kaedah dan tatacara yang mengawal sebut harga sekuriti di pasaran saham bursa saham dan kehendak penyenaraian;
 - (iii) kaedah-kaedah untuk memastikan pematuhan oleh organisasi peserta mengenai mana-mana obligasi yang dikenakan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; dan
 - (iv) kaedah-kaedah berkenaan dengan perkara lain yang perlu atau wajar bagi pengendalian dan pengurusan yang sepatutnya dan cekap bursa saham itu, termasuk kaedah-kaedah yang menetapkan fi dan caj;
- (b) suatu pusat penjelasan diluluskan, ertinya memorandum persatuan dan perkara persatuan, atau kaedah-kaedah atau arahan, dengan apa jua nama disebut dan di mana-mana jua terkandung, yang mengawal keanggotaan, pengurusan, pengendalian atau prosedur pusat penjelasan yang

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

diluluskan itu dan, tanpa menghadkan keluasan makna yang terdahulu, termasuklah kaedah-kaedah dan arahan yang berhubungan dengan—

- (i) penyediaan perkhidmatan penjelasan dan penyelesaian, dan penggantungan atau penarikan balik perkhidmatan itu;
 - (ii) penyediaan perkhidmatan selain perkhidmatan yang disebut dalam subperenggan (i);
 - (iii) orang yang boleh menyertai dalam satu atau lebih perkhidmatan yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii);
 - (iv) penetapan fi dan caj; dan
 - (v) kaedah-kaedah ingkar;
- (c) suatu depositori pusat, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat) 1991;
- (d) suatu bursa derivatif, ertinya memorandum persatuan dan perkara persatuan, atau kaedah-kaedah atau arahan, dengan apa jua nama disebut dan di mana-mana jua terkandung, yang mengawal keanggotaan, pengurusan, pengendalian atau tatacara bursa derivatif itu atau kelakuan gabungannya;
- (e) suatu syarikat pemegang bursa, ertinya memorandum persatuan dan perkara persatuan, termasuk kaedah-kaedah yang mengawal selia aktiviti dan perjalanan syarikat itu atas sifatnya sebagai suatu syarikat pemegang bursa;
- (f) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf, ertinya memorandum persatuan dan perkara persatuan suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf, atau kaedah-kaedah atau arahan, dengan apa jua nama disebut dan di mana-mana jua terkandung, mengawal keanggotaan,

pengurusan, pengendalian atau tatacara sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf atau kelakuan anggota organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu; dan

- (g) repositori dagangan, ertinya memorandum persatuan dan perkara persatuan, atau kaedah-kaedah atau arahan, dengan apa jua nama disebut dan di mana-mana jua terkandung, yang mengawal keanggotaan, pengurusan, pengendalian atau tatacara sesuatu repositori dagangan;

“kehendak penyelarai”, berhubung dengan suatu pertubuhan perbadanan yang menubuhkan atau mengendalikan, atau bercadang untuk menubuhkan atau mengendalikan, suatu pasaran saham suatu bursa saham, ertinya kaedah-kaedah yang mengawal atau yang berhubungan dengan—

- (a) penerimaan masuk dalam senarai rasmi mana-mana pertubuhan perbadanan, kerajaan, badan tidak diperbadankan atau mana-mana orang lain bagi maksud sebut harga dalam pasaran saham, sekuriti yang diterbitkan atau diadakan oleh suatu pertubuhan perbadanan, kerajaan, badan tidak diperbadankan atau mana-mana orang lain atau pengeluaran daripada senarai rasmi itu dan bagi maksud lain; atau
- (b) aktiviti atau perjalanan mana-mana pertubuhan perbadanan, kerajaan, badan tidak diperbadankan dan mana-mana orang lain yang diterima masuk ke dalam senarai itu,

sama ada kaedah-kaedah itu—

- (A) dibuat oleh pertubuhan perbadanan itu atau terkandung dalam mana-mana dokumen konstituen pertubuhan perbadanan itu; atau
- (B) dibuat oleh seorang lain dan diterima pakai oleh pertubuhan perbadanan itu;

“kelab rekreasi tidak tersenarai” ertinya suatu perbadanan yang memberikan hak kepada pemegang syer atau debenturnya untuk menggunakan atau menikmati apa-apa kemudahan rekreasi, percutian atau kemudahan lain yang berkaitan dan yang syer atau debenturnya tidak tersenarai atau dicadangkan untuk disenaraikan bagi sebut harga di mana-mana pasaran saham suatu bursa saham;

“kemudahan penjelasan” ertinya—

- (a) suatu kemudahan untuk penjelasan atau penyelesaian bagi—
 - (i) transaksi sekuriti yang didagangkan di bursa saham; atau
 - (ii) derivatif yang didagangkan di pasaran derivatif;
- (b) suatu kemudahan bagi jaminan penyelesaian transaksi yang disebut dalam perenggan (a); atau
- (c) apa-apa kemudahan penjelasan atau penyelesaian atau kemudahan kelas penjelasan atau penyelesaian lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya dengan kelulusan Menteri;

“ketua eksekutif”, berhubung dengan suatu perbadanan, ertinya pegawai eksekutif utama perbadanan itu pada masa ini, dengan apa jua nama yang disebut, dan sama ada dia seorang pengarah atau tidak;

“klien”, berhubung dengan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, ertinya—

- (a) seseorang yang bagi pihaknya pemegang menjalankan atau akan menjalankan mana-mana aktiviti terkawal; atau
- (b) mana-mana orang lain yang dengan pemegang, sebagai prinsipal, membuat atau akan membuat transaksi—
 - (i) bagi maksud perniagaan sekuriti; atau

(ii) bagi maksud perniagaan dalam derivatif,

tetapi tidak termasuk mana-mana orang atau kelas orang sebagaimana yang ditetapkan;

“kontrak niaga hadapan” ertinya suatu derivatif yang didagangkan dalam bursa derivatif yang mewujudkan suatu obligasi penghantaran fizikal atau penerimaan penghantaran fizikal instrumen sandaran derivatif itu, dengan kuantiti dan kualitinya ditentukan oleh bursa derivatif itu, pada tarikh yang ditetapkan pada masa hadapan pada harga yang ditetapkan, dan yang boleh diselesaikan secara tunai sebagai ganti kepada penghantaran fizikal;

“laporan derivatif” ertinya suatu analisis atau laporan yang mengandungi syor mengenai perniagaan dalam derivatif;

“lembaga”, berhubung dengan sesuatu perbadanan, ertinya lembaga pengarah atau pihak berkuasa pentadbiran lain perbadanan itu;

“lesen” ertinya Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang diberikan di bawah seksyen 61;

“Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal” ertinya lesen yang diberikan di bawah seksyen 61;

“Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal” ertinya lesen yang diberikan di bawah seksyen 61;

“Majlis Penasihat Syariah” ertinya Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*];

“menasihati kewangan korporat” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Bahagian 2 Jadual 2;

“menentukan”, jika tiada cara disebutkan, ertinya menentukan secara bertulis, dan kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk menentukan secara berlainan bagi orang, sekuriti, derivatif atau

transaksi yang berlainan, atau kelas, kategori atau perihalan orang, sekuriti, derivatif atau transaksi yang berlainan;

“menerbitkan” ertinya—

- (a) berhubung dengan sekuriti, mewujudkan atau menyebabkan diwujudkan sekuriti itu; dan
- (b) berhubung dengan suatu notis, prospektus atau dokumen lain, mengedarkan atau menyebarkan notis, prospektus atau dokumen itu;

“mengurus kumpulan wang” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Bahagian 2 Jadual 2;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“menutupkan”, berhubung dengan suatu derivatif, ertinya menunaikan obligasi seseorang dalam kedudukan panjang atau kedudukan pendek di bawah suatu derivatif dan hendaklah termasuk penunaian obligasi itu hasil pemadanan derivatif itu dengan derivatif yang sama jenis yang orang itu dianggap telah mengambil kedudukan pendek yang boleh mengofset atau kedudukan panjang yang boleh mengofset, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“merancang kewangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Bahagian 2 Jadual 2;

“nasihat pelaburan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Bahagian 2 Jadual 2;

“nilai”, berhubung dengan sesuatu aset, termasuklah amaun;

“nota kontrak” ertinya dokumen yang dikeluarkan oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 90;

“orang berdaftar” ertinya orang yang didaftarkan di bawah seksyen 76;

“orang berlesen” ertinya seseorang yang memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan termasuklah seseorang yang memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal;

“orang bersekutu” hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 3;

“orang ditentukan” ertinya seseorang atau kelas orang yang ditentukan dalam Jadual 3;

“organisasi pengawalseliaan sendiri” ertinya sesebuah organisasi yang diiktiraf oleh Suruhanjaya menurut seksyen 323;

“organisasi peserta” ertinya mana-mana orang yang menjalankan urusan berniaga sekuriti dan diiktiraf sebagai suatu organisasi peserta oleh kaedah-kaedah bursa saham;

“pasaran derivatif” ertinya suatu pasaran atau tempat lain di mana, atau suatu kemudahan yang melaluinya, derivatif lazimnya didagangkan;

“pasaran derivatif terkecuali” ertinya pasaran derivatif yang diisytiharkan sebagai pasaran derivatif terkecuali di bawah perenggan 7(3)(a);

“pasaran diiktiraf” ertinya suatu pasaran saham atau pasaran derivatif yang dikendalikan atau disenggarakan oleh pengendali yang didaftarkan di bawah seksyen 34;

“pasaran modal” ertinya pasaran sekuriti dan pasaran derivatif;

“pasaran saham” ertinya suatu pasaran atau tempat lain di mana, atau suatu kemudahan yang melaluinya—

- (a) tawaran untuk menjual, membeli atau membuat pertukaran sekuriti lazimnya dibuat atau disetujui terima;

- (b) tawaran atau pelawaan yang bermaksud, atau semunasabahnya dijangka, menyebabkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam membuat atau menyetujui terima tawaran untuk menjual, membeli atau membuat pertukaran sekuriti lazimnya dibuat; atau
- (c) maklumat mengenai harga atau balasan, yang baginya, orang tertentu, atau kelas orang tertentu, bercadang, atau boleh dengan munasabahnya dijangkakan akan menjual, membeli atau membuat pertukaran sekuriti lazimnya disediakan;

“pasaran saham terkecuali” ertinya pasaran saham yang diisytiharkan sebagai pasaran saham terkecuali di bawah perenggan 7(3)(a);

“pegawai” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993;

“pelaburan ditetapkan” ertinya suatu kepentingan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 84(1) *Akta Syarikat 1965 yang telah dikecualikan di bawah seksyen 96 *Akta Syarikat 1965 dan yang berkenaan dengannya Menteri telah membuat suatu penetapan di bawah seksyen 5;

“pemegang unit” ertinya pemegang unit suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“peminjam”, berhubung dengan suatu debentur, ertinya perbadanan yang atau yang akan bertanggung untuk membayar balik wang di bawah debentur itu;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Syarikat di bawah †Akta Syarikat 1965 dan termasuklah mana-mana Pendaftar Wilayah, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar Syarikat;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

†CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

“penerbit” ertinya—

- (a) dalam hal suatu syer atau debentur, suatu perbadanan yang syer atau debenturnya diterbitkan, ditawarkan bagi langganan atau pembelian atau yang berkenaan dengannya suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli dibuat;
- (b) dalam hal unit suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, syarikat pengurusan; dan
- (c) dalam hal mana-mana sekuriti lain, orang yang menyediakan, menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti itu;

“pengarah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam * Akta Syarikat 1965, termasuklah rujukan kepada—

- (a) seseorang yang menduduki tempat atau mengambil peranan dalam posisi sebagai pengarah suatu perbadanan, dengan apa jua nama yang disebut dan sama ada dilantik secara sah atau tidak untuk menduduki tempat, atau bertanggungjawab untuk bertindak dalam posisi itu;
- (b) seseorang yang petunjuk atau arahnya, pengarah suatu perbadanan pada kebiasaannya bertindak;
- (c) seorang pengarah silih ganti atau gantian; atau
- (d) dalam kes perbadanan ditubuhkan atau diperbadankan atau wujud di luar Malaysia—
 - (i) anggota lembaga pengarah perbadanan atau badan yang mentadbir;
 - (ii) seseorang yang menduduki tempat atau bertindak dalam kedudukan sebagai anggota lembaga perbadanan itu, dengan apa jua nama yang disebut dan sama ada dilantik secara sah atau tidak untuk menduduki tempat,

atau telah diberi kuasa untuk bertindak dalam kedudukan itu; atau

- (iii) seseorang yang petunjuk atau arahannya, anggota lembaga perbadanan tersebut pada kebiasaannya bertindak;

“pengarah berkepentingan awam”, berhubung dengan suatu bursa saham, bursa derivatif atau syarikat pemegang bursa, ertinya orang yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 10;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Suruhanjaya yang dilantik di bawah perenggan 4(2)(a) *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*];

“pengurusan kumpulan wang” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Bahagian 2 Jadual 2;

“penjamin”, berhubung dengan sesuatu debentur, ertinya seseorang yang menjamin atau telah bersetuju untuk menjamin pembayaran balik apa-apa wang yang dicagar atau kena dibayar di bawah debentur itu;

“penyelesaian”, berhubung dengan suatu kontrak pasaran, ertinya pelepasan hak dan liabiliti pihak-pihak kepada kontrak pasaran itu sama ada melalui pelaksanaan, kompromi atau selainnya; dan termasuklah penyelesaian pada sebahagiannya yang dilakukan mengikut kaedah-kaedah suatu pusat penjelasan diluluskan;

“perancangan kewangan” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Bahagian 2 Jadual 2;

“perbadanan” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan atau diperbadankan atau wujud di dalam atau di luar Malaysia dan termasuklah mana-mana syarikat asing tetapi tidak termasuk—

* *CATATAN*—Sebelum ini disebut sebagai Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993. Tajuk ringkas ditukar oleh seksyen 2 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 [*Akta A1499*] mula berkuat kuasa pada 15 September 2015—lihat P.U. (B) 369/2015.

- (a) mana-mana pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di dalam Malaysia dan, melalui notis oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi syarikat yang disiarkan dalam *Warta*, diisytiharkan menjadi pihak berkuasa awam atau perantaraan atau agensi Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri atau menjadi pertubuhan perbadanan yang tidak diperbadankan bagi maksud komersial;
- (b) mana-mana perbadanan seorang;
- (c) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pertubuhan koperasi; atau
- (d) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai kesatuan sekerja;

“perbadanan tersenarai” ertinya suatu perbadanan yang sekuriti atau mana-mana kelas sekuritinya telah diterima masuk untuk disebut di pasaran saham sesuatu bursa saham;

“perbadanan yang berhubungan”, berhubung dengan sesuatu perbadanan, ertinya sesuatu perbadanan yang berhubungan dengan perbadanan yang pertama disebut menurut seksyen 6 *Akta Syarikat 1965;

“perkhidmatan maklumat” ertinya—

- (a) perkhidmatan penyiaran;
- (b) perkhidmatan videoteks atau teleteks interaktif atau penyiaran atau perkhidmatan lain yang seumpamanya;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (c) perkhidmatan pangkalan data dalam talian atau perkhidmatan lain yang seumpamanya; atau
- (d) mana-mana perkhidmatan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya,

tetapi tidak termasuk kemudahan penentuan harga bon;

“perkhidmatan pasaran modal” ertinya apa-apa perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 76A, tetapi tidak termasuk suatu aktiviti terkawal;

“perlembagaan”, berhubung dengan sesuatu syarikat, ertinya memorandum syarikat dan perkara persatuan syarikat itu;

“peserta” ertinya—

- (a) seseorang yang boleh menyertai satu atau lebih perkhidmatan yang disediakan oleh bursa saham atau bursa derivatif; atau
- (b) seseorang yang, di bawah kaedah-kaedah suatu pusat penjelasan diluluskan, boleh menyertai satu atau lebih perkhidmatan yang disediakan oleh pusat penjelasan diluluskan;

“peserta depositori” ertinya seseorang yang baginya peruntukan seksyen 9 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 terpakai;

“pihak”, berhubung dengan perjanjian yang dicadangkan atau dilepaskan, ertinya seseorang yang akan menjadi pihak kepada perjanjian itu jika perjanjian itu berkuat kuasa;

“pihak berkuasa penyeliaan asing” ertinya suatu pihak berkuasa asing atau mana-mana orang lain yang menjalankan fungsi yang bersamaan dengan fungsi Suruhanjaya di bawah undang-undang sekuriti;

“premis” ertinya mana-mana tempat (sama ada tertutup atau dibina atasnya atau tidak) dan khususnya, termasuklah—

- (a) suatu bangunan, pesawat udara, kenderaan atau vesel;
- (b) apa-apa binaan, sama ada dilekapkan atau boleh alih; dan
- (c) sebahagian daripada premis (termasuk sebahagian daripada premis daripada jenis yang disebut dalam perenggan (a) atau (b));

“produk pasaran modal” ertinya—

- (a) sekuriti;
- (b) derivatif;
- (c) suatu skim persaraan swasta;
- (d) suatu skim unit amanah;
- (e) apa-apa produk atau perkiraan yang berasaskan sekuriti atau derivatif, atau mana-mana gabungannya; dan
- (f) apa-apa produk lain yang ditetapkan oleh Menteri sebagai suatu produk pasaran modal;

“pusat penjelasan” ertinya seseorang yang aktiviti atau matlamatnya termasuklah menyediakan kemudahan penjelasan;

“pusat penjelasan diluluskan” ertinya suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah seksyen 38;

“rekod” termasuklah maklumat yang disimpan atau dirakamkan dengan cara menggunakan komputer, elektronik atau perantara digital atau apa-apa cara lain untuk merekod atau menyimpan;

“rekod perakaunan”, berhubung dengan sesuatu perbadanan, termasuklah inouis, resit, perintah bagi pembayaran wang, bil

pertukaran, cek, nota janji hutang, baucar dan dokumen kemasukan utama lain dan juga termasuklah apa-apa kertas kerja dan dokumen lain yang perlu untuk menerangkan kaedah dan pengiraan yang sesuatu akaun disediakan dan tidak kira walau bagaimana jua pun disusun, direkodkan atau disimpan;

“repositori dagangan” ertinya suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan di bawah seksyen 107B yang mengumpulkan dan menyenggara maklumat atau rekod yang berkenaan dengan transaksi derivatif melalui kaunter atau kedudukan yang dimasuki oleh mana-mana orang, termasuklah mana-mana terma dan syarat berkenaan dengannya, untuk tujuan menyediakan kemudahan penyimpanan rekod berpusat bagi derivatif melalui kaunter;

“sekuriti” ertinya—

- (a) debentur, saham atau bon yang diterbitkan atau dicadangkan untuk diterbitkan oleh mana-mana kerajaan;
- (b) syer dalam atau debentur, sesuatu pertubuhan perbadanan atau pertubuhan yang tidak diperbadankan; atau
- (c) unit dalam suatu skim unit amanah atau pelaburan ditetapkan,

dan termasuklah apa-apa hak, opsiyen atau kepentingan yang berkenaan dengannya;

“senarai rasmi”, berhubung dengan pasaran saham suatu bursa saham, ertinya senarai yang menyatakan semua sekuriti yang telah diterima masuk bagi sebut harga dalam pasaran saham bursa saham itu;

“skim pelaburan ditetapkan” ertinya suatu perusahaan, skim, perusahaan, kontrak atau perkiraan berhubung dengan suatu pelaburan ditetapkan;

“skim unit amanah” ertinya apa-apa perkiraan yang dibuat bagi maksud, atau yang mempunyai kesan, menyediakan kemudahan bagi

penyertaan orang sebagai benefisiari di bawah suatu amanah dalam keuntungan atau pendapatan yang berbangkit daripada pemerolehan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan—

- (a) sekuriti;
- (b) derivatif; atau
- (c) apa-apa harta atau aset lain;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993;

“syarikat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam * Akta Syarikat 1965;

“syarikat pemegangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 5 dan seksyen 5A * Akta Syarikat 1965;

“syarikat pemegangan bursa” ertinya suatu pertubuhan perbadanan yang merupakan syarikat pemegangan mana-mana pertubuhan perbadanan yang diluluskan sebagai bursa saham, bursa derivatif, depository pusat atau yang diluluskan sebagai pusat penjelasan dan yang telah diluluskan sebagai suatu syarikat pemegangan bursa di bawah seksyen 15;

“syarikat pengurusan” ertinya suatu syarikat yang melaluinya atau yang bagi pihaknya suatu unit skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan—

- (a) telah atau dicadangkan untuk diterbitkan atau ditawarkan bagi langganan atau pembelian; atau
- (b) yang berkenaan dengannya suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli telah dibuat,

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

dan termasuklah mana-mana orang yang pada masa ini menjalankan fungsi syarikat pengurusan itu;

“syer mengundi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 4 ** Akta Syarikat 1965;

“Timbalan Pengerusi Eksekutif” ertinya Timbalan Pengerusi Eksekutif yang dilantik di bawah perenggan 4(2)(b) Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993;

“undang-undang sekuriti” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993;

“unit”, berhubung dengan suatu skim unit amanah, skim persaraan swasta atau skim pelaburan ditetapkan, ertinya apa-apa hak atau kepentingan dalamnya tidak kira dengan apa jua nama disebut dan termasuklah apa-apa subunit skim unit amanah, skim persaraan swasta atau skim pelaburan ditetapkan itu;

“wakil” ertinya seseorang, dengan apa jua nama yang disebut, dalam pekerjaan langsung, atau bertindak bagi, atau melalui perkiraan dengan, seseorang yang menjalankan perniagaan dalam mana-mana aktiviti terkawal, yang menjalankan bagi orang itu mana-mana aktiviti terkawal itu (selain kerja yang pada kebiasaannya dilaksanakan oleh akauntan, kerani atau juruwang), sama ada atau tidak dia diberikan ganjaran, dan sama ada ganjarannya, jika ada, adalah dalam bentuk gaji, upah, komisen atau selainnya.

(2) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai “Akta ini” atau “undang-undang sekuriti” hendaklah, melainkan jika dinyatakan selainnya dengan nyata, termasuklah sebutan mengenai apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti, mengikut mana-mana yang berkenaan.

** CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

Orang bersekutu

3. (1) Sebutan dalam Akta ini mengenai orang yang bersekutu dengan seseorang lain hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai—

- (a) suami atau isteri, atau mana-mana anak di bawah umur (anak kandung atau angkat) atau anak tiri yang di bawah umur, seseorang itu;
- (b) mana-mana pekerja atau rakan kongsi seseorang itu;
- (c) seseorang lain yang arahan atau petunjuknya orang itu adalah pada kebiasaannya atau berkewajipan untuk bertindak;
- (d) jika orang yang satu lagi itu ialah suatu pertubuhan perbadanan—
 - (i) seorang pengarah atau setiausaha pertubuhan perbadanan;
 - (ii) suatu pertubuhan perbadanan yang ada hubungan dengan orang yang satu lagi itu; atau
 - (iii) seorang pengarah atau setiausaha pertubuhan perbadanan yang berhubungan itu;
- (e) jika perkara yang dimaksudkan oleh sebutan itu ialah takat kuasa untuk menjalankan, atau mengawal penjalanan, kuasa mengundi yang diberikan kepada syer mengundi dalam sesuatu pertubuhan perbadanan, seseorang yang dengannya orang yang satu lagi itu ada, atau bercadang hendak membuat, suatu perjanjian, perkiraan, persefahaman atau aku janji, sama ada formal atau tidak formal dan sama ada nyata atau tersirat—
 - (i) yang oleh sebabnya mana-mana seorang daripada orang itu boleh menjalankan, secara langsung atau tidak

- langsung mengawal penggunaan, atau secara substansial mempengaruhi perjalanan, apa-apa kuasa mengundi yang berhubung kait dengan syer dalam pertubuhan perbadanan itu;
- (ii) dengan tujuan hendak mengawal atau mempengaruhi keanggotaan lembaga pengarah, atau perjalanan hal ehwal, pertubuhan perbadanan itu; atau
 - (iii) yang di bawahnya mana-mana seorang daripada orang itu boleh memperoleh daripada orang yang satu lagi itu syer dalam pertubuhan perbadanan itu atau boleh dikehendaki melupuskan syer itu mengikut arahan orang yang satu lagi itu;
- (f) jika perkara yang dimaksudkan oleh sebutan itu adalah suatu perkara selain takat kuasa untuk menjalankan, atau untuk mengawal perjalanan, kuasa mengundi yang berhubung kait dengan syer mengundi dalam sesuatu pertubuhan perbadanan—
- (i) suatu perbadanan perkongsian yang dengannya orang yang satu lagi itu menjalankan urusan perniagaan dalam derivatif;
 - (ii) tertakluk pada subseksyen (2), seseorang yang menjadi rakan kongsi orang yang satu lagi itu, selain disebabkan oleh berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif dalam perkongsian dengan orang yang satu lagi itu;
 - (iii) seorang pemegang amanah suatu amanah yang berhubungan dengannya orang yang satu lagi itu mendapat faedah atau boleh mendapat faedah selain oleh sebab transaksi yang dibuat mengikut perjalanan biasa urusan yang berkaitan dengan peminjaman wang;
 - (iv) seseorang yang menjadi pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan urusan berniaga dalam

sekuriti atau berniaga dalam derivatif dan yang orang yang satu lagi itu juga seorang pengarah; atau

- (v) tertakluk pada subseksyen (2), seseorang yang menjadi pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang orang yang satu lagi itu ialah seorang pengarah, yang bukan suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif;
- (g) seseorang yang dengannya orang yang satu lagi itu, menurut kuasa mana-mana peraturan-peraturan yang dimasukkan, hendaklah dikira sebagai berkaitan dengan perkara yang dimaksudkan oleh sebutan itu;
- (h) seseorang yang dengannya orang yang satu lagi itu adalah, atau bercadang menjadi, bersekutu, sama ada secara formal atau tidak formal, dengan apa-apa jua cara lain berkenaan dengan perkara yang dimaksudkan oleh sebutan itu; atau
- (i) jika orang yang satu lagi itu telah membuat, atau bercadang membuat, suatu transaksi, atau telah melakukan, atau bercadang melakukan, apa-apa perbuatan atau perkara lain, dengan tujuan untuk menjadi bersekutu dengan seseorang sebagaimana yang disebut dalam mana-mana perenggan terdahulu, orang yang terakhir disebut itu.

(2) Jika, dalam prosiding di bawah Akta ini, dikatakan bahawa seseorang yang disebut dalam subperenggan (1)(f)(ii) atau (v) telah bersekutu dengan seorang lain pada suatu masa tertentu, orang itu hendaklah disifatkan bukan telah bersekutu sedemikian berhubung dengan perkara yang dimaksudkan oleh prosiding itu melainkan jika orang yang mengatakan penyekutuan itu membuktikan bahawa orang yang pertama disebut pada masa itu telah mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui butir-butir material tentang perkara itu.

(3) Seseorang tidak boleh dikira bersekutu dengan seseorang lain menurut kuasa perenggan (1)(e), (g) atau (h) semata-mata oleh sebab

seorang daripada orang itu memberi nasihat kepada, atau bertindak bagi pihak, orang yang satu lagi itu atas sifat profesionalnya.

Kepentingan dalam sekuriti

4. (1) Jika apa-apa harta yang dipegang sebagai amanah terdiri daripada atau termasuk sekuriti yang seseorang mengetahui atau ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia mempunyai kepentingan, orang itu hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan dalam sekuriti itu.

(2) Sesuatu hak tidak menjadi suatu kepentingan dalam sekuriti jika—

- (a) hak, yang hak atau kepentingan yang diperihalkan dalam takrif “kepentingan” dalam seksyen 84 *Akta Syarikat 1965, telah dikeluarkan atau ditawarkan kepada orang ramai untuk dilanggan atau dibeli;
- (b) orang ramai telah dipelawa melanggan bagi atau membeli hak itu, dan hak itu telah dilanggan atau dibeli sedemikian; atau
- (c) hak itu dipegang oleh syarikat pengurusan dan telah dikeluarkan bagi maksud suatu tawaran kepada orang ramai mengikut erti seksyen 84 *Akta Syarikat 1965.

(3) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan dalam sekuriti jika suatu pertubuhan perbadanan mempunyai kepentingan dalam suatu sekuriti dan—

- (a) pertubuhan perbadanan itu, atau pengarahnya sudah biasa, atau berkewajipan, sama ada secara formal atau tidak formal, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan orang itu berhubung dengan sekuriti itu;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (b) orang itu mempunyai kepentingan mengawal dalam pertubuhan perbadanan itu; atau
 - (c) orang itu, atau sekutu orang itu atau orang itu dan sekutunya berhak menjalankan atau mengawal perjalanan tidak kurang daripada lima belas peratus daripada undi yang berhubung kait dengan syer undian dalam pertubuhan perbadanan itu.
- (4) Bagi maksud perenggan (3)(c), seseorang ialah sekutu seorang lain, jika orang yang pertama disebut itu ialah—
- (a) suatu perbadanan yang, menurut kuasa seksyen 6 *Akta Syarikat 1965 disifatkan mempunyai hubungan dengan seorang yang lain itu;
 - (b) seseorang yang mengikut arahan, petunjuk atau kemahuannya seorang yang lain itu sudah biasa atau berkewajipan, sama ada secara formal atau tidak formal, bertindak berhubung dengan sekuriti yang disebut dalam subseksyen (3);
 - (c) seseorang yang sudah biasa atau berkewajipan, sama ada secara formal atau tidak formal, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan seorang yang lain itu berhubung dengan sekuriti itu;
 - (d) suatu pertubuhan perbadanan yang, atau pengarahnya yang sudah biasa atau berkewajipan, sama ada secara formal atau tidak formal, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan seorang yang lain itu berhubung dengan sekuriti itu; atau
 - (e) suatu pertubuhan perbadanan yang mengikut arahan, petunjuk atau kemahuannya yang, atau mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan pengarahnya yang, seorang lain itu

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

sudah biasa atau berkewajipan, sama ada secara formal atau tidak formal, bertindak berhubung dengan sekuriti itu.

(5) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan dalam sekuriti dalam mana-mana satu atau lebih daripada hal keadaan yang berikut jika dia—

- (a) telah membuat kontrak untuk membeli sekuriti;
- (b) mempunyai hak, selain oleh sebab mempunyai kepentingan di bawah suatu amanah, untuk mendapatkan supaya suatu sekuriti dipindahkan kepada dirinya sendiri atau mengikut perintahnya, sama ada hak itu boleh dijalankan pada masa sekarang atau pada masa hadapan dan sama ada dengan memenuhi suatu syarat atau tidak;
- (c) mempunyai hak atau kuasa untuk memperoleh sekuriti atau kepentingan dalam suatu sekuriti, di bawah suatu opsyen, sama ada hak atau kuasa itu boleh dijalankan pada masa sekarang atau pada masa hadapan dan sama ada dengan memenuhi suatu syarat atau tidak; atau
- (d) berhak, selain oleh sebab dia telah dilantik sebagai proksi atau wakil untuk mengundi dalam mesyuarat anggota suatu perbadanan atau suatu kelas anggotanya, untuk menjalankan atau mengawal perjalanan suatu hak yang berhubung kait dengan suatu sekuriti, yang bukan suatu sekuriti yang dia sendiri merupakan pemegang berdaftar.

(6) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai suatu kepentingan dalam sekuriti jika sekuriti itu dipegang secara bersesama dengan seorang yang lain.

(7) Bagi maksud menentukan sama ada seseorang mempunyai kepentingan dalam suatu sekuriti tidaklah material bahawa kepentingan itu tidak boleh dihubungkan dengan suatu sekuriti tertentu.

(8) Tidak boleh diambil kira—

- (a) suatu kepentingan dalam sekuriti seseorang yang urusan biasanya termasuklah peminjaman wang jika dia memegang kepentingan itu hanya sebagai sekuriti bagi maksud suatu transaksi yang dibuat mengikut penjalanan biasa urusan berkaitan dengan peminjaman wang itu;
 - (b) suatu kepentingan seseorang dalam sekuriti yang merupakan suatu kepentingan yang dipegang olehnya oleh sebab dia memegang suatu jawatan ditetapkan; dan
 - (c) suatu kepentingan ditetapkan dalam sekuriti yang merupakan kepentingan orang itu, atau orang yang termasuk dalam apa-apa kelas orang, sebagaimana yang ditetapkan.
- (9) Suatu kepentingan dalam sekuriti tidak boleh diambil kira hanya oleh sebab—
- (a) kejauhan kepentingan itu;
 - (b) cara yang kepentingan itu timbul; atau
 - (c) hakikat bahawa penjalanan suatu hak yang diberikan oleh kepentingan itu adalah tertakluk, atau boleh dijadikan tertakluk pada sekatan atau batasan.

Penetapan sekuriti, derivatif dan produk pasaran modal

5. (1) Walau apa pun takrif “sekuriti”, “derivatif”, “sekuriti Islam” atau “derivatif Islam” di bawah Akta ini dan “kepentingan” sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 84(1) *Akta Syarikat 1965, Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan apa-apa surat cara atau produk atau kelas surat cara atau produk sebagai—

- (a) sekuriti;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (b) derivatif;
- (c) produk pasaran modal;
- (d) sekuriti Islam;
- (e) derivatif Islam; atau
- (f) produk pasaran modal Islam,

bagi maksud undang-undang sekuriti.

(2) Jika suatu pengecualian telah diberikan di bawah seksyen 96 *Akta Syarikat 1965, Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu kepentingan terkecuali atau suatu kelas atau kategori kepentingan terkecuali sebagai—

- (a) sekuriti bagi maksud Akta ini atau mana-mana peruntukan tertentu Akta ini; atau
- (b) suatu derivatif bagi maksud Akta ini atau mana-mana peruntukan tertentu Akta ini.

(3) Dalam penetapan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2) berkenaan dengan sekuriti, derivatif, produk pasaran modal, sekuriti Islam, derivatif Islam, atau produk pasaran modal Islam, Menteri boleh—

- (a) bagi maksud mengawal selia pengeluaran, penawaran untuk langganan atau pembelian, atau pembuatan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mana-mana sekuriti atau sekuriti Islam, menentukan dalam penetapan mana-mana peruntukan Akta ini terpakai bagi sekuriti atau sekuriti Islam itu;

* CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (b) dalam hal derivatif atau derivatif Islam, menentukan dalam penetapan itu mana-mana peruntukan Akta ini untuk terpakai bagi derivatif atau derivatif Islam itu; dan
- (c) bagi maksud mengawal selia pengeluaran, penawaran untuk langganan atau pembelian, atau pembuatan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mana-mana produk pasaran modal atau produk pasaran modal Islam, menentukan dalam penetapan itu mana-mana peruntukan Akta ini untuk terpakai bagi produk pasaran modal atau produk pasaran modal Islam itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “kepentingan” ertinya kepentingan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 84(1) *Akta Syarikat 1965.

Kesan apabila perjanjian menjadi derivatif

6. Jika sesuatu perjanjian yang bukan suatu derivatif apabila ia dibuat menjadi derivatif akibat sesuatu tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak kepada perjanjian itu pada suatu masa terkemudian—

- (a) pihak-pihak kepada perjanjian itu hendaklah disifatkan telah membuat derivatif pada masa terkemudian itu; dan
- (b) perjanjian itu hendaklah menjadi derivatif yang disebut dalam perenggan (a).

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

BAHAGIAN II

PASARAN SAHAM DAN DERIVATIF

Penggala 1

Pasaran

Penubuhan pasaran saham atau pasaran derivatif

7. (1) Seseorang tidak boleh menubuhkan, mengendalikan atau menyenggarakan, atau membantu menubuhkan, mengendalikan atau menyenggarakan, atau mengemukakan dirinya sebagai mengadakan, mengendalikan atau menyenggarakan, suatu pasaran saham atau pasaran derivatif yang bukannya—

- (a) pasaran saham suatu bursa saham;
- (b) pasaran derivatif suatu bursa derivatif;
- (c) pasaran saham suatu syarikat pemegang bursa yang ia sendiri diluluskan sebagai suatu bursa saham;
- (d) pasaran derivatif suatu syarikat pemegang bursa yang ia sendiri diluluskan sebagai suatu bursa derivatif;
- (e) pasaran diiktiraf;
- (f) pasaran saham terkecuali; atau
- (g) pasaran derivatif terkecuali.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1499*).

(3) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*,—

- (a) mengisytiharkan suatu pasaran saham atau pasaran derivatif tertentu, atau suatu pasaran saham atau pasaran derivatif

yang termasuk dalam suatu kelas pasaran saham atau pasaran derivatif tertentu, sebagai suatu pasaran saham terkecuali atau pasaran derivatif terkecuali bagi maksud Akta ini tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya munasabah dan sesuai selepas mengambil kira, antara perkara lain,—

- (i) jenis sekuriti atau derivatif yang didagangkan atau akan didagangkan;
- (ii) jenis peserta;
- (iii) jenis pelabur; atau
- (iv) jumlah perdagangan,

yang berhubungan dengan pasaran saham atau pasaran derivatif tertentu itu, atau pasaran saham atau pasaran derivatif yang termasuk dalam kelas pasaran saham atau pasaran derivatif tertentu itu; dan

(b) membatalkan mana-mana perisytiharan yang dibuat di bawah perenggan (a) atau mengubah apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalam perisytiharan itu, selepas mengambil kira, antara perkara lain,—

- (i) apa-apa pelanggaran terma dan syarat yang dinyatakan dalam perisytiharan itu; atau
- (ii) apa-apa perkara lain yang difikirkan patut oleh Menteri.

(4) Bagi maksud seksyen ini, kemudahan yang ditentukan dalam Jadual 1 yang—

- (a) ditubuhkan dan dikendalikan oleh Bank Negara; atau
- (b) dikendalikan oleh atau bagi pihak Bank Negara,

hendaklah disifatkan sebagai dikecualikan di bawah subseksyen (3).

(5) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penggal 2

Institusi pasaran

Subpenggal 1 — Bursa dan syarikat pemegang bursa

Kuasa Menteri untuk meluluskan bursa saham atau bursa derivatif

8. (1) Suatu permohonan untuk kelulusan pertubuhan perbadanan sebagai suatu bursa saham atau bursa derivatif boleh dibuat secara bertulis kepada Menteri.

(2) Menteri boleh secara bertulis, atas syor Suruhanjaya, meluluskan sesuatu pertubuhan perbadanan sebagai suatu bursa saham atau bursa derivatif, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut, jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pertubuhan perbadanan itu akan memastikan bahawa, setakat yang semunasabahnya boleh dilaksanakan, pertubuhan perbadanan itu akan mengendalikan suatu pasaran yang teratur dan saksama berhubung dengan sekuriti atau derivatif yang didagangkan melalui kemudahannya;
- (b) pertubuhan perbadanan itu akan menguruskan apa-apa risiko yang dikaitkan dengan urusannya dan pengendaliannya secara bijak;
- (c) pertubuhan perbadanan itu, dalam menunaikan obligasinya di bawah perenggan (a), tidak akan bertindak bertentangan dengan kepentingan awam dan terutamanya kepentingan pelabur;

- (d) pertubuhan perbadanan itu berkeupayaan untuk mengambil tindakan yang sesuai terhadap organisasi pesertanya atau gabungannya yang baginya kaedah-kaedah terpakai bagi apa-apa pelanggaran kaedah-kaedahnya;
- (e) kaedah-kaedah pertubuhan perbadanan itu membuat peruntukan yang memuaskan—
 - (i) bagi suatu pasaran yang teratur dan saksama berhubung dengan sekuriti atau derivatif yang didagangkan melalui kemudahannya;
 - (ii) bagi pengawalseliaan dan penyeliaan yang sewajarnya atas organisasi peserta atau gabungannya;
 - (iii) bagi mengecualikan orang yang tidak berkelakuan baik dan tidak mempunyai integriti perniagaan yang tinggi daripada diiktiraf sebagai organisasi peserta atau gabungannya;
 - (iv) bagi pemecatan, penggantungan atau pendisiplinan organisasi peserta atau gabungannya dan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak organisasi peserta atau gabungannya, disebabkan pelakuan yang tidak konsisten dengan prinsip adil dan saksama dalam urusan perniagaan atau bagi pelanggaran atau tidak mematuhi kaedah-kaedah bursa saham atau bursa derivatif;
 - (v) berkenaan dengan syarat-syarat yang di bawahnya sekuriti yang boleh disenaraikan untuk didagangkan dalam pasaran yang dicadangkan untuk dijalankan oleh pertubuhan perbadanan itu atau yang di bawahnya derivatif boleh diniagakan dalam pasaran melalui kemudahannya;
 - (vi) berkenaan dengan syarat-syarat yang mentadbir perniagaan dalam sekuriti atau perniagaan dalam

derivatif yang dijalankan oleh organisasi peserta atau gabungannya;

- (vii) mengenai kelas sekuriti atau derivatif yang boleh diniagakan atau didagangkan melalui kemudahannya; dan
 - (viii) secara amnya bagi menjalankan urusan bursa saham atau bursa derivatif yang dicadangkan dengan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada keperluan perlindungan pelabur dan kepentingan awam;
- (f) pertubuhan perbadanan itu hendaklah mempunyai sumber kewangan, tenaga kerja dan sumber lain yang mencukupi pada setiap masa bagi memastikan penyediaan—
- (i) suatu pasaran yang teratur dan saksama berhubung dengan sekuriti atau derivatif yang didagangkan melalui kemudahannya;
 - (ii) premis yang cukup dan dilengkapi dengan sepatutnya bagi penjalanan urusannya;
 - (iii) kakitangan yang cekap bagi penjalanan urusannya; dan
 - (iv) sistem automasi dengan kapasiti yang mencukupi, perkiraan keselamatan dan kemudahan untuk menghadapi kecemasan; dan
- (g) kepentingan awam atau pengawalseliaan pasaran yang sewajarnya akan tercapai melalui pemberian kelulusan ini.

(3) Suatu permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah dihantar kepada Suruhanjaya, dan Suruhanjaya hendaklah menyerahkan permohonan itu kepada Menteri berserta syor Suruhanjaya.

(4) Seorang pemohon di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan apa-apa maklumat yang Menteri atau Suruhanjaya berpendapat perlu berhubung dengan permohonan itu.

(5) Tanpa mengehadkan keluasan terma dan syarat yang dinyatakan dalam subseksyen (2), Menteri boleh secara bertulis, atas syor Suruhanjaya, meminda, membatalkan atau mengenakan terma dan syarat baru, jika Menteri berpuas hati bahawa adalah wajar untuk berbuat demikian bagi melindungi pelabur atau kepentingan awam atau pengawalseliaan pasaran saham atau pasaran derivatif yang sewajarnya.

Suruhanjaya hendaklah meluluskan pindaan kepada kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan

9. (1) Suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan yang diluluskan hendaklah secepat yang dapat dilaksanakan, menyerahkan atau menyebabkan untuk diserahkan kepada Suruhanjaya untuk kelulusannya apa-apa kaedah-kaedah yang dicadangkan atau apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada kaedah-kaedah sedia ada.

(2) Tiada pindaan kepada kaedah-kaedah suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan boleh berkuat kuasa melainkan jika ia diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (5).

(3) Jika suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan bercadang membuat apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedahnya, bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu hendaklah menyerahkan kepada Suruhanjaya—

(a) teks pindaan yang dicadangkan; dan

(b) suatu penjelasan tentang maksud pindaan yang dicadangkan.

(4) Jika—

- (a) kaedah-kaedah yang dicadangkan atau pindaan kepada kaedah-kaedah sedia ada melibatkan pengenalan suatu kelas derivatif, instrumen berkenaan dengan suatu komoditi, untuk ditawarkan bagi dagangan di suatu pasaran derivatif bursa derivatif; dan
- (b) Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan komoditi ialah Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi perusahaan perladangan dan komoditi,

Suruhanjaya hendaklah merujuk kepada Menteri itu sebelum memberitahu bursa derivatif itu keputusannya di bawah subseksyen (5).

(5) Suruhanjaya hendaklah, dalam masa enam minggu selepas menerima mana-mana pindaan yang dicadangkan di bawah subseksyen (1), memberikan notis secara bertulis kepada bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu bahawa ia meluluskan atau tidak meluluskan pindaan yang dicadangkan atau mana-mana bahagian pindaan yang dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, mengisytiharkan apa-apa kelas kaedah-kaedah suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan sebagai suatu kelas kaedah-kaedah yang pindaannya tidak menghendaki kelulusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (5), dan dengan demikian itu, apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan yang tergolong dalam kelas itu hendaklah, tertakluk pada subseksyen (7) dan (8), berkuat kuasa walaupun ia tidak diluluskan sedemikian di bawah subseksyen (5).

(7) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa mana-mana pindaan kepada kaedah-kaedah suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan yang dibuat di bawah subseksyen (6) tidak termasuk dalam kelas kaedah-kaedah yang diisytiharkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen itu sebagai tidak menghendaki kelulusannya, Suruhanjaya boleh, setelah berunding dengan bursa

saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu, menghendaki bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu menyerahkan pindaan itu untuk kelulusannya di bawah subseksyen (5).

(8) (a) Jika suatu kaedah yang dipinda oleh bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan di bawah subseksyen (6) merupakan subjek suatu kehendak yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (7), pindaan itu hendaklah terhenti berkuat kuasa dari tarikh Suruhanjaya membuat kehendak itu atau apa-apa tarikh kemudian yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(b) Subseksyen ini tidak boleh berkuat kuasa sehingga suatu tempoh yang munasabah telah diberikan kepada bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu untuk memberitahu orang yang tersentuh oleh pindaan itu.

(9) Walau apa pun peruntukan seksyen ini, Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, setelah berunding dengan bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan, melalui notis bertulis menghendaki bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu meminda atau menambah perlembagaannya atau mana-mana kaedah-kaedahnya mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam notis itu.

(10) Suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan yang melanggar subseksyen (3) atau yang melanggar suatu kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (7) atau suatu notis bertulis yang dibuat di bawah subseksyen (9) melakukan suatu kesalahan.

Pelantikan pengarah syarikat pemegang bursa, bursa saham dan bursa derivatif

10. (1) Berhubung dengan suatu syarikat pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif selain bursa saham atau bursa derivatif yang disebut dalam subseksyen (2)—

- (a) satu pertiga daripada bilangan pengarah dalam lembaga syarikat pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilantik oleh Menteri, selepas berunding dengan Suruhanjaya, untuk menjadi pengarah berkepentingan awam syarikat pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif itu dan, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, pengarah berkepentingan awam yang dilantik sedemikian—
- (i) hendaklah mempunyai hak, kuasa, kewajipan dan obligasi, kebebasan dan keistimewaan yang sama dengan mana-mana pengarah syarikat pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif itu;
 - (ii) hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditentukan oleh Menteri yang tidak melebihi tempoh tiga tahun tetapi hendaklah layak untuk dilantik semula; dan
 - (iii) boleh pada bila-bila masa, dibatalkan pelantikannya oleh Menteri;
- (b) tiada seorang pun selain pengarah berkepentingan awam yang disebut dalam perenggan (a) boleh menerima pelantikan, pelantikan semula, pemilihan atau pemilihan semula sebagai pengarah suatu syarikat pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif melainkan jika persetujuan Suruhanjaya telah diperoleh; dan
- (c) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, mengubah bilangan pengarah berkepentingan awam yang dilantik di bawah perenggan (a).

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), berhubung dengan lembaga suatu bursa saham atau bursa derivatif yang merupakan anak syarikat pemegang bursa, tiada seorang pun boleh menerima pelantikan, pelantikan semula, pemilihan atau pemilihan semula sebagai pengarah bursa saham atau bursa derivatif itu melainkan jika persetujuan Suruhanjaya telah diperoleh.

(3) Menteri hendaklah, selepas berunding dengan Suruhanjaya, melantik seorang daripada kalangan pengarah berkepentingan awam yang dilantik di bawah subseksyen (1) sebagai Pengerusi bukan eksekutif lembaga syarikat pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang saraannya hendaklah ditetapkan oleh lembaga syarikat pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika persetujuan Suruhanjaya dikehendaki di bawah subseksyen (1) atau (2), Suruhanjaya boleh enggan bersetuju jika—

- (a) mana-mana pengarah yang dicadangkan itu ialah bankrap yang belum dilepaskan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) hutang penghakiman terhadap pengarah yang dicadangkan itu tidak dijelaskan dengan sepenuhnya atau sebahagiannya;
- (c) pengarah yang dicadangkan itu telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membuat suatu kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa;
- (d) pengarah yang dicadangkan itu—
 - (i) telah disabitkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atas suatu kesalahan, yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau yang pensabitannya melibatkan dapatan bahawa dia telah bertindak secara fraud atau tidak jujur; atau
 - (ii) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang sekuriti; atau
- (e) Suruhanjaya tidak berpuas hati bahawa pengarah yang dicadangkan itu ialah seorang yang berintegriti dan layak dan sesuai untuk menjadi seorang pengarah.

(5) Bagi maksud seksyen ini, seorang pengarah termasuk seorang yang merupakan ketua eksekutif.

Kewajipan bursa

11. (1) Bagi maksud seksyen ini, seksyen 12, 13 dan 27—

- (a) “bursa” merujuk kepada suatu bursa saham atau suatu bursa derivatif; atau
- (b) “orang yang berkaitan” ertinya suatu organisasi peserta atau suatu gabungan.

(2) Hendaklah menjadi kewajipan bursa untuk memastikan, setakat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan, suatu pasaran yang teratur dan saksama dalam sekuriti atau derivatif yang diperdagangkan melalui kemudahannya.

(3) Pada melaksanakan kewajipannya di bawah subseksyen (2), bursa itu hendaklah—

- (a) bertindak demi kepentingan awam dengan memberikan penekanan kepada keperluan bagi perlindungan pelabur; dan
- (b) memastikan bahawa jika apa-apa kepentingan yang dikehendaki dilindunginya di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perbadanan bercanggah dengan kepentingan yang disebut dalam perenggan (a), kepentingan yang kemudian disebut itu hendaklah mengatasi.

(4) Hendaklah menjadi kewajipan bursa untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedahnya bagi maksud mengawasi atau memastikan pematuhan kaedah-kaedah itu.

(5) Sesuatu bursa hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya jika bursa mendapat tahu tentang—

- (a) apa-apa perkara yang menjejaskan, atau yang mungkin menjejaskan, kemampuan mana-mana orang yang berkaitan untuk menunaikan obligasinya berkenaan dengan urusan berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatifnya, termasuk kemampuan mana-mana orang yang berkaitan untuk mematuhi kehendak kewangan minimum yang ditetapkan di bawah Akta ini; atau
- (b) apa-apa ketidakteraturan, pelanggaran mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti atau kaedah-kaedah bursa atau pusat penjelasan diluluskan, atau apa-apa perkara lain yang, pada pendapat bursa itu, menandakan atau mungkin menandakan, bahawa kedudukan kewangan atau integriti kewangan mana-mana orang yang berkaitan atau ketua eksekutif atau pengarah orang yang berkaitan itu boleh dipersoalkan atau boleh semunasabahnya terjejas.

(6) Tanpa menjejaskan subseksyen (5), apabila sesuatu bursa mencela, mendenda, menggantung, memecat atau selainnya mendisiplinkan, mana-mana orang yang berkaitannya, ia hendaklah, dalam masa tujuh hari, memberi Suruhanjaya secara bertulis butir-butir yang berikut:

- (a) nama dan alamat urusan orang yang berkaitan;
- (b) sebab bagi dan jenis tindakan yang diambil;
- (c) amaun denda;
- (d) tempoh penggantungan, jika ada; dan
- (e) apa-apa tindakan disiplin lain yang diambil.

(7) Sesuatu bursa hendaklah pada setiap masa mempunyai sumber kewangan, tenaga kerja dan sumber lain yang mencukupi untuk memastikan penyediaan—

- (a) suatu pasaran yang teratur dan saksama berhubung dengan sekuriti atau derivatif yang diperdagangkan melalui kemudahannya;
- (b) premis yang mencukupi dan dilengkapi dengan sepatutnya bagi menjalankan urusannya;
- (c) kakitangan yang cekap bagi menjalankan urusannya; dan
- (d) sistem automasi dengan kapasiti yang mencukupi, perkiraan keselamatan dan kemudahan untuk menghadapi kecemasan.

Penarikan balik kelulusan bursa

12. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, dan melalui apa-apa cara lain yang didapati sesuai oleh Suruhanjaya—

- (a) menarik balik kelulusan yang diberikan di bawah seksyen 8 kepada bursa itu, berkuat kuasa mulai tarikh yang ditentukan dalam notis itu; atau
- (b) mengarahkan bursa itu supaya terhenti menyediakan atau mengendalikan apa-apa kemudahan, atau terhenti menyediakan apa-apa perkhidmatan, sebagaimana yang ditentukan dalam notis itu, berkuat kuasa mulai tarikh yang ditentukan dalam notis itu.

(2) Menteri tidak boleh menarik balik sesuatu kelulusan atau mengeluarkan sesuatu arahan di bawah subseksyen (1) melainkan jika Menteri, atas syor Suruhanjaya, berpuas hati bahawa adalah wajar untuk berbuat demikian demi melindungi pelabur, atau demi kepentingan awam atau bagi pengawalseliaan yang sewajarnya atas pasaran sekuriti atau derivatif, jika mana-mana hal keadaan yang berikut berlaku:

- (a) bursa itu terhenti mengendalikan pasaran saham atau pasaran derivatifnya, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (b) bursa itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (c) bursa itu telah melanggar mana-mana terma atau syarat kelulusannya atau didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;
- (d) bursa itu tidak mematuhi syarat, kehendak atau arahan yang diberikan di bawah seksyen 26, 354 atau 355;
- (c) apa-apa maklumat yang diberikan bagi maksud seksyen 8 adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir yang material;
- (f) hutang penghakiman terhadap bursa itu tidak dijelaskan sepenuhnya atau sebahagiannya;
- (g) seorang penerima, penerima dan pengurus, atau seorang yang setaraf dengannya telah dilantik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, berkenaan dengan mana-mana harta bursa itu;
- (h) bursa itu telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, berkompromi atau mengadakan suatu skim perkiraan dengan pemberi hutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa;
- (i) bursa itu atas kehendaknya sendiri memohon kepada Menteri supaya menarik balik kelulusan sebagai suatu bursa saham atau bursa derivatif yang diberikan kepadanya dan Menteri, atas syor Suruhanjaya, memikirkannya wajar untuk berbuat demikian.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(a), suatu bursa hendaklah disifatkan telah terhenti mengendalikan pasaran saham atau pasaran derivatifnya, jika bursa itu telah terhenti daripada mengendalikan pasaran saham atau pasaran derivatifnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selama tempoh satu bulan melainkan jika bursa itu telah mendapat kebenaran Menteri terlebih dahulu untuk berbuat demikian.

(4) Walau apa pun penarikan balik kelulusan atau pengeluaran arahan di bawah subseksyen (1), Menteri boleh membenarkan bursa itu untuk terus menjalankan, pada atau selepas tarikh penarikan balik atau arahan itu mula berkuat kuasa, apa-apa aktiviti yang terjejas oleh penarikan balik atau arahan itu sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam notis yang disiarkan di bawah subseksyen itu bagi maksud—

- (a) menutup operasi bursa itu atau memberhentikan penyediaan perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan dalam notis itu; atau
- (b) melindungi kepentingan pelabur atau kepentingan awam.

(5) Jika Menteri telah memberikan kebenaran kepada sesuatu bursa di bawah subseksyen (4), bursa itu tidak boleh, atas alasan bursa itu menjalankan aktiviti mengikut kebenaran, dianggap sebagai melanggar seksyen 7.

(6) Menteri tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1) tanpa memberi bursa peluang untuk didengar.

(7) Jika suatu bursa telah terhenti mematuhi mana-mana terma atau syarat yang ditentukan dalam seksyen 8, atau jika Menteri menerima suatu syor daripada Suruhanjaya di bawah seksyen ini, Menteri boleh, selain menarik kelulusan di bawah subseksyen (1), mengarahkan dagangan di bursa itu digantung sehingga suatu masa yang, Menteri berpuas hati, bursa itu telah memenuhi terma atau syarat, atau membetulkan perkara yang membentuk asas syor oleh Suruhanjaya, atau sehingga Menteri membatalkan arahan tersebut.

(8) Menteri hendaklah memberi bursa itu notis secara bertulis tidak kurang daripada empat belas hari tentang niatnya untuk mengarahkan penggantungan dagangan di bawah subseksyen (7) dan notis itu hendaklah menentukan alasan bagi penggantungan itu.

Kesan penarikan balik kelulusan bursa

13. Mana-mana penarikan balik kelulusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 12 tidak boleh beroperasi untuk—

- (a) mengelak atau menyentuh mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan yang dibuat di pasaran saham atau pasaran derivatif yang dikendalikan oleh sesuatu bursa, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada perjanjian, transaksi atau perkiraan yang telah dibuat sebelum atau, jika subseksyen 12(4) terpakai, selepas penarikan balik kelulusan atau pengeluaran arahan di bawah seksyen 12; atau
- (b) menyentuh apa-apa hak, obligasi atau tanggungan yang berbangkit di bawah suatu perjanjian, transaksi atau perkiraan itu.

Subpenggal 2 — Syarikat pemegangan bursa

Syarikat pemegangan bursa

14. Tiada pertubuhan perbadanan boleh menjadi suatu syarikat pemegangan bursa atau suatu syarikat pemegangan suatu syarikat pemegangan bursa, melainkan jika pertubuhan perbadanan itu telah diluluskan sebagai suatu syarikat pemegangan bursa di bawah seksyen 15.

Kuasa Menteri untuk meluluskan syarikat pemegangan bursa

15. (1) Suatu permohonan bagi kelulusan sesuatu pertubuhan perbadanan sebagai suatu syarikat pemegangan bursa boleh dibuat secara bertulis kepada Menteri.

(2) Menteri boleh secara bertulis, atas syor Suruhanjaya, meluluskan suatu pertubuhan perbadanan sebagai suatu syarikat pemegangan bursa, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang

difikirkan patut oleh Menteri, jika dia berpuas hati bahawa adalah wajar untuk berbuat demikian—

- (a) bagi melindungi pelabur;
- (b) demi kepentingan awam; atau
- (c) bagi pengawalseliaan yang sewajarnya suatu pasaran saham sesuatu bursa saham atau suatu pasaran derivatif sesuatu bursa derivatif.

(3) Suatu permohonan bagi kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah dihantar kepada Suruhanjaya, dan Suruhanjaya hendaklah menyerahkan permohonan itu kepada Menteri berserta syor Suruhanjaya.

(4) Seorang pemohon di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan apa-apa maklumat yang Menteri atau Suruhanjaya berpendapat perlu berhubung dengan permohonan itu.

(5) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, mengenakan syarat atau sekatan yang berlainan atau memberikan arahan yang berlainan berkenaan dengan permohonan yang berlainan bagi kelulusan sebagai suatu syarikat pemegang bursa.

(6) Bagi mengelakkan keraguan—

- (a) setakat yang sesuatu syarikat pemegang bursa mengemukakan dirinya sebagai, atau menyediakan, mengendalikan atau menyenggarakan, suatu pasaran saham sesuatu bursa saham, syarikat pemegang bursa itu hendaklah mendapat kelulusan mengikut peruntukan seksyen 8;
- (b) setakat yang sesuatu syarikat pemegang bursa mengemukakan dirinya sebagai, atau menubuhkan atau menyenggarakan, suatu depository pusat, syarikat pemegang bursa itu hendaklah mendapat kelulusan

mengikut peruntukan seksyen 4 dan 5 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991;

(c) setakat yang sesuatu syarikat pemegang bursa mengemukakan dirinya sebagai, atau menyediakan perkhidmatan penjelasan dan penyelesaian—

(i) suatu pusat penjelasan bursa saham; atau

(ii) suatu pusat penjelasan bursa derivatif,

syarikat pemegang bursa itu hendaklah mendapat kelulusan mengikut peruntukan seksyen 38; dan

(d) setakat yang sesuatu syarikat pemegang bursa mengemukakan dirinya sebagai, atau menyediakan, mengendalikan atau menyenggarakan, suatu pasaran derivatif sesuatu bursa derivatif, syarikat pemegang bursa itu hendaklah mendapat kelulusan mengikut peruntukan seksyen 8.

(7) Walau apa pun peruntukan Akta ini dan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Menteri boleh, mengikut budi bicaranya, mengecualikan pemohon daripada mana-mana kehendak seksyen 8 atau 38 Akta ini atau seksyen 4 dan 5 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, sebagaimana yang difikirkannya patut, bagi maksud memberikan kelulusannya.

(8) Walau apa pun peruntukan seksyen 38, Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, mengecualikan pemohon daripada mana-mana kehendak seksyen 38, sebagaimana yang difikirkannya patut, bagi maksud memberikan kelulusan kepada syarikat pemegang bursa sebagai suatu pusat penjelasan diluluskan.

Laporan Pengawalseliaan Tahunan tentang pematuhan kehendak yang berterusan

16. (1) Dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, pertubuhan perbadanan yang telah diluluskan sebagai suatu bursa saham, bursa derivatif atau syarikat pemegangan bursa hendaklah menyediakan dan menyerahkan kepada Suruhanjaya suatu laporan pengawalseliaan tentang setakat yang pertubuhan perbadanan itu telah mematuhi kehendak di bawah seksyen 11 dan 21, dan kaedah-kaedahnya, dalam tahun kewangan itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah menyerahkan dengan segera suatu salinan laporan pengawalseliaan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1) kepada Menteri.

(3) Bagi maksud subseksyen (1)—

(a) jika suatu bursa saham atau bursa derivatif ialah subsidiari suatu syarikat pemegangan bursa, Suruhanjaya boleh menentukan entiti yang dikehendaki menyerahkan suatu laporan pengawalseliaan; dan

(b) Suruhanjaya dan bursa saham, bursa derivatif atau syarikat pemegangan bursa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menentukan antara mereka skop dan kandungan laporan pengawalseliaan itu.

(4) Apabila menerima laporan pengawalseliaan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa yang lain sebagaimana yang difikirkannya perlu—

(a) menjalankan audit pengawalseliaan suatu pertubuhan perbadanan yang telah diluluskan sebagai suatu bursa saham, bursa derivatif atau syarikat pemegangan saham, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) melantik mana-mana orang yang berkecuali untuk membantu Suruhanjaya dalam audit pengawalseliaan yang dijalankan di bawah subseksyen ini; dan

(c) mengenakan caj bagi kos berkaitan perjalanan audit pengawalseliaan itu atas bursa saham, bursa derivatif atau syarikat pemegang bursa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Suruhanjaya hendaklah dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan menyerahkan kepada Menteri suatu salinan laporan audit pengawalseliaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (4).

(6) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “audit pengawalseliaan” merujuk kepada audit tentang setakat mana bursa saham, bursa derivatif atau syarikat pemegang bursa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah mematuhi tanggungjawab, kewajipan atau fungsi pengawalseliaannya di bawah Akta ini, kaedah-kaedah dan mana-mana undang-undang sekuriti; dan

(b) “laporan pengawalseliaan” ialah laporan yang diserahkan di bawah subseksyen (1).

Laporan khas oleh syarikat pemegang bursa tentang pematuhan kehendak yang berterusan

17. Walau apa pun peruntukan seksyen 16, Menteri boleh, pada bila-bila masa, menghendaki suatu pertubuhan perbadanan yang telah diluluskan sebagai suatu bursa saham, suatu derivatif atau syarikat pemegang bursa, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya menyediakan dan menyerahkan kepada Menteri suatu laporan khas tentang setakat yang bursa saham, bursa derivatif atau syarikat pemegang bursa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah mematuhi kehendak undang-undang dan kaedah-kaedah sekuriti.

Penarikan balik kelulusan syarikat pemegangan bursa

18. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, dan melalui apa-apa cara lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya—

- (a) menarik balik kelulusan yang diberikan di bawah seksyen 15 kepada suatu syarikat pemegangan bursa, berkuat kuasa mulai tarikh yang ditentukan dalam notis itu; atau
- (b) mengarahkan suatu syarikat pemegangan bursa supaya terhenti menyediakan atau mengendalikan apa-apa kemudahan, atau terhenti memberikan apa-apa perkhidmatan, sebagaimana yang ditentukan dalam notis itu, berkuat kuasa mulai tarikh yang ditentukan dalam notis itu.

(2) Menteri tidak boleh menarik balik suatu kelulusan atau mengeluarkan suatu arahan di bawah subseksyen (1) melainkan jika Menteri, atas syor Suruhanjaya, berpuas hati bahawa adalah wajar untuk berbuat demikian untuk melindungi pelabur, atau demi kepentingan awam atau untuk pengawalseliaan yang sewajarnya atas pasaran sekuriti atau derivatif, jika mana-mana hal keadaan yang berikut berlaku:

- (a) syarikat pemegangan bursa itu terhenti menjadi syarikat pemegangan suatu bursa saham atau bursa derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) syarikat pemegangan bursa itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (c) syarikat pemegangan bursa itu telah melanggar apa-apa terma atau syarat kelulusannya atau telah didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;

- (d) syarikat pemegangan bursa itu tidak mematuhi syarat, kehendak atau arahan yang diberikan di bawah seksyen 26, 354 atau 355;
- (e) apa-apa maklumat yang diberikan bagi maksud seksyen 15 adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir material; atau
- (f) syarikat pemegangan bursa itu atas kehendaknya sendiri memohon kepada Menteri supaya menarik balik kelulusan sebagai suatu syarikat pemegangan bursa yang diberikan kepadanya dan Menteri, atas syor Suruhanjaya, memikirkannya wajar untuk berbuat demikian.

(3) Walau apa pun penarikan balik kelulusan atau pengeluaran arahan di bawah subseksyen (1), Menteri boleh membenarkan syarikat pemegangan bursa itu untuk terus menjalankan, pada atau selepas tarikh penarikan balik atau arahan itu mula berkuat kuasa, aktiviti yang terjejas oleh penarikan balik atau arahan itu sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam notis yang disiarkan di bawah subseksyen itu bagi maksud—

- (a) menutup pengendalian syarikat pemegangan bursa itu atau terhenti menyediakan perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan dalam notis itu; atau
- (b) melindungi kepentingan pelabur atau kepentingan awam.

(4) Jika Menteri telah memberikan kebenaran kepada suatu syarikat pemegangan bursa di bawah subseksyen (3), syarikat pemegangan bursa itu tidak boleh, atas sebab syarikat pemegangan bursa itu menjalankan aktiviti mengikut kebenaran, dikira telah melanggar seksyen 7, 14 and 37 Akta ini dan seksyen 3 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat) 1991, jika terpakai.

(5) Menteri tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1) tanpa memberikan syarikat pemegangan bursa peluang untuk didengar.

Kesan penarikan balik kelulusan syarikat pemegang bursa

19. Apa-apa penarikan balik kelulusan atau pengeluaran arahan di bawah seksyen 18 tidak mempunyai kesan yang menjejaskan seksyen 13 dan 40 Akta ini dan seksyen 5B Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Penyenaraian syarikat pemegang bursa di bursa saham

20. (1) Jika kelulusan Suruhanjaya di bawah seksyen 214 telah diberikan bagi sekuriti suatu syarikat pemegang bursa untuk disenaraikan di bursa saham yang berkaitan, syarikat pemegang bursa itu hendaklah membuat apa-apa perkiraan sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya—

- (a) untuk menguruskan kemungkinan berlakunya percanggahan kepentingan yang timbul daripada penyenaraian di bursa saham yang berkaitan;
- (b) bagi maksud memastikan integriti dagangan sekuriti syarikat pemegang bursa itu; dan
- (c) bagi memenuhi obligasi sebagai suatu syarikat tersenarai jika syarikat pemegang bursa itu menjadi suatu perbadanan tersenarai,

dan syarikat pemegang bursa itu hendaklah mematuhi kehendak itu.

(2) Kehendak penyenaraian bursa saham yang berkaitan hendaklah disifatkan membenarkan Suruhanjaya, bukannya bursa saham yang berkaitan itu, untuk membuat keputusan dan untuk mengambil tindakan, atau membenarkan Suruhanjaya untuk menghendaki bursa saham yang berkaitan itu untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan bagi pihak Suruhanjaya tentang—

- (a) penerimaan atau penyingkiran syarikat pemegang bursa itu daripada senarai rasmi bursa saham yang berkaitan;

- (b) pemberhentian atau penggantungan sekuriti syarikat pemegangan bursa itu daripada disenaraikan di bursa saham yang berkaitan itu; dan
- (c) apa-apa perkara lain yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya bagi maksud subseksyen (1).

(3) Suatu perkiraan di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan bahawa syarikat pemegangan bursa hendaklah membayar apa-apa fi kepada Suruhanjaya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Suruhanjaya di bawah perkiraan itu, atau yang selainnya diperuntukkan di bawah atau bagi maksud seksyen ini.

(4) Tanpa menjejaskan peruntukan seksyen 9, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis—

- (a) mengubah suai kehendak penyenaian bursa saham yang berkaitan itu bagi maksud memohon penyenaian bagi sebut harga atau dagangan sekuriti syarikat pemegangan bursa itu; dan
- (b) mengecualikan syarikat pemegangan bursa itu daripada apa-apa kehendak penyenaian bursa saham yang berkaitan itu.

(5) Bagi maksud seksyen ini, “bursa saham yang berkaitan” ertinya bursa saham syarikat pemegangan bursa.

Kewajipan syarikat pemegangan bursa

21. (1) Hendaklah menjadi kewajipan syarikat pemegangan bursa untuk memastikan—

- (a) setakat yang semunasabahnya boleh dilaksanakan—
 - (i) suatu pasaran yang teratur dan saksama berhubung dengan sekuriti yang diperdagangkan di pasaran melalui kemudahan bursa saham syarikat pemegangan

bursa atau melalui kemudahan mana-mana anak syarikatnya yang telah diluluskan dengan sewajarnya sebagai suatu bursa saham, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (ii) suatu pasaran yang teratur dan saksama bagi dagangan derivatif di pasaran derivatif melalui kemudahan bursa derivatif syarikat pemegang bursa atau melalui kemudahan mana-mana anak syarikatnya yang telah diluluskan dengan sewajarnya sebagai suatu bursa derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (iii) bahawa terdapat urusan sekuriti yang teratur untuk perniagaan sekuriti yang didepositkan atau diserahkan simpan di suatu depository pusat melalui kemudahan depository pusat syarikat pemegang bursa atau melalui kemudahan mana-mana anak syarikatnya yang telah diluluskan dengan sewajarnya sebagai suatu depository pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (iv) bahawa terdapat perkiraan penjelasan dan penyelesaian yang teratur, jelas dan cekap bagi apa-apa transaksi sekuriti yang dijelaskan atau diselesaikan melalui kemudahan pusat penjelasan bagi pasaran saham suatu bursa saham atau melalui kemudahan mana-mana anak syarikat suatu syarikat pemegang bursa yang merupakan pusat penjelasan diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (v) bahawa terdapat perkiraan penjelasan dan penyelesaian yang teratur, jelas dan cekap bagi apa-apa transaksi derivatif yang dijelaskan atau diselesaikan melalui kemudahan suatu pusat penjelasan bagi suatu pasaran derivatif suatu bursa derivatif atau melalui kemudahan mana-mana anak syarikatnya yang diluluskan dengan sewajarnya sebagai suatu pusat penjelasan suatu bursa derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (b) pengurusan risiko yang berhemat dalam urusan dan pengendaliannya; dan
 - (c) bahawa bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, mematuhi mana-mana kehendak yang sah yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang sekuriti dan mana-mana undang-undang lain yang terpakai baginya.
- (2) Dalam menjalankan kewajipannya di bawah subseksyen (1) syarikat pemegangan bursa hendaklah—
- (a) bertindak demi kepentingan awam, dengan mengambil kira khususnya keperluan untuk melindungi pelabur; dan
 - (b) memastikan bahawa jika kepentingannya sendiri atau apa-apa kepentingan yang dikehendaki supaya dilaksanakan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perbadanan bercanggah dengan kepentingan yang disebut dalam perenggan (a), kepentingan yang kemudian hendaklah mengatasi.
- (3) Syarikat pemegangan bursa hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya jika syarikat pemegangan bursa itu mendapat tahu tentang—
- (a) apa-apa perkara yang menjejaskan atau yang berkemungkinan menjejaskan—
 - (i) kemampuan syarikat pemegangan bursa itu untuk menunaikan obligasinya berkenaan dengan urusannya sebagai suatu syarikat pemegangan bursa, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, termasuk kemampuannya untuk mematuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, jika berkenaan; atau

(ii) kemampuan mana-mana anak syarikat syarikat pemegangan bursa itu untuk menunaikan obligasinya berkenaan dengan urusannya sebagai bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, termasuk kemampuan mana-mana anak syarikat itu untuk mematuhi apa-apa kehendak yang ditentukan oleh Suruhanjaya, jika berkenaan;

(b) apa-apa ketidakteraturan, pelanggaran mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti, kaedah-kaedah suatu bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat, atau apa-apa perkara lain yang, pada pendapat syarikat pemegangan bursa itu, menunjukkan atau mungkin menunjukkan, bahawa kedudukan kewangan atau keutuhan kewangan mana-mana anak syarikatnya atau ketua eksekutif atau pengarah anak syarikat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh dipersoalkan atau boleh semunasabahnya terjejas.

(4) Jika suatu syarikat pemegangan bursa, yang ia sendiri telah diluluskan sebagai suatu bursa saham di bawah seksyen 8, menjalankan apa-apa fungsi suatu anak syarikat yang telah diluluskan sebagai suatu bursa saham di bawah seksyen 8, syarikat pemegangan bursa itu hendaklah membuat apa-apa perkiraan dengan Suruhanjaya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk menentukan bagaimana kewajipan dan obligasi syarikat pemegangan bursa dan anak syarikat itu, di bawah undang-undang sekuriti, boleh ditunaikan.

(5) Jika suatu syarikat pemegangan bursa, yang ia sendiri telah diluluskan sebagai suatu depository pusat di bawah seksyen 5 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, menjalankan apa-apa fungsi suatu anak syarikat yang diluluskan sebagai suatu depository pusat di bawah seksyen 5 Akta itu, syarikat pemegangan bursa itu hendaklah membuat apa-apa perkiraan dengan Suruhanjaya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk menentukan bagaimana kewajipan dan obligasi syarikat pemegangan bursa dan anak syarikat itu, di bawah undang-undang sekuriti, boleh ditunaikan.

(6) Jika suatu syarikat pemegang bursa, yang ia sendiri telah diluluskan sebagai bursa derivatif di bawah seksyen 8, menjalankan apa-apa fungsi anak syarikat yang diluluskan sebagai suatu bursa derivatif di bawah seksyen 8, syarikat pemegang bursa itu hendaklah membuat apa-apa perkiraan dengan Suruhanjaya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk menentukan bagaimana kewajipan dan obligasi syarikat pemegang bursa dan anak syarikat itu, di bawah undang-undang sekuriti, boleh ditunaikan.

(7) Jika suatu syarikat pemegang bursa yang ia sendiri telah diluluskan sebagai suatu pusat penjelasan suatu bursa saham atau bursa derivatif di bawah subseksyen 38(4), menjalankan apa-apa fungsi suatu anak syarikat yang diluluskan sebagai suatu pusat penjelasan diluluskan di bawah subseksyen 38(4), syarikat pemegang bursa itu hendaklah membuat apa-apa perkiraan dengan Suruhanjaya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk menentukan bagaimana kewajipan dan obligasi syarikat pemegang bursa dan anak syarikat itu, di bawah undang-undang sekuriti, boleh ditunaikan.

(8) Jika kewajipan dan obligasi suatu bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, dilaksanakan mengikut perkiraan yang disebut dalam subseksyen (4), (5), (6) atau (7), kewajipan dan obligasi itu hendaklah disifatkan telah ditunaikan oleh kedua-dua syarikat pemegang bursa dan anak syarikatnya.

(9) Jika kaedah-kaedah suatu anak syarikat suatu syarikat pemegang bursa yang merupakan suatu bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat mengadakan peruntukan bagi anak syarikat itu untuk mengambil apa-apa tindakan, syarikat pemegang bursa itu hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan itu bagi pihak anak syarikat yang berkaitan.

(10) Tiada apa-apa dalam subseksyen (9) boleh menghalang suatu anak syarikat suatu syarikat pemegang bursa yang merupakan suatu bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat daripada mengambil tindakannya sendiri terhadap mana-mana orang yang baginya kaedah-kaedahnya terpakai tetapi anak syarikat itu tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah

kaedah-kaedahnya dalam keadaan jika syarikat pemegang bursa itu mengambil tindakan menurut subseksyen (9).

Jawatankuasa Pengurusan Risiko syarikat pemegang bursa

22. Suatu syarikat pemegang bursa hendaklah menubuhkan dan menyenggarakan suatu jawatankuasa, yang disebut Jawatankuasa Pengurusan Risiko, untuk merumuskan dasar dalam perkara pengurusan risiko yang berhubungan dengan aktiviti syarikat pemegang bursa itu dan anak syarikatnya, dan untuk mengemukakan dasar itu kepada lembaga syarikat pemegang bursa itu untuk pertimbangannya.

Sekatan ke atas syarikat pemegang bursa daripada mengurangkan pemegang sahamnya

23. Tiada syarikat pemegang bursa boleh mengurangkan pemegang sahamnya dalam suatu bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada suatu tahap di bawah tujuh puluh lima peratus, atau apa-apa peratusan lain yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Menteri, daripada jumlah modal syer berbayar dan diterbitkan dalam bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tanpa mendapat kebenaran bertulis Menteri terlebih dahulu.

Pelupusan dan perolehan aset, dsb.

24. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan seksyen 23, jika—

- (a) syarikat pemegang bursa;
- (b) bursa saham;
- (c) bursa derivatif;

- (d) pusat penjelasan diluluskan;
- (e) depository pusat; atau
- (f) mana-mana pertubuhan perbadanan lain yang berkaitan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 26(5),

berhasrat untuk membuat suatu perjanjian atau perkiraan, untuk melupuskan atau memperoleh apa-apa aset atau kelas aset pada apa-apa nilai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, ia hendaklah memberikan pemberitahuan bertulis kepada Suruhanjaya akan hasrat itu terlebih dahulu.

(2) Jika Suruhanjaya membuat suatu penentuan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah mengambil kira sama ada aset yang disebut dalam penentuan itu adalah integral kepada pengendalian syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, depository pusat atau mana-mana pertubuhan perbadanan lain yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau penting dalam mempengaruhi haluan urus niaga orang itu.

Kawalan pemegang saham syarikat pemegang bursa

25. (1) Walau apa pun seksyen 24, tiada seorang pun boleh membuat apa-apa perjanjian atau perkiraan untuk memperoleh apa-apa syer mengundi suatu syarikat pemegang bursa yang, jika perjanjian atau perkiraan itu dijalankan, dia akan memperoleh, bersekali dengan mana-mana syer mengundi syarikat pemegang bursa itu yang sedang dipegang olehnya, atau olehnya dan orang yang bersekutu dengannya, syer mengundi sebanyak lima peratus atau lebih daripada agregat amaun nominal kesemua syer mengundi dalam syarikat pemegang bursa itu, tanpa mendapat kelulusan bertulis Menteri terlebih dahulu.

(2) Suatu permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat oleh orang yang berniat hendak memperoleh syer mengundi yang disebut dalamnya dan hendaklah dihantar kepada Suruhanjaya, dan seterusnya Suruhanjaya hendaklah mengemukakan permohonan itu, bersama dengan syornya kepada Menteri.

(3) Menteri boleh memberikan kelulusannya tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan.

Kuasa untuk mengeluarkan arahan

26. (1) Suruhanjaya boleh menyerahkan suatu notis bertulis kepada suatu syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, depository pusat atau pertubuhan perbadanan yang berkaitan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) percanggahan berlaku atau mungkin berlaku antara—
 - (i) kepentingan suatu pertubuhan perbadanan yang telah diluluskan sebagai suatu syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, depository pusat atau pertubuhan perbadanan yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
 - (ii) kepentingan untuk pelaksanaan yang sepatutnya fungsi atau kewajipan yang diberikan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang lain, ke atas syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, depository pusat atau pertubuhan perbadanan yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) percanggahan kepentingan seperti yang dinyatakan di bawah perenggan (a) berkemungkinan berterusan atau berulang; atau
- (c) ia adalah perlu atau suai manfaat untuk—
 - (i) memastikan pasaran yang adil dan teratur;
 - (ii) perlindungan pelabur, atau demi kepentingan awam;

- (iii) memastikan integriti pasaran modal; atau
- (iv) pentadbiran undang-undang sekuriti yang efektif.

(1A) Jika Suruhanjaya menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh menyatakan sebab untuk menyokong alasan bagi notis itu dan mengarahkan mana-mana orang yang disebut di bawah subseksyen (1) supaya serta-merta mengambil apa-apa tindakan yang dinyatakan di dalam notis itu, termasuk langkah-langkah yang berhubung dengan mana-mana hal ehwal, urusan niaga atau hartanya.

(2) Suatu notis yang disampaikan di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta.

(3) Suatu pertubuhan perbadanan yang telah diserahkan kepadanya notis di bawah subseksyen (1) tidak boleh tanpa sebab yang munasabah, tidak mematuhi notis itu.

(4) Suatu pertubuhan perbadanan yang telah diserahkan kepadanya notis di bawah subseksyen (1) boleh merayu terhadap notis itu kepada Menteri tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh penyampaian notis itu atau mana-mana tempoh yang lebih panjang jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam notis itu, tetapi notis itu hendaklah mula berkuat kuasa dengan serta-merta walaupun rayuan telah atau boleh dibuat di bawah subseksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini, “pertubuhan perbadanan yang berkaitan” ertinya suatu pertubuhan perbadanan yang syarikat pemegang bursa merupakan pemegang saham yang, sama ada secara berseorangan atau dengan mana-mana orang bersekutu, berhak untuk menjalankan atau mengawal perjalanan lebih daripada tiga puluh tiga peratus daripada agregat amaun nominal semua syer mengundi dalam pertubuhan perbadanan itu.

(6) Walau apa pun yang terkandung di bawah undang-undang sekuriti, jika Suruhanjaya fikirkan perlu atau suai manfaat bagi melindungi pelabur atau pentadbiran undang-undang sekuriti yang berkesan atau demi kepentingan awam, Suruhanjaya boleh

menunaikan mana-mana kewajipan bursa saham atau bursa derivatif berkaitan dengan—

- (a) pengawasan pasaran modal dan peserta pasaran; atau
- (b) penguatkuasaan—
 - (i) kaedah-kaedah bursa saham yang mengawal sebut harga sekuriti di pasaran saham bursa saham dan kehendak penyenaaraan; atau
 - (ii) kaedah-kaedah mengawal pematuhan oleh organisasi peserta bursa saham atau gabungan bursa derivatif.

(7) Jika Suruhanjaya menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (6), subseksyen 11(4) tidak terpakai setakat kuasa yang dijalankan oleh Suruhanjaya.

(8) Jika Suruhanjaya menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (6), ia boleh mengenakan levi ke atas bursa saham atau bursa derivatif, suatu fi pengawalseliaan dengan suatu amaun sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Menteri.

Penutupan bursa saham atau bursa derivatif

27. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, mengarahkan suatu bursa untuk menutup sesuatu pasaran saham atau pasaran derivatif bursa.

(2) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya—

- (a) mengarahkan bursa itu untuk menutup pasaran saham atau pasaran derivatif itu selama tempoh tidak melebihi lima hari berurus niaga; dan
- (b) melanjutkan penutupan pasaran saham atau pasaran derivatif di bawah perenggan (a) selama apa-apa tempoh

selanjutnya yang setiap satunya tidak melebihi lima hari berurus niaga.

(3) Menteri hendaklah menyatakan alasan bagi penutupan itu dalam arahan yang diberikan dan alasan bagi apa-apa pelanjutan penutupan di bawah subseksyen (2).

(4) Suruhanjaya boleh membuat syor dalam subseksyen (1) jika Suruhanjaya berpendapat bahawa suatu pasaran yang teratur dan adil bagi perdagangan sekuriti di suatu pasaran saham atau perdagangan derivatif di suatu pasaran derivatif, suatu bursa sedang atau berkemungkinan akan terhalang kerana—

- (a) darurat atau bencana alam telah berlaku di dalam Malaysia; atau
- (b) wujud krisis ekonomi atau kewangan atau apa-apa hal keadaan lain di dalam atau di luar Malaysia.

(5) Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, memberikan suatu salinan arahan atau pelanjutan di bawah subseksyen (2) kepada pusat penjelasan diluluskan dan mengarahkan pusat penjelasan diluluskan itu untuk melakukan segala yang semunasabahnya dapat dilakukan untuk memberi kesan kepada arahan atau pelanjutan semasa arahan atau pelanjutan itu terus berkuat kuasa.

(6) Dalam seksyen ini—

“hari berurus niaga” ertinya mana-mana hari yang terdapat perdagangan rasmi di bursa jika tidak kerana penutupan itu;

“pasaran adil” termasuklah tetapi tidak terhad kepada sesuatu pasaran yang mencerminkan daya penawaran dan permintaan.

Kuasa Suruhanjaya berkenaan dengan bursa saham atau bursa derivatif

28. (1) Jika Suruhanjaya menjalankan kuasanya di bawah subperenggan 26(1)(c)(i) atau (ii), Suruhanjaya hendaklah menyatakan di dalam notis itu, tindakan yang perlu diambil, termasuklah mana-mana yang berikut:

- (a) melarang perdagangan sekuriti tertentu atau sesuatu kelas sekuriti tertentu yang dijadikan tersedia oleh suatu perbadanan di pasaran saham suatu bursa saham;
- (b) menamatkan atau menggantung perdagangan di suatu bursa saham atau bursa derivatif;
- (c) mengehendkan perdagangan kepada pelikuidasian kedudukan derivatif;
- (d) mengarahkan pelikuidasian semua kedudukan atau mana-mana bahagiannya atau pengurangan dalam kedudukan itu;
- (e) mengehendkan perdagangan kepada suatu julat harga yang tertentu;
- (f) mengubah suai hari atau masa perdagangan;
- (g) meminda syarat penghantarserahan;
- (h) menetapkan harga penyelesaian pada kedudukan yang hendak dilikuidasikan;
- (i) menghendaki mana-mana orang untuk bertindak mengikut cara yang ditentukan berhubung dengan perdagangan dalam sekuriti atau derivatif atau mana-mana kelas sekuriti atau derivatif;
- (j) menghendaki margin atau margin tambahan bagi mana-mana sekuriti atau derivatif; dan

(k) mengubah suai atau menggantung mana-mana kaedah-kaedah bursa saham atau bursa derivatif.

(2) Jika Suruhanjaya mengeluarkan suatu notis menurut subperenggan 26(1)(c)(i) atau (ii), Suruhanjaya hendaklah mengemukakan suatu laporan bertulis yang menyatakan sebab bagi pemberian notis itu kepada Menteri.

(3) Mana-mana orang yang terkilang dengan mana-mana tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini boleh merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(4) Walau apa pun apa-apa rayuan di bawah subseksyen (3), apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sehingga masa Menteri membuat keputusan atas rayuan itu.

(5) Sesuatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mematuhi notis bertulis dikeluarkan menurut subperenggan 26(1)(c)(i) atau (ii).

Pemberian bantuan kepada Suruhanjaya

29. (1) Sesuatu syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan hendaklah memberikan apa-apa bantuan kepada Suruhanjaya, atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya, yang semunasabahnya dikehendaki oleh Suruhanjaya atau orang itu termasuk pengemukaan apa-apa penyata, dan pemberian apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pengendalian sesuatu syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu atau berkenaan dengan apa-apa perniagaan sekuriti atau perniagaan dalam derivatif atau apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya atau orang itu bagi pentadbiran yang sepatutnya undang-undang sekuriti.

(2) Seseorang yang bertindak bagi pihak, atau yang diberi kuasa oleh, Suruhanjaya adalah berhak pada bila-bila masa yang munasabah

untuk mendapatkan akses sepenuhnya dan bebas bagi apa-apa maksud Akta ini kepada kemudahan perdagangan sesuatu pasaran saham suatu bursa saham atau sesuatu pasaran derivatif suatu bursa derivatif.

(3) Seseorang yang enggan atau tidak, tanpa alasan yang sah, membenarkan seseorang yang bertindak bagi pihak, atau yang diberi kuasa oleh, Suruhanjaya, akses mengikut subseksyen (2) kepada kemudahan perdagangan sesuatu pasaran saham suatu bursa saham atau sesuatu pasaran derivatif suatu bursa derivatif melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Perintah penggantungan yang berhubungan dengan bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat

30. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 12, 27 atau 28, jika Menteri berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan awam, atau sesuai untuk berbuat sedemikian bagi melindungi pelabur atau bagi pengawalseliaan yang sepatutnya sesuatu bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat, Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, membuat suatu perintah (“perintah penggantungan”) yang berhubungan dengan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) fungsi lembaga bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat, atau mana-mana anggota lembaganya;
- (b) fungsi mana-mana jawatankuasa (termasuk jawatankuasa kecil) yang ditubuhkan oleh lembaga yang disebut dalam perenggan (a); atau
- (c) fungsi pegawai utama, dengan apa jua nama yang disebut, yang bertanggungjawab bagi penjalanan urusan niaga dan pengendalian bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Selagi suatu perintah penggantungan berkuat kuasa, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) tiada suatu pun fungsi yang dimaksudkan oleh perintah itu boleh dilaksanakan oleh mana-mana lembaga, jawatankuasa atau pegawainya;
- (b) mana-mana fungsi yang baginya perenggan (a) terpakai boleh dilaksanakan oleh mana-mana orang yang hendaklah dinyatakan dalam perintah itu berhubung dengan fungsi itu; dan
- (c) seseorang yang disebut dalam perenggan (a) tidak boleh, melalui perbuatan atau peninggalan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, menyentuh cara yang fungsi yang disebut dalam perintah itu dilaksanakan melainkan jika orang yang akan melaksanakan fungsi itu di bawah perenggan (b) meminta bantuannya.

(3) Tertakluk pada subseksyen (6), suatu perintah penggantungan hendaklah terus berkuat kuasa selama apa-apa tempoh, iaitu suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan, yang ditentukan dalam perintah itu.

(4) Suatu perintah penggantungan atau apa-apa pelanjutannya di bawah subseksyen (6) hendaklah mula berkuat kuasa apabila suatu salinan perintah atau notis pelanjutan itu disampaikan di bawah perenggan 7(a) kepada suatu bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat yang dimaksudkan oleh perintah itu.

(5) Tanpa menjejaskan subseksyen (4), jika suatu perintah penggantungan dibuat atau perintah sedemikian dilanjutkan di bawah subseksyen (6), Suruhanjaya hendaklah, jika dapat dilaksanakan sedemikian, secepat yang dapat dilaksanakan, memberikan suatu salinan perintah itu atau notis pelanjutannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada pegawai utama bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat yang dimaksudkan oleh perintah itu dan kepada mana-mana anggota badan pentadbir (jika

ada) sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya mengikut hal keadaan.

(6) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melanjutkan tempoh yang perintah penggantungan itu hendaklah terus berkuat kuasa bagi apa-apa tempoh selanjutnya yang setiap satunya tidak melebihi tiga bulan.

(7) Jika suatu perintah penggantungan dibuat atau dilanjutkan di bawah seksyen ini, Suruhanjaya hendaklah—

- (a) dengan segera menyampaikan suatu salinan perintah atau notis secara bertulis tentang pelanjutan itu kepada bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat yang dimaksudkan oleh perintah itu; dan
- (b) menyebabkan perintah penggantungan itu atau notis pelanjutan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, disiarkan sekurang-kurangnya dalam satu akhbar harian bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian bahasa Inggeris.

(8) Seseorang yang melanggar suatu perintah penggantungan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(9) Bagi maksud seksyen ini, “pegawai utama” termasuklah seseorang, dengan apa jua nama yang disebut, yang sama ada secara individu atau bersesama dengan seorang atau lebih orang lain, adalah bertanggungjawab bagi penjalanan urusan dan pentadbiran bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat.

Kuasa Suruhanjaya atas pelanggaran seksyen 23, 24 atau 25

31. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam mana-mana memorandum dan perkara persatuan, *Akta Syarikat 1965, atau apa-apa rukun undang-undang, tetapi tertakluk pada peruntukan Akta ini, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa mana-mana orang telah melanggar peruntukan seksyen 23, 24 atau 25, Suruhanjaya boleh membuat perintah permulaan secara bertulis, yang mengenakan satu atau lebih larangan atau sekatan yang berikut sebagaimana yang terpakai atau sesuai dalam hal keadaan pelanggaran itu berkenaan dengan mana-mana syer yang merupakan hal perkara pelanggaran itu:

- (a) melarang pemindahan, atau pelaksanaan perjanjian atau perkiraan untuk memindahkan, apa-apa syer mengundi, atau, dalam hal syer yang belum diterbitkan, melarang pemindahan, atau pelaksanaan perjanjian atau perkiraan untuk memindahkan, hak untuk diterbitkan dengannya;
- (b) melarang penggunaan mana-mana hak mengundi berkenaan dengan syer itu;
- (c) melarang penerbitan mana-mana syer selanjutnya daripada hak dalam syer itu atau menurut mana-mana tawaran yang dibuat kepada pemegangnya; atau
- (d) kecuali dalam pelikuidasian, melarang pembayaran apa-apa jumlah wang yang kena dibayar oleh suatu syarikat pemegang bursa atas syer itu, sama ada berkenaan dengan modal atau selainnya.

(2) Suatu perintah permulaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada orang yang ingkar secepat yang dapat dilaksanakan, dan boleh disiarkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, jika pada pendapat Suruhanjaya perintah itu perlu disiarkan.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

(3) Suatu perintah permulaan hendaklah mengikat orang yang ingkar, mana-mana orang yang pada masa ini memegang syer mengundi yang baginya perintah itu terpakai, dan mana-mana orang lain yang ditentukan dalam perintah itu atau yang kepadanya perintah itu diarahkan.

(4) Tiada seorang pun boleh diberikan suatu peluang untuk didengar sebelum Suruhanjaya membuat perintah permulaan di bawah subseksyen (1) ke atasnya atau yang menyentuhnya mengikut apa-apa cara.

(5) Mana-mana orang yang ingkar yang terhadapnya suatu perintah permulaan telah dibuat, atau mana-mana orang yang tersentuh oleh perintah itu, boleh dalam tempoh empat belas hari dari penyerahan perintah itu kepada orang yang ingkar itu, membuat representasi secara bertulis kepada Suruhanjaya memohon untuk menyetepikan perintah itu atas alasan bahawa orang itu tidak melanggar peruntukan yang berhubungan dengannya perintah itu telah dibuat, atau untuk mengubah suai perintah itu atas alasan bahawa adalah dengan adil dan patut untuk mengubah suai perintah itu atas sebab yang hendaklah dinyatakan dalam representasi itu.

(6) Suruhanjaya boleh, setelah menimbangkan representasi yang dibuat di bawah subseksyen (5), sama ada mengesahkan, membatalkan atau mengubah perintah permulaan itu mengikut cara yang difikirkannya patut.

(7) Jika Suruhanjaya mengesahkan sesuatu perintah permulaan, Suruhanjaya boleh membuat suatu perintah kepada pemegang saham yang baginya perintah permulaan itu terpakai, mengarahkan pemegang itu untuk melupuskan saham itu.

(8) Suruhanjaya boleh memberikan apa-apa petunjuk atau arahan kepada pengarah atau pegawai syarikat pemegangan bursa, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, depositori pusat atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang berkaitan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 26(5), mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang perlu atau penting untuk memberi kesan

kepada mana-mana perintah Suruhanjaya di bawah seksyen ini, atau yang bersampingan, tambahan atau berbangkit daripada perintah itu.

(9) Mana-mana transaksi, termasuk mana-mana perjanjian atau perkiraan berhubung dengan mana-mana syer, yang melanggar mana-mana perintah permulaan, atau mana-mana perintah yang disahkan di bawah subseksyen (6), atau mana-mana petunjuk atau arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (8), hendaklah terbatal dan tidak mempunyai kesan.

(10) Seseorang yang melanggar mana-mana perintah permulaan, mana-mana perintah yang disahkan di bawah subseksyen (6), atau mana-mana petunjuk atau arahan yang diberikan di bawah subseksyen (8), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(11) Suruhanjaya boleh berpuas hati di bawah subseksyen (1) bahawa peruntukan seksyen 23, 24 atau 25 telah dilanggar oleh mana-mana orang tanpa mengambil kira sama ada atau tidak terdapat apa-apa pendakwaan terhadap mana-mana orang bagi pelanggaran itu.

Subpenggal 3 — Am

32—33. (*Dipotong oleh Akta A1499*).

Subpenggal 4 — Pasaran diiktiraf

Pengendali pasaran diiktiraf

34. (1) Bagi maksud perenggan 7(1)(e), Suruhanjaya boleh atas permohonan seseorang, mendaftarkan orang itu sebagai pengendali pasaran diiktiraf tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, menambah, mengubah, meminda atau membatalkan apa-apa terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

Permohonan untuk pendaftaran

35. (1) Suatu permohonan di bawah subseksyen 34(1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat dan dengan mengikut apa-apa cara yang boleh ditentukan Suruhanjaya.

(2) Jika pemohon di bawah subseksyen 34(1) adalah pengendali pasaran saham atau pasaran derivatif di luar Malaysia, Suruhanjaya boleh, dalam mendaftarkan pemohon itu sebagai pengendali pasaran diiktiraf, mengambil kira, sama ada—

- (a) pemohon itu telah pun dibenarkan untuk mengendalikan suatu pasaran saham atau pasaran derivatif dalam bidang kuasa asing itu;
- (b) pemohon itu adalah daripada suatu bidang kuasa yang diiktiraf dan setanding; dan
- (c) Suruhanjaya mempunyai suatu perkiraan kawal selia dengan pihak berkuasa penyeliaan asing.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), Suruhanjaya boleh, dengan persetujuan pemohon itu, menjadikan permohonan di bawah subseksyen 34(1) sebagai suatu permohonan di bawah seksyen 8 sekiranya Suruhanjaya berpendapat bahawa pemohon itu akan menjadi lebih sesuai dikawal selia sebagai suatu bursa saham atau bursa derivatif diluluskan.

Kewajipan pengendali pasaran diiktiraf

36. Pengendali pasaran diiktiraf hendaklah—

- (a) mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, sama ada bersifat am atau khusus, dan pengendali pasaran diiktiraf itu hendaklah melaksanakan arahan itu; dan
- (b) memberikan apa-apa bantuan kepada Suruhanjaya, atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan

kuasa Suruhanjaya, yang semunasabahnya dikehendaki oleh Suruhanjaya atau orang itu.

Penarikan balik pendaftaran

36A. (1) Tertakluk pada subseksyen (4), jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah sesuai untuk berbuat demikian demi kepentingan pelabur, demi kepentingan awam atau bagi pengekalan suatu pasaran yang teratur dan adil, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, menarik balik pendaftaran berkuat kuasa dari tarikh yang ditentukan dalam notis itu.

(2) Notis yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyatakan alasan bagi menyokong penarikan balik itu.

(3) Walau apa pun penarikan balik di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh membenarkan orang itu untuk meneruskan, pada atau selepas tarikh penarikan balik itu berkuat kuasa, untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang terjejas oleh penarikan balik itu, sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam notis itu bagi maksud—

- (a) menutup pengendalian pasaran diiktiraf yang dikaitkan dengan penarikan balik itu; atau
- (b) melindungi kepentingan pelabur atau kepentingan awam.

(4) Jika Suruhanjaya telah memberikan kebenaran kepada seseorang di bawah subseksyen (3), orang itu tidak boleh, atas sebab ia menjalankan aktiviti mengikut kebenaran yang diberikan itu, dianggap sebagai melanggar seksyen 34.

(5) Suruhanjaya tidak boleh menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) berhubung dengan pengendali pasaran diiktiraf yang telah didaftarkan di bawah subseksyen 34(1) melainkan jika Suruhanjaya telah memberi pengendali pasaran diiktiraf itu peluang untuk didengar.

(6) Mana-mana penarikan balik pendaftaran yang dibuat di bawah seksyen ini tidak berkuat kuasa untuk—

- (a) mengelak atau menyentuh mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan yang dibuat oleh pengendali pasaran diiktiraf itu sama ada perjanjian, transaksi atau perkiraan yang telah dibuat sebelum atau selepas penarikan balik pendaftaran di bawah subseksyen (1); atau
- (b) menyentuh mana-mana hak, obligasi atau tanggungan yang timbul daripada suatu perjanjian, transaksi atau perkiraan.

Perubahan status

36B. (1) Suruhanjaya boleh, atas permohonan pengendali pasaran diiktiraf atau atas inisiatifnya sendiri, dari semasa ke semasa, mengkaji semula status pengendali pasaran diiktiraf di bawah Subpenggal ini.

(2) Suruhanjaya boleh, selepas semakan semula yang dijalankan di bawah subseksyen (1), menghendaki pengendali pasaran diiktiraf itu untuk membuat suatu permohonan untuk pasaran diiktiraf itu menjadi suatu bursa saham atau bursa derivatif diluluskan di bawah seksyen 8.

(3) Suruhanjaya tidak boleh menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (2) tanpa memberi orang itu peluang untuk didengar.

Subpenggal 5 — Kelulusan pusat penjelasan

Menubuhkan atau mengendalikan kemudahan penjelasan

37. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan atau mengendalikan kemudahan suatu pusat penjelasan melainkan jika orang itu telah diluluskan untuk menubuhkan atau mengendalikan suatu kemudahan penjelasan di bawah subseksyen 38(4).

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi

satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi mana-mana orang yang menyediakan, atau mengemukakan sebagai menyediakan, kemudahan penjelasan bagi sesuatu pasaran saham terkecuali atau pasaran derivatif terkecuali.

Kuasa Suruhanjaya untuk meluluskan pusat penjelasan

38. (1) Suatu permohonan bagi kelulusan untuk menubuhkan atau mengendalikan suatu pusat penjelasan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Suruhanjaya dan hendaklah disertakan dengan suatu salinan kaedah-kaedah pusat penjelasan yang dicadangkan itu termasuk suatu salinan perlembagaannya dan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(2) Kaedah-kaedah pusat penjelasan yang dicadangkan itu mesti mengadakan peruntukan mengenai—

- (a) penyediaan kemudahan pusat penjelasan yang cekap berhubung dengan sekuriti dan derivatif yang dijelaskan melalui kemudahan penjasannya;
- (b) pengawalseliaan dan pengawasan yang sepatutnya organisasi peserta atau gabungannya yang menggunakan kemudahan penjasannya;
- (c) pusat penjelasan itu membuat kontrak dengan organisasi peserta atau gabungan yang di bawahnya organisasi peserta atau gabungan bersetuju untuk terikat dengan kaedah-kaedah pusat penjelasan itu;
- (d) pembuatan kaedah-kaedah, termasuk kaedah-kaedah yang mengadakan peruntukan bagi suatu cara menyelesaikan pertikaian yang cepat dan saksama—

- (i) antara pusat penjelasan dan organisasi peserta atau gabungannya; dan
 - (ii) antara organisasi peserta atau gabungan itu dan kliennya;
- (e) pemecatan, penggantungan atau tata tertib organisasi peserta atau gabungan kerana tidak mematuhi kaedah-kaedah pusat penjelasan itu; dan
- (f) peruntukan yang memuaskan bagi kelas sekuriti atau derivatif yang boleh dijelaskan melalui kemudahannya.
- (3) Pusat penjelasan yang dicadangkan itu hendaklah pada setiap masa mempunyai sumber kewangan, sumber manusia dan sumber lain yang mencukupi untuk memastikan peruntukan mengenai—
- (a) premis yang dilengkapi secukupnya dan sepatutnya bagi perjalanan urus niaganya;
 - (b) kakitangan berwibawa bagi perjalanan urus niaganya; dan
 - (c) sistem automasi dengan kapasiti, perkiraan keselamatan dan kemudahan yang mencukupi untuk menghadapi kecemasan.
- (4) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah wajar berbuat sedemikian demi kepentingan awam, atau bagi pengawalseliaan yang sepatutnya bagi pusat penjelasan, Suruhanjaya boleh, dengan persetujuan Menteri melalui notis secara bertulis, meluluskan orang itu untuk menubuhkan atau mengendalikan suatu pusat penjelasan tertakluk apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.
- (5) Pusat penjelasan hendaklah menyediakan kemudahan pusat penjelasan untuk suatu pasaran saham bagi bursa saham yang berkaitan atau untuk suatu pasaran derivatif bagi bursa derivatif yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penarikan balik kelulusan

39. (1) Suruhanjaya boleh, dengan persetujuan Menteri, melalui notis secara bertulis—

- (a) menarik balik kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 38(4) kepada suatu pusat penjelasan diluluskan berkuat kuasa mulai tarikh yang ditentukan dalam notis itu; atau
- (b) mengarahkan pusat penjelasan diluluskan itu untuk menghentikan penyediaan atau pengendalian, atau menghentikan untuk menyediakan kemudahan yang sedemikian, sebagaimana yang ditentukan dalam notis, berkuat kuasa mulai tarikh yang ditentukan dalam notis itu.

(2) Suruhanjaya tidak boleh menarik balik kelulusannya atau mengeluarkan suatu arahan di bawah subseksyen (1) melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah sesuai untuk berbuat demikian demi perlindungan pelabur atau demi kepentingan awam atau bagi pengawalseliaan yang sepatutnya penjelasan dan penyelesaian transaksi dalam sekuriti atau derivatif, jika mana-mana hal keadaan yang berikut berlaku:

- (a) pusat penjelasan diluluskan itu terhenti menyediakan kemudahan penjelasan;
- (b) pusat penjelasan diluluskan itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (c) pusat penjelasan itu telah melanggar seksyen 9 atau mana-mana terma atau syarat kelulusannya atau telah dipertuduh atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;
- (d) pusat penjelasan diluluskan itu telah tidak mematuhi syarat, kehendak atau arahan yang diberikan di bawah seksyen 26, 354 atau 355;

- (e) apa-apa maklumat yang diberikan bagi maksud seksyen 38 adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir yang material;
- (f) suatu hutang penghakiman terhadap pusat penjelasan diluluskan itu tidak dijelaskan dengan sepenuhnya atau sebahagiannya;
- (g) seseorang penerima, penerima dan pengurus, atau seseorang yang setaraf telah dilantik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, berhubung atau berkenaan dengan mana-mana harta pusat penjelasan diluluskan itu;
- (h) pusat penjelasan diluluskan itu telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membuat kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa; atau
- (i) pusat penjelasan diluluskan itu atas kehendaknya sendiri memohon kepada Suruhanjaya untuk menarik balik kelulusan yang diberikan kepadanya dan Suruhanjaya, dengan persetujuan Menteri, memikirkannya wajar untuk berbuat demikian.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(a), pusat penjelasan diluluskan hendaklah disifatkan telah terhenti menyediakan kemudahan penjelasan jika pusat penjelasan diluluskan itu telah terhenti menyediakan kemudahan itu selama tempoh satu bulan melainkan jika pusat penjelasan diluluskan itu telah mendapat kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu untuk berbuat demikian.

(4) Walau apa pun penarikan balik kelulusan atau pengeluaran arahan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh membenarkan orang yang diluluskan untuk menyediakan kemudahan penjelasan untuk terus menjalankan, pada atau selepas tarikh penarikan balik atau arahan itu mula berkuat kuasa, aktiviti yang tersentuh oleh penarikan balik atau arahan itu sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam notis yang disiarkan di bawah subseksyen itu bagi maksud—

- (a) menutup pengendalian pusat penjelasan diluluskan itu atau memberhentikan penyediaan perkhidmatan yang ditentukan dalam notis itu; atau
- (b) melindungi pelabur atau demi kepentingan awam.

(5) Jika Suruhanjaya telah memberikan kebenaran kepada orang yang diluluskan untuk menyediakan kemudahan penjelasan di bawah subseksyen (4), orang itu tidak boleh, atas sebab dia menjalankan aktiviti mengikut kebenaran itu, dianggap telah melanggar seksyen 37.

(6) Suruhanjaya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1) tanpa memberi orang itu peluang untuk didengar.

Kesan penarikan balik kelulusan

40. Apa-apa penarikan balik kelulusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 39 tidak beroperasi untuk—

- (a) mengelakkan atau menyentuh mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan yang dibuat melalui kemudahan pusat penjelasan diluluskan itu sama ada perjanjian, transaksi atau perkiraan itu dibuat sebelum atau, jika subseksyen 39(4) terpakai, selepas penarikan balik kelulusan atau pengeluaran arahan di bawah seksyen 39; atau
- (b) menyentuh mana-mana hak, obligasi atau tanggungan yang timbul daripada perjanjian, transaksi atau perkiraan itu.

Subpenggal 5A — Am

Tafsiran

40A. Dalam Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“orang yang berkaitan” ertinya suatu bursa saham, bursa derivatif, pasaran diiktiraf, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pegawai kanan” ertinya seseorang, selain ketua pegawai eksekutif atau pengarah, yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah atau mengawal aktiviti orang yang berkaitan, termasuk ketua pegawai operasi, anggota jawatankuasa pembuat keputusan dan orang lain yang melaksanakan fungsi utama seperti pengurusan risiko, pematuhan, audit dalaman atau fungsi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

“pengurus berkanun” ertinya seseorang yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah Subpenggal ini bagi maksud menguruskan keseluruhan atau mana-mana bahagian urusan dan hal ehwal orang yang berkaitan.

Penyiaran notis penggantungan perdagangan atau penutupan

40B. Jika suatu tindakan diambil oleh Menteri atau Suruhanjaya di bawah seksyen 12, 18, 27, 28, 354 atau 355, mengikut mana-mana yang berkenaan, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan suatu notis mengenai tindakan yang diambil itu mengikut apa-apa cara yang didapati sesuai oleh Suruhanjaya.

Hak bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan tidak terjejas oleh undang-undang yang berhubungan dengan kontrak

40C. Tiada apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kontrak, setakat ketidakselarannya dengan peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan, boleh menyebabkan tidak boleh dikuatkuasakan atau selainnya menjejaskan—

- (a) apa-apa hak yang diberikan kepada suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan berhubung

dengan sekuriti atau derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Akta ini atau kaedah-kaedahnya;

- (b) apa-apa hak yang hendak diberikan kepada suatu pihak kepada suatu sekuriti atau derivatif yang dibuat di pasaran saham suatu bursa saham, suatu pasaran derivatif suatu bursa derivatif, pasaran saham terkecuali, pasaran derivatif terkecuali atau apa-apa pasaran lain yang diluluskan di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (c) apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan di bawah atau berhubung dengan sekuriti atau derivatif yang dibuat di suatu pasaran saham suatu bursa saham, pasaran derivatif suatu bursa derivatif, pasaran saham terkecuali, pasaran derivatif terkecuali atau apa-apa pasaran lain yang diluluskan di bawah Akta ini, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kuasa Suruhanjaya untuk melantik pengurus berkanun

40D. (1) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini, bagi maksud mengurangkan dan mengurus risiko sistemik dalam pasaran modal atau jika Suruhanjaya mendapati ia adalah—

- (a) demi kepentingan awam;
- (b) bagi melindungi pelabur;
- (c) untuk pengawalseliaan yang sewajarnya bagi orang yang berkaitan; atau
- (d) perlu dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen 30,

Suruhanjaya boleh melantik seorang pengurus berkanun.

(2) Suruhanjaya boleh—

- (a) dalam hal suatu pasaran diiktiraf; atau
- (b) dengan kelulusan terdahulu Menteri, dalam hal suatu bursa saham, suatu bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan dan depository pusat,

melantik seorang pengurus berkanun bagi—

- (A) menjalankan, melaksanakan dan menunaikan berkenaan dengan orang yang berkaitan, semua kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberikan atau dikenakan, atau yang diserahkan, kepada orang yang berkaitan, oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau perkara persatuan orang yang berkaitan itu; dan
- (B) mengambil milikan, dan menggunakan apa-apa harta alih atau harta tak alih itu sebagaimana yang telah digunakan oleh orang yang berkaitan, bagi maksud menjalankan urusan atau pengendalian orang yang berkaitan itu.

(3) Jika Suruhanjaya telah melantik seorang pengurus berkanun di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya boleh membuat semua atau mana-mana perintah yang berikut secara bertulis untuk—

- (a) memberi akses kepada harta orang yang berkaitan kepada pengurus berkanun;
- (b) memindahkan kawalan keseluruhan atau sebahagian urusan atau hal ehwal orang yang berkaitan dan pengurusan keseluruhan atau mana-mana bahagian urusan dan hal ehwal orang yang berkaitan, kepada pengurus berkanun; atau
- (c) mengeluarkan apa-apa arahan kepada mana-mana orang termasuk pengurus berkanun berhubung dengan pengurusan keseluruhan atau mana-mana bahagian urusan atau hal ehwal orang yang berkaitan.

(4) Tiap-tiap perjalanan, pelaksanaan atau penunaian apa-apa kuasa, kewajipan dan fungsi oleh orang berkanun di bawah subseksyen (2) hendaklah sah dan berkesan seolah-olah ia dijalankan, dilaksanakan atau ditunaikan oleh orang yang berkaitan.

(5) Suruhanjaya boleh, dalam tempoh berkuatkuasanya suatu perintah di bawah seksyen ini, menggantung fungsi, hak dan keistimewaan mana-mana pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai kanan orang yang berkaitan, dan bagi suatu tempoh, yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(6) Jika suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen ini, Suruhanjaya hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, memberikan suatu salinan perintah itu, kepada pegawai utama orang yang berkaitan yang dimaksudkan oleh perintah itu dan kepada mana-mana anggota badan pentadbir, jika ada, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya dalam hal keadaan itu.

(7) Jika suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen ini, Suruhanjaya hendaklah menyebabkan perintah itu disiarkan sekurang-kurangnya dalam satu akhbar harian bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian bahasa Inggeris.

(8) Suatu perintah yang dibuat di bawah mengikut seksyen ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu.

Bantuan dan akses kepada maklumat, dsb.

40E. (1) Orang yang berkaitan atau mana-mana pengarahnya, ketua pegawai eksekutif, setiausaha, pekerja atau ejennya dan mana-mana juruaudit yang dilantik oleh orang yang berkaitan itu, hendaklah—

- (a) memberikan segala bantuan yang perlu; dan
- (b) membenarkan akses sepenuhnya dan bebas bagi semua maklumat, dokumen, sistem, kemudahan perdagangan, atau mana-mana harta lain yang berhubungan dengan urusan atau pengendalian orang yang berkaitan,

kepada seorang pengurus berkanun, bagi membolehkan pengurus berkanun itu melaksanakan kuasa, kewajipan dan fungsinya yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 40D.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang enggan atau gagal, tanpa alasan yang sah, untuk membenarkan pengurus berkanun akses mengikut seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang, dengan niat hendak mengecewakan maksud seksyen ini atau dengan niat hendak mencegah, melengahkan atau menghalang pengurus berkanun daripada menjalankan mana-mana kuasa, kewajipan dan fungsinya di bawah seksyen ini—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan atau mengubah apa-apa maklumat, dokumen, sistem, kemudahan perdagangan, atau mana-mana harta lain yang berhubungan dengan urusan atau pengendalian orang yang berkaitan; atau
- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk menghantar ke luar dari Malaysia apa-apa dokumen atau apa-apa harta daripada apa-apa perihalan kepunyaan atau dalam pelupusan atau di bawah kawalan orang yang berkaitan,

melakukan suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Saraan, perbelanjaan dan tanggung rugi pengurus berkanun

40F. Jika pengurus berkanun dilantik di bawah subseksyen 40D(2)—

- (a) saraannya dan apa-apa perbelanjaan yang sepatutnya dilakukan olehnya; dan

(b) apa-apa tanggung rugi yang dirinya berhak,

hendaklah dikenakan ke atas, dan dibayar daripada mana-mana harta atau aset orang yang berkaitan, yang berada dalam jagaan atau kawalan pengurus berkanun.

Fi tahunan kena dibayar

40G. (1) Orang yang berkaitan hendaklah membayar kepada Suruhanjaya suatu fi tahunan atau apa-apa fi lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(2) Apa-apa fi yang dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Bahagian ini hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Ketidakpakaian * Akta Syarikat 1965

40H. Peruntukan * Akta Syarikat 1965 berhubung dengan penawaran syer atau debentur kepada awam oleh suatu syarikat persendirian tidak terpakai jika tawaran atau pelawaan untuk melanggan atau membeli itu dibuat oleh syarikat persendirian itu di pasaran saham atau pasaran derivatif yang diluluskan, berdaftar, diiktiraf, atau di suatu bursa saham dikecualikan atau bursa derivatif dikecualikan, di bawah undang-undang sekuriti.

Subpenggal 6—Ubah suaian terhadap undang-undang ketidaksolvenan dan peruntukan pelbagai yang berhubung dengan pengendalian dan tatacara pusat penjelasan diluluskan

Tafsiran

41. (1) Dalam Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

* *CATATAN*—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

“bursa” ertinya bursa saham atau bursa derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“gadaian” ertinya apa-apa bentuk cagaran, termasuk gadai janji;

“gadaian pasaran” ertinya suatu gadaian, sama ada tetap atau terapung, yang diberikan memihak kepada suatu pusat penjelasan diluluskan terhadap mana-mana harta sebagaimana yang ditentukan dalam kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan;

“kaedah-kaedah ingkar”, berhubung dengan suatu pusat penjelasan diluluskan, ertinya mana-mana kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan yang mengadakan peruntukan pengambilan prosiding ingkar jika seseorang peserta telah gagal, atau didapati tidak boleh, atau berkemungkinan tidak boleh, memenuhi obligasinya berkenaan dengan semua atau mana-mana kontrak pasaran yang belum selesai yang peserta itu merupakan suatu pihak;

“kolateral pasaran” ertinya mana-mana harta yang ditentukan dalam kaedah-kaedah suatu pusat penjelasan diluluskan yang dipegang oleh atau didepositkan dengan suatu pusat penjelasan diluluskan bagi maksud menjamin liabiliti yang timbul secara langsung berkaitan dengan pusat penjelasan diluluskan itu bagi memastikan pelaksanaan atau penjelasan satu atau lebih kontrak pasaran;

“kontrak pasaran” ertinya—

- (a) suatu kontrak yang tertakluk pada kaedah-kaedah suatu pusat penjelasan diluluskan dan dibuat oleh suatu pusat penjelasan diluluskan dengan suatu peserta menurut suatu novasi bagi maksud penjelasan dan penyelesaian transaksi menggunakan kemudahan penjelasan suatu pusat penjelasan diluluskan; atau
- (b) suatu transaksi yang atau akan dijelaskan atau diselesaikan menggunakan kemudahan penjelasan suatu pusat penjelasan diluluskan dan mengikut kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan, sama ada atau tidak suatu novasi yang disebut dalam perenggan (a) dibuat;

“orang ingkar” ertinya seseorang peserta yang merupakan subjek mana-mana prosiding ingkar;

“pemegang jawatan yang berkaitan” ertinya—

- (a) Ketua Pengarah Insolvensi yang dilantik di bawah seksyen 70 Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*];
- (b) mana-mana orang yang bertindak berhubung dengan suatu syarikat sebagai pelikuidasi, pelikuidasi sementara, penerima atau pengurusnya;
- (c) mana-mana orang yang bertindak berhubung dengan seseorang individu sebagai pemegang amanahnya dalam kebangkrapan atau penerima interim hartanya;
- (d) mana-mana orang yang dilantik menurut suatu perintah bagi pentadbiran dalam kebangkrapan sesuatu harta tidak solven seseorang yang mati; atau
- (e) seorang Pentadbir Khas yang dilantik di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 [*Akta 587*];

“prosiding ingkar” ertinya apa-apa prosiding atau tindakan lain yang diambil oleh suatu pusat penjelasan diluluskan di bawah kaedah-kaedah ingkarnya.

(2) Jika—

- (a) suatu gadaian diberikan sebahagiannya bagi maksud yang ditentukan dalam takrif “gadaian pasaran” dan sebahagiannya bagi maksud yang lain, gadaian itu ialah “gadaian pasaran” setakat yang ia mempunyai kuat kuasa bagi maksud yang tertentu bagi menjamin tanggungan yang timbul secara langsung berkaitan dengan pusat penjelasan diluluskan itu bagi memastikan pelaksanaan atau penyelesaian satu atau lebih kontrak pasaran; dan

- (b) kolateral telah diberikan sebahagiannya bagi maksud yang ditentukan dalam takrif “kolateral pasaran” dan sebahagiannya bagi maksud yang lain, kolateral itu ialah “kolateral pasaran” setakat yang ia telah diperuntukkan bagi maksud tertentu bagi menjamin tanggungan yang timbul secara langsung berkaitan dengan pusat penjelasan diluluskan itu bagi memastikan pelaksanaan atau penyelesaian satu atau lebih kontrak pasaran.

Kaedah-kaedah ingkar

42. (1) Suatu pusat penjelasan diluluskan boleh mempunyai kaedah-kaedah ingkar yang mengadakan peruntukan bagi pengambilan prosiding ingkar jika seorang peserta telah gagal, atau didapati tidak boleh, atau berkemungkinan tidak boleh, untuk menunaikan obligasinya berkenaan dengan semua atau mana-mana kontrak pasaran yang belum selesai yang peserta itu merupakan suatu pihak.

(2) Jika suatu pusat penjelasan diluluskan mengambil apa-apa prosiding ingkar, semua prosiding yang berikutnya atau tindakan lain yang diambil di bawah kaedah-kaedahnya bagi maksud penyelesaian kontrak pasaran yang orang ingkar itu merupakan suatu pihak hendaklah dikira terlaksana di bawah kaedah-kaedah ingkar pusat penjelasan diluluskan itu walaupun, jika tidak kerana subseksyen ini, apa-apa prosiding itu atau tindakan lain tidak akan dikira terlaksana di bawah kaedah-kaedah ingkar pusat penjelasan diluluskan itu.

Prosiding ingkar pusat penjelasan diluluskan mengatasi undang-undang ketidaksolvenan

43. (1) Tiada satu pun yang berikut boleh dikira sehingga apa-apa takat sebagai tidak sah atas alasan tidak konsisten dengan peruntukan yang berhubungan dengan pengagihan aset seseorang di bawah undang-undang ketidaksolvenan, atau atas pelantikan seorang pemegang jawatan yang berkaitan terhadap mana-mana aset seseorang:

- (a) suatu kontrak pasaran;
- (b) kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan yang berhubungan dengan penyelesaian kontrak pasaran;
- (c) apa-apa prosiding atau tindakan lain yang diambil di bawah kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan yang berhubungan dengan penyelesaian suatu kontrak pasaran;
- (d) suatu gadaian pasaran;
- (e) kaedah-kaedah ingkar suatu pusat penjelasan diluluskan; atau
- (f) mana-mana prosiding ingkar.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), kuasa pemegang jawatan yang berkaitan atas sifatnya yang demikian itu, dan kuasa suatu mahkamah di bawah undang-undang ketidaksolvenan, tidak boleh dijalankan sedemikian untuk menghalang atau mengganggu—

- (a) penyelesaian suatu kontrak pasaran mengikut kaedah-kaedah suatu pusat penjelasan diluluskan; atau
- (b) mana-mana prosiding ingkar.

(3) Subseksyen (2) tidak berkuat kuasa untuk menghalang seorang pemegang jawatan yang berkaitan daripada mendapatkan kembali apa-apa amaun yang disebut dalam subseksyen 49(1).

Peruntukan tambahan tentang prosiding ingkar

44. (1) Mahkamah boleh atas suatu permohonan oleh seorang pemegang jawatan yang berkaitan membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut untuk mengubah atau melepaskannya daripada pematuhan apa-apa fungsi jawatannya yang tersentuh oleh hakikat bahawa prosiding ingkar belum selesai atau boleh diambil, atau telah diambil atau mungkin telah diambil dan, dengan itu, fungsi pemegang

jawatan yang berkaitan itu hendaklah ditafsirkan tertakluk pada perintah itu.

(2) Tiada apa pun dalam seksyen 8, 10 atau 18 Akta Kebankrapan 1967 atau seksyen 176, 222, 224 atau 226 Akta Syarikat 1965, boleh menghalang atau mengganggu mana-mana prosiding ingkar.

Kewajipan untuk melaporkan apabila selesai prosiding ingkar

45. (1) Suatu pusat penjelasan diluluskan hendaklah, apabila selesai mana-mana prosiding ingkar, membuat laporan tentang prosiding ingkar itu yang menyatakan berkenaan dengan setiap orang ingkar—

- (a) jumlah bersih, jika ada, yang diperakui oleh suatu pusat penjelasan diluluskan itu yang kena dibayar oleh atau kepada orang ingkar itu; atau
- (b) hakikat bahawa tiada jumlah wang kena dibayar sedemikian,

mengikut mana-mana yang berkenaan, dan pusat penjelasan diluluskan itu boleh memasukkan dalam laporan itu apa-apa butir lain berkenaan dengan prosiding ingkar itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Suatu pusat penjelasan diluluskan, yang telah membuat suatu laporan menurut subseksyen (1), hendaklah memberikan laporan itu kepada—

- (a) Suruhanjaya;
- (b) mana-mana pemegang jawatan yang berkaitan yang bertindak bagi—
 - (i) orang ingkar yang dimaksudkan oleh laporan itu; atau
 - (ii) estet orang ingkar;

- (c) jika tidak ada pemegang jawatan yang berkaitan yang disebut dalam perenggan (b), orang ingkar yang dimaksudkan oleh laporan itu; dan
- (d) mana-mana orang lain yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(3) Jika suatu pusat penjelasan diluluskan telah membuat suatu laporan menurut subseksyen (1), pusat penjelasan diluluskan itu boleh menyiarkan notis mengenai hakikat itu dalam apa-apa bentuk yang difikirkannya sesuai untuk memberitahu pemiutang orang ingkar yang dimaksudkan oleh laporan itu.

(4) Jika seorang pemegang jawatan yang berkaitan atau orang yang ingkar, menerima laporan menurut subseksyen (2), dia hendaklah, atas permintaan pemiutang orang ingkar yang dimaksudkan oleh laporan itu—

- (a) menjadikan laporan itu tersedia untuk diperiksa oleh pemiutang itu; dan
- (b) selepas pembayaran apa-apa fi yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh pemegang jawatan yang berkaitan atau orang ingkar itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, memberikan kepada pemiutang itu semua atau mana-mana bahagian laporan itu.

(5) Dalam subseksyen (2), (3) dan (4), “laporan” termasuklah salinan suatu laporan.

Jumlah bersih kena dibayar apabila selesai prosiding ingkar

46. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai berkenaan mana-mana jumlah bersih yang diperakui di bawah subseksyen 45(1) oleh suatu pusat penjelasan diluluskan, selepas ia menyelesaikan mana-mana prosiding ingkar, yang kena dibayar oleh atau kepada orang ingkar.

(2) Jika suatu perintah penerimaan atau perintah penggulungan telah dibuat, atau suatu resolusi untuk penggulungan sukarela telah diluluskan, apa-apa jumlah bersih hendaklah, walau apa pun apa-apa peruntukan seksyen 40 atau 41 Akta Kebankrapan 1967 atau seksyen 291 *Akta Syarikat 1965—

- (a) hendaklah menjadi bukti dalam kebangkrapan orang ingkar atau penggulungan atau, kena dibayar kepada pegawai pemegang jawatan yang berkaitan mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) diambil kira, jika berkenaan, di bawah seksyen 41 Akta Kebankrapan 1967 atau seksyen itu sebagaimana yang terpakai dalam kes suatu perintah penggulungan di bawah *Akta Syarikat 1965.

Penolak tuntutan harta, pembatalan kontrak, dsb.

47. (1) Seksyen 59 Akta Kebankrapan 1967 atau subseksyen 296(1) *Akta Syarikat 1965 tidak terpakai berhubung dengan—

- (a) suatu kontrak pasaran;
- (b) suatu kontrak yang dilaksanakan oleh suatu pusat penjelasan diluluskan bagi maksud mendapatkan harta yang diberikan sebagai kolateral pasaran;
- (c) suatu gadaian pasaran; atau
- (d) mana-mana prosiding ingkar.

(2) Seksyen 47 Akta Kebankrapan 1967 atau seksyen 223 *Akta Syarikat 1965 tidak terpakai berhubung dengan mana-mana perbuatan, perkara atau benda yang telah dibuat menurut—

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (a) suatu kontrak pasaran;
- (b) suatu pelupusan harta menurut suatu kontrak pasaran;
- (c) peruntukan kolateral pasaran;
- (d) suatu kontrak yang dilaksanakan oleh suatu pusat penjelasan diluluskan bagi maksud mendapatkan harta yang diberikan sebagai kolateral pasaran;
- (e) suatu pelupusan harta mengikut kaedah-kaedah suatu pusat penjelasan diluluskan tentang penggunaan harta yang diberikan sebagai kolateral pasaran;
- (f) suatu gadaian pasaran;
- (g) suatu pelupusan harta yang mengakibatkan harta itu menjadi tertakluk pada suatu gadaian pasaran, atau mana-mana transaksi yang menurutnya pelupusan itu dibuat;
- (h) suatu pelupusan harta yang dibuat untuk menguatkuasakan suatu gadaian pasaran; atau
- (i) mana-mana prosiding ingkar.

Pelarasan transaksi terdahulu

48. (1) Tiada perintah boleh dibuat menurut seksyen 53, 53A dan 54 Akta Kebankrapan 1967 atau seksyen 293 dan 304 *Akta Syarikat 1965, berhubung dengan apa-apa perkara di bawah subseksyen (2).

(2) Perkara-perkara yang baginya subseksyen (1) terpakai ialah—

- (a) suatu kontrak pasaran;
- (b) suatu pelupusan harta menurut kontrak pasaran;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (c) peruntukan kolateral pasaran;
- (d) suatu kontrak yang dilaksanakan oleh suatu pusat penjelasan diluluskan bagi maksud mendapatkan harta yang diberikan sebagai kolateral pasaran;
- (e) suatu pelupusan harta mengikut kaedah-kaedah suatu pusat penjelasan diluluskan tentang penggunaan harta yang diberikan sebagai kolateral pasaran;
- (f) suatu gadaian pasaran; dan
- (g) mana-mana prosiding ingkar.

Hak pemegang jawatan yang berkaitan untuk mendapatkan amaun tertentu yang timbul daripada transaksi tertentu

49. (1) Jika suatu peserta (“peserta pertama”) menjual sekuriti secara terlebih nilai kepada, atau membeli sekuriti secara terkurang nilai daripada, peserta lain (“peserta kedua”) dalam hal keadaan yang diperihalkan dalam subseksyen (3), dan selepas seorang pemegang jawatan yang berkaitan bertindak bagi—

- (a) peserta kedua itu;
- (b) prinsipal peserta kedua dalam penjualan atau pembelian itu; atau
- (c) estet peserta kedua atau orang yang disebut dalam perenggan (b),

maka, melainkan jika mahkamah memerintahkan selainnya, pemegang jawatan yang berkaitan boleh mendapatkan, daripada peserta pertama, atau prinsipal peserta pertama, suatu amaun yang bersamaan dengan keuntungan dikenal pasti yang diperoleh daripada penjualan atau pembelian oleh peserta pertama, atau prinsipal peserta pertama.

(2) Amaun yang bersamaan dengan keuntungan yang dikenal pasti boleh didapatkan walaupun jika penjualan atau pembelian itu telah diselesaikan mengikut kaedah-kaedah suatu pusat penjelasan diluluskan dan digantikan dengan suatu kontrak pasaran.

(3) Hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1) bagi suatu penjualan atau pembelian adalah apabila—

(a) suatu keadaan dikenal pasti telah berlaku berhubung dengan peserta kedua atau prinsipal peserta kedua; dan

(b) sama ada—

(i) peserta pertama tahu, atau secara munasabahnyanya sepatutnya tahu bahawa suatu keadaan dikenal pasti berkemungkinan akan berlaku berhubung dengan peserta kedua atau prinsipal peserta kedua; atau

(ii) prinsipal peserta pertama tahu, atau secara munasabahnyanya sepatutnya tahu bahawa suatu keadaan dikenal pasti berkemungkinan akan berlaku kepada peserta kedua atau prinsipal peserta kedua,

dan keadaan dikenal pasti itu berlaku dalam tempoh enam bulan sebaik selepas tarikh penjualan atau pembelian itu dibuat.

(4) Dalam seksyen ini—

(a) “keadaan dikenal pasti”, berhubung dengan seorang peserta kedua atau seseorang yang ialah atau pernah menjadi, berkenaan dengan suatu penjualan atau pembelian yang disebut dalam subseksyen (1), prinsipal peserta kedua, ertinya—

(i) suatu perbuatan kebangkrapan yang dilakukan oleh peserta kedua atau prinsipal peserta kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (ii) pembuatan suatu akuan berkanun berkenaan dengan peserta kedua atau prinsipal peserta kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut seksyen 255 *Akta Syarikat 1965;
 - (iii) suatu mesyuarat pemiutang yang dipanggil berhubung dengan peserta kedua atau prinsipal peserta kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut seksyen 260 *Akta Syarikat 1965; atau
 - (iv) penyampaian suatu petisyen untuk penggulungan peserta kedua atau prinsipal peserta kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh suatu mahkamah;
- (b) “keuntungan dikenal pasti”, berhubung dengan suatu penjualan atau pembelian yang disebut dalam subseksyen (1), ertinya perbezaan antara nilai pasaran sekuriti yang merupakan perkara penjualan atau pembelian itu dan nilai balasan bagi penjualan atau pembelian itu pada masa penjualan atau pembelian itu dibuat.

Undang-undang ketidaksolvenan menurut bidang kuasa lain

- 50.** (1) Mahkamah tidak boleh, menurut apa-apa enakmen atau rukun undang-undang, mengiktiraf atau menguatkuasakan—
- (a) mana-mana perintah mahkamah yang menjalankan bidang kuasa berhubung dengan undang-undang ketidaksolvenan di suatu tempat di luar Malaysia; atau
 - (b) apa-apa perbuatan seseorang yang dilantik di mana-mana tempat bagi menjalankan apa-apa fungsi di bawah undang-undang ketidaksolvenan di tempat itu,

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

setakat yang pembuatan perintah itu atau pelakuan perbuatan itu dilarang dalam kes mahkamah di dalam Malaysia atau pemegang jawatan yang berkaitan oleh peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah Akta ini.

(2) Dalam seksyen ini, “undang-undang ketidaksolvenan”, berhubung dengan suatu tempat di luar Malaysia, ertinya apa-apa undang-undang tempat itu yang serupa dengan, atau mempunyai maksud yang sama seperti, semua atau mana-mana bahagian undang-undang ketidaksolvenan di Malaysia.

Peserta menjadi pihak dalam transaksi tertentu sebagai prinsipal

51. (1) Jika—

- (a) seseorang peserta atas sifatnya yang demikian membuat apa-apa transaksi (termasuk suatu kontrak pasaran) dengan suatu pusat penjelasan diluluskan; dan
- (b) disebabkan subseksyen ini, peserta itu merupakan suatu pihak dalam transaksi itu sebagai ejen,

maka, walau apa pun apa-apa peruntukan di bawah mana-mana undang-undang, antara, tetapi hanya antara, pusat penjelasan diluluskan itu dengan mana-mana orang lain (termasuk peserta itu dan orang yang menjadi prinsipalnya berkenaan dengan transaksi itu), peserta itu hendaklah bagi semua maksud (termasuk mana-mana tindakan sivil atau tuntutan)—

- (A) disifatkan tidak menjadi suatu pihak kepada transaksi itu sebagai ejen; dan
- (B) disifatkan menjadi suatu pihak kepada transaksi itu sebagai prinsipal.

(2) Jika—

- (a) dua atau lebih peserta atas sifatnya yang demikian membuat apa-apa transaksi; dan
- (b) tetapi untuk subsekyen ini, mana-mana peserta itu akan menjadi suatu pihak dalam transaksi itu sebagai ejen,

maka, walau apa pun apa-apa peruntukan di bawah mana-mana undang-undang, mana-mana peserta yang baginya perenggan (b) terpakai hendaklah bagi semua maksud (termasuk apa-apa tindakan sivil atau tuntutan), kecuali antara, tetapi hanya antara, dia dengan orang yang menjadi prinsipalnya berkenaan dengan transaksi itu—

- (A) disifatkan tidak menjadi suatu pihak dalam transaksi itu sebagai ejen; dan
- (B) disifatkan menjadi suatu pihak dalam transaksi itu sebagai prinsipal.

Sekuriti atau derivatif dihantar serah kepada pusat penjelasan diluluskan

52. Jika sekuriti atau derivatif dihantar serah dalam penyelesaian suatu kontrak pasaran atau diberikan sebagai suatu kolateral pasaran atau di bawah suatu gadaian pasaran—

- (a) kepada suatu pusat penjelasan diluluskan;
- (b) oleh suatu peserta; dan
- (c) mengikut kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan,

maka, walau apa pun apa-apa peruntukan di bawah mana-mana undang-undang, tiada tindakan sivil atau tuntutan, berkenaan dengan mana-mana hak, hakmilik atau kepentingan dalam sekuriti atau derivatif yang dipegang atau dinikmati oleh mana-mana orang boleh dibuat, atau boleh dimulakan atau dibenarkan, terhadap pusat penjelasan diluluskan itu.

Pemindahan sekuriti dalam penyelesaian

53. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan undang-undang yang lain, termasuk Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, khususnya seksyen 29A Akta itu, suatu depositori pusat hendaklah melaksanakan arahan daripada suatu pusat penjelasan diluluskan untuk melaksanakan suatu pemindahan sekuriti masuk atau keluar suatu akaun sekuriti suatu pendeposit dengan syarat arahan itu hendaklah bagi maksud penyelesaian suatu kontrak pasaran atau selainnya memperkatakan tentang suatu kontrak pasaran mengikut kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan.

(2) Suatu arahan di bawah subseksyen (1) hendaklah diberikan oleh suatu pusat penjelasan diluluskan hanya berhubung dengan suatu akaun sekuriti berhubung dengan suatu pendeposit yang merupakan suatu pihak kepada suatu kontrak pasaran atau suatu pendeposit yang telah mengarahkan seseorang peserta untuk melaksanakan suatu dagangan yang menghasilkan suatu kontrak pasaran yang baginya peserta itu kini menjadi suatu pihak.

(3) Walau apa pun apa-apa peruntukan undang-undang yang lain, jika mana-mana pemindahan sekuriti telah dilaksanakan oleh depositori pusat itu kepada atau daripada suatu akaun sekuriti suatu pendeposit menurut subseksyen (1), tiada hakmilik dalam sekuriti itu boleh dipindahkan kepada suatu pendeposit kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan itu.

(4) Jika suatu pemindahan sekuriti telah dilaksanakan masuk atau keluar suatu akaun sekuriti suatu pendeposit menurut subseksyen (1), suatu depositori pusat tidak tertakluk pada apa-apa tindakan atau tuntutan oleh atau bertanggung bagi apa-apa ganti rugi kepada pendeposit itu.

(5) Dalam seksyen ini, takrif “pendeposit” dan “akaun sekuriti” hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Pembelian dan penjualan sekuriti

54. (1) Suatu pusat penjelasan diluluskan boleh mengarahkan sesuatu bursa saham untuk melaksanakan bagi pihak pusat penjelasan diluluskan suatu penjualan atau pembelian sekuriti jika penjualan atau pembelian sekuriti itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dilaksanakan bagi maksud penyelesaian mana-mana kontrak pasaran atau bagi memudahkan suatu prosiding ingkar atau bagi membolehkan suatu pusat penjelasan diluluskan mendapatkan apa-apa aset yang terkandung dalam mana-mana gadaian pasaran atau yang diberikan sebagai kolateral pasaran, dan bursa saham itu hendaklah melaksanakan arahan itu.

(2) Jika suatu penjualan atau pembelian sekuriti telah dilaksanakan bagi pihak pusat penjelasan diluluskan menurut subseksyen (1) oleh suatu bursa saham, bursa saham itu tidak tertakluk pada apa-apa tindakan atau tuntutan oleh atau bertanggung bagi apa-apa ganti rugi kepada mana-mana orang.

Imuniti

55. (1) Fungsi yang baginya seksyen ini terpakai adalah fungsi suatu pusat penjelasan diluluskan setakat yang berhubungan dengan atau timbul daripada—

- (a) kaedah-kaedah ingkar pusat penjelasan diluluskan itu; atau
- (b) mana-mana obligasi yang kepadanya ia tertakluk menurut kuasa Subpenggal ini.

(2) Suatu kegagalan oleh suatu pusat penjelasan diluluskan untuk mematuhi kaedah-kaedah ingkar berkenaan dengan apa-apa perkara tidak menghalang perkara itu daripada dikira bagi maksud Akta ini sebagai dilakukan mengikut kaedah-kaedah itu selagi kegagalan itu tidak menyentuh hak mana-mana orang yang berkelayakan untuk menghendaki pematuhan kaedah-kaedah itu.

(3) Jika pemegang jawatan yang berkaitan mengambil apa-apa tindakan berkenaan dengan seseorang ingkar yang boleh diperlakukan mengikut kaedah-kaedah ingkar itu, dan mempercayai dan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia berhak untuk mengambil tindakan itu, dia tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang berkenaan dengan mana-mana kehilangan atau kerugian yang terhasil daripada tindakannya kecuali setakat yang kehilangan atau kerugian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, disebabkan oleh kecuaiannya pemegang jawatan itu sendiri.

Pengekalan hak, dsb.

56. Melainkan jika dinyatakan secara nyata dalam Akta ini, peruntukan Subpenggal ini tidak berkuat kuasa mengehendkan, menyekat atau selainnya menyentuh—

- (a) apa-apa hak, hakmilik, kepentingan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti mana-mana orang; atau
- (b) apa-apa penyiataan, prosiding undang-undang atau remedi berkenaan dengan mana-mana hak, hakmilik, kepentingan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti itu.

Pengecualian daripada peraturan-peraturan tentang pelaporan pemegangan saham yang substansial dan Penggal 3A *Akta Syarikat 1965

57. Pusat penjelasan diluluskan dan depository pusat, dalam menjalankan fungsinya di bawah Subpenggal ini, hendaklah dikecualikan daripada kehendak di bawah Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Laporan Pemegangan Syer Yang Substansial) 1998 [*P.U. (A) 174/1998*] dan Penggal 3A *Akta Syarikat 1965.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

*Subpenggal 7 — Penguatkuasaan peruntukan penghasilan bersih
dibawah perjanjian pasaran modal yang layak*

Tafsiran

57A. Dalam Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“perjanjian pasaran modal yang layak” ertinya—

- (a) suatu perjanjian yang mempunyai peruntukan penghasilan bersih, berkenaan dengan satu atau lebih transaksi pinjaman dan pemberian pinjaman sekuriti; atau
- (b) suatu perjanjian yang ditentukan oleh Suruhanjaya sebagai perjanjian pasaran modal yang layak bagi maksud Bahagian ini;

“peruntukan penghasilan bersih” ertinya suatu peruntukan kontraktual yang memperuntukkan bahawa apabila keadaan yang ditentukan oleh pihak-pihak di bawah suatu perjanjian pasaran modal yang layak berlaku, dua atau lebih hutang, tuntutan atau obligasi boleh ditolak antara satu sama lain atau diubah menjadi suatu jumlah bersih hutang, tuntutan atau obligasi dan termasuklah suatu perkiraan penutupan penghasilan bersih;

“pinjaman dan pemberian sekuriti” ertinya suatu perkiraan apabila mana-mana transaksi pinjaman dan pemberian pinjaman sekuriti telah dibuat, selain—

- (a) transaksi yang dibuat antara pusat penjelasan diluluskan dengan peserta yang dibuat mengikut kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan; dan
- (b) transaksi berkenaan dengan sekuriti hutang tidak tersenarai yang dilakukan di bawah sistem Dana Pemindahan Elektronik dan Sekuriti (RENTAS).

Kebolehuatkuasaan hak di bawah peruntukan penghasilan bersih

57B. (1) Hak pihak-pihak di bawah suatu peruntukan penghasilan bersih tidak boleh digantung, dielakkan atau selainnya dihadkan oleh permulaan mana-mana prosiding lain yang mempunyai kesan untuk mengambil alih kawalan atau menguruskan urusan, hal ehwal dan harta mana-mana pihak.

(2) Peruntukan penghasilan bersih sesuatu perjanjian pasaran modal yang layak di bawah subseksyen (1) boleh dikuatkuasakan mengikut termannya.

Pemakaian Bahagian ini

57C. Tiada peruntukan dalam undang-undang sekuriti atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, termasuk mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengurusan risiko sistemik atau menggalakkan kestabilan kewangan, sama ada telah dibuat sebelum atau selepas Akta ini berkuat kuasa, boleh menghadkan, menyekat atau selainnya memberi kesan kepada kuat kuasa Subpenggal 6 dan 7 Bahagian ini.

BAHAGIAN III

PERKHIDMATAN PASARAN MODAL

Penggal 1

Pelesenan dan pengawalseliaan

Kehendak bagi Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

58. (1) Tiada seorang pun boleh sama ada sebagai prinsipal atau ejen, menjalankan suatu urusan dalam mana-mana aktiviti terkawal atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan urusan itu melainkan jika dia ialah pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau ialah seorang orang berdaftar.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi orang atau kelas orang yang dinyatakan dalam Jadual 3.

(3) Selain berkenaan dengan suatu syarikat insurans berlesen di bawah *Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] atau pengendali takaful berlesen di bawah **Akta Takaful 1984 [*Akta 312*], Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang disifatkan sesuai ke atas orang ditentukan.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kehendak bagi Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal

59. (1) Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai wakil berkenaan dengan mana-mana aktiviti terkawal atau mengemukakan dirinya sebagai berbuat sedemikian melainkan jika dia ialah pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal bagi aktiviti terkawal itu atau ialah orang berdaftar berkenaan dengan aktiviti terkawal itu.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Tanggungjawab sivil prinsipal bagi perbuatan wakilnya

59A. (1) Seseorang yang diberi kuasa atau diambil kira kerja oleh seseorang prinsipal untuk bertindak sebagai wakilnya hendaklah disifatkan sebagai ejen prinsipal itu apabila—

*CATATAN—Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali seksyen 129 dan Jadual 9 [*P.U. (B) 276/2013*]; 1 Januari 2015 seksyen 129 dan Jadual 9 [*P.U. (B) 552/2014*—lihat seksyen 271 Akta 758.

**CATATAN—Akta Takaful 1984 [*Akta 312*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali perenggan 1 hingga 10 Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [*P.U. (B) 277/2013*]; 1 Januari 2015 perenggan 1 hingga 10 daripada Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [*P.U. (B) 553/2014*—lihat seksyen 282 Akta 759.

- (a) ejen itu terlibat dalam apa-apa kelakuan, membuat apa-apa representasi atau bertindak menurut kuasanya; dan
- (b) kelakuan, representasi atau tindakan itu dijalankan dalam penjalanan urusan yang prinsipal itu dilesenkan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang prinsipal tidak layak untuk bergantung pada apa-apa perkiraan, perjanjian atau kontrak yang dibuat—

- (a) antara prinsipal dengan wakilnya; atau
- (b) antara prinsipal dengan kliennya,

yang dikendalikan untuk mengeluarkan atau mengecualikan sepenuhnya obligasi atau tanggungannya sebagai prinsipal wakilnya.

(3) Seseorang prinsipal tidaklah bertanggung bagi tindakan wakilnya jika wakil itu telah berhenti menjadi wakil prinsipal dan prinsipal itu telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memaklumkan, atau membawa ke pengetahuan klien mengenai hakikat pemberhentian itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “prinsipal” ertinya pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.

Permohonan bagi pemberian lesen

60. (1) Suatu permohonan untuk pemberian lesen hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa selepas menerima suatu permohonan bagi pemberian lesen, menjalankan apa-apa siasatan yang difikirkan perlu untuk memuaskan hatinya bahawa tiada apa-apa alasan pun di bawah subseksyen 64(1), 65(1) atau dalam mana-mana peraturan atau garis panduan bagi penolakan pemberian lesen itu terpakai, termasuk pemeriksaan latar belakang kewangan, jenayah dan

profesional pemohon, pengarah, pengurus dan pengawal pemohon, jika berkaitan.

(3) Suruhanjaya boleh menghendaki seorang pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang didapati perlu oleh Suruhanjaya berhubung dengan permohonan itu.

(4) Permohonan bagi pemberian lesen hendaklah disertakan fi yang ditetapkan yang tidak boleh dibayar balik yang hendaklah dibayar mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(5) *(Dipotong oleh Akta A1406).*

(6) Dalam hal suatu permohonan bagi pemberian Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal, permohonan itu hendaklah—

(a) disokong oleh seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau seseorang yang telah memohon Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk aktiviti terkawal itu, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan

(b) disifatkan telah ditarik balik berkuat kuasa dari tarikh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menyokong permohonan itu—

(i) menarik balik sokongannya secara bertulis;

(ii) menarik balik permohonannya bagi Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal berkenaan dengan aktiviti terkawal itu; atau

(iii) telah mendapati permohonannya bagi Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal berkenaan dengan aktiviti terkawal itu ditolak oleh Suruhanjaya.

(7) Bagi maksud seksyen ini, seksyen 64, 66 dan 72, perkataan “pengawal”, berhubung dengan seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, ertinya seorang yang—

- (a) berhak untuk menjalankan, atau mengawal perjalanan, tidak kurang daripada lima belas peratus undi yang dikaitkan dengan syer mengundi pemegang itu;
- (b) mempunyai kuasa untuk melantik atau menyebabkan dilantik suatu majoriti pengarah bagi pemegang itu; atau
- (c) mempunyai kuasa untuk membuat atau menyebabkan dibuat, keputusan berkenaan dengan urusan atau pentadbiran pemegang itu, dan untuk memberi kesan kepada keputusan itu atau menyebabkan keputusan itu diberikan kesan kepadanya.

(8) Bagi maksud seksyen ini, seksyen 64, 66 dan 72, “pengurus”, berhubung dengan suatu pertubuhan perbadanan, ertinya seseorang yang dilantik oleh pertubuhan perbadanan itu untuk menguruskan mana-mana bahagian urusannya dan termasuklah seorang pekerja pertubuhan perbadanan itu (selain ketua eksekutif) yang, di bawah kuasa terdekat pengarah atau ketua eksekutif pertubuhan perbadanan itu, menjalankan tugas pengurusan atau bertanggungjawab untuk menyetujui akaun atau rekod lain pertubuhan perbadanan itu.

Pemberian lesen

61. (1) Tertakluk pada subseksyen (3), Suruhanjaya boleh memberikan suatu lesen.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1406*).

(3) Dalam memberikan lesen, Suruhanjaya boleh—

- (a) menentukan dan memperihalkan aktiviti terkawal bagi lesen yang diberikan;
- (b) menentukan apa-apa syarat atau sekatan bagi lesen itu, yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya; atau
- (c) dalam hal Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal—

- (i) mengaitkan lesen itu kepada pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menyokong permohonan lesen itu; dan
- (ii) menyekat aktiviti terkawal lesen itu kepada aktiviti terkawal pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menyokong permohonan lesen itu.

(4) Seseorang yang melanggar apa-apa syarat, atau sekatan dalam, suatu lesen melakukan suatu kesalahan.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengenakan syarat atau sekatan pada lesen

62. Tanpa menjejaskan seksyen 61, Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa, jika ia fikirkan perlu, mengubah apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan atas pemberian sesuatu lesen atau mengenakan syarat atau sekatan tambahan pada suatu lesen semasa lesen itu berkuat kuasa.

Fi

63. (1) Seseorang berlesen hendaklah membayar apa-apa fi lesen yang ditetapkan berkenaan dengan setiap aktiviti terkawal secara tahunan dan pada tarikh yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(1A) Jika orang berlesen tidak membayar fi yang ditetapkan pada tarikh fi itu perlu dibayar, Suruhanjaya boleh mengenakan fi bayar lewat dengan jumlah yang ditetapkan untuk setiap hari pembayaran itu lewat, dan fi itu boleh didapatkan kembali oleh Suruhanjaya sebagai suatu hutang kena dibayar kepada Suruhanjaya.

(2) Apa-apa fi yang dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Penggal ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Alasan bagi penolakan pemberian Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

64. (1) Jika suatu permohonan dibuat bagi pemberian Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah seksyen 60, Suruhanjaya boleh menolak permohonan itu atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) permohonan itu tidak dibuat mengikut seksyen 60;
- (b) pemohon tidak mematuhi apa-apa kehendak lain Akta ini atau mana-mana garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (c) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan oleh pemohon kepada Suruhanjaya adalah palsu atau mengelirukan atau daripadanya terdapat ketinggalan yang material;
- (d) pemohon itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan;
- (e) pelaksanaan terhadap pemohon berkenaan dengan hutang penghakiman pada keseluruhannya atau dikembalikan tanpa dijelaskan sebahagiannya;
- (f) seseorang penerima, penerima dan pengurus atau orang yang setaraf dengannya telah dilantik di dalam atau di luar Malaysia, atau berkenaan dengan mana-mana harta pemohon itu;
- (g) pemohon itu telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membuat suatu kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa;
- (h) pemohon atau mana-mana pengarah, ketua eksekutif, pengurus atau pengawalnya—
 - (i) telah disabitkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud

atau ketidakjujuran atau keganasan lain atau yang pensabitannya melibatkan dapatan bahawa ia atau dia telah bertindak secara fraud atau tidak jujur;

- (ii) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang di luar Malaysia berkaitan dengan pasaran modal;
 - (iia) telah tertakluk pada tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 354, 355 atau 356;
 - (iii) telah melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis sama ada di dalam atau luar Malaysia yang ternyata pada Suruhanjaya diperbuat bagi melindungi orang awam terhadap kerugian kewangan yang disebabkan oleh ketidakjujuran, tidak berwibawa atau amalan salah oleh orang yang terlibat dalam pengadaan perkhidmatan kewangan atau pengurusan syarikat;
 - (iv) telah melibatkan diri dalam apa-apa amalan urusan yang ternyata pada Suruhanjaya sebagai memperdaya atau menindas atau selainnya tidak wajar (sama ada menyalahi undang-undang atau tidak) atau yang selainnya mencerminkan kesangsian mengenai kaedah ia atau dia menjalankan urusan;
 - (v) telah melibatkan diri dalam atau pernah dikaitkan dengan apa-apa amalan urusan lain atau selainnya berkelakuan dengan cara demikian yang menimbulkan keraguan mengenai kewibawaan dan kebijaksanaannya membuat keputusan; atau
 - (vi) merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (i) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon atau mana-mana pengarah, ketua eksekutif, pengurus atau pengawalnya tidak dapat bertindak demi

kepentingan terbaik kliennya setelah mengambil kira reputasi, kelakuan, integriti kewangan dan kebolehpercayaannya;

- (j) Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan kedudukan kewangan pemohon itu atau cara urusan pemohon itu dijalankan;
- (k) Suruhanjaya tidak berpuas hati mengenai rekod pelaksanaan lampau atau kepakaran pemohon itu setelah mengambil kira jenis urusan yang boleh dijalankan oleh pemohon itu berkaitan dengan pemegangan lesen itu;
- (l) terdapat hal keadaan lain yang berkemungkinan—
 - (i) membawa kepada penjalanan urusan yang tidak wajar oleh pemohon itu atau oleh mana-mana pengarah, ketua eksekutif, pengurus atau pengawalnya; atau
 - (ii) mencerminkan kesangsian tentang cara penjalanan urusan pemohon atau pengawalnya;
- (m) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon atau mana-mana pengarah, ketua eksekutif atau pengurusnya tidak akan menjalankan aktiviti terkawal secara cekap, jujur atau saksama; atau
- (n) Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah berlawanan dengan kepentingan awam untuk memberikan lesen itu.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1406).*

(3) *(Dipotong oleh Akta A1406).*

Alasan bagi penolakan pemberian Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal

65. (1) Jika suatu permohonan dibuat bagi pemberian Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah seksyen 60, Suruhanjaya boleh menolak permohonan itu atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) permohonan itu tidak dibuat mengikut seksyen 60;
- (b) pemohon itu telah tidak mematuhi mana-mana kehendak lain Akta ini atau mana-mana garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (c) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan oleh pemohon itu kepada Suruhanjaya adalah palsu atau mengelirukan atau daripadanya terdapat ketinggalan yang material;
- (d) pemohon itu merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (e) pelaksanaan terhadap pemohon itu yang mengenainya suatu hutang penghakiman dikembalikan tanpa dijelaskan pada keseluruhannya atau sebahagiannya;
- (f) pemohon telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membuat suatu kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa;
- (g) pemohon telah—
 - (i) disabitkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau keganasan atau yang pensabitannya melibatkan dapatan bahawa dia telah bertindak secara fraud atau tidak jujur;

- (ii) disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang di luar Malaysia berkaitan dengan pasaran modal;
- (iia) telah tertakluk pada tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 354, 355 atau 356;
- (iii) melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis sama ada di dalam atau di luar Malaysia yang ternyata pada Suruhanjaya diperbuat bagi melindungi orang awam daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh ketidakjujuran, tidak berwibawa atau amalan salah oleh orang yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan kewangan atau pengurusan syarikat atau terhadap kerugian kewangan yang disebabkan oleh perlakuan bankrap yang dilepaskan atau yang belum dilepaskan;
- (iv) melibatkan diri dalam apa-apa amalan perniagaan yang ternyata pada Suruhanjaya sebagai memperdaya atau menindas atau selainnya tidak wajar (sama ada menyalahi undang-undang atau tidak) atau yang selainnya mencerminkan kesangsian mengenai kaedah dia menjalankan perniagaan; atau
- (v) melibatkan diri dalam atau pernah dikaitkan dengan apa-apa amalan perniagaan lain atau selainnya berkelakuan sedemikian yang menimbulkan keraguan tentang kewibawaan dan kebijaksanaannya membuat keputusan;
- (h) Suruhanjaya tidak berpuas hati mengenai kelayakan pendidikan atau kelayakan lain atau pengalaman pemohon setelah mengambil kira jenis tugas yang kena dijalankan oleh pemohon berkaitan dengan pemegangan lesen itu;
- (i) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon itu tidak dapat bertindak demi kepentingan terbaik klien seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal setelah mengambil kira reputasi, kelakuan, integriti kewangan dan kebolehpercayaannya;

- (j) Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan rekod pelaksanaan lampau atau kepakaran pemohon itu setelah mengambil kira jenis tugas yang dijalankan oleh pemohon berkaitan dengan pemegangan lesen itu;
- (k) terdapat hal keadaan lain yang berkemungkinan membawa kepada penjalanan perniagaan yang tidak wajar oleh, atau mencerminkan kesangsian mengenai cara penjalanan perniagaan, pemohon atau mana-mana orang yang diambil kerja olehnya atau dikaitkan dengannya bagi maksud perniagaannya;
- (l) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon tidak akan menjalankan aktiviti terkawal secara cekap, jujur atau saksama; atau
- (m) Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah bercanggah dengan kepentingan awam untuk memberikan lesen itu.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1406).*

(3) *(Dipotong oleh Akta A1406).*

Kuasa Suruhanjaya untuk menyiasat transaksi berkenaan dengan sekuriti dan derivatif

66. (1) Suruhanjaya boleh menyiasat mana-mana transaksi yang melibatkan pembelian atau penjualan sekuriti atau derivatif yang dibuat atau menyebabkan supaya dibuat oleh—

- (a) seorang pemohon untuk pemberian lesen, pengarah, ketua eksekutif, pengurus atau pengawalnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, semasa mana-mana tempoh dua belas bulan sebelum permohonan bagi pemberian lesen itu; atau
- (b) orang berlesen, pengarah, ketua eksekutif, pengurus atau pengawalnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, pada bila-bila masa,

untuk menentukan jika orang itu telah dalam transaksi itu menggunakan muslihat atau amalan perdagangan yang curang, tidak saksama atau tidak beretika, sama ada muslihat atau amalan perdagangan itu menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau selainnya.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengemukakan maklumat terperinci mengenai apa-apa transaksi yang melibatkan pembelian atau penjualan sekuriti atau derivatif bagi tempoh itu kepada Suruhanjaya, dalam apa-apa bentuk dan cara, dan dalam masa, sebagaimana yang boleh dinyatakan oleh Suruhanjaya melalui notis secara bertulis.

(3) Sebagai tambahan kepada mana-mana penalti lain yang boleh dikenakan di bawah Akta ini, seseorang yang tidak atau enggan mengemukakan maklumat kepada Suruhanjaya dalam masa yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam subseksyen (2) atau yang memberikan maklumat yang palsu atau mengelirukan atau maklumat itu mengandungi suatu ketinggalan yang material, boleh menyebabkan permohonannya untuk pemberian suatu lesen ditolak atau lesennya dibatalkan di bawah seksyen 72.

Kehendak kewangan minimum

67. Tiada pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal boleh menjalankan apa-apa aktiviti terkawal berkenaan dengan lesennya tanpa persetujuan bertulis Suruhanjaya jika ia tidak memenuhi kehendak kewangan minimum sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah bursa saham atau bursa derivatif.

68. (*Dipotong oleh Akta A1406*).

Pengubahan atau pemindahan lesen

69. (1) Suruhanjaya boleh, atas permohonan—

- (a) seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, mengubah lesennya dengan menambah atau mengeluarkan aktiviti terkawal kepada atau daripada aktiviti terkawal yang telah pun dinyatakan dalam lesen itu;
- (b) seseorang pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal, mengubah nama prinsipalnya, yang bagi pihaknya dia bertindak dan aktiviti terkawal yang dimaksudkan oleh lesen itu; atau
- (c) seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, memindahkan lesennya kepada mana-mana orang lain, selepas pemegang itu mendapat suatu perintah mahkamah di bawah subseksyen 139(3).

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang pemohon memberikan Suruhanjaya apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dianggapnya perlu berhubung dengan permohonan itu.

(3) Suatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan fi permohonan yang ditetapkan yang hendaklah dibayar mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya boleh—

- (a) meluluskan permohonan itu tertakluk pada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkan patut olehnya; atau
- (b) menolak permohonan itu atas apa-apa alasan yang dinyatakan dalam subseksyen 64(1) atau 65(1) atau atas mana-mana alasan lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(5) Suruhanjaya tidak boleh menolak permohonan di bawah subseksyen (1) tanpa memberi peluang untuk didengar kepada pemohon.

70. (Dipotong oleh Akta A1437).

Pernyataan palsu berhubung dengan permohonan bagi pemberian atau perubahan lesen

71. Seseorang yang, berkaitan dengan permohonan bagi pemberian atau perubahan sesuatu lesen, membuat suatu pernyataan yang palsu atau mengelirukan mengenai sesuatu butir-butir yang material dengan mengetahui pernyataan itu sebagai palsu atau mengelirukan atau dengan sengaja meninggalkan daripada menyatakan apa-apa perkara atau benda yang tanpanya permohonan itu adalah mengelirukan mengenai suatu hal material melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

Pembatalan dan penggantungan lesen

72. (1) Sesuatu lesen hendaklah disifatkan telah dibatalkan—

- (a) dalam hal pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, jika pemegang itu digulung atau selainnya dibubarkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan
- (b) dalam hal pemegang suatu Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran, jika wakil itu mati.

(2) Suruhanjaya boleh membatalkan sesuatu lesen—

- (a) dalam hal pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, jika—
 - (i) wujud alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya boleh menolak suatu permohonan di bawah subseksyen 64(1);
 - (ii) pemegang itu tidak atau terhenti menjalankan urusan dalam semua atau mana-mana aktiviti terkawal yang

baginya ia dilesenkan bagi suatu tempoh tiga bulan berturut-turut;

- (iii) pemegang itu melanggar apa-apa syarat atau sekatan berkenaan dengan lesennya atau apa-apa arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini;
 - (iv) pemegang itu melanggar mana-mana kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat yang mengikatnya; atau
 - (v) pemegang tidak membayar apa-apa fi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 63; atau
- (b) dalam hal pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal, jika—
- (i) wujud alasan yang berdasarkananya Suruhanjaya boleh menolak suatu permohonan di bawah subseksyen 65(1);
 - (ii) dia tidak atau terhenti bertindak sebagai wakil berkenaan dengan semua atau mana-mana aktiviti terkawal yang baginya dia dilesenkan;
 - (iii) (*Dipotong oleh Akta A1406*);
 - (iv) pemegang itu melanggar apa-apa syarat atau sekatan berkenaan dengan lesennya atau apa-apa arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini; atau
 - (v) pemegang tidak membayar apa-apa fi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 63.
- (3) Jika subseksyen (2) terpakai, Suruhanjaya boleh, jika difikirkannya wajar untuk berbuat demikian—

- (a) menggantungkan suatu lesen bagi suatu tempoh tertentu dan tidak membatalkannya di bawah subseksyen (2); dan
- (b) pada bila-bila masa melanjutkan tempoh atau membatalkan penggantungan itu.

(4) Tertakluk pada subseksyen (5), Suruhanjaya tidak boleh membatalkan atau menggantung sesuatu lesen di bawah subseksyen (2) atau (3) tanpa memberi peluang untuk didengar kepada orang berlesen itu.

(5) Suruhanjaya boleh membatalkan atau menggantung sesuatu lesen tanpa memberi peluang untuk didengar kepada orang berlesen itu—

- (a) dalam hal pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, atas apa-apa alasan yang berikut:
 - (i) pemegang itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
 - (ii) seseorang penerima, penerima dan pengurus atau orang yang setaraf dengannya telah dilantik, sama ada di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan mana-mana harta pemegang itu; atau
 - (iii) seseorang pemegang atau mana-mana pengarah, ketua eksekutif, pengurus atau pengawalnya telah disabitkan atas mana-mana kesalahan yang diperihalkan dalam subperenggan 64(1)(h)(i) atau (ii); atau
- (b) dalam hal pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal, atas apa-apa alasan yang berikut:
 - (i) pemegang itu merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau

- (ii) pemegang itu telah disabitkan atas mana-mana kesalahan yang diperihalkan dalam subperenggan 65(1)(g)(i) atau (ii).

(6) Tanpa menjejaskan subseksyen (2) dan (3), Suruhanjaya boleh, atas mana-mana alasan yang diperihalkan dalam subseksyen (2), mengenakan apa-apa sekatan ke atas aktiviti orang berlesen yang dimaksudkan oleh lesennya dan sekatan itu boleh kekal atau dibuat bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(7) *(Dipotong oleh Akta A1406).*

(8) Jika Suruhanjaya telah membatalkan atau menggantung suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau mengenakan sekatan ke atas pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, pemegang itu hendaklah dengan serta-merta memaklumkan semua wakilnya melalui notis secara bertulis tentang pembatalan, penggantungan atau penganan sekatan itu.

(8A) Jika Suruhanjaya telah membatalkan atau menggantung suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, wakil pemegang lesen itu hendaklah terhenti menjadi seorang pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu.

(8B) Seorang pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang terhenti memegang lesen di bawah subseksyen (8A) boleh mengemukakan permohonan di bawah perenggan 69(1)(b) untuk mengubah lesennya.

(9) Seseorang yang lesennya dibatalkan atau digantung di bawah seksyen ini hendaklah, bagi maksud Penggal ini, disifatkan tidak dilesenkan dari tarikh pembatalan atau penggantungan itu berkuat kuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(10) Seseorang yang—

- (a) menjalankan suatu aktiviti terkawal selepas lesennya dibatalkan atau telah terhenti;

- (b) menjalankan suatu aktiviti terkawal semasa lesennya digantung atau melanggar sekatan yang dikenakan di bawah subseksyen (6); atau
- (c) melanggar subseksyen (8),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripadanya selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kesan pembatalan, penggantungan atau pemberhentian lesen, dsb.

73. (1) Pembatalan, penggantungan atau pemberhentian suatu lesen atau penganan sekatan ke atas suatu lesen di bawah seksyen 72 tidak boleh beroperasi bagi—

- (a) menggelakkan atau menyentuh apa-apa perjanjian, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan aktiviti terkawal yang dibuat oleh orang itu, sama ada perjanjian, transaksi atau perkiraan itu dibuat sebelum atau selepas pembatalan, penggantungan atau pemberhentian lesen itu atau penganan sekatan ke atas lesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (b) menyentuh apa-apa hak, obligasi atau tanggungan yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan itu.

(2) Jika mana-mana lesen dibatalkan atau digantung di bawah Penggal ini, Suruhanjaya boleh melalui notis secara bertulis membenarkan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal—

- (a) dalam hal pembatalan, menjalankan pengendalian urusan bagi maksud menutup urusan yang berkaitan dengan pembatalan itu; atau
- (b) dalam hal penggantungan, menjalankan hanya pengendalian urusan utama bagi melindungi kepentingan klien orang berlesen itu semasa tempoh penggantungan itu,
- (c) *(Dipotong oleh Akta A1406).*

tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam notis itu.

Pemberitahuan keadaan yang menghilangkan kelayakan

74. (1) Seseorang orang berlesen hendaklah, sebaik selepas berlakunya sesuatu kejadian yang menjadi alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya membatalkan suatu lesen di bawah—

- (a) subseksyen 64(1) atau 65(1); atau
- (b) subseksyen 72(2),
- (c) *(Dipotong oleh Akta A1406).*

memberi Suruhanjaya notis bertulis yang menyatakan butir-butir keadaan itu.

(2) Tertakluk pada subseksyen (1), adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang berlesen yang dikehendaki memberikan notis di bawah subseksyen (1) jika dibuktikan bahawa apabila kehendak itu timbul orang berlesen itu tidak menyedari akan keadaan yang menimbulkan kehendak itu.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pelantikan, pemilihan dan penamaan pengarah dan ketua eksekutif orang berlesen, dsb.

75. (1) Seseorang boleh dilantik, dipilih atau dinamakan sebagai seorang pengarah bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hanya jika orang itu ialah seorang yang layak dan sesuai jika tiada suatu pun alasan yang dinyatakan dalam perenggan 65(1)(d), (e), (f), (g), (i), (j), (k) atau (l) akan menghalangnya daripada memegang jawatan itu.

(2) Seseorang tidak boleh dilantik sebagai ketua eksekutif bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal tanpa kelulusan Suruhanjaya.

(2A) Bagi maksud subseksyen (2), dalam meluluskan pelantikan ketua eksekutif, Suruhanjaya boleh juga mengambil kira sama ada—

(a) mana-mana alasan yang dinyatakan dalam perenggan 65(1)(d), (e), (f), (g), (i), (j), (k) atau (l) akan menghalangnya daripada memegang jawatan itu; atau

(b) ia bertentangan dengan kepentingan awam untuk meluluskan pelantikan itu.

(3) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah memberi Suruhanjaya notis bertulis dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya mengenai pelantikan, pemilihan atau penamaan ke jawatan pengarah.

(4) Seorang pengarah yang namanya telah diberitahu kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen (3) atau seorang ketua eksekutif dilantik di bawah subseksyen (2) yang kemudiannya menyedari bahawa dia tidak memenuhi kriteria yang layak dan sesuai yang disebut di bawah subseksyen (1) atau (2A) hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Suruhanjaya.

(5) Jika pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal menyedari bahawa mana-mana pengarah atau ketua eksekutifnya tidak memenuhi kriteria layak dan sesuai yang disebut di bawah subseksyen (1) atau

(2A), pemegang itu hendaklah sebaik sahaja menyedari tentang kehilangan kelayakan itu, memaklumkan Suruhanjaya.

(6) Seseorang hendaklah hilang kelayakan daripada memegang jawatan pengarah atau ketua eksekutif bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, jika—

- (a) mana-mana alasan yang dinyatakan dalam perenggan 65(1)(d), (e), (f), (g), (i), (j), (k) atau (l) terpakai; atau
- (b) ia bertentangan dengan kepentingan awam bagi orang itu untuk terus memegang jawatan pengarah atau ketua eksekutif bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.

(7) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah memastikan bahawa tiada seorang pun memegang jawatan sebagai pengarah atau ketua eksekutif, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika subseksyen (6) terpakai.

(8) Walau apa pun yang terkandung dalam seksyen ini, Suruhanjaya boleh mengarahkan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk memecat pengarah atau ketua eksekutif itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam arahan itu, jika—

- (a) mana-mana alasan yang dinyatakan dalam perenggan 65(1)(d), (e), (f), (g), (i), (j), (k) atau (l) terpakai; atau
- (b) ia bertentangan dengan kepentingan awam bagi orang itu untuk terus memegang jawatan pengarah atau ketua eksekutif bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.

(9) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah dalam tempoh yang ditentukan dalam arahan yang diberikan di bawah subseksyen (8), memecat pengarah atau ketua eksekutif itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memaklumkan pemegang saham bagi

pemegang itu dan Pendaftar Syarikat, jika berkenaan, mengenai pemecatan itu.

(10) Pemecatan seseorang pengarah atau ketua eksekutif, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut arahan yang diberikan di bawah subseksyen (8) hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penerimaan oleh pengarah atau ketua eksekutif itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai pemberitahuan pemecatan yang diberikan oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau memorandum persatuan atau perkara persatuan pemegang lesen itu atau mana-mana perjanjian antara pemegang itu dengan pengarah atau ketua eksekutif itu.

(11) Seseorang yang melanggar seksyen ini atau tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (8) melakukan suatu kesalahan.

Orang berdaftar

76. (1) Seseorang merupakan orang berdaftar bagi maksud subseksyen 58(1) jika orang itu—

- (a) ditentukan sebagai orang berdaftar dalam Jadual 4;
- (b) berdaftar di bawah subseksyen (2);
- (c) berdaftar dengan suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah seksyen 323; atau
- (d) berdaftar dengan sesuatu badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (1)(b) mendaftarkan orang itu bagi satu atau lebih aktiviti terkawal.

(3) Mana-mana pendaftaran di bawah Bahagian 2 Jadual 4, perenggan (1)(b), (c) atau (d) hendaklah tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya, dan Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada orang berdaftar yang berkenaan, meminda atau membatalkan mana-mana syarat atau mengenakan syarat baru.

(4) Jika Suruhanjaya melalui notis secara bertulis meminda atau membatalkan mana-mana terma atau syarat atau mengenakan apa-apa syarat baru di bawah subseksyen (3), pindaan, pembatalan atau pengenaan itu hendaklah mula berkuat kuasa pada masa penyampaian notis itu atau pada apa-apa masa yang ditentukan dalam notis itu, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(5) Berkenaan dengan orang berdaftar yang disebut dalam perenggan 1(a) sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian 1 Jadual 4, orang berdaftar itu hendaklah mematuhi apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 377 berkenaan dengan penjalanan aktiviti terkawal tertentu oleh orang berdaftar itu.

(6) Berkenaan dengan orang yang disebut dalam perenggan (1)(a), yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) orang berdaftar yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian 1 Jadual 4 hanya boleh menjalankan aktiviti terkawal yang dinyatakan dalam ruang kedua Bahagian 1 Jadual 4;
- (b) orang berdaftar yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian 2 Jadual 4 hanya boleh menjalankan aktiviti terkawal yang dinyatakan dalam ruang kedua Bahagian 2 Jadual 4;
- (c) setakat orang berdaftar itu menjalankan aktiviti terkawal yang dinyatakan dalam ruang kedua Bahagian 1 Jadual 4—
 - (i) peruntukan di bawah seksyen 91, 92, 92A, 93, 97 dan 139ZN dan mana-mana peraturan atau garis panduan

yang dibuat menurut seksyen ini hendaklah terpakai bagi orang berdaftar itu dengan ubah suaian yang perlu sebagaimana yang boleh terpakai;

- (ii) individu yang diambil kerja oleh orang berdaftar itu untuk menjalankan aktiviti terkawal hendaklah orang yang layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berkaitan;
 - (iii) orang berdaftar itu hendaklah menyenggarakan suatu daftar yang mengandungi nama individu yang disebut dalam subperenggan (ii) mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berkaitan; dan
 - (iv) tertakluk pada subseksyen (5), pihak berkuasa berkaitan boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana orang sebagai orang yang diberi kuasa bagi maksud memastikan pematuhan oleh orang berdaftar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual 4 dengan peruntukan seksyen 91, 92, 92A, 93, 97 dan 139ZN dan mana-mana peraturan atau garis panduan yang dibuat menurut seksyen yang disebut terdahulu.
- (7) Bagi maksud subseksyen (6), orang yang diberi kuasa boleh—
- (a) menghendaki orang berdaftar untuk memberikan kepadanya apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh orang yang diberi kuasa itu untuk memutuskan sama ada orang berdaftar itu telah mematuhi peruntukan yang disebut dalam subperenggan (6)(c)(i); atau
 - (b) menghendaki orang berdaftar itu untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memastikan pematuhan peruntukan yang disebut dalam subperenggan (6)(c)(i).
- (8) Seseorang orang berdaftar yang disebut dalam perenggan (6)(a) hendaklah mematuhi apa-apa kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (7).

(9) Suruhanjaya boleh menarik balik pendaftaran yang diberikan kepada mana-mana orang berdaftar di bawah subseksyen (2) atau mana-mana orang berdaftar yang disebut dalam Bahagian 2 Jadual 4 jika adalah perlu bagi melindungi pelabur atau demi kepentingan awam atau bagi penyenggaraan suatu pasaran yang teratur atau jika mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) telah tidak dipatuhi.

(10) Suruhanjaya tidak boleh menarik balik pendaftaran di bawah subseksyen (9) tanpa memberi peluang untuk didengar kepada orang berdaftar.

(11) Bagi maksud seksyen ini, istilah “pihak berkuasa berkaitan” merujuk kepada Bank Negara.

Pendaftaran orang yang menyediakan perkhidmatan pasaran modal

76A. (1) Suruhanjaya boleh menentukan apa-apa perkhidmatan sebagai suatu perkhidmatan pasaran modal.

(2) Seseorang yang menyediakan apa-apa perkhidmatan pasaran modal hendaklah memohon untuk didaftarkan di bawah seksyen ini.

(3) Suruhanjaya boleh, apabila suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (2), mendaftarkan orang itu tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, dan Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis, meminda atau membatalkan apa-apa terma atau syarat itu atau mengenakan terma atau syarat baru.

(4) Jika Suruhanjaya, melalui notis secara bertulis, meminda atau membatalkan apa-apa terma atau syarat atau mengenakan apa-apa terma atau syarat baru di bawah subseksyen (3), pindaan, pembatalan atau pengenaan itu hendaklah berkuat kuasa pada masa penyampaian notis itu atau pada masa yang ditentukan dalam notis itu.

(5) Suruhanjaya boleh menarik balik pendaftaran yang diberikan di bawah subseksyen (3) jika ia perlu bagi perlindungan pelabur atau kepentingan awam atau jika apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) atau (4) telah tidak dipatuhi.

(6) Suruhanjaya hendaklah memberi orang itu suatu peluang untuk didengar sebelum apa-apa keputusan dibuat di bawah subseksyen (5).

Daftar pemegang lesen

77. (1) Suruhanjaya hendaklah menyimpan mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkannya patut suatu daftar pemegang lesen semasa, yang menyatakan—

- (a) berhubung dengan setiap pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal—
 - (i) namanya;
 - (ii) jika pemegang itu suatu perbadanan, nama pengarah dan setiausaha perbadanan itu;
 - (iii) alamat tempat urusan utama dan mana-mana cawangan di mana ia menjalankan urusan itu; dan
 - (iv) jika urusan itu dijalankan di bawah suatu nama atau gelaran selain nama pemegang lesen itu, nama atau gelaran yang urusan itu dijalankan; dan
- (b) berhubung dengan pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal—
 - (i) namanya;
 - (ii) nama pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang berhubungan dengannya Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal dikeluarkan; dan

(iii) jika urusan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dijalankan di bawah suatu nama atau gelaran selain nama pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, nama atau gelaran yang urusan itu dijalankan; dan

(c) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang difikirkan berkaitan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan daripada daftar tiap-tiap kemasukan yang berhubung dengan mana-mana orang yang terhenti dilesenkan di bawah Penggal ini.

(3) Seseorang boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, memeriksa dan mengambil cabutan daripada daftar yang disimpan di bawah subseksyen (1).

Pemberitahuan perubahan butir-butir

78. (1) Jika—

(a) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal terhenti menjalankan semua atau mana-mana aktiviti terkawal yang dimaksudkan oleh lesen itu;

(b) pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal terhenti menjadi wakil pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang berhubung dengannya Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal itu dikeluarkan, dan lesen itu belum diubah di bawah seksyen 69;

(c) perubahan berlaku dalam apa-apa maklumat yang dikehendaki dimasukkan ke dalam daftar pemegang lesen di bawah seksyen 77; atau

(d) perubahan berlaku dalam maklumat yang dikemukakan kepada Suruhanjaya mengikut subseksyen 60(1) atau (3),

pemegang lesen itu hendaklah, tidak lewat daripada empat belas hari selepas berlakunya keadaan itu, memberikan kepada Suruhanjaya, mengikut bentuk yang ditentukan, butir-butir secara bertulis tentang keadaan yang berkenaan.

(2) Jika orang berlesen terhenti menjalankan urusan dalam semua atau mana-mana aktiviti terkawal yang dimaksudkan oleh lesen itu, ia hendaklah mengembalikan lesen kepada Suruhanjaya dalam masa empat belas hari dari tarikh pemberhentian itu.

Penyiaran nama dan alamat

79. (1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan disiarkan mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, suatu senarai nama dan alamat semua pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.

(2) Maklumat yang dikehendaki disiarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun.

(3) Jika Suruhanjaya pada bila-bila masa meminda mana-mana daftar yang disimpannya di bawah seksyen 77 dengan menambahkan atau mengeluarkan nama seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, Suruhanjaya hendaklah menyebabkan butir-butir pindaan itu disiarkan.

Rayuan

80. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Suruhanjaya di bawah Penggal ini kecuali bagi pembatalan suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif, boleh dalam masa empat belas hari selepas orang itu telah diberitahu mengenai keputusan itu, merayu secara bertulis kepada Suruhanjaya untuk mengkaji semula keputusannya.

(2) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif yang lesennya dibatalkan

oleh Suruhanjaya boleh dalam masa empat belas hari selepas orang itu telah diberitahu mengenai keputusan itu, merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad.

(3) Apabila suatu rayuan dibuat kepada Suruhanjaya atau kepada Menteri di bawah seksyen ini, keputusan Suruhanjaya itu tidak boleh berkuat kuasa sehingga rayuan itu diselesaikan.

(4) Walau apa pun yang terkandung dalam subseksyen (3), dalam pemberitahuan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh menyatakan bahawa keputusan Suruhanjaya hendaklah berkuat kuasa serta-merta pada tarikh pemberitahuan itu dikeluarkan atau pada mana-mana tarikh lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya, jika Suruhanjaya berpendapat bahawa ia perlu untuk kepentingan pelabur atau kepentingan awam.

Penyerahan lesen

81. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), orang berlesen boleh menyerahkan lesen itu dengan menghantarkannya kepada Suruhanjaya berserta suatu notis bertulis mengenai penyerahannya.

(2) Penyerahan suatu lesen tidak boleh berkuat kuasa sehingga Suruhanjaya berpuas hati bahawa perkiraan yang mencukupi telah dibuat bagi memenuhi segala tanggungan dan obligasi orang berlesen yang belum selesai pada masa notis penyerahan itu diberikan oleh orang berlesen itu.

(3) Penyerahan suatu lesen yang dibuat di bawah subseksyen (1) tidak boleh beroperasi untuk—

- (a) mengelakkan atau menyentuh apa-apa perjanjian, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan aktiviti terkawal yang dibuat oleh orang itu, sama ada perjanjian, transaksi atau perkiraan itu dibuat sebelum atau selepas penyerahan lesen itu; atau

- (b) menyentuh apa-apa hak, obligasi atau tanggungan yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan itu.

(4) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan disiarkan dengan secepat yang dapat dilaksanakan suatu notis tentang tiap-tiap penyerahan suatu lesen di bawah subseksyen (1), tetapi apa-apa kelengahan dalam menyiarkan notis itu atau kegagalan untuk menyiarkannya tidaklah menyentuh kesahan penyerahan itu.

Penggal 2

Rekod

Pemakaian Penggal ini

- 82.** (1) Penggal ini terpakai bagi seseorang yang merupakan—
- (a) orang berlesen yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti;
 - (b) orang berlesen yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang;
 - (c) orang berlesen yang menjalankan urusan memberi nasihat mengenai kewangan korporat;
 - (d) orang berlesen yang menjalankan urusan memberi nasihat pelaburan;
 - (e) orang berlesen yang menjalankan urusan perancangan kewangan;
 - (f) wartawan kewangan; atau
 - (g) ejen depository yang diberi kuasa yang dilantik di bawah seksyen 13 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

(2) Dalam Penggal ini, “wartawan kewangan” ertinya seorang yang bukan orang berlesen dan, dalam perjalanan urusan atau pekerjaan orang itu menyumbangkan nasihat, atau menyediakan analisis atau laporan, tentang sekuriti untuk disiarkan—

- (a) dalam akhbar atau terbitan berkala;
- (b) dalam perjalanan atau dengan cara penghantaran yang dibuat melalui perkhidmatan maklumat; atau
- (c) dalam rakaman bunyi, rakaman video atau rakaman data.

(3) Dalam Penggal ini, sebutan mengenai sekuriti ialah sebutan mengenai sekuriti sesuatu perbadanan atau mengenai sekuriti yang disebut harga atau diniagakan di bursa saham di Malaysia, mengikut kehendak keadaan.

Daftar sekuriti

83. (1) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 82(1) hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengikut bentuk yang ditentukan mengenai sekuriti yang dalamnya dia mempunyai kepentingan.

(2) Daftar yang dikehendaki disimpan di bawah Penggal ini hendaklah disimpan di mana-mana tempat di Malaysia sebagaimana yang dinamakan oleh orang yang disebut dalam subseksyen (1) bagi maksud Penggal ini dengan syarat bahawa orang itu hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis selepas mula menyimpan daftar itu.

(3) Seseorang yang disebut dalam subseksyen 82(1) hendaklah memasukkan ke dalam daftar, butir-butir mengenai sekuriti yang dalamnya dia mempunyai kepentingan dan butir-butir mengenai kepentingannya dalam sekuriti itu dalam masa tujuh hari selepas tarikh pemerolehan.

(4) Jika terdapat perubahan, yang bukan merupakan perubahan yang ditetapkan, dalam kepentingan sekuriti seseorang yang disebut dalam subseksyen 82(1), dia hendaklah—

- (a) memasukkan ke dalam daftar itu butir-butir penuh mengenai perubahan itu termasuk tarikh perubahan dan hal keadaan yang menyebabkan berlaku perubahan itu; dan
- (b) kemasukan itu hendaklah dibuat dalam masa tujuh hari selepas tarikh perubahan itu.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), jika seseorang memperoleh atau melupuskan sekuriti, maka hendaklah disifatkan berlaku suatu perubahan dalam kepentingan orang itu.

Notis mengenai butir-butir kepada Suruhanjaya

84. (1) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 82(1) hendaklah memberikan notis kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang ditentukan termasuk tempat di mana dia akan menyimpan daftar mengenai kepentingannya dalam sekuriti.

(2) Notis itu hendaklah diberikan—

- (a) dalam hal orang yang dikehendaki oleh Akta ini memegang suatu lesen, sebagai sebahagian daripada permohonannya untuk mendapatkan lesen itu; atau
- (b) dalam hal mana-mana orang lain, jika orang itu menjadi orang yang disebut dalam subseksyen 82(1), dalam masa empat belas hari dari tarikh dia menjadi orang itu.

(3) Notis itu hendaklah diberikan sedemikian walaupun orang itu telah terhenti daripada menjadi orang yang disebut dalam subseksyen 82(1), sebelum habis tempoh yang disebut dalam subseksyen (2).

(4) Seseorang yang terhenti daripada menjadi orang yang disebut dalam subseksyen 82(1) hendaklah memberikan notis kepada Suruhanjaya mengenai pemberhentiannya itu dalam bentuk yang ditentukan dalam masa empat belas hari selepas dia terhenti.

(5) Seseorang yang tidak memberikan notis sebagaimana dikehendaki oleh seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Pembelaan terhadap pendakwaan

85. (1) Menjadi suatu pembelaan terhadap pendakwaan kerana melanggar atau kegagalan mematuhi seksyen 83 atau 84, jika defendan membuktikan bahawa kegagalannya itu disebabkan dia tidak menyedari tentang fakta atau kejadian, yang kewujudannya adalah perlu untuk menjadikannya kesalahan itu, dan bahawa—

- (a) dia tidak menyedari sedemikian pada tarikh saman itu;
- (b) dia menyedari sedemikian kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh saman itu; atau
- (c) dia menyedari sedemikian tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh saman itu dan telah mematuhi seksyen yang berkaitan dalam apa-apa masa yang ditetapkan selepas menyedari sedemikian.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang hendaklah dianggap dengan muktamad sebagai telah menyedari mengenai sesuatu fakta atau kejadian pada suatu masa tertentu yang seorang pekerja atau ejen orang itu yang merupakan pekerja atau ejen yang mempunyai kewajipan atau yang bertindak berhubung dengan kepentingan majikan atau prinsipalnya dalam sekuriti yang berkenaan, menyedari pada masa itu.

Pengemukakan daftar

86. (1) Suruhanjaya boleh menghendaki mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 82(1) mengemukakan untuk diperiksa daftar yang dikehendaki disimpan menurut seksyen 83 dan Suruhanjaya boleh membuat salinan atau membuat cabutan daripada daftar itu.

(2) Seseorang yang tidak mengemukakan sesuatu daftar untuk diperiksa atau tidak membenarkan Suruhanjaya membuat salinan atau membuat cabutan daripada daftar itu melakukan suatu kesalahan.

Butir-butir mengenai wartawan kewangan

87. (1) Suruhanjaya boleh melalui notis secara bertulis menghendaki tuan punya, penerbit atau pengeluar suatu akhbar, terbitan berkala, perkhidmatan penerangan atau rakaman suara, video atau data untuk memberikan kepada Suruhanjaya nama dan alamat wartawan kewangan yang telah menyumbangkan apa-apa nasihat atau menyediakan apa-apa analisis atau laporan yang telah diterbitkan atau disiarkan dalam suatu akhbar, terbitan berkala, perkhidmatan penerangan atau rakaman suara, video atau data yang dipunyai, diterbitkan atau disiarkan oleh tuan punya, penerbit atau pengeluar itu atau nama dan alamat semua wartawan kewangan yang telah menyumbangkan apa-apa nasihat itu atau menyediakan apa-apa analisis atau laporan itu dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan dalam notis itu.

(2) Seseorang tuan punya, penerbit atau pengeluar sesuatu akhbar, terbitan berkala, perkhidmatan penerangan atau rakaman suara, video atau data yang melanggar suatu notis di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Suruhanjaya boleh memberi salinan cabutan daripada daftar

88. Suruhanjaya boleh, apabila diterima fi yang ditetapkan, memberikan kepada mana-mana orang salinan cabutan daripada daftar yang diperolehi menurut seksyen 86.

Penggagal 3

Penjalanan urusan

Subpenggagal 1 – Am

89. *(Dipotong oleh Akta A1499).*

Pengeluaran nota kontrak

90. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan di bawah subseksyen 378(3) berkenaan dengan pengeluaran nota kontrak kepada klien pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.

(2) Seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mematuhi kehendak peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri berhubung dengan nota kontrak itu.

(3) Seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang melanggar apa-apa kehendak peraturan-peraturan yang berhubung dengan nota kontrak melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penzahiran kepentingan tertentu dalam sekuriti

91. (1) Jika orang berlesen menghantar surat pekeliling atau perhubungan bertulis lain yang seumpamanya yang dalamnya dia membuat suatu syor, sama ada secara nyata atau tersirat, berkenaan dengan mana-mana sekuriti, atau kelas sekuriti, orang berlesen itu hendaklah menyebabkan dimasukkan ke dalam setiap surat pekeliling atau perhubungan lain itu, secara bertaip yang tidak kurang mudahnya untuk dibaca daripada yang digunakan dalam peringatan surat pekeliling atau perhubungan lain yang selebihnya, suatu pernyataan ringkas dan padat mengenai jenis apa-apa kepentingan yang berkaitan dalam, atau apa-apa kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan, sekuriti itu atau sekuriti yang termasuk dalam kelas itu yang ada pada

orang berlesen atau orang yang bersekutu dengannya pada tarikh yang terakhir orang berlesen itu menghantar surat pekeliling atau perhubungan lain itu.

(2) Menjadi suatu pembelaan terhadap pendakwaan bagi suatu kesalahan terhadap subseksyen (1) berhubung dengan kegagalan untuk memasukkan ke dalam surat pekeliling atau perhubungan lain suatu pernyataan mengenai jenis kepentingan yang berkaitan dalam, atau suatu kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan, sekuriti atau sekuriti yang termasuk dalam suatu kelas sekuriti, yang menjadi suatu kepentingan yang berkaitan atau kepentingan defendan atau orang yang bersekutu dengan defendan itu, jika defendan itu membuktikan bahawa, pada masa surat pekeliling atau perhubungan lain itu dihantar, dia tidak menyedari dan tidak dapat semunasabahnya dijangkakan menyedari bahawa—

- (a) dia mempunyai suatu kepentingan yang berkaitan dalam, atau suatu kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan, sekuriti itu atau sekuriti yang termasuk dalam kelas itu; atau
- (b) orang yang bersekutu dengannya mempunyai suatu kepentingan yang berkaitan dalam, atau suatu kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan, sekuriti itu atau sekuriti yang termasuk dalam kelas itu,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Bagi maksud subseksyen (1) dan (2)—

- (a) kepentingan seseorang dalam pelupusan sekuriti termasuklah apa-apa faedah atau keuntungan kewangan yang akan, atau berkemungkinan, terakru secara langsung atau secara tidak langsung kepada orang itu apabila dilupuskan, atau berbangkit daripada pelupusan sekuriti itu;
- (c) tanpa mengehendkan keluasan makna yang terdahulu, seseorang yang telah membuat suatu perjanjian taja jamin berkenaan dengan sekuriti hendaklah disifatkan mempunyai

kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan sekuriti itu; dan

- (c) walau apa pun peruntukan seksyen 3, seseorang tidak bersekutu dengan seseorang yang lain berhubung dengan penghantaran surat pekeliling atau perhubungan lain atau pembuatan suatu syor hanya oleh sebab dia seorang pengarah pertubuhan perbadanan yang orang yang satu lagi itu juga seorang pengarah, sama ada atau tidak pertubuhan perbadanan itu menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti, melainkan jika orang itu atau orang yang satu lagi itu bertindak bersesama, atau selainnya bertindak bersama atau di bawah atau mengikut suatu perkiraan yang dibuat antara mereka, berhubung dengan penghantaran surat pekeliling atau perhubungan itu atau pembuatan syor itu.

(4) Jika—

- (a) seseorang telah melanggan atau membeli sekuriti bagi maksud menawarkan semua atau mana-mana daripadanya untuk dibeli; dan
- (b) orang itu menawarkan mana-mana daripada sekuriti itu untuk dibeli,

orang itu tidak boleh membuat syor, sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada nyata atau secara tersirat, berkenaan dengan sekuriti yang ditawarkan untuk dibeli melainkan jika dia telah memaklumkan setiap orang yang kepadanya syor itu telah dibuat bahawa dia memperoleh sekuriti itu bagi maksud itu.

(5) Jika—

- (a) sekuriti telah ditawarkan untuk langganan atau pembelian; dan
- (b) seseorang telah melanggan atau membeli atau sedang atau akan atau mungkin dikehendaki melanggan atau membeli, mana-mana daripada sekuriti itu di bawah suatu perjanjian

taja jamin oleh sebab beberapa atau semua sekuriti itu belum lagi dilanggan atau dibeli,

orang itu tidak boleh, dalam tempoh sembilan puluh hari selepas penutupan tawaran itu, membuat suatu tawaran untuk menjual sekuriti itu, selain mengikut penjalanan biasa perdagangan di pasaran saham, atau membuat suatu syor berkenaan dengan sekuriti itu melainkan jika tawaran atau syor itu mengandungi atau disertakan dengan suatu pernyataan yang bermaksud bahawa tawaran atau syor itu adalah berhubung dengan sekuriti yang telah diperolehnya, atau sedang atau akan atau mungkin dikehendaki diperolehnya, di bawah suatu perjanjian taja jamin oleh sebab beberapa atau semua sekuriti itu belum lagi dilanggan atau dibeli.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), “taja jamin” termasuklah taja jamin kecil.

(7) Seseorang berlesen tidak boleh menghantar kepada seseorang suatu surat pekeliling atau perhubungan lain atau tawaran bertulis atau syor yang baginya subseksyen (1), (4) atau (5) terpakai melainkan jika surat pekeliling atau perhubungan lain atau tawaran atau syor itu—

- (a) jika orang berlesen itu ialah orang sebenar, ditandatangani oleh orang berlesen itu;
- (b) jika orang berlesen itu ialah orang sebenar yang menjalankan perniagaan perkongsian, ditandatangani oleh seorang pekongsi dalam perkongsian itu atas namanya sendiri atau atas nama perkongsiannya;
- (c) jika orang berlesen itu ialah orang sebenar yang menjalankan perniagaan dalam suatu perbadanan, ditandatangani oleh seorang pengarah, pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan itu; atau
- (d) jika orang berlesen itu ialah suatu perbadanan, ditandatangani oleh seorang pengarah, pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan itu.

(8) Jika seseorang orang berlesen menghantar kepada seseorang suatu surat pekeliling atau perhubungan lain atau tawaran bertulis atau syor yang baginya subseksyen (1), (4) atau (5) terpakai, orang berlesen itu hendaklah menyimpan suatu salinan surat pekeliling atau perhubungan lain, atau tawaran atau syor bertulis itu, yang ditandatangani sewajarnya oleh orang yang berkenaan, selama tempoh tujuh tahun.

(9) Sebutan dalam seksyen ini mengenai tawaran sekuriti hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai pernyataan, walau bagaimana jua pun dinyatakan, yang bukannya suatu tawaran tetapi secara nyata atau secara tersirat mempelawa seseorang yang kepadanya tawaran itu dibuat untuk memperoleh sekuriti.

(10) Bagi maksud seksyen ini, suatu surat pekeliling atau perhubungan lain atau suatu tawaran bertulis atau syor yang dihantar kepada seseorang hendaklah—

- (a) jika ia ditandatangani oleh seseorang dalam perkongsian, disifatkan telah dihantar oleh setiap pekongsi dalam perkongsian itu; atau
- (b) jika ia ditandatangani oleh seorang pengarah, pegawai eksekutif atau setiausaha suatu perbadanan, disifatkan telah dihantar oleh perbadanan itu.

(11) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri jika ia tidak menjejaskan kepentingan pelabur, mengecualikan secara bertulis mana-mana sekuriti atau kelas orang atau sekuriti atau orang daripada seksyen ini.

(12) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Syor oleh orang berlesen

92. (1) Seseorang orang berlesen tidak boleh membuat sesuatu syor berkenaan dengan mana-mana sekuriti atau derivatif kepada seseorang yang semunasabahnya boleh dijangkakan akan bergantung pada syor itu tanpa mempunyai asas yang munasabah untuk membuat syor itu kepada orang itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang orang berlesen tidak mempunyai suatu asas yang munasabah untuk membuat sesuatu syor kepada seseorang melainkan jika—

- (a) orang berlesen itu telah, bagi maksud memastikan bahawa syor itu adalah sesuai, mengambil semua langkah yang dapat dilaksanakan bagi memastikan bahawa maklumat yang dimiliki dan dipercayai oleh orang berlesen itu berkenaan dengan objektif pelaburan, kedudukan kewangan dan keperluan tertentu orang itu adalah tepat dan lengkap;
- (b) orang berlesen itu telah memberikan apa-apa pertimbangan kepada, dan menjalankan apa-apa penyiasatan tentang, hal perkara syor itu sebagaimana yang munasabah dalam segala hal keadaan; dan
- (c) syor itu adalah berasaskan pertimbangan dan penyiasatan yang sedemikian.

(3) Seseorang orang berlesen yang melanggar subseksyen (1) tidak melakukan suatu kesalahan.

(4) Jika orang berlesen melanggar subseksyen (1) atau seksyen 91 dengan membuat suatu syor kepada seseorang dan—

- (a) orang itu, kerana bergantung kepada syor itu, melakukan suatu perbuatan tertentu atau menahan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan tertentu;
- (b) adalah munasabah, setelah mengambil kira syor itu dan segala hal keadaan lain yang berkaitan, bagi orang itu untuk

melakukan perbuatan itu atau menahan diri daripada melakukan perbuatan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kerana bergantung kepada syor itu; dan

- (c) orang itu mengalami kehilangan atau kerugian akibat melakukan perbuatan itu atau menahan diri daripada melakukan perbuatan itu,

orang berlesen itu hendaklah bertanggung untuk membayar kerosakan kepada orang itu berkenaan dengan kerugian atau kerosakan itu.

(5) Seseorang orang berlesen tidaklah bertanggung di bawah subseksyen (4) jika dibuktikan bahawa seseorang orang yang munasabah dalam hal keadaan itu akan melakukan atau meninggalkan daripada melakukan, perbuatan itu kerana bergantung kepada syor itu walaupun jika orang berlesen itu telah mematuhi subseksyen itu berhubung dengan syor itu.

(6) Dalam hal pelanggaran subseksyen (1), orang berlesen tidaklah bertanggung jika dibuktikan bahawa syor itu adalah, dalam segala hal keadaan, wajar dengan mengambil kira maklumat yang ada pada orang berlesen itu tentang objektif pelaburan, kedudukan kewangan dan keperluan tertentu klien itu semasa orang berlesen itu membuat syor itu.

(7) Dalam seksyen ini, sebutan mengenai pembuatan sesuatu syor ialah sebutan mengenai pembuatan sesuatu syor sama ada secara nyata atau secara tersirat.

Maklumat yang hendak diberikan kepada seseorang yang melabur dalam produk pasaran modal

92A. (1) Suruhanjaya boleh menentukan jenis dan tahap maklumat yang hendak diberikan kepada seseorang yang melabur dalam mana-mana produk pasaran modal dan penentuan itu termasuklah—

- (a) maklumat yang menerangkan ciri-ciri utama produk pasaran modal itu;
 - (b) maklumat yang menerangkan jenis obligasi yang ditanggung oleh pihak yang berniaga dalam produk pasaran modal itu;
 - (c) maklumat yang menyatakan risiko yang dikaitkan dengan produk pasaran modal itu; dan
 - (d) perincian terma penting bagi produk pasaran modal itu.
- (2) Mana-mana orang yang—
- (a) mengeluarkan atau membekalkan maklumat palsu atau mengelirukan;
 - (b) membuat apa-apa kenyataan yang palsu atau mengelirukan; atau
 - (c) dengan sengaja meninggalkan daripada menyatakan apa-apa perkara atau benda yang tanpanya kenyataan atau maklumat itu mengelirukan mengenai suatu hal material,

kepada seseorang yang melabur dalam produk pasaran modal, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh mana-mana hak tindakan yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang lain kepada orang yang melabur dalam produk pasaran modal itu.

(4) Hendaklah menjadi suatu pembelaan terhadap pendakwaan atau apa-apa prosiding terhadap pelanggaran seksyen ini oleh mana-mana orang jika dia membuktikan bahawa—

- (a) dia telah membuat semua siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu; dan
- (b) selepas membuat siasatan itu, dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai sehingga masa pernyataan itu dibuat atau maklumat itu diberikan bahawa—
 - (i) pernyataan atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan; atau
 - (ii) tidak terdapat peninggalan yang material.

Keutamaan diberikan kepada pesanan klien

93. (1) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan di bawah subseksyen (2)—

- (a) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau pengurusan kumpulan wang semasa bertindak sebagai prinsipal atau bagi pihak orang yang bersekutu dengan atau berkaitan dengan pemegang itu; atau
- (b) wakil pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal semasa bertindak bagi akaunnya sendiri atau bagi pihak orang yang bersekutu atau berkaitan dengan wakil itu,

tidak boleh membuat transaksi pembelian atau penjualan sekuriti yang dibenarkan untuk diperdagangkan di pasaran saham suatu bursa saham jika klien pemegang atau wakil yang tidak bersekutu dengan atau tiada kaitan dengan pemegang atau wakil itu, telah mengarahkan pemegang atau wakil itu untuk membeli atau menjual, masing-masingnya, sekuriti daripada kelas yang sama dan pemegang atau wakil itu tidak mematuhi arahan itu.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai berhubung dengan pembuatan suatu transaksi oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau pengurusan kumpulan wang sebagai prinsipal atau bagi pihak orang yang bersekutu dengan atau berkaitan dengan pemegang itu, atau oleh wakil pemegang itu bagi akaunnya sendiri atau bagi pihak orang yang bersekutu dengan atau berkaitan dengan wakil, jika—

- (a) arahan daripada klien pemegang itu menghendaki pembelian atau penjualan sekuriti bagi pihak klien itu dilaksanakan hanya atas syarat yang ditentukan yang berhubungan dengan harga yang sekuriti itu hendak dibeli atau dijual dan pemegang atau wakil pemegang itu tidak dapat membeli atau menjual sekuriti itu disebabkan oleh syarat itu; atau
- (b) transaksi itu dibuat dalam hal keadaan yang ditetapkan.

(3) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

94. *(Dipotong oleh Akta A1499).*

95. *(Dipotong oleh Akta A1499).*

Obligasi tambahan ke atas orang berlesen

96. (1) Sebagai tambahan kepada kehendak yang dikenakan ke atas orang berlesen di bawah Akta ini, Suruhanjaya boleh mengenakan—

- (a) dalam hal orang berlesen pada amnya, atau mana-mana kelas orang berlesen; atau
- (b) dalam hal mana-mana orang berlesen tertentu, melalui arahan bertulis yang diberikan kepada orang itu,

apa-apa kehendak selanjutnya yang didapati sesuai oleh Suruhanjaya berkenaan dengan penjalanan atau hal ehwal kewangan orang berlesen itu.

(2) Seseorang orang berlesen hendaklah mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Subpenggal 2 — Sekuriti

Berurusan sebagai prinsipal

97. (1) Tertakluk pada subseksyen (4), pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga sekuriti tidak boleh, sebagai prinsipal, berniaga dalam apa-apa sekuriti dengan seseorang yang bukan pemegang melainkan jika pemegang itu terlebih dahulu memaklumkan orang itu bahawa pemegang itu bertindak dalam transaksi itu sebagai prinsipal dan bukan sebagai ejen.

(2) Sebutan dalam seksyen ini mengenai pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti sebagai prinsipal termasuklah sebutan mengenai seorang—

- (a) yang berniaga atau membuat transaksi bagi pihak seseorang yang bersekutu dengan pemegang itu;
- (b) yang berniaga dalam sekuriti bagi pihak suatu perbadanan yang dalamnya ia mempunyai suatu kepentingan mengawal; atau
- (c) jika ia menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti bagi pihak suatu perbadanan yang dalamnya kepentingannya dan kepentingan pengarahnya bersama menjadi suatu kepentingan mengawal.

(3) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti, yang sebagai prinsipal, berniaga dalam sekuriti dengan seseorang yang bukan pemegang

hendaklah menyatakan dalam nota kontrak bahawa pemegang itu bertindak dalam transaksi itu sebagai prinsipal dan bukan sebagai ejen.

(4) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi transaksi penjualan atau pembelian sekuriti berlot ganjil yang dibuat oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang merupakan organisasi peserta dan mahir dalam transaksi yang berhubungan dengan sekuriti berlot ganjil.

(5) Jika pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga sekuriti melanggar subseksyen (1) atau (3) berkenaan dengan suatu kontrak—

(a) bagi penjualan sekuriti oleh pemegang itu, pembeli sekuriti itu boleh, jika dia belum lagi melupuskannya, membatalkan kontrak itu melalui suatu notis pembatalan secara bertulis yang diberikan kepada pemegang itu tidak lewat daripada empat belas hari selepas penerimaan nota kontrak itu atau apabila menyedari tentang pelanggaran subseksyen (1) atau (3), mengikut mana-mana yang terkemudian; atau

(b) bagi pembelian sekuriti oleh pemegang itu, penjual sekuriti itu boleh membatalkan kontrak itu melalui suatu notis pembatalan secara bertulis yang diberikan kepada pemegang itu tidak lewat daripada empat belas hari selepas penerimaan nota kontrak itu atau apabila menyedari tentang pelanggaran subseksyen (1) atau (3), mengikut mana-mana yang terkemudian.

(6) Apa-apa hak tindakan yang diberikan ke atas pembeli atau penjual di bawah subseksyen (5) adalah sebagai tambahan kepada apa-apa hak yang ada pada pembeli atau penjual itu di bawah mana-mana undang-undang lain.

(7) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penjualan pendek

98. (1) Tertakluk pada seksyen ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat, seseorang tidak boleh menjual sekuriti melainkan jika, pada masa dia menjualkannya—

- (a) dia mempunyai atau, jika dia menjual sebagai ejen, prinsipalnya mempunyai; atau
- (b) dia mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa dia mempunyai, atau jika dia menjual sebagai ejen, prinsipalnya mempunyai,

pada masa itu suatu hak yang boleh digunakan dan tanpa syarat untuk meletak hak sekuriti itu pada pembeli sekuriti itu.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) seseorang yang, pada bila-bila masa tertentu, mempunyai pada masa itu suatu hak yang boleh digunakan dan tanpa syarat supaya sekuriti terletak hak padanya atau mengikut arahannya hendaklah disifatkan mempunyai pada masa itu suatu hak yang boleh digunakan dan tanpa syarat untuk meletakhakkan sekuriti itu pada seorang yang lain; dan
- (b) hak seseorang untuk meletakhakkan sekuriti pada seseorang yang lain tidak boleh disifatkan sebagai bukan tanpa syarat hanya oleh sebab hakikat bahawa sekuriti itu digadaikan atau disandarkan bagi kepentingan seseorang yang lain untuk mendapatkan pembayaran balik wang.

(4) Subseksyen (1) tidak terpakai berhubung dengan mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) penjualan sekuriti oleh pemegang sesuatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti yang mahir dalam transaksi yang berhubungan dengan sekuriti berlot ganjil, yang merupakan suatu jualan yang dibuat olehnya sebagai prinsipal semata-mata bagi maksud—
 - (i) menerima suatu tawaran untuk membeli sekuriti berlot ganjil; atau
 - (ii) melupuskan sekuriti yang kurang daripada suatu kumpulan sekuriti boleh pasar dengan cara menjual satu kumpulan boleh pasar sekuriti itu;
- (b) penjualan sekuriti oleh seseorang yang sebelum masa penjualan telah membuat suatu kontrak untuk membeli sekuriti itu dan yang mempunyai hak supaya sekuriti itu terletak hak padanya iaitu bersyarat hanya atas semua atau mana-mana daripada yang berikut:
 - (i) pembayaran sebagai balasan berkenaan dengan pembelian itu;
 - (ii) penerimaan olehnya suatu surat cara pindah milik yang sewajarnya berkenaan dengan sekuriti itu; atau
 - (iii) penerimaan olehnya dokumen yang merupakan, atau adalah dokumen hakmilik kepada, sekuriti itu;
- (c) penjualan sekuriti jika—
 - (i) sekuriti itu termasuk dalam kelas sekuriti yang berhubung dengannya ada peruntukan dalam kaedah-kaedah bursa saham yang memberi kesan bahawa kelas itu ialah suatu kelas sekuriti yang baginya perenggan ini terpakai;
 - (ii) penjualan itu dibuat sebagaimana yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah bursa saham itu; dan

- (iii) pada masa penjualan itu, orang yang telah menjual sekuriti itu, atau mana-mana orang yang bagi pihaknya orang yang mula-mula disebut itu telah menjualkan sekuriti itu, bukan merupakan sekutu, berhubung dengan penjualan itu, bagi pertubuhan perbadanan yang mengeluarkan atau menjadikan tersedia sekuriti itu;
- (d) penjualan sekuriti yang dibenarkan oleh Bank Negara diurusniagakan di pasaran wang jangka pendek;
- (e) penjualan sekuriti—
 - (i) bagi kelas atau kategori itu; atau
 - (ii) yang diurusniagakan mengikut cara atau dalam hal keadaan,sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri; dan
- (f) pembuatan atau perniagaan dalam derivatif, atau apa-apa yang dilakukan yang berhubungan dengannya, di pasaran derivatif suatu bursa derivatif atau di suatu pasaran derivatif terkecuali.

(5) Bagi maksud seksyen ini, suatu “kumpulan boleh pasar” berhubung dengan sekuriti yang disenaraikan untuk sebut harga di pasaran saham suatu bursa saham, ertinya kumpulan boleh pasar sekuriti itu mengikut pengertian kaedah-kaedah bursa saham itu.

(6) Seseorang yang mengarahkan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti untuk melaksanakan suatu penjualan sekuriti yang baginya subseksyen (1) terpakai tetapi jika tidak kerana perenggan (4)(c) hendaklah, pada masa memberi arahan itu, memaklumkan pemegang itu bahawa jualan itu adalah jualan pendek.

(7) Seseorang yang, di pasaran saham suatu bursa saham, melaksanakan, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, suatu penjualan sekuriti yang baginya subseksyen (1) terpakai tetapi jika tidak kerana

perenggan (4)(c) hendaklah menyebabkan diendorskan pada mana-mana dokumen yang membuktikan jualan itu yang diberikan kepada orang yang, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, membeli sekuriti itu suatu pernyataan bahawa penjualan itu adalah jualan pendek.

- (8) Bagi maksud seksyen ini, jika seseorang—
- (a) berupa sebagai menjual sekuriti;
 - (b) menawarkan untuk menjual sekuriti;
 - (c) mengemukakan dirinya sebagai layak untuk menjual sekuriti; atau
 - (d) mengarahkan pemegang sesuatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti untuk menjual sekuriti,

dia hendaklah disifatkan sebagai menjual sekuriti.

Subpenggal 3 — Derivatif terselaras

Berdagang dalam derivatif terselaras atas akaun sendiri

99. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif tidak boleh, sebagai prinsipal, berdagang dalam mana-mana derivatif terselaras dengan seseorang yang bukan pemegang kecuali jika dia terlebih dahulu memberitahu orang itu secara bertulis bahawa dia bertindak dalam transaksi itu sebagai prinsipal dan bukannya sebagai ejen.

(2) Sebutan dalam seksyen ini kepada pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif sebagai prinsipal termasuklah sebutan kepada seseorang—

- (a) yang berniaga atau membuat transaksi bagi pihak seseorang yang bersekutu dengan pemegang itu;

- (b) yang berniaga dalam derivatif bagi pihak suatu perbadanan yang dalamnya ia mempunyai suatu kepentingan mengawal; atau
- (c) berniaga dalam derivatif bagi pihak suatu perbadanan yang kepentingannya dan kepentingan pengarahnya bersama menjadi suatu kepentingan mengawal.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen 107 boleh menyentuh mana-mana hak tindakan yang diberikan kepada seorang pembeli atau vendor di bawah mana-mana undang-undang lain yang berkaitan dengan transaksi itu.

100. (*Dipotong oleh Akta A1406*).

Sekatan dagangan dalam derivatif terselaras

101. (1) Suruhanjaya atau bursa derivatif dengan kelulusan Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis dari semasa ke semasa, menentukan apa-apa had yang difikirkannya perlu bagi amaun dagangan yang boleh dilakukan atau kedudukan yang boleh diambil oleh mana-mana orang di bawah suatu derivatif terselaras.

(2) Dalam menentukan sama ada seseorang telah melebihi had yang disebut dalam subseksyen (1), kedudukan yang diambil dan dagangan yang dilakukan oleh mana-mana orang secara langsung atau tidak langsung yang dikawal oleh orang itu hendaklah dimasukkan ke dalam kedudukan yang diambil dan perdagangan yang dilakukan oleh orang itu.

(3) Had yang disebut dalam subseksyen (1) bagi kedudukan dan dagangan hendaklah terpakai bagi kedudukan yang diambil, dan dagangan yang dilakukan, oleh dua atau lebih orang yang bertindak menurut suatu perjanjian atau persefahaman yang nyata atau tersirat seolah-olah kedudukan itu diambil, atau dagangan itu dilakukan, oleh seorang orang tunggal.

(4) Seseorang tidak boleh secara langsung atau tidak langsung—

- (a) berdagang atau bersetuju untuk berdagang dalam derivatif terselaras dengan melebihi had dagangan yang ditentukan selama tempoh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya atau bursa derivatif itu di bawah seksyen ini; atau
- (b) mengambil suatu kedudukan di bawah derivatif terselaras bagi mana-mana kelas yang melebihi mana-mana had kedudukan yang ditentukan oleh Suruhanjaya atau bursa derivatif di bawah seksyen ini untuk tujuan derivatif terselaras itu.

(5) Seksyen ini tidaklah menghalang Suruhanjaya atau bursa derivatif daripada menentukan had dagangan atau kedudukan yang berlainan bagi jenis atau kelas derivatif terselaras yang berlainan atau had yang berlainan bagi jenis atau kelas derivatif terselaras yang sama yang didagangkan bagi maksud yang berlainan, bulan penyerahan yang berlainan atau hari berlainan yang tinggal sehingga hari terakhir dagangan dalam sesuatu derivatif terselaras bagi maksud subseksyen (4).

102. *(Dipotong oleh Akta A1406).*

103. *(Dipotong oleh Akta A1406).*

Urutan penghantaran dan penjalanan perintah

104. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif tidak boleh mengarahkan seseorang pemegang lain untuk menjalankan arahan klien pemegang yang mula-mula disebut itu melainkan jika keizinan klien itu telah diperoleh.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif hendaklah menghantar mengikut urutan semua arahan itu diterima oleh pemegang itu untuk berdagang dalam suatu kelas derivatif terselaras pada atau hampir dengan harga pasaran bagi suatu derivatif terselaras daripada kelas itu yang ada sebaik sebelum arahan itu dijalankan.

(3) Jika—

- (a) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif bercadang untuk berdagang dalam suatu kelas derivatif terselaras atas akaunnya sendiri;
- (b) orang yang olehnya atau atas arahannya, arahan untuk berdagang hendak dihantar menyedari tentang arahan seseorang klien pemegang itu untuk berdagang dalam kelas derivatif terselaras pada atau hampir dengan harga pasaran bagi suatu derivatif terselaras daripada kelas itu yang ada pada masa itu; dan
- (c) arahan klien itu belum dihantar,

orang itu tidak boleh menghantar, dan tidak boleh memberi arahan kepada mana-mana orang lain untuk menghantar, arahan untuk memberi kuat kuasa kepada cadangan pemegang itu untuk berdagang dalam kelas derivatif terselaras sebelum arahan klien itu dihantar.

(4) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif, atau seorang pengarah, pegawai, pekerja atau wakil pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif tidak boleh, kecuali—

- (a) setakat yang perlu untuk menjalankan arahan berkenaan;
- (b) sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang lain; atau
- (c) sebagaimana yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah mana-mana bursa derivatif yang pemegang itu merupakan gabungan,

menzahirkan kepada mana-mana orang lain arahan seseorang klien untuk berdagang dalam suatu kelas derivatif terselaras.

(5) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif yang merupakan

gabungan suatu bursa derivatif dan yang terlibat dalam menjalankan arahan untuk berdagang dalam derivatif terselaras di pasaran derivatif suatu bursa derivatif hendaklah menjalankan semua arahan mengikut urutan arahan itu diterima oleh pemegang itu untuk berdagang dalam suatu kelas derivatif terselaras pada atau hampir dengan harga pasaran bagi suatu derivatif terselaras daripada kelas itu yang ada sebaik sebelum menjalankan arahan itu.

(6) Jika—

- (a) dalam masa suatu tempoh yang tertentu, pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif menghantar arahan (sama ada atau tidak arahan itu terdiri daripada atau termasuk arahan yang memberi kuat kuasa kepada cadangan pemegang itu untuk berdagang dalam kelas derivatif terselaras berkenaan atas akaun pemegang itu sendiri) untuk berdagang dalam suatu kelas derivatif terselaras pada atau hampir dengan harga pasaran bagi derivatif terselaras kelas itu yang ada sebaik sebelum penjalanan arahan itu; dan
- (b) perdagangan dalam kelas derivatif terselaras itu dilaksanakan di bawah arahan itu,

pemegang itu hendaklah, kecuali setakat yang diperuntukkan selainnya oleh kaedah-kaedah bursa derivatif yang pemegang itu merupakan gabungan, menguntukkan perdagangan mengikut arahan itu—

- (A) dalam urutan yang mengikutnya perdagangan itu dilaksanakan; dan
- (B) dalam urutan yang mengikutnya pemegang itu menghantar arahan itu.

(7) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif hendaklah menyimpan, mengikut peraturan-peraturan, rekod yang menyatakan butir-butir yang ditetapkan mengenai—

- (a) arahan oleh seseorang klien untuk berdagang dalam derivatif terselaras;
- (b) tarikh dan masa penerimaan, penghantaran dan perjalanan arahan itu;
- (c) orang yang olehnya arahan itu diterima, orang yang olehnya arahan itu dihantar dan orang yang olehnya arahan itu dijalankan;
- (d) tarikh dan masa penerimaan, penghantaran dan perjalanan arahan untuk berdagang dalam derivatif terselaras atas akaun pemegang itu sendiri; dan
- (e) orang yang olehnya arahan daripada jenis yang disebut dalam perenggan (d) diterima, orang yang olehnya arahan itu dihantar dan orang yang olehnya arahan itu dijalankan,

dan hendaklah memegang simpan rekod itu bagi tempoh yang ditetapkan.

(8) Jika—

- (a) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif menghantar, bagi menjalankan di suatu pasaran derivatif di luar Malaysia, arahan untuk berdagang dalam derivatif terselaras; dan
- (b) adalah tidak semunasabahnya dapat dilaksanakan bagi pemegang itu untuk menyatakan dalam rekod yang disimpan oleh pemegang itu di bawah subseksyen (7), butir-butir yang ditetapkan mengenai tarikh dan masa perjalanan arahan itu,

pemegang itu hendaklah menyatakan butir-butir itu dengan seberapa tepat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan.

(9) Dalam seksyen ini, sesuatu sebutan mengenai penghantaran arahan untuk berdagang dalam sesuatu kelas derivatif terselaras oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif merupakan sebutan jika pemegang itu mempunyai—

- (a) akses langsung kepada pasaran derivatif yang arahan itu hendaklah dijalankan, kepada penghantaran arahan itu ke pasaran derivatif itu; atau
- (b) akses kepada pasaran derivatif yang arahan itu hendaklah dijalankan hanya melalui pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang satu lagi yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif, kepada penghantaran arahan itu kepada pemegang yang satu lagi itu.

Berdagang dalam derivatif terselaras di luar Malaysia

105. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif atau menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang berhubung dengan derivatif tidak boleh berdagang dalam derivatif terselaras di mana-mana pasaran derivatif di luar Malaysia melainkan jika—

- (a) pasaran derivatif itu ialah pasaran derivatif Bursa Ditetapkan; atau
 - (b) derivatif terselaras itu adalah daripada kelas derivatif terselaras yang diluluskan.
- (2) Jika—
- (a) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa keadaan wujud yang, pada pendapat Suruhanjaya, berkemungkinan menjejaskan pengendalian sempurna pasaran derivatif mana-mana Bursa Ditetapkan atau menyebabkan gangguan kepada perdagangan dalam derivatif terselaras teratur di pasaran derivatif sedemikian;

- (b) ditunjukkan bahawa pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif atau menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang berhubung dengan derivatif atau mana-mana pekerja, pengarah atau wakilnya telah bertindak mengikut apa-apa cara, berhubung dengan pengendalian—
- (i) mana-mana pasaran derivatif sesuatu bursa derivatif atau yang berkenaan dengannya suatu pusat penjelasan diluluskan mengadakan kemudahan pusat penjelasan; atau
 - (ii) mana-mana pasaran derivatif Bursa Ditetapkan, yang berkemungkinan memudaratkan kepentingan awam;
- (c) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif atau menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang berhubung dengan derivatif telah melanggar—
- (i) undang-undang sekuriti;
 - (ii) kaedah-kaedah bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan yang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif atau menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang itu berhubung dengan derivatif merupakan gabungan; atau
 - (iii) mana-mana syarat yang terpakai berkenaan dengan lesennya; atau
- (d) hal keadaan lain yang ditetapkan yang wujud berkenaan dengan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang berhubung dengan derivatif,

Suruhanjaya boleh mengarahkan—

- (A) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang berhubung dengan derivatif supaya menghentikan perdagangan dalam derivatif terselaras, atau dalam mana-mana kelas derivatif terselaras, di pasaran derivatif mana-mana Bursa Ditetapkan; atau
 - (B) supaya perdagangan dalam derivatif terselaras, atau dalam mana-mana kelas derivatif terselaras, oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang berhubung dengan derivatif di pasaran niaga derivatif mana-mana Bursa Ditetapkan dihadkan kepada penutupan derivatif terselaras.
- (3) Bagi maksud seksyen ini—
- (a) Bursa Ditetapkan ialah apa-apa pasaran derivatif sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah bursa derivatif sebagai Bursa Ditetapkan; atau
 - (b) kelas derivatif terselaras yang diluluskan ialah apa-apa kelas derivatif terselaras pasaran derivatif suatu Bursa Ditetapkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah bursa derivatif terselaras yang diluluskan.
- (4) Mana-mana pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang berhubung dengan derivatif yang melanggar subseksyen (1) atau mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

106. *(Dipotong oleh Akta A1437).*

Kegagalan mematuhi seksyen 99, 101 dan 104

107. Seseorang yang melanggar seksyen 99, 101 dan 104 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

*Subpenggal 4 – Derivatif melalui kaunter***Tafsiran**

107A. Bagi maksud Subpenggal ini, “derivatif” ertinya derivatif melalui kaunter.

Kelulusan repositori dagangan

107B. (1) Suruhanjaya boleh secara bertulis meluluskan mana-mana pertubuhan perbadanan untuk menjadi repositori dagangan.

(2) Suruhanjaya tidak boleh memberi kelulusan di bawah subseksyen (1) melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) pertubuhan perbadanan itu akan dapat menjalankan fungsi sebagaimana yang ditentukan;
- (b) pertubuhan perbadanan itu mempunyai sumber kewangan, tenaga kerja dan sumber lain yang mencukupi untuk menjalankan fungsi sebagaimana yang ditentukan; dan
- (c) pertubuhan perbadanan itu mempunyai kaedah-kaedah dan tatacara untuk membolehkannya menjalankan fungsinya.

Permohonan untuk pemberian kelulusan

107C. (1) Suatu permohonan untuk pemberian kelulusan sebagai suatu repositori dagangan hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya dalam bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki suatu pertubuhan perbadanan untuk memberikan kepada Suruhanjaya maklumat atau dokumen sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi tujuan permohonan.

(3) Suruhanjaya boleh dalam meluluskan pertubuhan perbadanan, mengenakan syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

Penarikan balik kelulusan

107D. (1) Suruhanjaya boleh menarik balik suatu kelulusan yang diberikan kepada suatu repositori dagangan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) repositori dagangan itu tidak berupaya untuk melaksanakan mana-mana fungsi dan tanggungjawabnya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (b) repositori dagangan itu telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 107c(3);
- (c) repositori dagangan itu telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang melibatkan fraud atau ketidakjujuran;
- (d) repositori dagangan itu tidak mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Subpenggal ini;
- (e) repositori dagangan itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan;
- (f) repositori dagangan itu tidak menjelaskan keseluruhannya atau sebahagiannya hutang penghakiman terhadapnya;

- (g) seseorang penerima, penerima dan pengurus, atau orang yang setaraf dengannya telah dilantik, berkenaan dengan mana-mana harta repositori dagangan itu;
- (h) repositori dagangan itu telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membuat suatu kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa; atau
- (i) apa-apa maklumat atau dokumen yang dikemukakan oleh repositori dagangan itu untuk tujuan Subpenggal ini adalah salah atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), Suruhanjaya boleh menarik balik kelulusan yang diberikan kepada suatu repositori dagangan apabila ada permintaan secara bertulis oleh repositori dagangan itu untuk berhenti beroperasi sebagai suatu repositori dagangan.

(3) Jika suatu repositori dagangan telah atas kehendaknya sendiri membuat permintaan untuk menghentikan operasinya di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya boleh menolak untuk menarik balik kelulusan itu jika Suruhanjaya menganggap bahawa—

- (a) demi kepentingan awam atau orang yang disebut di bawah subseksyen 107J(1), mana-mana perkara berkenaan dengan repositori dagangan sepatutnya disiasat sebelum kelulusan itu ditarik balik di bawah subseksyen (2); dan
- (b) penarikan balik kelulusan bertentangan dengan kepentingan awam atau orang yang disebut di bawah subseksyen 107J(1).

(4) Suruhanjaya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1) tanpa memberi repositori dagangan itu suatu peluang untuk didengar.

Pelantikan pengarah atau ketua eksekutif repositori dagangan yang diluluskan

107E. Suatu repositori dagangan hendaklah mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu sebelum melantik mana-mana pengarah atau ketua eksekutifnya.

Kewajipan menjaga kerahsiaan

107F. (1) Seorang pengarah, pegawai, pekerja atau agen repositori dagangan tidak boleh menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen yang diperoleh dalam menjalankan tugasnya kecuali—

- (a) dalam hal keadaan yang dinyatakan di bawah seksyen 107G; atau
- (b) kepada Suruhanjaya jika Suruhanjaya berpendapat bahawa penzahiran itu adalah perlu demi kepentingan awam atau bagi melindungi pelabur.

(2) Mana-mana orang yang mempunyai maklumat atau dokumen yang dalam pengetahuannya penzahirannya melanggar subseksyen (1) tidak boleh dalam apa-apa cara sekalipun menzahirkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang lain.

(3) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penzahiran yang dibenarkan

107G. Seseorang yang disebut di bawah subseksyen 107F(1) tidak boleh menolak untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen—

- (a) yang mana-mana orang yang disebut di bawah subseksyen 107J(1), telah memberikan keizinan secara bertulis untuk dizahirkan;
- (b) dalam hal jika mana-mana orang yang disebut di bawah subseksyen 107J(1) telah diisytiharkan muflis di dalam atau di luar Malaysia;
- (c) bagi maksud memulakan, atau sedang dalam, apa-apa tindakan sivil antara repositori dagangan dan mana-mana orang yang disebut di bawah subseksyen 107J(1);
- (d) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, dan penzahiran itu, dalam apa-apa hal, terhadap kepada hal ehwal mana-mana orang yang disebut di bawah subseksyen 107J(1);
- (e) bagi maksud membolehkan atau membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya di bawah undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang bertulis lain;
- (f) bagi maksud membolehkan atau membantu Bank Negara untuk melaksanakan matlamatnya atau menjalankan fungsinya di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara;
- (g) bagi maksud penilaian risiko dan pengawasan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dalam menjalankan tugas dan fungsinya di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*]; atau
- (h) bagi tujuan membolehkan atau membantu juruaudit bagi repositori dagangan untuk melaksanakan fungsinya.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengeluarkan arahan

107H. (1) Suruhanjaya boleh memberi repositori dagangan suatu arahan yang bersifat am atau khusus jika difikirkan perlu atau suai manfaat—

- (a) bagi pentadbiran yang berkesan bagi repositori dagangan itu;
- (b) bagi memastikan pematuhan terhadap apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas repositori dagangan itu; atau
- (c) demi kepentingan awam atau bagi melindungi pelabur.

(2) Suatu repositori dagangan yang tidak mematuhi mana-mana arahan yang diberikan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Kaedah-kaedah repositori dagangan

107I. Pindaan ke atas kaedah-kaedah repositori dagangan hanya boleh berkuat kuasa selepas diluluskan oleh Suruhanjaya.

Obligasi untuk melaporkan

107J. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, orang berdaftar atau mana-mana orang lain yang berniaga dalam derivatif hendaklah melaporkan maklumat sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya, termasuklah apa-apa pindaan, pengubahsuaian, perubahan atau perubahan kepada maklumat itu, kepada suatu repositori dagangan.

(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi tujuan berniaga dalam derivatif yang Bank Negara atau Kerajaan Malaysia ialah suatu pihak.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), Suruhanjaya boleh menentukan bentuk dan cara maklumat itu perlu dilaporkan kepada repositori dagangan itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “derivatif” hendaklah termasuk derivatif yang harga pasaran, nilai, penyerahan atau obligasi pembayaran diperoleh daripada, merujuk kepada atau berdasarkan kadar pertukaran mata wang.

(5) Mana-mana orang yang—

(a) tidak mematuhi mana-mana kehendak seksyen ini; atau

(b) mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material kepada suatu repositori dagangan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau kedua-duanya.

(6) Suatu repositori dagangan hendaklah, atas permintaan Suruhanjaya, memberikan maklumat yang diperolehnya di bawah subseksyen (1) kepada Suruhanjaya.

Penggal 4

Buku, perlindungan aset klien dan audit

Subpenggal 1—Buku

Penyimpanan buku dan pemberian penyata

108. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah—

(a) menyenggarakan, atau menyebabkan disenggarakan, dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris apa-apa rekod perakaunan dan buku lain yang akan menghuraikan

dengan secukupnya transaksi dan kedudukan kewangan urusannya dan membolehkan akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang benar dan saksama disediakan dari semasa ke semasa; dan

- (b) menyenggarakan, atau menyebabkan disenggarakan, apa-apa rekod perakaunan dan buku lain mengikut cara yang akan membolehkannya diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

(2) Sesuatu kemasukan dalam rekod perakaunan dan buku lain pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikehendaki disenggarakan mengikut seksyen ini hendaklah disifatkan telah dibuat oleh, atau dengan kebenaran, pemegang itu.

(3) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah memegang simpan apa-apa rekod perakaunan dan buku lain sebagaimana yang dikehendaki disenggarakan di bawah Akta ini bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun.

(4) Pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah—

- (a) memberikan apa-apa penyata dan rekod mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) menyediakan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan urusannya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(5) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), tiap-tiap pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah menyenggarakan apa-apa rekod perakaunan dan buku lain mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(6) Seseorang yang—

- (a) melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (b) dengan niat untuk memfraud, melanggar seksyen ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Subpenggal 2—Perlakuan terhadap aset klien berkenaan dengan sekuriti

Pemakaian Subpenggal ini

109. Subpenggal ini terpakai bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti sama ada urusan itu dijalankan di dalam atau di luar Malaysia.

Tafsiran

110. Dalam Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aset klien” termasuklah wang atau harta lain yang diterima atau dipegang simpan oleh, atau didepositkan dengan, pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dalam perjalanan urusannya yang baginya pemegang itu bertanggungjawab menjelaskan kepada kliennya, dan mana-mana wang atau harta lain yang terakru daripadanya;

“pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal” ertinya pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti.

Wang tertentu yang diterima oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah dibayar ke dalam akaun amanah

111. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah mengadakan dan menyimpan di institusi berlesen satu akaun amanah atau lebih yang ditetapkan atau dibuktikan sebagai sedemikian yang ke dalamnya dia hendaklah membayar—

- (a) semua amaun, ditolak apa-apa bayaran pembrokeran dan caj sepatutnya yang lain, yang diterima daripada atau atas akaun mana-mana orang, selain pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, bagi pembelian sekuriti dan yang tidak boleh dikaitkan dengan sekuriti yang dihantar serah kepada pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal tidak lewat daripada hari perniagaan bank yang berikutnya atau mana-mana hari lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya yang padanya ia diterima oleh pemegang itu; dan
- (b) semua amaun, ditolak apa-apa bayaran pembrokeran dan caj sepatutnya yang lain, yang diterima bagi atau atas akaun mana-mana orang, selain pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, daripada penjualan sekuriti dan yang tidak dibayar kepada orang itu atau sebagaimana yang diarahkan oleh orang itu tidak lewat daripada hari perniagaan bank yang berikutnya atau mana-mana hari lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya yang padanya ia diterima oleh pemegang itu.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam subseksyen (1), jika seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal menerima bayaran di suatu tempat di luar Malaysia, pemegang itu boleh menyimpan bayaran itu dalam satu atau lebih akaun amanah dalam suatu institusi yang dilesenkan di luar Malaysia untuk mengadakan perkhidmatan perbankan atau kewangan.

- (3) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang—

- (a) melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit; atau
- (b) dengan niat untuk memfraud, melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Aset klien selain wang yang diterima oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

112. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah menguruskan apa-apa aset klien selain wang, yang diterima, dipegang atau didepositkan dengannya dalam perjalanan urusannya, dan yang baginya ia bertanggungjawab untuk menjelaskan kepada kliennya, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pengeluaran wang daripada akaun amanah

113. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal tidak boleh mengeluarkan apa-apa wang daripada akaun amanah kecuali bagi maksud membuat pembayaran—

- (a) kepada, atau mengikut arahan bertulis, seseorang yang berhak kepada wang itu;
- (b) membayar caj pembrokeran dan apa-apa caj sepatutnya yang lain; atau

(c) yang selainnya dibenarkan oleh undang-undang.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam subseksyen (1), wang yang dipegang dalam sesuatu akaun amanah tidak boleh digunakan untuk membayar hutang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau kena dibayar atau diambil pada pelaksanaan di bawah suatu perintah atau proses mana-mana mahkamah.

(3) Seseorang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah memberikan salinan kemasukan dalam buku

114. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah membekalkan, apabila diminta, kepada kliennya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh klien itu, salinan segala kemasukan dalam bukunya yang berhubungan dengan apa-apa transaksi yang dijalankan bagi pihak klien itu dan pemegang itu adalah berhak untuk meleviskan suatu caj yang munasabah baginya.

(2) Klien atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh klien itu adalah berhak pada bila-bila masa untuk memeriksa mana-mana nota kontrak atau dokumen yang berhubungan dengan transaksi yang disebut dalam subseksyen (1) secara percuma.

Tuntutan dan lien tidak tersentuh

115. Tiada apa-apa jua dalam Subpenggal ini boleh ditafsirkan sebagai menolak atau menyentuh apa-apa tuntutan atau lien yang sah di sisi undang-undang yang mana-mana orang ada terhadap atau ke atas mana-mana wang—

(a) yang dipegang dalam akaun amanah; atau

- (b) yang diterima bagi pembelian sekuriti atau daripada penjualan sekuriti sebelum wang itu dibayar ke dalam akaun amanah.

Subpenggal 3 – Perlakuan terhadap aset klien berkenaan dengan derivatif

Pemakaian Subpenggal ini

116. Subpenggal ini terpakai bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif sama ada urusan itu dijalankan di dalam atau di luar Malaysia.

Tafsiran

117. (1) Bagi maksud Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aset klien” termasuklah wang atau harta lain yang diterima atau dipegang simpan oleh, atau didepositkan dengan, pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dalam perjalanan urusannya yang baginya pemegang itu bertanggung untuk menjelaskan kepada kliennya, dan mana-mana wang atau harta lain yang terakru daripadanya;

“harta” termasuklah kemudahan kredit;

“imbangan kredit yang berkaitan”, berhubung dengan klien pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, ertinya jumlah—

- (a) amaun yang didepositkan berkenaan dengan klien itu ke dalam akaun terasing klien, bagi pemegang itu, ditolak sejumlah amaun yang telah dikeluarkan daripada akaun itu; dan
- (b) nilai harta selain wang yang—

- (i) berkenaan dengan klien itu, telah didepositkan oleh pemegang itu ke dalam jagaan selamat di bawah seksyen 118 dan tidak dikeluarkan daripada jagaan selamat; dan
- (ii) di bawah terma dan syarat yang mengenainya ia didepositkan dengan, atau diterima oleh, pemegang itu, adalah mencukupi untuk menjelaskan, atau untuk memberi sekuriti berkaitan dengan penjelasan, tanggungan yang berkaitan klien itu;

“kemudahan kredit” ertinya dokumen yang membuktikan hak seseorang untuk memperoleh pinjaman atau kemudahan lain daripada seorang lain dan, tanpa menjejaskan keluasan makna yang terdahulu, termasuklah surat kredit dan jaminan bank;

“klien”, berhubung dengan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, ertinya seseorang yang bagi pihaknya pemegang itu berdagang atau yang daripadanya pemegang itu menerima arahan untuk berniaga dalam derivatif ;

“menyelesaikan”, berhubung dengan perniagaan dalam derivatif, termasuklah membuat penghantarserahan, atau menerima penghantarserahan, sesuatu instrumen yang kepadanya derivatif itu berkaitan;

“pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal” ertinya pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif ;

“tanggungan yang berkaitan”, berhubung dengan klien pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, ertinya hutang dan tanggungan klien yang berbangkit daripada perniagaan dalam derivatif yang dilaksanakan oleh pemegang itu bagi pihak klien.

(2) Bagi maksud takrif “imbangan kredit yang berkaitan” dalam subseksyen (1), nilai butiran harta pada sesuatu masa yang tertentu ialah—

- (a) jika butiran itu ialah kemudahan kredit, amaun wang yang seseorang itu berhak kepada hak yang dibuktikan oleh kemudahan kredit itu boleh, pada masa itu atau dalam masa sesuatu tempoh yang munasabah selepas masa itu, memperoleh disebabkan oleh hak itu; atau
- (b) jika ia selain suatu kemudahan kredit, nilai pasaran harta itu pada penghujung hari urusan terakhir sebelum masa itu.

Pengasingan aset klien

118. (1) Jika mana-mana aset klien didepositkan dengan, atau diterima oleh, pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk atau bagi pihak klien pemegang itu berkaitan dengan—

- (a) perniagaan dalam derivatif yang dilaksanakan atau dicadangkan untuk dilaksanakan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (b) arahan oleh klien itu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia,

pemegang itu hendaklah—

- (A) berkenaan dengan wang, mendepositkan wang itu ke dalam akaun terasing klien pemegang itu yang disimpan dan disenggarakan di dalam Malaysia atau di tempat wang itu didepositkan dengan atau diterima oleh, pemegang itu; atau
- (B) berkenaan dengan harta, mendepositkan harta itu ke dalam jagaan selamat di dalam Malaysia atau di tempat harta itu didepositkan dengan atau diterima oleh pemegang itu, mengikut cara yang harta itu diasingkan daripada harta selain harta yang didepositkan oleh pemegang itu ke dalam jagaan selamat di bawah subseksyen ini,

tidak lewat daripada hari urusan bank yang berikutnya atau mana-mana hari lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya selepas

wang atau harta itu didepositkan dengan atau diterima oleh, pemegang itu iaitu hari yang amaun atau harta itu boleh didepositkan sebagaimana yang mula-mula disebut dalam perenggan (A) atau (B), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), jika berkaitan dengan perniagaan dalam derivatif yang dilaksanakan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, pemegang itu menerima daripada seseorang suatu amaun wang, yang sebahagiannya atau kesemuanya boleh dikaitkan dengan perniagaan dalam derivatif yang dilaksanakan sedemikian, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, bagi pihak klien pemegang itu, pemegang itu hendaklah, tidak lewat daripada hari urusan bank yang berikutnya atau mana-mana hari lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya yang amaun itu boleh didepositkan sedemikian, mendepositkan amaun itu ke dalam akaun terasing klien yang disimpan dan disenggarakan di dalam Malaysia atau di tempat pemegang itu menerima amaun itu.

(3) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal tidak boleh mengeluarkan apa-apa wang dalam akaun terasing klien kecuali bagi maksud—

- (a) membuat pembayaran kepada atau mengikut arahan bertulis, seseorang yang berhak kepada wang itu;
- (b) membuat pembayaran bagi atau berkaitan dengan, pembuatan, pemarginan, penjaminan, pencagaran, pemindahan, pelarasan atau penyelesaian perniagaan dalam derivatif yang dilaksanakan oleh pemegang itu bagi pihak klien;
- (c) membayar caj pembrokeran dan caj sepatutnya yang lain yang dilakukan berkenaan dengan perniagaan dalam derivatif yang dilaksanakan oleh pemegang itu bagi pihak klien;
- (d) melaburkannya—
 - (i) sebagai deposit untuk bunga dengan sesuatu bank berlesen;

- (ii) sebagai deposit dengan suatu pusat penjelasan diluluskan bagi sesuatu bursa derivatif; atau
- (iii) mengikut apa-apa cara lain yang ditetapkan; atau
- (e) membuat pembayaran yang selainnya dibenarkan oleh undang-undang atau oleh kaedah-kaedah bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan yang dengannya pemegang itu merupakan gabungan,

atau sebagaimana yang dibenarkan oleh subseksyen (7).

(4) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal tidak boleh menguruskan harta yang didepositkan oleh pemegang itu ke dalam jagaan selamat di bawah subseksyen (1) kecuali mengikut terma dan syarat yang harta itu didepositkan dengan atau diterima oleh, pemegang itu.

(5) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal tidak boleh melaburkan amaun di bawah perenggan 3(d) dengan mendepositkannya dengan seseorang untuk dilaburkan oleh orang itu melainkan jika pemegang itu—

- (a) telah memberitahu orang itu bahawa amaun itu telah dikeluarkan daripada akaun terasing klien pemegang itu dan ialah wang yang klien pemegang itu mempunyai hak; dan
- (b) telah memperoleh daripada orang itu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh orang itu, yang menyatakan amaun itu dan yang mengakui bahawa pemegang itu telah memberitahu orang itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (a).

(6) Jika, pada bila-bila masa yang tertentu, jumlah amaun tanggungan yang berkaitan klien pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal melebihi imbalan kredit yang berkaitan klien itu, pemegang itu boleh, berkenaan dengan klien itu, mendepositkan ke dalam akaun terasing klien pemegang itu suatu amaun wang yang tidak lebih daripada amaun yang berlebihan itu, dan, jika pemegang itu

melakukan sedemikian, amaun yang didepositkan itu hendaklah dikira, tertakluk pada subseksyen (7), sebagai wang yang klien itu mempunyai hak.

(7) Jika—

- (a) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal telah, berkenaan dengan klien pemegang itu, menandatangani akaun di bawah subseksyen (6) ke dalam akaun terasing klien pemegang itu; dan
- (b) imbalan kredit yang berkaitan klien itu melebihi amaun keseluruhan tanggungan yang berkaitan klien itu,

pemegang itu boleh mengeluarkan daripada akaun itu sejumlah amaun yang disebut dalam perenggan (a) yang tidak melebihi amaun yang berlebihan yang disebut dalam perenggan (b).

(8) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah menyimpan, berhubung dengan mana-mana akaun terasing klien, rekod perakaunan yang—

- (a) berasingan daripada apa-apa rekod perakaunan lain pemegang itu;
- (b) merekodkan secara berasingan berkenaan dengan setiap klien pemegang itu butir-butir amaun yang didepositkan ke dalam dan amaun yang dikeluarkan daripada akaun klien itu; dan
- (c) merekodkan secara berasingan daripada butir-butir yang disebut dalam perenggan (b)—
 - (i) butir-butir (termasuk butir-butir pengeluaran) amaun yang didepositkan mengikut subseksyen (2) ke dalam akaun yang tidak boleh dikaitkan dengan perniagaan dalam derivatif yang dilaksanakan oleh pemegang itu bagi pihak kliennya;

- (ii) butir-butir segala amaun yang didepositkan ke dalam akaun di bawah subseksyen (6); dan
- (iii) butir-butir segala amaun yang dikeluarkan daripada akaun di bawah subseksyen (7).

(9) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah menyimpan rekod yang—

- (a) berhubung dengan deposit harta ke dalam jagaan selamat oleh pemegang itu di bawah subseksyen (1); dan
- (b) merekodkan secara berasingan butir-butir harta yang didepositkan berkenaan dengan setiap klien.

(10) Seksyen 108 hendaklah terpakai berhubung dengan rekod perakaunan dan apa-apa rekod lain yang dikehendaki oleh subseksyen (8) dan (9) disimpan oleh pemegang, dan hendaklah terpakai seolah-olah rekod perakaunan itu dan rekod lain ialah rekod perakaunan yang dikehendaki oleh seksyen itu supaya disimpan oleh pemegang itu.

(11) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Wang dalam akaun terasing tidak boleh digunakan untuk pembayaran hutang, dsb.

119. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam *Akta Syarikat 1965, tetapi tertakluk pada subseksyen (2) dan (3)—

- (a) wang yang didepositkan oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah seksyen 118 ke dalam akaun terasing klien pemegang itu;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (b) harta yang ke dalamnya wang didepositkan oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang disebut dalam perenggan (a) telah dilaburkan di bawah perenggan 118(3)(d); dan
- (c) harta yang didepositkan oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal ke dalam jagaan selamat di bawah subseksyen 118(1),

tidak boleh digunakan bagi pembayaran hutang atau tanggungan pemegang itu atau boleh kena ditahan atau diambil pada pelaksanaan di bawah perintah atau proses mahkamah atas permintaan orang yang membawa guaman berkenaan dengan hutang atau tanggungan sedemikian.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) menyentuh hak klien pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk mendapatkan kembali wang atau harta yang klien itu mempunyai hak.

(3) Subseksyen (1) tidaklah terpakai berhubung dengan wang yang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal berhak untuk mengeluarkan wang daripada akaun terasing klien pemegang itu bagi maksud membuat pembayaran kepada pemegang itu atau selainnya di bawah subseksyen 118(3).

(4) Jika pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal melaburkan wang di bawah perenggan 118(3)(d) dengan mendepositkannya dengan seseorang bagi dilaburkan, apa-apa wang itu atau pun apa-apa harta yang dalamnya orang itu melaburkan mana-mana wang itu, tidak boleh digunakan bagi pembayaran hutang atau tanggungan orang itu atau kena ditahan atau diambil pada pelaksanaan di bawah perintah atau proses mahkamah atas permintaan orang yang membawa guaman berkenaan dengan hutang atau tanggungan sedemikian.

(5) Tanpa menjejaskan hak pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, subseksyen (4) hanya boleh digunakan oleh pemegang itu atau mana-mana orang yang menuntut bagi pihak atau atas nama pemegang itu bagi maksud menyelesaikan apa-apa tanggungan yang kena dibayar

kepada pusat penjelasan diluluskan, berkenaan dengan derivatif yang dilaksanakan oleh pemegang itu bagi klien yang kepadanya apa-apa wang atau harta yang disebut dalam subseksyen (4) dimaksudkan.

(6) Tiada apa-apa jua dalam seksyen 118 dan seksyen ini boleh menyentuh tuntutan atau lien yang dipunyai oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, berhubung dengan urusan berniaga dalam derivatif yang dijalankan olehnya, di bawah suatu perjanjian, mana-mana undang-undang di dalam atau di luar Malaysia, terhadap atau ke atas—

- (a) wang yang didepositkan oleh pemegang itu di bawah seksyen 118 ke dalam akaun terasing klien pemegang itu;
- (b) harta yang dalamnya wang didepositkan sedemikian telah dilaburkan di bawah perenggan 118(3)(d); atau
- (c) harta yang didepositkan oleh pemegang itu ke dalam jagaan selamat di bawah subseksyen 118(1).

(7) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

*Subpenggal 4 — Perlakuan terhadap aset klien berkenaan dengan
pengurusan kumpulan wang*

Pemakaian Subpenggal ini

120. (1) Subpenggal ini terpakai bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Subpenggal ini boleh terpakai bagi suatu perbadanan yang menguruskan suatu portfolio sekuriti atau derivatif semata-mata untuk atau bagi pihak mana-mana perbadanan berkaitannya, dengan syarat bahawa sekuriti atau derivatif perbadanan yang kedua disebut yang diuruskan oleh perbadanan yang pertama disebut bukan sekuriti atau derivatif yang dipegang sebagai amanah

atau bagi pihak atau dipunyai secara benefisial oleh mana-mana orang lain, atau disebabkan oleh apa-apa kontrak pelaburan yang dibuat oleh perbadanan yang kedua disebut itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “kontrak pelaburan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 84(1) *Akta Syarikat 1965.

Tafsiran

121. Bagi maksud Subpenggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akaun amanah” ertinya akaun semasa, deposit atau harta yang—

- (a) disimpan dengan penjaga; atau
- (b) disimpan oleh mana-mana orang yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 122(2);

“aset klien” termasuklah wang atau harta lain yang diterima atau dipegang simpan oleh, atau didepositkan dengan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang diterima dalam perjalanan urusannya yang pemegang itu bertanggungjawab menjelaskan kepada kliennya, dan termasuklah, wang yang diterima atau harta yang didepositkan dengan atau yang dipegang oleh penjaga atau oleh mana-mana orang lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah Subpenggal ini yang baginya ia bertanggungjawab menjelaskan atau menghantar serah kepada klien itu;

“pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal” ertinya pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

“penjaga”, berhubung dengan klien pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, ertinya—

- (a) bank berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam * Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 yang dilantik oleh pengurus kumpulan wang dengan persetujuan bertulis klien terlebih dahulu;
- (b) bank saudagar berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam * Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 yang dilantik oleh pengurus kumpulan wang dengan kebenaran bertulis klien terlebih dahulu;
- (c) syarikat amanah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*];
- (d) Amanah Raya Berhad;
- (e) organisasi peserta;
- (f) anak syarikat yang dipunyai sepenuhnya oleh mana-mana institusi yang dinyatakan di bawah perenggan (a), (b) dan (e) yang menyediakan perkhidmatan penama;
- (fa) mana-mana institusi dilesenkan atau dibenarkan di luar Malaysia untuk mengadakan perkhidmatan penjagaan; atau (g) mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan secara bertulis oleh Suruhanjaya.

Pengendalian akaun amanah

122. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah membuka akaun amanah bagi aset kliennya dan hendaklah membuat perkiraan bagi penjaga untuk menyenggarakan akaun amanah itu.

* *CATATAN*—Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013—lihat seksyen 271 Akta 758.

(1A) Subseksyen (1) tidak terpakai jika klien membuat perkiraannya sendiri bagi penjaga untuk menyenggarakan suatu akaun amanah.

(2) Suruhanjaya boleh, jika difikirkannya patut berbuat demikian, mengecualikan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal daripada kehendak di bawah subseksyen (1) untuk membuat perkiraan bagi penjaga untuk menyenggarakan akaun amanah itu dan membenarkan mana-mana orang lain untuk menyenggarakan akaun amanah itu.

(3) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah menandatangani aset klien ke dalam akaun amanah yang disenggarakan oleh penjaga atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak lewat daripada hari urusan bank yang berikutnya atau mana-mana hari lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, berikutan hari pemegang itu menerima aset klien itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika aset klien yang dikehendaki oleh seksyen ini didepositkan ke dalam akaun amanah diterima oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di suatu tempat di luar Malaysia, pemegang itu boleh menandatangani aset itu ke dalam akaun amanah yang disenggarakan oleh penjaga di luar Malaysia.

(5) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal tidak boleh mengeluarkan daripada atau menguruskan aset klien dalam akaun amanah kecuali bagi maksud membuat pembayaran—

(a) kepada orang yang berhak kepadanya; atau

(b) yang selainnya dibenarkan oleh undang-undang.

(6) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Subpenggal ini, aset klien yang dipegang dalam suatu akaun amanah tidak boleh digunakan bagi pembayaran hutang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau boleh kena dibayar atau diambil pada pelaksanaan di bawah suatu perintah atau proses mahkamah bagi pembayaran hutang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.

(7) Pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang membenarkan pemegang itu untuk menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang tidak boleh menerima atau memegang aset klien melainkan jika dia berbuat demikian bagi pihak pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan dalam perjalanan urusan pekerjaan di bawah kontrak pekerjaan dengan pemegang itu.

(8) Tiada apa-apa jua dalam Subpenggal ini boleh ditafsirkan sebagai menghapuskan atau menyentuh apa-apa tuntutan atau lien yang sah di sisi undang-undang oleh mana-mana orang terhadap atau ke atas apa-apa aset klien yang dipegang dalam akaun amanah atau terhadap atau ke atas apa-apa aset klien yang diterima bagi pembelian atau daripada penjualan sekuriti sebelum aset itu didepositkan ke dalam akaun amanah itu.

(9) Seseorang yang—

- (a) melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (b) dengan niat untuk memfraud, melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Aset klien

123. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal tidak boleh berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif untuk atau bagi pihak seseorang klien melainkan jika, setakat yang pemegang itu menerima aset klien itu—

- (a) pemegang itu berbuat sedemikian atas dasar bahawa aset itu hendaklah digunakan semata-mata bagi maksud tertentu yang dipersetujui apabila atau sebelum pemegang itu menerima aset itu;

- (b) sementara menunggu penggunaan yang sedemikian, aset itu didepositkan pada hari urusan bank berikutnya atau apa-apa hari lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya kepada penjaga yang dengannya akaun amanah itu disenggarakan mengikut Subpenggal ini atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 122(2); dan
- (c) kemasukan buku berasingan hendaklah direkodkan dan disenggarakan oleh setiap pemegang bagi setiap klien mengikut Akta ini atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, berhubung dengan aset klien.

(2) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Hak kepada salinan kemasukan buku, pemeriksaan nota kontrak, dsb.

124. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah memberikan, apabila diminta, kepada kliennya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh klien itu, salinan segala kemasukan dalam bukunya yang berhubungan dengan transaksi klien itu.

(2) Seseorang yang disebut dalam subseksyen (1) adalah berhak untuk memeriksa mana-mana nota kontrak atau dokumen yang berhubungan dengan transaksi klien itu secara percuma.

Subpenggal 5—Bidang tindakan yang boleh diambil oleh Suruhanjaya untuk melindungi klien dalam hal keadaan tertentu

Tindakan Suruhanjaya untuk melindungi aset klien, dsb.

125. (1) Seksyen ini terpakai kepada orang yang berikut:

- (a) seseorang orang berlesen;

- (b) seseorang pemegang amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 260, seksyen 289 atau Bahagian IIIA;
 - (c) penjaga sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 121;
 - (d) pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah Bahagian IIIA;
 - (e) mana-mana orang berdaftar di bawah subseksyen 76(2) atau mana-mana orang berdaftar yang disebut di bawah Bahagian 2 Jadual 4; dan
 - (f) mana-mana orang yang menyenggarakan suatu akaun amanah bagi aset klien.
- (2) Tanpa menjejaskan seksyen 354, 355 atau 356, jika—
- (a) orang berlesen atau pemegang amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 260, 289 atau Bahagian IIIA telah melanggar Akta ini atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini;
 - (b) kepentingan klien pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau kepentingan pemegang debentur atau pemegang unit mungkin dalam keadaan bahaya atau berada dalam keadaan bahaya;
 - (c) mana-mana alasan yang wujud yang baginya suatu lesen tidak boleh diberikan di bawah seksyen 260 atau 289;
 - (d) mana-mana alasan yang wujud yang baginya suatu lesen boleh dibatalkan atau digantung di bawah seksyen 72 atau mana-mana tindakan yang boleh diambil menurut seksyen 262, 290 atau 292;

- (e) kepentingan anggota suatu skim persaraan swasta mungkin dalam keadaan bahaya atau berada dalam keadaan bahaya;
- (f) penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah seksyen 139Q telah melanggar Akta ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini;
- (g) mana-mana hal keadaan yang wujud yang baginya suatu kelulusan yang diberikan di bawah Bahagian IIIA Akta ini boleh ditarik balik;
- (h) mana-mana hal keadaan yang wujud yang baginya suatu tindakan boleh diambil di bawah Akta ini untuk menggantikan atau memecat pemegang amanah yang diluluskan di bawah Bahagian IIIA Akta ini; atau
- (i) mana-mana hal keadaan yang wujud yang baginya Suruhanjaya boleh mengambil tindakan di bawah subseksyen 76(9),

Suruhanjaya boleh mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan yang berikut:

- (A) mengarahkan mana-mana orang di bawah subseksyen (1)—
 - (i) supaya tidak berurusan dengan wang dan harta klien atau anggotanya mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya;
 - (ii) supaya memindahkan wang dan harta klien atau anggotanya kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya; atau
 - (iii) supaya memindahkan mana-mana rekod atau dokumen berhubung dengan wang atau harta kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya;

- (B) melarang mana-mana orang dalam perenggan (1)(a), (d), (e) dan (f) daripada—
- (i) membuat urus niaga daripada perihal tertentu, dalam hal keadaan tertentu atau takat tertentu;
 - (ii) mensolisit urusan daripada orang yang berperihal tertentu; atau
 - (iii) menjalankan urusan mengikut cara yang ditentukan;
- (C) menghendaki mana-mana orang dalam perenggan (1)(a), (d), (e) dan (f) untuk menjalankan urusan mengikut cara yang ditentukan; atau
- (D) mengarahkan mana-mana orang dalam perenggan (1)(a), (d), (e) dan (f) untuk menyenggarakan harta di dalam atau di luar Malaysia sehingga—
- (i) harta yang disenggarakan mempunyai nilai dan daripada perihal yang ternyata pada Suruhanjaya dirasakan perlu untuk memastikan agar orang itu akan dapat memenuhi tanggungannya; dan
 - (ii) harta itu disenggarakan mengikut cara yang akan membolehkan orang itu pada bila-bila masa dengan bebas memindahkan atau selainnya melupuskan harta itu.
- (3) Jika arahan, syarat, larangan atau kehendak yang dikenakan di bawah subseksyen (2) berkuat kuasa, Suruhanjaya boleh, jika didapatinya sesuai untuk berbuat demikian melalui notis secara bertulis yang diberikan kepada orang yang ke atasnya arahan, syarat, larangan atau kehendak itu dikenakan—
- (a) menarik balik arahan, syarat, larangan atau kehendak itu; atau

- (b) menggantikan arahan, syarat, larangan atau kehendak dengan yang lain atau mengubah arahan, syarat, larangan atau kehendak itu,

dan arahan, syarat, larangan atau kehendak yang ditarik balik atau digantikan itu hendaklah terus berkuat kuasa mengikut termannya sehingga ia—

- (A) ditarik balik; atau
- (B) digantikan oleh arahan, syarat, larangan atau kehendak yang lain atau diubah, oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini, mana-mana kaedah-kaedah, mana-mana terma mana-mana kontrak atau mana-mana undang-undang lain boleh menidaksahkan apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini.

(5) Suruhanjaya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah seksyen ini tanpa memberi orang berlesen atau pemegang amanah peluang untuk didengar.

(6) Subseksyen (5) tidaklah terpakai jika Suruhanjaya menganggap bahawa apa-apa kelengahan dalam mengambil tindakan di bawah seksyen ini dengan memberi peluang untuk didengar akan menjejaskan kepentingan awam atau kepentingan klien orang berlesen itu.

(7) Bagi maksud seksyen ini, jika orang dalam perenggan (1)(c) atau (f) ialah institusi berlesen atau bank Islam; arahan, syarat, larangan atau kehendak ke atas orang itu hendaklah dibuat melalui Bank Negara.

Subpenggal 6 — Audit

Pelantikan juruaudit

126. (1) Subpenggal ini terpakai bagi urusan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, syarikat pemegang bursa, bursa

saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, depository pusat dan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf.

(2) Sebutan mengenai orang yang berkaitan dalam Subpenggal ini hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Walau apa pun peruntukan *Akta Syarikat 1965, orang yang berkaitan hendaklah melantik seseorang juruaudit untuk menjalankan bagi tahun yang berkenaan dengannya dia dilantik suatu pengauditan akaun orang yang berkaitan itu.

(3A) Bagi maksud subseksyen (3), jika orang yang berkaitan ialah pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti, berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang, juruaudit yang dilantik hendaklah seorang juruaudit yang berdaftar di bawah seksyen 310 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

(4) Orang yang berkaitan tidak boleh melantik seseorang yang merupakan sekutu orang yang berkaitan itu sebagai juruaudit bagi mana-mana akaunnya.

(5) Seseorang orang yang berkaitan—

(a) hendaklah memecat seseorang juruaudit yang menjadi tidak layak menurut kuasa subseksyen (4); dan

(b) boleh dalam apa-apa hal lain, dengan keizinan bertulis Suruhanjaya, memecat juruaudit daripada jawatan.

(6) Juruaudit orang yang berkaitan boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang bermaksud sedemikian kepada Suruhanjaya dengan syarat bahawa notis itu hendaklah disertakan dengan—

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] m.b.p. 31 Januari 2017.

- (a) suatu pernyataan tentang apa-apa hal keadaan yang berkaitan dengan pemberhentiannya untuk memegang jawatan yang pada pendapatnya patut dibawa kepada perhatian Suruhanjaya; atau
- (b) jika dia berpendapat bahawa tiada hal keadaan yang sedemikian, suatu pernyataan tentang ketiadaan hal keadaan itu.

(7) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Akta ini, Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa memecat juruaudit yang dilantik oleh orang yang berkaitan jika Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan cara juruaudit itu melaksanakan kewajipannya.

Orang yang berkaitan hendaklah menyerah simpan laporan juruaudit

127. (1) Orang yang berkaitan hendaklah, dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, atau apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), menyerah simpan dengan Suruhanjaya, laporan juruaudit yang mengandungi maklumat tentang apa-apa perkara sebagaimana yang ditentukan.

(2) Jika permohonan bagi pelanjutan tempoh tiga bulan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dibuat oleh orang yang berkaitan kepada Suruhanjaya dan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa terdapat sebab khas bagi menghendaki pelanjutan itu, Suruhanjaya boleh melanjutkan tempoh itu melalui suatu tempoh selanjutnya yang tidak melebihi tiga bulan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Suruhanjaya.

(3) Orang yang berkaitan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), “tahun kewangan”, berhubung dengan orang yang berkaitan, ertinya tahun kewangan perbadanan itu mengikut pengertian *Akta Syarikat 1965.

Kewajipan juruaudit

128. (1) Jika, dalam melaksanakan kewajibannya sebagai juruaudit bagi orang yang berkaitan, seseorang juruaudit menyedari—

- (a) apa-apa perkara yang pada pendapatnya boleh menjadi pelanggaran Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti;
- (b) apa-apa ketidakteraturan yang boleh memberi kesan yang material ke atas akaun orang yang berkaitan itu, termasuk apa-apa ketidakteraturan yang membahayakan atau mungkin membahayakan kumpulan wang atau harta klien orang yang berkaitan itu, jika berkenaan;
- (c) bahawa kerugian ditanggung oleh orang yang berkaitan yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menyebabkan orang yang berkaitan itu tidak mampu memenuhi kehendak kewangan minimum sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) bahawa juruaudit itu tidak dapat mengesahkan bahawa tuntutan klien atau pemiutang orang yang berkaitan itu diliputi oleh aset orang yang berkaitan itu;
- (e) bahawa suatu kesalahan berkaitan dengan urusan orang yang berkaitan telah dilakukan; atau
- (f) dalam hal orang yang berkaitan yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, bahawa berlaku

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] m.b.p. 31 Januari 2017.

pelanggaran kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat,

juruaudit itu hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada—

- (A) dalam hal organisasi peserta, bursa saham dan Suruhanjaya;
- (B) dalam hal pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif, bursa derivatif dan Suruhanjaya; atau
- (C) dalam mana-mana hal lain, Suruhanjaya.

(2) Tiada juruaudit boleh dibawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh juruaudit itu dengan suci hati dalam menunaikan kewajipannya di bawah Subpenggal ini.

(3) Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menghendaki seseorang juruaudit yang dilantik di bawah Subpenggal ini—

- (a) mengemukakan apa-apa maklumat tambahan berhubung dengan pengauditannya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (b) memperbesar atau memperluaskan skop pengauditannya bagi urusan dan hal ehwal orang yang berkaitan mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (c) menjalankan apa-apa pemeriksaan tertentu atau menetapkan apa-apa prosedur dalam mana-mana hal tertentu;
- (d) mengemukakan suatu laporan tentang mana-mana perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
- (e) mengemukakan suatu laporan interim tentang mana-mana perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d),

dan Suruhanjaya boleh menentukan masa yang dalamnya mana-mana kehendak yang disebut terdahulu hendaklah dipatuhi oleh juruaudit dan boleh menentukan saraan yang hendaklah dibayar oleh orang yang berkaitan itu kepada juruaudit itu berkenaan dengannya.

(4) Juruaudit itu hendaklah mematuhi mana-mana kehendak Suruhanjaya di bawah subseksyen (3) dan orang yang berkaitan itu hendaklah memberi juruaudit itu saraan berkenaan dengan penunaian olehnya segala atau mana-mana kewajipan tambahan itu.

(5) Orang yang berkaitan hendaklah menyediakan apa-apa maklumat dan akses kepada apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh juruaudit itu berkenaan dengan penunaian olehnya akan segala atau mana-mana kewajipan tambahan di bawah Subpenggal itu.

Kewajipan orang yang berkaitan atau pengarah atau pegawainya untuk memberikan maklumat

129. (1) Orang yang berkaitan dan mana-mana pengarah atau pegawai orang yang berkaitan itu hendaklah—

- (a) memberi juruaudit yang dilantik di bawah mana-mana peruntukan Subpenggal ini—
 - (i) segala maklumat dalam pengetahuannya atau yang boleh diperolehnya; atau
 - (ii) apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh juruaudit itu untuk membolehkannya menjalankan kewajipannya; dan
- (b) memastikan bahawa segala maklumat yang diberikan kepada juruaudit itu, termasuk maklumat yang diberikan di bawah perenggan (a), tidak palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir yang material.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Menjadi suatu pembelaan dalam apa-apa prosiding mengenai fitnah berkenaan dengan apa-apa pernyataan yang dibuat dalam mana-mana laporan juruaudit atau dalam apa-apa laporan lanjut pihak berkuasa yang berkaitan jika defendan memuaskan hati mahkamah bahawa pernyataan itu dibuat secara *bona fide* dan tanpa niat jahat.

Kuasa Suruhanjaya untuk melantik juruaudit bebas, dsb.

130. (1) Jika—

- (a) orang yang berkaitan tidak mengemukakan laporan juruaudit sebagai mematuhi subseksyen 127(1); atau
- (b) Suruhanjaya telah menerima suatu laporan di bawah seksyen 127 atau 128,

Suruhanjaya boleh, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa demi kepentingan orang yang berkaitan berkenaan, anggota atau klien orang yang berkaitan itu untuk berbuat demikian, melantik secara bertulis seorang juruaudit bebas atau mana-mana orang atau kumpulan orang lain sebagaimana yang diputuskan oleh Suruhanjaya, untuk memeriksa, mengaudit dan melaporkan, sama ada secara am atau berhubung dengan mana-mana perkara tertentu, mengenai buku, akaun dan rekod, dan aset yang dipegang oleh orang yang berkaitan itu.

(2) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa keseluruhan atau mana-mana bahagian kos dan perbelanjaan juruaudit bebas, orang atau kumpulan orang yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini patut ditanggung oleh orang yang berkaitan berkenaan, Suruhanjaya boleh, melalui perintah secara bertulis, mengarahkan orang yang berkaitan itu membayar suatu amaun yang ditentukan, iaitu bagi keseluruhan atau sebahagian daripada kos dan perbelanjaan itu, dalam masa dan mengikut cara yang ditentukan.

(3) Jika orang yang berkaitan tidak mematuhi perintah Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), amaun yang dinyatakan dalam perintah itu boleh dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan kembali oleh Suruhanjaya dalam mahkamah sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Suruhanjaya.

Kuasa Suruhanjaya melantik juruaudit bebas, dsb., atas permohonan

131. (1) Apabila permohonan secara bertulis diterima daripada seseorang yang mengatakan bahawa orang yang berkaitan itu telah tidak mengakaunkan kepadanya berkenaan dengan apa-apa wang atau aset yang dipegang atau diterima oleh orang yang berkaitan itu untuk atau bagi pihaknya, Suruhanjaya boleh melantik secara bertulis seorang juruaudit bebas atau mana-mana orang lain sebagaimana yang diputuskan oleh Suruhanjaya untuk memeriksa, mengaudit dan melapor sama ada secara am atau berhubung dengan apa-apa perkara tertentu mengenai buku, akaun dan rekod, dan aset yang dipegang oleh orang yang berkaitan itu.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan—

- (a) butir-butir mengenai hal keadaan yang dalamnya orang yang berkaitan itu telah menerima wang atau aset yang berkenaan dengannya dia dikatakan telah tidak mengakaunkan;
- (b) butir-butir mengenai wang atau aset itu dan mengenai transaksi pemohon dan orang yang berkaitan yang berhubungan dengannya; dan
- (c) apa-apa butir lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(3) Tiap-tiap pernyataan dalam mana-mana permohonan itu hendaklah ditentusahkan oleh suatu akuan berkanun yang dibuat oleh pemohon itu dan hendaklah, jika dibuat secara *bona fide* dan tanpa niat jahat, dilindungi.

(4) Suruhanjaya tidak boleh melantik juruaudit bebas atau orang lain di bawah subseksyen (1) melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati—

- (a) bahawa pemohon itu mempunyai sebab yang baik bagi membuat permohonan itu; dan
- (b) bahawa adalah suai manfaat demi kepentingan orang yang berkaitan itu atau pemohon itu atau masyarakat umum bahawa buku, akaun dan rekod, dan aset yang dipegang oleh orang yang berkaitan itu patut diperiksa, diaudit dan dilaporkan.

Juruaudit bebas, dsb., hendaklah melaporkan kepada Suruhanjaya

132. Seseorang juruaudit bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 130 atau 131 hendaklah, apabila tamat pemeriksaan dan pengauditan yang berkenaan dengannya juruaudit atau orang lain itu telah dilantik, membuat suatu laporan mengenainya kepada Suruhanjaya.

Kuasa juruaudit bebas yang dilantik oleh Suruhanjaya

133. Seseorang juruaudit bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 130 atau 131 untuk memeriksa dan mengaudit buku, akaun dan rekod, dan aset yang dipegang oleh orang yang berkaitan boleh, bagi maksud menjalankan pemeriksaan dan pengauditan itu—

- (a) memeriksa dengan sumpah mana-mana pengarah, pegawai eksekutif atau setiausaha orang yang berkaitan yang berkenaan dan mana-mana daripada pekerja dan ejen orang yang berkaitan itu dan mana-mana juruaudit lain yang dilantik di bawah Akta ini berhubung dengan buku, akaun, rekod dan aset itu;

- (b) mengambil kerja mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya perlu; dan
- (c) melalui surat cara bertulis yang ditandatangani olehnya membenarkan mana-mana orang yang diambil kerja olehnya untuk melakukan, berhubung dengan pemeriksaan dan pengauditan itu, apa-apa perbuatan atau perkara yang boleh dilakukannya sendiri atas sifatnya sebagai juruaudit, kecuali untuk memeriksa mana-mana orang dengan sumpah atau menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan ini.

Larangan terhadap pemberitahuan perkara tertentu oleh juruaudit bebas, dsb., dan pekerja

134. Kecuali bagi maksud menguatkuasakan peruntukan Akta ini, atau setakat yang dikehendaki bagi maksud mana-mana prosiding, sivil atau jenayah, seseorang juruaudit bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 130 atau 131 dan seseorang pekerja juruaudit atau orang itu tidak boleh memberitahu apa-apa perkara, yang mungkin diketahui olehnya dalam menjalankan kewajibannya kepada mana-mana orang selain Suruhanjaya, atau mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya dan, dalam hal pekerja, kepada mana-mana orang selain juruaudit yang dengannya dia bekerja.

Buku, akaun dan rekod hendaklah dikemukakan apabila diminta

135. (1) Apabila diminta oleh juruaudit bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 130 atau 131 atau oleh seseorang yang mengemukakan kebenaran bertulis yang diberikan bagi maksud itu di bawah perenggan 133(c)—

- (a) orang yang berkaitan dan mana-mana daripada pengarah, pegawai eksekutif atau setiausaha, pekerja atau ejennya hendaklah mengemukakan apa-apa buku, akaun dan rekod, dan apa-apa aset yang dipegang oleh orang yang berkaitan itu yang berhubungan dengan urusannya; dan

- (b) seseorang juruaudit yang dilantik oleh orang yang berkaitan hendaklah mengemukakan apa-apa buku, akaun dan rekod yang dipegang olehnya yang berhubungan dengan urusan orang yang berkaitan itu.

(2) Orang yang berkaitan dan mana-mana daripada pengarah, pegawai eksekutif, setiausaha, pekerja atau ejennya dan mana-mana juruaudit yang dilantik oleh orang yang berkaitan itu, hendaklah menjawab semua soalan yang berkaitan dengan pemeriksaan dan pengauditan yang dikemukakan kepadanya oleh juruaudit bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 130 dan 131 atau oleh seseorang yang mengemukakan suatu kebenaran bertulis bagi maksud itu yang diberikan di bawah perenggan 133(c).

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penalti kerana membinasakan, menyembunyikan atau mengubah buku atau menghantar buku atau harta ke luar Malaysia

136. (1) Seseorang yang, dengan niat hendak mengecewakan maksud Subpenggal ini atau dengan niat hendak mencegah, melengahkan atau menghalang perjalanan mana-mana pemeriksaan dan pengauditan di bawah Subpenggal ini—

- (a) membinasakan, menyembunyikan atau mengubah mana-mana buku atau harta yang berhubungan dengan urusan orang yang berkaitan; atau
- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk menghantar ke luar Malaysia apa-apa buku atau harta daripada apa-apa perihalan kepunyaan atau dalam pelupusan atau di bawah kawalan orang yang berkaitan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika dalam suatu pendakwaan kerana kesalahan di bawah subseksyen (1), adalah dibuktikan bahawa orang yang dipertuduh itu—

- (a) telah membinasakan, menyembunyikan atau mengubah mana-mana buku atau harta yang disebut dalam subseksyen (1); atau
- (b) telah menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot untuk menghantar ke luar Malaysia apa-apa buku atau apa-apa harta yang disebut dalam subseksyen (1),

beban bagi membuktikan bahawa dengan berbuat sedemikian dia telah tidak bertindak dengan niat untuk mengecewakan maksud Subpenggal ini atau dengan niat untuk mencegah, melambatkan atau menghalang perjalanan pemeriksaan dan pengauditan di bawah Subpenggal ini adalah terletak padanya.

Hak bursa untuk mengenakan obligasi

137. Peruntukan Subpenggal ini tidaklah menghalang bursa saham atau bursa derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada mengenakan ke atas mana-mana organisasi peserta atau pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif dan merupakan gabungan kepada suatu bursa derivatif, apa-apa obligasi atau kehendak lanjut yang difikirkan patut oleh bursa saham atau bursa derivatif itu berkenaan dengan—

- (a) pengauditan akaun;
- (b) maklumat yang hendaklah diberikan dalam laporan daripada juruaudit; atau
- (c) penyimpanan akaun, buku dan rekod.

Penggal 5

Peletakhakan

Tafsiran

138. Dalam Penggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akaun sekuriti” ertinya suatu akaun yang diwujudkan oleh sesuatu depository pusat bagi seseorang pendeposit untuk merekodkan sekuriti-sekuriti dan untuk berniaga sekuriti-sekuriti sedemikian oleh pendeposit itu;

“harta” ertinya apa-apa harta alih atau tak alih dan termasuklah—

- (a) berhubung dengan mana-mana harta, apa-apa hak, kepentingan, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan, kuasa atau keistimewaan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, terletak hak atau kontingen atau yang selainnya mempunyai nilai;
- (b) apa-apa dokumen pemindahhakan yang disempurnakan bagi memindahhakan, menyerahhakan, menentukan, menyerah balik atau selainnya memindahkan hakmilik atau melupuskan harta tak alih, yang orang yang menyempurnakan dokumen pemindahhakan itu ialah tuan punya, yang memiliki atau berhak mendapat hak kontingen, sama ada bagi keseluruhan kepentingan atau bagi apa-apa kepentingan yang kurang daripada itu;
- (c) sekuriti;
- (d) apa-apa surat cara boleh niaga, termasuk apa-apa nota bank, nota pembawa, bil Perbendaharaan, waran dividen, bil pertukaran, nota janji hutang, cek dan perakuan deposit boleh niaga;

- (e) apa-apa gadai janji atau gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, jaminan, lien atau sandaran, sama ada sebenar atau konstruktif, surat hipotekasi atau resit amanah, tanggung rugi, aku janji atau cara lain bagi menjamin pembayaran atau penjelasan sesuatu hutang atau tanggungan, sama ada pada masa sekarang, pada masa hadapan, terletak hak atau kontingen; dan
- (f) apa-apa harta ketara atau tidak ketara lain;

“tanggungan” termasuklah hutang, kewajipan dan obligasi daripada tiap-tiap jenis, sama ada pada masa sekarang, pada masa hadapan, terletak hak atau kontingen;

“perniagaan” ertinya apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal menurut lesennya dan termasuklah semua harta yang diperoleh daripada, atau yang digunakan berkaitan dengan, atau bagi maksud menjalankan aktiviti sedemikian dan segala hak dan tanggungan yang berbangkit daripada aktiviti itu;

“sekuriti” termasuklah gadai janji atau gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, debentur, bil pertukaran, nota janji hutang, jaminan, lien atau sandaran, sama ada sebenar atau konstruktif, hipotekasi, tanggung rugi, aku janji atau cara lain bagi menjamin pembayaran atau penjelasan sesuatu hutang atau tanggungan, sama ada pada masa sekarang, pada masa hadapan, terletak hak atau kontingen.

Permohonan kepada mahkamah untuk memudahkan perjanjian atau perkiraan bagi pemindahan keseluruhan atau sebahagian perniagaan orang berlesen

139. (1) Jika Suruhanjaya telah memberikan kelulusannya bagi seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal berhubung dengan suatu perjanjian atau perkiraan—

- (a) bagi penjualan, pelupusan atau pemindahan hakmilik mengikut apa-apa cara keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan pemegang itu;
- (b) bagi penyatuan atau percantuman pemegang itu dengan mana-mana orang lain; atau
- (c) bagi penyusunan semula pemegang itu,

pemegang yang perniagaannya yang hendak dipindahkan hakmiliknya (disebut dalam seksyen ini sebagai “pemindah”) dan entiti yang kepadanya pemindahan hakmilik itu hendak dibuat (disebut dalam seksyen ini sebagai “penerima pindahan”) boleh membuat permohonan bersama kepada mahkamah melalui saman pemula secara *ex parte* bagi mendapatkan apa-apa perintah mahkamah sebagaimana yang diperlukan oleh mereka untuk memudahkan atau membolehkan perjanjian atau perkiraan itu dilaksanakan.

(2) Dalam sesuatu permohonan kepada mahkamah di bawah subseksyen (1), boleh diminta kesemua atau mana-mana perintah yang berikut:

- (a) yang menyatakan tarikh pada dan yang darinya perjanjian atau perkiraan itu hendaklah mula berkuat kuasa, iaitu suatu tarikh yang terdahulu atau terkemudian dari tarikh permohonan (dalam seksyen ini disebut “tarikh pemindahan”);
- (b) yang meletakkan apa-apa harta yang dipegang oleh pemindah, sama ada bersendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, pada penerima pindahan sama ada bersendirian atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersesama dengan orang itu, pada dan dari tarikh pemindahan, atas sifat yang sama, atas amanah, dan dengan dan tertakluk pada kuasa, peruntukan dan tanggungan yang terpakai bagi perkara itu masing-masingnya;
- (c) supaya apa-apa surat cara yang sedia ada, sama ada dalam bentuk surat ikatan, wasiat atau selainnya, atau perintah

mana-mana mahkamah, yang di bawahnya atau menurut kuasanya apa-apa harta telah menjadi atau akan menjadi terletak hak pada pemindah, ditafsirkan dan berkuat kuasa seolah-olah bagi apa-apa sebutan dalam surat cara itu mengenai pemindah telah digantikan dengan sebutan mengenai penerima pindahan;

- (d) supaya apa-apa perjanjian yang sedia ada yang kepadanya pemindah menjadi suatu pihak berkuat kuasa seolah-olah penerima pindahan telah menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu sebagai ganti pemindah;
- (e) supaya apa-apa akaun sekuriti atau akaun lain yang disenggarakan oleh atau bagi pihak seseorang pemindah untuk seseorang klien menjadi suatu akaun sekuriti atau akaun lain yang disenggarakan oleh atau bagi pihak penerima pindahan untuk klien itu, tertakluk pada apa-apa syarat yang terpakai antara pemindah dengan kliennya;
- (f) supaya apa-apa akaun sekuriti atau akaun lain yang disenggarakan oleh atau bagi pihak pemindah sebagai prinsipal menjadi suatu akaun sekuriti atau akaun lain yang disenggarakan oleh atau bagi pihak penerima pindahan sebagai prinsipal;
- (g) supaya apa-apa arahan, perintah, petunjuk, mandat, surat kuasa wakil, kuasa, aku janji atau keizinan yang sedia ada, sama ada atau tidak berhubung dengan sesuatu akaun, diberikan kepada pemindah, sama ada bersendirian atau bersesama dengan orang lain, berkuat kuasa, berkenaan dengan apa-apa jua yang kena dilakukan, seolah-olah diberikan kepada penerima pindahan sama ada bersendirian atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersesama dengan orang lain itu;
- (h) supaya apa-apa wang yang diterima daripada komisen, faedah dan sumber-sumber lain yang kena dibayar oleh mana-mana orang kepada pemindah hendaklah kena dibayar oleh orang itu kepada penerima pindahan;

- (i) supaya apa-apa surat cara boleh niaga atau perintah bagi pembayaran wang yang dikeluarkan atau diberikan kepada atau diterima atau diendorskan oleh pemindah atau kena dibayar di tempat perniagaan pemindah, sama ada dikeluarkan, diberikan, diterima atau diendorskan sebelum, pada atau selepas tarikh pemindahan itu, hendaklah mempunyai kuat kuasa yang sama pada dan dari tarikh pemindahan itu seolah-olah ia telah dikeluarkan, diberikan kepada atau diterima atau diendorskan oleh penerima pindahan atau kena dibayar di tempat perniagaan penerima pindahan;
- (j) supaya jagaan apa-apa dokumen atau harta yang dipegang oleh pemindah sebagai pemegang sandaran atau penjaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebaik sebelum tarikh pemindahan hendaklah beralih kepada penerima pindahan dan hak serta obligasi pemindah di bawah apa-apa perjanjian sandaran atau perjanjian penjagaan yang berhubungan dengan mana-mana dokumen atau harta sedemikian hendaklah dipindahkan kepada penerima pindahan;
- (k) supaya apa-apa cagaran yang dipegang sebelum tarikh pemindahan oleh pemindah atau oleh seseorang penama, atau pemegang amanah bagi, pemindah itu, sebagai jaminan untuk pembayaran atau penyelesaian apa-apa tanggungan mana-mana orang, hendaklah dipegang oleh penerima pindahan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dipegang oleh penama itu atau pemegang amanah itu sebagai penama itu, atau pemegang amanah bagi, penerima pindahan, dan setakat tanggungan itu tersedia kepada penerima pindahan sebagai jaminan bagi pembayaran atau penyelesaian tanggungan itu; dan jika mana-mana jaminan itu meliputi pendahuluan masa hadapan atau tanggungan masa hadapan, hendaklah dipegang oleh, dan tersedia, sebagaimana yang disebut terdahulu, kepada penerima pindahan sebagai jaminan bagi pendahuluan masa hadapan oleh, dan tanggungan masa hadapan kepada, penerima pindahan mengikut cara yang sama dari segala segi

sebagaimana pendahuluan masa hadapan oleh, atau tanggungan masa hadapan kepada, pemindah dijamin oleh sekuriti itu sebaik sebelum tarikh pemindahan itu;

- (l) jika apa-apa hak atau tanggungan pemindah dipindahkan kepada penerima pindahan, supaya penerima pindahan mempunyai hak, kuasa dan remedi yang sama, dan terutamanya hak dan kuasa yang sama tentang mengambil atau menentang prosiding undang-undang atau membuat atau menentang permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa, bagi menentukan, melindungi atau menguatkuasakan hak itu atau menentang tanggungan itu seolah-olah ia telah pada setiap masa menjadi hak atau tanggungan penerima pindahan, termasuk hak atau tanggungan berkenaan dengan apa-apa prosiding undang-undang atau permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa yang belum selesai sebaik sebelum tarikh pemindahan oleh atau terhadap pemindah;
- (m) supaya apa-apa penghakiman atau award yang didapati oleh atau terhadap pemindah dan tidak ditunaikan sepenuhnya sebelum tarikh pemindahan itu hendaklah dikuatkuasakan oleh atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, terhadap penerima pindahan;
- (n) bagi segala perintah yang bersampingan, berbangkit dan tambahan lain sebagaimana yang perlu bagi memastikan bahawa perjanjian atau perkiraan itu dijalankan dengan sepenuhnya dan berkesan.

(3) Apabila mendengar suatu permohonan di bawah subseksyen (2), mahkamah boleh memberikan perintah sebagaimana yang dipohon, atau dengan apa-apa ubah suaian atau pengubahan sebagaimana yang difikirkan oleh mahkamah adil dan patut mengikut hal keadaan kes itu.

(4) Jika perintah mahkamah yang diberikan di bawah subseksyen (3) mengadakan peruntukan bagi pemindahan apa-apa harta atau perniagaan yang terletak hak pada atau dipegang oleh pemindah, sama

ada bersendirian atau bersama dengan mana-mana orang lain, maka, menurut kuasa perintah itu, harta atau perniagaan itu hendaklah, pada dan dari tarikh pemindahan itu, menjadi terletak hak pada atau dipegang oleh penerima pindahan sama ada bersendirian atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersama dengan orang lain itu, dan perintah itu hendaklah berkuat kuasa mengikut termannya walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis atau mana-mana rukun undang-undang, dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terlibat, tidak kira bahawa orang yang terlibat itu bukan suatu pihak dalam prosiding itu di bawah seksyen ini atau dalam apa-apa prosiding berkaitan yang lain, atau tidak mengetahui mengenai prosiding di bawah seksyen ini atau mengenai prosiding berkaitan yang lain.

(5) Perintah mahkamah yang diberikan di bawah subseksyen (3) hendaklah, tertakluk pada arahan mahkamah, disiarkan oleh penerima pindahan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar harian nasional bahasa kebangsaan dan satu surat khabar harian nasional bahasa Inggeris sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

(6) Pemindah hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perintah mahkamah diberikan di bawah subseksyen (3), menyerahkan suatu salinan yang disahkan perintah itu bersama dengan perjanjian atau perkiraan yang diluluskan oleh Menteri atau Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan—

- (a) Pendaftar Syarikat; dan
- (b) pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang menjalankan fungsi mendaftarkan atau merekodkan urusan mengenai apa-apa harta alih yang dipindahkan hakmilik menurut perintah itu.

(7) Jika suatu perintah mahkamah yang diberikan di bawah subseksyen (3) meletakkan mana-mana tanah beri hakmilik, atau apa-apa bahagian atau kepentingan dalam mana-mana tanah beri hakmilik, pada penerima pindahan—

- (a) mahkamah hendaklah, jika tanah beri hakmilik itu terletak di Semenanjung Malaysia, termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya, menurut subseksyen 420(2) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/1965*], menyebabkan suatu salinan perintah itu disampaikan kepada Pendaftar Hak Milik atau Pentadbir Tanah sebaik selepas perintah itu diberikan supaya Pendaftar Hak Milik atau Pentadbir Tanah itu boleh melaksanakan masing-masingnya peruntukan subseksyen 420(2), (3) dan (4);
- (b) jika tanah beri hakmilik itu terletak di Sabah, penerima pindahan hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas perintah itu diberikan, menyerahkan suatu salinan yang disahkan perintah itu kepada Pendaftar bagi pendaftaran peletakhakan tanah beri hakmilik itu atau bahagian atau kepentingan mengenai tanah beri hakmilik itu, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 114(2) Ordinan Tanah [*Sabah Bab 68*];
- (c) jika tanah beri hakmilik itu terletak di Sarawak, penerima pindahan hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas perintah itu diberikan, mengemukakan suatu salinan yang disahkan perintah itu kepada Pendaftar bagi pendaftaran peletakhakan tanah beri hakmilik itu atau bahagian atau kepentingan mengenai tanah beri hakmilik itu pada penerima pindahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 171 Kanun Tanah Sarawak [*Bab 81*]; atau
- (d) jika tanah beri hakmilik itu terletak di Wilayah Persekutuan Labuan, penerima pindahan hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas perintah itu diberikan, mengemukakan suatu salinan yang disahkan perintah itu kepada Pendaftar bagi pendaftaran peletakhakan tanah beri hakmilik itu atau bahagian atau kepentingan mengenai tanah beri hakmilik itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 114(2) Ordinan Tanah [*Sabah Bab 68*] sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984 [*P.U. (A) 291/1984*].

(8) Sesuatu perintah mahkamah yang diberikan di bawah subseksyen (3) boleh berkait dengan apa-apa harta atau perniagaan pemindah di luar Malaysia dan, jika berhubungan sedemikian, kuat kuasa boleh diberikan kepadanya sama ada mengikut apaapa perkiraan bersaling yang berhubungan dengan penguatkuasaan penghakiman yang wujud antara Malaysia dengan negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia di tempat harta atau perniagaan itu terletak, atau jika tiada perkiraan yang sedemikian, mengikut undang-undang yang terpakai di negara, wilayah atau tempat itu.

BAHAGIAN IIIA

INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA

Penggal 1

Permulaan

Tafsiran

139A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota” ertinya seseorang individu yang mempunyai suatu kepentingan benefisial di bawah suatu skim persaraan swasta atau suatu skim persaraan tajaan majikan;

“caruman” ertinya suatu jumlah yang dibayar oleh seseorang pencarum berhubung dengan suatu skim persaraan swasta;

“faedah terakru” ertinya jumlah kepentingan benefisial bagi anggota dalam suatu skim persaraan swasta;

“kaedah-kaedah” ertinya memorandum persatuan, perkara persatuan atau mana-mana kaedah-kaedah atau arahan lain dengan apa jua nama yang disebut dan di mana-mana jua terkandung, yang mentadbir pengendalian, pengurusan atau tatacara, atau perkhidmatan yang diberikan oleh, seseorang pentadbir skim persaraan swasta;

“pegawai prinsipal” ertinya seseorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi atau ketua pematuhan bagi penyedia skim persaraan swasta;

“pemegang amanah majikan” ertinya seseorang pemegang amanah bagi suatu skim persaraan tajaan majikan;

“pemegang amanah skim” ertinya seseorang pemegang amanah bagi suatu skim persaraan swasta;

“pencarum” ertinya mana-mana orang yang membuat caruman ke dalam suatu skim persaraan swasta dan termasuklah seseorang anggota atau majikan yang membuat caruman ke dalam suatu skim persaraan swasta bagi pihak pekerjaanya;

“pentadbir skim persaraan swasta” ertinya seseorang yang diluluskan di bawah seksyen 139c untuk melaksanakan fungsi penyimpanan rekod, pentadbiran dan perkhidmatan pelanggan bagi anggota dan pencarum berhubung dengan caruman yang dibuat berkenaan dengan suatu skim persaraan swasta dan apa-apa kewajipan dan fungsi lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya;

“penyedia skim persaraan swasta” ertinya seseorang yang menyediakan dan menguruskan suatu skim persaraan swasta;

“pihak berkuasa penyeliaan” ertinya mana-mana pihak berkuasa, badan atau agensi sama ada di dalam atau di luar Malaysia, selain Suruhanjaya, yang bertanggungjawab bagi penyeliaan atau pengawasan mana-mana orang yang disebut di dalam seksyen 139ZM;

“skim persaraan swasta” ertinya suatu skim persaraan yang ditadbir oleh suatu amanah, ditawarkan kepada atau disediakan untuk orang awam semata-mata dengan tujuan, atau bagi memberikan kesan, untuk membina simpanan jangka panjang bagi persaraan anggota dengan jumlah faedah ditentukan semata-mata dengan rujukan kepada caruman yang dibuat kepada skim itu dan mana-mana pendapatan, keuntungan dan kerugian yang diisytiharkan berhubung dengan caruman itu tetapi tidak termasuk—

- (a) mana-mana kumpulan wang pencen yang diluluskan di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967; atau
- (b) mana-mana skim persaraan atau kumpulan wang persaraan yang ditubuhkan atau disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan oleh suatu Akta Parlimen atau suatu undang-undang Negeri;

“skim persaraan tajaan majikan” ertinya suatu skim persaraan yang ditubuhkan oleh suatu perbadanan bagi maksud, atau yang mempunyai kesan menyediakan faedah persaraan kepada pekerja perbadanan itu atau bagi perbadanan berkaitannya;

“terma rujukan” ertinya suatu set terma yang mentakrifkan skop, pemakaian, pengendalian dan tatacara seseorang pentadbir skim persaraan swasta.

Penggal 2

Skim persaraan swasta

Subpenggal 1 – Pentadbir skim persaraan swasta

Kehendak bagi kelulusan untuk menubuhkan atau mengendalikan pentadbir skim persaraan swasta

139B. (1) Seseorang tidak boleh menubuhkan, mengendalikan, atau membantu menubuhkan atau mengendalikan, atau mengemukakan dirinya sebagai, pentadbir skim persaraan swasta melainkan jika orang itu diluluskan oleh Suruhanjaya.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan, dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

Permohonon bagi kelulusan

139c. (1) Suruhanjaya boleh meluluskan sesuatu pertubuhan perbadanan untuk menubuhkan, mengendalikan atau menyenggarakan suatu pentadbir skim persaraan swasta.

(2) Suatu permohonan bagi kelulusan untuk menubuhkan, mengendalikan atau menyenggarakan suatu pentadbir skim persaraan swasta hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang pemohon untuk memberikan kepada Suruhanjaya apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi maksud permohonan itu.

(4) Suruhanjaya boleh meluluskan sesuatu permohonan di bawah seksyen ini, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(5) Suruhanjaya boleh mengubah, menambah kepada atau menggugurkan apa-apa terma dan syarat yang dikenakan dibawah subseksyen (4) pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(6) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (4) atau (5) melakukan suatu kesalahan.

Penolakan untuk meluluskan

139d. Jika sesuatu permohonan dibuat di bawah seksyen 139c, Suruhanjaya boleh menolak permohonan itu atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) permohonan itu tidak dibuat mengikut seksyen 139c;

- (b) pemohon itu telah tidak mematuhi mana-mana kehendak Akta ini atau mana-mana garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (c) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan oleh pemohon kepada Suruhanjaya adalah palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material;
- (d) pemohon itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan;
- (e) pelaksanaan terhadap pemohon berkenaan dengan suatu hutang penghakiman dikembalikan tanpa dijelaskan keseluruhannya atau sebahagiannya;
- (f) seseorang penerima, penerima dan pengurus atau orang yang setaraf dengannya telah dilantik di dalam atau di luar Malaysia, atau berkenaan dengan mana-mana harta pemohon itu;
- (g) pemohon itu telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membuat suatu kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa;
- (h) pemohon atau mana-mana pengarah, ketua eksekutif atau pengurusnya—
 - (i) telah disabitkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, ketidakjujuran atau keanasan;
 - (ii) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang di luar Malaysia berkaitan dengan pasaran modal;

- (iii) telah tertakluk pada mana-mana tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 354, 355 atau 356;
 - (iv) telah melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis sama ada di dalam atau di luar Malaysia yang ternyata pada Suruhanjaya diperbuat bagi melindungi orang awam terhadap kerugian kewangan yang disebabkan oleh ketidakjujuran, tidak berwibawa atau amalan salah oleh orang yang terlibat dalam pengadaaan perkhidmatan kewangan atau pengurusan syarikat;
 - (v) telah melibatkan diri dalam apa-apa amalan urusan yang ternyata pada Suruhanjaya sebagai memperdaya atau menindas atau selainnya tidak wajar (sama ada menyalahi undang-undang atau tidak) atau yang selainnya mencerminkan kesangsian mengenai kaedah ia atau dia menjalankan urusan;
 - (vi) telah melibatkan diri dalam atau pernah dikaitkan dengan apa-apa amalan urusan lain atau selainnya berkelakuan dengan cara demikian yang menimbulkan keraguan mengenai kewibawaan dan kebijaksanaannya membuat keputusan; atau
 - (vii) merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (i) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon atau mana-mana pengarah, ketua eksekutif atau pengurusnya tidak dapat bertindak demi kepentingan terbaik anggotanya setelah mengambil kira reputasi, kelakuan, integriti kewangan dan kebolehpercayaannya;
- (j) terdapat hal keadaan lain yang berkemungkinan—

- (i) membawa kepada penjalanan urusan yang tidak wajar oleh pemohon itu atau oleh mana-mana pengarah, ketua eksekutif atau pengurusnya; atau
 - (ii) mencerminkan kesangsian tentang cara penjalanan urusan pemohon;
- (k) pemohon itu tidak mempunyai sumber kewangan, tenaga kerja atau sumber lain yang mencukupi untuk menjalankan fungsinya; atau
- (l) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon atau mana-mana pengarah, ketua eksekutif atau pengurusnya tidak dapat bertindak demi kepentingan awam atau anggotanya.

Pelantikan pengarah pentadbir skim persaraan swasta

139E. (1) Tiada pelantikan, pemilihan atau pencalonan seseorang pengarah atau ketua eksekutif pentadbir skim persaraan swasta boleh dibuat tanpa kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

(2) Pentadbir skim persaraan swasta itu hendaklah memastikan bahawa sekurang-kurangnya satu per tiga daripada bilangan pengarah dalam lembaganya merupakan pengarah berkepentingan awam mengikut apa-apa kriteria sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

Penarikan balik kelulusan

139F. (1) Suruhanjaya boleh menarik balik suatu kelulusan yang diberikan kepada pentadbir skim persaraan swasta jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) wujud suatu alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya boleh menolak sesuatu permohonan di bawah seksyen 139D;

- (b) pentadbir skim persaraan swasta itu tidak memulakan operasi dalam masa enam bulan dari tarikh kelulusan melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Suruhanjaya;
- (c) pentadbir skim persaraan swasta itu tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipan atau tanggungjawabnya di bawah seksyen 139H;
- (d) pentadbir skim persaraan swasta itu telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya;
- (e) pentadbir skim persaraan swasta itu tidak mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini; atau
- (f) pentadbir skim persaraan swasta itu tidak memberikan bantuan kepada Suruhanjaya atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 139ZL(2).

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), Suruhanjaya boleh menarik balik kelulusan apabila ada permintaan secara bertulis dibuat kepada Suruhanjaya oleh pentadbir skim persaraan swasta untuk berhenti beroperasi sebagai pentadbir skim persaraan swasta.

(3) Jika pentadbir skim persaraan swasta membuat suatu permintaan bagi menghentikan operasinya di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya boleh menolak untuk menarik balik kelulusan itu jika Suruhanjaya menganggap bahawa—

- (a) demi kepentingan awam atau anggotanya bahawa mana-mana perkara berkenaan dengan pentadbir skim persaraan swasta sepatutnya disiasat sebelum kelulusan itu ditarik balik di bawah subseksyen (2); atau
- (b) penarikan balik kelulusan itu bertentangan dengan kepentingan awam atau anggotanya.

(4) Walau apa pun penarikan balik sesuatu kelulusan, Suruhanjaya boleh menghendaki pentadbir skim persaraan swasta itu untuk terus menjalankan aktiviti yang terjejas oleh penarikan balik itu sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, pada atau selepas tarikh penarikan balik itu berkuat kuasa, bagi maksud—

- (a) menutup operasi pentadbir skim persaraan swasta itu atau memberhentikan penyediaan perkhidmatan; atau
- (b) melindungi kepentingan awam atau anggotanya.

(5) Jika Suruhanjaya menghendaki pentadbir skim persaraan swasta untuk meneruskan aktiviti di bawah subseksyen (4), pentadbir skim persaraan swasta itu hendaklah tidak, atas alasan ia menjalankan aktiviti itu, dikira sebagai melanggar seksyen 139B.

(6) Suruhanjaya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1) tanpa memberi pentadbir skim persaraan swasta itu suatu peluang untuk didengar.

Kesan penarikan balik

139G. Mana-mana penarikan balik yang dikeluarkan di bawah seksyen 139F tidak boleh beroperasi untuk—

- (a) mengelak atau menyentuh mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan yang dimasukkan ke dalam sistem yang dikendalikan oleh pentadbir skim persaraan swasta itu jika—
 - (i) perjanjian, transaksi atau perkiraan itu dibuat sebelum penarikan balik kelulusan itu; atau
 - (ii) perjanjian, transaksi atau perkiraan itu dibuat selepas penarikan balik kelulusan itu di bawah hal keadaan yang diperuntukkan di bawah subseksyen 139F(4); atau

- (b) menyentuh apa-apa hak, obligasi atau tanggungan yang berbangkit di bawah perjanjian, transaksi atau perkiraan itu.

Kewajipan dan tanggungjawab pentadbir skim persaraan swasta

139H. (1) Kewajipan dan tanggungjawab pentadbir skim persaraan swasta termasuk—

- (a) menerima arahan mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (b) menghantar arahan itu mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (c) menyimpan rekod semua transaksi atau wang yang diterima atau dibayar;
- (d) menyediakan maklumat kepada penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan, pemegang amanah skim, anggota atau mana-mana orang lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya; dan
- (e) menunaikan apa-apa kewajipan dan fungsi lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Pentadbir skim persaraan swasta hendaklah pada setiap masa menjalankan kewajipan dan tanggungjawabnya demi kepentingan awam, dengan mengambil kira, khususnya keperluan untuk melindungi anggota.

(3) Pentadbir skim persaraan swasta hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya jika ia menyedari apa-apa perkara yang menjejaskan atau yang berkemungkinan menjejaskan kepentingan anggota.

(4) Pentadbir skim persaraan swasta tidak boleh mengenakan apa-apa fi atau caj atau mengubah fi atau caj itu, ke atas penyedia skim

persaraan swasta atau anggota tanpa mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

(5) Pentadbir skim persaraan swasta tidak boleh mendapatkan khidmat luar untuk, atau mewakili mana-mana kewajipan dan tanggungjawab, sistem atau operasinya kepada mana-mana orang tanpa mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

Terma rujukan dan kaedah-kaedah pentadbir skim persaraan swasta

139i. (1) Pentadbir skim persaraan swasta hendaklah mengadakan suatu set terma rujukan dan kaedah-kaedah yang diluluskan oleh Suruhanjaya untuk mentadbir, atau berhubungan dengan pentadbiran yang sepatutnya bagi, pentadbir skim persaraan swasta itu.

(2) Tiada pindaan kepada terma rujukan atau kaedah-kaedah boleh dibuat tanpa mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

Wang yang diterima oleh pentadbir skim persaraan swasta

139j. (1) Segala wang yang diterima oleh pentadbir skim persaraan swasta berkenaan dengan suatu skim persaraan swasta bagi faedah anggota hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun amanah mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Pentadbir skim persaraan swasta tidak boleh mengeluarkan apa-apa wang daripada suatu akaun amanah kecuali—

(a) mengikut arahan bertulis seseorang yang berhak kepada wang itu atau bagi faedahnya; atau

(b) yang selainnya dibenarkan oleh undang-undang.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di dalam subseksyen (2), wang yang dipegang dalam suatu akaun amanah tidak boleh

digunakan untuk membayar hutang pentadbir skim persaraan swasta atau bertanggung untuk dibayar atau diambil untuk pelaksanaan di bawah suatu perintah atau proses mana-mana mahkamah.

(4) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Akaun dan laporan berkenaan dengan pentadbir skim persaraan swasta

139k. Peruntukan Subpenggal 6 Penggal 4 Bahagian III adalah terpakai bagi pentadbir skim persaraan swasta.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengambil tindakan berhubung dengan pentadbir skim persaraan swasta

139L. (1) Jika Suruhanjaya mempercayai secara munasabah bahawa kepentingan anggota mungkin terjejas atau terjejas, Suruhanjaya boleh, dengan mengeluarkan suatu arahan bertulis, mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan yang berikut:

- (a) menghendaki pentadbir skim persaraan swasta untuk mengambil apa-apa tindakan untuk melakukan atau tidak melakukan mana-mana perbuatan atau benda, berhubung dengan urusan dan hal ehwalnya, atau pengarah atau pegawainya, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya;
- (b) walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa had yang terkandung dalam kaedah-kaedah pentadbir skim persaraan swasta—
 - (i) memecat mana-mana pengarah atau ketua eksekutif pentadbir skim persaraan swasta itu daripada jawatan;

- (ii) melantik mana-mana orang bagi jawatan pengarah atau ketua eksekutif pentadbir skim persaraan swasta itu dan memperuntukkan dalam arahan itu bagi orang yang dilantik supaya dibayar oleh pentadbir skim persaraan swasta itu;
- (iii) melantik seseorang untuk memberi nasihat kepada pentadbir skim persaraan swasta itu berhubung dengan perjalanan wajar urusan dan hal ehwalnya dan memperuntukkan dalam arahan itu bagi orang yang dilantik supaya dibayar oleh pentadbir skim persaraan swasta itu; atau
- (iv) menghendaki pentadbir skim persaraan swasta itu untuk mengemukakan apa-apa maklumat atau rekod kepada Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(2) Jika Suruhanjaya menarik balik suatu kelulusan di bawah seksyen 139F, Suruhanjaya boleh, dengan mengeluarkan suatu arahan bertulis, mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan yang berikut:

- (a) walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik oleh Suruhanjaya untuk bertindak bagi pihaknya, mengambil kawalan keseluruhan atau sebahagian mana-mana aset terkawal, urusan dan hal ehwal pentadbir skim persaraan swasta dan menjalankan keseluruhan atau sebahagian urusan dan hal ehwal pentadbir skim persaraan swasta itu; atau
- (b) tertakluk pada subseksyen (4) dan (5), mengarahkan pentadbir skim persaraan swasta untuk memindahkan mana-mana aset terkawal kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “aset terkawal” ertinya—

(a) segala maklumat atau rekod yang diperoleh, disimpan atau diproses; dan

(b) sistem yang dibangunkan, dikendalikan atau disenggarakan,

oleh pentadbir skim persaraan swasta dalam menjalankan kewajipan dan tanggungjawabnya.

(4) Segala maklumat atau rekod yang diperoleh, disimpan atau diproses oleh pentadbir skim persaraan swasta adalah kepunyaan Suruhanjaya pada setiap masa.

(5) Jika aset terkawal itu dipindahkan kepada orang di bawah perenggan (2)(b), pentadbir skim persaraan swasta berhak kepada apa-apa pampasan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya bagi sistem yang dibangunkan, dikendalikan atau disenggarakan oleh pentadbir skim persaraan swasta itu.

(6) Subseksyen (5) tidak terpakai jika penarikan balik kelulusan itu adalah bagi alasan yang dinyatakan di bawah subperenggan 139D(h)(i), (ii), (iii), (iv), (v) atau perenggan 139F(1)(e).

Kewajipan untuk mengambil langkah keselamatan munasabah

139M. Pentadbir skim persaraan swasta hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk melindungi maklumat dan dokumen berhubung dengan hal ehwal atau akaun anggota daripada apa-apa akses, pengubahan, penzahiran atau penyebaran yang tidak dibenarkan.

Kewajipan untuk menyimpan kerahsiaan

139N. (1) Seseorang yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen berhubung dengan hal ehwal atau akaun mana-mana pencarum tidak boleh memberikan, mendedahkan, memperlihatkan atau selainnya menzahirkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang kecuali—

- (a) dalam hal keadaan yang dinyatakan di bawah seksyen 139o; atau
- (b) kepada Suruhanjaya jika Suruhanjaya berpendapat bahawa penzahiran itu adalah perlu demi kepentingan awam atau bagi perlindungan pelabur.

(2) Seseorang yang mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang pada pengetahuannya penzahirannya melanggar subseksyen (1) tidak boleh dengan apa-apa cara menzahirkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang lain.

(3) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penzahiran yang dibenarkan

139o. Seseorang yang disebut dalam subseksyen 139N(1) tidak boleh menolak untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen—

- (a) yang pencarum itu, atau wakil peribadinya, telah memberikan kebenaran bertulis untuk dizahirkan;
- (b) dalam hal jika pencarum diisytiharkan bankrap di dalam atau di luar Malaysia;
- (c) bagi maksud memulakan, atau dalam perjalanan, mana-mana prosiding sivil—
 - (i) berhubung dengan akaun pencarum dalam skim persaraan swasta; dan
 - (ii) jika pentadbir skim persaraan swasta, penyedia skim persaraan swasta, pencarum atau majikan yang mencarum bagi pihak pencarum, ialah suatu pihak kepada prosiding sivil itu,

dengan syarat jika pencarum bukan suatu pihak kepada prosiding sivil itu, kebenaran bertulisnya telah diperoleh terlebih dahulu;

- (d) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyiasat mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, penzahiran itu merupakan, dalam mana-mana hal, terhad kepada hal ehwal atau akaun pencarum yang disyaki dengan kesalahan itu;
- (e) bagi maksud membolehkan atau membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya di bawah undang-undang sekuriti;
- (f) bagi maksud membolehkan atau membantu juruaudit pentadbir skim persaraan swasta untuk melaksanakan fungsinya; atau
- (g) dalam suatu rumusan atau kumpulan maklumat, yang dirangkakan sedemikian untuk tidak membolehkan identiti mana-mana pencarum, yang kepadanya maklumat itu berkaitan, untuk ditentukan.

Subpenggal 2 – Penyedia skim persaraan swasta

Kehendak bagi kelulusan untuk menubuhkan, menawarkan atau menyediakan skim persaraan swasta

139p. (1) Seseorang tidak boleh menubuhkan, menawarkan atau menyediakan skim persaraan swasta atau mengemukakan dirinya sebagai menubuhkan, menawarkan atau menyediakan skim persaraan swasta melainkan jika Suruhanjaya meluluskan—

- (a) orang itu sebagai penyedia skim persaraan swasta di bawah seksyen 139q;
- (b) skim persaraan swasta itu di bawah seksyen 139v; dan
- (c) pemegang amanah skim itu di bawah seksyen 139zc.

(2) Seseorang tidak boleh mengambil atau menggunakan atau menerima pakai nama atau gelaran “skim persaraan swasta” atau “skim persaraan” berhubung dengan urusannya atau membuat apa-apa representasi bagi tujuan itu mengikut apa-apa cara melainkan jika—

- (a) ia adalah skim yang diluluskan di bawah seksyen 139v;
- (b) ia adalah suatu kumpulan wang pencen yang diluluskan di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967;
- (c) ia adalah suatu skim persaraan atau kumpulan wang persaraan yang ditubuhkan atau disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan oleh suatu Akta Parlimen atau suatu undang-undang Negeri; atau
- (d) ia adalah skim yang ditetapkan oleh Menteri sebagai bukan suatu skim persaraan swasta bagi maksud Bahagian ini.

(3) Seseorang tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara inferens menerima pakai nama atau gelaran “pelan persaraan” atau “produk persaraan” atau membuat apa-apa representasi bagi tujuan itu mengikut apa-apa cara tanpa kebenaran Suruhanjaya.

(4) Subseksyen (3) tidak terpakai kepada mana-mana orang yang semata-mata di bawah penyeliaan atau pengawasan Bank Negara.

(5) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

Permohonan untuk kelulusan

139Q. (1) Suatu permohonan untuk kelulusan sebagai penyedia skim persaraan swasta hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh

Suruhanjaya dan hendaklah disertakan dengan suatu fi permohonan yang ditetapkan.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen kepada Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi maksud permohonan itu.

(3) Suruhanjaya boleh meluluskan suatu permohonan di bawah seksyen ini, tertakluk pada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya boleh mengubah, menambah kepada atau menggugurkan apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah subseksyen (3) pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(5) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah subseksyen (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan.

Penolakan untuk meluluskan

139R. Jika suatu permohonan dibuat di bawah seksyen 139Q, Suruhanjaya boleh menolak permohonan itu atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) pemohon bukan seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang;
- (b) permohonan tidak dibuat mengikut seksyen 139Q;
- (c) pemohon tidak mematuhi mana-mana kehendak Akta ini atau mana-mana garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) apa-apa maklumat atau dokumen yang dikemukakan oleh pemohon kepada Suruhanjaya adalah palsu atau

mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material;

- (e) pemohon itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan;
- (f) pelaksanaan terhadap pemohon berkenaan dengan hutang penghakiman telah dikembalikan tanpa dijelaskan keseluruhannya atau sebahagiannya;
- (g) seseorang penerima, penerima dan pengurus atau orang yang setaraf dengannya telah dilantik di dalam atau di luar Malaysia, atau berkenaan dengan mana-mana harta pemohon itu;
- (h) pemohon itu telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membuat suatu kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa; atau
- (i) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon atau mana-mana pegawai prinsipalnya tidak dapat bertindak demi kepentingan awam atau anggotanya.

Penarikan balik kelulusan

139s. (1) Suruhanjaya boleh menarik balik suatu kelulusan yang diberikan kepada penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan itu berhenti daripada memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang;
- (b) wujud alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya boleh menolak suatu permohonan di bawah seksyen 139R;
- (c) penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan itu tidak melancarkan skim persaraan swasta yang diluluskan itu

dalam masa enam bulan dari tarikh skim persaraan swasta itu diluluskan;

- (d) penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan itu atau mana-mana pegawai prinsipalnya—
- (i) telah melanggar mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Suruhanjaya;
 - (ii) tidak mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini;
 - (iii) tidak memberikan bantuan kepada Suruhanjaya atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya sebagaimana yang dihendaki di bawah subseksyen 139ZL(2); atau
 - (iv) tidak bertindak secara cekap, jujur atau saksama; atau
- (e) kelakuan penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan itu telah mempunyai suatu kesan yang buruk ke atas—
- (i) kestabilan kewangan skim persaraan swasta yang diluluskan itu; atau
 - (ii) kepentingan anggotanya.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), Suruhanjaya boleh menarik balik kelulusan apabila ada permintaan secara bertulis dibuat kepada Suruhanjaya oleh penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan untuk berhenti beroperasi sebagai penyedia skim persaraan swasta.

(3) Jika penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan membuat suatu permintaan bagi menghentikan operasinya di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya boleh menolak untuk menarik balik kelulusan itu jika Suruhanjaya menganggap bahawa—

- (a) demi kepentingan awam atau anggotanya bahawa mana-mana perkara berkenaan dengan penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan sepatutnya disiasat sebelum kelulusan itu ditarik balik di bawah subseksyen (2); atau
- (b) penarikan balik kelulusan itu bertentangan dengan kepentingan awam atau anggotanya.

(4) Walau apa pun penarikan balik kelulusan, Suruhanjaya boleh menghendaki penyedia skim persaraan swasta itu untuk terus menjalankan aktiviti yang terjejas oleh penarikan balik itu sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya, pada atau selepas tarikh penarikan balik berkuat kuasa, bagi maksud—

- (a) menutup operasi penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan itu; atau
- (b) melindungi kepentingan awam atau anggotanya.

(5) Jika Suruhanjaya menghendaki penyedia skim persaraan swasta untuk meneruskan aktivitinya di bawah subseksyen (4), penyedia skim persaraan swasta itu hendaklah tidak, atas alasan ia menjalankan aktiviti itu, dikira sebagai melanggar seksyen 139p.

(6) Suruhanjaya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1) tanpa memberi penyedia skim persaraan swasta itu suatu peluang untuk didengar.

Kesan penarikan balik

139t. Mana-mana penarikan balik yang dikeluarkan di bawah seksyen 139s tidak boleh beroperasi untuk—

- (a) mengelak atau menyentuh mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan berhubung dengan skim persaraan swasta yang dibuat oleh penyedia skim persaraan swasta jika—

- (i) perjanjian, transaksi atau perkiraan itu dibuat sebelum penarikan balik kelulusan itu; atau
 - (ii) perjanjian, transaksi atau perkiraan itu dibuat selepas penarikan balik kelulusan itu di bawah hal keadaan yang diperuntukkan di bawah subseksyen 139s(4); atau
- (b) menyentuh mana-mana hak, obligasi atau tanggungan yang berbangkit di bawah perjanjian, transaksi atau perkiraan itu yang disebut di bawah perenggan (a).

Pemberitahuan keadaan yang menghilangkan kelayakan

139u. (1) Penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan hendaklah, sebaik selepas berlakunya suatu keadaan di bawah seksyen 139s, memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis yang menyatakan butir-butir keadaan itu.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Subpenggal 3 – Skim persaraan swasta

Permohonan untuk kelulusan skim persaraan swasta

139v. (1) Sesuatu permohonan untuk kelulusan skim persaraan swasta hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya dan hendaklah disertakan dengan fi permohonan yang ditetapkan.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen kepada Suruhanjaya dengan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi maksud permohonan itu.

(3) Apabila memberikan suatu kelulusan di bawah seksyen ini, Suruhanjaya boleh, jika didapati sesuai—

(a) meluluskan skim persaraan swasta itu tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut; atau

(b) meluluskan skim persaraan swasta itu dengan apa-apa perubahan dan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut.

(4) Suruhanjaya boleh mengubah, menambah kepada atau menggugurkan apa-apa terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(5) Seseorang yang melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan.

Penolakan untuk meluluskan

139w. Jika suatu permohonan dibuat di bawah seksyen 139v, Suruhanjaya boleh menolak permohonan itu atas mana-mana alasan yang berikut:

(a) pemohon bukan penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan;

(b) permohonan itu tidak dibuat mengikut seksyen 139v;

(c) skim persaraan swasta itu tidak mematuhi mana-mana kehendak Akta ini atau mana-mana garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini;

(d) apa-apa maklumat atau dokumen yang dikemukakan kepada Suruhanjaya berkenaan dengan suatu skim persaraan swasta adalah palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau

(e) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kelulusan itu bertentangan dengan kepentingan awam atau anggota mana-mana skim persaraan swasta.

Penarikan balik kelulusan

139x. (1) Suruhanjaya boleh menarik balik suatu kelulusan yang diberikan kepada skim persaraan swasta yang diluluskan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) wujud alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya boleh menolak suatu permohonan di bawah seksyen 139w;
- (b) skim persaraan swasta yang diluluskan itu tidak dilancarkan dalam masa enam bulan dari tarikh kelulusan itu;
- (c) penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan itu tidak mematuhi mana-mana terma dan syarat yang dikenakan berhubung dengan skim persaraan swasta itu atau mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini; atau
- (d) ia perlu demi melindungi kepentingan awam atau anggota.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), Suruhanjaya boleh, apabila permintaan bertulis dibuat kepada Suruhanjaya oleh penyedia skim persaraan swasta, menarik balik suatu kelulusan yang diberikan kepada skim persaraan swasta yang diluluskan.

(3) Jika suatu permintaan bertulis dibuat kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya boleh menolak untuk menarik balik kelulusan jika Suruhanjaya menganggap bahawa—

- (a) demi kepentingan awam atau anggotanya, mana-mana perkara berkenaan dengan skim persaraan swasta yang diluluskan sepatutnya disiasat sebelum kelulusan itu ditarik balik di bawah subseksyen (2); atau
- (b) penarikan balik kelulusan itu bertentangan dengan kepentingan awam atau anggotanya.

(4) Suruhanjaya tidak boleh mengambil mana-mana tindakan di bawah subseksyen (1) tanpa memberi penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan itu suatu peluang untuk didengar.

Caruman terletak hak pada anggota sebagai faedah terakru

139y. (1) Suatu caruman berkenaan dengan seseorang anggota suatu skim persaraan swasta yang diluluskan hendaklah terletak hak pada anggota itu sebagai faedah terakru sebaik sahaja ia dibayar sama ada kepada penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan atau pemegang amanah skim itu, mengikut mana-mana yang terdahulu.

(2) Pendapatan atau keuntungan hasil daripada pelaburan faedah terakru seseorang anggota skim persaraan swasta yang diluluskan, selepas mengambil kira mana-mana kerugian yang timbul daripada mana-mana pelaburan itu, hendaklah juga terletak hak pada anggota itu sebagai faedah terakru sebaik sahaja ia diterima sama ada oleh penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan atau pemegang amanah skim itu, mengikut mana-mana yang terdahulu.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam subseksyen (1) dan (2), Suruhanjaya boleh menentukan cara faedah terakru itu akan diakaunkan dan diletakkan hak pada seseorang anggota.

Pengekalan faedah terakru

139z. Bagi maksud mengekalkan faedah terakru dalam skim persaraan swasta yang diluluskan, tiada penyedia skim persaraan swasta atau pemegang amanah skim boleh membayar atau selainnya melupuskan mana-mana bahagian faedah terakru kepada mana-mana anggota atau mana-mana orang lain kecuali mengikut cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

Perlindungan faedah terakru

139ZA. Tiada bahagian daripada apa-apa faedah terakru dalam skim persaraan swasta yang diluluskan berkenaan dengan anggota boleh diambil untuk pelaksanaan suatu hutang penghakiman atau menjadi hal perkara kepada mana-mana gadaian, sandaran, lien, gadai janji, pemindahan, penyerahhakan atau pemberimilikan oleh atau bagi pihak anggota, dan apa-apa yang berupa pelupusan yang bertentangan dengan seksyen ini adalah terbatal.

Kesan penarikan balik

139ZB. (1) Penarikan balik suatu kelulusan kepada skim persaraan swasta di bawah seksyen 139x hendaklah tidak menyentuh apa-apa hak anggota berkenaan dengan faedah terakru yang kepadanya anggota itu berhak seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 139y.

(2) Jika Suruhanjaya menarik balik suatu kelulusan di bawah seksyen 139x, Suruhanjaya boleh, dengan mengeluarkan suatu arahan bertulis, mengarahkan penyedia skim persaraan swasta itu atau pemegang amanah skim itu untuk memindahkan faedah terakru itu kepada skim persaraan swasta yang diluluskan yang lain.

*Subpenggal 4 – Pemegang amanah skim***Kelulusan pemegang amanah skim**

139zc. (1) Seseorang tidak boleh bertindak atau dilantik untuk bertindak sebagai pemegang amanah skim berhubung dengan skim persaraan swasta tanpa kelulusan Suruhanjaya.

(2) Suatu permohonan untuk menjadi pemegang amanah skim hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya dan hendaklah disertakan dengan fi permohonan yang ditetapkan.

(3) Suruhanjaya boleh meluluskan permohonan di bawah seksyen ini, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya boleh mengubah, menambah kepada atau menggugurkan mana-mana terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(5) Pemegang amanah skim yang melanggar subseksyen (1) atau mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan.

Penolakan untuk meluluskan

139zd. (1) Jika suatu permohonan dibuat di bawah seksyen 139zc, Suruhanjaya boleh menolak permohonan itu atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) pemohon itu—
 - (i) seorang pemegang saham yang memegang syer secara benefisial dalam penyedia skim persaraan swasta itu;
 - (ii) berhak secara benefisial kepada wang yang terhutang oleh penyedia skim persaraan swasta itu kepadanya; atau
 - (iii) suatu perbadanan yang berhubungan dengan—
 - (A) orang yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii); atau
 - (B) penyedia skim persaraan swasta itu;
- (b) permohonan itu tidak dibuat mengikut seksyen 139zc;

- (c) pemohon tidak mematuhi mana-mana kehendak Akta ini atau mana-mana garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan oleh pemohon kepada Suruhanjaya adalah palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau
- (e) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon itu tidak dapat bertindak demi kepentingan awam atau anggota.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan (1)(a), seseorang tidak terhalang daripada dilantik atau daripada bertindak, sebagai pemegang amanah skim hanya oleh sebab—

- (a) wang yang penyedia skim persaraan swasta itu berhutang kepada pemegang amanah skim itu atau mana-mana perbadanan yang berhubungan dengan pemegang amanah skim itu ialah wang yang kepadanya pemegang amanah skim itu atau mana-mana perbadanan yang berhubungan dengan pemegang amanah skim itu adalah berhak sebagai suatu pemegang amanah skim, mengikut apa-apa peruntukan atau waad surat ikatan amanah itu; atau
- (b) pemegang amanah skim itu atau suatu perbadanan yang berhubungan dengan pemegang amanah skim itu, walaupun menjadi pemilik benefisial syer penyedia skim persaraan swasta itu, tidak mempunyai hak untuk melaksanakan lebih daripada satu per dua puluh daripada kuasa mengundi pada mana-mana mesyuarat agung penyedia skim persaraan swasta itu.

Penarikan balik kelulusan

139ZE. Suruhanjaya boleh menarik balik suatu kelulusan yang diberikan kepada pemegang amanah skim yang diluluskan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) wujud alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya boleh menolak suatu permohonan di bawah seksyen 139ZD;
- (b) pemegang amanah skim itu telah melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya;
- (c) pemegang amanah skim itu tidak bertindak atau menolak untuk bertindak mengikut peruntukan atau waad surat ikatan amanah itu;
- (d) pemegang amanah skim itu tidak mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini; atau
- (e) pemegang amanah skim itu tidak memberikan bantuan kepada Suruhanjaya atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 139ZL(2).

Penggal 3

Pemegang amanah bagi skim persaraan tajaan majikan

Kelulusan pemegang amanah majikan

139ZF. (1) Seseorang tidak boleh bertindak atau dilantik untuk bertindak sebagai pemegang amanah majikan berhubung dengan skim persaraan tajaan majikan tanpa kelulusan Suruhanjaya.

(2) Suatu permohonan untuk menjadi pemegang amanah majikan hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk dan

cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya dan hendaklah disertakan dengan fi permohonan yang ditetapkan.

(3) Suruhanjaya boleh meluluskan permohonan di bawah seksyen ini, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya boleh mengubah, menambah kepada atau menggugurkan mana-mana terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(5) Pemegang amanah majikan yang melanggar subseksyen (1) atau mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan.

Penolakan untuk meluluskan

139ZG. Jika suatu permohonan dibuat di bawah seksyen 139ZF, Suruhanjaya boleh menolak permohonan itu atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) permohonan itu tidak dibuat mengikut seksyen 139ZF;
- (b) pemohon itu tidak mematuhi apa-apa kehendak Akta ini atau mana-mana garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (c) maklumat atau dokumen yang diberikan oleh pemohon kepada Suruhanjaya adalah palsu atau mengelirukan atau daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau
- (d) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon itu tidak dapat bertindak mengikut peruntukan dan waad surat ikatan amanah itu.

Penarikan balik kelulusan

139zh. Suruhanjaya boleh menarik balik suatu kelulusan yang diberikan kepada pemegang amanah majikan yang diluluskan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) wujud alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya boleh menolak suatu permohonan di bawah seksyen 139zg;
- (b) pemegang amanah majikan itu telah melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya;
- (c) pemegang amanah majikan itu tidak bertindak atau menolak untuk bertindak mengikut peruntukan atau waad surat ikatan amanah itu;
- (d) pemegang amanah majikan itu tidak mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini; atau
- (e) pemegang amanah majikan itu tidak memberikan bantuan kepada Suruhanjaya atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 139zl(2).

Penggal 4

Am

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

139zi. Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan-peraturan—

- (a) berkenaan dengan semua perkara berhubungan dengan pentadbir skim persaraan swasta, penyedia skim persaraan swasta, skim persaraan swasta, pemegang amanah skim dan pemegang amanah majikan di bawah Bahagian ini; atau

- (b) dikenakan dengan kewajipan, piawaian dan kelakuan orang yang terlibat dalam skim persaraan swasta.

Fi yang kena dibayar

139zj. (1) Orang yang berikut di bawah Bahagian ini—

- (a) pentadbir skim persaraan swasta;
- (b) penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan;
- (c) pemegang amanah skim bagi skim persaraan swasta yang diluluskan; atau
- (d) pemegang amanah majikan bagi skim persaraan tajaan majikan,

hendaklah membayar fi yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa fi yang dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Bahagian ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya

139zk. (1) Bagi maksud Bahagian ini, mana-mana orang yang membuat atau mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan atau dengan sengaja meninggalkan daripada menyatakan apa-apa perkara atau benda yang tanpanya pernyataan atau maklumat itu adalah mengelirukan mengenai suatu hal material, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

(2) Jika suatu pernyataan atau maklumat di bawah subseksyen (1) telah dikemukakan atau diberikan kepada Suruhanjaya dan seseorang menyedari sebelum skim persaraan swasta itu dilancarkan bahawa pernyataan atau maklumat itu mungkin palsu atau mengelirukan, orang itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya dan hendaklah mengambil tindakan sedemikian sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

Kuasa untuk mengeluarkan arahan, dsb.

139ZL. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 125, 354, 355 dan 356, jika Suruhanjaya—

- (a) berpuas hati wujudnya alasan bagi penarikan balik kelulusan di bawah seksyen 139F, 139S, 139X, 139ZE atau 139ZH;
- (b) menyedari bahawa suatu pernyataan atau maklumat yang diberikan atau dikemukakan kepadanya di bawah Bahagian ini adalah palsu atau mengelirukan atau daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau
- (c) berpuas hati bahawa kepentingan anggota mungkin dalam keadaan bahaya atau berada dalam keadaan bahaya,

Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu arahan bertulis kepada mana-mana orang untuk mengambil langkah sedemikian sebagaimana yang ditentukan dalam arahan itu untuk—

- (A) mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan—
 - (i) apa-apa kehendak atau peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti;
 - (ii) mana-mana garis panduan atau notis bertulis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; atau

- (iii) mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah atau menurut Akta ini; atau
- (B) mengambil langkah sedemikian untuk meremеди suatu kemungkiran atau mengurangkan kesan kemungkiran itu.

(2) Mana-mana orang yang disebut di bawah Bahagian ini hendaklah memberikan bantuan kepada Suruhanjaya, atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya, termasuk memberikan apa-apa penyata, dan pemberian maklumat sedemikian berhubungan dengan operasinya atau mana-mana maklumat lain yang Suruhanjaya atau orang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya boleh menghendaki bagi pentadbiran undang-undang sekuriti yang sepatutnya.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau tidak memberikan bantuan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Penzahiran maklumat kepada Suruhanjaya

139ZM. (1) Bagi maksud Bahagian ini, Suruhanjaya boleh meminta orang yang berikut untuk mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki Suruhanjaya bagi pengawalseliaan atau pengawasan berkesan industri skim persaraan swasta kepada Suruhanjaya:

- (a) penyedia skim persaraan swasta;
- (b) pekongsi atau sekutu kepada penyedia skim persaraan swasta itu; atau
- (c) mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan luar kepada orang yang disebut dalam perenggan (a) atau (b).

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika orang di bawah perenggan (1)(b) atau (c) adalah semata-mata di bawah penyeliaan atau

pengawasan Bank Negara, Suruhanjaya hendaklah membuat permintaan sedemikian melalui Bank Negara.

Syor oleh orang berlesen

139ZN. (1) Seseorang orang berlesen tidak boleh membuat sesuatu syor berkenaan dengan apa-apa skim persaraan swasta kepada seseorang yang semunasabahnya boleh dijangkakan akan bergantung pada syor itu tanpa mempunyai asas yang munasabah untuk membuat syor itu kepada orang itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang orang berlesen tidak mempunyai suatu asas yang munasabah untuk membuat sesuatu syor kepada seseorang melainkan—

- (a) orang berlesen itu telah, bagi maksud memastikan bahawa syor itu adalah sesuai, mengambil semua langkah yang dapat dilaksanakan bagi memastikan bahawa maklumat yang dimiliki dan dipercayai oleh orang berlesen itu berkenaan dengan objektif pelaburan, kedudukan kewangan dan keperluan tertentu orang itu adalah tepat dan lengkap;
- (b) orang berlesen itu telah memberikan pertimbangan kepada, dan menjalankan penyiasatan tentang, hal perkara syor itu sebagaimana yang munasabah dalam segala hal keadaan; dan
- (c) syor itu adalah berasaskan pertimbangan dan penyiasatan yang sedemikian.

(3) Jika orang berlesen melanggar subseksyen (1) dan—

- (a) orang itu, kerana bergantung pada syor itu, melakukan suatu perbuatan tertentu atau menahan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan tertentu;
- (b) adalah munasabah, setelah mengambil kira syor itu dan segala hal keadaan lain yang berkaitan, bagi orang itu untuk

melakukan perbuatan itu atau menahan diri daripada melakukan perbuatan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kerana bergantung pada syor itu; dan

- (c) orang itu mengalami kehilangan atau kerugian akibat melakukan perbuatan itu atau menahan diri daripada melakukan perbuatan itu,

orang berlesen itu hendaklah bertanggung untuk membayar ganti rugi kepada orang itu berkenaan dengan kehilangan atau kerugian itu.

(4) Seseorang orang berlesen tidak bertanggung di bawah subseksyen (3) jika dibuktikan bahawa seseorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan akan melakukan atau meninggalkan daripada melakukan perbuatan itu kerana bergantung pada syor itu walaupun orang berlesen itu telah mematuhi subseksyen itu berhubung dengan syor itu.

(5) Dalam hal pelanggaran subseksyen (1), seseorang orang berlesen tidak bertanggung jika dibuktikan bahawa syor itu adalah, dalam segala hal keadaan, wajar dengan mengambil kira maklumat yang ada pada orang berlesen itu tentang objektif pelaburan, kedudukan kewangan dan keperluan tertentu klien itu semasa orang berlesen membuat syor itu.

Akuan palsu atau mengelirukan atau memberikan dokumen palsu kepada penyedia dan pentadbir

139zo. (1) Seseorang tidak boleh—

- (a) membuat, secara lisan atau bertulis, atau menandatangani apa-apa akuan, penyata, sijil atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah suatu pentadbir skim persaraan swasta yang palsu, mengelirukan atau yang dalamnya terdapat ketinggalan yang material; atau

- (b) menyediakan apa-apa maklumat atau memberikan apa-apa dokumen yang palsu, mengelirukan atau yang dalamnya terdapat ketinggalan yang material,

kepada pentadbir skim persaraan swasta atau penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) dengan niat untuk memperdaya pentadbir skim persaraan swasta atau penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

(3) Seseorang yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (2) berhubung dengan pengeluaran faedah terakru hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh sabitan, mengembalikan keseluruhan amaun yang dikeluarkan.

Pernyataan yang palsu atau mengelirukan, dsb.

139zp. Seseorang tidak boleh membuat suatu pernyataan, atau menyebarkan maklumat, yang palsu atau mengelirukan dalam butir material dan yang berkemungkinan mendorong mana-mana orang untuk membuat suatu caruman kepada suatu skim persaraan swasta jika, bila dia membuat pernyataan atau menyebarkan maklumat itu—

- (a) dia tidak mempedulikan sama ada pernyataan atau maklumat itu adalah benar atau palsu; atau
- (b) dia mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui bahawa pernyataan atau maklumat itu adalah palsu atau mengelirukan dalam butir material.

Penggunaan peranti manipulasi dan memperdaya

139ZQ. Adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang, sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk—

- (a) menggunakan apa-apa peranti, skim atau tipu daya untuk memfraud;
- (b) melibatkan diri dalam apa-apa perbuatan, amalan atau perjalanan urusan yang beroperasi atau akan beroperasi sebagai fraud atau penipuan terhadap mana-mana orang; atau
- (c) membuat apa-apa pernyataan yang tidak benar mengenai suatu fakta material atau meninggalkan daripada menyatakan suatu fakta material yang perlu bagi menjadikan pernyataan yang dibuat itu, dalam hal keadaan yang pernyataan itu dibuat, tidak mengelirukan,

berkaitan dengan—

- (A) perolehan atau pelupusan kepentingan benefisial di bawah suatu skim persaraan swasta;
- (B) membuat caruman kepada suatu skim persaraan swasta; atau
- (C) pengeluaran apa-apa jumlah daripada suatu skim persaraan swasta.

Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 139ZP dan 139ZQ

139ZR. Seseorang yang melanggar seksyen 139ZP dan 139ZQ melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit.

Penamaan

139zs. Walau apa pun apa-apa jua yang tidak selaras atau bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan probet, pentadbiran, pengagihan, atau pelupusan, harta pusaka orang yang mati, atau dalam mana-mana amalan atau adat berhubung dengan perkara ini, seorang anggota boleh menamakan mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pelupusan mana-mana bahagian faedah yang terakru anggota itu, selepas kematian anggota itu tertakluk pada mana-mana peraturan-peraturan atau garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IV

DANA PAMPASAN PASARAN MODAL

Penggal 1

Tafsiran

Tafsiran bagi maksud Bahagian IV

140. Dalam Bahagian ini—

“Dana Pampasan Pasaran Modal” ertinya Dana Pampasan Pasaran Modal yang ditubuhkan di bawah seksyen 158;

“juruaudit” ertinya seorang juruaudit yang berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit menurut seksyen 31o Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993;

“kaedah-kaedah” ertinya memorandum persatuan, perkara persatuan, atau apa-apa kaedah-kaedah atau arahan lain dengan apa jua nama disebut dan di mana-mana jua terkandung, yang mengawal operasi, pengurusan atau tatacara Perbadanan itu;

“keadaan ingkar” ertinya suatu keadaan yang seseorang orang yang berkaitan dianggap sebagai tidak boleh, atau berkemungkinan tidak

boleh, untuk menjelaskan tuntutan yang dibuat terhadapnya dalam hal keadaan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;

“orang yang berkaitan” ertinya seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan—

- (a) berniaga dalam sekuriti;
- (b) berniaga dalam derivatif dan ialah suatu gabungan bursa derivatif yang berkaitan itu; atau
- (c) pengurusan kumpulan wang;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal yang ditubuhkan di bawah seksyen 141;

“pihak berkuasa berkaitan” ertinya Suruhanjaya, bursa saham, bursa derivatif atau badan yang ditubuhkan di luar Malaysia yang menjalankan fungsi yang seumpama dengan Perbadanan dan mana-mana badan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Penggal 2

Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal

Perbadanan

- 141.** (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai “Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal” ditubuhkan.
- (2) Perbadanan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.
 - (3) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk pada dan bagi maksud pentadbiran dan pengurusan Dana Pampasan Pasaran Modal, Perbadanan boleh, atas terma yang disifatkan patut olehnya—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati semua jenis harta alih dan harta tak alih; dan
- (c) memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemis, memajakkan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada Perbadanan.

(5) Perbadanan boleh dari semasa ke semasa mengambil orang bekerja mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan.

Fungsi Perbadanan

142. (1) Perbadanan hendaklah mengurus dan mentadbir Dana Pampasan Pasaran Modal dan memproses dan mengendalikan tuntutan bagi pampasan di bawah Bahagian ini.

(2) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, memberikan kelulusannya kepada Perbadanan untuk meminjam apa-apa jumlah wang yang difikirkan perlu oleh Perbadanan bagi maksud melaksanakan fungsinya.

Kuasa Perbadanan

143. Perbadanan hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu bagi atau berkaitan dengan, atau semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya termasuk untuk—

- (a) membuat proses dan tatacara yang adil, munasabah dan telus untuk menentukan tuntutan bagi pampasan;
- (b) membayar pampasan;
- (c) mengemukakan petisyen bagi penggulangan seseorang orang yang berkaitan;
- (d) menentukan keadaan kewangan dan operasi seseorang orang yang berkaitan dan kemungkinan orang yang berkaitan itu memulakan suatu keadaan ingkar;
- (e) menentukan, mengenakan, mengumpul dan menerima caruman, levi, fi dan pembayaran lain itu daripada orang yang berkaitan atau pihak yang menuntut dan membelanjakan caruman, levi, fi dan pembayaran lain itu bagi menjalankan semua atau apa-apa fungsi Perbadanan; dan
- (f) mengambil apa-apa tindakan berkenaan dengan fungsinya dalam mengurus dan mentadbir Dana Pampasan Pasaran Modal.

Kewajipan dan tanggungjawab Perbadanan

144. Perbadanan hendaklah—

- (a) menjalankan kuasanya dengan suci hati mengikut peruntukan Akta ini; dan
- (b) mematuhi apa-apa arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Keanggotaan Perbadanan

145. (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada anggota berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri atas syor Pengerusi Suruhanjaya:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil daripada Suruhanjaya;
- (c) seorang wakil daripada syarikat pemegang bursa; dan
- (d) dua anggota lain yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam pasaran modal.

(2) Tiap-tiap anggota Perbadanan hendaklah pada setiap masa menjalankan kewajipannya dengan suci hati.

(3) Tertakluk pada instrumen pelantikannya, seseorang anggota Perbadanan hendaklah memegang jawatan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

Pemecatan, peletakan jawatan dan pengosongan jawatan mana-mana anggota Perbadanan

146. (1) Menteri atas syor Pengerusi Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Perbadanan jika—

- (a) anggota itu telah gagal untuk melaksanakan kewajipannya dengan cara yang sepatutnya; atau
- (b) anggota itu tidak menghadiri tiga mesyuarat Perbadanan secara berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Perbadanan dan dalam kes Pengerusi Perbadanan, tanpa kebenaran Pengerusi Suruhanjaya.

(2) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletak jawatannya dengan memberikan suatu notis secara bertulis tidak kurang daripada tiga puluh hari kepada Menteri.

(3) Jawatan anggota Perbadanan hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;

- (b) dia telah disabitkan di bawah mana-mana undang-undang untuk suatu kesalahan yang melibatkan fraud, ketidakjujuran atau keganasan sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (c) dia menjadi seorang bankrap; atau
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya melaksanakan kewajibannya.

Mesyuarat

147. (1) Perbadanan hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu bagi pelaksanaan fungsinya.

(2) Perbadanan boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri apa-apa mesyuarat bagi tujuan menasihatinya bagi apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang yang hadir itu tidak layak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(3) Tiga orang anggota Perbadanan hendaklah membentuk suatu kuorum pada mana-mana mesyuarat Perbadanan, salah seorang daripadanya hendaklah merupakan wakil daripada Suruhanjaya.

(4) Tertakluk pada peruntukan Akta ini, Perbadanan hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

Perbadanan boleh menubuhkan jawatankuasa

148. (1) Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Bahagian ini.

(2) Perbadanan boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota apa-apa jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen (1) boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi dan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(4) Dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah seksyen ini, jawatankuasa itu hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberi oleh Perbadanan.

(5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu seperti yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(6) Suatu jawatankuasa boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri apa-apa mesyuarat jawatankuasa itu bagi tujuan menasihatinya dalam apa-apa perkara dalam perbincangan tetapi orang yang hadir itu tidak layak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

Pewakilan fungsi dan kuasa Perbadanan

149. (1) Perbadanan boleh mewakilkan apa-apa fungsi dan kuasanya kepada—

(a) mana-mana anggota Perbadanan; atau

(b) mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan.

(2) Suatu pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang pelaksanaan atau penjalanan serentak fungsi dan kuasa yang diwakilkan oleh Perbadanan.

Saraan, elaun atau perbelanjaan lain

150. Anggota Perbadanan atau suatu jawatankuasa atau mana-mana orang lain yang dijemput untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Perbadanan atau jawatankuasa di bawah seksyen 147 atau 148 boleh dibayar apa-apa saraan, elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri atas syor Pengerusi Suruhanjaya.

Penzahiran kepentingan

151. (1) Seseorang anggota Perbadanan yang mempunyai secara langsung atau tidak langsung, oleh dirinya sendiri atau anggota keluarganya, apa-apa kepentingan dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Perbadanan hendaklah menzahirkan fakta dan jenis kepentingan itu kepada Perbadanan.

(2) Penzahiran yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat dan selepas penzahiran itu, anggota yang mempunyai kepentingan dalam perkara itu—

- (a) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana pertimbangan atau keputusan Perbadanan berkenaan perkara itu; dan
- (b) tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk suatu kuorum mesyuarat bagi pertimbangan dan keputusan berkenaan perkara itu.

(3) Mana-mana anggota Perbadanan yang gagal untuk menzahirkan kepentingannya seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Perbadanan boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Perbadanan telah melanggar peruntukan seksyen ini.

Kuasa untuk mengambil orang untuk memberikan bantuan

152. Perbadanan boleh, sama ada secara umum atau mengikut cara yang tertentu, mengambil di bawah terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa, mana-mana orang yang bukan pekerja Perbadanan untuk memberikan apa-apa bantuan sebagaimana yang dikehendaki atau ditentukan oleh

Perbadanan berkenaan dengan pelaksanaan fungsi atau kewajipannya di bawah Bahagian ini, atau untuk melaksanakan fungsi atau kewajipan Perbadanan bagi pihak dan atas nama Perbadanan.

Obligasi menyimpan rahsia

153. (1) Seseorang anggota, pekerja atau ejen Perbadanan tidak boleh memberikan, mendedahkan, memperlihatkan atau selainnya menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen yang diperolehnya dalam penjalanan kewajipannya kecuali—

(a) dalam hal keadaan yang dinyatakan di bawah seksyen 154; atau

(b) kepada Suruhanjaya—

(i) bagi maksud membolehkan atau membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya di bawah undang-undang sekuriti atau apa-apa undang-undang bertulis lain; dan

(ii) jika Suruhanjaya berpendapat bahawa penzahiran itu adalah perlu demi kepentingan awam atau bagi perlindungan pelabur.

(2) Seseorang yang mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang dalam pengetahuannya telah dizahirkan berlanggaran dengan subseksyen (1) tidak boleh dengan apa-apa cara menzahirkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang lain.

(3) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penzahiran dibenarkan

154. Seseorang yang disebut dalam subseksyen 153(1) tidak boleh enggan untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen—

- (a) bagi maksud membolehkan atau membantu juruaudit Perbadanan untuk melaksanakan fungsinya;
- (b) bagi maksud memulakan, atau dalam penjalanan, apa-apa prosiding sivil antara Perbadanan dan seseorang orang yang berkaitan;
- (c) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, dan penzahiran itu adalah terhad kepada hal ehwal seseorang orang yang berkaitan yang disiasat; atau
- (d) berkenaan dengan seseorang orang yang berkaitan yang berada dalam penerimaan atau sedang digulung atau selainnya dibubarkan di dalam atau di luar Malaysia.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengeluarkan arahan

155. Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, memberi Perbadanan arahan am atau tertentu selaras dengan peruntukan Bahagian ini atau jika difikirkan perlu oleh Suruhanjaya demi kepentingan awam atau bagi perlindungan pelabur.

Kerjasama dan penyelarasan

156. (1) Perbadanan hendaklah memberikan bantuan kepada Suruhanjaya atau kepada mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya atau orang itu, termasuk memberikan maklumat berhubung dengan operasi Perbadanan atau apa-apa maklumat lain.

(2) Perbadanan boleh memasuki perkiraan untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa berkaitan untuk memperoleh atau berkongsi apa-apa maklumat atau dokumen yang disifatkan perlu oleh Perbadanan bagi kepentingan pelabur atau berhubung dengan mana-mana orang yang berkaitan.

Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati

157. Tiada tindakan atau prosiding lain bagi ganti rugi boleh dibawa, dimulakan atau diteruskan di dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Perbadanan;
- (b) mana-mana anggota Perbadanan;
- (c) mana-mana anggota bagi apa-apa jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan; atau
- (d) pekerja Perbadanan,

berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau yang ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati dalam melaksanakan apa-apa fungsi, kuasa dan tanggungjawabnya di bawah Bahagian ini.

Penggal 3

Dana Pampasan Pasaran Modal

Penubuhan Dana Pampasan Pasaran Modal

158. (1) Suatu dana yang dikenali sebagai Dana Pampasan Pasaran Modal ditubuhkan yang hendaklah ditadbir oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan hendaklah memegang aset Dana Pampasan Pasaran Modal sebagai amanah bagi maksud yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini.

Aset yang membentuk Dana Pampasan Pasaran Modal

159. (1) Dana Pampasan Pasaran Modal hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) wang yang diperuntukkan kepada Dana Pampasan Pasaran Modal oleh Suruhanjaya;
- (b) wang yang diperuntukkan kepada Dana Pampasan Pasaran Modal oleh bursa saham dan bursa derivatif yang berkaitan;
- (c) caruman yang dibuat oleh Dana Pembangunan Pasaran Modal;
- (d) caruman yang dibuat oleh seseorang orang yang berkaitan yang diperuntukkan di bawah seksyen 160;
- (e) bunga dan keuntungan yang terakru dari semasa ke semasa daripada pelaburan Dana Pampasan Pasaran Modal;
- (f) apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Perbadanan menurut subseksyen 142(2);
- (g) wang yang didapatkan kembali oleh atau bagi pihak Perbadanan dalam menjalankan suatu hak tindakan yang diberikan di bawah Bahagian ini;
- (h) wang yang dibayar oleh seseorang penanggung insurans di bawah suatu kontrak insurans atau tanggung rugi yang dibuat oleh Perbadanan di bawah seksyen 170 Bahagian ini; dan

- (i) semua wang lain yang dibayar dengan sah ke dalam Dana Pampasan Pasaran Modal menurut Akta ini atau apa-apa garis panduan lain yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Perbadanan diberikan kuasa untuk mengkreditkan semua pendapatan operasi secara langsung kepada Dana, dan mengecaj terhadap Dana, semua perbelanjaan dan kos yang ditanggung oleh Perbadanan dalam menguruskan Dana.

Caruman dan levi

160. (1) Suatu organisasi peserta, suatu gabungan, seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang berniaga dalam sekuriti selain suatu organisasi peserta dan seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi pengurusan kumpulan wang, hendaklah apabila dilesenkan di bawah Akta ini, membayar caruman pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri kepada Dana Pampasan Pasaran Modal.

(2) Semua caruman yang dibuat di bawah seksyen ini tidak boleh dibayar balik, kecuali sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Sebagai tambahan kepada caruman di bawah seksyen ini, Suruhanjaya boleh mengenakan suatu levi yang jumlahnya ditetapkan oleh Menteri ke atas apa-apa kategori orang yang berkaitan untuk menanggung operasi Dana Pampasan Pasaran Modal itu.

Pemeliharaan Dana Pampasan Pasaran Modal

161. (1) Adalah menjadi kewajipan Perbadanan untuk memelihara Dana Pampasan Pasaran Modal selaras dengan peruntukan Bahagian ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini.

(2) Perbadanan boleh melaburkan wang Dana Pampasan Pasaran Modal yang sedia ada untuk pelaburan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Tahun kewangan

162. Bagi maksud Bahagian ini, tahun kewangan Dana Pampasan Pasaran Modal hendaklah bermula pada 1 hari bulan Januari dan berakhir pada 31 hari bulan Disember setiap tahun.

Akaun dan audit

163. (1) Perbadanan hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun yang teratur dan rekod lain berkenaan dengan operasi Perbadanan dan hendaklah menyediakan penyata akaun untuk setiap tahun kewangan.

(2) Pada akhir setiap tahun kewangan, dalam masa tiga bulan selepas penutupan tahun kewangan atau sebaik sahaja akaun Perbadanan diaudit, Perbadanan hendaklah menyebabkan satu salinan penyata akaun dikemukakan kepada Suruhanjaya.

(3) Dalam tempoh tiga bulan selepas penutupan setiap tahun kewangan, Perbadanan hendaklah menyediakan dan menyerahkan suatu laporan pengawalseliaan kepada Suruhanjaya tentang setakat mana Perbadanan itu telah mematuhi kehendak di bawah Bahagian ini dan kaedah-kaedahnya dalam tahun kewangan itu.

(4) Apabila menerima laporan di bawah subseksyen (3), Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa jika difikirkan perlu menjalankan audit pengawalseliaan ke atas Perbadanan.

(5) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] tidak terpakai kepada Perbadanan.

Laporan tahunan

164. (1) Perbadanan hendaklah, dalam masa tiga bulan selepas penutupan setiap tahun kewangan, menyediakan suatu laporan berkenaan dengan aktivitinya untuk tahun kewangan itu, dan menghantar suatu salinan laporan itu kepada Suruhanjaya.

(2) Laporan di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) tuntutan yang dirujuk kepada Perbadanan dan pampasan yang dibayar;
- (b) akaun tahunan beraudit Perbadanan; dan
- (c) apa-apa perkara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya.

Penggal 4

Peruntukan berhubung dengan tuntutan

Kaedah-kaedah Perbadanan

165. (1) Perbadanan hendaklah membuat kaedah-kaedah untuk diluluskan oleh Suruhanjaya, bagi mengawal pentadbiran teratur Perbadanan dan Dana Pampasan Pasaran Modal.

(2) Perbadanan tidak boleh meminda kaedah-kaedahnya tanpa mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

(3) Kaedah-kaedah Perbadanan boleh termasuk—

- (a) skop dan kategori pihak yang menuntut yang layak untuk membuat suatu tuntutan daripada Dana Pampasan Pasaran Modal;
- (b) cara tuntutan dibuat;
- (c) cara tuntutan ditentukan dan diberi award oleh Perbadanan;
- (d) fi pemprosesan atau pentadbiran;
- (e) hal keadaan yang Perbadanan boleh membuat suatu pembayaran interim sebelum penentuan muktamad suatu tuntutan;

- (f) hal keadaan yang Perbadanan boleh membuat suatu pembayaran kepada seseorang selain pihak yang menuntut;
- (g) hal keadaan yang suatu tuntutan boleh ditolak oleh Perbadanan; dan
- (h) cara keputusan suatu tuntutan boleh diberitahu kepada pihak yang menuntut dan orang yang berkaitan.

Rayuan kepada Suruhanjaya

166. (1) Mana-mana pihak yang menuntut yang terkilan dengan suatu penentuan Perbadanan berhubung dengan suatu tuntutan, boleh merayu secara bertulis kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pihak yang menuntut diberitahu mengenai penentuan Perbadanan itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah memutuskan suatu rayuan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rayuan dibuat.

Bantuan kepada Perbadanan

167. (1) Seseorang orang yang berkaitan hendaklah memberikan apa-apa bantuan kepada Perbadanan, atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Perbadanan sebagaimana Perbadanan atau orang itu dengan munasabahnya menghendaki, termasuk pemberian apa-apa penyata, dan pemberian apa-apa peruntukan maklumat atau dokumen yang berhubung dengan operasi orang yang berkaitan itu atau apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang Perbadanan atau orang itu menghendaki bagi maksud penentuan suatu tuntutan di bawah Bahagian ini.

(2) Perbadanan boleh, sama ada dengan sendirinya atau atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana pihak yang menuntut, memanggil dan memeriksa saksi yang difikirkannya material bagi siasatannya terhadap sesuatu tuntutan.

(3) Seseorang yang enggan atau gagal, tanpa alasan yang sah, untuk membantu Perbadanan atau seseorang yang bertindak bagi pihak, atau dengan kuasa, Perbadanan, mengikut subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan, dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pensubrogasian Perbadanan terhadap hak dan remedi pihak yang menuntut apabila pembayaran dibuat daripada Dana Pampasan Pasaran Modal

168. Jika Perbadanan membuat suatu pembayaran daripada Dana Pampasan Pasaran Modal berkenaan dengan suatu tuntutan daripada Dana Pampasan Pasaran Modal di bawah Akta ini—

- (a) Perbadanan itu adalah disubrogasi setakat pembayaran mengenai semua hak dan remedi pihak yang menuntut itu berkenaan dengan kerugian yang ditanggung oleh pihak yang menuntut itu; dan
- (b) pihak yang menuntut itu tidak boleh membuat apa-apa tuntutan atau mempunyai apa-apa hak di bawah kebangkrapan atau prosiding undang-undang atau selainnya untuk menerima berkenaan dengan kerugian itu—
 - (i) apa-apa jumlah daripada aset orang yang berkaitan berkenaan; atau
 - (ii) apa-apa jumlah jika kerugian itu disebabkan oleh sesuatu perbuatan atau peninggalan seseorang pengarah, pegawai, wakil atau pekerja orang yang berkaitan itu,

sehingga Perbadanan itu telah dibayar ganti amaun penuh pembayaran yang dibuat olehnya daripada Dana Pampasan Pasaran Modal, termasuk apa-apa bunga yang dibayar.

Kuasa mahkamah untuk membuat perintah tertentu

169. (1) Walau apa pun peruntukan *Akta Syarikat 1965, mahkamah boleh atas petisyen Perbadanan, memerintahkan penggulungan seseorang orang yang berkaitan, mengikut peruntukan *Akta Syarikat 1965.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), mahkamah boleh, atas permohonan Perbadanan, membuat perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah yang meletakhakkan sekuriti atau apa-apa harta lain pada Perbadanan atau seorang pemegang amanah yang dilantik oleh mahkamah; dan
- (b) suatu perintah yang melantik seorang penerima berkenaan dengan harta seorang orang yang berkaitan atau harta yang dipegang oleh orang yang berkaitan itu atau penjaga yang dilantiknya untuk atau bagi pihak seorang lain sama ada sebagai amanah atau selainnya.

(3) Seseorang pemegang amanah yang dilantik melalui suatu perintah mahkamah di bawah perenggan (2)(a)—

- (a) boleh menghendaki mana-mana orang supaya menghantar serah kepadanya apa-apa sekuriti atau apa-apa harta lain atau memberikannya segala maklumat mengenai sekuriti atau kontrak derivatif sebagaimana yang boleh dikehendaki dengan munasabahnya;
- (b) boleh memperoleh dan mengambil milikan sekuriti atau apa-apa harta lain;
- (c) boleh berniaga dalam sekuriti atau apa-apa harta lain mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut; dan

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (d) hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain berkenaan dengan sekuriti atau apa-apa harta lain sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah.

(4) Seseorang yang dilantik melalui perintah mahkamah di bawah perenggan (2)(b) sebagai penerima harta seseorang orang yang berkaitan—

- (a) boleh menghendaki orang yang berkaitan itu supaya menghantar serah kepadanya apa-apa harta yang berkenaan dengannya dia telah dilantik sebagai penerima atau memberikan kepadanya segala maklumat mengenai harta itu yang mungkin dikehendaki dengan munasabahny;
- (b) boleh memperoleh dan mengambil milikan apa-apa harta yang berkenaan dengannya dia telah dilantik sebagai penerima;
- (c) boleh menguruskan apa-apa harta yang diperolehny atau yang telah diambil milikan olehny mengikut apa-apa cara yang orang yang berkaitan itu boleh menguruskan harta itu dengan sah; dan
- (d) mempunyai apa-apa kuasa lain berkenaan dengan harta itu sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah.

(5) Hasil perniagaan dalam atau pelupusan sekuriti atau kontrak derivatif di bawah perenggan (2)(a) hendaklah dibayar ke dalam mahkamah dan Perbadanan boleh memohon kepada mahkamah untuk pembayaran daripada hasil itu bagi menyelesaikan tuntutan menurut Bahagian ini.

(6) Bagi maksud seksyen ini, Perbadanan boleh, dengan persetujuan Suruhanjaya, membuat suatu permohonan kepada mahkamah untuk dimasukkan sebagai pihak bersama dalam apa-apa tindakan yang dibawa oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 360 atau 361 Akta ini.

(7) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “harta yang dipegang oleh orang yang berkaitan” termasuk apa-apa harta yang dipegang oleh orang yang berkaitan melalui penjaga yang dilantikannya; dan
- (b) “harta”, berhubung dengan seseorang orang yang berkaitan, termasuk wang, sekuriti, atau harta lain dan dokumen hak milik bagi sekuriti atau harta lain yang diamanahkan kepada atau diterima bagi pihak mana-mana orang lain oleh orang yang berkaitan atau orang lain dalam perjalanan atau berkaitan dengan urusan orang yang berkaitan itu.

Kuasa Perbadanan untuk membuat kontrak insurans

170. Perbadanan boleh membuat suatu kontrak insurans yang di bawahnya Perbadanan akan diinsuranskan atau ditanggung rugi, setakat dan mengikut cara yang diperuntukkan oleh kontrak itu, terhadap tanggungan berkenaan dengan tuntutan di bawah Akta ini, kaedah-kaedah Perbadanan atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Penggunaan wang insurans

171. Seseorang pihak yang menuntut terhadap Dana Pampasan Pasaran Modal tidak boleh mempunyai—

- (a) hak tindakan terhadap seseorang yang dengannya suatu kontrak insurans atau tanggung rugi dibuat di bawah Akta ini berkenaan dengan kontrak itu; atau
- (b) hak atau tuntutan berkenaan dengan apa-apa wang yang dibayar oleh penanggung insurans mengikut kontrak itu.

Wang dalam Dana Pampasan Pasaran Modal berikutan penggulungan bursa saham yang berkaitan

172. Jika sesuatu bursa saham yang berkaitan sedang digulung di bawah *Akta Syarikat 1965, Perbadanan hendaklah menjadikan tersedia untuk pelikuidasi bursa saham yang berkaitan itu apa-apa baki caruman bursa saham yang ada dalam Dana Pampasan Pasaran Modal, yang hendaklah menjadi sebahagian daripada aset bursa saham yang berkaitan itu dan tersedia untuk pelikuidasi untuk dibahagikan mengikut *Akta Syarikat 1965.

173. *(Dipotong oleh Akta A1437).*

BAHAGIAN V

SALAH LAKU PASARAN DAN PERLAKUAN DILARANG
YANG LAIN

Pemakaian Bahagian ini

174. Bahagian ini terpakai bagi—

(a) berkenaan dengan sekuriti—

- (i) perbuatan dan peninggalan yang berlaku di dalam Malaysia berhubung dengan sekuriti mana-mana pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan atau yang menjalankan urusan atau yang disenaraikan di dalam atau di luar Malaysia; dan
- (ii) perbuatan dan peninggalan yang berlaku di luar Malaysia berhubung dengan sekuriti mana-mana pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan atau yang menjalankan urusan atau yang disenaraikan di dalam Malaysia; dan

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (b) berkenaan dengan derivatif—
- (i) perbuatan yang berlaku di dalam Malaysia berhubung dengan derivatif, sama ada didagangkan di dalam atau di luar Malaysia; dan
 - (ii) perbuatan yang berlaku di luar Malaysia berhubung dengan derivatif yang didagangkan di dalam Malaysia.

Penggal 1

Perlakuan dilarang — Sekuriti

Subpenggal 1 — Kesalahan yang berhubung dengan perdagangan palsu dan penipuan dalam pasaran, manipulasi pasaran saham, dsb.

Transaksi perdagangan palsu dan penipuan dalam pasaran

175. (1) Tertakluk pada seksyen 180, tiada seorang pun boleh mewujudkan, atau menyebabkan diwujudkan, atau melakukan apa-apa jua yang dikira boleh mewujudkan, gambaran yang palsu atau mengelirukan sebagai memperdagangkan dengan aktif dalam apa-apa sekuriti di pasaran saham di dalam Malaysia atau gambaran yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan pasaran itu bagi, atau mengenai harga, mana-mana sekuriti itu.

(2) Seseorang tidak boleh, dengan cara pembelian atau penjualan apa-apa sekuriti yang tidak melibatkan pertukaran keempunyaan benefisial sekuriti itu, atau melalui apa-apa transaksi atau peranti rekaan, mengekalkan, meninggikan, melesetkan, atau menyebabkan naik-turunnya, harga pasaran apa-apa sekuriti.

(3) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), seseorang yang—

- (a) melaksanakan, mengambil bahagian dalam, ada kaitan dengan atau menjalankan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apa-apa transaksi penjualan atau pembelian apa-apa sekuriti, yang merupakan transaksi yang tidak

melibatkan apa-apa pertukaran dalam keempunyaan benefisial sekuriti itu;

- (b) membuat atau menyebabkan dibuat suatu tawaran untuk menjual apa-apa sekuriti pada harga tertentu yang dia telah membuat atau menyebabkan dibuat atau bercadang untuk membuat atau menyebabkan dibuat, atau mengetahui bahawa seseorang yang bersekutu dengannya telah membuat atau menyebabkan dibuat atau bercadang untuk membuat atau menyebabkan dibuat, suatu tawaran untuk membeli sekuriti yang sama bilangannya, atau sebahagian besarnya sama bilangannya, pada harga yang sebahagian besarnya sama dengan harga yang mula-mula disebut; atau
- (c) membuat atau menyebabkan dibuat suatu tawaran untuk membeli apa-apa sekuriti pada harga tertentu yang dia telah membuat atau menyebabkan dibuat atau bercadang untuk membuat atau menyebabkan dibuat, atau mengetahui bahawa seseorang yang bersekutu dengannya telah membuat atau menyebabkan dibuat atau bercadang untuk membuat atau menyebabkan dibuat, tawaran untuk menjual sekuriti yang sama bilangannya, atau sebahagian besarnya sama bilangannya, pada harga yang sebahagian besarnya sama dengan harga yang mula-mula disebut,

hendaklah disifatkan telah mewujudkan gambaran yang palsu atau mengelirukan sebagai memperdagangkan dengan aktif sekuriti dalam pasaran saham.

(4) Dalam suatu pendakwaan terhadap seseorang bagi perbuatan yang disebut dalam subseksyen (3), adalah menjadi suatu pembelaan jika defendan membuktikan bahawa—

- (a) maksud yang baginya dia melakukan perbuatan itu bukanlah, atau tidak termasuk, maksud mewujudkan gambaran yang palsu atau mengelirukan; dan
- (b) dia tidak bertindak secara melulu, sama ada atau tidak dia mewujudkan gambaran yang palsu atau mengelirukan,

sebagai memperdagangkan sekuriti dengan aktif di pasaran saham.

(5) Pembelian atau penjualan sekuriti tidak melibatkan pertukaran dalam keempunyaan benefisial bagi maksud seksyen ini jika seseorang yang mempunyai kepentingan dalam sekuriti itu sebelum pembelian atau penjualan itu, atau seseorang yang bersekutu dengan orang yang mula-mula disebut berhubung dengan sekuriti itu, mempunyai kepentingan dalam sekuriti itu selepas pembelian atau penjualan itu.

(6) Dalam suatu pendakwaan bagi kesalahan terhadap subseksyen (2) berhubung dengan pembelian atau penjualan sekuriti yang tidak melibatkan pertukaran dalam keempunyaan benefisial sekuriti itu, adalah menjadi pembelaan jika defendan membuktikan bahawa maksud dia membeli atau menjual sekuriti itu bukanlah, atau tidak termasuk, maksud mewujudkan gambaran yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan pasaran bagi, atau harga, sekuriti.

(7) Sebutan dalam perenggan (3)(a) mengenai suatu transaksi penjualan atau pembelian sekuriti termasuklah—

- (a) sebutan mengenai pembuatan suatu tawaran untuk menjual atau membeli sekuriti; dan
- (b) sebutan mengenai pembuatan suatu pelawaan, walau bagaimanapun dinyatakan, yang dengan nyata atau secara tersirat, mempelawa seseorang untuk menawarkan bagi penjualan atau pembelian sekuriti.

Manipulasi pasaran saham

176. (1) Tertakluk pada seksyen 180, tiada seorang pun boleh melaksanakan, mengambil bahagian dalam, melibatkan diri dalam, ada kaitan dengan, atau menjalankan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apa-apa bilangan transaksi dalam sekuriti sesuatu perbadanan, yang merupakan transaksi yang mempunyai, atau berkemungkinan mempunyai kesan—

- (a) menaikkan;

- (b) menurunkan; atau
- (c) memancang, menetapkan, mengekalkan atau menstabilkan,

harga sekuriti perbadanan itu dalam pasaran saham di Malaysia, bagi maksud yang boleh termasuk maksud mendorong orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu terdorong, memperoleh atau melupuskan sekuriti perbadanan itu atau perbadanan yang berhubungan.

(2) Sebutan dalam seksyen ini mengenai suatu transaksi, berhubung dengan sekuriti sesuatu perbadanan, termasuklah—

- (a) sebutan mengenai pembuatan suatu tawaran untuk menjual atau membeli apa-apa sekuriti perbadanan itu; dan
- (b) sebutan mengenai pembuatan suatu pelawaan, walau bagaimanapun dinyatakan, yang dengan nyata atau secara tersirat mempelawa seseorang untuk menawarkan bagi penjualan atau pembelian sekuriti perbadanan itu.

Pernyataan yang palsu atau mengelirukan, dsb.

177. Seseorang tidak boleh membuat suatu pernyataan, atau menyebarkan maklumat, yang palsu atau mengelirukan dalam butir-butir material dan yang berkemungkinan mendorong penjualan atau pembelian sekuriti oleh orang lain atau yang berkemungkinan mempunyai kesan menaikkan, menurunkan, mengekalkan atau menstabilkan harga pasaran bagi sekuriti itu jika, apabila dia membuat pernyataan atau menyebarkan maklumat itu—

- (a) dia tidak mempedulikan sama ada pernyataan atau maklumat itu adalah benar atau palsu; atau
- (b) dia mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui bahawa pernyataan atau maklumat itu adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir material.

Mendorong orang untuk berniaga sekuriti secara fraud

178. (1) Seseorang tidak boleh—

- (a) dengan membuat atau menyiarkan apa-apa pernyataan, janji atau ramalan yang diketahuinya sebagai mengelirukan, palsu atau memperdaya;
- (b) dengan apa-apa penyembunyian fakta material secara curang;
- (c) dengan membuat atau menyiarkan secara melulu, sama ada dengan curang atau selainnya, apa-apa pernyataan, janji atau ramalan yang mengelirukan, palsu atau memperdaya; atau
- (d) dengan merekodkan atau menyimpan di dalam, atau dengan cara, apa-apa peranti mekanikal, elektronik atau peranti lain, maklumat yang diketahuinya sebagai palsu atau mengelirukan mengenai butir-butir material,

mendorong atau cuba untuk mendorong seorang lain berniaga sekuriti.

(2) Dalam suatu pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah perenggan (1)(d), berhubung dengan perekodan atau penyimpanan maklumat, menjadi suatu pembelaan jika defendan membuktikan bahawa semasa maklumat itu direkodkan atau disimpan, dia tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk menjangkakan bahawa maklumat itu boleh didapati oleh mana-mana orang.

Penggunaan peranti manipulasi dan memperdaya

179. Adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang, sama ada secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan langganan, pembelian atau penjualan mana-mana sekuriti—

- (a) menggunakan apa-apa peranti, skim atau tipu daya untuk memfraud;

- (b) melibatkan diri dalam apa-apa perbuatan, amalan atau perjalanan urusan yang beroperasi atau akan beroperasi sebagai penipuan atau perdayaan terhadap mana-mana orang; atau
- (c) membuat apa-apa pernyataan yang tidak benar mengenai sesuatu fakta material atau meninggalkan daripada menyatakan suatu fakta material yang perlu bagi menjadikan pernyataan yang dibuat itu, memandangkan kepada hal keadaan yang pernyataan itu dibuat, tidak mengelirukan.

Orang atau transaksi yang baginya seksyen 175 atau 176 tidak terpakai

180. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan mana-mana kelas, golongan atau perihalan orang tertentu atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan tertentu bagi transaksi, yang berhubungan dengan sekuriti, yang baginya seksyen 175 atau 176 tidak terpakai.

Penyebaran maklumat berkenaan dengan transaksi haram

181. Seseorang tidak boleh mengedarkan atau menyebarkan, atau membenarkan atau ada kaitan dengan pengedaran atau penyebaran, apa-apa pernyataan atau maklumat yang bermaksud bahawa harga mana-mana sekuriti sesuatu perbadanan akan atau berkemungkinan naik atau turun atau dikekalkan oleh sebab apa-apa transaksi yang dibuat atau perbuatan atau perkara lain yang dilakukan berhubung dengan sekuriti pertubuhan perbadanan itu, atau suatu perbadanan yang berhubungan dengan perbadanan itu, berlanggaran dengan seksyen 175, 176, 177, 178 atau 179 jika—

- (a) orang itu, atau seseorang yang bersekutu dengan orang itu, telah membuat apa-apa transaksi atau melakukan apa-apa perbuatan atau perkara itu; atau

- (b) orang itu telah menerima, atau dijangka menerima secara langsung atau secara tidak langsung, apa-apa balasan atau faedah bagi pendedaran atau penyebaran, atau kebenaran atau ada kaitan dengan pendedaran atau penyebaran, pernyataan atau maklumat itu.

Penalti bagi kesalahan di bawah Subpenggal 1

182. Seseorang yang melanggar seksyen 175, 176, 177, 178, 179 atau 181 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit.

Subpenggal 2 — Perdagangan dalaman

Maklumat

183. Bagi maksud Subpenggal ini, “maklumat” termasuklah—

- (a) perkara anggapan dan perkara lain yang tidak cukup jelas untuk mewajarkan perkara itu diketahui oleh orang awam;
- (b) perkara yang berhubungan dengan niat, atau berkemungkinan diniatkan, oleh orang itu;
- (c) perkara yang berhubungan dengan perundingan atau cadangan mengenai—
 - (i) urusan komersial; atau
 - (ii) berniaga dalam sekuriti;
- (d) maklumat yang berhubungan dengan prestasi kewangan sesuatu perbadanan;
- (e) maklumat bahawa seseorang bercadang untuk membuat, atau telah dahulunya membuat satu atau lebih transaksi atau

perjanjian berhubung dengan sekuriti atau telah menyediakan atau bercadang untuk mengeluarkan pernyataan yang berhubung dengan sekuriti itu; dan

(f) perkara yang berhubung dengan masa hadapan.

Maklumat yang boleh didapati secara umum

184. (1) Bagi maksud Subpenggal ini, maklumat boleh didapati secara umum jika maklumat itu diberitahu mengikut cara yang akan, atau akan berkecenderungan untuk, menarik perhatian orang yang munasabah yang melabur dalam jenis sekuriti yang harga atau nilainya mungkin terjejas oleh maklumat itu, dan oleh sebab maklumat itu telah diberitahu sedemikian, suatu tempoh yang munasabah bagi maklumat itu disebarkan di kalangan, dan diasimilasikan oleh, orang itu telah luput.

(2) Maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) termasuklah maklumat yang terdiri daripada rumusan atau kesimpulan yang dibuat daripada maklumat itu.

Kesan material ke atas harga atau nilai sekuriti

185. Bagi maksud Subpenggal ini, suatu maklumat yang apabila boleh didapati secara umum akan atau berkecenderungan mempunyai kesan material ke atas harga atau nilai sekuriti, merujuk kepada apa-apa maklumat yang akan atau berkecenderungan untuk, apabila boleh didapati secara umum, mempengaruhi orang yang munasabah yang melabur dalam sekuriti dalam memutuskan sama ada atau tidak untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti itu, atau membuat suatu perjanjian dengan tujuan memperoleh atau melupuskan sekuriti itu.

Berdagang dalam sekuriti

186. Bagi maksud Subpenggal ini, berdagang dalam sekuriti yang lazimnya dibenarkan di pasaran saham sesuatu bursa saham dikira

dibenarkan di pasaran saham itu walaupun perdagangan mana-mana sekuriti di pasaran saham itu digantung.

Sebutan mengenai “mengusahakan”

187. Bagi maksud Subpenggal ini dan seksyen 201 tetapi tanpa menghadkan pengertian istilah “mengusahakan” sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, jika seseorang menghasut, mendorong, menggalakkan atau mengarahkan suatu perbuatan atau peninggalan oleh seseorang yang lain, orang yang mula-mula disebut itu disifatkan mengusahakan perbuatan atau peninggalan oleh orang lain itu.

Perlakuan yang dilarang orang yang memiliki maklumat dalaman

188. (1) Seseorang ialah “orang dalam” jika orang itu—

- (a) mempunyai maklumat yang tidak boleh didapati secara umum yang apabila boleh didapati secara umum, seseorang yang munasabah akan menjangkakan maklumat itu mempunyai kesan material ke atas harga atau nilai sekuriti itu; dan
- (b) mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui bahawa maklumat itu tidak boleh didapati secara umum.

(2) Orang dalam tidak boleh, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, berkenaan dengan mana-mana sekuriti yang dimaksudkan oleh maklumat dalam subseksyen (1)—

- (a) memperoleh atau melupuskan, atau membuat suatu perjanjian bagi atau dengan tujuan untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti itu; atau
- (b) mengusahakan, secara langsung atau secara tidak langsung, suatu pemerolehan atau pelupusan, atau membuat perjanjian

bagi atau dengan tujuan memperoleh atau melupuskan sekuriti itu.

(3) Jika perdagangan sekuriti yang dimaksudkan oleh maklumat dalam subseksyen (1) dibenarkan di suatu pasaran saham sesuatu bursa saham, orang dalam itu tidak boleh, secara langsung atau secara tidak langsung, menyampaikan maklumat yang disebut dalam subseksyen (1), atau menyebabkan maklumat itu disampaikan, kepada seorang lain, sekiranya orang dalam itu mengetahui, atau semunasabahnya patut mengetahui, bahawa orang lain itu akan atau akan berkecenderungan untuk—

- (a) memperoleh, melupuskan, atau membuat suatu perjanjian dengan tujuan memperoleh atau melupuskan mana-mana sekuriti yang dimaksudkan oleh maklumat dalam subseksyen (1); atau
- (b) mengusahakan supaya seorang orang ketiga memperoleh, melupuskan atau membuat suatu perjanjian dengan tujuan memperoleh atau melupuskan, mana-mana sekuriti yang dimaksudkan oleh maklumat dalam subseksyen (1).

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit.

(5) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan mana-mana kelas, golongan atau perihalan orang tertentu atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan transaksi tertentu, yang berhubungan dengan sekuriti yang baginya seksyen ini tidak terpakai.

Bukti pelanggaran seksyen 188

189. Dalam suatu pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen 188(2) atau (3), adalah tidak perlu bagi pendakwaan untuk membuktikan ketidakwujudan fakta atau hal keadaan yang jika fakta atau hal keadaan itu wujud akan, menurut kuasa seksyen 190, 191, 192,

193, 194, 195, 196, 197 atau 198, atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen 188(5), menghalang perbuatan itu daripada menjadi suatu pelanggaran subseksyen 188(2) atau (3).

Perkiraan kerahsiaan oleh perbadanan

190. (1) Bagi maksud Subpenggal ini, sesuatu perbadanan itu disifatkan memiliki apa-apa maklumat—

- (a) yang seseorang pegawai perbadanan itu—
 - (i) memiliki dan yang sampai ke pengetahuannya dalam penjalanan tugasnya sebagai pegawai perbadanan itu; atau
 - (ii) mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui sebab dia ialah pegawai perbadanan itu; atau
- (b) yang seseorang pegawai perbadanan itu memiliki dan yang sampai ke pengetahuannya dalam penjalanan tugasnya sebagai pegawai suatu perbadanan yang berhubungan dengan perbadanan yang mula-mula disebut itu jika—
 - (i) pegawai itu ialah seorang orang dalam disebabkan dia memiliki maklumat itu;
 - (ii) pegawai itu terlibat dalam, keputusan, transaksi atau perjanjian perbadanan yang mula-mula disebut itu dalam memperoleh atau melupuskan sekuriti yang berhubungan dengannya pegawai itu ialah seorang orang dalam atau membuat suatu perjanjian untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti itu, mengusahakan supaya orang lain memperoleh atau melupuskan sekuriti itu atau membuat perjanjian untuk berbuat demikian, atau menyampaikan

maklumat itu dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen 188(3); atau

- (iii) adalah munasabah untuk menjangkakan bahawa pegawai itu akan menyampaikan maklumat itu kepada seorang pegawai lain perbadanan yang mula-mula disebut itu yang bertindak atas sifatnya yang sedemikian, melainkan jika dibuktikan bahawa maklumat itu tidak pada hakikatnya disampaikan sedemikian.

(2) Dalam seksyen ini, “maklumat” merujuk kepada maklumat yang disifatkan dimiliki oleh sesuatu perbadanan dan jika seseorang yang memiliki maklumat itu ialah seorang orang dalam.

(3) Sesuatu perbadanan tidak melanggar subseksyen 188(2) dengan membuat transaksi atau perjanjian pada bila-bila masa semata-mata disebabkan maklumat itu dimiliki oleh perbadanan itu jika—

- (a) keputusan untuk membuat transaksi atau perjanjian itu dibuat bagi pihak perbadanan itu oleh seseorang selain pegawai perbadanan yang memiliki maklumat itu;
- (b) perbadanan itu mempunyai perkiraan yang sedang berkuat kuasa pada masa itu yang semunasabahnya boleh dijangkakan untuk memastikan bahawa—
 - (i) maklumat itu telah tidak disampaikan kepada seseorang atau salah seorang yang telah terlibat dalam, atau membuat keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu;
 - (ii) tiada nasihat mengenai keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu diberikan kepada orang itu oleh orang yang memiliki maklumat itu; atau
 - (iii) orang yang memiliki maklumat itu tidak akan terlibat dalam keputusan untuk membuat atau terlibat dalam,

transaksi atau perjanjian itu, atau terlibat dalam transaksi atau perjanjian itu; dan

- (c) maklumat itu tidak disampaikan sedemikian, tiada apa-apa nasihat diberikan dan orang yang memiliki maklumat itu tidak terlibat dalam keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu atau tidak terlibat dalam transaksi atau perjanjian itu.

Perjanjian kerahsiaan oleh perkongsian

191. (1) Bagi maksud Subpenggal ini, pekongsi sesuatu perkongsian disifatkan memiliki apa-apa maklumat—

- (a) yang dimiliki oleh seorang pekongsi lain dan yang sampai ke pengetahuan pekongsi yang satu lagi itu atas sifatnya sebagai seorang pekongsi perkongsian itu;
- (b) yang dimiliki oleh seorang pekerja perkongsian itu dan yang sampai ke pengetahuan pekerja itu dalam perjalanan tugasnya; atau
- (c) jika seorang pekongsi atau pekerja perkongsian itu mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui apa-apa perkara atau benda disebabkan pekongsi atau pekerja itu ialah seorang pekongsi atau pekerja yang sedemikian, adalah dianggapkan bahawa tiap-tiap pekongsi dan pekerja perkongsian itu mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui tentang perkara atau benda itu.

(2) Dalam seksyen ini, “maklumat” merujuk kepada maklumat yang disifatkan dimiliki oleh sesuatu perkongsian dan jika seseorang pekongsi atau pekerja perkongsian itu memiliki maklumat itu ialah seorang orang dalam.

(3) Seseorang pekongsi sesuatu perkongsian tidak melanggar subseksyen 188(2) dengan membuat transaksi atau perjanjian yang disebut dalam subseksyen itu pada bila-bila masa semata-mata

disebabkan oleh seorang atau lebih pekongsi (tetapi bukan semuanya), atau seorang pekerja perkongsian itu, dengan sebenarnya memiliki maklumat pada masa itu jika—

- (a) keputusan untuk membuat transaksi atau perjanjian itu dibuat bagi pihak perkongsian itu oleh mana-mana satu orang atau lebih daripada orang yang berikut:
 - (i) seseorang pekongsi yang dianggap memiliki maklumat itu semata-mata disebabkan oleh seorang pekongsi lain, atau seorang pekerja perkongsian itu, memiliki maklumat itu; atau
 - (ii) seorang pekerja perkongsian itu yang tidak memiliki maklumat itu;
- (b) perkongsian itu mempunyai perjanjian yang sedang berkuat kuasa pada masa itu yang semunasabahnya boleh dijangkakan untuk memastikan bahawa—
 - (i) maklumat itu tidak disampaikan kepada seorang pekongsi atau pekerja atau salah seorang daripada pekongsi atau pekerja yang terlibat dalam, atau membuat keputusan mengenai pembuatan transaksi atau perjanjian yang berkenaan;
 - (ii) tiada nasihat mengenai keputusan untuk membuat transaksi atau perjanjian itu telah diberikan kepada pekongsi atau pekerja itu oleh seseorang pekongsi atau pekerja yang memiliki maklumat itu; dan
 - (iii) pekongsi atau pekerja yang memiliki maklumat itu tidak akan terlibat dalam keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu; dan
- (c) maklumat itu tidak disampaikan, tiada nasihat diberikan dan pekongsi atau pekerja yang memiliki maklumat itu tidak terlibat dalam keputusan untuk membuat, atau terlibat dalam, transaksi atau perjanjian itu.

(4) Pekongsi sesuatu perkongsian tidak melanggar subseksyen 188(2) dengan membuat transaksi atau perjanjian yang disebut dalam subseksyen itu selain bagi pihak perkongsian itu semata-mata disebabkan oleh pekongsi itu disifatkan memiliki maklumat yang dimiliki oleh pekongsi atau pekerja lain perkongsian itu.

Penajajaminan dan penajajaminan kecil

192. (1) Subseksyen 188(2) tidaklah terpakai berkenaan dengan—

- (a) pembuatan suatu perjanjian penajajaminan atau penajajaminan kecil; atau
- (b) pemerolehan sekuriti di bawah obligasi untuk berbuat demikian dalam suatu perjanjian yang disebut dalam perenggan (a).

(2) Subseksyen 188(3) tidak terpakai berkenaan dengan penyampaian maklumat berhubung dengan sekuriti kepada seseorang semata-mata bagi maksud mengusahakan orang itu—

- (a) membuat perjanjian penajajaminan atau penajajaminan kecil berhubung dengan mana-mana sekuriti itu; atau
- (b) memperoleh mana-mana sekuriti itu di bawah obligasi untuk berbuat demikian dalam suatu perjanjian yang disebut dalam perenggan (a).

Ketidapkapaian seksyen 188 bagi transaksi yang dijalankan di bawah skim perkiraan, dsb., di bawah mana-mana undang-undang bertulis

193. (1) Seksyen 188 tidak terpakai bagi suatu pemerolehan atau pelupusan sekuriti atau penyampaian maklumat yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan skim perkiraan, pembentukan semula dan pengambilalihan yang berhubungan dengan perbadanan.

(2) Subseksyen 188(2) tidak terpakai bagi suatu pusat penjelasan diluluskan yang memperoleh atau melupuskan sekuriti bagi maksud penyelesaian kontrak pasaran atau berhubung dengan apa-apa prosiding atau tindakan lain yang berhubung dengan penyelesaian kontrak pasaran jika pemerolehan atau pelupusan sekuriti itu dilaksanakan mengikut kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan.

(3) Subseksyen 188(2) tidak terpakai bagi sesuatu bursa saham berhubung dengan penjualan atau pembelian sekuriti jika bursa saham itu bertindak atas arahan daripada suatu pusat penjelasan diluluskan menurut seksyen 54.

Kecualian bagi perbadanan yang mempunyai pengetahuan tentang niatnya

194. (1) Sesuatu perbadanan tidak melanggar subseksyen 188(2) dengan membuat suatu transaksi atau perjanjian berhubung dengan sekuriti selain sekuriti perbadanan itu semata-mata disebabkan oleh perbadanan itu menyedari bahawa ia bercadang untuk membuat atau dahulunya telah membuat satu atau lebih transaksi atau perjanjian berhubung dengan sekuriti itu.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), sesuatu perbadanan tidak melanggar subseksyen 188(2) dengan membuat suatu transaksi atau perjanjian berhubung dengan sekuriti selain sekuriti perbadanan itu disebabkan seseorang pegawai perbadanan itu menyedari bahawa perbadanan itu bercadang untuk membuat atau dahulunya telah membuat satu atau lebih transaksi atau perjanjian berhubung dengan sekuriti itu.

(3) Subseksyen (2) tidak terpakai melainkan jika pegawai perbadanan itu menyedari tentang perkara yang disebut dalam subseksyen itu dalam perjalanan tugasnya.

(4) Tertakluk pada subseksyen (5), seseorang tidak melanggar subseksyen 188(2) dengan membuat suatu transaksi atau perjanjian bagi pihak suatu perbadanan berhubung dengan sekuriti selain sekuriti perbadanan itu semata-mata disebabkan orang itu menyedari bahawa

perbadanan itu bercadang untuk membuat, atau dahulunya telah membuat satu atau lebih transaksi atau perjanjian berhubung dengan sekuriti itu.

(5) Subseksyen (4) tidak terpakai melainkan jika orang itu menyedari tentang perkara yang disebut dalam penjalanan tugasnya sebagai seorang pegawai perbadanan yang mula-mula disebut itu atau semasa bertindak sebagai seorang ejen perbadanan yang mula-mula disebut itu.

Kecualian bagi pengetahuan tentang niat atau aktiviti individu itu sendiri

195. Seseorang individu tidak melanggar subseksyen 188(2) dengan membuat suatu transaksi atau perjanjian berhubung dengan sekuriti semata-mata disebabkan dia menyedari bahawa dia bercadang untuk membuat, atau telah dahulunya membuat, satu atau lebih transaksi atau perjanjian berhubung dengan sekuriti itu.

Transaksi yang tidak disolisit

196. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau wakilnya tidak melanggar subseksyen 188(2) dengan membuat suatu transaksi atau perjanjian sebagai seorang ejen bagi seorang yang lain, yang merupakan transaksi atau perjanjian yang dibuat di pasaran saham sesuatu bursa saham mengenai sekuriti yang disebut harga bagi perdagangan di pasaran saham bursa saham itu jika—

- (a) transaksi atau perjanjian itu dibuat di bawah suatu arahan khusus oleh seorang yang lain yang tidak disolisit oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau wakilnya;
- (b) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau wakilnya tidak memberi apa-apa nasihat kepada orang yang lain itu

berhubung dengan transaksi atau perjanjian itu atau selainnya berusaha untuk mendapatkan arahan orang yang lain itu untuk membuat transaksi atau perjanjian itu; dan

- (c) orang yang lain itu tidak disekutukan dengan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau wakilnya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh pemakaian subseksyen (1) berhubung dengan prinsipal.

Kecualian bagi penebusan unit skim unit amanah di bawah waad belian balik

197. Subseksyen 188(2) tidak terpakai berkenaan dengan penebusan oleh seseorang pemegang amanah di bawah suatu surat ikatan amanah yang berhubungan dengan suatu skim unit amanah mengikut waad belian balik yang terkandung atau disifatkan terkandung dalam surat ikatan amanah itu pada harga yang dikehendaki oleh surat ikatan amanah itu dihitung, setakat yang semunasabahnya boleh dilaksanakan, melalui rujukan kepada nilai asas aset itu, ditolak apa-apa tanggungan skim unit amanah yang dimaksudkan oleh unit bagi skim unit amanah itu, dan ditolak apa-apa caj munasabah bagi pembelian unit daripada skim unit amanah atau kepentingan itu.

Pembelaan persamaan maklumat

198. (1) Seseorang tidak melanggar subseksyen 188(2) jika—

- (a) sekuriti yang merupakan subjek transaksi atau perjanjian itu atau tindakan untuk mengusahakan suatu transaksi atau perjanjian bukannya sekuriti yang dibenarkan di pasaran saham sesuatu bursa saham;
- (b) mahkamah berpuas hati bahawa pihak yang satu lagi dalam transaksi atau perjanjian itu mengetahui, atau

semunasabahnya patut mengetahui, tentang maklumat itu sebelum membuat transaksi atau perjanjian itu; dan

- (c) orang itu memperoleh atau melupuskan sekuriti itu atas apa-apa terma dan dalam hal keadaan bahawa—
 - (i) dia tidak mendapat apa-apa keuntungan atau mengelakkan apa-apa kerugian, termasuk suatu keuntungan yang tidak disedari atau pengelakan kehilangan yang tidak disedari dalam harga atau nilai sekuriti itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk dirinya sendiri atau mana-mana orang lain disebabkan oleh kesan yang mungkin terjadi akibat maklumat itu apabila maklumat itu boleh didapati secara umum; dan
 - (ii) maksud pemerolehan atau pelupusan sekuriti tidak termasuk apa-apa maksud mendapatkan keuntungan atau mengelakkan kerugian, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi dirinya sendiri atau mana-mana orang lain disebabkan oleh kesan yang mungkin terjadi akibat maklumat itu apabila maklumat itu boleh didapati secara umum.

(2) Dalam pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 188(3) jika orang yang menyampaikan maklumat atau menyebabkan maklumat disampaikan kepada seorang yang lain, adalah menjadi suatu pembelaan—

- (a) jika mahkamah berpuas hati bahawa maklumat itu sampai ke pengetahuan orang yang menyampaikan maklumat itu semata-mata akibat maklumat itu diberitahu mengikut cara yang berkemungkinan menjadikan maklumat itu boleh didapati secara umum menurut seksyen 184; atau
- (b) jika mahkamah berpuas hati bahawa pihak yang satu lagi mengetahui, atau semunasabahnya patut mengetahui, maklumat itu sebelum maklumat itu disampaikan.

Subpenggal 3 — Remedi sivil

Tanggungjawab sivil bagi pelanggaran seksyen 175, 176, 177, 178, 179 atau 181

199. (1) Seseorang yang mengalami kehilangan atau kerugian disebabkan oleh, atau kerana bergantung pada, perlakuan orang lain yang telah melanggar seksyen 175, 176, 177, 178, 179 atau 181 boleh mendapatkan amaun kehilangan atau kerugian itu dengan memulakan prosiding sivil terhadap orang lain itu, sama ada atau tidak orang lain itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau, sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

(2) Seksyen ini tidaklah menyentuh apa-apa tanggungjawab di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan perlakuan yang menjadi pelanggaran itu.

Tindakan sivil oleh Suruhanjaya

200. (1) Jika didapati oleh Suruhanjaya bahawa mana-mana orang telah melanggar seksyen 175, 176, 177, 178, 179 atau 181, Suruhanjaya boleh memulakan prosiding sivil dalam mahkamah terhadap orang itu, sama ada atau tidak orang itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

(2) Bagi suatu prosiding yang dimulakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) terhadap mana-mana orang yang telah melanggar seksyen 175, 176, 177, 178, 179 atau 181, Suruhanjaya boleh, jika difikirkannya adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, melalui tindakan sivil terhadap orang yang melanggar itu—

- (a) mendapatkan suatu amaun yang tidak melebihi tiga kali ganda amaun kasar ganjaran yang dibuat atau kehilangan yang dielakkan oleh orang itu; dan

(b) menuntut penalti sivil mengikut apa-apa amaun yang difikirkan patut oleh mahkamah setelah mengambil kira beratnya pelanggaran itu, iaitu suatu amaun yang tidak melebihi satu juta ringgit.

(3) Sesuatu amaun yang didapatkan oleh Suruhanjaya dalam suatu tindakan di bawah subseksyen (2) hendaklah digunakan—

(a) pertamanya, untuk membayar ganti kepada Suruhanjaya segala kos penyiasatan dan prosiding berkenaan dengan pelanggaran itu; dan

(b) keduanya, untuk memampasi orang yang telah mengalami kehilangan atau kerugian akibat daripada pelanggaran itu.

(4) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah tidak praktik untuk memampasi orang yang disebut dalam perenggan (3)(b), memandangkan amaun apa-apa pengagihan yang bakal dibuat kepada setiap orang atau kesulitan mengenal pasti atau memberitahu orang yang layak dipampasnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, Suruhanjaya boleh memutuskan untuk tidak membuat pengagihan kepada orang yang disebut dalam perenggan (3)(b).

(5) Setakat yang apa-apa amaun yang diperoleh dalam prosiding sivil di bawah subseksyen (1) tidak diagihkan menurut perenggan (3)(b), ia hendaklah—

(a) dibayar ke dalam Dana Pampasan Pasaran Modal yang disenggarakan di bawah Bahagian IV; atau

(b) dipegang simpan oleh Suruhanjaya untuk membiayai—

(i) kos memajukan dan memudahkan program pendidikan bagi pelabur pasaran modal dan profesional; atau

(ii) kos mengawal selia pasaran modal,

sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri.

(6) Prosiding sivil di bawah subseksyen (2) atau 199(1) boleh dimulakan pada bila-bila masa dalam masa dua belas tahun dari—

- (a) tarikh kausa tindakan itu terakru; atau
- (b) tarikh Suruhanjaya atau orang yang memulakan prosiding itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mendapat tahu tentang pelanggaran itu,

mengikut mana-mana yang terkemudian.

(7) Apa-apa hak tindakan yang diberikan di bawah seksyen ini tidaklah menyentuh hak tindakan yang diberikan ke atas seseorang yang telah mengalami kehilangan atau kerugian yang disebut dalam subseksyen 199(1) atau di bawah mana-mana undang-undang lain.

Mendapatkan amaun kehilangan atau kerugian

201. (1) Seseorang yang mengalami kehilangan atau kerugian disebabkan oleh, atau kerana bergantung pada, perlakuan orang lain yang telah melanggar seksyen 188 boleh mendapatkan amaun kehilangan atau kerugian itu dengan memulakan prosiding sivil terhadap orang lain itu, sama ada atau tidak orang lain itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

(2) Dalam subseksyen (1), “kehilangan atau kerugian” termasuklah kehilangan atau keuntungan yang tidak disedari, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam harga atau nilai sekuriti sesuatu perbadanan yang merupakan perbezaan antara—

- (a) harga atau nilai sekuriti dalam suatu transaksi yang berkaitan dengannya orang yang mula-mula disebut dalam

subseksyen (1) menuntut sebagai telah mengalami kehilangan atau kerugian; dengan

- (b) harga yang akan berkemungkinan menjadi harga sekuriti dalam transaksi itu, atau nilai yang berkemungkinan menjadi nilai sekuriti itu pada masa transaksi itu dibuat, jika pelanggaran itu tidak berlaku.

(3) Jika seseorang orang dalam memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh, atau mengusahakan supaya orang lain memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh, sekuriti daripada seseorang (“penjual”) yang tidak mempunyai maklumat itu, dengan melanggar subseksyen 188(2), penjual itu boleh, melalui tindakan sivil terhadap orang dalam itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu, mendapatkan, bagi kehilangan atau kerugian yang dialami oleh penjual itu, perbezaan antara—

- (a) harga yang sekuriti itu diperolehi, atau dipersetujui untuk diperolehi, oleh orang dalam itu atau orang lain itu, daripada penjual itu; dengan
- (b) harga yang sekuriti itu mungkin boleh diperolehi pada masa pemerolehan atau perjanjian, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut dalam perenggan (a) jika maklumat itu boleh didapati secara umum.

(4) Jika seseorang orang dalam melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan, atau mengusahakan supaya orang lain melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan, sekuriti kepada seseorang (“pembeli”) yang tidak memiliki maklumat itu, dengan melanggar subseksyen 188(2), pembeli itu boleh, melalui tindakan sivil terhadap orang dalam itu atau mana-mana orang lain yang terlibat dengan pelanggaran itu, mendapatkan, bagi kehilangan atau kerugian yang dialami oleh pembeli itu, perbezaan antara—

- (a) harga yang sekuriti itu dilupuskan, atau dipersetujui untuk dilupuskan, oleh orang dalam itu atau orang lain itu, kepada pembeli itu; dengan

(b) harga yang sekuriti itu mungkin boleh dilupakan pada masa pelupusan atau perjanjian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut dalam perenggan (a) jika maklumat itu boleh didapati secara umum.

(5) Jika—

(a) seseorang orang dalam—

(i) memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh sekuriti; atau

(ii) memujuk orang lain untuk memperoleh atau bersetuju untuk memperoleh sekuriti,

dengan melanggar subseksyen 188(2); atau

(b) seseorang orang dalam menyampaikan maklumat yang disebut dalam subseksyen 188(1) kepada seorang yang lain, dengan melanggar subseksyen 188(3),

dan sekuriti itu telah dibenarkan untuk diperdagangkan di suatu pasaran saham sesuatu bursa saham, maka, sama ada atau tidak orang dalam itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama ada atau tidak pelanggaran itu telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan, Suruhanjaya boleh, jika Suruhanjaya mendapati adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, melalui tindakan sivil, mengambil mana-mana atau kedua-dua tindakan yang berikut terhadap orang dalam itu:

(A) mendapatkan suatu amaun yang bersamaan dengan tiga kali ganda amaun perbezaan antara harga sekuriti itu diperoleh atau dipersetujui untuk diperoleh, oleh orang dalam atau orang lain itu, dan pada harga sekuriti itu berkemungkinan telah diperoleh pada masa pemerolehan atau persetujuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika maklumat itu boleh didapati secara umum;

(B) menuntut penalti sivil mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang didapati sesuai oleh mahkamah setelah mengambil kira beratnya pelanggaran itu, yang merupakan suatu amaun yang tidak melebihi satu juta ringgit.

(6) Jika—

(a) seseorang orang dalam—

(i) melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan sekuriti; atau

(ii) memujuk orang lain untuk melupuskan atau bersetuju untuk melupuskan sekuriti,

dengan melanggar subseksyen 188(2); atau

(b) seseorang orang dalam menyampaikan maklumat yang disebut dalam subseksyen 188(1) kepada orang yang lain, dengan melanggar subseksyen 188(3),

dan sekuriti itu telah dibenarkan untuk diperdagangkan di suatu pasaran saham sesuatu bursa saham, maka, sama ada atau tidak orang dalam itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu sama ada atau tidak pelanggaran itu telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan, Suruhanjaya boleh, jika Suruhanjaya mendapatinya adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, melalui tindakan sivil, mengambil mana-mana atau kedua-dua tindakan yang berikut terhadap orang dalam itu:

(A) mendapatkan suatu amaun yang bersamaan dengan tiga kali ganda amaun perbezaan antara harga sekuriti itu dilupuskan atau dipersetujui untuk dilupuskan, oleh orang dalam atau orang lain itu, dan pada harga yang sekuriti itu berkemungkinan telah dilupuskan pada masa pelupusan atau persetujuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika maklumat itu boleh didapati secara umum;

- (B) menuntut penalti sivil mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang didapati sesuai oleh mahkamah setelah mengambil kira beratnya pelanggaran itu, yang merupakan suatu amaun yang tidak melebihi satu juta ringgit.

(7) Sesuatu amaun yang didapatkan atau diperoleh oleh Suruhanjaya dalam suatu tindakan masing-masing menurut subseksyen (5) atau (6) hendaklah digunakan—

- (a) pertamanya, untuk membayar ganti kepada Suruhanjaya segala kos penyiasatan dan prosiding berkenaan dengan pelanggaran itu; dan

(b) keduanya—

- (i) jika ia berhubung dengan subseksyen (5), untuk memampasi penjual yang telah melupuskan sekuriti daripada kelas yang sama di pasaran saham bursa saham semasa maklumat itu tidak boleh didapati secara umum antara masa pelanggaran yang pertama terhadap subseksyen 188(2) berlaku dengan masa maklumat itu didapati secara umum; dan

- (ii) jika ia berhubung dengan subseksyen (6), untuk memampasi pembeli yang memperoleh sekuriti daripada kelas yang sama di pasaran saham bursa saham semasa maklumat itu tidak boleh didapati secara umum antara masa pelanggaran yang pertama terhadap subseksyen 188(2) berlaku dengan masa maklumat itu boleh didapati secara umum.

(8) Jika Suruhanjaya mendapati bahawa adalah tidak praktik untuk memampasi orang yang disebut dalam perenggan (7)(b), memandangkan amaun apa-apa pengagihan yang bakal dibuat kepada setiap orang atau kesulitan mengenal pasti atau memberitahu orang yang layak dipampasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, Suruhanjaya boleh memutuskan untuk tidak membuat pengagihan kepada orang yang disebut dalam perenggan (7)(b).

(9) Setakat yang apa-apa amaun yang didapatkan atau diperolehi dalam tindakan sivil di bawah subseksyen (5) atau (6) tidak diagihkan menurut subseksyen (7), amaun itu hendaklah—

(a) dibayar ke dalam Dana Pampasan Pasaran Modal yang disenggarakan di bawah Bahagian IV; atau

(b) dipegang simpan oleh Suruhanjaya untuk membiayai—

(i) kos memajukan dan memudahkan program pendidikan bagi pelabur pasaran modal dan profesional; atau

(ii) kos mengawal selia pasaran modal,

sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri.

(10) Prosiding sivil di bawah seksyen ini boleh dimulakan pada bila-bila masa dalam masa dua belas tahun dari—

(a) tarikh kausa tindakan itu terakru; atau

(b) tarikh Suruhanjaya atau orang yang memulakan prosiding itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mendapat tahu tentang pelanggaran itu,

mengikut mana-mana yang terkemudian.

(11) Apa-apa hak tindakan yang diberikan di bawah seksyen ini tidak menyentuh hak tindakan yang diberikan ke atas seseorang yang mengalami kehilangan atau kerugian yang disebut dalam subseksyen (1) atau di bawah mana-mana undang-undang lain.

Penggal 2

Perlakuan dilarang — Derivatif

Subpenggal 1 — Kesalahan yang berhubungan dengan perdagangan palsu, pembrokeran liar, dsb.

Perdagangan palsu

202. Tiada seorang pun boleh mewujudkan atau menyebabkan diwujudkan atau dilakukan apa-apa jua yang dikira sebagai mewujudkan suatu gambaran yang palsu atau mengelirukan bahawa terdapat perdagangan dalam derivatif yang aktif di suatu pasaran derivatif atau gambaran yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan pasaran bagi, atau harga perdagangan dalam, derivatif di pasaran derivatif itu.

Pembrokeran liar

203. Tiada seorang pun boleh melaksanakan, atau mengemukakan dirinya sebagai telah melaksanakan, suatu pesanan bagi pembelian atau penjualan suatu derivatif di sesuatu pasaran derivatif tanpa menyempurnakan suatu pembelian atau penjualan *bona fide* derivatif itu mengikut kaedah-kaedah dan amalan pasaran derivatif itu.

Penyebaran maklumat tentang perdagangan palsu

204. Tiada seorang pun boleh mengedarkan, menyebarkan atau membenarkan, atau melibatkan diri dalam pendedaran atau penyebaran, apa-apa pernyataan atau maklumat yang mempunyai kesan bahawa harga perdagangan dalam suatu derivatif atau kelas derivatif akan, atau berkemungkinan, naik atau turun oleh sebab operasi pasaran satu atau lebih orang, yang operasinya, pada pengetahuannya, dijalankan melanggar seksyen 202.

Manipulasi harga derivatif dan memborong simpan

205. Tiada seorang pun boleh, secara langsung atau tidak langsung—

- (a) memanipulasi atau cuba memanipulasi harga derivatif yang mungkin diniagakan di sesuatu pasaran derivatif, atau harga apa-apa surat cara dasar yang menjadi subjek derivatif itu; atau
- (b) memborong simpan atau cuba memborong simpan, apa-apa surat cara dasar yang menjadi subjek sesuatu derivatif.

Penggunaan peranti, dsb., untuk memfraud

206. Tiada seorang pun boleh, secara langsung atau tidak langsung, berkaitan dengan apa-apa transaksi dengan mana-mana orang lain yang melibatkan perniagaan dalam derivatif—

- (a) menggunakan apa-apa peranti, skim atau tipu daya untuk memfraud orang lain itu;
- (b) melibatkan diri dalam apa-apa perbuatan, amalan atau perjalanan perniagaan yang beroperasi sebagai suatu fraud atau perdayaan, atau yang berkemungkinan beroperasi sebagai suatu fraud atau perdayaan, terhadap orang lain itu; atau
- (c) membuat apa-apa pernyataan palsu mengenai sesuatu fakta material, atau meninggalkan untuk menyatakan sesuatu fakta material yang perlu untuk menjadikan pernyataan yang dibuat dalam hal keadaan pernyataan itu dibuat, tidak mengelirukan.

Pernyataan yang palsu atau mengelirukan

207. Tiada seorang pun boleh, secara langsung atau tidak langsung, bagi maksud mendorong pembuatan suatu derivatif, membuat—

- (a) apa-apa pernyataan yang, pada masa dan dalam hal keadaan yang pernyataan itu dibuat, adalah palsu, mengelirukan atau memperdayakan mengenai apa-apa fakta material; atau
- (b) apa-apa pernyataan yang, oleh sebab peninggalan sesuatu fakta material, menjadi palsu atau mengelirukan.

Larangan penyalahgunaan maklumat yang diperoleh atas sifat rasmi

208. Mana-mana orang yang, berhubung dengan perniagaan dalam derivatif, mempunyai apa-apa maklumat yang jika diketahui umum mungkin semunasabahnya dijangkakan akan menyentuh secara material harga hal perkara perniagaan itu dan yang—

- (a) dipegangnya menurut kuasa sifat rasminya atau sifat rasminya yang dahulu;
- (b) adalah munasabah untuk menjangkakan seseorang atas sifat rasminya atau sifat rasminya yang dahulu tidak mendedahkan melainkan bagi pelaksanaan sepatutnya fungsi yang berkait dengan sifat rasmi itu; dan
- (c) diketahuinya adalah maklumat sensitif harga yang tidak disiarkan berhubung dengan suatu surat cara dasar yang menjadi subjek sesuatu derivatif atau berhubung dengan, perniagaan dalam sesuatu derivatif,

tidak boleh membuat penggunaan tidak sepatutnya maklumat itu untuk memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, manfaat bagi dirinya sendiri atau bagi mana-mana orang lain.

Penalti bagi kesalahan di bawah Subpenggal 1

209. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Subpenggal ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit.

*Subpenggal 2 — Remedi sivil***Tanggungan sivil bagi pelanggaran seksyen 202, 203, 204, 205, 206, 207 atau 208**

210. (1) Seseorang yang mengalami kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh, atau kerana bergantung pada, perlakuan orang lain yang telah melanggar seksyen 202, 203, 204, 205, 206, 207 atau 208, boleh mendapatkan amaun kehilangan atau kerugian itu dengan memulakan prosiding sivil terhadap orang lain itu, sama ada atau tidak orang lain itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

(2) Seksyen ini tidak menyentuh apa-apa tanggungan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan perlakuan yang menjadi pelanggaran itu.

Tindakan sivil oleh Suruhanjaya

211. (1) Jika didapati oleh Suruhanjaya bahawa mana-mana orang telah melanggar seksyen 202, 203, 204, 205, 206, 207 atau 208, Suruhanjaya boleh memulakan prosiding sivil dalam mahkamah terhadap orang itu, sama ada atau tidak orang itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan, Suruhanjaya boleh, jika didapatinya adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, melalui tindakan sivil terhadap orang yang melakukan pelanggaran itu—

- (a) mendapatkan suatu amaun yang tidak boleh lebih daripada tiga kali ganda amaun kasar ganjaran yang dibuat atau kehilangan yang dielakkan oleh orang itu; dan
 - (b) menuntut penalti sivil mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang didapati patut oleh mahkamah setelah mengambil kira beratnya pelanggaran itu, yang merupakan suatu amaun yang tidak lebih daripada satu juta ringgit.
- (2) Amaun yang didapatkan oleh Suruhanjaya dalam suatu tindakan menurut seksyen ini hendaklah digunakan—
- (a) pertamanya, untuk membayar ganti kepada Suruhanjaya segala kos penyiasatan dan prosiding berkenaan dengan pelanggaran itu; dan
 - (b) keduanya, untuk memampasi orang yang telah mengalami kehilangan atau kerugian akibat daripada pelanggaran itu.
- (3) Jika didapati oleh Suruhanjaya bahawa adalah tidak praktik untuk memampasi orang yang disebut dalam perenggan (2)(b) memandangkan amaun pengagihan yang bakal dibuat kepada setiap orang atau kesulitan mengenal pasti atau memberitahu orang yang layak dipampasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, Suruhanjaya boleh memutuskan untuk tidak membuat pengagihan kepada orang yang disebut dalam perenggan (2)(b).
- (4) Setakat yang mana-mana amaun yang didapatkan dalam tindakan sivil di bawah subseksyen (1) tidak diagihkan menurut perenggan (2)(b), amaun itu hendaklah—
- (a) dibayar ke dalam Dana Pampasan Pasaran Modal yang disenggarakan di bawah Bahagian IV; atau
 - (b) dipegang simpan oleh Suruhanjaya untuk membiayai—
 - (i) kos memajukan dan memudahkan program pendidikan bagi pelabur pasaran modal dan profesional; atau

(ii) kos mengawal selia pasaran modal,

sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri.

(5) Prosiding sivil di bawah subseksyen (1) atau 210(1) boleh dimulakan pada bila-bila masa dalam masa dua belas tahun dari—

(a) tarikh kausa tindakan itu terakru; atau

(b) tarikh Suruhanjaya atau plaintif yang memulakan prosiding itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mendapat tahu tentang pelanggaran itu,

mengikut mana-mana yang terkemudian.

(6) Apa-apa hak tindakan yang diberikan di bawah seksyen ini tidak menyentuh hak tindakan yang diberikan ke atas seseorang yang mengalami kehilangan atau kerugian yang disebut dalam subseksyen 210(1) atau di bawah mana-mana undang-undang lain.

BAHAGIAN VI

TERBITAN SEKURITI DAN PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

Penggal 1

Produk Pasaran Modal Tersenarai dan Tidak Tersenarai

Kehendak bagi kelulusan, pendaftaran, kebenaran atau pengiktirafan

212. (1) Bahagian ini tidak terpakai bagi sesuatu skim persaraan swasta.

(2) Seseorang yang bercadang untuk menjalankan suatu cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau menerbitkan sekuriti atau menawarkan untuk langganan atau pembelian sekuriti, atau

menerbitkan suatu tawaran untuk langganan atau pembelian sekuriti, berhubung dengan—

- (a) penyenaiaan dan sebut harga sekuriti suatu perbadanan di pasaran saham;
- (b) pemindahan suatu penyenaiaan dan sebut harga sekuriti suatu perbadanan daripada suatu pasaran alternatif kepada pasaran utama;
- (c) penyenaiaan atau sebut harga sekuriti selain sekuriti dalam perenggan (a) termasuk unit dalam amanah perniagaan atau sekuriti Islam di pasaran saham;
- (d) suatu perolehan atau pelupusan aset yang menghasilkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar sesuatu perbadanan tersenarai, skim unit amanah tersenarai atau mana-mana entiti tersenarai yang lain, sama ada atau tidak berhubung dengan apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti di bawah perenggan (a) dan (b),

hendaklah mendapatkan kelulusan Suruhanjaya di bawah Penggal 1A.

(3) Seseorang yang bercadang untuk melaksanakan suatu kompromi, perkiraan atau skim dengan cara penerbitan sekuriti bagi penyatuan dua atau lebih perbadanan tersenarai hendaklah mendapatkan kelulusan Suruhanjaya di bawah Penggal 1A.

(4) Seseorang yang bercadang untuk menyediakan, menawarkan untuk langganan atau pembelian, atau mengeluarkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, di luar Malaysia, sekuriti suatu syarikat awam atau perbadanan tersenarai, atau untuk menyenaraikan sekuriti itu di suatu bursa sekuriti di luar Malaysia hendaklah mendapatkan kelulusan Suruhanjaya di bawah Penggal 1A.

(5) Seseorang yang berniat untuk menyediakan, menawarkan untuk langganan atau pembelian, atau mengeluarkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli produk pasaran modal tidak tersenarai

termasuk sekuriti Islam tidak tersenarai tetapi tidak termasuk unit di dalam suatu skim unit amanah, hendaklah—

- (a) mendapatkan kebenaran Suruhanjaya atau dalam kes suatu sekuriti atau produk pasaran modal asing, pengiktirafan Suruhanjaya di bawah Penggal 3A; dan
- (b) mendaftarkan dengan Suruhanjaya, suatu dokumen penzahiran yang mengandungi maklumat dan butir sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 92A.

(6) Walau apa pun subseksyen (5) atau apa-apa undang-undang bertulis yang lain, seseorang hendaklah mendaftarkan suatu amanah perniagaan dengan Suruhanjaya, atau dalam kes suatu amanah perniagaan asing, mendapatkan pengiktirafan daripada Suruhanjaya, di bawah Penggal 3B, jika orang itu berniat untuk—

- (a) menubuhkan, mengendalikan, atau membantu dalam menubuhkan atau mengendalikan amanah perniagaan itu;
- (b) mengemukakan dirinya sebagai mengendalikan amanah perniagaan itu; atau
- (c) menawarkan atau menyediakan unit dalam amanah perniagaan itu.

(7) Suruhanjaya boleh menentukan—

- (a) apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti; atau
- (b) pemulaan, penawaran atau penyediaan apa-apa produk pasaran modal lain,

yang mesti mematuhi kehendak di bawah Bahagian ini.

(8) Kehendak di bawah subseksyen (2), (3), (4), (5) dan (6) hendaklah tidak terpakai kepada apa-apa cadangan, skim, transaksi,

perkiraan, aktiviti, produk atau perkara yang dinyatakan di bawah Jadual 5 atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(9) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

Penggal 1A

Permohonan bagi Kelulusan

Permohonan bagi kelulusan

213. (1) Dalam Penggal ini dan Jadual 5, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“cadangan” ertinya suatu cadangan yang disebut di bawah subseksyen 212(2);

“pakar” termasuklah jurutera, penilai, akauntan dan mana-mana orang lain yang profesionnya memberi kewibawaan kepada suatu pernyataan yang dibuat olehnya;

“pegawai”, berhubung dengan suatu perbadanan, termasuklah—

- (a) pengarah, setiausaha, pegawai eksekutif atau pekerja perbadanan itu;
- (b) penerima dan pengurus yang dilantik di bawah kuasa yang terkandung dalam apa-apa surat cara, bagi mana-mana bahagian perusahaan atau harta perbadanan itu; dan
- (c) pelikuidasi perbadanan itu yang dilantik bagi penggulungan sukarela perbadanan itu,

tetapi tidak termasuk seorang penerima yang bukannya seorang pengurus, penerima dan pengurus yang dilantik oleh mahkamah dan seorang pelikuidasi yang dilantik oleh mahkamah;

“syarikat persendirian” dan “syarikat awam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 4(1) * Akta Syarikat 1965;

(2) Seseorang pemohon yang ingin memohon kelulusan bagi perkara yang diperuntukkan di bawah seksyen 212 hendaklah membuat permohonan kepada Suruhanjaya untuk kelulusan dan hendaklah mengemukakan dokumen dan maklumat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Suruhanjaya boleh menghendaki seorang pemohon untuk memberikannya maklumat atau dokumen tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya berhubung dengan permohonan itu.

Pemberian kelulusan

214. (1) Suruhanjaya boleh berhubung dengan suatu permohonan bagi kelulusan yang dibuat di bawah subseksyen 213(2)—

- (a) meluluskan permohonan itu; atau
- (b) meluluskan permohonan itu—
 - (i) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat;
 - (ii) dengan apa-apa perubahan; atau
 - (iii) dengan apa-apa perubahan dan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat,

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

sebagaimana yang disifatkan patut atau perlu oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh mengubah, menambah atau menggugurkan apa-apa terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) pada bila-bila masa.

(3) Tiada seorang boleh melaksanakan, melakukan atau menjalankan apa-apa cadangan dalam permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 213(2) kecuali—

- (a) Suruhanjaya telah meluluskan permohonan itu di bawah seksyen ini; atau
- (b) pemohon telah mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu untuk melaksanakan, melakukan atau menjalankan apa-apa bahagian cadangan itu.

(4) Seseorang tidak boleh dianggap telah mengambil apa-apa langkah untuk melaksanakan, melakukan atau menjalankan suatu cadangan dalam permohonan di bawah subseksyen 213(2), jika—

- (a) seseorang membuat suatu perjanjian yang berkenaan dengan suatu cadangan dalam permohonan; dan
- (b) terma-terma perjanjian tersebut adalah tidak mengikat sehingga penunaian apa-apa syarat seperti yang boleh dinyatakan dalam perjanjian tersebut, termasuklah kelulusan yang diberikan di bawah seksyen ini.

(5) Seseorang yang melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Penolakan permohonan

214A. (1) Suruhanjaya boleh menolak suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 213(2) jika—

- (a) pemohon telah gagal untuk mematuhi apa-apa kehendak di bawah Akta ini atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
 - (b) permohonan itu mengandungi apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material;
 - (c) Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan rekod tadbir urus korporat penerbit atau kluatir dengan integriti mana-mana pengarah penerbit itu;
 - (d) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kelulusan permohonan boleh menjejaskan kepentingan pelabur;
 - (e) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kelulusan permohonan itu akan bercanggah dengan kepentingan awam; atau
 - (f) dalam kes suatu permohonan untuk penyenaraian atau sebut harga suatu amanah perniagaan, amanah perniagaan itu tidak didaftarkan dengan atau diiktiraf oleh Suruhanjaya di bawah Penggal 3B.
- (2) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—
- (a) terdapat pelanggaran subseksyen 215(1);
 - (b) terdapat pelanggaran apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah seksyen 214; atau
 - (c) terdapat apa-apa perubahan atau perkembangan dalam hal keadaan berhubung dengan permohonan yang berlaku selepas Suruhanjaya memberikan kelulusannya di bawah seksyen ini, dan jika perubahan atau perkembangan itu, jika diketahui oleh Suruhanjaya sebelum kelulusan itu, akan mempengaruhi keputusannya berhubung permohonan itu,

Suruhanjaya boleh—

- (A) membatalkan kelulusan yang diberikan di bawah seksyen 214;
- (B) menyemak semula kelulusan itu; atau
- (C) mengenakan apa-apa terma atau syarat lanjut, sebagaimana yang difikirkan patut atau perlu oleh Suruhanjaya,

dengan syarat bahawa Suruhanjaya hanya boleh membatalkan atau menyemak semula kelulusan itu atau mengenakan apa-apa terma dan syarat lanjut jika pembatalan, penyemakan semula atau pengenaan itu tidak akan menyentuh hak pihak ketiga yang mungkin diwujudkan oleh atau yang berbangkit daripada perjalanan atau pelaksanaan suatu cadangan dalam permohonan mengikut kelulusan yang diberikan di bawah seksyen 214.

(3) Suruhanjaya hendaklah memberi orang itu suatu peluang untuk didengar sebelum apa-apa keputusan dibuat di bawah subseksyen (2).

(4) Berkenaan dengan suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 213(2)—

- (a) mana-mana orang boleh membuat pengumuman mengenai suatu permohonan sebelum mengemukakan permohonan itu kepada Suruhanjaya bagi kelulusannya; atau
- (b) Suruhanjaya boleh mengarahkan seorang pemohon untuk membuat suatu pengumuman berhubung dengan permohonan atau apa-apa perkara di bawah Penggal ini mengikut kaedah-kaedah bursa saham, jika difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), suatu “pengumuman” termasuklah apa-apa penyiaran melalui notis dalam akhbar atau dalam apa-apa bentuk lain tentang suatu niat yang mantap untuk membuat tawaran bagi apa-apa sekuriti.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 214(3) atau perenggan 214A(4)(b) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pernyataan palsu atau mengelirukan, dsb.

215. (1) Jika apa-apa pernyataan atau maklumat dikehendaki untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya di bawah Penggal ini—

- (a) seorang penerbit atau pemohon atau mana-mana pegawai atau sekutunya;
- (b) seorang penasihat kewangan atau pakar; atau
- (c) mana-mana orang lain,

tidaklah boleh—

- (A) mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan;
- (B) mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan apa-apa pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau
- (C) terlibat dalam atau membantu atau bersubahat dalam kelakuan yang diketahuinya adalah mengelirukan atau memperdayakan atau yang berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan Suruhanjaya.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan kepada suatu pendakwaan atau apa-apa prosiding bagi pelanggaran subseksyen (1) jika dibuktikan bahawa defendan, setelah membuat siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu, mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan sehingga masa pernyataan itu dibuat atau maklumat itu diberikan atau sehingga penglibatan dalam kelakuan itu, sememangnya mempercayai bahawa—

- (a) pernyataan atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan;
 - (b) peninggalan itu tidak material;
 - (c) tidak ada peninggalan yang material; atau
 - (d) kelakuan yang berkenaan itu tidak mengelirukan atau memperdayakan.
- (3) Jika—
- (a) pernyataan atau maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) telah dikemukakan atau diberikan kepada Suruhanjaya, atau kelakuan yang disebut dalam subseksyen (1) telah dilakukan; dan
 - (b) orang yang disebut dalam subseksyen itu mengetahui atau menyedari sebelum cadangan dalam permohonan itu dilaksanakan, dilakukan dan dijalankan dengan sepenuhnya—
 - (i) bahawa pernyataan atau maklumat itu mungkin palsu atau mengelirukan atau tidak lengkap secara material; atau
 - (ii) bahawa kelakuan itu berkecenderungan untuk mengelirukan atau memperdayakan,

orang itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya mengenai fakta yang disebut dalam subperenggan (b)(i) atau (ii), jika berkenaan, dan hendaklah mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 214A(2).

(4) Bagi maksud perenggan (3)(b), seseorang yang mengetahui atau menyedari termasuklah seseorang yang menyebabkan atau melakukan suatu perbuatan yang menyebabkan pernyataan atau maklumat itu menjadi palsu atau mengelirukan atau tidak lengkap secara material.

(5) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan juga didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

Wang permohonan hendaklah dibayar ke dalam akaun amanah jika prospektus tidak dikehendaki

215A. (1) Apa-apa wang yang diterima daripada mana-mana orang berhubung dengan suatu permohonan yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 214 dan yang baginya prospektus tidak dikehendaki, hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun amanah yang diwujudkan dan disimpan dalam suatu institusi berlesen oleh penerbit bagi orang tersebut sehingga kebenaran bagi penyenaian atau sebut harga dalam senarai rasmi suatu bursa saham atau mana-mana bursa seumpamanya di luar Malaysia diberikan.

(2) Jika kebenaran yang disebut dalam subseksyen (1) ditolak, penerbit hendaklah dengan serta-merta membayar balik tanpa bunga semua wang yang disebut dalam subseksyen (1) dan jika wang tersebut tidak dibayar balik dalam masa empat belas hari selepas penerbit menjadi bertanggung untuk membayar balik, sebagai tambahan kepada tanggungan penerbit, pegawai penerbit hendaklah secara bersesama dan berasingan menjadi bertanggung untuk membayar balik wang itu dengan bunga pada kadar sepuluh peratus setahun atau pada apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya mulai tamatnya tempoh itu.

(3) Wang yang dibayar ke dalam akaun amanah di bawah seksyen ini tidak boleh digunakan untuk pembayaran hutang penerbit, atau dibayar atau diambil untuk pelaksanaan di bawah suatu perintah atau proses mana-mana mahkamah.

(4) Apa-apa syarat yang dikenakan oleh seorang penerbit yang menghendaki atau mengikat mana-mana orang untuk mengetepikan pematuhan seksyen ini atau berupa sebagai berbuat sedemikian adalah tidak sah.

(5) Suruhanjaya boleh menentukan apa-apa kategori pemohon yang tidak tertakluk pada seksyen ini.

(6) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penggal 2

Pengambilalihan, percantuman dan pengambilan paksa

Tafsiran

216. (1) Dalam Penggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“berhubung dengan”, berhubung dengan sesuatu perbadanan, ertinya berhubung mengikut erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 6 *Akta Syarikat 1965;

“institusi ditetapkan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Institut Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

“kawalan” ertinya pengambilan atau pemegangan, atau hak untuk menggunakan atau mengawal penggunaan, syer mengundi atau hak mengundi sebanyak lebih daripada tiga puluh tiga peratus, atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan dalam Kod dalam sesuatu syarikat, walau bagaimana jua pun dijalankan;

“Kod” ertinya Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan dan Percantuman yang dibuat mengikut seksyen 217;

“pakar” termasuklah jurutera, penilai, akauntan dan mana-mana orang lain yang profesionnya memberi kewibawaan kepada sesuatu pernyataan yang dibuat olehnya;

* *CATATAN*—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

“pembuat tawaran” ertinya seseorang yang membuat atau mencadangkan untuk membuat suatu tawaran pengambilalihan;

“pemegang syer” ertinya pemegang syer dalam syarikat atau pemegang unit dalam sesuatu entiti yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

“penerima tawaran” ertinya suatu syarikat yang syer mengundi atau hak mengundinya adalah tertakluk pada suatu tawaran pengambilalihan;

“pengambil” ertinya—

- (a) seseorang yang mengambil atau bercadang mengambil kawalan dalam sesuatu syarikat sama ada pengambilan itu dilaksanakan oleh orang itu atau oleh seorang ejen; atau
- (b) dua orang atau lebih yang, bertindak bersama-sama antara satu sama lain, mengambil atau bercadang mengambil kawalan dalam sesuatu syarikat, sama ada pengambilan itu dilaksanakan oleh orang itu atau oleh seorang ejen;

“saudara-mara yang terdekat” ertinya ibu, bapa, anak, abang, kakak, anak angkat atau anak tiri;

“syarikat”, berhubung dengan sesuatu syarikat yang diambil alih, ertinya—

- (a) suatu perbadanan disenaraikan di bursa saham;
- (b) suatu syarikat awam sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; atau
- (c) apa-apa entiti lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

“syer” kecuali bagi maksud seksyen 222, 223 dan 224, ertinya suatu syer yang bukan syer keutamaan, dalam sesuatu syarikat, atau suatu unit dalam sesuatu entiti yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

“syer mengundi” ertinya suatu syer yang memberi hak kepada pemegang syer untuk mengundi di mesyuarat agung;

“tawaran pengambilalihan” ertinya sesuatu tawaran yang dibuat untuk mengambil semua atau sebahagian syer mengundi atau hak mengundi, atau mana-mana kelas atau kelas-kelas syer mengundi atau hak mengundi, dalam suatu syarikat dan termasuklah—

- (a) suatu transaksi pengambilalihan atau percantuman walau bagaimana jua pun dijalankan yang mempunyai kesan atau berpotensi untuk mempunyai kesan mendapatkan atau mengukuhkan kawalan dalam syarikat itu;
- (b) suatu tawaran separa; atau
- (c) suatu tawaran pengambilalihan oleh suatu syarikat induk bagi syer mengundi atau hak mengundi dalam subsidiarinya.

(2) Bagi maksud Penggal ini, sebutan mengenai “orang yang bertindak bersama-sama” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang, menurut suatu perjanjian, perkiraan atau persefahaman, bekerjasama untuk—

- (a) memperoleh secara bersesama atau berasingan syer mengundi sesuatu syarikat bagi maksud mendapatkan kawalan syarikat itu; atau
- (b) bertindak secara bersesama atau berasingan bagi maksud menjalankan kawalan ke atas sesuatu syarikat.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), orang yang berikut hendaklah dianggap sebagai orang yang bertindak bersama-sama melainkan jika dibuktikan sebaliknya:

- (a) sesuatu perbadanan dan perbadanan yang berhubungan dan perbadanan sekutunya;
- (b) sesuatu perbadanan dan mana-mana pengarahnya, atau saudara-mara terdekat mana-mana pengarahnya, atau suami

atau isteri mana-mana pengarah itu atau mana-mana saudara-mara sedemikian, atau mana-mana amanah yang berhubungan;

- (c) sesuatu perbadanan dan mana-mana kumpulan wang pencen yang ditubuhkan olehnya;
- (d) seseorang dan mana-mana syarikat pelaburan, unit amanah atau kumpulan wang lain yang pelaburannya diuruskan oleh orang itu atas dasar budi bicaranya;
- (e) seseorang penasihat kewangan dan kliennya yang merupakan suatu perbadanan, jika penasihat kewangan itu menguruskan atas dasar budi bicaranya kumpulan wang perbadanan itu dan mempunyai sepuluh peratus atau lebih syer mengundi dalam perbadanan itu;
- (f) seseorang yang memiliki atau mengawal dua puluh peratus atau lebih syer mengundi sesuatu perbadanan yang tergolong dalam perenggan (a) dan mana-mana saudara-mara terdekat orang itu, atau suami atau isteri orang itu atau mana-mana saudara-mara sedemikian, atau mana-mana amanah yang berhubungan bersama-sama dengan seorang atau beberapa orang yang tergolong dalam perenggan (a);
- (g) pekongsi sesuatu perkongsian;
- (h) seorang individu dan mana-mana orang yang pada kebiasaannya bertindak mengikut arahan individu itu, dan saudara-mara terdekat, syarikat yang dikawal oleh, atau mana-mana amanah yang berhubungan dengan, individu itu; dan
- (i) seseorang, selain suatu bank berlesen atau institusi ditetapkan, yang, secara langsung atau tidak langsung, memperuntukkan kewangan atau bantuan kewangan, berkaitan dengan pemerolehan syer mengundi atau hak mengundi, dengan seseorang yang menerima apa-apa kewangan atau bantuan kewangan itu.

(3A) Berhubung dengan tawaran pengambilalihan suatu entiti selain perbadanan atau syarikat awam, Suruhanjaya boleh menentukan orang yang boleh dianggap sebagai orang yang bertindak bersama-sama.

(4) Bagi maksud subseksyen (2), suatu perjanjian, perkiraan atau persefahaman ertinya suatu perjanjian, perkiraan atau persefahaman sama ada formal atau tidak formal, sama ada bertulis atau lisan, sama ada nyata atau tersirat atau sama ada atau tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang atau ekuiti.

(5) Bagi maksud perenggan (3)(a), suatu perbadanan bersekutu ertinya suatu perbadanan yang berkenaan dengannya tidak kurang daripada dua puluh peratus syer mengundi perbadanan itu dipegang oleh perbadanan lain, perbadanan yang mula-mula disebut dengan itu menjadi perbadanan sekutu perbadanan yang satu lagi.

(6) Bagi maksud seksyen 222, 223 dan 224—

“pemegang syer menentang” termasuklah mana-mana pemegang syer dan pemegang sekuriti boleh ubah, yang belum menerima tawaran pengambilalihan dan mana-mana pemegang syer yang telah gagal atau enggan untuk membuat pemindahan syer kepada seorang pengambil mengikut tawaran pengambilalihan;

“sekuriti boleh tukar” ertinya sekuriti seperti waran, opsiyen dan sekuriti lain yang dikeluarkan oleh penerima tawaran yang boleh ditukar kepada syer mengundi baharu penerima tawaran;

“syer” ertinya suatu syer mengundi, dalam suatu syarikat, atau suatu unit dalam entiti yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dan termasuklah sekuriti boleh tukar seolah-olah sekuriti itu ialah sekuriti kelas berasingan suatu syarikat dan mana-mana sebutan mengenai pemegang syer, dan syer yang telah diperuntukkan, hendaklah dibaca sewajarnya.

Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan, Percantuman dan Pengambilan Paksa

217. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, menetapkan suatu Kod yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa atas syor Suruhanjaya, meminda mana-mana peruntukan Kod dan mana-mana pindaan kepada Kod hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Kod hendaklah mengandungi prinsip yang mengawal tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa.

(4) Suruhanjaya hendaklah mentadbir Kod dan boleh membuat semua perkara sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk memberi kesan sepenuhnya kepada peruntukan Penggal ini dan Kod dan tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu, boleh—

- (a) mengeluarkan arahan—
 - (i) bagi mentafsir Penggal ini dan Kod;
 - (ii) mengenai amalan dan kelakuan orang yang terlibat dalam atau terjejas oleh mana-mana tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa, atau dalam perjalanan urusan mana-mana pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa; dan
- (b) menyiasat apa-apa perkara yang berhubungan dengan mana-mana tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa sama ada yang berpotensi atau selainnya, dan bagi maksud ini, boleh mengeluarkan pernyataan awam sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya mengenainya.

(5) (*Dipotong oleh Akta A1499*).

Pematuhan Kod, garis panduan, nota amalan dan arahan

218. (1) Seseorang yang membuat suatu tawaran pengambilalihan hendaklah berbuat demikian mengikut peruntukan Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Tertakluk pada seksyen 219, seorang pengambil tawaran yang telah mendapat kawalan dalam suatu syarikat hendaklah membuat tawaran pengambilalihan bagi syer mengundi yang tinggal mengikut peruntukan Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(3) Tertakluk pada seksyen 219, seorang pengambil yang telah mendapat kawalan tidak boleh memperoleh apa-apa syer mengundi tambahan dalam syarikat itu kecuali mengikut peruntukan Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Suruhanjaya untuk melantik penasihat bebas

218A. (1) Jika penerima tawaran gagal untuk melantik seorang penasihat bebas sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kod, Suruhanjaya boleh, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa demi kepentingan pemegang saham penerima tawaran untuk berbuat demikian, melantik seorang penasihat bebas atau orang lain atau kumpulan orang sebagaimana yang diputuskan oleh Suruhanjaya, untuk memberi komen, pendapat, maklumat dan syor mengenai tawaran pengambilalihan itu dalam suatu pekeliling penasihat bebas.

(2) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa keseluruhan atau mana-mana bahagian kos dan perbelanjaan seorang penasihat bebas, orang atau kumpulan orang yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen

ini patut ditanggung oleh penerima tawaran yang berkenaan, Suruhanjaya boleh, melalui perintah secara bertulis, mengarahkan penerima tawaran membayar suatu amaun yang ditentukan, yang merupakan keseluruhan atau sebahagian daripada kos dan perbelanjaan itu, dalam masa dan mengikut cara yang ditentukan.

(3) Jika penerima tawaran itu tidak mematuhi perintah Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), amaun yang dinyatakan dalam perintah itu boleh dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan kembali oleh Suruhanjaya dalam mahkamah sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Suruhanjaya.

Kuasa penasihat bebas yang dilantik oleh Suruhanjaya

218B. Seorang penasihat bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 218A, hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu bagi atau berkaitan dengan, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya.

Larangan terhadap komunikasi perkara tertentu oleh penasihat bebas dan pekerja

218C. Kecuali bagi maksud menguatkuasakan peruntukan Akta ini, atau setakat yang dikehendaki bagi maksud mana-mana prosiding, sivil atau jenayah, seseorang penasihat bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 218A dan pekerja penasihat bebas atau orang lain itu tidak boleh menyampaikan apa-apa perkara, yang mungkin diketahui olehnya dalam menjalankan kewajibannya kepada mana-mana orang selain Suruhanjaya, atau mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya dan, dalam hal pekerja, kepada mana-mana orang selain penasihat bebas yang dengannya dia bekerja.

Akses kepada buku, akaun dan rekod, dsb.

218D. (1) Apabila diminta oleh penasihat bebas atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 218A, penerima tawaran dan mana-mana pengarahnya, pegawai eksekutif atau setiausaha, pekerja atau ejennya hendaklah memberi akses kepada apa-apa maklumat, buku, akaun dan rekod dan apa-apa aset yang dipegang oleh penerima tawaran itu yang berhubungan dengan urusannya.

(2) Seorang penerima tawaran dan mana-mana pengarahnya, pegawai eksekutif, setiausaha, pekerja atau ejennya yang dilantik oleh penerima tawaran, hendaklah menjawab semua soalan yang berkaitan dengan penyediaan pekeliling penasihat bebas yang dikemukakan kepadanya oleh penasihat bebas.

Pengecualian

219. (1) Suruhanjaya boleh memberikan pengecualian secara bertulis kepada mana-mana orang atau tawaran pengambilalihan tertentu atau kepada mana-mana kelas, kategori atau perihalan orang atau tawaran pengambilalihan tertentu daripada peruntukan Penggal ini, Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Mana-mana pengecualian yang diberikan di bawah subseksyen (1) boleh tertakluk pada apa-apa syarat, sekatan atau batasan yang dikenakan oleh Suruhanjaya.

Tindakan oleh Suruhanjaya dalam hal ketidakpatuhan Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan arahan

220. (1) Walau apa pun peruntukan subseksyen 218(4), jika mana-mana orang yang di bawah suatu obligasi untuk mematuhi, menuruti atau melaksanakan peruntukan di dalam Penggal ini, Kod, garis panduan, arahan, nota amalan dan mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, melanggar atau tidak mematuhi, menuruti atau melaksanakan mana-mana peruntukan atau arahan,

Suruhanjaya boleh mengambil satu atau lebih daripada tindakan yang berikut:

- (a) mengarahkan orang yang mungkir itu mematuhi, menuruti atau melaksanakan mana-mana peruntukan Penggal ini, Kod, garis panduan, arahan, nota amalan atau arahan itu;
- (b) mengenakan penalti yang sepadan dengan beratnya kemungkiran itu ke atas orang yang mungkir itu, tetapi dalam apa jua keadaan tidak melebihi satu juta ringgit;
- (c) mencela orang yang mungkir itu;
- (d) menghendaki sesuatu bursa saham atau bursa derivatif supaya tidak memberikan akses kepada orang yang mungkir itu, secara langsung atau tidak langsung, untuk menggunakan kemudahan bursa saham atau bursa derivatif itu;
- (da) melarang orang yang mungkir itu daripada mendapat akses, secara langsung atau tidak langsung, kepada pasaran modal;
- (e) jika orang yang mungkir itu adalah suatu perbadanan yang disenaraikan, menghendaki bursa saham—
 - (i) untuk menggantung dagangan dalam sekuriti perbadanan itu;
 - (ii) untuk menggantung penyenaraian perbadanan itu; atau
 - (iii) untuk mengeluarkan perbadanan itu atau kelas sekuriti perbadanan itu daripada senarai rasmi;
- (f) jika orang yang mungkir itu ialah suatu perbadanan yang tidak disenaraikan, menghendaki mana-mana bursa saham melarang penyenaraian mana-mana sekuritinya;
- (g) (*Dipotong oleh Akta A1499*).

- (h) menghendaki orang yang mungkir itu supaya mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya untuk meremеди kemungkiran itu atau mengurangkan kesan kemungkiran itu, termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan oleh kemungkiran itu;
- (i) jika orang yang mungkir itu ialah seorang penasihat, enggan untuk menerima atau menimbang apa-apa pengemukaan yang berhubungan dengan apa-apa perkara di bawah Penggal ini daripada orang itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberikan notis bertulis kepada orang yang mungkir mengenai niatnya hendak mengambil tindakan di bawah subseksyen (1) dan hendaklah memberi orang yang mungkir itu peluang untuk didengar sebelum Suruhanjaya mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1).

(3) Mahkamah boleh, dalam hal jika Suruhanjaya memberikan arahan di bawah perenggan (1)(a) atau (h), apabila dibuat permohonan oleh Suruhanjaya, membuat perintah mengarahkan orang yang melanggar itu supaya mematuhi, menuruti atau melaksanakan peruntukan Kod, garis panduan, arahan, nota amalan atau arahan.

(4) Bagi maksud perenggan (1)(h), dalam menentukan sama ada atau tidak restitusi hendak dibuat oleh seseorang yang mungkir itu, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—

- (a) keuntungan yang telah terakru kepada orang yang mungkir itu; atau
- (b) sama ada seorang atau lebih telah menanggung kerugian atau telah selainnya terjejas akibat kemungkiran itu.

(5) Jika seseorang tidak mematuhi penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah perenggan (1)(b), penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya itu boleh dibawa guaman dan didapatkan kembali sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia.

(6) Tanpa menjejaskan mana-mana remedi lain, jika suatu arahan di bawah perenggan (1)(h) memperuntukkan orang yang mungkir untuk membuat restitusi dalam bentuk pembayaran wang, dan orang yang mungkir itu tidak membayar restitusi itu, Suruhanjaya boleh membawa guaman dan mendapatkan kembali restitusi itu sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada orang yang terkilan oleh kemungkiran itu.

(7) Setakat yang apa-apa amaun yang diperoleh di bawah perenggan (1)(h) atau subseksyen (6) tidak diagihkan oleh sebab kesulitan untuk mengenal pasti atau memberitahu orang yang terkilan, amaun tersebut hendaklah—

- (a) dibayar kepada Dana Pembangunan Pasaran Modal yang disenggarakan di bawah Bahagian IV; atau
- (b) dipegang oleh Suruhanjaya untuk membiayai—
 - (i) kos untuk memajukan dan memudahkan program pendidikan bagi pelabur pasaran modal dan profesional; atau
 - (ii) kos pengawalseliaan pasaran modal,

sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri.

(8) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang Suruhanjaya daripada mengambil apa-apa tindakan yang Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mengambil di bawah Akta ini atau mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti terhadap orang yang mungkir itu.

(8A) Jika seseorang tidak mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh melucutkan orang itu daripada mana-mana perkhidmatan pasaran modal dengan menghendaki orang berlesen, orang berdaftar atau penyedia perkhidmatan pasaran modal untuk tidak bertindak atau terus bertindak bagi orang itu, bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(9) Bagi maksud seksyen ini—

“kemungkiran” ertinya suatu kegagalan untuk mematuhi, menuruti, atau melaksanakan peruntukan Penggal ini, Kod, garis panduan, arahan, nota amalan atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, dalam hal keadaan yang terdapat suatu obligasi untuk berbuat demikian;

“orang yang mungkir” ertinya seseorang yang gagal mematuhi, menuruti, atau melaksanakan peruntukan-peruntukan Penggal ini, Kod, garis panduan, arahan, nota amalan atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, dalam hal keadaan orang itu di bawah obligasi untuk berbuat demikian.

Dokumen, maklumat, dsb., yang palsu atau mengelirukan

221. (1) Jika apa-apa dokumen atau maklumat dikehendaki dikemukakan kepada Suruhanjaya berhubung dengan sesuatu tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa—

- (a) seorang pengambil, pembuat tawaran atau orang yang membuat pengambilan paksa atau melaksanakan suatu percantuman, pegawai atau sekutunya;
- (b) seorang penerima tawaran, pegawai atau sekutunya;
- (c) seorang penasihat kewangan atau pakar; atau
- (d) mana-mana orang lain,

tidak boleh—

- (A) mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan apa-apa dokumen atau maklumat yang palsu atau mengelirukan;
- (B) memberikan atau menyebabkan diberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang daripadanya terdapat peninggalan yang material; atau

- (C) terlibat dalam kelakuan yang diketahuinya sebagai mengelirukan atau memperdayakan atau berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan kepada suatu pendakwaan atau apa-apa prosiding bagi pelanggaran subseksyen (1) jika dibuktikan bahawa defendan, setelah membuat siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu, mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan sehingga masa dokumen atau maklumat itu diberikan atau penglibatannya dalam kelakuan itu, sememangnya mempercayai bahawa—

- (a) dokumen atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan;
- (b) peninggalan itu tidaklah material;
- (c) tidak terdapat peninggalan material; atau
- (d) kelakuan yang berkenaan tidak mengelirukan atau memperdayakan.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan juga boleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

Pengambilan paksa

222. (1) Jika seorang pembuat tawaran telah—

- (a) membuat suatu tawaran pengambilalihan untuk semua syer atau semua syer dalam mana-mana kelas tertentu penerima tawaran; dan
- (b) menerima penerimaan tidak kurang daripada sembilan per sepuluh nilai nominal syer yang dibuat tawaran,

pembuat tawaran boleh, dalam masa empat bulan dari tarikh tawaran pengambilalihan itu, memperoleh baki syer atau baki syer dalam mana-mana kelas tertentu penerima tawaran, dengan mengeluarkan suatu notis mengikut bentuk atau cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi maksud itu, kepada semua pemegang syer menentang, dengan syarat notis itu—

- (A) dikeluarkan dalam masa dua bulan dari tarikh syarat-syarat di bawah perenggan (a) dan (b) dipenuhi; dan
- (B) disertakan dengan suatu salinan akuan berkanun oleh pembuat tawaran itu bahawa syarat-syarat bagi pemberian notis itu telah dipenuhi.

(1A) Bagi maksud perenggan (1)(b), penerimaan itu tidak termasuk syer yang telah dipegang pada tarikh tawaran pengambilalihan oleh pembuat tawaran atau orang yang bertindak bersama-sama.

(2) Jika seseorang pembuat tawaran telah memberikan notis kepada mana-mana pemegang syer menentang di bawah subseksyen (1), pemegang syer menentang itu boleh, atas permintaan secara bertulis, dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu, menghendaki pembuat tawaran itu memberikan secara bertulis nama dan alamat semua pemegang syer menentang yang lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam daftar anggota, dan pembuat tawaran itu hanya memperoleh syer pemegang syer menentang itu selepas empat belas hari dari nama dan alamat itu diposkan kepada pemegang syer menentang itu.

(3) Apabila notis dan akuan berkanun diberikan di bawah subseksyen (1), pembuat tawaran hendaklah mengikut subseksyen (7) memperoleh syer itu atas terma tawaran pengambilalihan itu atau, jika tawaran pengambilalihan itu mengandungi dua atau lebih set terma alternatif, atas terma yang dinyatakan dalam tawaran pengambilalihan itu sebagaimana yang terpakai bagi pemegang syer menentang itu.

(4) Mana-mana orang melakukan suatu kesalahan jika dia—

- (a) menghantar suatu salinan notis atau akuan berkanun di bawah subseksyen (1) yang tidak mengikut cara yang ditetapkan; atau
- (b) membuat suatu akuan berkanun menurut subseksyen (1) atau menghantar pernyataan menurut subseksyen (2), dengan mengetahui bahawa akuan atau pernyataan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah palsu, atau tanpa mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa ia adalah benar.

(5) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (4), menjadi pembelaan bagi orang itu untuk membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan pematuhan subseksyen itu.

(6) Jika, semasa tempoh yang dalamnya suatu tawaran pengambilalihan boleh diterima, pembuat tawaran memperoleh atau membuat kontrak untuk memperoleh mana-mana syer yang dimaksudkan oleh tawaran pengambilalihan itu, selain menurut penerimaan tawaran pengambilalihan itu, maka jika—

- (a) nilai balasan yang baginya syer itu diperoleh atau dibuat kontrak untuk diperoleh (“balasan pemerolehan”) tidak pada masa itu melebihi nilai balasan yang ditentukan dalam terma tawaran pengambilalihan itu; atau
- (b) terma tawaran pengambilalihan itu kemudiannya disemak semula supaya apabila semakan itu diumumkan nilai balasan pemerolehan itu pada masa yang disebut dalam perenggan (a) tidak lagi melebihi nilai balasan yang ditentukan dalam terma itu,

pembuat tawaran itu hendaklah dianggap, bagi maksud seksyen ini, sebagai telah memperoleh atau membuat kontrak untuk memperoleh syer itu menurut penerimaan tawaran pengambilalihan itu tetapi berhubung dengan mana-mana hal lain syer itu hendaklah dianggap sebagai tidak termasuk dalam syer yang dimaksudkan oleh tawaran pengambilalihan itu.

(7) Tertakluk pada seksyen 224, jika suatu notis telah diberikan oleh pembuat tawaran di bawah subseksyen (1), pembuat tawaran hendaklah, selepas habis tempoh satu bulan dari tarikh notis itu diberikan, atau jika subseksyen (2) terpakai selepas empat belas hari dari tarikh pernyataan itu diposkan kepada pemegang syer menentang—

- (a) menghantar suatu salinan notis kepada penerima tawaran bersama dengan suatu surat cara pemindahan yang disempurnakan bagi pihak semua pemegang syer menentang itu oleh pembuat tawaran itu; dan
- (b) membayar, menguntukkan atau memindahkan amaun atau balasan lain kepada penerima tawaran itu bagi syer yang dimaksudkan oleh notis itu,

dan penerima tawaran itu hendaklah sesudah itu mendaftarkan pembuat tawaran itu sebagai pemegang syer itu.

(8) Apa-apa jumlah wang yang diterima oleh penerima tawaran di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam akaun bank yang berasingan, dan apa-apa jumlah wang itu dan apa-apa balasan lain yang diterima sedemikian hendaklah dipegang oleh penerima tawaran itu sebagai amanah bagi orang yang berhak kepada syer itu yang mengenainya jumlah wang atau balasan lain itu diterima.

(9) Jika apa-apa balasan selain wang tunai dipegang sebagai amanah oleh suatu syarikat bagi mana-mana orang di bawah seksyen ini, ia boleh, selepas habis tempoh sepuluh tahun dari tarikh balasan itu dibayar, diuntukkan atau dipindahkan kepadanya, memindahkan balasan itu kepada Menteri.

(10) Menteri hendaklah menjual atau melupuskan apa-apa balasan yang diterima di bawah subseksyen (9) mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut dan hendaklah menguruskan hasil jualan atau pelupusan itu seolah-olah ia ialah wang yang dibayar kepadanya menurut undang-undang yang berhubungan dengan wang tidak dituntut.

Hak pemegang syer minoriti

223. (1) Tertakluk pada seksyen 224, jika suatu tawaran pengambilalihan berhubung dengan semua syer atau semua syer dalam mana-mana kelas penerima tawaran dan, pada bila-bila masa sebelum berakhir tempoh yang dalamnya tawaran pengambilalihan itu boleh diterima—

- (a) pembuat tawaran itu telah, menurut penerimaan tawaran pengambilalihan itu, memperoleh sebahagian (tetapi bukan semua) syer yang tawaran pengambilalihan itu berhubung dengannya atau syer mana-mana kelas yang dimaksudkan oleh tawaran pengambilalihan itu; dan
- (b) syer itu, dengan atau tanpa mana-mana syer lain atau mana-mana syer lain daripada kelas itu yang dimaksudkan oleh tawaran pengambilalihan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang pembuat tawaran atau orang yang bertindak bersama-sama itu telah memperoleh amaun tidak kurang daripada sembilan per sepuluh nilai daripada semua syer penerima tawaran itu atau daripada kelas penerima tawaran,

pemegang mana-mana syer atau mana-mana kelas syer yang dimaksudkan oleh tawaran pengambilalihan itu boleh, melalui notis kepada pembuat tawaran itu, menghendakinya supaya memperoleh syer itu, dan pembuat tawaran itu adalah terikat untuk memperoleh syer itu atas terma tawaran pengambilalihan itu atau apa-apa terma lain sebagaimana yang dipersetujui.

(2) Dalam masa satu bulan dari masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1), pembuat tawaran itu hendaklah memberi mana-mana pemegang syer yang tidak menerima tawaran pengambilalihan itu, notis mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya mengenai hak yang boleh dijalankan olehnya di bawah subseksyen (1) dan, jika notis itu diberikan sebelum tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), notis itu hendaklah menentukan bahawa tawaran pengambilalihan itu masih terbuka untuk penerimaan.

(3) Notis di bawah subseksyen (2) boleh menentukan tempoh bagi penjalanan hak yang diberikan oleh seksyen ini dan dalam hal itu hak itu tidak boleh dijalankan selepas berakhirnya tempoh itu; tetapi tempoh sedemikian tidak boleh berakhir kurang daripada tiga bulan selepas berakhirnya tempoh yang dalamnya tawaran pengambilalihan itu boleh diterima.

(4) Subseksyen (2) tidak terpakai jika pembuat tawaran itu telah memberi pemegang syer itu notis berkenaan dengan syer yang berkenaan di bawah subseksyen 222(1).

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Permohonan kepada mahkamah

224. (1) Jika suatu notis diberikan di bawah subseksyen 222(1), mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana pemegang syer menentang dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu diberikan—

- (a) memerintahkan bahawa pembuat tawaran itu tidak berhak dan tidak terikat untuk memperoleh syer itu; atau
- (b) menentukan terma pemerolehan itu yang berbeza daripada terma tawaran pengambilalihan itu.

(2) Jika suatu permohonan kepada mahkamah masih belum selesai pada akhir tempoh yang disebut dalam subseksyen 222(2), subseksyen itu tidak mempunyai kuat kuasa sehingga permohonan itu telah diselesaikan.

(3) Apabila pemegang mana-mana syer menjalankan haknya di bawah subseksyen 223(1), mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh pemegang syer atau pembuat tawaran itu, memerintahkan bahawa terma yang atasnya pembuat tawaran itu hendaklah memperoleh syer itu hendaklah sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(4) Tiada perintah bagi kos boleh dibuat terhadap seorang pemegang syer yang membuat permohonan di bawah subseksyen (1) atau (3) melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa—

- (a) permohonan itu adalah tidak perlu, tidak wajar atau menyusahkan; atau
- (b) terdapat kelengahan yang tidak munasabah dalam membuat permohonan itu atau kelakuan tidak munasabah pada pihak pemegang syer dalam menjalankan prosiding atas permohonan itu.

(5) Tertakluk pada subseksyen (6), mahkamah boleh, atas suatu permohonan yang dibuat oleh seorang pembuat tawaran yang tidak mendapat penerimaan setakat yang perlu untuk memberikan hak kepadanya untuk memberikan notis di bawah subseksyen 222(1), membuat suatu perintah memberikan kuasa kepada pembuat tawaran itu untuk memberikan notis di bawah subseksyen 222(1).

(6) Mahkamah hanya boleh memberikan perintah di bawah subseksyen (5) apabila berpuas hati bahawa—

- (a) kegagalan pembuat tawaran itu untuk mendapatkan penerimaan yang sedemikian adalah disebabkan ketidakupayaannya mengesan seorang atau lebih orang yang memegang syer yang dimaksudkan oleh tawaran pengambilalihan itu selepas membuat siasatan yang munasabah;
- (b) syer yang telah diperoleh atau dibuat kontrak untuk diperoleh oleh pembuat tawaran itu menurut penerimaan tawaran pengambilalihan itu, bersama dengan syer yang dipegang oleh orang yang disebut dalam perenggan (a), adalah tidak kurang daripada amaun minimum yang ditentukan dalam subseksyen 222(1); dan
- (c) balasan yang ditawarkan adalah patut dan munasabah:

Dengan syarat bahawa mahkamah tidak boleh membuat perintah sedemikian melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa adalah adil dan saksama untuk berbuat sedemikian dengan mengambil kira, khususnya, bilangan pemegang syer yang telah dikesan tetapi yang tidak menerima tawaran pengambilalihan itu.

Ketidakpakaian seksyen 180 *Akta Syarikat 1965

225. Peruntukan seksyen 180 *Akta Syarikat 1965 tidak terpakai berkenaan dengan tawaran pengambilalihan yang baginya subseksyen 222(1) terpakai.

Penggal 3

Prospektus

Tafsiran

226. Dalam Penggal ini, Penggal 4 dan 5, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“juruaudit syarikat diluluskan” ertinya seseorang yang diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen 8(2) *Akta Syarikat 1965 sebagai seorang juruaudit syarikat dan yang kelulusannya tidak dibatalkan;

“pelawaan terkecuali” atau “tawaran terkecuali” ertinya suatu pelawaan atau tawaran yang ditentukan dalam Jadual 6 atau yang ditetapkan oleh Menteri sebagai suatu pelawaan terkecuali atau tawaran terkecuali di bawah perenggan 229(1)(b);

“penganjur” ertinya—

- (a) berhubung dengan sesuatu prospektus yang diterbitkan oleh atau yang berkaitan dengan sesuatu perbadanan, penganjur perbadanan itu;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (b) berhubung dengan sesuatu prospektus berkenaan dengan sesuatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, penganjur skim itu; atau
- (c) berhubung dengan sesuatu prospektus dalam mana-mana hal lain, seorang,

yang merupakan suatu pihak dalam penyediaan prospektus itu atau mana-mana bahagiannya yang berkaitan, tetapi tidak termasuk mana-mana orang yang bertindak hanya atas sifat profesionalnya;

“prospektus” ertinya suatu notis, surat pekeliling, iklan atau dokumen yang mempelawa permohonan atau tawaran untuk melanggan atau membeli sekuriti, atau yang menawarkan apa-apa sekuriti bagi langganan atau pembelian dan, melainkan jika ditentukan dengan nyata, termasuklah suatu prospektus tambahan, prospektus gantian, prospektus simpanan, prospektus pendek, pernyataan profil, prospektus simpanan tambahan dan prospektus ringkas;

“prospektus permulaan” ertinya apa-apa dokumen yang bertujuan untuk membantu seseorang penerbit menetapkan harga berkenaan dengan suatu cadangan terbitan, suatu tawaran bagi langganan atau pembelian, atau suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti atau untuk menentukan kandungan muktamad sesuatu prospektus;

“prospektus simpanan” ertinya prospektus yang diterbitkan di bawah skim pendaftaran simpanan;

“prospektus simpanan tambahan” ertinya suatu dokumen yang memperuntukkan maklumat material yang perlu untuk pengemaskinian maklumat dalam prospektus simpanan berikutan pendaftaran prospektus simpanan itu;

“skim pendaftaran simpanan” ertinya suatu skim yang terpakai bagi maksud mana-mana terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti oleh seseorang penerbit berdasarkan kepada suatu prospektus simpanan dan suatu prospektus simpanan tambahan;

“terbitan terkecuali” ertinya suatu terbitan yang ditentukan dalam Jadual 7 atau yang ditetapkan oleh Menteri sebagai suatu terbitan terkecuali di bawah perenggan 230(1)(b).

Pelawaan

227. Dalam Bahagian ini, sebutan mengenai suatu pelawaan termasuklah sebutan mengenai suatu pelawaan untuk membuat tawaran atau permohonan.

Tawaran bagi langganan atau pembelian

228. Bagi maksud Penggal ini dan Penggal 5, ungkapan “tawaran bagi langganan atau pembelian” atau “membuat pelawaan untuk melanggan atau membeli”, berhubung dengan unit suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, termasuklah menjadikan tersedia unit itu.

Tawaran dan pelawaan terkecuali

229. (1) Sesuatu tawaran bagi langganan atau pembelian, atau sesuatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti ialah suatu tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali jika—

- (a) tawaran atau pelawaan itu dinyatakan dalam Jadual 6; atau
- (b) tawaran atau pelawaan itu dibuat kepada seseorang atau kelas orang, atau dibuat berkenaan dengan sekuriti atau kelas sekuriti, sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*,

sebagai suatu tawaran terkecuali atau suatu pelawaan terkecuali.

(2) Jadual 6 atau suatu penetapan yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) boleh menentukan peruntukan Akta ini yang tidak terpakai bagi suatu tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali.

(3) Suatu memorandum maklumat yang diterbitkan oleh seseorang atau ejennya yang berupa sebagai memperihalkan urusan dan hal ehwal orang itu berkenaan dengan—

- (a) mana-mana tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali yang dinyatakan dalam Jadual 6; atau
- (b) mana-mana tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada seseorang atau kelas orang atau mana-mana tawaran atau pelawaan berhubung dengan sekuriti atau kelas sekuriti yang ditetapkan di bawah perenggan (1)(b),

hendaklah disifatkan sebagai suatu prospektus setakat yang memorandum itu berhubung dengan tanggungan orang itu atau ejennya bagi apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat peninggalan yang material.

(4) Seseorang yang menerbitkan memorandum maklumat yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah mendepositkan suatu salinan memorandum maklumat itu dengan Suruhanjaya dalam masa tujuh hari selepas memorandum maklumat itu mula-mula diterbitkan.

(5) Perenggan 17 Jadual 6 tidak terpakai bagi mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti mana-mana syarikat persendirian atau kelas syarikat persendirian sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Terbitan terkecuali

230. (1) Sesuatu terbitan sekuriti ialah suatu terbitan terkecuali jika—

- (a) terbitan itu dinyatakan sedemikian dalam Jadual 7; atau

(b) terbitan itu dibuat kepada seseorang atau golongan orang, atau dibuat berkenaan dengan sekuriti atau kelas sekuriti, yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Jadual 7 atau suatu penetapan yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) boleh menentukan peruntukan Akta ini yang tidak terpakai bagi sesuatu terbitan terkecuali.

(3) Suatu memorandum maklumat yang diterbitkan oleh seseorang atau ejennya yang berupa sebagai memperihalkan urusan dan hal ehwal orang itu berkenaan dengan—

(a) mana-mana terbitan terkecuali yang dinyatakan dalam Jadual 7; atau

(b) mana-mana terbitan sekuriti yang dibuat kepada seseorang atau berhubung dengan sekuriti atau kelas sekuriti yang ditetapkan di bawah perenggan (1)(b),

hendaklah disifatkan sebagai suatu prospektus setakat yang memorandum itu berhubung dengan tanggungan orang itu atau ejennya bagi apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat peninggalan yang material.

(4) Seseorang yang menerbitkan memorandum maklumat yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah mendepositkan suatu salinan memorandum maklumat itu dengan Suruhanjaya dalam tempoh tujuh hari selepas memorandum maklumat itu mula-mula diterbitkan.

(5) Perenggan 17 Jadual 7 tidak terpakai bagi mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti mana-mana syarikat persendirian atau kelas syarikat persendirian sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Pengecualian

231. Peruntukan Penggal ini sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual 6 atau 7 atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri menurut perenggan 229(1)(b) atau 230(1)(b) tidak terpakai bagi—

- (a) suatu tawaran terkecuali;
- (b) suatu pelawaan terkecuali; atau
- (c) suatu terbitan terkecuali.

(2) Peruntukan Bahagian ini tidak terpakai bagi menjadikan tersedia, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer atau debentur mana-mana kelab rekreasi tidak tersenarai.

Kehendak mendaftarkan prospektus berhubung dengan sekuriti

232. (1) Seseorang tidak boleh menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, membuat suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti atau dalam hal suatu penyenaian permulaan sekuriti, membuat permohonan untuk sebut harga sekuriti itu di pasaran saham suatu bursa saham melainkan jika—

- (a) suatu prospektus berhubung dengan sekuriti itu telah didaftarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 233; dan
- (b) prospektus itu mematuhi kehendak atau peruntukan Akta ini.

(2) Melainkan jika diberi kuasa secara bertulis oleh Suruhanjaya, seseorang itu tidak boleh mengeluarkan, mengedarkan atau mengagihkan apa-apa borang permohonan bagi sekuriti melainkan jika borang itu disertakan dengan suatu salinan prospektus yang telah didaftarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 233.

(3) Seseorang tidak boleh mengeluarkan, mengedarkan atau mengagihkan apa-apa borang permohonan bagi sekuriti sesuatu perbadanan yang belum ditubuhkan atau sesuatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang belum ditubuhkan.

(4) Suruhanjaya boleh untuk maklumat awam menerbitkan prospektus boleh daftar yang telah dikemukakan kepada Suruhanjaya sebelum pendaftaran prospektus itu di bawah seksyen 233.

(5) Penerbitan di bawah subseksyen (4) tidak menandakan Suruhanjaya mengesyorkan sekuriti itu atau mengambil tanggungjawab bagi ketepatan apa-apa pernyataan yang dibuat atau pendapat atau laporan yang dinyatakan dalam prospektus boleh daftar itu.

(6) Bagi maksud seksyen ini, suatu “prospektus boleh daftar” merujuk kepada prospektus yang telah dikemukakan di bawah seksyen 233 dan yang masih belum didaftarkan oleh Suruhanjaya.

(7) Seseorang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pendaftaran prospektus

233. (1) Suruhanjaya hendaklah enggan mendaftarkan suatu prospektus jika—

- (a) Suruhanjaya berpendapat bahawa prospektus itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;
- (b) terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti yang berhubung dengan prospektus itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan lain Akta ini;

- (c) Suruhanjaya berpendapat bahawa prospektus itu mengandungi apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan atau bahawa prospektus itu mengandungi apa-apa pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat peninggalan yang material;
 - (d) terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti yang dimaksudkan oleh prospektus itu—
 - (i) menghendaki kelulusan Suruhanjaya di bawah seksyen 214 dan kelulusan berkenaan belum diberikan; atau
 - (ii) tidak mematuhi mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah seksyen 214;
 - (e) berhubung dengan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, terdapat kegagalan untuk mematuhi mana-mana terma atau syarat yang berhubung dengan kelulusan suatu syarikat pengurusan atau pemegang amanah; atau
 - (f) Suruhanjaya berpendapat bahawa penerbit telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti atau *Akta Syarikat 1965 dan bahawa pelanggaran itu akan menimbulkan keraguan tentang sama ada penerbit itu seorang yang layak dan sesuai untuk menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, apa-apa sekuriti.
- (2) Tiada prospektus boleh didaftarkan melainkan jika prospektus itu dikemukakan kepada Suruhanjaya bersama-sama dengan—
- (a) suatu permohonan bertulis bagi pendaftarannya;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (b) salinan semua persetujuan yang dikehendaki di bawah subseksyen 244(1) daripada mana-mana orang yang dinamakan dalam prospektus itu sebagai yang membuat pernyataan yang dimasukkan ke dalam prospektus itu atau yang padanya suatu pernyataan yang dibuat dalam prospektus itu diasaskan;
 - (c) salinan semua kontrak yang material yang disebut dalam prospektus itu atau, dalam hal suatu kontrak yang tidak diubah ke dalam bentuk bertulis, suatu memorandum yang memberikan butir-butir penuh mengenainya, yang ditentukan mengikut apa-apa kehendak yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan
 - (d) semua maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.
- (3) Seseorang penerbit hendaklah menyebabkan suatu salinan—
- (a) apa-apa persetujuan yang dikehendaki di bawah subseksyen 244(1) berhubung dengan pengeluaran prospektus itu; dan
 - (b) tiap-tiap kontrak atau dokumen yang material yang disebut dalam prospektus itu,

supaya didepositkan—

- (A) di pejabat berdaftar penerbit itu di Malaysia, dan sekiranya penerbit itu tidak mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia, di alamat yang dinyatakan dalam prospektus bagi maksud itu; dan
- (B) dalam hal suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, di pejabat berdaftar penerbit dan pemegang amanah itu di Malaysia, di alamat yang dinyatakan dalam prospektus bagi maksud itu,

dalam masa tiga hari selepas pendaftaran prospektus itu dan hendaklah menyimpan setiap salinan itu, bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang

ditentukan oleh Suruhanjaya, bagi pemeriksaan oleh mana-mana orang tanpa bayaran.

Kehendak menyerah simpan prospektus dengan Pendaftar

234. Seseorang penerbit hendaklah menyebabkan suatu salinan prospektus yang didaftarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini dan suatu salinan borang permohonan yang disertakan dengan prospektus itu—

- (a) berhubung dengan sekuriti selain skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, diserahkan simpan dengan Pendaftar;
- (b) berhubung dengan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, diserahkan simpan dengan Suruhanjaya,

sebelum tarikh penerbitan prospektus itu.

Kandungan prospektus

235. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 236, suatu prospektus—

- (a) hendaklah ditarik dan tarikh itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dikira sebagai tarikh penerbitan prospektus itu;
- (b) hendaklah menyatakan bahawa—
 - (i) prospektus itu telah didaftarkan oleh Suruhanjaya;
 - (ii) berkenaan dengan sekuriti selain skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, suatu salinan prospektus itu telah diserahkan simpan dengan Pendaftar dan berkenaan dengan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan,

suatu salinan prospektus itu telah diserahkan simpan dengan Suruhanjaya; dan

- (iii) pendaftaran prospektus itu tidak boleh dikira sebagai menandakan bahawa Suruhanjaya mengesyorkan sekuriti itu atau menerima tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana pernyataan yang dibuat atau pendapat atau laporan yang dinyatakan dalam prospektus itu;
 - (c) hendaklah mengandungi suatu pernyataan bahawa tiada sekuriti diuntukkan atau diterbitkan berdasarkan kepada prospektus itu selepas tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari tarikh penerbitan prospektus itu;
 - (d) hendaklah, sekiranya prospektus itu mengandungi apa-apa pernyataan yang dibuat oleh seorang pakar atau mengandungi apa yang berupa sebagai suatu salinan atau cabutan daripada suatu laporan, memorandum atau penilaian seorang pakar, menyatakan tarikh yang pernyataan, laporan, memorandum atau penilaian itu dibuat dan sama ada atau tidak pernyataan, laporan, memorandum atau penilaian itu disediakan oleh pakar itu untuk dimasukkan ke dalam prospektus itu;
 - (e) tidak boleh mengandungi nama mana-mana orang yang dinamakan dalam prospektus itu sebagai membuat suatu pernyataan—
 - (i) yang dimasukkan ke dalam prospektus itu; atau
 - (ii) yang suatu pernyataan dibuat dalam prospektus itu diasaskan,
- melainkan jika kehendak seksyen 244(1) dipenuhi; dan
- (f) hendaklah menyatakan apa-apa maklumat, perkara atau laporan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suatu syarat yang menghendaki atau mengikat seseorang pemohon sekuriti supaya mengetepikan pematuhan mana-mana kehendak seksyen ini atau seksyen 236, atau yang berupa sebagai memberikannya notis tentang apa-apa kontrak, dokumen atau perkara yang tidak disebut secara khusus dalam prospektus itu, hendaklah terbatal.

(3) Walau apa pun peruntukan Penggal ini, Suruhanjaya boleh, sama ada atas permohonan bertulis mana-mana orang yang disebut dalam seksyen 232 atau atas kehendaknya sendiri, membuat suatu perintah yang melepaskan orang itu daripada atau meluluskan apa-apa perubahan kepada kehendak Akta ini yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan suatu prospektus.

(4) Dalam membuat suatu perintah di bawah subseksyen (3), Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(5) Suruhanjaya tidak boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (3) melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) pematuhan kehendak Akta ini adalah tidak perlu bagi melindungi orang yang lazimnya dijangkakan berniaga dalam sekuriti itu, yang merupakan orang yang semunasabahnya dijangkakan memahami risiko yang terlibat; atau
- (b) pematuhan kehendak Akta ini akan mengenakan beban yang tidak munasabah ke atas penerbit.

(6) Sesuatu prospektus hendaklah disifatkan sebagai mematuhi semua kehendak Akta ini yang berhubungan dengan bentuk dan kandungan suatu prospektus jika prospektus itu diterbitkan dengan mematuhi suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (3).

(7) Jika sesuatu prospektus yang berhubungan dengan mana-mana sekuriti diterbitkan dan prospektus itu tidak mematuhi kehendak seksyen ini, penerbit dan setiap pengarah seorang penerbit pada masa penerbitan prospektus itu melakukan suatu kesalahan dan boleh,

apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau keduanya.

(8) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan.

Tanggungjawab am tentang penzahiran dalam prospektus

236. (1) Bagi maksud menentukan sama ada suatu prospektus mengandungi apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat suatu ketinggalan yang material di bawah subseksyen 246(1) atau 248(1), hendaklah diambil kira sama ada prospektus itu mengandungi semua maklumat yang semunasabahnya dikehendaki, dan semunasabahnya dijangkakan terdapat dalam prospektus itu, oleh pelabur dan penasihat profesional mereka, bagi maksud membuat suatu penilaian berdasarkan maklumat tentang—

- (a) aset dan tanggungan, kedudukan kewangan, untung dan rugi dan prospek penerbit itu dan, dalam hal skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, skim itu;
- (b) hak yang diberikan oleh sekuriti itu; dan
- (c) merit untuk melabur dalam sekuriti itu dan takat risiko yang terlibat dalam berbuat demikian.

(2) Maklumat yang semunasabahnya diperlukan dan semunasabahnya dijangkakan terdapat dalam prospektus itu oleh pelabur dan penasihat profesional mereka di bawah subseksyen (1) ialah maklumat—

- (a) yang diketahui oleh semua atau mana-mana orang yang berikut:

- (i) seseorang yang merupakan pengarah seorang penerbit itu pada masa prospektus itu diterbitkan;
- (ii) seseorang yang bersetuju atau yang menyebabkan dirinya dinamakan dan dinamakan dalam prospektus itu sebagai seorang pengarah atau sebagai seorang yang bersetuju untuk menjadi pengarah, sama ada dengan serta-merta atau selepas suatu lat masa;
- (iii) seseorang penganjur;
- (iv) penasihat utama berhubung dengan suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti;
- (v) seseorang yang dinamakan dalam prospektus itu, dengan persetujuannya sebagai telah membuat suatu pernyataan yang dimasukkan dalam prospektus itu atau yang padanya suatu pernyataan yang dibuat dalam prospektus itu diasaskan;
- (vi) seseorang yang dinamakan dalam prospektus itu, dengan persetujuannya sebagai seorang broker saham, broker syer atau penaja jamin, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhubung dengan suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti;
- (vii) seseorang yang dinamakan dalam prospektus itu, dengan persetujuannya sebagai seorang juruaudit, jurubank atau peguam bela berhubung dengan suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti;
- (viii) seseorang yang dinamakan dalam prospektus itu, dengan persetujuannya sebagai telah melaksanakan atau sedang melaksanakan apa-apa fungsi seorang profesional, penasihat atau atas sifat lain yang tidak disebut dalam perenggan (iv), (v), (vi) atau (vii) yang

berhubung dengan suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti; atau

(b) yang boleh didapati oleh mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (2)(a) dengan membuat apa-apa pertanyaan yang munasabah dalam hal keadaan itu.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) atau (2), dalam menentukan maklumat yang dikehendaki dimasukkan ke dalam suatu prospektus di bawah seksyen ini, hendaklah diambil kira—

(a) jenis—

(i) sekuriti itu;

(ii) urusan penerbit sekuriti itu; dan

(iii) skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu;

(b) orang yang mungkin menimbangkan untuk memperoleh sekuriti itu;

(c) hakikat bahawa perkara tertentu semunasabahnya dijangkakan diketahui oleh mana-mana penasihat profesional yang semunasabahnya dijangkakan akan dirundingi oleh pelabur yang disebut dalam subseksyen 236(1); dan

(d) sama ada orang yang kepadanya suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti akan dibuat ialah pemegang sekuriti dalam perbadanan, atau pemegang unit dalam skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, dan jika mereka ialah pemegang itu, setakat mana (jika ada) maklumat yang berkaitan telah diberikan terdahulu kepada mereka oleh penerbit di bawah mana-mana undang-undang atau mana-mana kehendak kaedah-kaedah sesuatu bursa saham, jika berkenaan, atau selainnya.

Prospektus ringkas bagi terbitan hak yang boleh dilepaskan

237. (1) Sesuatu perbadanan atau skim unit amanah tidak boleh menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti secara terbitan hak yang boleh dilepaskan yang memihak kepada orang selain anggota atau pemegang debentur sedia ada perbadanan itu atau pemegang unit skim unit amanah itu dan yang berkenaan dengannya suatu permohonan telah dibuat atau akan dibuat untuk mendapatkan kebenaran untuk berniaga atau menyebut harga sekuriti itu di pasaran saham suatu bursa saham melainkan jika suatu prospektus ringkas didaftarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Mana-mana prospektus ringkas yang didaftarkan menurut subseksyen (1) hendaklah mengandungi apa-apa butir atau maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang suatu prospektus penuh daripada didaftarkan yang mengandungi butir-butir yang ditentukan oleh Suruhanjaya berkenaan dengan prospektus penuh berkenaan dengan sesuatu terbitan, tawaran atau pelawaan yang disebut dalam subseksyen (1).

Prospektus tambahan atau gantian

238. (1) Seksyen ini terpakai—

- (a) dalam hal suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, jika suatu prospektus telah didaftarkan; atau
- (b) dalam apa-apa hal lain, jika suatu prospektus telah didaftarkan tetapi sebelum sekuriti diterbitkan,

dan jika penerbit menyedari bahawa—

- (A) suatu perkara telah timbul dan maklumat berkenaan dengan perkara itu akan dikehendaki oleh—

- (i) seksyen 235 atau 236;
- (ii) mana-mana kehendak di bawah Akta ini;
- (iii) mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; atau
- (iv) mana-mana kehendak penyenaian sesuatu bursa saham,

untuk dizahirkan dalam prospektus sekiranya perkara itu timbul pada masa prospektus itu disediakan;

- (B) terdapat suatu perubahan yang signifikan yang menyentuh suatu perkara yang dizahirkan dalam prospektus itu;
- (C) prospektus itu mengandungi suatu pernyataan atau maklumat yang material yang palsu atau mengelirukan; atau
- (D) prospektus itu mengandungi suatu pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat peninggalan yang material.

(2) Secepat yang dapat dilaksanakan selepas menyedari tentang perkara yang disebut dalam subseksyen (1), penerbit hendaklah mengemukakan suatu prospektus tambahan atau prospektus gantian, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Suruhanjaya untuk pendaftaran.

(3) Penerbit hendaklah menyerahkan simpan prospektus tambahan atau prospektus gantian, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) berhubung dengan sekuriti selain suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, dengan Pendaftar sebaik sahaja didaftarkan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) berhubung dengan suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, dengan Suruhanjaya sebaik sahaja didaftarkan oleh Suruhanjaya.

(4) Subseksyen (1) hendaklah terpakai berkenaan dengan perkara yang terkandung dalam suatu prospektus tambahan atau prospektus gantian, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang didaftarkan terdahulu di bawah seksyen ini berkenaan dengan sekuriti yang berkenaan.

(5) Pada setiap muka surat suatu prospektus tambahan, hendaklah terdapat suatu pernyataan yang jelas dalam taipan tebal yang menyatakan bahawa dokumen itu ialah suatu prospektus tambahan yang hendaklah dibaca bersama dengan prospektus asal dan sekiranya prospektus tambahan lain telah diterbitkan berhubung dengan prospektus asal, kedua-dua prospektus asal dan prospektus tambahan itu.

(6) Pada permulaan suatu prospektus gantian, hendaklah terdapat suatu pernyataan yang jelas dalam taipan tebal yang menyatakan bahawa dokumen itu ialah suatu prospektus gantian, dan mengenal pasti prospektus yang digantikannya.

(7) Suatu prospektus tambahan hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada prospektus yang dimaksudkan olehnya dan peruntukan Akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang berhubung dengan tanggungan berkenaan dengan pernyataan dan peninggalan dalam prospektus atau selainnya berhubung dengan prospektus hendaklah terpakai bagi prospektus tambahan itu dan hendaklah mempunyai kesan sewajarnya.

(8) Suatu prospektus gantian hendaklah dianggap sebagai menggantikan prospektus terdahulu yang didaftarkan di bawah seksyen 233.

(9) Jika suatu prospektus tambahan telah didaftarkan oleh Suruhanjaya, tiap-tiap salinan prospektus asal yang dikeluarkan selepas pendaftaran prospektus tambahan itu hendaklah disertakan dengan suatu salinan prospektus tambahan itu.

(10) Walau apa pun peruntukan seksyen ini, Suruhanjaya boleh, atas permohonan bertulis mana-mana penerbit atau atas kehendaknya sendiri, membuat suatu perintah yang melepaskan mana-mana orang

daripada, atau meluluskan apa-apa perubahan kepada kehendak seksyen ini.

(11) Dalam membuat suatu perintah di bawah seksyen ini, Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut olehnya.

(12) Suruhanjaya tidak boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (10) melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) pematuhan kehendak Akta ini tidak perlu bagi melindungi orang yang lazimnya dijangkakan berniaga dalam sekuriti itu, iaitu seseorang yang semunasabahnya dijangkakan memahami risiko yang terlibat; atau
- (b) pematuhan kehendak Akta ini akan mengenakan beban yang tidak munasabah ke atas penerbit.

(13) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2), (3), (5), (6) atau (9) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(14) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana terma atau syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (11) melakukan suatu kesalahan.

Kesan pendaftaran prospektus tambahan atau gantian

239. (1) Seksyen ini terpakai—

- (a) jika seseorang (“pemohon”) memohon bagi penerbitan, langganan atau pembelian, mana-mana sekuriti menurut suatu prospektus dan—
 - (i) dalam hal suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, sebelum terbitan unit atau pemindahan unit

daripada syarikat pengurusan atau pemegang amanah kepada pemohon itu; atau

(ii) dalam apa-apa hal lain, sebelum sekuriti itu diterbitkan; dan

(b) penerbit menghantar serah kepada Suruhanjaya untuk pendaftaran suatu prospektus tambahan atau gantian, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berhubung dengan prospektus itu.

(2) Secepat yang dapat dilaksanakan selepas pendaftaran prospektus tambahan atau gantian, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh Suruhanjaya, penerbit hendaklah—

(a) memberikan kepada pemohon suatu notis bertulis atau apa-apa notis lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya—

(i) menasihati pemohon bahawa suatu prospektus tambahan atau gantian telah didaftarkan oleh Suruhanjaya;

(ii) memberikan suatu peluang kepada pemohon untuk menarik balik permohonannya tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh penerimaan notis itu; dan

(b) memastikan bahawa notis bertulis yang disebut dalam perenggan (2)(a) disertakan dengan suatu salinan prospektus tambahan atau gantian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika pemohon menarik balik permohonannya menurut subperenggan (2)(a)(ii), penerbit hendaklah membayar dengan serta-merta kepada pemohon apa-apa wang yang dibayar oleh pemohon kepada penerbit untuk permohonan itu.

(4) Walau apa pun peruntukan seksyen ini, Suruhanjaya boleh, atas permohonan bertulis mana-mana penerbit atau atas kehendaknya

sendiri, membuat suatu perintah yang melepaskan mana-mana orang daripada, atau meluluskan apa-apa perubahan, kepada kehendak seksyen ini.

(5) Dalam membuat suatu perintah di bawah seksyen ini, Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(6) Suruhanjaya tidak boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (4) melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) pematuhan kehendak Akta ini tidak perlu bagi melindungi orang yang lazimnya dijangkakan berniaga dalam sekuriti itu, iaitu seseorang yang semunasabahnya dijangkakan memahami risiko yang terlibat; atau
- (b) pematuhan kehendak Akta ini akan mengenakan beban yang tidak munasabah ke atas penerbit.

(7) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(8) Seseorang yang melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan.

Peraturan-peraturan bagi prospektus simpanan, prospektus simpanan tambahan, prospektus pendek, pernyataan profil, dsb.

240. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 235 dan 236, seseorang boleh menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti jika pada masa terbitan, tawaran atau pelawaan itu sedang berkuat kuasa—

- (a) suatu prospektus simpanan yang dikemaskinikan oleh suatu prospektus simpanan tambahan;

- (b) suatu prospektus pendek; atau
- (c) suatu pernyataan profil,

yang berhubungan dengan semua perkara yang diperuntukkan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini berkenaan dengan suatu prospektus simpanan, prospektus simpanan tambahan, prospektus pendek atau pernyataan profil, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Peraturan-peraturan yang disebut di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan bagi, tetapi tidak terhad kepada, perkara yang berikut:

- (a) suatu prospektus simpanan, termasuk prospektus simpanan tambahan;
- (b) suatu prospektus pendek;
- (c) suatu pernyataan profil;
- (d) tempoh yang dalamnya seseorang dibenarkan untuk menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti berasaskan kepada suatu prospektus simpanan, yang dikemaskinikan oleh suatu prospektus simpanan tambahan, prospektus pendek atau pernyataan profil, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (e) bentuk dan kandungan suatu prospektus yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c);
- (f) orang atau golongan orang yang baginya mana-mana prospektus yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c) terpakai; atau
- (g) sekuriti atau kelas sekuriti yang baginya mana-mana prospektus yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c) terpakai.

(3) Jika Suruhanjaya membuat peraturan-peraturan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan suatu prospektus simpanan, prospektus simpanan tambahan, prospektus pendek atau pernyataan profil, peruntukan Akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan tanggungan berkenaan dengan pernyataan atau peninggalan dalam prospektus atau selainnya yang berhubungan dengan prospektus hendaklah terpakai bagi prospektus simpanan, prospektus simpanan tambahan, prospektus pendek atau pernyataan profil itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah mempunyai kesan dengan sewajarnya.

Sekatan pengiklanan

241. (1) Seseorang tidak boleh menyiarkan suatu notis yang—

- (a) menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti; atau
- (b) menyebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mengenai—
 - (i) suatu prospektus berkenaan dengan sekuriti sesuatu perbadanan;
 - (ii) dalam hal suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, suatu prospektus berkenaan dengan mana-mana unit daripada skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (iii) suatu terbitan, cadangan terbitan, tawaran, cadangan tawaran, pelawaan atau cadangan pelawaan berkenaan dengan sekuriti; atau
 - (iv) suatu notis lain yang merujuk kepada suatu prospektus berhubung dengan suatu terbitan, cadangan terbitan,

tawaran, cadangan tawaran, pelawaan atau cadangan pelawaan berkenaan dengan sekuriti.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi apa-apa notis yang disebut dalamnya yang dikeluarkan berhubung dengan sekuriti sesuatu perbadanan yang belum ditubuhkan atau sesuatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang belum ditubuhkan.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

- (a) mana-mana notis yang disebut dalam subseksyen (4) atau (5);
- (b) mana-mana prospektus permulaan yang disebut dalam subseksyen (6);
- (c) mana-mana laporan yang disebut dalam subseksyen (7);
- (d) apa-apa notis atau laporan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; atau
- (e) mana-mana penerbitan sesuatu prospektus boleh daftar yang disebut dalam seksyen 232.

(4) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi notis yang dikeluarkan atau disiarkan sebelum pendaftaran suatu prospektus—

- (a) dengan persetujuan Suruhanjaya dan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan olehnya; dan
- (b) yang tidak mengandungi apa-apa maklumat atau perkara selain yang berikut:
 - (i) nama penerbit sekuriti itu;
 - (ii) dalam hal suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, nama skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu, dan nama pemegang amanah dan syarikat pengurusan berhubung dengan skim unit

amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (iii) suatu pernyataan yang ringkas dan padat tentang sifat umum urusan atau pengusahaan utama atau cadangan urusan atau pengusahaan utama penerbit itu;
- (iv) nama, alamat dan, jika berkenaan, pekerjaan pengarah atau pengarah yang dicadangkan;
- (v) nama dan alamat pembroker saham, pembroker syer, penaja jamin dan penasihat utama berhubung dengan cadangan terbitan itu, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti;
- (vi) dalam hal debentur, nama dan alamat pemegang amanah bagi pemegang debentur;
- (vii) suatu perihalan ringkas tentang status penyenaian perbadanan, skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan di mana-mana bursa saham atau bursa lain yang seumpamanya di luar Malaysia, atau suatu pernyataan yang bermaksud untuk memohon kebenaran untuk menyenaraikan perbadanan, skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan di mana-mana bursa saham atau bursa lain yang seumpamanya di luar Malaysia tetapi tiada jaminan telah diberikan bahawa perbadanan, skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, akan disenaraikan;
- (viii) hakikat bahawa suatu prospektus sedang disediakan dan bahawa suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti adalah dicadangkan, bersama dengan suatu petunjuk ringkas tentang sifat dan bilangan sekuriti dan jangkaan masa bagi penerbitan prospektus itu;

- (ix) dalam hal suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, suatu perihalannya yang daripadanya unit itu boleh didapati untuk dibeli atau dilanggan; dan
- (x) apa-apa maklumat atau perkara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya secara bertulis.

(5) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi suatu notis yang dikeluarkan atau disiarkan selepas pendaftaran suatu prospektus yang—

- (a) menyatakan bahawa suatu prospektus berhubung dengan mana-mana sekuriti telah didaftarkan;
- (b) menentukan tarikh prospektus itu;
- (c) menentukan di mana suatu salinan prospektus itu boleh didapati;
- (d) menyatakan bahawa apa-apa terbitan sekuriti yang dimaksudkan oleh prospektus itu hanya akan dibuat apabila diterima borang permohonan yang disebut dalam dan yang disertakan bersama suatu salinan prospektus itu; dan
- (e) menyatakan apa-apa maklumat atau perkara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya secara bertulis.

(6) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi suatu prospektus permulaan jika kehendak yang berikut dipenuhi:

- (a) suatu salinan prospektus permulaan itu dihantar serah kepada Suruhanjaya sebelum pengeluarannya;
- (b) prospektus permulaan itu dikeluarkan kepada mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (1), (3), (4), (5), (6), (7), (8), (9), (10), (11), (12), (13), (22), (23), (24), (25), (26) atau (27) Jadual 6 atau kepada mana-mana orang atau kelas atau golongan orang atau berkenaan dengan mana-mana

sekuriti atau kelas atau kategori sekuriti yang dibenarkan oleh Suruhanjaya secara bertulis;

- (c) prospektus permulaan itu mengandungi pada muka hadapannya suatu notis yang mudah dilihat bahawa—
 - (i) ia bukan suatu prospektus;
 - (ii) tiada terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti yang dimaksudkan oleh prospektus permulaan itu akan dibuat; dan
 - (iii) tiada perjanjian untuk melanggan sekuriti yang dimaksudkan oleh prospektus permulaan itu akan dibuat antara penerbit dengan penerima prospektus permulaan itu;
- (d) prospektus permulaan itu hendaklah tidak mengandungi, dikaitkan dengan atau disertakan dengan apa-apa bentuk permohonan yang boleh memudahkan penerbitan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau pembuatan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti yang dimaksudkan oleh prospektus permulaan itu atau penerimaan terbitan, tawaran atau pelawaan sedemikian;
- (e) seseorang yang kepadanya suatu salinan prospektus permulaan dikeluarkan tidak boleh mengedarkan salinan itu kepada mana-mana orang lain;
- (f) sekuriti hanya boleh diterbitkan berasaskan kepada suatu prospektus yang didaftarkan sewajarnya oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini; dan
- (g) jika suatu prospektus yang didaftarkan berhubung dengan sekuriti yang dimaksudkan oleh prospektus permulaan berbeza daripada prospektus permulaan itu secara material, notis tentang perbezaan itu hendaklah diberikan kepada

penerima prospektus permulaan itu dan suatu salinan notis itu hendaklah dihantarserahkan kepada Suruhanjaya:

Dengan syarat bahawa Suruhanjaya boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan bertulis oleh seseorang penerbit, membuat suatu perintah yang meluluskan apa-apa perubahan kepada kehendak subseksyen ini.

(7) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi pengeluaran atau penyiaran semua atau mana-mana laporan yang berikut:

- (a) suatu laporan berhubung dengan hal ehwal sesuatu perbadanan, skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, yang disenaraikan di suatu bursa saham yang atau telah disiarkan hanya kepada bursa saham itu oleh atau bagi pihak perbadanan, skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) suatu laporan tentang keseluruhan atau sebahagian daripada prosiding suatu mesyuarat agung sesuatu pertubuhan perbadanan atau suatu mesyuarat pemegang unit skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan jika pertubuhan perbadanan, skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu termasuk dalam senarai rasmi suatu bursa saham dan laporan itu tidak mengandungi apa-apa perkara selain perkara yang dibentangkan di hadapan mesyuarat itu;
- (c) suatu laporan yang merupakan laporan berita atau ulasan sebenar, yang disiarkan oleh seseorang dalam akhbar atau terbitan berkala atau melalui penyiaran atau siaran televisyen, yang berhubung dengan—
 - (i) suatu prospektus yang telah didaftarkan atau maklumat yang terkandung dalam prospektus itu; atau
 - (ii) suatu laporan yang disebut dalam perenggan (a) atau (b),

sekiranya tiada seorang jua pun daripada orang yang berikut menerima atau berhak menerima apa-apa balasan atau faedah lain daripada seseorang yang mempunyai kepentingan dalam kejayaan terbitan sekuriti yang dimaksudkan oleh laporan atau ulasan itu sebagai dorongan untuk menyiarkan, atau akibat daripada penyiaran laporan atau ulasan itu:

- (A) orang yang membuat laporan atau ulasan itu;
- (B) seseorang ejen atau pekerja orang yang membuat laporan atau ulasan itu;
- (C) jika laporan atau ulasan itu disiarkan dalam akhbar atau terbitan berkala, penerbit akhbar atau terbitan berkala itu; atau
- (D) jika laporan atau ulasan itu disiarkan melalui penyiaran atau siaran televisyen, pemegang lesen stesen penyiaran atau televisyen yang melaluinya laporan atau ulasan itu disiarkan.

(8) Suatu notis yang dikeluarkan atau disiarkan di bawah subseksyen (4) atau (5), suatu prospektus permulaan yang diterbitkan di bawah subseksyen (6) atau suatu laporan yang dikeluarkan atau disiarkan di bawah subseksyen (7) bukan merupakan suatu prospektus.

(9) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini yang boleh mengehadkan atau mengurangkan tanggungan yang ditanggung oleh seseorang di bawah mana-mana undang-undang lain.

(10) Jika Suruhanjaya mendapati bahawa suatu notis, prospektus permulaan atau laporan yang disebut dalam seksyen ini—

- (a) melanggar subseksyen (1);
- (b) mengandungi suatu pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan;

- (c) mengandungi suatu pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat suatu peninggalan yang material; atau
- (d) mengandungi suatu salah nyata yang material,

Suruhanjaya boleh melalui perintah secara bertulis yang disampaikan kepada orang yang menyiarkan atau mengeluarkan notis, prospektus permulaan atau laporan itu—

- (A) mengarahkan orang itu supaya berhenti daripada mengeluarkan atau menyiarkan notis, prospektus permulaan atau laporan itu; atau
- (B) mengarahkan orang itu supaya mengambil apa-apa tindakan lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(11) Dalam seksyen ini, “notis” termasuklah apa-apa notis yang disiarkan dalam suatu dokumen, akhbar atau terbitan berkala atau melalui apa-apa perantaraan atau dengan apa-apa cara yang berupaya mencadangkan perkataan dan idea.

(12) Seseorang yang—

- (a) mengeluarkan atau menyiarkan suatu notis yang melanggar subseksyen (1), (4) atau (5);
- (b) mengeluarkan suatu prospektus permulaan yang melanggar subseksyen (6); atau
- (c) mengeluarkan atau menyiarkan suatu laporan yang melanggar subseksyen (7),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Dokumen yang mengandungi tawaran sekuriti untuk pembelian disifatkan sebagai prospektus

242. (1) Tertakluk pada subseksyen (3), jika seseorang penerbit menguntukkan atau menerbitkan atau bersetuju untuk menguntukkan atau menerbitkan kepada mana-mana orang apa-apa sekuriti dengan tujuan supaya kesemua atau mana-mana daripadanya ditawarkan bagi pembelian—

- (a) apa-apa dokumen yang tawaran bagi pembelian itu dibuat hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai suatu prospektus yang dikeluarkan oleh penerbit; dan
- (b) semua undang-undang yang mengawal selia kandungan prospektus dan yang memperuntukkan tanggungan berkenaan dengan pernyataan dan peninggalan dalam prospektus, atau selainnya yang berhubungan dengan prospektus, hendaklah terpakai dan mempunyai kesan yang sewajarnya seolah-olah orang yang menerima tawaran berkenaan dengan mana-mana sekuriti ialah pelanggan sekuriti itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menjejaskan tanggungan orang yang tawaran bagi pembelian itu dibuat berkenaan dengan pernyataan dalam, atau peninggalan dalam, dokumen yang tawaran bagi pembelian itu dibuat atau selainnya.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai berhubung dengan suatu tawaran bagi pembelian atau pelawaan untuk membeli sekuriti jika tawaran atau pelawaan itu dibuat dalam perjalanan urusan biasa perdagangan di pasaran saham sesuatu bursa saham.

(4) Bagi maksud Akta ini, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, hendaklah menjadi keterangan bahawa suatu penguntukan atau penerbitan, atau suatu perjanjian untuk menguntukkan atau menerbitkan, mana-mana sekuriti dibuat dengan tujuan supaya sekuriti itu ditawarkan bagi pembelian jika ditunjukkan bahawa—

- (a) suatu tawaran sekuriti bagi pembelian dibuat dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah perenggan 235(1)(c) selepas pengumuman atau penerbitan atau perjanjian untuk mengemukakan atau menerbitkan itu; atau
- (b) pada tarikh tawaran itu dibuat, keseluruhan balasan yang sepatutnya diterima oleh penerbit itu berkenaan dengan sekuriti itu tidak diterima sedemikian.

(5) Kehendak Penggal ini tentang prospektus hendaklah mempunyai kesan seolah-olah orang yang membuat tawaran yang dimaksudkan oleh seksyen ini merupakan orang yang dinamakan dalam suatu prospektus sebagai pengarah seseorang penerbit.

(6) Sebagai tambahan kepada pematuhan kehendak lain Penggal ini, dokumen yang melaluinya tawaran bagi pembelian dibuat hendaklah menyatakan—

- (a) amaun bersih balasan yang diterima atau yang akan diterima oleh penerbit berkenaan dengan sekuriti yang dimaksudkan oleh tawaran itu; dan
- (b) tempat dan masa suatu salinan kontrak yang sekuriti telah atau akan diumumkan atau diterbitkan boleh diperiksa.

(7) Jika suatu tawaran yang dimaksudkan oleh seksyen ini dibuat oleh suatu perbadanan atau firma, dokumen yang tawaran bagi pembelian itu dibuat hendaklah—

- (a) dalam hal suatu perbadanan, ditandatangani bagi pihak perbadanan itu oleh dua orang pengarah perbadanan; dan
- (b) dalam hal suatu firma, ditandatangani oleh tidak kurang daripada separuh anggota firma itu,

dan mana-mana pengarah atau anggota itu boleh memberi kuasa kepada ejennya secara bertulis untuk menandatangani bagi pihaknya.

(8) Bagi maksud seksyen ini, suatu pelawaan untuk membuat suatu tawaran untuk membeli sekuriti hendaklah disifatkan menjadi suatu tawaran bagi pembelian sekuriti itu, dan seseorang yang membuat suatu tawaran menurut pelawaan itu hendaklah disifatkan sebagai seorang yang menerima tawaran bagi pembelian sekuriti itu.

(9) Peruntukan seksyen ini tidak terpakai bagi suatu tawaran bagi pembelian yang merupakan suatu tawaran terkecuali, pelawaan terkecuali atau terbitan terkecuali.

Penguntukan sekuriti jika prospektus menandakan bahawa permohonan bagi kebenaran untuk disenaraikan di bursa saham telah dibuat

243. (1) Jika suatu prospektus menyatakan atau menandakan bahawa suatu permohonan telah atau akan dibuat bagi mendapatkan kebenaran bagi sekuriti yang ditawarkan untuk disenaraikan bagi disebut harga dalam senarai rasmi suatu bursa saham atau bursa lain seumpamanya di luar Malaysia, apa-apa penguntukan yang dibuat atas suatu permohonan untuk melanggan sekuriti menurut prospektus itu hendaklah, tertakluk pada subseksyen (3), bilamana dibuat, terbatal sekiranya—

- (a) kebenaran itu tidak dipohon mengikut bentuk yang dikehendaki oleh bursa saham itu pada masa itu sebelum hari ketiga bursa itu dibuka selepas tarikh terbitan prospektus itu; atau
- (b) kebenaran itu tidak diberikan sebelum habis tempoh enam minggu dari tarikh pengeluaran prospektus atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan syarat bahawa pemohon itu diberitahu oleh atau bagi pihak bursa itu dalam masa enam minggu itu atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Jika kebenaran belum dipohon, atau belum diberikan oleh bursa yang disebut dalam subseksyen (1), penerbit hendaklah,

tertakluk pada subseksyen (3), dengan segera membayar balik tanpa bunga segala wang yang diterima daripada pemohon menurut prospektus itu, dan jika mana-mana wang itu tidak dibayar balik dalam tempoh empat belas hari selepas penerbit itu menjadi bertanggung untuk membayarnya balik, maka, sebagai tambahan kepada tanggungan penerbit itu, pegawai penerbit itu hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan untuk membayar balik wang itu dengan bunga pada kadar sepuluh peratus setahun atau pada apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dari habisnya tempoh tersebut.

- (3) Jika berhubung dengan mana-mana sekuriti—
- (a) kebenaran tidak dipohon sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a); atau
 - (b) kebenaran tidak diberikan sebagaimana yang ditentukan dalam perenggan (1)(b),

Suruhanjaya boleh, atas permohonan penerbit, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, sebelum sekuriti itu berupa sebagai diuntukkan, mengecualikan penguntukan sekuriti itu daripada kuat kuasa subseksyen (1) atau (2).

(4) Seseorang pegawai penerbit tidak bertanggung sedemikian di bawah subseksyen (2) jika dia membuktikan bahawa keingkaran dalam pembayaran balik wang itu tidak disebabkan oleh apa-apa salah laku atau kecuaiian pada pihaknya.

(5) Apa-apa syarat yang menghendaki atau mengikat seseorang pemohon bagi apa-apa sekuriti untuk mengetepikan pematuhan seksyen ini atau yang berupa sebagai berbuat sedemikian adalah terbatal.

(6) Tanpa menghadkan pemakaian mana-mana peruntukannya, seksyen ini hendaklah mempunyai kesan—

- (a) berhubung dengan mana-mana sekuriti yang dipersetujui untuk diambil oleh seseorang yang menaja jamin suatu

terbitan, tawaran atau pelawaan yang disebut dalam suatu prospektus, seolah-olah dia telah memohon sekuriti berhubung dengan terbitan, tawaran atau pelawaan yang disebut dalam prospektus itu; dan

- (b) berhubung dengan suatu prospektus yang menawarkan sekuriti bagi pembelian, seolah-olah—
 - (i) sebutan mengenai pembelian digantikan dengan sebutan mengenai penguntungan;
 - (ii) orang yang membuat tawaran itu, dan bukan penerbit, adalah bertanggung di bawah subseksyen (2) untuk membayar balik wang yang diterima daripada pemohon, dan sebutan mengenai tanggungan penerbit di bawah subseksyen itu ditafsirkan dengan sewajarnya; dan
 - (iii) sebutan dalam subseksyen (7) mengenai penerbit dan tiap-tiap pegawai penerbit itu yang ingkar di bawah subseksyen (2) digantikan dengan sebutan mengenai mana-mana orang yang membuat atau yang melaluinya terbitan, tawaran atau pelawaan itu dibuat dan yang dengan sengaja membenarkan atau bersetuju keingkaran itu.

(7) Segala wang yang diterima daripada pemohon hendaklah disimpan sebagai amanah dalam akaun bank yang berasingan selagi penerbit boleh menjadi bertanggung untuk membayar balik wang itu di bawah subseksyen (2), dan jika berlaku keingkaran dalam mematuhi subseksyen ini, penerbit dan tiap-tiap pegawai penerbit yang ingkar itu melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(8) Jika bursa yang disebut dalam subseksyen (1) telah dalam masa yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b) memberikan kebenaran, tertakluk pada pematuhan apa-apa kehendak yang ditentukan oleh bursa itu, kebenaran hendaklah disifatkan telah diberikan oleh bursa itu jika pengarah seorang penerbit telah memberikan bursa itu suatu aku janji bertulis untuk mematuhi kehendak bursa itu, tetapi jika mana-

mana aku janji itu tidak dipatuhi, setiap pengarah seorang penerbit atau syarikat pengurusan yang ingkar itu melakukan suatu kesalahan.

(9) Seseorang tidak boleh mengeluarkan suatu prospektus berhubung dengan mana-mana sekuriti sekiranya prospektus itu termasuk—

- (a) apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan bahawa kebenaran telah diberikan bagi sekuriti itu yang hendak diniagakan atau disenaraikan di suatu bursa yang disebut dalam subseksyen (1); atau
- (b) apa-apa pernyataan yang dalam apa-apa cara menyebut mengenai apa-apa kebenaran atau mengenai apa-apa permohonan atau cadangan permohonan bagi apa-apa kebenaran, atau mengenai perniagaan atau sebut harga atau penyenaian sekuriti itu di mana-mana bursa yang disebut dalam subseksyen (1), atau mengenai apa-apa kehendak bursa itu melainkan jika pernyataan itu adalah atau kesannya adalah bahawa kebenaran telah diberikan atau permohonan telah atau akan dibuat kepada bursa itu dalam masa tiga hari dari pengeluaran prospektus itu atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya atau pernyataan itu telah diluluskan oleh Suruhanjaya untuk dimasukkan dalam prospektus.

(10) Jika suatu prospektus mengandungi suatu pernyataan yang memberi kesan bahawa dokumen konstituen penerbit atau surat ikatan yang ditakrifkan di bawah seksyen 287 mematuhi, atau telah dibuat supaya mematuhi, kehendak mana-mana bursa yang disebut dalam subseksyen (1), prospektus itu hendaklah, melainkan jika ternyata niat sebaliknya daripada prospektus itu, disifatkan bagi maksud seksyen itu sebagai menandakan bahawa permohonan telah dibuat, atau akan dibuat, bagi mendapatkan kebenaran bagi sekuriti yang ditawarkan oleh prospektus itu disenaraikan untuk disebut harga di bursa saham itu.

(11) Dalam seksyen ini, “pegawai”, berhubung dengan seseorang penerbit ertinya seorang pengarah, setiausaha atau pegawai eksekutif penerbit itu.

(12) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Persetujuan daripada seseorang untuk mengeluarkan prospektus yang mengandungi pernyataannya

244. (1) Suatu prospektus yang termasuklah suatu pernyataan, selain pernyataan yang merupakan suatu cabutan daripada suatu pernyataan rasmi atau mana-mana pernyataan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, yang berupa sebagai dibuat oleh mana-mana orang atau berasaskan kepada suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu tidak boleh dikeluarkan melainkan jika—

- (a) orang itu telah memberikan persetujuan bertulisnya bagi pengeluaran prospektus dengan pernyataan itu yang dibuat dalam bentuk dan konteks yang pernyataan itu dimasukkan dan tidak, sebelum tarikh pengeluaran prospektus itu, menarik balik persetujuan itu; dan
- (b) terdapat dalam prospektus itu suatu pernyataan bahawa orang itu telah memberikan dan telah tidak menarik balik persetujuannya.

(2) Tiap-tiap orang yang dengan pengetahuannya menjadi suatu pihak kepada pengeluaran mana-mana prospektus yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Perintah pemberhentian

245. (1) Jika pada pendapat Suruhanjaya—

- (a) suatu prospektus tidak mematuhi atau tidak disediakan mengikut apa-apa peruntukan Akta ini;
- (b) suatu prospektus mengandungi suatu pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan;
- (c) suatu prospektus mengandungi suatu pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat peninggalan yang material; atau
- (d) seseorang penerbit telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti atau * Akta Syarikat 1965,

Suruhanjaya boleh, melalui perintah secara bertulis yang disampaikan kepada penerbit atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, mengarahkan penerbit atau mana-mana orang lain itu supaya tidak menguntukkan, menerbitkan, menawarkan, membuat pelawaan untuk melanggan atau membeli atau menjual, sekuriti selanjutnya yang dimaksudkan oleh prospektus itu, mengikut kehendak keadaan.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3) dan (4), Suruhanjaya tidak boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) melainkan jika Suruhanjaya telah memberi peluang yang munasabah kepada mana-mana orang yang tersentuh untuk didengar tentang sama ada perintah itu patut dibuat.

(3) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa apa-apa kelewatan dalam membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) dengan memberi suatu peluang untuk didengar akan memudaratkan kepentingan awam, Suruhanjaya boleh membuat suatu perintah interim tanpa memberi peluang untuk didengar.

(4) Suatu perintah interim di bawah subseksyen (3) hendaklah, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu, mempunyai kesan sehingga berakhir dua puluh satu hari selepas hari perintah itu dibuat atau

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

penyelesaian pendengaran dalam subseksyen (2), mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian.

(5) Semasa suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau suatu perintah interim yang dibuat di bawah subseksyen (3) sedang berkuat kuasa, Penggal ini hendaklah terpakai seolah-olah prospektus itu belum didaftarkan.

(6) Suatu perintah interim yang dibuat di bawah subseksyen (3) boleh, dengan suatu perintah secara bertulis selanjutnya yang dibuat oleh Suruhanjaya, dibatalkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa hal keadaan yang menyebabkan perintah itu dibuat tidak lagi wujud.

(7) Tanpa menjejaskan peruntukan seksyen 215A, jika permohonan untuk melanggan atau membeli sekuriti yang dimaksudkan oleh prospektus itu telah dibuat sebelum suatu perintah di bawah subseksyen (1) dibuat—

- (a) jika sekuriti belum diterbitkan kepada pemohon, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan dibatalkan dan penerbit atau mana-mana orang lain yang menerima wang, hendaklah, dengan segera membayar balik tanpa bunga semua wang yang diterima daripada pemohon itu dan jika mana-mana wang itu tidak dibayar balik dalam masa empat belas hari dari perintah pemberhentian, penerbit adalah bertanggungjawab untuk membayar balik wang itu dengan bunga pada kadar sepuluh peratus setahun atau pada apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari habis tempoh itu; atau
- (b) jika sekuriti telah diterbitkan kepada pemohon, terbitan sekuriti itu hendaklah disifatkan sebagai batal dan penerbit atau mana-mana orang lain itu hendaklah—
 - (i) dengan segera membayar balik tanpa bunga semua wang yang diterima daripada pemohon itu dan jika wang itu tidak dibayar balik dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian perintah pemberhentian, penerbit hendaklah bertanggungjawab untuk membayar

balik wang itu dengan bunga pada kadar sepuluh peratus setahun atau pada apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari habis tempoh itu; dan

- (ii) mengambil langkah yang perlu untuk memberi kesan kepada perintah itu.

(8) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), Suruhanjaya tidak boleh menyampaikan suatu perintah pemberhentian jika mana-mana saham atau debentur atau unit syer atau debentur yang dimaksudkan oleh prospektus itu telah disenaraikan di pasaran saham suatu bursa saham dan perdagangan untuknya telah bermula.

(9) Seseorang yang melanggar suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau suatu perintah interim yang dibuat di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan.

Tanggungjawab jenayah bagi pernyataan palsu, dsb., dalam prospektus

246. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan penerbitan prospektus yang mengandungi—

- (a) apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan; atau
- (b) apa-apa pernyataan atau maklumat yang dalamnya terdapat suatu peninggalan yang material.

(2) Bagi maksud Penggal ini, suatu pernyataan hendaklah disifatkan sebagai terdapat dalam sesuatu prospektus jika pernyataan itu—

- (a) terkandung dalam suatu laporan atau memorandum yang terdapat pada muka depan prospektus itu; atau
- (b) terkandung dalam suatu laporan atau memorandum yang diterbitkan bersama dengan prospektus itu dengan persetujuan

atau pengetahuan seseorang yang membenarkan atau menyebabkan penerbitan prospektus itu.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Orang yang tidak boleh dianggap telah membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus

247. (1) Bagi maksud Penggal ini, Suruhanjaya atau Pendaftar tidak boleh dianggap sebagai telah membenarkan atau menyebabkan pengeluaran, atau terlibat dalam penyediaan, sesuatu prospektus bagi apa-apa sebab termasuk jika terdapat pelaksanaan atau apa yang berupa sebagai pelaksanaan apa-apa fungsi, atau perjalanan atau yang berupa sebagai perjalanan apa-apa kuasa, masing-masing oleh Suruhanjaya di bawah undang-undang sekuriti atau Pendaftar di bawah *Akta Syarikat 1965.

(2) Bagi maksud seksyen 246, seseorang tidak boleh disifatkan sebagai telah membenarkan atau menyebabkan penerbitan sesuatu prospektus hanya oleh sebab dia telah memberikan persetujuan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 244(1).

Hak untuk mendapatkan kehilangan atau kerugian akibat daripada pernyataan palsu atau mengelirukan dalam dokumen penzahiran atau prospektus, dsb.

248. (1) Seseorang yang memperoleh, melanggan atau membeli sekuriti dan mengalami kehilangan atau kerugian akibat daripada apa-apa pernyataan atau maklumat yang terkandung dalam mana-mana dokumen penzahiran atau prospektus yang palsu atau mengelirukan, atau yang dalamnya terdapat peninggalan yang material, boleh

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

mendapatkan amaun kehilangan atau kerugian daripada semua atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam perenggan yang berikut:

- (a) penerbit dan setiap pengarah seorang penerbit itu pada masa pengeluaran dokumen penzahiran atau prospektus itu;
- (b) seseorang yang bersetuju atau menyebabkan dirinya dinamakan dan telah dinamakan dalam apa-apa dokumen penzahiran atau prospektus itu diberikan kepada seorang pelabur sebagai seorang pengarah atau sebagai bersetuju menjadi seorang pengarah, sama ada dengan serta-merta atau selepas suatu lat masa;
- (c) seseorang penganjur, bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang berbangkit daripada dokumen penzahiran atau prospektus atau mana-mana bahagian yang berkaitan dokumen penzahiran atau prospektus itu yang dia merupakan suatu pihak dalam penyediaannya;
- (d) seseorang selain penerbit, yang bertanggungjawab bagi menyediakan dokumen penzahiran atau prospektus itu, atau bertanggungjawab untuk menjalankan usaha yang wajar bagi maklumat atau pernyataan yang terkandung dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu, dengan apa jua nama dipanggil dan termasuklah penasihat utama atau pengatur utama;
- (e) seseorang yang dinamakan dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu dengan persetujuannya, sebagai yang membuat pernyataan, yang telah dimasukkan dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu atau yang padanya suatu pernyataan dibuat dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu diasaskan, bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh kemasukan pernyataan itu ke dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu;
- (f) seseorang yang dinamakan dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu dengan persetujuannya sebagai pembroker stok, pembroker syer, penaja jamin, juruaudit,

jurubank atau peguam bela bagi penerbit itu berhubungan dengan terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti dan yang telah membuat suatu pernyataan yang dimasukkan dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu atau yang padanya suatu pernyataan yang dibuat dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu diasaskan, bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh kemasukan pernyataan itu ke dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu; atau

- (g) seseorang yang membenarkan atau menyebabkan penerbitan apa-apa dokumen penzahiran atau prospektus yang melanggar seksyen 246, bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh pelanggaran itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(a) dan (b), seseorang pengarah yang disebut dalam perenggan itu hendaklah termasuk mana-mana orang yang membuat suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(f), seseorang penaja jamin tidak termasuk seorang penaja jamin kecil.

(4) Bagi maksud perenggan (1)(d), jika seseorang yang bertanggungjawab bagi menyediakan dokumen penzahiran atau prospektus itu, atau bagi menjalankan usaha yang wajar bagi maklumat atau pernyataan yang terkandung dalam dokumen penzahiran atau prospektus itu adalah seorang individu yang bertindak bagi pihak prinsipalnya, kehilangan atau kerugian itu hanya boleh didapatkan daripada prinsipal itu.

Tanggungan sivil bagi tindakan yang mengelirukan atau memperdayakan

249. (1) Seseorang tidak boleh bertindak dengan cara yang mengelirukan atau memperdayakan atau yang berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan berkaitan dengan—

- (a) apa-apa prospektus yang dikeluarkan;
- (b) penguntukan, penerbitan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti;
- (c) apa-apa notis yang disebut dalam subseksyen 241(4) atau (5) atau suatu prospektus permulaan yang disebut dalam subseksyen 241(6), atau apa-apa laporan yang disebut dalam subseksyen 241(7) atau apa-apa notis atau laporan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah perenggan 241(3)(d); atau
- (d) perjalanan perundingan, pembuatan apa-apa perkiraan atau perlakuan apa-apa tindakan lain sebagai persediaan bagi atau dengan apa-apa cara lain berhubung dengan apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c).

(2) Seseorang yang melanggar seksyen ini tidak melakukan suatu kesalahan tetapi seseorang yang memperoleh, melanggan atau membeli sekuriti dan mengalami kehilangan atau kerugian akibat daripada apa-apa tindakan yang disebut dalam perenggan (1)(a), (b), (c) atau (d) boleh mendapatkan amaun kehilangan atau kerugian itu di bawah seksyen 357.

Ketekunan wajar sebagai pembelaan

250. Seseorang tidak melakukan kesalahan di bawah seksyen 246 dan tidak bertanggung di bawah seksyen 248 jika dia membuktikan bahawa—

- (a) dia telah membuat semua siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu; dan
- (b) selepas membuat siasatan itu, dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai sehingga masa membuat pernyataan atau memberikan maklumat itu bahawa—

- (i) pernyataan atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan; atau
- (ii) tidak terdapat peninggalan yang material.

Pergantungan kepada pernyataan dan maklumat berkenaan dengan pernyataan palsu atau mengelirukan

251. Seseorang tidak melakukan kesalahan di bawah seksyen 246 dan tidak bertanggung di bawah seksyen 248 sekiranya orang itu (selepas ini disebut sebagai “orang yang pertama disebut”) membuktikan bahawa pernyataan palsu atau mengelirukan atau peninggalan yang material dalam suatu pernyataan dalam suatu prospektus—

- (a) adalah atau berasaskan kepada suatu pernyataan yang dibuat oleh orang yang disebut dalam subseksyen 244(1) (selepas ini disebut sebagai “orang yang kedua disebut”); atau
- (b) terkandung dalam suatu salinan atau yang berupa sebagai suatu salinan, atau cabutan daripada, suatu laporan atau penilaian orang yang kedua disebut,

dan dibuktikan oleh orang yang pertama disebut bahawa—

- (A) pernyataan itu menggambarkan dengan tepat pernyataan yang dibuat oleh orang yang kedua disebut, atau salinan atau yang berupa sebagai salinan atau cabutan itu merupakan salinan yang betul, atau cabutan daripada, laporan atau penilaian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (B) selepas membuat apa-apa siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu, orang yang pertama disebut mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan telah mempercayai sehingga masa pengumuman, penerbitan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti itu, bahawa orang

yang kedua disebut, dalam membuat pernyataan, laporan atau penilaian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (i) berwibawa untuk membuatnya;
- (ii) telah memberikan persetujuan yang dikehendaki oleh subseksyen 244(1); dan
- (iii) telah tidak menarik balik persetujuan tersebut.

Pergantungan kepada pernyataan dan maklumat berkenaan dengan tindakan yang mengelirukan atau memperdayakan

252. Seseorang tidak bertanggung di bawah seksyen 249 berkenaan dengan suatu perbuatan yang mengelirukan atau memperdayakan atau yang berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan jika orang itu (selepas ini disebut sebagai “orang yang pertama disebut”) membuktikan bahawa perbuatan itu terdiri daripada suatu representasi yang dibuat atas pergantungan pada—

- (a) suatu pernyataan yang dibuat oleh orang yang disebut dalam subseksyen 244(1) (selepas ini disebut sebagai “orang yang kedua disebut”); atau
- (b) suatu laporan atau penilaian orang yang kedua disebut,

dan dibuktikan oleh orang yang pertama disebut itu bahawa—

- (A) representasi itu menggambarkan dengan tepat pernyataan yang dibuat oleh orang yang kedua disebut atau terkandung dalam laporan atau penilaian orang yang kedua disebut, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (B) selepas membuat apa-apa siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu, orang yang pertama disebut mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan telah mempercayai sehingga masa pengumuman, penerbitan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan

untuk melanggan atau membeli, sekuriti itu, bahawa orang yang kedua disebut dalam membuat pernyataan, laporan atau penilaian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (i) berwibawa untuk membuatnya;
- (ii) telah memberikan persetujuan yang dikehendaki oleh subseksyen 244(1); dan
- (iii) telah tidak menarik balik persetujuan itu.

Pergantungan kepada pernyataan rasmi awam berkenaan dengan pernyataan palsu dan mengelirukan

253. (1) Seseorang tidak melakukan kesalahan di bawah seksyen 246 dan tidak bertanggung di bawah seksyen 248 jika orang itu membuktikan bahawa pernyataan yang palsu atau mengelirukan itu atau peninggalan yang material dalam suatu pernyataan dalam sesuatu prospektus (selepas ini disebut sebagai “pernyataan cacat”) adalah atau berasaskan kepada suatu pernyataan yang dibuat oleh seorang pegawai awam dalam menjalankan tugasnya atau yang terkandung dalam suatu salinan atau yang berupa suatu salinan, atau cabutan daripada, suatu dokumen rasmi awam, dan dibuktikan oleh orang itu bahawa—

- (a) pernyataan cacat itu menggambarkan dengan tepat pernyataan yang dibuat oleh pegawai awam itu termasuk konteks dan bentuk yang pernyataan itu asalnya dibuat; atau
- (b) pernyataan cacat itu terkandung dalam salinan atau berupa sebagai suatu salinan, atau cabutan daripada, suatu dokumen rasmi awam,

dan orang itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan telah mempercayai sehingga masa pengumuman, penerbitan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti, bahawa pernyataan cacat itu adalah benar dan tidak mengelirukan dan bahawa tidak terdapat ketinggalan

yang material dalam pernyataan cacat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seseorang tidak bertanggung di bawah seksyen 249 berkenaan dengan perbuatan yang mengelirukan atau memperdayakan atau yang berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan jika orang itu membuktikan bahawa perbuatan itu terdiri daripada suatu representasi yang dibuat dengan pergantungan pada suatu dokumen rasmi awam atau pernyataan yang dibuat oleh seorang pegawai awam dalam menjalankan tugasnya dan dibuktikan bahawa—

- (a) representasi itu menggambarkan dengan tepat pernyataan yang dibuat oleh pegawai awam itu termasuk konteks dan bentuk yang pernyataan itu asalnya dibuat; atau
- (b) representasi itu terkandung dalam suatu salinan, atau cabutan daripada, suatu dokumen rasmi awam,

dan orang itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan telah mempercayai sehingga masa pengumuman, penerbitan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti itu, bahawa representasi itu tidak mengelirukan atau memperdayakan atau berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan.

Pembelaan penarikan balik persetujuan

254. (1) Seseorang yang dinamakan dalam suatu prospektus sebagai—

- (a) seorang pengarah yang dicadangkan atau pengarah seseorang penerbit atau seorang penasihat utama berhubung dengan suatu penerbitan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti;
- (b) yang membuat suatu pernyataan yang dimasukkan ke dalam prospektus itu; atau

- (c) yang membuat suatu pernyataan yang berasaskannya suatu pernyataan dimasukkan ke dalam prospektus itu,

tidak melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 246 dan tidak bertanggung di bawah seksyen 248 jika—

- (A) dalam hal seorang pengarah yang dicadangkan atau pengarah, setelah bersetuju untuk menjadi seorang pengarah yang dicadangkan atau pengarah penerbit itu, dia menarik balik persetujuannya sebelum pengeluaran prospektus itu, dan prospektus itu dikeluarkan walaupun dengan penarikan balik itu; atau
- (B) dalam apa-apa hal lain, jika prospektus dikeluarkan tanpa pengetahuan atau persetujuannya, dia memberikan notis awam yang munasabah mengenainya dengan segera selepas dia menyedari tentang pengeluaran itu.

(2) Seseorang yang dinamakan dalam suatu prospektus sebagai—

- (a) seseorang pengarah yang dicadangkan atau pengarah seseorang penerbit, atau seorang penasihat utama berhubung dengan suatu penerbitan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti;
- (b) yang membuat suatu pernyataan yang dimasukkan ke dalam prospektus itu; atau
- (c) yang membuat suatu pernyataan yang berasaskannya suatu pernyataan dimasukkan ke dalam prospektus itu,

tidak melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 246 dan tidak bertanggung di bawah seksyen 248 jika dibuktikan bahawa pernyataan itu tidak dimasukkan dalam, atau tidak dimasukkan secara substansial dalam, bentuk dan konteks yang telah dipersetujui oleh orang itu.

Sekatan ke atas penawaran sekuriti bagi langganan atau pembelian

255. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dengan nyata dalam Akta ini, seseorang tidak boleh membuat—

- (a) suatu pelawaan yang tidak disolisit untuk melanggan atau membeli apa-apa sekuriti;
 - (b) suatu tawaran yang tidak disolisit bagi langganan atau pembelian apa-apa sekuriti; atau
 - (c) suatu syor yang tidak disolisit mengenai apa-apa sekuriti.
- (2) Subseksyen (1) tidak boleh—
- (a) melarang seseorang orang berlesen atau mana-mana orang lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Suruhanjaya daripada membuat pelawaan atau tawaran atau syor—
 - (i) berhubung dengan mana-mana sekuriti yang disenaraikan di pasaran saham suatu bursa saham di dalam Malaysia atau di pasaran saham suatu bursa sekuriti di luar Malaysia yang diluluskan oleh Suruhanjaya; dan
 - (ii) kepada orang yang kepadanya, atau kepada sebilangan orang berhubung dengan setiap seorang daripada mereka, sekurang-kurangnya satu daripada syarat yang berikut dipenuhi:
 - (A) orang itu telah memperoleh atau menjual sekuriti itu melalui orang berlesen itu atau mana-mana orang lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Suruhanjaya, dalam masa dua belas bulan sebelum pelawaan atau tawaran atau syor itu dibuat; atau
 - (B) apabila pelawaan atau tawaran atau syor itu dibuat, suatu perjanjian bertulis sedang berkuat kuasa

yang orang berlesen itu atau mana-mana orang lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Suruhanjaya hendaklah, atau boleh, sama ada tertakluk pada syarat atau selainnya, bertindak bagi pihak orang itu berkaitan pemerolehan atau penjualan mana-mana sekuriti oleh orang itu, atau menasihati orang itu tentang pemerolehan atau penjualan mana-mana sekuriti oleh orang itu;

- (b) melarang suatu syarikat pengurusan daripada memberikan maklumat, notis atau syor lanjut kepada pemegang unit yang sedia ada berhubung dengan pelaburan pemegang unit itu;
- (c) melarang seseorang yang dibenarkan secara bertulis oleh Suruhanjaya daripada mengeluarkan apa-apa notis atau syor yang berhubung dengan unit dalam suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya;
- (d) melarang suatu pelawaan, tawaran atau syor yang dibuat dalam, atau disertai dengan, suatu prospektus yang mematuhi Akta ini;
- (e) melarang suatu pelawaan, tawaran atau syor yang dibuat berhubung dengan suatu pelawaan terkecuali atau tawaran terkecuali;
- (f) terpakai bagi suatu pelawaan atau tawaran yang baginya peruntukan * Akta Syarikat 1965 terpakai; atau
- (g) terpakai bagi suatu pelawaan, tawaran atau syor yang ditetapkan oleh Suruhanjaya melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

(3) Suruhanjaya boleh menggunakan budi bicaranya di bawah subseksyen (2) untuk mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(4) Seseorang yang dibenarkan secara bertulis oleh Suruhanjaya di bawah perenggan (2)(a) atau (c) hendaklah mematuhi apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya.

(5) Peruntukan subseksyen (1) terpakai bagi suatu pelawaan, tawaran atau syor berhubung dengan mana-mana sekuriti sesuatu perbadanan atau unit sesuatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang dicadangkan untuk ditubuhkan.

(6) Jika pembuatan mana-mana pelawaan, tawaran atau syor adalah tertakluk pada subseksyen (1) atau adalah berkenaan dengan apa-apa pengecualian di bawah subseksyen (2), peruntukan seksyen 363 *Akta Syarikat 1965 tidak terpakai.

(7) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Perjanjian, dokumen dan prospektus untuk mengecualikan atau mengehadkan tanggungan terbatal

256. Apa-apa peruntukan, fasal atau terma yang terkandung dalam mana-mana perjanjian, kontrak, dokumen atau prospektus yang diberikan atau disediakan kepada seseorang pelabur berhubung dengan atau berkenaan dengan—

- (a) suatu kawasan bagi langganan atau pembelian sekuriti;
 - (b) suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti;
atau
-

(c) menyediakan sekuriti,

yang berupa sebagai mengecualikan atau mengehendkan tanggungan seseorang bagi pelanggaran seksyen 92A, 246, 248 atau 249 atau bagi kehilangan atau kerugian di bawah seksyen 357 adalah terbatal.

Penggal 3A

Permohonan untuk kebenaran atau pengiktirafan

Tafsiran

256A. Bagi tujuan Penggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki yang lain—

“produk tidak tersenarai” bermaksud produk pasaran modal yang tidak tersenarai termasuk sekuriti Islam yang tidak tersenarai tetapi tidak termasuk unit dalam suatu skim unit amanah.

Permohonan bagi kebenaran atau pengiktirafan

256B. (1) Seseorang pemohon yang membuat permohonan untuk kebenaran atau pengiktirafan di bawah subseksyen 212(5) hendaklah mengemukakan dokumen dan maklumat kepada Suruhanjaya dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang pemohon untuk memberikan kepadanya maklumat atau dokumen tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya berhubung dengan permohonan itu.

(3) Permohonan itu hendaklah dikemukakan bersama dengan fi permohonan yang ditetapkan.

Pemberian kebenaran atau pengiktirafan

256c. (1) Suruhanjaya boleh, berhubung dengan permohonan untuk kebenaran atau pengiktirafan yang dibuat di bawah subseksyen 256B(1), memberi—

- (a) kebenaran atau pengiktirafan; atau
- (b) kebenaran atau pengiktirafan—
 - (i) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat;
 - (ii) dengan apa-apa perubahan; atau
 - (iii) dengan apa-apa perubahan dan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat,

sebagaimana yang difikirkan patut atau perlu oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh mengubah, menambah atau menggugurkan apa-apa terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(3) Seseorang yang melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Penolakan kebenaran atau pengiktirafan

256d. Suruhanjaya boleh menolak untuk memberikan kebenaran atau pengiktirafan di bawah seksyen 256c sekiranya—

- (a) permohonan itu tidak dibuat mengikut Penggal ini;
- (b) pemohon telah gagal untuk mematuhi apa-apa kehendak Akta ini atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;

- (c) mana-mana maklumat atau dokumen yang diberikan kepada Suruhanjaya berkenaan dengan permohonan itu adalah palsu atau mengelirukan atau yang dalamnya terdapat peninggalan yang material;
- (d) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kebenaran atau pengiktirafan itu akan memudaratkan kepentingan pelabur; atau
- (e) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kebenaran atau pengiktirafan itu adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

Penarikan balik kebenaran atau pengiktirafan

256E. (1) Suruhanjaya boleh menarik balik kebenaran atau pengiktirafan yang telah diberikan di bawah seksyen 256c sekiranya Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) pemohon atau mana-mana pegawainya telah gagal untuk mematuhi atau melanggar—
 - (i) apa-apa terma atau syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya;
 - (ii) apa-apa garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; atau
 - (iii) apa-apa kehendak di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan kepada Suruhanjaya di bawah Penggal ini adalah palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat peninggalan yang material; atau
- (c) ia adalah untuk kepentingan pelabur atau kepentingan awam untuk menarik balik kebenaran atau pengiktirafan yang diberikan di bawah seksyen 256c.

(2) Suruhanjaya boleh, atas permintaan secara bertulis oleh pemohon kepada Suruhanjaya, menarik balik kebenaran atau pengiktirafan yang diberikan di bawah seksyen 256c.

(3) Jika suatu permintaan secara bertulis dibuat kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya boleh enggan untuk menarik balik kebenaran atau pengiktirafan yang telah diberikan di bawah seksyen 256c, jika Suruhanjaya berpendapat bahawa—

- (a) demi kepentingan pelabur atau kepentingan awam, apa-apa perkara berkenaan dengan produk tak tersenarai itu sepatutnya disiasat sebelum kebenaran atau pengiktirafan ditarik balik di bawah subseksyen (2); atau
- (b) penarikan balik kebenaran atau pengiktirafan itu tidak sejajar dengan kepentingan pelabur atau kepentingan awam.

(4) Suruhanjaya hendaklah memberi orang itu suatu peluang untuk didengar sebelum apa-apa keputusan dibuat di bawah subseksyen (1).

Kesan penarikan balik

256F. Apa-apa penarikan balik yang dikeluarkan di bawah seksyen 256E tidak boleh beroperasi untuk—

- (a) mengelakkan atau memberi kesan terhadap mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan produk tak tersenarai yang dimasuki sebelum penarikan balik kebenaran atau pengiktirafan itu; atau
- (b) memberi kesan terhadap apa-apa hak, obligasi atau tanggungan yang berbangkit di bawah perjanjian, transaksi atau perkiraan yang disebut dalam perenggan (a).

Kuasa untuk mengeluarkan arahan, dsb.

256G. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 125, 354, 355 dan 356, jika Suruhanjaya—

- (a) menggunakan kuasanya untuk menarik balik suatu kebenaran atau pengiktirafan di bawah Penggal ini;
- (b) menyedari bahawa suatu kenyataan atau maklumat yang diberi atau dikemukakan kepadanya di bawah Penggal ini adalah palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat peninggalan yang material; atau
- (c) berpuas hati bahawa kepentingan pelabur atau kepentingan awam dalam keadaan bahaya atau mungkin dalam keadaan bahaya,

Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan bertulis kepada orang yang telah dipertanggungjawabkan suatu obligasi untuk mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan di bawah Penggal ini atau peraturan atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, untuk mengambil tindakan sebagaimana yang ditentukan dalam arahan untuk—

- (A) mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan—
 - (i) apa-apa kehendak atau peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti;
 - (ii) apa-apa garis panduan atau notis bertulis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; atau
 - (iii) apa-apa terma, syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah atau menurut Akta ini; atau
- (B) mengambil langkah untuk meremеди kemungkiran yang berkenaan dengannya Suruhanjaya melaksanakan kuasanya untuk menarik balik kebenaran atau pengiktirafan

di bawah perenggan 256E(1)(a) atau mengurangkan kesan kemungkinan itu.

(2) Mana-mana orang yang disebut di bawah Penggal ini hendaklah memberi bantuan kepada Suruhanjaya, atau kepada orang yang bertindak sebagai wakil atau dengan kuasa Suruhanjaya, termasuklah pemberian penyata dan penyediaan maklumat yang berhubung dengan operasinya atau apa-apa maklumat lain yang diperlukan oleh Suruhanjaya atau orang yang bertindak sebagai wakil atau dengan kuasa Suruhanjaya, bagi pentadbiran undang-undang sekuriti yang sewajarnya.

(3) Seseorang yang gagal untuk mematuhi mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau gagal untuk menyediakan bantuan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Penggal 3B

Amanah Perniagaan

Tafsiran dan pemakaian

256H. (1) Seksyen 122 dan 123 hendaklah tidak terpakai kepada amanah perniagaan.

(2) Bagi maksud Penggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pengarah” termasuklah seseorang yang merupakan ketua pegawai eksekutif;

“pengurus pemegang amanah” ertinya seseorang yang—

- (a) memegang harta atau aset sebagai amanah bagi pemegang unit amanah perniagaan itu; dan
- (b) menguruskan dan mengendalikan harta atau aset itu;

“surat ikatan” ertinya mana-mana surat ikatan yang mewujudkan suatu amanah perniagaan dan memperuntukkan tadbir urus bagi hal ehwalnya dan perjalanan urusannya dan termasuklah mana-mana instrumen yang meminda atau menyentuh surat ikatan itu.

Permohonan bagi pendaftaran atau pengiktirafan

256i. (1) Suatu permohonan bagi pendaftaran amanah perniagaan hanya boleh dibuat oleh seorang pengurus pemegang amanah dan dalam kes permohonan untuk pengiktirafan suatu amanah perniagaan, oleh mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suatu permohonan untuk pendaftaran atau pengiktirafan suatu amanah perniagaan hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen dan maklumat dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya boleh menghendaki maklumat atau dokumen tambahan yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya berhubung dengan permohonan itu.

(4) Sesuatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah diserahkan bersama dengan fi permohonan yang ditetapkan.

Pendaftaran dokumen penzahiran

256j. Mana-mana orang yang berniat untuk menawarkan atau menjadikan tersedia unit dalam amanah perniagaan tidak tersenarai hendaklah mendaftarkan dengan Suruhanjaya suatu dokumen penzahiran yang mengandungi maklumat dan butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 92A.

Pendaftaran atau pengiktirafan amanah perniagaan

256k. (1) Suruhanjaya boleh berhubung dengan suatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen 256I, mendaftarkan atau mengiktiraf amanah perniagaan itu.

(2) Suruhanjaya boleh—

- (a) mendaftarkan atau mengiktiraf amanah perniagaan di bawah subseksyen (1); atau
- (b) mendaftarkan atau mengiktiraf amanah perniagaan di bawah subseksyen (1)—
 - (i) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat;
 - (ii) dengan apa-apa perubahan; atau
 - (iii) dengan apa-apa perubahan dan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat,

sebagaimana yang disifatkan patut atau perlu oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya boleh mengubah, menambah kepada atau menggugurkan mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(4) Seseorang yang melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

(5) Tiada seorang pun boleh mengambil atau menggunakan atau menerima pakai nama, gelaran atau perihalan perkataan “amanah perniagaan” atau “skim amanah perniagaan” berhubung dengan urusannya atau membuat apa-apa representasi yang memberi kesan itu mengikut apa cara sekalipun melainkan amanah perniagaan itu didaftarkan atau diiktiraf di bawah Penggal ini.

(6) Seseorang yang melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan juga didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

Keengganan untuk mendaftarkan atau mengiktiraf amanah perniagaan

256L. Suruhanjaya boleh menolak sesuatu permohonan di bawah seksyen 256i jika—

- (a) pengurus pemegang amanah tidak memegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang;
- (b) permohonan tidak dibuat mengikut Penggal ini;
- (c) pengurus pemegang amanah telah gagal untuk mematuhi apa-apa kehendak Akta ini atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (d) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan kepada Suruhanjaya berkenaan dengan permohonan itu adalah palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material;
- (e) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pendaftaran atau pengiktirafan tidak bagi kepentingan pelabur; atau
- (f) Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pendaftaran atau pengiktirafan bertentangan dengan kepentingan awam.

Penarikan balik pendaftaran atau pengiktirafan

256M. (1) Suruhanjaya boleh menarik balik sesuatu pendaftaran atau pengiktirafan yang telah diberikan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) pengurus pemegang amanah atau mana-mana pegawainya telah gagal untuk mematuhi atau melanggar—
 - (i) apa-apa terma atau syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya;
 - (ii) apa-apa garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; atau
 - (iii) apa-apa kehendak di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan kepada Suruhanjaya di bawah Penggal ini adalah palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau
- (c) ia adalah bagi kepentingan pemegang unit atau kepentingan awam untuk menarik balik pendaftaran atau pengiktirafan itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberi orang itu suatu peluang untuk didengar sebelum apa-apa keputusan dibuat di bawah subseksyen (1).

Kesan penarikan balik pendaftaran atau pengiktirafan

256N. Mana-mana penarikan balik yang dikeluarkan di bawah seksyen 256M tidak boleh beroperasi untuk—

- (a) mengelakkan atau memberi kesan terhadap mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan amanah perniagaan itu yang dimasuki sebelum penarikan balik pendaftaran atau pengiktirafan itu; atau

- (b) memberi kesan terhadap apa-apa hak, obligasi atau tanggungan yang berbangkit di bawah perjanjian, transaksi atau perkiraan yang disebut dalam perenggan (a).

Pengurus pemegang amanah

256o. (1) Suatu amanah perniagaan hendaklah hanya diuruskan dan dikendalikan oleh pengurus pemegang amanah suatu amanah perniagaan itu.

(2) Pengurus pemegang amanah suatu amanah perniagaan mestilah suatu perbadanan selain syarikat persendirian yang dikecualikan.

(3) Pengurus pemegang amanah suatu amanah perniagaan tidak boleh menjalankan apa-apa perniagaan selain pengurusan dan pengendalian amanah perniagaan yang baginya dia adalah pengurus pemegang amanah.

(4) Tertakluk pada surat ikatan dan dengan kelulusan Suruhanjaya, pengurus pemegang amanah boleh melantik ejen untuk menjalankan atau melaksanakan apa-apa fungsi berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian amanah perniagaan itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali.

Kewajipan dan tanggungjawab pengurus pemegang amanah

256p. (1) Seseorang pengurus pemegang amanah hendaklah dalam menjalankan kewajibannya—

- (a) menggunakan kuasanya untuk maksud yang sepatutnya dan dengan suci hati bagi kepentingan terbaik pemegang unit secara keseluruhannya;
- (b) menggunakan ketelitian dan ketekunan yang munasabah;
- (c) bertindak mengikut kehendak Akta ini, garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan surat ikatan;
- (d) memberi keutamaan kepada kepentingan pemegang unit secara keseluruhan mengatasi kepentingannya sendiri jika terdapat percanggahan antara kepentingan pemegang unit secara keseluruhan dengan kepentingannya sendiri;
- (e) memastikan bahawa harta atau aset amanah perniagaan itu dinilai pada suatu lat masa yang tetap yang berpatutan dengan sifat harta atau aset itu;
- (f) memastikan bahawa semua pembayaran daripada harta atau aset amanah perniagaan itu dibuat mengikut surat ikatan dan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; dan
- (g) menjalankan apa-apa kewajipan atau tanggungjawab lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Pengurus pemegang amanah tidak boleh menggunakan apa-apa harta atau aset amanah perniagaan itu atau apa-apa maklumat yang diperoleh menurut kuasa kedudukannya sebagai pengurus pemegang amanah, untuk memperoleh secara langsung atau tidak langsung, manfaat bagi dirinya sendiri atau bagi mana-mana orang lain yang menyebabkan kemudaratannya kepada pemegang unit secara keseluruhannya.

(3) Pengurus pemegang amanah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

(4) Pengurus pemegang amanah hendaklah bertanggung kepada semua pemegang unit secara keseluruhannya bagi apa-apa keuntungan atau pemerolehan kewangan secara langsung atau tidak langsung yang dibuat oleh pengurus pemegang amanah itu atau mana-mana perbadanan berkaitannya atau bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh pemegang unit amanah perniagaan secara keseluruhannya, akibat pelanggaran seksyen ini.

Kewajipan dan tanggungjawab pegawai dan ejen

256Q. (1) Pegawai pengurus pemegang amanah hendaklah pada setiap masa—

- (a) menggunakan kuasanya untuk maksud yang sepatutnya dan dengan suci hati demi kepentingan pemegang unit secara keseluruhannya dan hendaklah mengambil semua langkah munasabah untuk memastikan pengurus pemegang amanah itu menunaikan kewajipannya di bawah seksyen 256P;
- (b) memberikan keutamaan kepada kepentingan pemegang unit secara keseluruhannya mengatasi daripada kepentingan pemegang amanah itu jika terdapat suatu percanggahan antara kepentingan pemegang amanah secara keseluruhannya dengan kepentingan pengurus pemegang amanah; dan
- (c) menjalankan apa-apa kewajipan atau tanggungjawab lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Pegawai atau ejen pengurus pemegang amanah tidak boleh—

- (a) menggunakan apa-apa harta atau aset amanah perniagaan itu;
- (b) menggunakan apa-apa maklumat yang diperoleh menurut kuasa kedudukannya sebagai pegawai atau ejen pengurus pemegang amanah itu;

- (c) menggunakan kedudukannya sebagai pegawai atau ejen pengurus pemegang amanah itu;
- (d) menggunakan apa-apa peluang yang disedari olehnya dalam pelaksanaan fungsinya sebagai pegawai atau ejen pengurus pemegang amanah itu; atau
- (e) terlibat dalam apa-apa perniagaan yang bersaing dengan amanah perniagaan itu,

untuk membuat apa-apa keuntungan secara langsung atau tidak langsung, atau untuk menyebabkan kemudaratannya kepada pemegang unit secara keseluruhannya.

(3) Kewajipan pegawai pengurus pemegang amanah suatu amanah perniagaan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengatasi apa-apa kewajipan pegawai di bawah seksyen 132 *Akta Syarikat 1965 yang bercanggah.

(4) Tiada prosiding sivil atau jenayah boleh dibawa atau dimulakan terhadap seseorang pegawai pengurus pemegang amanah suatu amanah perniagaan bagi kemungkiran di bawah seksyen 132 *Akta Syarikat 1965, mana-mana kewajipan fidusiari atau mana-mana kewajipan lain di bawah *common law* berhubung dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan untuk bertindak jika perbuatan atau peninggalan itu dikehendaki oleh subseksyen (1).

(5) Pegawai atau ejen pengurus pemegang amanah bagi suatu amanah perniagaan yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan juga boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

(6) Pegawai atau ejen pengurus pemegang amanah hendaklah bertanggungjawab kepada pemegang unit secara keseluruhannya bagi apa-apa keuntungan atau perolehan kewangan secara langsung atau tidak

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

langsung yang dibuat oleh pengurus pemegang amanah atau mana-mana perbadanan berkaitannya, atau bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh pemegang unit amanah perniagaan secara keseluruhannya, akibat pelanggaran subseksyen (1) atau (2).

(7) Tiada tindakan atau prosiding boleh dibawa oleh atau bagi pihak semua atau mana-mana pemegang unit amanah suatu amanah perniagaan terhadap seseorang pegawai pengurus pemegang amanah bagi amanah perniagaan itu bagi mana-mana kemungkiran atau kemungkiran yang dikatakan berhubung kewajipan yang dikenakan oleh subseksyen (1) dan (2), kecuali mengikut cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 256ZF.

(8) Dalam seksyen ini—

“ejen” bermaksud jurubank, peguam bela dan peguam cara atau juruaudit pengurus pemegang amanah dan bagi maksud perenggan 256Q(2)(b), (c) dan (d), termasuk seorang yang pernah menjadi jurubank, peguam bela dan peguam cara atau juruaudit pengurus pemegang amanah itu.

Pemerolehan kepentingan dalam amanah perniagaan

256R. (1) Pengurus pemegang amanah tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, memperoleh atau memegang apa-apa unit atau derivatif apa-apa unit dalam amanah perniagaan itu melainkan jika ia memperoleh atau memegang unit atau derivatif itu—

- (a) bagi tidak kurang daripada balasan yang kena dibayar jika unit atau derivatif unit itu diperolehi oleh orang lain; dan
- (b) tertakluk pada terma dan syarat yang tidak akan merugikan pemegang unit yang lain amanah perniagaan itu.

(2) Pengurus pemegang amanah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Penzahiran kepentingan dalam transaksi

256s. (1) Pengarah pengurus pemegang amanah yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, berkepentingan dalam suatu transaksi atau transaksi yang dicadangkan yang dibuat atau akan dibuat oleh pengurus pemegang amanah itu bagi atau bagi pihak amanah perniagaan itu hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas fakta yang berkaitan diketahui olehnya, mengisytiharkan jenis kepentingannya dalam mesyuarat pengarah pengurus pemegang amanah itu, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Pengarah pengurus pemegang amanah yang memegang apa-apa jawatan atau memiliki apa-apa harta jika kewajipan atau kepentingannya berkenaan dengan jawatan atau harta itu mungkin bercanggah dengan kewajipan atau tanggungjawabnya di bawah seksyen 256Q hendaklah mengisytiharkan sifat dan takat percanggahan itu pada suatu mesyuarat pengarah pengurus pemegang amanah.

Daftar kepentingan

256r. Pengurus pemegang amanah hendaklah mengendalikan suatu daftar mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya yang menunjukkan berkenaan dengan setiap pengarah bagi pengurus pemegang amanah itu, butir tentang—

- (a) unit atau derivatif unit dalam amanah perniagaan itu, yang merupakan unit atau derivatif unit yang berkenaan dengannya pengarah itu mempunyai kepentingan, dan sifat dan takat kepentingan itu; dan
- (b) debentur amanah perniagaan itu yang berkenaan dengannya pengarah itu mempunyai kepentingan, dan sifat dan takat kepentingan itu.

Perakuan oleh ketua pegawai eksekutif dan lembaga pengarah pengurus pemegang amanah

256u. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), lembaga pengarah pengurus pemegang amanah hendaklah membuat pernyataan bertulis untuk disertakan bersama penyata pendapatan amanah perniagaan itu, mengikut resolusi lembaga pengarah pengurus pemegang amanah itu dan ditandatangani oleh tidak kurang daripada dua pengarah bagi pihak lembaga pengarah, memperakui bahawa—

- (a) fi atau caj yang dibayar atau kena dibayar daripada harta atau aset amanah perniagaan itu kepada pengurus pemegang amanah adalah mengikut surat ikatan itu;
- (b) transaksi pihak yang berkaitan tidak memudaratkan kepentingan pemegang unit amanah perniagaan itu secara keseluruhannya berdasarkan hal keadaan pada masa transaksi itu; dan
- (c) lembaga pengarah pengurus pemegang amanah itu tidak menyedari apa-apa pelanggaran kewajipan pengurus pemegang amanah yang boleh menjejaskan secara material urusan amanah perniagaan itu atau kepentingan pemegang unit secara keseluruhannya.

(2) Jika lembaga pengarah pengurus pemegang amanah sesuatu amanah perniagaan tidak boleh menyediakan pernyataan bertulis mengikut subseksyen (1), disebabkan oleh—

- (a) lembaga pengarah berpendapat bahawa pernyataan yang disebut dalam subseksyen (1) adalah tidak benar; atau
- (b) terdapatnya perbezaan pendapat di kalangan pengarah pengurus pemegang amanah itu berkenaan dengan ketepatan pernyataan yang disebut dalam subseksyen (1),

lembaga pengarah hendaklah menyediakan penjelasan, termasuklah faktor penting bagi ketidakbolehan untuk menyediakan pernyataan bertulis itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

(4) Jika lembaga pengarah pengurus pemegang amanah suatu amanah perniagaan membuat pernyataan bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) tanpa asas munasabah untuk membuat kesimpulan seperti yang dinyatakan dalam pernyataan itu, mana-mana pengarah pengurus pemegang amanah yang membenarkan atau memberi kuasa untuk pernyataan itu dibuat, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penzahiran polisi dan amalan

256v. Pengurus pemegang amanah hendaklah melampirkan suatu pernyataan polisi dan amalan berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran amanah perniagaan itu, yang mengandungi maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya kepada penyata pendapatan.

Pemecatan pengurus pemegang amanah

256w. Walau apa pun peruntukan dalam Penggal ini atau surat ikatan, pengurus pemegang amanah hendaklah kekal sebagai pengurus pemegang amanah itu melainkan dia dipecat oleh pemegang unit amanah perniagaan itu mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya atau dia meletak jawatan mengikut seksyen 256x.

Peletakan jawatan pengurus pemegang amanah

256x. Walau apa pun dalam surat ikatan atau dalam apa-apa perjanjian antara pengurus pemegang amanah dan pemegang unit, pengurus pemegang amanah hanya boleh meletak jawatan mengikut kehendak dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Penggantian pengurus pemegang amanah

256y. (1) Jika pengurus pemegang amanah telah dipecat di bawah seksyen 256w atau telah meletak jawatan di bawah seksyen 256x, pemegang unit hendaklah melantik seorang pengurus pemegang amanah baru mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Walau apa pun dalam surat ikatan atau dalam apa-apa perjanjian antara pengurus pemegang amanah dan pemegang unit, Suruhanjaya boleh memecat pengurus pemegang amanah itu dan melantik dalam jawatannya pengurus pemegang amanah yang lain atau pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang.

Kehendak bagi surat ikatan

256z. (1) Pengurus pemegang amanah hendaklah memastikan bahawa surat ikatan telah dibuat dan terkandung dalam dokumen yang boleh dikuatkuasakan secara undang-undang antara pemegang unit dan pengurus pemegang amanah itu.

(2) Suruhanjaya boleh menentukan kandungan surat ikatan.

(3) Apa-apa peruntukan surat ikatan yang mempunyai kesan memperuntukkan amanah perniagaan digulungkan jika pengurus pemegang amanah terhenti menjadi pengurus pemegang amanah amanah perniagaan itu adalah terbatal.

(4) Surat ikatan boleh dipinda mengikut cara dan bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Pengecualian dan penanggungrugian bagi pengurus pemegang amanah daripada tanggungan

256ZA. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), suatu peruntukan atau waad yang terkandung dalam surat ikatan atau suatu terma kontrak yang mempunyai kesan mengecualikan atau menanggung rugi

pengurus pemegang amanah, pegawai dan ejen pengurus pemegang amanah daripada tanggungan bagi—

- (a) pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini;
- (b) pecah amanah; atau
- (c) kegagalan menunjukkan tahap ketelitian dan ketekunan yang dikehendaki daripada pengurus pemegang amanah,

adalah terbatal.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai sekiranya peruntukan, waad atau terma—

- (a) melepaskan pengurus pemegang amanah daripada tanggungan bagi apa-apa yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan sebelum pelepasan itu diberi; atau
- (b) membolehkan pemegang unit dalam suatu mesyuarat agung, untuk meluluskan pelepasan pengurus pemegang amanah daripada tanggungan bagi apa-apa yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan sebelum pelepasan itu diberikan dan resolusi diluluskan oleh tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus pemegang unit yang hadir dan mengundi.

Mesyuarat agung tahunan

256ZB. Pengurus pemegang amanah hendaklah memanggil suatu mesyuarat agung pemegang unit amanah perniagaan itu, yang dipanggil “mesyuarat agung tahunan”, dalam tempoh lapan belas bulan daripada pendaftaran amanah perniagaan itu dan selepas itu sekali dalam setiap tahun kalendar dan tidak lebih daripada lima belas bulan selepas mesyuarat agung tahunan terakhir diadakan.

Kewajipan pengurus pemegang amanah untuk memanggil mesyuarat

256zc. (1) Pengurus pemegang amanah hendaklah memanggil suatu mesyuarat pemegang unit jika—

- (a) tidak kurang daripada lima puluh pemegang unit atau pemegang unit memegang tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada keseluruhan hak mengundi semua pemegang unit amanah perniagaan mengarahkan pengurus pemegang amanah untuk berbuat demikian;
- (b) arahan itu diberikan kepada pengurus pemegang amanah secara bertulis di pejabat berdaftaranya; dan
- (c) tujuan mesyuarat itu adalah bagi menimbangkan apa-apa perkara yang dibangkitkan oleh pemegang unit berhubung dengan amanah perniagaan atau surat ikatan.

(2) Jika pengurus pemegang amanah dikehendaki untuk memanggil mesyuarat di bawah subseksyen (1), pengurus pemegang amanah itu hendaklah mengadakan mesyuarat dalam tempoh dua puluh satu hari selepas arahan itu diberikan kepada pengurus pemegang amanah secara bertulis di pejabat berdaftaranya.

(3) Jika seorang pengurus pemegang amanah dikehendaki untuk memanggil suatu mesyuarat di bawah subseksyen (1) atau menurut apa-apa peruntukan atau waad surat ikatan, ia hendaklah memberikan notis tentang masa dan tempat mesyuarat itu—

- (a) dengan menghantar secara pos atau komunikasi elektronik, suatu notis tentang mesyuarat yang dicadangkan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat yang dicadangkan itu, kepada setiap pemegang unit di alamat terakhir yang diketahui pemegang unit atau, dalam kes pemegang unit bersama, kepada pemegang unit bersama yang namanya berada pada kedudukan yang pertama dalam rekod pengurus pemegang amanah di alamat terakhir yang diketahui pemegang unit bersama itu; dan

- (b) dengan menyiarkan sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat yang dicadangkan itu, suatu iklan yang memberi notis tentang mesyuarat itu dalam satu akhbar harian bahasa kebangsaan dan dalam satu akhbar lain.

(4) Mesyuarat yang dipanggil mengikut mana-mana peruntukan atau waad yang terkandung dalam surat ikatan itu hendaklah diadakan pada masa dan tempat yang ditentukan dalam notis dan iklan itu, yang merupakan suatu masa yang tidak lewat daripada dua bulan selepas pemberian notis itu dan hendaklah—

- (a) dipengerusikan oleh orang yang dilantik oleh pemegang unit yang hadir dalam mesyuarat itu atau jika tiada pelantikan itu dibuat, oleh seorang penama pengurus pemegang amanah itu; dan
- (b) dibuat mengikut surat ikatan itu, atau jika surat ikatan itu tidak mempunyai peruntukan sedemikian, seperti yang diarahkan oleh pengerusi mesyuarat.

(5) Notis mesyuarat yang diposkan kepada pemegang unit hendaklah dianggap sebagai diberikan tiga hari selepas notis itu diposkan, melainkan surat ikatan itu memperuntukkan selainnya.

(6) Jika pengurus pemegang amanah gagal untuk mengadakan mesyuarat sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (2), pemegang unit atau mana-mana daripada mereka yang mewakili lebih daripada lima puluh peratus daripada keseluruhan hak mengundi pemegang unit di bawah perenggan (1)(a), boleh dengan sendiri mengadakan mesyuarat dan mesyuarat itu hendaklah diadakan dalam masa tiga bulan dari tarikh arahan di bawah subseksyen (1) kepada pengurus pemegang amanah.

(7) Pengurus pemegang amanah hendaklah membayar kepada pemegang unit apa-apa perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh pemegang unit kerana mengadakan mesyuarat itu disebabkan kegagalan pengurus pemegang amanah untuk mengadakan mesyuarat itu.

Kuasa mahkamah untuk memerintahkan mesyuarat pemegang unit

256ZD. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pemegang unit amanah perniagaan, membuat perintah suatu mesyuarat agung diadakan.

(2) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh mengarahkan pengurus pemegang amanah itu untuk—

- (a) membentangkan di hadapan pemegang unit apa-apa maklumat yang melibatkan kepentingan pemegang unit;
- (b) membentangkan di hadapan pemegang unit apa-apa cadangan untuk melindungi kepentingan pemegang unit yang diarahkan oleh mahkamah atau yang difikirkan patut oleh pengurus pemegang amanah; dan
- (c) mendapatkan arahan pemegang unit yang melibatkan perlindungan kepentingan pemegang unit.

(3) Mahkamah boleh, di samping perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2), membuat apa-apa perintah lain yang difikirkan patut untuk melindungi kepentingan pemegang unit sedia ada atau bakal pemegang unit.

Hak pemegang unit dalam mesyuarat

256ZE. (1) Tiap-tiap pemegang unit mempunyai hak untuk menghadiri mana-mana mesyuarat agung pemegang unit dan untuk bercakap dan mengundi mengenai apa-apa resolusi dalam mesyuarat itu.

(2) Apa-apa peruntukan dalam surat ikatan yang mempunyai kesan meniadakan hak untuk menuntut pembuangan undi dalam mesyuarat agung pemegang unit, selain untuk pemilihan pengerusi mesyuarat atau penangguhan mesyuarat itu adalah terbatal.

Tindakan oleh pemegang unit

256ZF. (1) Mana-mana pemegang unit atau pemegang debentur amanah perniagaan boleh memohon kepada mahkamah bagi suatu perintah di bawah seksyen ini atas alasan—

- (a) bahawa hal ehwal amanah perniagaan itu dijalankan oleh pengurus pemegang amanah, atau kuasa pengarah pengurus pemegang amanah digunakan, dengan cara yang menindas seorang atau lebih pemegang unit atau pemegang debentur amanah perniagaan itu termasuklah dirinya sendiri atau tanpa mengambil kira kepentingannya atau kepentingan mereka sebagai pemegang unit atau pemegang debentur amanah perniagaan itu; atau
- (b) sebahagian tindakan pengurus pemegang amanah yang dilakukan dalam kapasitinya sebagai pengurus pemegang amanah bagi suatu amanah perniagaan, bersifat mengugut atau sebahagian resolusi pemegang unit atau pemegang debentur amanah perniagaan atau apa-apa kelas daripada mereka yang telah diluluskan atau dicadangkan itu mendiskriminasi secara tidak adil atau selainnya menjejaskan seorang atau lebih pemegang unit atau pemegang debentur amanah perniagaan itu.

(2) Jika atas permohonan itu, mahkamah berpendapat bahawa mana-mana alasan yang disebut dalam subseksyen (1) dibuktikan, mahkamah boleh, dengan tujuan untuk mengakhiri atau meremedi perkara diadu, membuat apa-apa perintah yang ia fikirkan patut, dan tanpa menjejaskan keluasan makna yang terdahulu, perintah itu boleh—

- (a) mengarahkan atau melarang apa-apa tindakan atau membatalkan atau mengubah apa-apa transaksi atau resolusi;
- (b) mengawal selia penjalanan hal ehwal pengurus pemegang amanah berhubungan dengan amanah perniagaan itu pada masa hadapan;

- (c) membenarkan prosiding sivil terhadap pengarah pengurus pemegang amanah itu untuk dibawa atas nama atau bagi pihak semua pemegang unit amanah perniagaan itu secara keseluruhannya oleh mana-mana orang dan atas apa-apa terma yang mahkamah boleh arahkan;
- (d) memperuntukkan pembelian unit atau debentur amanah perniagaan itu oleh pemegang unit atau pemegang debentur lain amanah perniagaan itu;
- (e) memperuntukkan amanah perniagaan itu untuk digulung; atau
- (f) memperuntukkan kos dan perbelanjaan bagi dan yang bersampingan kepada permohonan bagi perintah itu didapatkan dan dibayar daripada harta amanah atau aset amanah perniagaan itu atau ditanggung dan dibayar mengikut cara dan oleh mana-mana orang sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(3) Jika suatu perintah di bawah seksyen ini membuat apa-apa pengubahan atau tambahan kepada surat ikatan mana-mana amanah perniagaan, kemudian walau apa pun peruntukan lain Akta ini, pengurus pemegang amanah amanah perniagaan berkenaan tidak mempunyai kuasa, tanpa kebenaran mahkamah, untuk membuat apa-apa pengubahan atau tambahan lain kepada surat ikatan itu yang tidak selaras dengan peruntukan perintah.

(4) Pemohon hendaklah memaklumkan Suruhanjaya tentang perintah mahkamah itu dalam masa tujuh hari selepas perintah itu dibuat.

(5) Bagi maksud seksyen ini, sebutan kepada pemegang unit termasuklah seorang yang bukan pemegang unit amanah perniagaan tetapi yang kepadanya unit dalam amanah perniagaan itu telah diberikan melalui operasi undang-undang.

Penggulungan

256ZG. (1) Amanah perniagaan boleh digulung—

- (a) di bawah suatu perintah mahkamah—
 - (i) melalui permohonan pengurus pemegang amanah, pemegang unit atau pemiutang amanah perniagaan itu; atau
 - (ii) melalui permohonan Suruhanjaya apabila Suruhanjaya membatalkan pendaftaran suatu amanah perniagaan; atau
- (b) oleh pengurus pemegang amanah itu—
 - (i) apabila resolusi khas diluluskan oleh pemegang unit dalam suatu mesyuarat agung; atau
 - (ii) menurut surat ikatan itu.

(2) Jika suatu permohonan dibuat kepada mahkamah di bawah subperenggan (1)(a)(i), mahkamah boleh, tanpa prejudis kepada apa-apa perintah yang mahkamah berhak untuk membuat selain menurut seksyen ini, membuat perintah mengarahkan pengurus pemegang amanah untuk menggulung amanah perniagaan itu jika—

- (a) mahkamah berfikir adalah adil dan saksama untuk membuat perintah itu; atau
- (b) dalam tempoh tiga bulan sebelum permohonan bagi perintah itu dibuat, pelaksanaan telah dikeluarkan berdasarkan suatu penghakiman, dekri atau perintah yang diperoleh mahkamah, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang memihak kepada pemiutang amanah perniagaan dan pelaksanaan telah dikembalikan tanpa disempurnakan,

dan atas perintah itu, pengurus pemegang amanah hendaklah menggulung amanah perniagaan itu.

(3) Apabila suatu perintah penggulungan dibuat oleh mahkamah di bawah subseksyen (2), pemohon hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya tentang perintah mahkamah itu dalam tempoh tujuh hari selepas perintah itu dibuat.

Batasan tanggungan pemegang unit

256ZH. (1) Pemegang unit tidaklah bertanggungjawab untuk menyumbang kepada amanah perniagaan itu atau berkenaan dengan apa-apa hutang, tanggungan atau obligasi yang ditanggung pengurus pemegang amanah dalam kapasitinya sebagai pengurus pemegang amanah bagi amanah perniagaan itu, selain apa-apa amaun wang yang belum dijelaskan yang pemegang unit telah bersetuju secara nyata untuk mencarum kepada amanah perniagaan itu.

(2) Batasan tanggungan pemegang unit amanah perniagaan yang disebut di subseksyen (1) hendaklah terpakai walau apa pun—

- (a) peruntukan sebaliknya dalam surat ikatan amanah perniagaan itu; atau
- (b) penggulungan amanah perniagaan itu.

Pemiutang pemegang unit tiada hak untuk memperoleh milikan harta atau aset amanah

256ZI. Tiada pemiutang pemegang unit suatu amanah perniagaan mempunyai hak untuk memperoleh milikan atau selainnya melaksanakan apa-apa remedi undang-undang atau ekuiti berkenaan dengan harta amanah atau aset amanah perniagaan itu.

Pembatalan pendaftaran secara sukarela oleh pengurus pemegang amanah

256ZJ. (1) Pengurus pemegang amanah boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk pembatalan pendaftaran amanah perniagaan itu jika

pembatalan pendaftaran amanah perniagaan itu diluluskan oleh majoriti pemegang unit yang memegang secara agregat tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus daripada nilai unit yang dipegang oleh pemegang unit yang mengundi di mesyuarat yang berdasarkan haknya untuk berbuat demikian, mengundi sendiri atau di mana proksi dibenarkan, secara proksi dengan pembuangan undi dalam mesyuarat agung di mana notis bertulis yang tidak kurang daripada dua puluh satu hari notis dan menyatakan niat untuk mencadangkan resolusi untuk membatalkan pendaftaran amanah perniagaan telah diberikan.

(2) Suruhanjaya boleh enggan untuk membatalkan pendaftaran amanah perniagaan itu jika Suruhanjaya mendapati bahawa—

- (a) ia dalam kepentingan pemegang unit itu bahawa apa-apa perkara yang berkaitan dengan amanah perniagaan itu hendaklah disiasat sebelum pendaftaran ditarik balik di bawah subseksyen (1); atau
- (b) penarikan balik pendaftaran tidak dalam kepentingan pemegang unit.

Kuasa Suruhanjaya untuk membatalkan pendaftaran amanah perniagaan yang tidak lagi berfungsi

256zk. (1) Jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pengurus pemegang amanah tidak menguruskan atau mengendalikan urusan amanah perniagaan itu, Suruhanjaya boleh mengambil tindakan yang perlu untuk membatalkan pendaftaran atau menarik balik pengiktirafan yang diberikan kepada amanah perniagaan itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberi pengurus pemegang amanah itu suatu peluang untuk didengar sebelum apa-apa kuasa dilaksanakan di bawah subseksyen (1).

(3) Jika Suruhanjaya melaksanakan kuasanya di bawah subseksyen (1), ia hendaklah menyiarkan notis yang memberi kesan

dan amanah perniagaan itu akan dibatalkan atau ditarik balik pengiktirafannya apabila notis itu disiarkan.

(4) Berikutan pembatalan pendaftaran atau penarikan balik pengiktirafan di bawah subseksyen (1) oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh memohon kepada mahkamah untuk melantik seorang pelikuidasi berkenaan dengan amanah perniagaan itu.

Melaporkan kepada Suruhanjaya

256ZL. (1) Pengurus pemegang amanah hendaklah melaporkan kepada Suruhanjaya apa-apa kemungkiran Akta ini atau garis panduan yang dikeluarkan Suruhanjaya yang berkaitan dengan amanah perniagaan itu dan yang telah atau berkemungkinan untuk menjejaskan secara material kepentingan pemegang unit amanah perniagaan itu, secepat yang dapat dilaksanakan selepas dia menyedari kemungkiran itu.

(2) Pengurus pemegang amanah yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengeluarkan arahan

256ZM. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 125, 354, 355 dan 356, apabila Suruhanjaya—

- (a) menggunakan kuasanya untuk menarik balik suatu pendaftaran atau pengiktirafan di bawah Penggal ini;
- (b) menyedari bahawa suatu pernyataan atau maklumat yang disediakan atau dikemukakan kepadanya di bawah Penggal ini adalah palsu atau mengelirukan atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material;
- (c) bagi pentadbiran berkesan amanah perniagaan;

- (d) bagi memastikan pematuhan terhadap apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas amanah perniagaan itu; atau
- (e) berpuas hati bahawa kepentingan pemegang unit atau kepentingan awam dalam keadaan bahaya atau mungkin dalam keadaan bahaya,

Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan secara bertulis kepada pengurus pemegang amanah, pegawainya atau mana-mana orang yang dikenakan obligasi untuk mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan di bawah Penggal ini, peraturan atau di bawah mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya untuk mengambil langkah sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu untuk—

- (A) mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan—
 - (i) apa-apa kehendak atau peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti;
 - (ii) apa-apa garis panduan atau notis bertulis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; atau
 - (iii) apa-apa terma, syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah atau menurut Akta ini; atau
- (B) mengambil apa-apa langkah untuk meremеди sesuatu kemungkiran atau mengurangkan kesan kemungkiran itu.

(2) Mana-mana orang yang disebut di bawah seksyen ini hendaklah memberikan bantuan kepada Suruhanjaya, atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya, termasuklah pemberian apa-apa penyata, dan pemberian apa-apa maklumat lain sebagaimana yang Suruhanjaya atau orang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya boleh menghendaki.

(3) Seseorang yang gagal untuk mematuhi mana-mana arahan yang diberikan di bawah subseksyen (1) atau gagal untuk memberikan bantuan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

256ZN. Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan-peraturan berkenaan dengan—

- (a) kewajipan, piawaian dan kelakuan orang yang terlibat dalam amanah perniagaan; atau
- (b) semua perkara berkaitan dengan amanah perniagaan.

Kewajipan pengurus pemegang amanah untuk menyerah simpan penyata, dsb.

256zo. (1) Pengurus pemegang amanah—

- (a) hendaklah menyerah simpan dengan Suruhanjaya laporan tahunan amanah perniagaan dalam masa empat bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan amanah perniagaan itu; dan
- (b) hendaklah menghantar serah kepada Suruhanjaya apa-apa penyata, dokumen, buku dan butir-butir lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(2) Apa-apa dokumen yang dikehendaki supaya diserahkan simpan dengan atau dihantar serah kepada Suruhanjaya oleh pengurus pemegang amanah di bawah subseksyen (1) hendaklah ditandatangani oleh tidak kurang daripada dua pengarah pengurus pemegang amanah bagi pihak lembaga pengarah.

(3) Pengurus amanah hendaklah—

- (a) menghantar kepada tiap-tiap pemegang unit tanpa bayaran suatu salinan dokumen yang disebut dalam perenggan (1)(a) dalam masa empat bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan amanah perniagaan; dan
- (b) jika seseorang pemegang unit meminta apa-apa salinan tambahan dokumen yang disebut dalam perenggan (1)(a), menghantar dokumen yang diminta itu kepada pemegang unit itu dalam masa dua bulan selepas permintaan itu diterima dan apabila dibayar suatu jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh pengurus amanah.

(4) Pengurus pemegang amanah hendaklah memastikan bahawa semua penyata kewangan yang dikehendaki supaya diserahkan dengan atau dihantar serah kepada Suruhanjaya atau yang dikehendaki untuk dibahagikan kepada mana-mana pemegang unit yang berhubungan dengan amanah perniagaan hendaklah mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan.

(5) Pengurus pemegang amanah yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Penggal 3C

Pernyataan atau maklumat palsu atau mengelirukan di bawah
Penggal 3A dan 3B

Pernyataan atau maklumat palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya

256ZP. (1) Jika apa-apa pernyataan atau maklumat dikehendaki untuk diberikan kepada Suruhanjaya di bawah Penggal 3A dan 3B—

- (a) pengurus pemegang amanah atau pemohon atau mana-mana pegawai atau sekutunya;
- (b) penasihat kewangan atau seorang pakar; atau

(c) mana-mana orang lain,

tidak boleh—

- (A) mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan;
- (B) mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan apa-apa pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau
- (C) terlibat dalam atau membantu atau bersubahat dalam perlakuan yang dia tahu adalah mengelirukan atau memperdayakan atau yang berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan Suruhanjaya.

(2) Jika—

- (a) suatu pernyataan atau maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) telah dikemukakan atau diberikan kepada Suruhanjaya, atau suatu perlakuan yang disebut dalam subseksyen (1) telah dilakukan; dan
- (b) seseorang yang disebut dalam subseksyen itu mengetahui atau menyedari sebelum cadangan dalam permohonan telah dilaksanakan sepenuhnya, dijalankan atau dilaksanakan—
 - (i) pernyataan atau maklumat itu mungkin palsu atau mengelirukan atau tidak lengkap secara material; atau
 - (ii) perlakuan itu berkecenderungan untuk mengelirukan atau memperdayakan,

orang itu hendaklah serta-merta memaklumkan kepada Suruhanjaya fakta-fakta yang disebut dalam subperenggan (b)(i) atau (ii), yang terpakai, dan hendaklah mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Suruhanjaya.

(3) Bagi maksud perenggan 2(b), seseorang yang mengetahui atau menyedari termasuklah seseorang yang menyebabkan atau melakukan suatu perbuatan yang menyebabkan suatu pernyataan atau maklumat menjadi palsu atau mengelirukan atau tidak lengkap secara material.

(3A) Menjadi suatu pembelaan kepada pendakwaan atau apa-apa prosiding bagi pelanggaran subseksyen (1) jika dibuktikan bahawa defendan, selepas membuat siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu, mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan mempercayai sehingga masa pernyataan atau pemberian maklumat itu atau sehingga penglibatan dalam kelakuan itu, sememangnya mempercayai bahawa—

- (a) pernyataan atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan;
- (b) peninggalan itu tidak material;
- (c) tidak ada peninggalan yang material; atau
- (d) kelakuan yang diperkatakan itu tidak mengelirukan atau memperdayakan.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan juga boleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

Penggal 4

Debentur

Subpenggal 1 – Surat ikatan amanah, kewajipan pemegang amanah, peminjam, dsb.

Pemakaian Penggal ini

257. (1) Peruntukan Subpenggal ini dan seksyen 283 tidak terpakai bagi mana-mana terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau

pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dinyatakan dalam Jadual 8.

(2) Peruntukan Penggal ini yang dinyatakan dalam Jadual 9 tidak terpakai bagi mana-mana terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dinyatakan dalam Jadual 9.

(3) Peruntukan Penggal ini tidak terpakai bagi suatu terbitan, tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada seseorang atau suatu golongan orang, atau dibuat berkenaan dengan suatu debentur atau suatu kelas debentur, sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(4) Suatu penetapan yang dibuat di bawah subseksyen (3) boleh menentukan peruntukan Penggal ini yang tidak terpakai bagi suatu terbitan, tawaran atau pelawaan.

Kehendak bagi surat ikatan amanah dan pemegang amanah

258. (1) Tiap-tiap orang yang menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mana-mana debentur hendaklah—

- (a) membuat suatu surat ikatan amanah yang memenuhi kehendak seksyen 259;
- (b) melantik seorang pemegang amanah yang merupakan seorang yang layak dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah mengikut seksyen 260; dan
- (c) mematuhi kehendak dan peruntukan Penggal ini.

(2) Seseorang yang menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mana-mana debentur tidak boleh menguntukkan debentur itu melainkan jika orang itu telah membuat suatu surat ikatan amanah yang memenuhi kehendak seksyen 259 dan telah melantik seorang

pemegang amanah yang merupakan seorang yang layak dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 260.

(3) Seseorang yang menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mana-mana debentur tidak boleh membatalkan surat ikatan amanah itu melainkan jika orang itu telah membayar balik semua amaun yang kena dibayar di bawah debentur itu mengikut terma, peruntukan dan waad debentur dan surat ikatan amanah itu.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Bentuk dan kandungan surat ikatan amanah

259. (1) Suatu surat ikatan amanah hendaklah mengandungi apa-apa peruntukan, waad, kehendak, maklumat dan butir sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Seseorang yang menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mana-mana debentur hendaklah menghantar serah suatu salinan surat ikatan amanah itu kepada Suruhanjaya bersama dengan apa-apa butir, maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Orang yang boleh menjadi pemegang amanah

260. (1) Seseorang pemegang amanah hendaklah merupakan—

- (a) suatu syarikat yang didaftarkan sebagai suatu syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*]; atau

- (b) suatu perbadanan yang merupakan suatu syarikat awam di bawah *Akta Syarikat 1965 atau di bawah undang-undang mana-mana negara lain,

yang dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk menjadi pemegang amanah bagi maksud Akta ini.

(2) Seseorang tidak layak dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur tanpa kelulusan Suruhanjaya jika orang itu—

- (a) seorang pemegang syer yang memegang syer peminjam secara benefisial;
- (b) berhak secara benefisial kepada wang yang terhutang oleh peminjam kepadanya;
- (c) telah membuat suatu jaminan berkenaan dengan amaun yang dijamin atau yang kena dibayar di bawah debentur itu; atau
- (d) suatu perbadanan yang berhubungan dengan—
 - (i) orang yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
 - (ii) peminjam itu.

(3) Suatu permohonan untuk kelulusan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa tatacara atau kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2), seseorang tidak terhalang daripada dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah hanya disebabkan oleh—

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (a) peminjam itu berhutang dengan pemegang amanah atau mana-mana perbadanan yang berhubungan dengan pemegang amanah itu apa-apa wang, selagi wang itu ialah—
- (i) wang yang tidak, pada masa pelantikan atau pada bila-bila masa dalam tempoh tiga bulan selepas debentur itu mula-mula ditawarkan bagi langganan atau pembelian atau yang mengenainya suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli dibuat, melebihi satu per sepuluh daripada amaun debentur yang dicadangkan untuk diterbitkan dalam tempoh itu dan tidak, pada bila-bila masa selepas habis tempoh itu, melebihi satu per sepuluh daripada amaun yang terhutang oleh peminjam kepada pemegang debentur itu; atau
 - (ii) wang yang kepadanya pemegang amanah itu atau mana-mana perbadanan yang berhubungan dengan pemegang amanah itu berhak sebagai pemegang amanah bagi pemegang mana-mana debentur peminjam itu, mengikut terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah itu; atau
- (b) pemegang amanah atau perbadanan yang berhubungan dengan pemegang amanah itu, walaupun menjadi pemilik benefisial syer peminjam, tidak mempunyai hak untuk melaksanakan lebih daripada satu per dua puluh daripada kuasa mengundi pada mana-mana mesyuarat agung peminjam itu.
- (5) Jika suatu permohonan telah dibuat kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen (3), Suruhanjaya boleh meluluskan permohonan itu tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.
- (6) Dalam menggunakan budi bicaranya di bawah subseksyen (5), Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—
- (a) kepentingan pemegang mana-mana debentur; dan

- (b) keupayaan pemegang amanah untuk melindungi kepentingan pemegang debentur itu sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan dan waad surat ikatan amanah itu dan peruntukan Akta ini.

(7) Suruhanjaya boleh membatalkan kelulusannya di bawah subseksyen (5) jika pemegang amanah itu tidak mematuhi mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5) atau melanggar mana-mana peruntukan Akta ini.

(8) Seseorang pemegang amanah yang—

- (a) melanggar subseksyen (1) atau (2); atau
- (b) melanggar suatu terma atau syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (5),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pemegang amanah sedia ada terus bertindak sehingga pemegang amanah baru mengambil jawatan

261. Walau apa pun peruntukan seksyen 43 Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*] atau apa-apa terma, peruntukan atau waad dalam debentur atau surat ikatan amanah, seseorang pemegang amanah yang sedia ada hendaklah terus bertindak sebagai pemegang amanah sehingga seorang pemegang amanah yang baru dilantik dan mengambil jawatan sebagai pemegang amanah.

Penggantian pemegang amanah

262. (1) Jika tiada peruntukan dibuat dalam debentur atau surat ikatan amanah bagi pelantikan pengganti kepada seseorang pemegang amanah yang bersara, peminjam hendaklah, dalam masa satu bulan selepas menyedari niat pemegang amanah itu untuk bersara, melantik

sebagai pengganti kepada pemegang amanah yang bersara itu seorang pemegang amanah yang merupakan seorang yang layak dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 260.

(2) Mahkamah boleh, atas permohonan peminjam, seseorang pemegang debentur atau Suruhanjaya—

- (a) melantik, sebagai pemegang amanah, seseorang yang layak dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 260 jika—
 - (i) pemegang amanah tidak dilantik secara sah; atau
 - (ii) pemegang amanah itu tidak lagi wujud; atau
- (b) menamatkan pelantikan seseorang pemegang amanah sedia ada dan melantik di tempatnya, sebagai pemegang amanah, seseorang yang layak dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 260 jika—
 - (i) pemegang amanah sedia ada tidak layak dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 260;
 - (ii) pemegang amanah sedia ada gagal atau enggan bertindak mengikut peruntukan atau waad surat ikatan amanah itu atau peruntukan Akta ini;
 - (iii) seorang penerima dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian yang substansial daripada aset atau pengusahaan pemegang amanah sedia ada itu dan belum terhenti bertindak di bawah pelantikan itu, atau suatu petisyen dikemukakan bagi penggulungan pemegang amanah sedia ada (selain bagi maksud dan diikuti oleh suatu penyusunan semula, melainkan jika semasa atau berikutan penyusunan semula itu pemegang amanah sedia ada menjadi atau diisytiharkan sebagai tidak solven); atau

- (iv) pemegang amanah itu sedang disiasat bagi perlakuan yang melanggar Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, *Akta Syarikat 1965 atau undang-undang sekuriti.

(3) Seseorang peminjam yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan peminjam

263. (1) Seseorang peminjam hendaklah—

- (a) berusaha bersungguh-sungguh untuk menjalankan dan mengendalikan perniagaannya mengikut cara yang betul dan cekap;
- (b) menyediakan suatu salinan surat ikatan amanah kepada—
 - (i) seorang pemegang debentur;
 - (ii) seorang pemegang amanah; atau
 - (iii) mana-mana orang lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya,

jika mereka meminta suatu salinan dan apabila dibayar apa-apa jumlah yang munasabah sebagaimana yang dikenakan oleh peminjam;
- (c) menyediakan semua rekod kewangan dan rekodnya yang lain bagi pemeriksaan oleh—
 - (i) pemegang amanah itu;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (ii) seorang pegawai atau pekerja pemegang amanah yang diberi kuasa oleh pemegang amanah untuk menjalankan pemeriksaan itu; atau
- (iii) seorang juruaudit syarikat yang diluluskan yang dilantik oleh pemegang amanah untuk menjalankan pemeriksaan itu,

dan memberi orang yang menjalankan pemeriksaan itu apa-apa maklumat, penerangan atau bantuan lain yang diperlukan oleh orang itu; dan

- (d) mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 280(1).

(2) Seseorang peminjam yang melanggar perenggan (1)(a) tidak melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang peminjam yang melanggar perenggan (1)(b) atau (c) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(4) Seorang peminjam yang melanggar perenggan (1)(d) melakukan suatu kesalahan.

(5) Jika seseorang peminjam melanggar perenggan (1)(b) atau (c), Suruhanjaya boleh mengarahkan peminjam itu supaya mematuhi peruntukan perenggan itu.

(6) Seseorang peminjam yang melanggar arahan Suruhanjaya yang dikeluarkan menurut subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan peminjam untuk menggantikan pemegang amanah

264. (1) Seseorang peminjam hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk menggantikan seseorang pemegang amanah secepat yang dapat dilaksanakan selepas menyedari bahawa—

- (a) pemegang amanah itu tidak lagi wujud;
- (b) pemegang amanah itu tidak dilantik secara sah;
- (c) pemegang amanah itu tidak layak dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 260;
- (d) pemegang amanah itu gagal atau enggan bertindak sebagai pemegang amanah mengikut peruntukan atau waad surat ikatan amanah atau peruntukan Akta ini;
- (e) seorang penerima dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian yang substansial daripada aset atau pengusahaan pemegang amanah sedia ada dan belum terhenti bertindak di bawah pelantikan itu, atau suatu petisyen dikemukakan bagi penggulingan pemegang amanah sedia ada (selain bagi maksud dan diikuti oleh suatu penyusunan semula, melainkan jika semasa atau berikutan dengan penyusunan semula itu pemegang amanah sedia ada itu menjadi atau diisytiharkan sebagai tidak solven); atau
- (f) pemegang amanah itu sedang disiasat bagi perlakuan yang melanggar Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, *Akta Syarikat 1965 atau undang-undang sekuriti.

(2) Seseorang peminjam yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan peminjam untuk memberitahu pemegang amanah mengenai cagaran, dsb.

265. (1) Jika seseorang peminjam mewujudkan suatu cagaran, peminjam itu hendaklah—

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (a) memberikan perincian bertulis kepada pemegang amanah mengenai cagaran itu dalam masa dua puluh satu hari selepas cagaran itu diwujudkan; dan
- (b) jika jumlah amaun yang akan didahulukan atas jaminan cagaran itu tidak dapat ditentukan dan pendahuluan itu tidak digabungkan dalam suatu akaun semasa dengan bank, pemiutang dagangan atau mana-mana orang lain, memberikan perincian bertulis kepada pemegang amanah mengenai amaun bagi setiap pendahuluan dalam masa tujuh hari selepas cagaran itu dibuat.

(2) Seseorang peminjam yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan peminjam untuk memberikan laporan suku tahun kepada pemegang amanah dan Suruhanjaya

266. (1) Seseorang peminjam hendaklah, dalam masa satu bulan selepas berakhirnya setiap suku tahun—

- (a) menghantar serah kepada pemegang amanah suatu laporan suku tahun yang menyatakan maklumat yang dikehendaki oleh subseksyen (3), (4), (5) dan (7);
- (b) menyerahkan simpan suatu salinan laporan itu dengan Pendaftar; dan
- (c) menghantar serah suatu salinan laporan itu kepada Suruhanjaya.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) suku tahun pertama ialah suatu tempoh tiga bulan yang berakhir pada suatu hari yang ditetapkan oleh peminjam melalui notis bertulis kepada pemegang amanah, dengan syarat bahawa hari yang ditetapkan itu hendaklah kurang

daripada enam bulan selepas penerbitan pertama suatu debentur di bawah surat ikatan amanah itu; dan

- (b) setiap suku tahun yang berikutnya adalah bagi tempoh tiga bulan, atau bagi apa-apa tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang dibenarkan oleh pemegang amanah dalam hal keadaan yang khas.

(3) Laporan bagi suku tahun itu hendaklah termasuk perincian tentang—

- (a) apa-apa pelanggaran apa-apa had amaun yang boleh dipinjam oleh peminjam;
- (b) apa-apa kegagalan oleh peminjam dan setiap penjamin untuk mematuhi terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah atau pelanggaran peruntukan Akta ini semasa suku tahun itu;
- (c) apa-apa kejadian yang berlaku semasa suku tahun itu yang menyebabkan, atau boleh menyebabkan, satu atau lebih daripada yang berikut:
 - (i) apa-apa amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur itu menjadi kena dibayar dengan serta-merta;
 - (ii) debentur itu menjadi berkuat kuasa dengan serta-merta;
 - (iii) apa-apa hak atau remedi lain di bawah terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah itu menjadi berkuat kuasa dengan serta-merta;
- (d) apa-apa hal keadaan yang berlaku semasa suku tahun itu yang akan memudaratkan secara material—
 - (i) peminjam itu, mana-mana subsidiarinya, atau mana-mana penjamin, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

- (ii) apa-apa jaminan atau cagaran yang termasuk dalam atau diwujudkan oleh debentur atau surat ikatan amanah itu;
 - (e) apa-apa pertukaran yang substansial dalam jenis perniagaan peminjam, mana-mana subsidiarinya atau penjaminnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berlaku semasa suku tahun itu;
 - (f) mana-mana kejadian yang berikut yang berlaku dalam suku tahun itu:
 - (i) pelantikan seorang penjamin;
 - (ii) pemberhentian tanggungan penjamin bagi pembayaran keseluruhan atau sebahagian daripada wang yang penjamin itu bertanggung di bawah jaminan itu; atau
 - (iii) suatu pertukaran nama seseorang penjamin;
 - (g) amaun bersih yang belum dijelaskan atas mana-mana pendahuluan pada akhir suku tahun itu jika penjamin itu telah mewujudkan suatu cagaran jika—
 - (i) jumlah amaun untuk didahulukan atas jaminan cagaran itu tidak dapat ditentukan; dan
 - (ii) pendahuluan itu digabungkan dalam suatu akaun semasa dengan bank, pemiutang dagangan atau mana-mana orang lain; dan
 - (h) apa-apa perkara lain yang boleh memudaratkan secara material kepentingan pemegang debentur.
- (4) Jika wang adalah terhutang kepada peminjam semasa suku tahun itu oleh sesuatu perbadanan yang berhubungan dengan peminjam, yang bukan merupakan amaun yang didepositkan oleh peminjam dengan suatu institusi berlesen dalam perjalanan biasa

perniagaan peminjam, laporan itu mesti memasukkan juga perincian tentang—

- (a) jumlah amaun yang terhutang oleh perbadanan yang berhubungan itu semasa suku tahun itu; dan
- (b) jumlah amaun yang terhutang oleh perbadanan yang berhubungan itu pada akhir suku tahun itu.

(5) Jika seseorang peminjam telah mengambil alih tanggungan sesuatu perbadanan yang berhubungan semasa suku tahun itu, laporan itu hendaklah memasukkan perincian tentang takat tanggungan yang diambil alih semasa suku tahun itu dan takat tanggungan pada akhir suku tahun itu.

(6) Bagi maksud subseksyen (4) dan (5), laporan itu—

- (a) hendaklah membezakan antara amaun yang terhutang dengan pengambilalihan tanggungan yang bercagar dan yang tidak bercagar; dan
- (b) boleh tidak memasukkan apa-apa deposit, pinjaman atau pengambilalihan tanggungan bagi pihak perbadanan yang berhubungan itu jika perbadanan yang berhubungan itu—
 - (i) menjamin pembayaran balik debentur peminjam itu; dan
 - (ii) menyediakan jaminan dengan mencagarkan kesemua hartanya dengan memihak kepada pemegang amanah bagi pemegang debentur peminjam itu.

(7) Jika suatu prospektus yang diterbitkan berkaitan dengan suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, apa-apa debentur termasuk suatu pernyataan yang berhubungan dengan suatu maksud atau projek tertentu yang baginya wang yang diterima oleh seseorang sebagai respons kepada terbitan, tawaran atau pelawaan itu hendak digunakan,

laporan itu hendaklah termasuk perincian tentang kemajuan yang telah dibuat ke arah mencapai maksud itu atau menyiapkan projek itu.

(8) Laporan itu hendaklah—

- (a) dibuat mengikut suatu resolusi pengarah; dan
- (b) menyatakan tarikh laporan itu dibuat.

(9) Jika peminjam gagal menghantar serah laporan itu kepada pemegang amanah, pemegang amanah itu hendaklah memaklumkan Suruhanjaya tentang hakikat itu.

(10) Seseorang peminjam yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan peminjam untuk memaklumkan pemegang amanah dan Suruhanjaya kejadian material yang berlaku

267. (1) Walau apa pun seksyen 266, seseorang peminjam hendaklah memberitahu pemegang amanah dan Suruhanjaya dengan seberapa segera yang mungkin selepas peminjam menyedari—

- (a) tentang apa-apa kejadian yang berlaku yang telah menyebabkan atau boleh menyebabkan, satu atau lebih daripada yang berikut:
 - (i) apa-apa amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur itu menjadi kena dibayar dengan serta-merta;
 - (ii) debentur menjadi berkuat kuasa dengan serta-merta; atau
 - (iii) apa-apa hak atau remedi lain di bawah terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah itu menjadi berkuat kuasa dengan serta-merta; atau

(b) tentang apa-apa hal keadaan yang berlaku yang boleh memudaratkan secara material—

(i) peminjam itu, subsidiarinya atau penjaminnya; atau

(ii) apa-apa jaminan atau cagaran yang terkandung dalam atau diwujudkan oleh debentur atau surat ikatan amanah itu.

(2) Seseorang peminjam yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan peminjam jika prospektus menyatakan maksud atau projek yang baginya wang hendak digunakan

268. (1) Jika prospektus yang berhubungan dengan suatu debentur mengandungi suatu pernyataan tentang maksud atau projek tertentu yang baginya amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur yang dimaksudkan oleh surat ikatan amanah itu hendak digunakan dan peminjam berniat untuk menukar maksud atau projek yang baginya amaun itu hendak digunakan selepas debentur itu diterbitkan kepada pemegang debentur, peminjam hendaklah—

(a) memberitahu Suruhanjaya; dan

(b) memberikan suatu notis secara bertulis yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2) kepada setiap pemegang debentur.

(2) Notis yang disebut dalam subseksyen (1) boleh diluluskan oleh Suruhanjaya jika notis itu—

(a) menyatakan maksud atau projek yang baginya amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur sebenarnya hendak digunakan;

(b) menawarkan untuk membayar balik amaun itu kepada setiap pemegang debentur; dan

- (c) mengandungi apa-apa maklumat dan butir-butir sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

(3) Peminjam tidak bertanggung untuk membayar balik amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur yang diterbitkan oleh peminjam di bawah subseksyen (1) jika pemegang debentur itu tidak menuntut secara bertulis bagi pembayaran balik amaun itu dalam masa empat belas hari selepas penerimaan notis itu atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditentukan dalam notis itu.

(4) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa maksud atau projek yang baru itu berlawanan dengan kelulusan atau dengan terma atau syarat kelulusan yang diberikan di bawah seksyen 214 atau kebenaran atau pengiktirafan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 256C, Suruhanjaya boleh tidak membenarkan peminjam meneruskan maksud atau projek baru itu yang baginya amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur itu hendak digunakan dan mengarahkan pembayaran balik amaun itu kepada setiap orang yang daripadanya amaun itu diterima.

(5) Jika seseorang peminjam menerima notis yang disebut dalam perenggan 273(2)(h), subseksyen 280(4) atau (5), peminjam adalah bertanggung untuk membayar balik amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur yang diterbitkan oleh peminjam itu kepada mana-mana orang yang kepadanya amaun itu adalah terhutang atau yang daripadanya amaun itu diterima.

(6) Tertakluk pada subseksyen (4), suatu notis yang diberikan oleh peminjam di bawah perenggan (1)(b) hendaklah mempunyai kesan seolah-olah maksud atau projek yang ditentukan dalam notis itu merupakan maksud atau projek yang ditentukan dalam prospektus itu.

(7) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Suruhanjaya boleh, atas permohonan bertulis mana-mana peminjam atau atas kehendaknya sendiri, membuat suatu perintah yang melepaskan mana-mana orang daripada, atau meluluskan apa-apa perubahan kepada, kehendak seksyen ini.

(8) Seseorang peminjam yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Obligasi pengarah peminjam untuk menghantar serah penyata kewangan

269. (1) Pengarah bagi tiap-tiap peminjam hendaklah menghantar serah kepada pemegang amanah dan Suruhanjaya dan menyerah simpan dengan Pendaftar apa-apa penyata kewangan peminjam sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), pengarah peminjam itu hendaklah menghantar serah suatu salinan akaun tahunan teraudit peminjam kepada pemegang amanah dan Suruhanjaya dalam masa dua minggu dari tarikh mesyuarat agung tahunan peminjam.

(3) Jika peminjam merupakan suatu perbadanan tersenarai yang dikehendaki untuk mengemukakan maklumat kepada Suruhanjaya di bawah seksyen 319, peminjam tidak dikehendaki untuk menghantar serah akaun tahunan terauditnya kepada Suruhanjaya di bawah seksyen ini.

(4) Jika pengarah seseorang peminjam tidak menghantar serah kepada pemegang amanah suatu salinan apa-apa penyata kewangan peminjam sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) atau suatu salinan akaun tahunan teraudit peminjam di bawah subseksyen (2), pemegang amanah itu hendaklah memaklumkan Suruhanjaya tentang hakikat itu.

(5) Jika pengarah seseorang peminjam melanggar atau tidak mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan pematuhan subseksyen (1) atau (2), setiap pengarah melakukan suatu kesalahan.

Peminjam hendaklah mengeluarkan dokumen yang merupakan keterangan keberhutangan, dsb.

270. (1) Peminjam hendaklah, dalam masa dua minggu atau apaapa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, selepas penerimaan wang sebagai respons kepada suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, suatu bilangan atau nilai tertentu debentur, memberikan kepada orang itu suatu dokumen yang mengesahkan, yang merupakan keterangan atau yang merupakan pengesahan keberhutangan peminjam itu berkenaan dengan penerimaan wang sebagai respons kepada terbitan, tawaran atau pelawaan itu.

(2) Suatu dokumen yang dikeluarkan oleh peminjam berkenaan dengan apa-apa wang yang diterima oleh peminjam sebagai respons kepada suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, mana-mana debentur yang memperaku bahawa orang yang dinamakan dalam dokumen itu—

- (a) ialah pemegang berdaftar suatu bilangan atau nilai tertentu debentur yang diterbitkan oleh peminjam; dan
- (b) adalah tertakluk pada peruntukan dan waad yang terkandung dalam surat ikatan amanah yang disebut atau dikenal pasti dalam dokumen itu,

hendaklah disifatkan sebagai suatu dokumen yang merupakan keterangan keberhutangan peminjam berkenaan dengan wang itu.

(3) Seseorang peminjam tidak boleh menerima atau meneruskan langganan suatu terbitan debentur yang melebihi amaun terbitan yang dizahirkan dalam prospektus melainkan jika peminjam menyatakan dalam prospektus itu—

- (a) secara jelas bahawa peminjam mempunyai hak untuk menerima atau meneruskan langganan yang berlebihan; dan
- (b) suatu had yang dinyatakan sebagai suatu jumlah wang yang tertentu daripada amaun langganan yang berlebihan yang

boleh diterima atau diteruskan, yang merupakan suatu amaun lebih yang tidak melebihi dua puluh lima peratus daripada amaun terbitan yang dizahirkan dalam prospektus itu.

(4) Seseorang peminjam yang melanggar subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan penjamin

271. (1) Jika seseorang peminjam dikehendaki membuat suatu surat ikatan amanah di bawah seksyen 258 berhubung dengan mana-mana debentur, seseorang penjamin berkenaan dengan debentur itu hendaklah—

- (a) berusaha bersungguh-sungguh untuk menjalankan dan mengendalikan perniagaannya dengan cara yang betul dan cekap;
- (b) menjadikan tersedia semua rekod kewangannya atau rekod lain bagi pemeriksaan oleh—
 - (i) pemegang amanah itu;
 - (ii) seorang pegawai atau pekerja pemegang amanah yang diberi kuasa oleh pemegang amanah untuk menjalankan pemeriksaan itu; atau
 - (iii) seorang juruaudit syarikat yang diluluskan yang dilantik oleh pemegang amanah untuk menjalankan pemeriksaan itu,

dan memberi orang yang menjalankan pemeriksaan itu apa-apa maklumat, penerangan atau bantuan lain yang diperlukan oleh orang itu;

- (c) memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan diri penjamin sendiri yang dikehendaki di bawah

subseksyen 266(3) supaya dimuatkan dalam laporan suku tahunan kepada peminjam, dalam masa empat belas hari dari tarikh peminjam meminta maklumat itu melalui notis secara bertulis atau dalam apa-apa tempoh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari sebagaimana yang ditentukan dalam notis itu; dan

- (d) jika penjamin mewujudkan suatu cagaran—
- (i) memberikan perincian bertulis kepada pemegang amanah tentang cagaran itu dalam masa dua puluh satu hari selepas cagaran itu diwujudkan; dan
 - (ii) memberikan perincian bertulis kepada pemegang amanah tentang—
 - (A) amaun setiap pendahuluan yang dibuat dalam masa tujuh hari selepas pendahuluan itu dibuat; atau
 - (B) jika pendahuluan itu digabungkan dalam suatu akaun semasa dengan suatu bank, pemiutang dagangan atau mana-mana orang lain, amaun bersih yang belum dijelaskan atas pendahuluan pada akhir tiap-tiap tiga bulan.
- (2) Seseorang penjamin yang melanggar perenggan (1)(a) tidak melakukan suatu kesalahan.
- (3) Seseorang penjamin yang melanggar perenggan (1)(b) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.
- (4) Seseorang penjamin yang melanggar perenggan (1)(c) atau (d) melakukan suatu kesalahan.
- (5) Jika seseorang penjamin melanggar perenggan (1)(b), Suruhanjaya boleh mengarahkan supaya penjamin mematuhi peruntukan perenggan itu.

(6) Seseorang penjamin yang melanggar arahan Suruhanjaya yang dikeluarkan menurut subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan.

Obligasi pengarah penjamin untuk menghantar serah nyata kewangan

272. (1) Pengarah bagi tiap-tiap penjamin hendaklah menghantar serah kepada pemegang amanah dan Suruhanjaya dan menyerahkan simpan dengan Pendaftar apa-apa nyata kewangan penjamin sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), pengarah penjamin itu hendaklah menghantar serah suatu salinan akaun tahunan teraudit penjamin kepada pemegang amanah dan Suruhanjaya dalam masa dua minggu dari tarikh mesyuarat agung tahunan penjamin.

(3) Jika penjamin merupakan suatu perbadanan tersenarai yang dikehendaki supaya mengemukakan maklumat kepada Suruhanjaya di bawah seksyen 319, penjamin tidak dikehendaki untuk menghantar serah akaun tahunan terauditanya kepada Suruhanjaya di bawah seksyen ini.

(4) Jika pengarah seseorang penjamin tidak menghantar serah kepada pemegang amanah suatu salinan apa-apa nyata kewangan penjamin sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) atau suatu salinan akaun tahunan teraudit penjamin di bawah subseksyen (2), pemegang amanah itu hendaklah memaklumkan Suruhanjaya tentang hakikat itu.

(5) Jika pengarah seseorang penjamin melanggar atau tidak mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan pematuhan subseksyen (1) atau (2), setiap pengarah melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan pemegang amanah

273. (1) Pemegang amanah suatu surat ikatan amanah yang dibuat di bawah seksyen 258—

- (a) hendaklah memuaskan hatinya sendiri bahawa peruntukan sesuatu prospektus, memorandum maklumat atau dokumen penzahiran yang berhubungan dengan debentur itu tidak mengandungi apa-apa perkara yang tidak selaras dengan terma, peruntukan dan waad debentur dan surat ikatan amanah itu;
- (b) hendaklah memastikan bahawa peminjam dan setiap penjamin mematuhi Penggal 7 Bahagian IV *Akta Syarikat 1965, setakat yang ia terpakai bagi debentur itu;
- (c) hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa peminjam atau penjamin meremedi mana-mana pelanggaran terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah atau mana-mana pelanggaran peruntukan Akta ini;
- (d) hendaklah memberitahu Suruhanjaya secepat yang dapat dilaksanakan jika peminjam atau penjamin gagal untuk meremedi mana-mana pelanggaran terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah atau mana-mana pelanggaran peruntukan Akta ini;
- (e) hendaklah, jika peminjam atau penjamin gagal untuk meremedi mana-mana pelanggaran terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah atau mana-mana pelanggaran peruntukan Akta ini, memanggil suatu mesyuarat pemegang debentur dan membentangkan di mesyuarat itu cadangan untuk melindungi kepentingan pemegang debentur sebagaimana yang dianggap perlu atau

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

sesuai oleh pemegang amanah dan mendapatkan arahan mereka; dan

- (f) hendaklah memberitahu Suruhanjaya secepat yang dapat dilaksanakan jika pemegang amanah mendapati bahawa pemegang amanah itu tidak layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 260.

(2) Jika suatu cadangan yang berhubungan dengan debentur diluluskan di bawah seksyen 214, dibenarkan atau diiktiraf oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 256c atau diserahkan dengan Suruhanjaya, pemegang amanah hendaklah—

- (a) menjalankan usaha yang munasabah untuk memastikan sama ada aset peminjam dan setiap penjamin yang ada atau boleh digunakan, sama ada secara jaminan atau selainnya, adalah tidak mencukupi atau berkemungkinan menjadi tidak mencukupi untuk membayar balik amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur yang dimaksudkan oleh surat ikatan amanah itu apabila ia menjadi kena dibayar;
- (b) memberitahu Suruhanjaya secepat yang dapat dilaksanakan jika—
 - (i) peminjam telah melanggar seksyen 265 atau 266; atau
 - (ii) seseorang penjamin telah melanggar perenggan 271(1)(d);
- (c) jika peminjam atau penjamin gagal untuk meremedi mana-mana pelanggaran terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah atau mana-mana pelanggaran peruntukan Akta ini memanggil suatu mesyuarat pemegang debentur dan membentangkan di mesyuarat itu cadangan untuk melindungi kepentingan pemegang debentur sebagaimana yang dianggap perlu atau sesuai oleh pemegang amanah dan mendapatkan arahan mereka;

- (d) mematuhi apa-apa arahan yang diberikan kepadanya di mesyuarat pemegang debentur yang disebut dalam seksyen 277, 278 dan 279 melainkan jika—
- (i) pemegang amanah berpendapat bahawa arahan itu tidak selaras dengan terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah atau peruntukan Akta ini atau selainnya boleh dibantah; dan
 - (ii) pemegang amanah telah sama ada memperoleh, atau dalam proses untuk memperoleh, suatu perintah daripada mahkamah di bawah seksyen 282 untuk mengetepikan atau mengubah arahan itu;
- (e) memberi pemegang debentur suatu pernyataan yang menerangkan kesan apa-apa cadangan yang dikemukakan oleh peminjam kepada pemegang debentur sebelum apa-apa mesyuarat yang—
- (i) dipanggil oleh mahkamah berhubung dengan suatu skim perkiraan atau kompromi di bawah subseksyen 176(1) * Akta Syarikat 1965; atau
 - (ii) dipanggil oleh pemegang amanah di bawah subseksyen 278(1);
- (f) memohon kepada Suruhanjaya untuk suatu arahan di bawah subseksyen 280(1) jika pemegang amanah selepas siasatan yang sewajarnya berpendapat bahawa aset peminjam dan penjamin yang ada atau boleh digunakan, sama ada secara jaminan atau selainnya, adalah tidak mencukupi atau berkemungkinan menjadi tidak mencukupi untuk membayar balik amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur itu yang dimaksudkan oleh surat ikatan amanah itu apabila ia menjadi kena dibayar;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (g) memohon kepada mahkamah bagi suatu perintah di bawah seksyen 282 jika—
- (i) pemegang amanah selepas siasatan yang sewajarnya berpendapat bahawa aset peminjam dan penjamin yang ada atau boleh digunakan, sama ada secara jaminan atau selainnya, adalah tidak mencukupi atau berkemungkinan menjadi tidak mencukupi untuk membayar balik amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur itu yang dimaksudkan oleh surat ikatan amanah itu apabila ia menjadi kena dibayar; atau
 - (ii) peminjam telah gagal mematuhi arahan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 280(1); dan
- (h) jika prospektus yang berhubungan dengan debentur mengandungi suatu pernyataan tentang maksud atau projek tertentu yang amaun itu akan digunakan dan—
- (i) pemegang amanah mendapati bahawa maksud atau projek itu tidak tercapai dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus itu atau jika tiada masa dinyatakan, dalam masa yang munasabah; atau
 - (ii) pemegang amanah berpendapat bahawa notis adalah perlu bagi melindungi kepentingan pemegang debentur,

memberikan notis secara bertulis kepada peminjam yang menghendakinya membayar balik amaun yang dijamin atau kena di bayar di bawah debentur yang dimaksudkan oleh surat ikatan amanah itu dalam masa satu bulan selepas notis diberikan dan menghantar serah suatu salinan notis itu kepada Suruhanjaya, melainkan jika pemegang amanah itu berpuas hati dengan mana-mana atau kesemua daripada yang berikut:

- (A) bahawa maksud atau projek itu telah sebahagian besarnya dicapai atau disiapkan; atau

(B) bahawa kepentingan pemegang debentur tidak dimudartakan secara material dengan kegagalan untuk mencapai atau menyiapkan maksud atau projek itu dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus atau dalam masa yang munasabah.

(3) Bagi maksud perenggan 2(f) dan (g), seseorang pemegang amanah dalam membuat apa-apa permohonan kepada Suruhanjaya atau kepada mahkamah—

(a) hendaklah mengambil kira sifat dan jenis jaminan yang diberikan apabila debentur itu pertama kali diterbitkan atau, jika tiada jaminan diberikan, hendaklah mengambil kira kedudukan pemegang debentur sebagai pemiutang tidak terjamin peminjam itu; dan

(b) boleh bergantung kepada apa-apa perakuan atau laporan yang diberikan atau pernyataan yang dibuat oleh mana-mana peguam bela, juruaudit atau pegawai peminjam atau penjamin jika ia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa peguam bela, juruaudit atau pegawai itu adalah berwibawa untuk memberikan atau membuat perakuan, laporan atau pernyataan itu.

(4) Seseorang pemegang amanah yang melanggar subseksyen (1) tidak melakukan suatu kesalahan.

Pengecualian bagi pemegang amanah daripada tanggungan dan menanggung rugi tanggungan

274. (1) Tertakluk pada seksyen ini, suatu terma, peruntukan atau waad sesuatu debentur atau sesuatu surat ikatan amanah atau suatu terma sesuatu kontrak dengan pemegang debentur yang dijamin oleh suatu surat ikatan amanah adalah terbatal setakat yang terma, peruntukan atau waad itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mempunyai kesan—

- (a) yang mengecualikan seseorang pemegang amanah daripada tanggungan kerana melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau kerana pecah amanah atau kerana tidak menunjukkan tahap ketelitian dan ketekunan yang dikehendaki daripadanya sebagai seorang pemegang amanah; atau
- (b) yang menanggung rugi seseorang pemegang amanah terhadap tanggungan kerana melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau kerana pecah amanah atau kerana tidak menunjukkan tahap ketelitian dan ketekunan yang dikehendaki daripadanya sebagai seorang pemegang amanah,

melainkan jika terma, peruntukan atau waad itu—

- (A) melepaskan pemegang amanah itu daripada tanggungan bagi apa-apa yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan sebelum pelepasan itu diberi; atau
 - (B) membolehkan suatu mesyuarat pemegang debentur untuk meluluskan pelepasan seseorang pemegang amanah daripada tanggungan bagi apa-apa jua yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan sebelum pelepasan itu diberi.
- (2) Bagi maksud subperenggan (1)(B)—
- (a) suatu pelepasan diluluskan sekiranya pemegang debentur yang mengundi bagi resolusi itu memegang tujuh puluh lima peratus daripada nilai nominal debentur yang dipegang oleh semua pemegang debentur yang menghadiri mesyuarat itu dan mengundi atas resolusi itu; dan
 - (b) seseorang pemegang debentur menghadiri mesyuarat itu dan mengundi atas resolusi itu jika—
 - (i) pemegang debentur itu sendiri menghadiri mesyuarat itu dan mengundi atas resolusi itu; atau

- (ii) jika proksi dibenarkan, pemegang debentur itu diwakili dalam mesyuarat itu oleh seorang proksi dan proksi itu mengundi atas resolusi itu.

Pemegang amanah ditanggung rugi

275. (1) Seseorang pemegang amanah tidak bertanggung bagi apa-apa jua yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan menurut arahan yang diberikan kepada pemegang amanah itu oleh pemegang debentur dalam mana-mana mesyuarat yang dipanggil di bawah seksyen 277, 278 atau 279.

(2) Seseorang pemegang amanah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa hak lain di bawah surat ikatan amanah, mendapatkan bayaran ganti dengan menolak daripada apa-apa wang yang masuk ke tangan pemegang amanah itu daripada peminjam segala kos yang munasabah yang dilakukan dalam menerangkan kesan mana-mana cadangan yang dikemukakan oleh peminjam kepada pemegang debentur dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 273(2)(e).

Kewajipan juruaudit kepada pemegang amanah bagi pemegang debentur

276. (1) Seseorang juruaudit peminjam hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas memberikan peminjam apa-apa kunci kira-kira, akaun untung rugi atau apa-apa laporan, perakuan atau dokumen lain yang dia dikehendaki oleh *Akta Syarikat 1965 atau oleh debentur atau surat ikatan amanah itu untuk memberikan kepada peminjam, menghantarkan suatu salinan apa-apa kunci kira-kira, akaun untung rugi, laporan, perakuan atau dokumen lain melalui pos kepada tiap-tiap pemegang amanah bagi pemegang debentur peminjam itu.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

(2) Jika, dalam pelaksanaan kewajipannya sebagai juruaudit peminjam, juruaudit itu menyedari apa-apa perkara yang, pada pendapat profesionalnya, berkaitan dengan perjalanan dan pelaksanaan kuasa dan kewajipan yang dikenakan ke atas pemegang amanah—

- (a) oleh Akta ini; atau
- (b) di bawah surat ikatan amanah,

juruaudit itu hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas menyedari perkara itu, melaporkan perkara itu kepada peminjam dan pemegang amanah itu.

(3) Jika, dalam pelaksanaan kewajipannya sebagai juruaudit peminjam, juruaudit itu menyedari—

- (a) apa-apa perkara yang, pada pendapat profesionalnya, boleh menjadi suatu pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (b) apa-apa ketidakaturan yang mempunyai kesan yang material ke atas keupayaan peminjam untuk membayar balik apa-apa amaun di bawah debentur itu,

juruaudit itu hendaklah dengan segera melaporkan perkara itu kepada Suruhanjaya.

(4) Juruaudit tidak, dengan ketiadaan bukti niat jahat pada pihaknya, bertanggung atas apa-apa tindakan bagi fitnah dalam guaman yang dibawa oleh mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa pernyataan yang dibuat dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), (2) atau (3).

(5) Seseorang juruaudit yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(6) Seseorang juruaudit yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan peminjam untuk memanggil mesyuarat

277. (1) Seseorang peminjam hendaklah memanggil suatu mesyuarat pemegang debentur jika—

- (a) pemegang debentur yang secara bersesama memegang sepuluh peratus atau lebih daripada nilai nominal debentur yang diterbitkan yang dimaksudkan oleh surat ikatan amanah mengarahkan peminjam supaya berbuat demikian;
- (b) arahan itu diberikan kepada peminjam secara bertulis di pejabat berdaftarnya; dan
- (c) maksud mesyuarat itu adalah untuk—
 - (i) menimbangkan penyata kewangan atau akaun tahunan teraudit yang terakhir dihantar serah kepada pemegang amanah di bawah seksyen 269 atau 272;
 - (ii) memberikan apa-apa arahan yang difikirkan patut oleh mesyuarat itu kepada pemegang amanah; atau
 - (iii) menimbangkan apa-apa perkara lain berhubung dengan surat ikatan amanah itu.

(2) Jika seseorang peminjam dikehendaki supaya memanggil suatu mesyuarat, peminjam itu mesti memberikan notis mengenai masa dan tempat mesyuarat itu kepada—

- (a) pemegang amanah;
- (b) juruaudit peminjam itu; dan

- (c) mana-mana pemegang debentur yang namanya dimasukkan dalam daftar pemegang debentur atau rekod pendeposit, mengikut mana-mana yang berkenaan,

mengikut peruntukan subseksyen (3) dan (4).

(3) Bagi maksud subseksyen (2), notis kepada pemegang bersesama suatu debentur mesti diberikan kepada pemegang bersesama yang pertama dinamakan dalam daftar pemegang debentur atau rekod pendeposit, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Seseorang peminjam boleh memberikan notis kepada seorang pemegang debentur—

- (a) dengan sendiri;
- (b) dengan menghantarnya melalui pos ke alamat pemegang debentur yang terdapat dalam daftar pemegang debentur; atau
- (c) dengan apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah itu.

(5) Suatu notis mesyuarat yang diposkan kepada seorang pemegang debentur hendaklah dikira sebagai diberi tiga hari selepas notis itu diposkan, melainkan jika terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah itu memperuntukkan selainnya.

(6) Seseorang pemegang amanah boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat pemegang debentur yang dipanggil di bawah subseksyen (1) dan jika pemegang amanah itu tidak menjalankan kuasa ini, pemegang debentur yang hadir pada mesyuarat itu boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(7) Seseorang peminjam yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Kuasa pemegang amanah untuk memanggil mesyuarat

278. (1) Jika seseorang peminjam atau penjamin gagal meremedi apa-apa pelanggaran terma, peruntukan atau waad suatu debentur atau surat ikatan amanah atau apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini apabila dikehendaki oleh pemegang amanah, pemegang amanah itu boleh—

- (a) memanggil suatu mesyuarat pemegang debentur;
- (b) memberitahu pemegang debentur tentang kegagalan itu pada mesyuarat itu;
- (c) mengemukakan cadangan bagi melindungi kepentingan pemegang debentur kepada mesyuarat itu; dan
- (d) meminta arahan daripada pemegang debentur yang berhubung dengan perkara itu.

(2) Seseorang pemegang amanah boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat pemegang debentur yang dipanggil di bawah subseksyen (1) dan jika pemegang amanah itu tidak menjalankan kuasa ini, pemegang debentur yang hadir pada mesyuarat itu boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Seseorang pemegang amanah berhak untuk dibayar ganti oleh peminjam bagi apa-apa kos yang dilakukan dalam memanggil suatu mesyuarat pemegang debentur menurut mana-mana kewajipan atau fungsinya di bawah Akta ini atau mana-mana terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah itu.

Mahkamah boleh memerintahkan suatu mesyuarat pemegang debentur

279. (1) Tanpa mengehadkan kesan seksyen 281 atau 282, mahkamah boleh membuat suatu perintah di bawah salah satu seksyen itu supaya suatu mesyuarat kesemua atau mana-mana pemegang debentur diadakan bagi memberikan arahan kepada pemegang amanah.

(2) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh mengarahkan pemegang amanah supaya—

- (a) membentangkan kepada pemegang debentur apa-apa maklumat tentang kepentingan pemegang debentur;
- (b) membentangkan kepada pemegang debentur apa-apa cadangan untuk melindungi kepentingan pemegang debentur yang diarahkan oleh mahkamah atau yang dianggap sesuai oleh pemegang amanah; dan
- (c) mendapatkan arahan daripada pemegang debentur tentang perlindungan kepentingan pemegang debentur.

(3) Mesyuarat itu hendaklah diadakan dan dijalankan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

(4) Seseorang pemegang amanah boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat itu dan jika pemegang amanah tidak menjalankan kuasa ini, pemegang debentur yang hadir pada mesyuarat itu boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Kuasa Suruhanjaya untuk melindungi kepentingan pemegang debentur

280. (1) Suruhanjaya boleh, atas permohonan seseorang pemegang amanah di bawah perenggan 273(2)(f) atau atas kehendaknya sendiri jika pemegang amanah gagal atau enggan untuk bertindak, mengeluarkan suatu arahan bertulis kepada seseorang peminjam yang mengenakan sekatan ke atas aktiviti peminjam itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi melindungi kepentingan pemegang debentur.

(2) Suruhanjaya hendaklah menyampaikan arahan bertulis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) di pejabat berdaftar peminjam di Malaysia.

(3) Suruhanjaya, dalam mengeluarkan suatu arahan di bawah subseksyen (1), hendaklah terlebih dahulu memberi suatu peluang kepada peminjam untuk didengar berhubung dengan permohonan itu.

(4) Jika suatu prospektus yang berhubungan dengan mana-mana debentur mengandungi suatu pernyataan tentang maksud atau projek tertentu yang amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur itu hendak digunakan dan—

- (a) Suruhanjaya mendapati bahawa maksud atau projek itu tidak disiapkan dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus itu atau, jika masa tidak dinyatakan, dalam masa yang munasabah;
- (b) Suruhanjaya berpendapat bahawa notis adalah perlu bagi melindungi kepentingan pemegang debentur; dan
- (c) pemegang amanah berhubung dengan debentur itu gagal atau enggan untuk bertindak di bawah perenggan 273(2)(h),

Suruhanjaya boleh, selepas siasatan yang sewajarnya, mengarahkan peminjam secara bertulis supaya membayar balik amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur yang diterbitkan oleh peminjam itu dalam masa satu bulan selepas notis itu diberikan, melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati dengan mana-mana atau kesemua yang berikut:

- (A) bahawa tujuan atau projek itu sebahagian besarnya telah dicapai atau disiapkan; atau
- (B) bahawa kepentingan pemegang debentur tidak dimudartkan secara material disebabkan kegagalan untuk mencapai atau menyiapkan tujuan atau projek itu dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus atau dalam masa yang munasabah.

(5) Jika suatu prospektus yang berhubungan dengan mana-mana debentur mengandungi suatu pernyataan tentang tujuan atau projek tertentu yang amaun yang dijamin atau kena dibayar di bawah debentur

itu hendak digunakan dan Suruhanjaya menyedari, melalui cara selain melalui pemberitahuan oleh peminjam di bawah subseksyen 268(1), bahawa amaun itu pada hakikatnya digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi suatu tujuan atau projek yang tidak dinyatakan dalam prospektus itu, Suruhanjaya boleh, selepas siasatan sewajarnya, mengarahkan peminjam secara bertulis supaya membayar balik amaun itu kepada setiap orang yang daripadanya amaun itu diterima atau jika debentur diterbitkan, kepada setiap pemegang debentur, dalam masa satu bulan selepas notis itu diberikan.

Kewajipan untuk memberitahu Suruhanjaya, dsb.

280A. (1) Seksyen ini terpakai—

- (a) jika sesuatu memorandum maklumat atau dokumen penzahiran telah diserahkan simpan dengan Suruhanjaya atau diterbitkan berhubung dengan—
 - (i) suatu tawaran bagi langganan atau pembelian debentur;
 - (ii) suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli debentur; atau
 - (iii) penyediaan debentur; dan
- (b) jika mana-mana orang mengetahui atau menyedari bahawa—
 - (i) terdapat suatu perubahan yang signifikan yang menyentuh suatu perkara yang dizahirkan dalam memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu;
 - (ii) memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu mungkin mengandungi suatu pernyataan yang material atau maklumat yang palsu atau mengelirukan; atau

- (iii) memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu mungkin mengandungi suatu pernyataan atau maklumat yang daripadanya terdapat peninggalan yang material.

(2) Jika orang itu mengetahui atau menyedari perkara yang disebut dalam subseksyen (1), dia hendaklah dengan segera memberitahu orang yang bertanggungjawab bagi pengagihan debentur, mengenai perkara itu.

(3) Orang yang bertanggungjawab bagi pengagihan debentur itu hendaklah apabila diberitahu di bawah subseksyen (2) memaklumkan—

- (a) Suruhanjaya; dan
- (b) mana-mana orang yang telah diberikan memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu,

mengenai perkara yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Suruhanjaya boleh, apabila dimaklumkan di bawah subseksyen (3), mengarahkan mana-mana orang untuk membetulkan perkara, maklumat atau pernyataan dalam memorandum maklumat atau dokumen penzahiran itu, atau mengambil apa-apa langkah remedi yang sesuai, sebagaimana yang didapati perlu oleh Suruhanjaya.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(6) Bagi maksud seksyen ini, suatu dokumen penzahiran tidak termasuk prospektus.

Kuasa am mahkamah untuk memberikan arahan dan menentukan soalan

281. Jika seseorang pemegang amanah memohon kepada mahkamah bagi mendapatkan apa-apa arahan berhubung dengan

penjalanan fungsi pemegang amanah itu atau untuk menentukan apa-apa soalan berhubung dengan kepentingan pemegang debentur, mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan dan membuat apa-apa perisytiharan atau penentuan berhubung dengan perkara itu atau membuat apa-apa perintah sampungan atau berbangkit yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Kuasa khusus mahkamah

282. (1) Jika seseorang peminjam, pemegang amanah atau Suruhanjaya memohon kepada mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah di bawah peruntukan Akta ini atau menurut mana-mana terma, peruntukan atau waad sesuatu debentur atau sesuatu surat ikatan amanah, mahkamah boleh membuat mana-mana atau kesemua perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah yang menggantung tindakan atau prosiding sivil yang lain di mahkamah oleh atau terhadap seseorang peminjam atau penjamin;
- (b) suatu perintah yang menahan seseorang peminjam daripada membayar apa-apa wang kepada pemegang debentur atau pemegang apa-apa kelas debentur lain;
- (c) suatu perintah bahawa apa-apa jaminan bagi debentur itu dikuatkuasakan dengan serta-merta atau pada suatu masa yang diarahkan oleh mahkamah, sama ada atau tidak debentur itu tidak boleh ditebus atau boleh ditebus hanya pada masa berlakunya suatu kontingensi;
- (d) suatu perintah yang melantik seorang penerima bagi apa-apa harta yang merupakan jaminan bagi debentur itu;
- (e) suatu perintah yang menyekat pengiklanan oleh seseorang peminjam untuk mendapatkan deposit atau pinjaman;
- (f) suatu perintah yang menyekat pinjaman oleh peminjam;

- (g) suatu perintah yang mengubah atau membatalkan mana-mana perintah yang dibuat oleh mahkamah di bawah Akta ini; atau
- (h) apa-apa perintah lain yang difikirkan patut oleh mahkamah bagi melindungi kepentingan pemegang debentur sedia ada atau bakal pemegang debentur.

(2) Dalam memutuskan sama ada hendak membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah hendaklah mengambil kira hak kesemua pemiutang peminjam.

Subpenggal 2 – Am

Daftar pemegang debentur

283. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), tiap-tiap peminjam yang menerbitkan debentur, yang bukan debentur yang boleh dipindah hakmilik melalui penghantarserahan, hendaklah menyimpan suatu daftar pemegang debentur di pejabat berdaftaranya atau di tempat lain di Malaysia.

(2) Jika peminjam merupakan suatu syarikat, peminjam itu hendaklah mematuhi peruntukan seksyen 70 *Akta Syarikat 1965 yang berkaitan dengan obligasi menyimpan suatu daftar pemegang debentur dan cawangan daftar pemegang debentur.

(3) Daftar itu hendaklah mengandungi butir-butir tentang—

- (a) nama dan alamat pemegang debentur; dan
- (b) amaun debentur yang dipegang oleh mereka.

(4) Daftar itu hendaklah dibuka untuk pemeriksaan oleh pemegang debentur berdaftar atau pemegang saham peminjam kecuali apabila ditutup dengan sewajarnya di bawah subseksyen (5).

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (5) Suatu daftar disifatkan ditutup dengan sewajarnya—
- (a) jika daftar itu ditutup mengikut peruntukan yang terkandung dalam—
 - (i) dokumen konstituen peminjam;
 - (ii) debentur atau perakuan stok debentur;
 - (iii) surat ikatan amanah; atau
 - (iv) apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan atau yang menjamin debentur itu; dan
 - (b) jika daftar ditutup selama apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam mana-mana dokumen yang disebut dalam subperenggan (5)(a)(i), (ii), (iii) dan (iv), dengan syarat tempoh itu tidak melebihi, mengikut agregat, tiga puluh hari dalam mana-mana tahun kalendar.
- (6) Seseorang peminjam hendaklah, atas permintaan, memberikan suatu salinan daftar pemegang debentur, atau mana-mana bahagiannya, kepada tiap-tiap pemegang debentur berdaftar atau pemegang saham peminjam itu, apabila dibayar suatu jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh peminjam.
- (7) Salinan daftar pemegang debentur yang disebut dalam subseksyen (6) tidak perlu memasukkan butir-butir mana-mana pemegang debentur selain nama dan alamat pemegang debentur berdaftar dan debentur yang dipegang olehnya.
- (8) Jika pemeriksaan tidak dibenarkan, atau salinan tidak diberikan atau tidak disampaikan dalam masa yang munasabah selepas permintaan dibuat menurut seksyen ini, peminjam dan tiap-tiap pegawai peminjam yang ingkar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.
- (9) Seseorang peminjam yang menerbitkan debentur boleh menyimpan di mana-mana tempat di luar Malaysia suatu cawangan

daftar pemegang debentur yang hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada daftar pemegang debentur peminjam, dan peruntukan Penggal 4 Bahagian V *Akta Syarikat 1965 hendaklah, dengan apa-apa penyesuaian yang perlu, terpakai bagi dan berhubung dengan penyimpanan suatu cawangan daftar pemegang debentur.

(10) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1) hingga (9), Suruhanjaya boleh, sama ada atas permohonan bertulis mana-mana peminjam yang disebut dalam subseksyen (1) atau atas kehendaknya sendiri, membuat suatu perintah yang melepaskan peminjam itu daripada, atau meluluskan apa-apa perubahan kepada, kehendak seksyen ini yang berhubungan dengan penyelenggaraan suatu daftar pemegang debentur, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(11) Seseorang peminjam dan tiap-tiap pegawai peminjam yang melanggar subseksyen (1), (3) atau (9) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Pelaksanaan spesifik

284. Suatu kontrak dengan seorang peminjam untuk mengambil dan membayar bagi apa-apa debentur peminjam boleh dikuatkuasakan oleh suatu perintah pelaksanaan spesifik.

Debentur berkekalan

285. Walau apa pun apa-apa rukun undang-undang atau ekuiti yang tidak membenarkan debentur berkekalan, suatu syarat yang terkandung dalam mana-mana debentur atau mana-mana surat ikatan amanah yang berhubungan dengan suatu debentur tidak menjadi tidak sah hanya semata-mata oleh sebab bahawa debentur itu—

(a) tidak boleh ditebus;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (b) boleh ditebus hanya apabila berlakunya suatu kontingensi, walau bagaimana tidak berkaitan sekalipun; atau
- (c) boleh ditebus selepas habis tempoh, walau bagaimana lama sekalipun.

Terbitan semula debentur yang ditebus

286. (1) Jika seseorang peminjam menebus mana-mana debentur—

- (a) melainkan jika terdapat apa-apa peruntukan sebaliknya, sama ada secara nyata atau tersirat, yang terkandung dalam dokumen konstituen peminjam atau mana-mana kontrak yang dibuat oleh peminjam; atau
- (b) melainkan jika peminjam menunjukkan niat bahawa debentur itu akan dibatalkan dengan meluluskan suatu resolusi bagi maksud itu atau dengan apa-apa perbuatan lain,

peminjam hendaklah mempunyai dan hendaklah disifatkan sebagai mempunyai kuasa untuk menerbitkan semula debentur itu, sama ada dengan menerbitkan semula debentur yang sama atau menerbitkan apa-apa debentur yang lain sebagai ganti.

(2) Penerbitan semula sesuatu debentur atau penerbitan sesuatu debentur sebagai ganti suatu debentur lain di bawah subseksyen (1) tidak boleh dikira sebagai suatu penerbitan debentur baru bagi maksud mana-mana peruntukan yang menghadkan amaun atau bilangan debentur yang boleh diterbitkan oleh peminjam.

(3) Selepas penerbitan semula, orang yang berhak kepada debentur itu hendaklah mempunyai dan hendaklah disifatkan sebagai mempunyai keutamaan yang sama seolah-olah debentur itu tidak pernah ditebus.

(4) Jika seseorang peminjam mendepositkan mana-mana debenturnya untuk menjamin pendahuluan daripada suatu akaun semasa atau selainnya, debentur itu tidak boleh disifatkan telah ditebus

semata-mata oleh sebab akaun peminjam itu tidak lagi berada dalam keadaan debit pada masa debentur itu masih didepositkan sedemikian.

Penggal 5

Skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan

Tafsiran

287. Dalam Penggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “surat ikatan” ertinya suatu dokumen yang mempunyai kesan surat ikatan dan, jika berkenaan, termasuklah suatu surat ikatan tambahan.

Kehendak ke atas pemegang amanah dan surat ikatan

288. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), tiap-tiap orang yang menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau membuat suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, apa-apa unit hendaklah—

- (a) memastikan bahawa seorang pemegang amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 289 dan yang layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 290 dilantik;
- (b) membuat suatu surat ikatan yang didaftarkan di bawah seksyen 293 dan yang memenuhi kehendak seksyen 294 atau memastikan bahawa terdapat suatu surat ikatan yang sedang berkuat kuasa yang didaftarkan di bawah seksyen 293 dan yang memenuhi kehendak seksyen 294; dan
- (c) mematuhi kehendak dan peruntukan Akta ini.

(2) Tiada seorang pun kecuali suatu syarikat pengurusan yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 289 atau seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak syarikat pengurusan yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 289 boleh—

- (a) menerbitkan;
- (b) menawarkan bagi langganan atau pembelian; atau
- (c) mempelawa mana-mana orang untuk melanggan atau membeli,

apa-apa unit.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Kelulusan bagi pemegang amanah dan syarikat pengurusan

289. (1) Tiada seorang pun boleh bertindak atau dilantik untuk bertindak sebagai pemegang amanah atau sebagai suatu syarikat pengurusan berhubung dengan suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan tanpa mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu untuk bertindak sebagai pemegang amanah atau sebagai suatu syarikat pengurusan.

(2) Suruhanjaya boleh, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, meluluskan—

- (a) suatu syarikat untuk bertindak sebagai suatu syarikat pengurusan suatu skim unit amanah atau suatu skim pelaburan ditetapkan; dan
- (b) seseorang yang layak untuk dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 290, untuk bertindak sebagai pemegang amanah suatu skim unit amanah atau suatu skim pelaburan ditetapkan.

(3) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, disebabkan oleh pelanggaran suatu terma atau syarat yang tertakluk padanya kelulusan diberi di bawah Penggal ini atau disebabkan oleh pelanggaran Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti, membatalkan kelulusan itu.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat lain sebagaimana yang difikirkannya patut semasa kelulusan masih berkuat kuasa, tetapi jika terma dan syarat yang dicadangkan untuk dikenakan itu berkemungkinan akan memudaratkan kepentingan syarikat pengurusan atau pemegang amanah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, Suruhanjaya hendaklah memberi syarikat pengurusan atau pemegang amanah itu suatu peluang untuk didengar.

(5) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu kelulusan di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa tatacara atau kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(6) Seseorang pemegang amanah atau sesuatu syarikat pengurusan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Orang yang boleh menjadi pemegang amanah

290. (1) Seseorang tidak layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang unit tanpa kelulusan Suruhanjaya jika orang itu—

- (a) ialah seorang pemegang saham yang memegang saham syarikat pengurusan secara benefisial;
- (b) adalah berhak secara benefisial kepada wang yang terhutang kepadanya oleh syarikat pengurusan; atau
- (c) ialah suatu perbadanan yang berhubungan dengan—
 - (i) orang yang disebut dalam perenggan (a) dan (b); atau
 - (ii) syarikat pengurusan itu.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan kelulusan oleh seseorang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat

mengikut apa-apa tatacara atau kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), seseorang tidak terhalang daripada dilantik atau daripada bertindak sebagai pemegang amanah semata-mata oleh sebab bahawa—

- (a) wang yang terhutang oleh syarikat pengurusan kepada pemegang amanah atau mana-mana perbadanan yang berhubungan dengan pemegang amanah itu ialah wang yang pemegang amanah itu atau mana-mana perbadanan yang berhubungan dengan pemegang amanah itu berhak sebagai pemegang amanah, mengikut peruntukan atau waad surat ikatan itu; atau
- (b) pemegang amanah atau perbadanan yang berhubungan dengan pemegang amanah itu, walaupun menjadi pemunya benefisial dalam saham syarikat pengurusan, tidak mempunyai hak untuk melaksanakan lebih daripada satu per dua puluh kuasa mengundi dalam mana-mana mesyuarat agung syarikat pengurusan.

(4) Suruhanjaya boleh, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, meluluskan seseorang untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah jika suatu permohonan dibuat kepada Suruhanjaya menurut subseksyen (1).

(5) Dalam menggunakan budi bicaranya di bawah subseksyen (4), Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—

- (a) kepentingan pemegang apa-apa unit; dan
- (b) keupayaan pemegang amanah untuk melindungi kepentingan pemegang unit sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan dan waad surat ikatan dan peruntukan Akta ini.

(6) Suruhanjaya boleh membatalkan suatu kelulusan yang diberi di bawah subseksyen (4) jika pemegang amanah tidak mematuhi mana-

mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (4) atau melanggar mana-mana peruntukan Akta ini.

(7) Seseorang pemegang amanah yang—

(a) melanggar subseksyen (1);

(b) melanggar suatu terma atau syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (4),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pemegang amanah yang sedia ada hendaklah terus bertindak sehingga pemegang amanah yang baru mengambil alih jawatan

291. Walau apa pun seksyen 43 Akta Pemegang Amanah 1949 atau apa-apa peruntukan atau waad dalam surat ikatan, seseorang pemegang amanah yang sedia ada hendaklah terus bertindak sebagai pemegang amanah sehingga seorang pemegang amanah yang baru dilantik dan mengambil alih jawatan sebagai pemegang amanah.

Penggantian pemegang amanah

292. (1) Jika tiada peruntukan dibuat dalam surat ikatan tentang pelantikan seorang pengganti bagi seseorang pemegang amanah yang bersara, syarikat pengurusan hendaklah, dalam masa satu bulan selepas menyedari niat pemegang amanah itu untuk bersara, melantik sebagai pengganti bagi pemegang amanah yang bersara itu seorang pemegang amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 289 dan yang merupakan seorang yang layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 290.

(2) Suruhanjaya boleh, atas permohonan syarikat pengurusan, seorang pemegang unit atau atas kehendaknya sendiri—

- (a) melantik, sebagai pemegang amanah, seseorang yang layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 290 jika seorang pemegang amanah tidak dilantik secara sah atau pemegang amanah itu tidak lagi wujud; atau
- (b) menamatkan pelantikan seseorang pemegang amanah yang sedia ada dan melantik sebagai ganti, sebagai pemegang amanah, seseorang yang layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 290 jika—
 - (i) pemegang amanah yang sedia ada tidak layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 290;
 - (ii) pemegang amanah yang sedia ada gagal atau enggan bertindak mengikut peruntukan atau waad surat ikatan atau peruntukan Akta ini;
 - (iii) seorang penerima dilantik bagi keseluruhan atau sebahagian yang substansial aset atau perusahaan pemegang amanah yang sedia ada dan belum berhenti bertindak di bawah pelantikan itu, atau suatu petisyen dikemukakan bagi penggulingan pemegang amanah yang sedia ada (selain bagi maksud dan diikuti oleh suatu penyusunan semula, melainkan jika semasa atau berikutan dengan penyusunan semula itu pemegang amanah yang sedia ada itu menjadi atau diisytiharkan sebagai tidak solven); atau
 - (iv) pemegang amanah itu sedang disiasat bagi kelakuan yang melanggar Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, *Akta Syarikat 1965 atau mana-mana undang-undang sekuriti.

* *CATATAN*—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

(3) Kecuali bagi subperenggan 2(a)(ii), seseorang pemegang amanah hendaklah diberi peluang untuk didengar sebelum Suruhanjaya mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (2).

(4) Sesuatu syarikat pengurusan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pendaftaran surat ikatan

293. (1) Syarikat pengurusan hendaklah mengemukakan surat ikatan yang disebut dalam perenggan 288(1)(b) kepada Suruhanjaya untuk pendaftaran dan surat ikatan itu tidak boleh dikuatkuasakan melainkan jika didaftarkan sedemikian.

(2) Suruhanjaya boleh, atas suatu permohonan untuk pendaftaran surat ikatan—

- (a) mendaftarkan surat ikatan itu;
- (b) mendaftarkan surat ikatan itu dengan apa-apa semakan atau tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut; atau
- (c) enggan mendaftarkan surat ikatan itu.

(3) Suatu permohonan di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat mengikut apa-apa tatacara atau kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya hendaklah enggan mendaftarkan suatu surat ikatan di bawah perenggan (2)(c) jika—

- (a) Suruhanjaya mendapati bahawa surat ikatan itu tidak mematuhi kehendak Akta ini atau apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (b) skim unit amanah yang dirujuk dalam surat ikatan itu tidak diluluskan di bawah seksyen 214 atau dibenarkan atau diiktiraf oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 256c; atau

- (c) pemegang amanah yang disebut dalam perenggan 288(1)(a) belum dilantik bagi maksud surat ikatan itu.

(5) Tertakluk pada subseksyen (4), Suruhanjaya hendaklah mendaftarkan suatu surat ikatan bersama dengan suatu permohonan bagi pendaftaran surat ikatan itu.

Kandungan surat ikatan

294. Suatu surat ikatan hendaklah mengandungi apa-apa peruntukan, waad, kehendak, maklumat dan butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Ubah suaian surat ikatan melalui surat ikatan tambahan

295. (1) Suatu ubah suaian boleh dibuat kepada suatu surat ikatan hanya oleh suatu surat ikatan yang dinyatakan sebagai tambahan kepada surat ikatan utama itu dan dikemukakan oleh syarikat pengurusan kepada Suruhanjaya bagi pendaftaran, dan suatu surat ikatan tambahan tidak boleh berkuat kuasa melainkan jika didaftarkan sedemikian.

(2) Suruhanjaya boleh, atas suatu permohonan untuk pendaftaran suatu surat ikatan tambahan—

- (a) mendaftarkan surat ikatan tambahan itu;
- (b) mendaftarkan surat ikatan tambahan itu dengan apa-apa semakan atau tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut; atau
- (c) enggan mendaftarkan surat ikatan tambahan itu.

(3) Suruhanjaya hendaklah enggan mendaftarkan suatu surat ikatan tambahan di bawah perenggan (2)(c) jika Suruhanjaya mendapati bahawa surat ikatan tambahan itu tidak mematuhi kehendak

Akta ini atau mana-mana kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Surat ikatan tambahan yang dikemukakan untuk pendaftaran hendaklah disertai dengan—

- (a) suatu resolusi oleh tidak kurang daripada dua per tiga daripada semua pemegang unit dalam suatu mesyuarat pemegang unit yang bersidang dan diadakan dengan sewajarnya mengikut peruntukan dan waad surat ikatan yang membolehkan ubah suaian yang dicadangkan dibuat kepada surat ikatan itu; atau
- (b) suatu pernyataan daripada pemegang amanah dan syarikat pengurusan yang memperaku bahawa pada pendapat mereka ubah suaian, perubahan atau penambahan itu tidak memudaratkan secara material kepentingan pemegang unit dan tidak mempunyai kesan yang boleh melepaskan pemegang amanah atau syarikat pengurusan itu daripada apa-apa tanggungjawab kepada pemegang unit.

(5) Suruhanjaya boleh menghendaki syarikat pengurusan, dalam apa-apa permohonan untuk pendaftaran suatu surat ikatan tambahan, supaya mendapatkan suatu resolusi di bawah perenggan (4)(a) jika pada pendapat Suruhanjaya apa-apa ubah suaian, perubahan atau penambahan kepada surat ikatan itu boleh memudaratkan kepentingan pemegang unit.

(6) Suatu surat ikatan tambahan yang mencadangkan ubah suaian, perubahan atau penambahan kepada surat ikatan yang—

- (a) akan menaikkan bayaran perkhidmatan atau fi pengurusan tahunan yang maksimum yang kena dibayar kepada syarikat pengurusan, sama ada pembayaran dibuat daripada harta atau aset skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu atau selainnya; atau
- (b) akan menaikkan bayaran maksimum yang dibenarkan untuk dibuat daripada harta atau aset skim unit amanah atau skim

pelaburan ditetapkan kepada pemegang amanah dalam bentuk saraan bagi perkhidmatan pemegang amanah itu,

hendaklah dikemukakan untuk pendaftaran bersama dengan suatu resolusi di bawah perenggan (4)(a).

(7) Suatu surat ikatan tambahan apabila didaftarkan di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada surat ikatan yang dimaksudkan oleh surat ikatan tambahan itu bagi maksud Akta ini.

(8) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Surat ikatan hendaklah diserahkan simpan dengan Suruhanjaya

296. Syarikat pengurusan hendaklah menyerahkan simpan surat ikatan dengan Suruhanjaya dalam masa tujuh hari selepas surat ikatan itu didaftarkan di bawah seksyen 293 atau 295.

Kewajipan syarikat pengurusan

297. (1) Suatu syarikat pengurusan yang dikehendaki membuat suatu surat ikatan di bawah seksyen 288—

- (a) hendaklah menjalankan dan mengendalikan perniagaannya dan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan cara yang betul, tekun dan cekap;
- (b) hendaklah menjalankan dan mengendalikan perniagaannya mengikut peruntukan dan waad surat ikatan itu, peruntukan Akta ini, mana-mana undang-undang sekuriti dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) hendaklah memberikan suatu salinan surat ikatan itu kepada seorang pemegang unit atau seorang pemegang amanah

apabila diminta suatu salinan surat ikatan itu dan apabila dibayar apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikenakan oleh syarikat pengurusan;

- (d) hendaklah menjadikan tersedia semua rekod kewangan atau rekod lain bagi suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan untuk diperiksa oleh—
- (i) seorang pemegang amanah;
 - (ii) seorang pegawai atau pekerja pemegang amanah yang diberi kuasa oleh pemegang amanah untuk menjalankan pemeriksaan itu; atau
 - (iii) seorang juruaudit syarikat yang diluluskan yang dilantik oleh pemegang amanah untuk menjalankan pemeriksaan itu,

dan memberikan mana-mana orang yang menjalankan pemeriksaan itu apa-apa maklumat, penerangan atau bantuan lain yang dikehendaki oleh mereka berhubung dengan rekod itu; dan

- (e) hendaklah membuat suatu salinan surat ikatan itu tersedia bagi pemeriksaan oleh mana-mana orang awam tanpa bayaran.

(2) Kecuali sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 378, suatu syarikat pengurusan tidak boleh bertindak sebagai prinsipal dalam penjualan dan pembelian sekuriti, harta dan aset kepada dan daripada skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan.

(3) Sesuatu syarikat pengurusan tidak boleh menyalahgunakan kedudukannya dalam menguruskan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan untuk mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, manfaat bagi dirinya sendiri atau bagi mana-mana orang lain atau menyebabkan kemudaratan kepada kepentingan pemegang unit mana-mana skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan.

(4) Sesuatu syarikat pengurusan tidak boleh, tanpa mendapatkan kelulusan pemegang amanah terlebih dahulu, melaburkan apa-apa wang yang ada di bawah surat ikatan itu dalam mana-mana sekuriti, harta dan aset yang mengenainya syarikat pengurusan atau mana-mana pegawai syarikat pengurusan itu mempunyai kepentingan kewangan atau yang daripadanya syarikat pengurusan atau mana-mana pegawai syarikat pengurusan itu mendapat sesuatu faedah.

(5) Syarikat pengurusan yang melanggar perenggan (1)(a) tidak melakukan suatu kesalahan.

(6) Syarikat pengurusan yang melanggar perenggan (1)(c), (d) atau (e) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(7) Syarikat pengurusan yang melanggar perenggan (1)(b) atau subseksyen (2), (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan.

(8) Jika suatu syarikat pengurusan melanggar perenggan (1)(c), (d) atau (e), Suruhanjaya boleh mengarahkan syarikat pengurusan itu supaya mematuhi kesemua atau mana-mana peruntukan perenggan itu.

(9) Syarikat pengurusan yang tidak mematuhi arahan Suruhanjaya yang dikeluarkan menurut subseksyen (8) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan syarikat pengurusan untuk menyerah simpan penyata, dsb.

298. (1) Suatu syarikat pengurusan—

- (a) hendaklah menyerah simpan dengan Suruhanjaya laporan tahunan suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan dalam masa dua bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu; dan

(b) hendaklah menghantar serah kepada Suruhanjaya apa-apa penyata, dokumen, buku dan butir-butir lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(2) Apa-apa dokumen yang dikehendaki supaya diserahkan simpan dengan atau dihantar serah kepada Suruhanjaya oleh sesuatu syarikat pengurusan di bawah subseksyen (1) hendaklah ditandatangani oleh sekurang-kurangnya seorang daripada pengarah syarikat pengurusan itu.

(3) Suatu syarikat pengurusan hendaklah—

(a) menghantar kepada tiap-tiap pemegang unit tanpa bayaran suatu salinan dokumen yang disebut dalam perenggan (1)(a) dalam masa dua bulan selepas berakhir setiap tahun kewangan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu; dan

(b) jika seseorang pemegang unit meminta apa-apa salinan tambahan dokumen yang disebut dalam perenggan (1)(a), menghantarkan dokumen yang diminta kepada pemegang unit itu dalam masa dua bulan selepas permintaan itu diterima dan apabila dibayar suatu jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh syarikat pengurusan itu.

(4) Suatu syarikat pengurusan hendaklah memastikan bahawa semua penyata kewangan yang dikehendaki supaya diserahkan simpan dengan atau dihantar serah kepada Suruhanjaya atau yang dikehendaki untuk dibahagikan kepada mana-mana pemegang unit yang berhubungan dengan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan hendaklah mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan.

(5) Suatu syarikat pengurusan yang melanggar subseksyen (1), (2), (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan syarikat pengurusan untuk menggantikan pemegang amanah

299. (1) Sesuatu syarikat pengurusan hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk menggantikan seorang pemegang amanah secepat yang dapat dilaksanakan selepas menyedari bahawa—

- (a) pemegang amanah itu tidak lagi wujud;
- (b) pemegang amanah itu tidak dilantik secara sah;
- (c) pemegang amanah itu tidak layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 290;
- (d) pemegang amanah itu tidak atau enggan untuk bertindak sebagai pemegang amanah mengikut peruntukan atau waad surat ikatan atau peruntukan Akta ini;
- (e) seorang penerima dilantik bagi keseluruhan atau sebahagian yang substansial aset atau pengusahaan pemegang amanah yang sedia ada dan belum terhenti bertindak di bawah pelantikan itu, atau suatu petisyen dikemukakan bagi penggulingan pemegang amanah yang sedia ada (selain bagi maksud dan diikuti oleh suatu penyusunan semula, melainkan jika semasa atau berikutan dengan penyusunan semula itu pemegang amanah yang sedia ada itu menjadi atau diisytiharkan sebagai tidak solven); atau
- (f) pemegang amanah itu sedang disiasat bagi kelakuan yang melanggar Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, *Akta Syarikat 1965 atau mana-mana undang-undang sekuriti.

(2) Suatu syarikat pengurusan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

Kewajipan pemegang amanah

300. (1) Seseorang pemegang amanah hendaklah menjaga dan mengawal segala sekuriti, harta dan aset suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan dan memegangnya atas amanah untuk pemegang unit mengikut surat ikatan, apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, peruntukan Akta ini, semua undang-undang sekuriti yang terpakai dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Seseorang pemegang amanah suatu surat ikatan yang dibuat di bawah seksyen 288 hendaklah—

- (a) memuaskan hatinya sendiri bahawa peruntukan suatu prospektus yang berhubungan dengan mana-mana skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan tidak mengandungi apa-apa perkara yang tidak selaras dengan peruntukan dan waad surat ikatan itu;
- (b) menjalankan usaha yang munasabah untuk memastikan sama ada syarikat pengurusan itu melakukan apa-apa pelanggaran peruntukan atau waad surat ikatan itu atau melanggar mana-mana peruntukan Akta ini;
- (c) melakukan segala-galanya dalam kuasanya bagi memastikan bahawa syarikat pengurusan itu meremеди apa-apa pelanggaran yang diketahui oleh pemegang amanah terhadap peruntukan atau waad surat ikatan itu atau apa-apa pelanggaran peruntukan Akta ini melainkan jika pemegang amanah itu berpuas hati bahawa pelanggaran itu tidak akan memudaratkan secara material kepentingan pemegang unit;
- (d) memberitahu Suruhanjaya secepat yang dapat dilaksanakan tentang apa-apa ketidakteraturan, apa-apa pelanggaran peruntukan atau waad surat ikatan itu, apa-apa pelanggaran peruntukan Akta ini atau apa-apa yang tidak selaras antara peruntukan prospektus dengan peruntukan atau waad surat ikatan yang disebut dalam perenggan (a) yang, pada

pendapat pemegang amanah, menandakan bahawa kepentingan pemegang unit tidak dijaga;

- (e) memberikan kepada pemegang unit suatu pernyataan yang menjelaskan kesan apa-apa cadangan yang dikemukakan oleh syarikat pengurusan itu kepada pemegang unit dalam mana-mana mesyuarat yang—
 - (i) diperintahkan oleh mahkamah berhubung dengan suatu skim perkiraan atau kompromi di bawah subseksyen 176(1) *Akta Syarikat 1965; atau
 - (ii) dipanggil oleh pemegang amanah itu di bawah seksyen 306; dan
- (f) mematuhi apa-apa arahan yang diberikan kepada pemegang amanah itu dalam mesyuarat pemegang unit yang disebut dalam seksyen 305, 306 atau 307, melainkan jika—
 - (i) pemegang amanah itu berpendapat bahawa arahan itu tidak selaras dengan mana-mana peruntukan atau waad surat ikatan atau peruntukan Akta ini atau selainnya boleh dibantah; dan
 - (ii) pemegang amanah telah sama ada memperoleh, atau dalam proses untuk memperoleh, suatu perintah daripada mahkamah di bawah seksyen 314 untuk mengetepikan atau mengubah arahan itu.

(3) Seorang pemegang amanah yang melanggar subseksyen (1) atau (2) tidak melakukan suatu kesalahan.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

Kewajipan pemegang amanah untuk menggulung skim

301. (1) Jika suatu syarikat pengurusan dalam pelikuidasian atau jika, pada pendapat pemegang amanah, suatu syarikat pengurusan telah terhenti daripada menjalankan perniagaan atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan atau waad surat ikatan atau melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, sehingga memudaratkan pemegang unit, pemegang amanah itu hendaklah memanggil suatu mesyuarat pemegang unit—

- (a) dengan menghantar suatu notis melalui pos tentang mesyuarat yang dicadangkan itu sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum tarikh mesyuarat yang dicadangkan itu, kepada setiap pemegang unit di alamat pemegang unit yang terakhir diketahui atau, dalam hal pemegang unit bersama, kepada pemegang unit bersama yang namanya tertera pertama sekali dalam rekod syarikat pengurusan itu di alamat pemegang unit bersama yang terakhir diketahui; dan
- (b) dengan menyiarkan, sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum tarikh mesyuarat yang dicadangkan itu, suatu iklan yang memberi notis tentang mesyuarat itu dalam satu surat khabar harian nasional bahasa kebangsaan, dan dalam satu akhbar lain sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

(2) Jika dalam mana-mana mesyuarat yang dipanggil di bawah subseksyen (1), suatu ketetapan diluluskan oleh majoriti daripada bilangan yang mewakili sekurang-kurangnya tiga per empat daripada nilai unit yang dipegang oleh pemegang unit yang mengundi dalam mesyuarat itu supaya skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu digulung, pemegang amanah itu hendaklah memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah yang mengesahkan ketetapan itu.

(3) Mahkamah, atas permohonan oleh pemegang amanah itu, jika berpuas hati bahawa ketetapan itu adalah demi kepentingan pemegang unit, boleh mengesahkan ketetapan itu dan boleh membuat apa-apa

perintah sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi penggulungan skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu.

(4) Pemegang amanah yang melanggar subseksyen (1) atau (2) tidak melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan syarikat pengurusan dan pemegang amanah di bawah undang-undang am

302. Kewajipan sesuatu syarikat pengurusan dan seseorang pemegang amanah yang dikenakan ke atas mereka oleh Akta ini dan surat ikatan adalah sebagai tambahan kepada dan bukan pengurangan kewajipan yang selainnya dikenakan ke atas mereka oleh mana-mana undang-undang lain.

Pengecualian bagi pemegang amanah daripada tanggungan dan menanggung rugi tanggungan

303. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), suatu peruntukan atau waad yang terkandung dalam suatu surat ikatan atau terma sesuatu kontrak dengan pemegang unit adalah terbatal setakat yang peruntukan, waad atau terma itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mempunyai kesan—

- (a) yang mengecualikan seseorang pemegang amanah di bawah surat ikatan itu daripada tanggungan kerana melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau kerana pecah amanah atau kerana tidak menunjukkan tahap ketelitian dan ketekunan yang dikehendaki daripadanya sebagai seorang pemegang amanah; atau
- (b) yang menanggung rugi tanggungan seseorang pemegang amanah terhadap tanggungan kerana melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau kerana pecah amanah atau kerana tidak menunjukkan tahap ketelitian dan ketekunan yang dikehendaki daripadanya sebagai seorang pemegang amanah.

- (2) Subseksyen (1) tidak boleh menidaksahkan—
- (a) apa-apa pelepasan yang selainnya diberikan secara sah berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh seseorang pemegang amanah sebelum pelepasan itu diberikan; atau
 - (b) apa-apa peruntukan, waad atau terma yang membolehkan pelepasan sedemikian diberikan—
 - (i) atas persetujuan bagi maksud itu oleh suatu majoriti yang tidak kurang daripada tiga per empat pemegang unit yang mengundi dalam suatu mesyuarat yang dipanggil bagi maksud itu; dan
 - (ii) sama ada mengenai tindakan atau peninggalan tertentu atau apabila pemegang amanah itu terhenti daripada bertindak.

Pemegang amanah ditanggung rugi

304. (1) Seseorang pemegang amanah tidak bertanggung bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan mengikut suatu arahan yang diberikan kepadanya oleh pemegang unit dalam mana-mana mesyuarat yang dipanggil di bawah seksyen 305, 306 atau 307.

(2) Seseorang pemegang amanah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa hak lain di bawah surat ikatan, mendapatkan bayaran ganti dengan menolak daripada apa-apa wang yang diterima oleh pemegang amanah itu daripada suatu syarikat pengurusan, segala kos yang munasabah yang dilakukan dalam menerangkan kesan mana-mana cadangan yang dikemukakan oleh syarikat pengurusan itu kepada pemegang unit dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 300(2)(e).

Kewajipan syarikat pengurusan memanggil mesyuarat pemegang unit

305. (1) Sesuatu syarikat pengurusan hendaklah memanggil suatu mesyuarat pemegang unit jika—

- (a) tidak kurang daripada lima puluh pemegang unit atau satu per sepuluh daripada semua pemegang unit mengarahkan syarikat pengurusan itu untuk berbuat demikian;
- (b) arahan itu diberikan kepada syarikat pengurusan secara bertulis di pejabat berdaftaranya; dan
- (c) maksud mesyuarat itu adalah—
 - (i) untuk menimbangankan penyata kewangan yang terbaru skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu;
 - (ii) untuk memberikan apa-apa arahan yang difikirkan patut oleh mesyuarat kepada pemegang amanah; atau
 - (iii) untuk menimbangankan apa-apa perkara lain berhubung dengan surat ikatan itu.

(2) Jika suatu syarikat pengurusan dikehendaki supaya memanggil mesyuarat di bawah subseksyen (1), syarikat pengurusan itu hendaklah berbuat demikian dalam masa dua puluh satu hari selepas arahan itu diberikan kepada syarikat pengurusan itu secara bertulis di pejabat berdaftaranya.

(3) Jika suatu syarikat pengurusan dikehendaki supaya memanggil mesyuarat di bawah subseksyen (1) atau menurut mana-mana peruntukan atau waad surat ikatan itu, syarikat pengurusan itu hendaklah memberikan notis tentang masa dan tempat mesyuarat itu—

- (a) dengan menghantar suatu notis melalui pos tentang mesyuarat yang dicadangkan itu sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat yang dicadangkan itu, kepada setiap pemegang unit di alamat pemegang unit yang terakhir

diketahui atau, dalam hal pemegang unit beresama, kepada pemegang unit beresama yang namanya tertera pertama sekali dalam rekod syarikat pengurusan itu di alamat pemegang unit beresama yang terakhir diketahui; dan

- (b) dengan menyiarkan, sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat yang dicadangkan itu, suatu iklan yang memberi notis tentang mesyuarat itu dalam satu surat khabar harian nasional bahasa kebangsaan, dan dalam satu akhbar lain sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

(4) Suatu mesyuarat yang dipanggil mengikut suatu peruntukan atau waad yang terkandung dalam suatu surat ikatan hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis dan iklan itu, yang hendaklah merupakan suatu masa yang tidak lewat daripada dua bulan selepas pemberian notis itu dan—

- (a) dipengerusikan oleh mana-mana orang yang dilantik bagi maksud itu oleh pemegang unit yang hadir di mesyuarat itu; atau
- (b) jika pelantikan berkenaan tidak dibuat, dipengerusikan oleh seorang penama pemegang amanah,

dan hendaklah dijalankan mengikut surat ikatan itu atau, jika surat ikatan itu tidak membuat apa-apa peruntukan, sebagaimana yang diarahkan oleh pengerusi mesyuarat itu.

(5) Suatu notis mesyuarat yang diposkan kepada pemegang unit hendaklah dianggap sebagai diberikan tiga hari selepas notis itu diposkan, melainkan jika surat ikatan itu memperuntukkan selainnya.

(6) Sesuatu syarikat pengurusan yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

Kuasa pemegang amanah untuk memanggil mesyuarat

306. (1) Jika sesuatu syarikat pengurusan gagal meremеди apa-apa pelanggaran peruntukan atau waad surat ikatan atau apa-apa pelanggaran peruntukan mana-mana undang-undang sekuriti atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya apabila dikehendaki oleh pemegang amanah, pemegang amanah boleh—

- (a) memanggil suatu mesyuarat pemegang unit;
- (b) memberitahu pemegang unit tentang kegagalan itu dalam mesyuarat itu;
- (c) mengemukakan cadangan bagi melindungi kepentingan pemegang unit; dan
- (d) meminta arahan berhubung dengan perkara itu daripada pemegang unit.

(2) Seseorang pemegang amanah boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan suatu mesyuarat pemegang unit yang dipanggil di bawah subseksyen (1) dan jika pemegang amanah tidak menjalankan kuasa ini pemegang unit yang hadir pada mesyuarat itu boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Mahkamah boleh memerintahkan suatu mesyuarat pemegang unit

307. (1) Tanpa menghadkan kesan seksyen 314, mahkamah boleh membuat suatu perintah supaya diadakan suatu mesyuarat bagi semua atau mana-mana pemegang unit bagi memberikan arahan kepada pemegang amanah.

(2) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh mengarahkan pemegang amanah supaya—

- (a) membentangkan kepada pemegang unit apa-apa maklumat tentang kepentingan pemegang unit;

- (b) membentangkan kepada pemegang unit apa-apa cadangan untuk melindungi kepentingan pemegang unit yang diarahkan oleh mahkamah atau yang dianggap sesuai oleh pemegang amanah; dan
- (c) mendapatkan arahan daripada pemegang unit tentang perlindungan kepentingan pemegang unit.

(3) Mesyuarat itu hendaklah diadakan dan dijalankan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

(4) Seseorang pemegang amanah boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat itu dan jika pemegang amanah tidak menjalankan kuasa ini, pemegang unit yang hadir pada mesyuarat itu boleh melantik seseorang untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Daftar pemegang unit

308. (1) Tiap-tiap syarikat pengurusan hendaklah menyimpan suatu daftar pemegang unit dan memasukkan ke dalam daftar itu—

- (a) dalam hal seorang pemegang unit yang merupakan seorang individu, nama, alamat, nombor kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [*Akta 78*], jika ada, individu itu; atau
- (b) dalam hal pemegang unit yang merupakan suatu perbadanan, nama, alamat berdaftar dan nombor pendaftaran perbadanan itu, jika berkenaan.

(2) Syarikat pengurusan itu hendaklah memasukkan ke dalam daftar itu—

- (a) bilangan unit yang dipegang oleh setiap pemegang unit;
- (b) tarikh nama setiap orang dimasukkan ke dalam daftar itu sebagai seorang pemegang unit;

- (c) tarikh pemberhentian mana-mana orang daripada menjadi pemegang unit; dan
- (d) apa-apa maklumat atau butir lain yang berkaitan tentang pemegang unit itu,

untuk tempoh tujuh tahun.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (1) dan (2), sesuatu syarikat pengurusan boleh menyimpan nama dan butir-butir yang berhubungan dengan orang yang berhenti daripada menjadi pemegang unit skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu dalam suatu daftar yang berasingan.

(4) Daftar pemegang unit hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang apa-apa perkara yang dimasukkan ke dalamnya mengikut peruntukan Akta ini.

(5) Jika suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan mempunyai lebih daripada lima puluh pemegang unit, syarikat pengurusan hendaklah, melainkan jika daftar pemegang unit itu sendiri adalah dalam bentuk yang menjadi suatu indeks, menyimpan indeks nama pemegang unit itu dalam bentuk yang mudah dan hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas tarikh apa-apa perubahan dibuat dalam daftar pemegang unit itu, membuat apa-apa perubahan yang perlu dalam indeks itu.

(6) Indeks itu hendaklah, berkenaan dengan setiap pemegang unit, mengandungi petunjuk yang mencukupi untuk membolehkan akaun pemegang unit dalam daftar itu mudah dicari.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2), (5) atau (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Di mana daftar perlu disimpan

309. (1) Suatu daftar pemegang unit dan indeks hendaklah disimpan di pejabat berdaftar suatu syarikat pengurusan di Malaysia.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Penutupan dan pemeriksaan daftar

310. (1) Sesuatu syarikat pengurusan boleh, dengan memberikan notis tidak kurang daripada empat belas hari kepada Suruhanjaya, menutup daftar pemegang unit pada bila-bila masa, tetapi tiada mana-mana bahagian daftar boleh ditutup melebihi agregat tiga puluh hari dalam mana-mana tahun kalendar.

(2) Mana-mana pemegang unit boleh meminta syarikat pengurusan untuk memberikannya suatu cabutan daripada daftar itu setakat yang cabutan itu berkaitan dengan namanya, alamatnya, bilangan unit yang dipegang olehnya dan amaun yang dibayar bagi unit itu, dan syarikat pengurusan hendaklah, apabila dibayar sebagai pendahuluan suatu fi yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki olehnya, menyebabkan apa-apa cabutan yang diminta itu dihantar kepada orang itu dalam masa dua puluh satu hari atau dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh Suruhanjaya dalam hal keadaan itu yang bermula dari hari selepas tarikh permintaan itu diterima oleh syarikat pengurusan itu.

(3) Sesuatu syarikat pengurusan yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Kuasa mahkamah untuk membetulkan daftar

311. (1) Mana-mana pemegang unit, pemegang amanah atau orang lain yang terkilan dengan kemasukan atau ketidakmasukan, atau cara

kemasukan atau ketidakmasukan, mana-mana nama dalam daftar boleh memohon kepada mahkamah bagi pembetulan daftar itu, dan mahkamah boleh menolak permohonan itu atau boleh memerintahkan pembetulan daftar itu dan pembayaran oleh syarikat pengurusan atas apa-apa kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pihak kepada permohonan itu.

(2) Mahkamah boleh, atas suatu permohonan di bawah subseksyen (1), memutuskan—

- (a) apa-apa soalan yang berhubungan dengan hakmilik mana-mana orang yang merupakan suatu pihak kepada permohonan untuk memasukkan ke dalam atau mengeluarkan daripada daftar, sama ada soalan itu timbul antara pemegang unit atau pemegang unit yang dikatakan, atau antara pemegang unit berdaftar atau pemegang unit berdaftar yang dikatakan, pada satu pihak dengan syarikat pengurusan di pihak yang lain; dan
- (b) secara am, apa-apa soalan yang perlu atau suai manfaat untuk diputuskan bagi membuat pembetulan kepada daftar itu.

Daftar cawangan

312. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 308, sesuatu syarikat pengurusan boleh menyebabkan supaya disimpan di mana-mana tempat di luar Malaysia suatu daftar cawangan pemegang unit suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada daftar pemegang unit.

(2) Sesuatu syarikat pengurusan hendaklah menghantar serah kepada Suruhanjaya suatu notis mengenai lokasi pejabat di mana apa-apa daftar cawangan disimpan dan mengenai apa-apa pertukaran lokasinya dan, jika pejabat cawangan itu ditutup terus, mengenai penutupannya, dan apa-apa notis itu hendaklah dihantar serah dalam masa satu bulan selepas pembukaan atau pertukaran atau penutupan pejabat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Suatu daftar cawangan hendaklah disimpan mengikut cara yang sama sebagaimana daftar utama dikehendaki supaya disimpan oleh Akta ini.

(4) Sesuatu syarikat pengurusan hendaklah menyampaikan kepada pejabat di mana daftar utama disimpan suatu salinan tiap-tiap kemasukan dalam daftar cawangannya secepat yang dapat dilaksanakan selepas kemasukan itu dibuat, dan hendaklah menyebabkan disimpan di pejabat itu, suatu salinan daftar cawangannya, yang dimasukkan dengan sewajarnya dari semasa ke semasa, yang hendaklah bagi segala maksud Akta ini disifatkan sebagai sebahagian daripada daftar utama.

(5) Sesuatu syarikat pengurusan boleh menutup suatu daftar cawangan dan dengan penutupan itu semua kemasukan dalam daftar itu hendaklah dipindahkan kepada daftar cawangan yang lain atau kepada daftar utama.

(6) Seseorang yang melanggar subseksyen (2), (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Hak pemegang amanah, wasi, pentadbir berhubung dengan pemegang unit yang mati

313. (1) Seseorang pemegang amanah, wasi atau pentadbir harta pusaka mana-mana orang mati yang didaftarkan atau yang berhak secara benefisial untuk didaftarkan sebagai seorang pemegang unit mana-mana skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan boleh didaftarkan sebagai pemegang unit berkenaan dengan pemegangan orang mati sebagai pemegang amanah, wasi atau pentadbir harta pusaka itu dan adalah, berkenaan dengan pemegangan itu, berhak kepada hak yang sama dengan yang sepatutnya jika pemegangan orang mati itu kekal didaftarkan atas nama orang mati itu.

(2) Suatu unit yang dipegang oleh pemegang amanah, wasi atau pentadbir orang mati berkenaan dengan suatu amanah tertentu boleh, dengan persetujuan syarikat pengurusan, ditandakan dalam daftar atau

daftar cawangan itu dengan cara yang membolehkan unit itu dikenal pasti sebagai dipegang berkenaan dengan amanah itu.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada notis mengenai apa-apa amanah yang nyata, tersirat atau konstruktif boleh dimasukkan ke dalam suatu daftar atau daftar cawangan, dan tiada tanggungan boleh terjejas dengan apa-apa jua yang dilakukan menurut subseksyen (1) atau (2) atau menurut mana-mana undang-undang di luar Malaysia yang sama dengan peruntukan seksyen ini.

Kuasa mahkamah untuk membuat perintah

314. (1) Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya sesuai bagi melindungi kepentingan pemegang unit yang sedia ada atau bakal pemegang unit.

(2) Jika seseorang pemegang amanah memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan apa-apa arahan berhubung dengan pelaksanaan fungsi pemegang amanah atau untuk menentukan apa-apa soalan berhubung dengan kepentingan pemegang unit, mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan atau membuat apa-apa perisytiharan atau penentuan berhubung dengan perkara itu yang difikirkan sesuai oleh mahkamah, termasuk apa-apa perintah sampingan atau berbangkit sebagaimana yang perlu.

Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian VI

315. (1) Peruntukan Penggal 5 Bahagian VI tidak terpakai bagi suatu terbitan, tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada seseorang atau golongan orang, atau dibuat berkenaan dengan suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan atau suatu kelas skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan sebagaimana yang Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, menetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Suatu penetapan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menentukan peruntukan Penggal 5 Bahagian VI yang baginya suatu terbitan, tawaran atau pelawaan tidak terpakai.

(3) Menteri, atas syor Suruhanjaya, boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengubah, memotong, menambah, menggantikan, atau selainnya meminda penetapan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan atas penyiaran sedemikian, penetapan itu sebagaimana yang diubah, dipotong, ditambah, digantikan atau selainnya dipinda, hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya dan hendaklah disifatkan sebagai suatu bahagian penting Akta ini mulai dari tarikh penyiaran sedemikian atau apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu.

Penggal 6

Produk pasaran modal Islam, sekuriti Islam, dsb.

Subpenggal 1 — Am

Tafsiran

316. (1) Dalam Penggal ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“derivatif Islam” ertinya derivatif yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

“produk berstruktur Islam” ertinya suatu produk berstruktur yang distrukturkan bagi mematuhi prinsip Syariah;

“produk berstruktur” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam garis panduan Suruhanjaya berkenaan dengan produk berstruktur;

“produk pasaran modal Islam” ertinya—

(a) sekuriti Islam;

- (b) suatu skim unit amanah yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;
- (c) derivatif Islam;
- (d) suatu skim persaraan swasta yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;
- (e) mana-mana produk atau perkiraan yang berasaskan sekuriti atau derivatif, atau mana-mana gabungannya yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah; atau
- (f) mana-mana produk lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 5 sebagai suatu produk pasaran modal Islam;

“sekuriti Islam” ertinya—

- (a) syer dalam pertubuhan perbadanan atau pertubuhan bukan perbadanan, yang diklasifikasikan sebagai mematuhi Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah;
- (b) unit dalam skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;
- (c) suatu produk berstruktur Islam; atau
- (d) sukuk yang distrukturkan dengan mematuhi prinsip Syariah;

dan termasuklah apa-apa hak, opsyen atau kepentingan yang berkenaan dengannya mematuhi prinsip Syariah;

“sukuk” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam garis panduan Suruhanjaya berkenaan dengan sekuriti Islam.

(2) Tertakluk pada subseksyen (1), sekuriti Islam tidak termasuk mana-mana Instrumen Boleh Niaga Islam yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) terbitan Instrumen Boleh Niaga Islam itu adalah oleh suatu institusi berlesen yang layak atau bank Islam yang mematuhi apa-apa standard yang dikeluarkan oleh Bank Negara di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] yang terpakai bagi Instrumen Boleh Niaga Islam itu; dan
- (b) tempoh maksimum Instrumen Boleh Niaga Islam itu tidak melebihi lima tahun.

Subpenggal 2 — Produk pasaran modal Islam

Produk pasaran modal Islam

316A. (1) Suatu produk pasaran modal Islam ialah produk pasaran modal bagi maksud undang-undang sekuriti.

(2) Suruhanjaya boleh menentukan dalam garis panduan yang dibuat di bawah seksyen 377 mengenai perkara yang berikut:

- (a) apa-apa model perjanjian atau dokumentasi yang berhubungan dengan suatu transaksi atau perkiraan berkenaan dengan produk pasaran modal Islam;
- (b) kewajipan dan tanggungjawab pihak yang berlainan yang terlibat dalam suatu transaksi atau perkiraan berkenaan dengan produk pasaran modal Islam; dan
- (c) apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan sesuai,

dalam memberi kesan sepenuhnya kepada prinsip Syariah berhubung dengan suatu transaksi produk pasaran modal Islam.

Subpenggal 3 — Sekuriti Islam

Sekuriti Islam

316B. (1) Sekuriti Islam ialah sekuriti bagi maksud undang-undang sekuriti.

(2) Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan, aktiviti, produk atau perkara yang berhubungan dengan sekuriti Islam hendaklah mematuhi kehendak yang berkaitan di bawah undang-undang sekuriti dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Penetapan oleh Menteri berkenaan dengan sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam, dsb.

316C. Jika Menteri telah membuat suatu penetapan di bawah seksyen 5 berkenaan dengan sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam, Menteri boleh membuat apa-apa pengubahsuaian dalam penetapan itu mengenai penggunaan ungkapan dalam undang-undang sekuriti sebagaimana yang perlu untuk memberi kesan sepenuhnya kepada prinsip Syariah berkenaan dengan sekuriti Islam, derivatif Islam atau produk pasaran modal Islam itu.

Pemakaian Penggal 4 Bahagian VI Akta

316D. Apa-apa sebutan mengenai “peminjam” dalam Penggal 4 Bahagian VI Akta ini hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “penerbit sukuk” atau “penerbit produk berstrukturkan Islam” bagi maksud pemakaian peruntukan itu bagi sukuk atau produk berstrukturkan Islam.

316E – 316H. (*Dipotong oleh Akta A1499*).

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PERBADANAN
TERSENARAI**Kewajipan ketua eksekutif dan pengarah perbadanan tersenarai
untuk menzahirkan kepentingan dalam sekuriti**

317. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Suruhanjaya secara bertulis, seseorang yang merupakan ketua eksekutif atau pengarah suatu perbadanan tersenarai, yang mempunyai kepentingan dalam sekuriti perbadanan tersenarai itu atau mana-mana perbadanan bersekutunya dengan perbadanan tersenarai itu hendaklah memberitahu perbadanan tersenarai itu secara bertulis—

- (a) tentang kewujudan kepentingannya pada masa itu; dan
- (b) takat kepentingannya dalam perbadanan tersenarai itu atau perbadanan bersekutu bagi perbadanan tersenarai itu pada masa itu.

(2) Ketua eksekutif atau pengarah sesuatu perbadanan tersenarai hendaklah memberitahu perbadanan tersenarai dengan serta-merta secara bertulis mengenai berlakunya, semasa dia menjadi ketua eksekutif atau pengarah perbadanan tersenarai itu, mana-mana kejadian yang berikut:

- (a) apa-apa kejadian yang akibat daripadanya dia menjadi berkepentingan, atau terhenti daripada mempunyai kepentingan, dalam sekuriti perbadanan tersenarai itu atau mana-mana perbadanan bersekutu bagi perbadanan tersenarai itu;
- (b) pembuatan kontrak olehnya untuk membeli atau menjual apa-apa sekuriti dalam perbadanan tersenarai itu atau mana-mana perbadanan yang bersekutu dengan perbadanan yang disenaraikan yang dalamnya dia mempunyai suatu kepentingan;

- (c) penyerahhakan olehnya kepada mana-mana orang lain suatu hak yang diberikan kepadanya oleh perbadanan tersenarai itu untuk melanggan sekuriti dalam perbadanan tersenarai itu;
- (d) pemberian kepadanya oleh suatu perbadanan lain, yang berupa suatu perbadanan bersekutu bagi perbadanan tersenarai itu, suatu hak untuk melanggan sekuriti dalam perbadanan bersekutu itu, penjalanan hak sedemikian yang diberikan kepadanya dan penyerahhakan olehnya kepada mana-mana orang lain hak sedemikian yang telah diberikan itu; dan
- (e) apa-apa kejadian yang akibat daripadanya suatu perbadanan menjadi suatu perbadanan yang bersekutu bagi perbadanan tersenarai itu, jika sebaik selepas kejadian itu dia mempunyai kepentingan dalam sekuriti perbadanan itu.

(3) Subseksyen (2) tidak menghendaki pemberitahuan oleh seseorang tentang berlakunya sesuatu kejadian yang sampai ke pengetahuannya selepas dia terhenti menjadi ketua eksekutif atau pengarah.

(4) Jika Suruhanjaya fikirkan perlu bagi pengurusan undang-undang sekuriti, Suruhanjaya boleh menghendaki suatu perbadanan tersenarai untuk mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa maklumat yang mana telah diberitahu di bawah subseksyen (1) dan (2).

(5) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “ketua eksekutif” dan “pengarah” termasuklah suami atau isteri, anak atau ibu bapa ketua eksekutif atau pengarah itu; dan
- (b) pengecualian yang diberikan kepada ketua eksekutif atau pengarah di bawah subseksyen (1) tidak mengecualikan

ketua eksekutif atau pengarah yang dimaksudkan daripada mematuhi seksyen 135 *Akta Syarikat 1965.

Kelakuan yang dilarang oleh pengarah atau pegawai perbadanan tersenarai

317A. (1) Seorang pengarah atau pegawai suatu perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya tidak boleh melakukan atau menyebabkan seseorang untuk melakukan apa-apa jua dengan niat menyebabkan kerugian salah terhadap perbadanan tersenarai itu atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya tidak kira sama ada kelakuan itu menyebabkan kerugian salah sebenar.

(2) Seksyen ini adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kewajipan atau liabiliti pengarah atau pegawai suatu perbadanan tersenarai.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

“harta” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam seksyen 138;

“kerugian salah” ertinya kerugian harta dengan cara yang menyalahi undang-undang yang kepadanya orang yang kerugian itu berhak di sisi undang-undang;

“pengarah” termasuklah seseorang yang merupakan seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, ketua pengawal kewangan atau mana-mana orang lain yang secara

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

terutamanya bertanggungjawab bagi pengendalian atau pengurusan kewangan sesuatu syarikat, walau apa jua nama disebut.

Kehilangan kelayakan ketua eksekutif atau pengarah perbadanan tersenarai

318. (1) Seseorang—

- (a) yang baginya subseksyen 130(1) *Akta Syarikat 1965 terpakai; dan
- (b) yang berniat untuk memohon kebenaran daripada mahkamah untuk menjadi pengarah atau penganjur suatu perbadanan tersenarai, atau secara langsung atau tidak langsung mempunyai perkaitan dalam, atau untuk mengambil bahagian, atau melibatkan diri, dalam pengurusan perbadanan tersenarai itu,

hendaklah memberikan kepada Suruhanjaya suatu notis yang tidak kurang daripada sepuluh hari tentang niatnya untuk memohon, dan Suruhanjaya hendaklah menjadi suatu pihak dalam prosiding itu.

(2) Dalam mendengar mana-mana permohonan yang disebut dalam subseksyen (1), Suruhanjaya boleh—

- (a) menentang pemberian kebenaran untuk sesuatu permohonan; atau
- (b) memohon kepada mahkamah untuk tidak membenarkan orang itu menjadi pengarah atau penganjur suatu perbadanan tersenarai, atau secara langsung atau tidak langsung mempunyai perkaitan dalam, atau untuk mengambil bahagian, atau melibatkan diri, dalam pengurusan perbadanan tersenarai itu, bagi apa-apa tempoh yang lebih lama yang melebihi lima tahun sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

(3) Walau apa pun subseksyen 130(1) *Akta Syarikat 1965, jika Suruhanjaya mendapati bahawa oleh sebab mana-mana ketua eksekutif atau pengarah sesuatu perbadanan tersenarai—

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah suatu undang-undang sekuriti;
- (b) telah diambil tindakan terhadapnya di bawah seksyen 199, 200, 210, 211, 354, 355 atau 356 atau subseksyen 201(5) atau (6), atau seksyen 360; atau
- (c) telah dikompaun bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 373,

ketua eksekutif atau pengarah tidak layak, sama ada secara langsung atau tidak langsung mempunyai perkaitan dalam, atau untuk mengambil bahagian, atau melibatkan diri, dalam pengurusan perbadanan tersenarai itu, Suruhanjaya boleh memohon kepada mahkamah untuk memecat daripada jawatan ketua eksekutif atau pengarah perbadanan tersenarai itu atau menghalang ketua eksekutif atau pengarah itu daripada menjadi pengarah atau ketua eksekutif mana-mana syarikat awam bagi apa-apa tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah.

(4) Suruhanjaya boleh menghendaki ketua eksekutif atau pengarah yang dimaksudkan dalam suatu permohonan di bawah subseksyen (3) atau perbadanan tersenarai yang dalamnya ketua eksekutif atau pengarah itu memegang jawatan—

- (a) memberikan kepada Suruhanjaya apa-apa maklumat mengenai hal ehwal perbadanan tersenarai itu; dan
- (b) menunjukkan dan membenarkan pemeriksaan apa-apa buku atau dokumen bagi atau berkaitan dengan perbadanan tersenarai itu,

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya bagi maksud menentukan sama ada atau tidak untuk membuat permohonan di bawah subseksyen (3); dan jika ketua eksekutif atau pengarah yang berkenaan melanggar mana-mana kehendak di bawah seksyen ini, mahkamah boleh, atas permohonan Suruhanjaya, membuat perintah yang menghendaki ketua eksekutif atau pengarah itu mematuhi kehendak itu dalam apa-apa masa sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah.

(5) Jika dalam suatu permohonan di bawah subseksyen (3), mahkamah berpuas hati—

- (a) bahawa ketua eksekutif atau pengarah perbadanan tersenarai itu—
 - (i) telah disabitkan di bawah suatu undang-undang sekuriti;
 - (ii) telah diambil tindakan terhadapnya di bawah seksyen 199, 200, 210, 211, 354, 355 atau 356, atau subseksyen 201(5) atau (6), atau seksyen 360; atau
 - (iii) telah dikompaun bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 373; dan
- (b) bahawa perlakuannya sebagai ketua eksekutif atau pengarah perbadanan tersenarai itu menjadikannya tidak layak, secara langsung atau tidak langsung mempunyai perkaitan, atau untuk mengambil bahagian, atau melibatkan diri, dalam pengurusan perbadanan tersenarai itu,

mahkamah boleh membuat suatu perintah bahawa ketua eksekutif atau pengarah yang berkenaan dipecat daripada jawatan mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu, walau apa pun apa-apa dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau apa-apa sekatan yang terkandung dalam memorandum syarikat dan perkara persatuan perbadanan tersenarai itu, dan, khususnya, walau apa pun apa-apa sekatan dalamnya tentang bilangan minimum atau maksimum pengarah dalam perbadanan tersenarai itu.

(6) Seseorang ketua eksekutif atau pengarah yang dipecat daripada jawatan di bawah subseksyen (5) hendaklah terhenti daripada memegang jawatan mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu, dan tidaklah boleh selepas daripada itu memegang apa-apa jawatan lain dalam perbadanan tersenarai itu atau dalam apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai perkaitan dalam, atau mengambil bahagian, atau melibatkan diri, dalam apa-apa aktiviti, hal ehwal atau urusan perbadanan tersenarai itu atau berhubung dengan perbadanan tersenarai itu.

Pengemukakan maklumat

319. (1) Suatu perbadanan tersenarai hendaklah menyebabkan supaya diserahkan kepada Suruhanjaya—

- (a) suatu salinan akaun tahunan terauditnya; dan
- (b) laporan kewangannya yang interim dan berkala,

pada masa yang sama dokumen itu dikemukakan, diumumkan atau dijadikan tersedia kepada bursa.

(2) Suatu perbadanan tersenarai hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis—

- (a) tentang apa-apa pertukaran alamat berdaftar atau perniagaan perbadanan tersenarai itu;
- (b) jika ketua eksekutif atau mana-mana pengarah perbadanan tersenarai itu terhenti daripada memegang jawatan sebagai ketua eksekutif atau pengarah; dan
- (c) nama dan butir-butir mana-mana ketua eksekutif atau pengarah baru perbadanan tersenarai itu,

dalam masa dua minggu dari berlakunya pertukaran atau kejadian itu.

(3) Suatu perbadanan tersenarai dan pengarahnya hendaklah menyebabkan supaya disimpan apa-apa rekod perakaunan dan rekod lain yang akan secukupnya boleh menjelaskan transaksi dan kedudukan kewangan perbadanan tersenarai itu dan perbadanan yang berhubungannya dan yang membolehkan akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang benar dan saksama dan apa-apa dokumen yang dikehendaki dikepulkan bersama-sama untuk disediakan dari semasa ke semasa, dan hendaklah menyebabkan rekod-rekod itu disimpan mengikut bentuk yang membolehkan diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

(4) Suatu perbadanan tersenarai hendaklah memastikan bahawa perbadanan itu memegang simpan rekod yang disebut dalam subseksyen (3) selama tujuh tahun selepas penyempurnaan transaksi atau operasi yang masing-masing bersangkutan.

(5) Seseorang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan juruaudit perbadanan tersenarai

320. (1) Jika seseorang juruaudit, dalam pelaksanaan kewajipannya sebagai juruaudit suatu perbadanan tersenarai, berpendapat secara profesional bahawa berlaku pelanggaran atau ketidaklaksanaan apa-apa kehendak atau peruntukan undang-undang sekuriti, kemungkiran apa-apa kaedah-kaedah bursa saham, atau apa-apa perkara yang menjejaskan pada takat yang material kedudukan kewangan perbadanan tersenarai itu, juruaudit itu hendaklah dengan serta-merta mengemukakan suatu laporan bertulis tentang perkara itu—

- (a) dalam hal kemungkiran atau ketidaklaksanaan apa-apa kehendak atau peruntukan undang-undang sekuriti, kepada Suruhanjaya;
- (b) dalam hal kemungkiran atau ketidaklaksanaan apa-apa kaedah-kaedah bursa saham, kepada bursa saham yang berkaitan dan Suruhanjaya; atau

- (c) dalam apa-apa hal lain yang menjejaskan pada takat yang material kedudukan kewangan perbadanan tersenarai itu, kepada bursa saham yang berkaitan dan Suruhanjaya.

(2) Tiada juruaudit boleh bertanggungjawab untuk dibawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa laporan yang dikemukakan oleh juruaudit itu dengan suci hati dan atas niat untuk melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atas juruaudit itu di bawah seksyen ini.

(3) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa semasa atau selepas sesuatu audit, menghendaki juruaudit perbadanan tersenarai supaya—

- (a) mengemukakan apa-apa maklumat tambahan berhubung dengan pengauditannya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (b) memperluas atau menambah skop pengauditannya ke atas urusan dan hal ehwal perbadanan tersenarai itu mengikut apa-apa cara atau setakat yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (c) menjalankan apa-apa pemeriksaan yang spesifik atau mengadakan apa-apa tatacara dalam mana-mana kes yang tertentu;
- (d) mengemukakan suatu laporan tentang apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
- (e) mengemukakan suatu laporan interim tentang apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d),

dan Suruhanjaya boleh menentukan tempoh yang apa-apa kehendak itu hendaklah dipatuhi oleh juruaudit itu dan boleh menentukan saraan yang hendaklah dibayar oleh perbadanan tersenarai itu kepada juruaudit itu berkenaan dengannya.

(4) Juruaudit hendaklah mematuhi apa-apa kehendak Suruhanjaya di bawah subseksyen (3) dan perbadanan tersenarai itu hendaklah memberikan saraan kepada juruaudit berkenaan bagi penunaian

olehnya semua atau mana-mana kewajipan tambahan di bawah seksyen ini.

(5) Jika perbadanan tersenarai itu tidak memberikan saraan kepada juruaudit itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (4), juruaudit itu boleh membawa guaman dan mendapatkan saraan itu sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada juruaudit itu.

(6) Perbadanan tersenarai itu hendaklah menyediakan apa-apa maklumat dan memberikan akses kepada apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh juruaudit berkenaan dengan penunaian olehnya akan semua atau mana-mana kewajipan tambahan di bawah seksyen ini.

(7) Bagi maksud seksyen ini, “juruaudit” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 31A Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Penyata kewangan palsu atau mengelirukan perbadanan tersenarai

320A. (1) Seseorang tidak boleh mempengaruhi, memaksa, mengelirukan atau memberi kuasa mana-mana orang yang terlibat dalam—

- (a) penyediaan penyata kewangan perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya; atau
- (b) pelaksanaan audit ke atas penyata kewangan perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya,

untuk melakukan apa-apa yang diketahuinya atau semunasabahnya patut diketahuinya boleh menyebabkan penyata kewangan atau penyata kewangan teraudit itu menjadi palsu atau mengelirukan dalam butir-butir yang material.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

Perlindungan bagi orang terhadap tindak balas kerana membuat laporan kepada pihak berkuasa dalam hal keadaan tertentu

321. (1) Jika seorang ketua eksekutif, mana-mana pegawai yang bertanggungjawab untuk menyediakan atau meluluskan penyata kewangan atau maklumat kewangan, seorang juruaudit dalaman atau setiausaha perbadanan tersenarai, walau apa pun gelarannya, telah dalam melaksanakan tugasnya mempunyai kepercayaan yang munasabah tentang apa-apa perkara yang boleh atau akan mengakibatkan suatu pelanggaran atau ketidaklaksanaan apa-apa kehendak atau peruntukan undang-undang sekuriti atau pelanggaran mana-mana kaedah-kaedah bursa saham atau apa-apa perkara yang boleh menjejaskan pada takat yang material kedudukan kewangan perbadanan tersenarai itu dan mana-mana orang yang disebut terdahulu mengemukakan laporan tentang perkara itu—

- (a) dalam hal pelanggaran atau ketidaklaksanaan apa-apa kehendak atau peruntukan undang-undang sekuriti, kepada Suruhanjaya;
- (b) dalam hal pelanggaran atau ketidaklaksanaan apa-apa kaedah bursa saham, kepada bursa saham yang berkaitan atau kepada Suruhanjaya; atau
- (c) dalam apa-apa hal lain yang menjejaskan pada takat yang material kedudukan kewangan perbadanan tersenarai itu, kepada bursa saham yang berkaitan atau kepada Suruhanjaya,

perbadanan tersenarai itu tidak boleh memecat, mendiskriminasi, menurunkan pangkat, menggantung atau mencampuri urusan pekerjaan atau punca pendapatan yang sah, ketua eksekutif, mana-

mana pegawai yang bertanggungjawab untuk menyediakan atau meluluskan penyata kewangan atau maklumat kewangan, juruaudit dalaman atau setiausaha, perbadanan tersenarai itu disebabkan laporan yang dikemukakan oleh mana-mana orang itu.

(2) Ketua eksekutif, pegawai yang bertanggungjawab untuk menyediakan atau meluluskan penyata kewangan atau maklumat kewangan, juruaudit dalaman atau setiausaha perbadanan tersenarai tidak boleh dibawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa laporan yang dikemukakan oleh orang itu dengan suci hati dan atas niat untuk melaksanakan kewajipannya.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “setiausaha” ertinya seseorang yang disebut dalam seksyen 139 *Akta Syarikat 1965.

BAHAGIAN VIII

ORGANISASI PENGAWALSELIAAN SENDIRI

Tafsiran

322. Bagi maksud Bahagian ini, “ketua eksekutif”, “pengarah” dan “pegawai” termasuklah mana-mana orang yang memegang jawatan atau melaksanakan fungsi ketua eksekutif, pengarah dan pegawai dengan apa jua nama yang disebut dan “ketua eksekutif”, “pengarah” dan “pegawai” hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam subseksyen 2(1).

Pengiktirafan organisasi pengawalseliaan sendiri

323. (1) Suruhanjaya boleh, dengan persetujuan Menteri, jika difikirkannya sesuai demi kepentingan awam atau bagi melindungi pelabur melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan seseorang itu sebagai suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

diiktiraf, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang Suruhanjaya fikirkan patut, jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) orang itu dalam menunaikan obligasinya di bawah seksyen 324 tidak akan bertindak berlawanan dengan kepentingan awam dan khususnya kepentingan pelabur;
- (b) orang itu hendaklah dapat mengambil tindakan yang sesuai terhadap anggotanya dan mana-mana orang yang baginya kaedah-kaedah terpakai;
- (c) orang itu mempunyai sumber kewangan, tenaga kerja dan sumber lain yang mencukupi untuk menjalankan fungsinya;
- (d) orang itu layak dan sesuai dan memenuhi kriteria atau piawaian yang disebut dalam seksyen 64, atau apa-apa kaedah-kaedah bursa saham atau bursa derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (e) orang itu diuruskan oleh pegawai yang layak dan sesuai dan yang memenuhi kriteria atau piawaian yang disebut dalam seksyen 65, atau mana-mana kaedah-kaedah bursa saham atau bursa derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (f) orang itu mempunyai kakitangan yang cekap untuk menjalankan fungsinya; dan
- (g) kaedah-kaedah orang itu mempunyai peruntukan yang memuaskan—
 - (i) untuk menggalakkan perlindungan pelabur;
 - (ii) untuk menggalakkan pemerlakuan adil terhadap anggotanya dan mana-mana orang yang memohon keanggotaan;
 - (iii) untuk tidak memasukkan seseorang yang tidak layak dan sesuai daripada menjadi anggotanya atau dilantik sebagai ketua eksekutif, pengarah atau pegawainya;

- (iv) untuk menggalakkan pengawalseliaan dan pengawasan yang sewajarnya ke atas anggotanya;
- (v) untuk menggalakkan piawaian perlakuan yang bersesuaian ke atas anggotanya;
- (vi) untuk menguruskan apa-apa percanggahan kepentingan yang mungkin timbul antara kepentingannya dengan kepentingan yang disebut dalam subseksyen 324(1);
- (vii) untuk memastikan bahawa terdapat perwakilan keanggotaan yang adil dalam badan pentadbirannya;
- (viii) untuk memastikan bahawa anggota dan pegawainya mematuhi dengan sewajarnya undang-undang sekuriti, peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan jika berkaitan, kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat;
- (ix) untuk menghalang penggunaan apa-apa maklumat oleh anggota atau pegawainya yang boleh mengakibatkan anggota atau pegawai itu membuat keuntungan yang tidak adil;
- (x) bagi pemecatan, penggantungan, pendisiplinan atau penghukuman seseorang anggota sekiranya seseorang anggota melanggar undang-undang sekuriti, peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan jika berkaitan, kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat; dan
- (xi) untuk membenarkan anggota yang terkilan merayu terhadap apa-apa keputusan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf.

(2) Suruhanjaya boleh, dalam mengisytiharkan seseorang sebagai suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf, menghendaki orang itu untuk menyediakan apa-apa maklumat kepada Suruhanjaya sebagaimana yang dianggap perlu oleh Suruhanjaya.

(3) Seseorang yang—

- (a) dengan niat untuk menipu, membuat atau memberikan; atau
- (b) dengan diketahui memberi kuasa atau membenarkan dibuat atau diberikan,

apa-apa pernyataan atau laporan yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan maklumat yang dikemukakan kepada Suruhanjaya yang disebut dalam subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kewajipan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf

324. (1) Sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf hendaklah memastikan bahawa dalam menjalankan apa-apa kuasanya atau menjalankan mana-mana fungsinya, kuasa atau fungsi itu hendaklah dijalankan demi kepentingan awam dengan mengambil kira secara khusus keperluan untuk melindungi pelabur.

(2) Sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya jika ia menyedari tentang—

- (a) apa-apa perkara yang menjejaskan atau yang berkemungkinan menjejaskan kepentingan pelabur; dan
- (b) apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti oleh anggotanya.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), apabila sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf memecat, atau menggantung mana-mana anggotanya, atau selainnya mendisiplinkan mana-mana anggotanya, ia hendaklah, dalam masa tujuh hari, memberi Suruhanjaya secara bertulis butir-butir yang berikut:

- (a) nama anggota itu;
- (b) sebab bagi dan jenis tindakan yang diambil;
- (c) amaun denda;
- (d) tempoh penggantungan, jika ada; dan
- (e) apa-apa tindakan disiplin lain yang diambil.

(4) Suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf tidak boleh membuat keputusan di bawah kaedah-kaedahnya yang menjejaskan hak seseorang melainkan jika organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu telah memberi orang yang terjejas itu suatu peluang untuk membuat representasi kepada organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf mengenai perkara itu.

(5) Walau apa pun peruntukan subseksyen (4), jika organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf menganggap bahawa apa-apa kelengahan dalam membuat keputusan adalah berkemungkinan menjejaskan kepentingan awam atau perlu untuk melindungi pelabur, organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf boleh membuat keputusan tanpa memberi peluang untuk didengar.

Kaedah-kaedah organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf

325. (1) Apa-apa kaedah yang dicadangkan atau apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada kaedah-kaedah yang sedia ada sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf tidak boleh berkuat kuasa melainkan jika ia telah diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (3).

(2) Jika sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf bercadang untuk membuat apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedahnya, organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya—

(a) teks pindaan yang dicadangkan; dan

(b) suatu penjelasan maksud bagi pindaan yang dicadangkan.

(3) Suruhanjaya hendaklah, dalam masa enam minggu selepas penerimaan apa-apa pindaan yang dicadangkan di bawah subseksyen (2), memberikan notis secara bertulis kepada organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu bahawa ia meluluskan atau tidak meluluskan pindaan yang dicadangkan atau mana-mana bahagian pindaan yang dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, mengisytiharkan apa-apa kelas kaedah-kaedah sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf sebagai suatu kelas kaedah-kaedah yang pindaannya tidak menghendaki kelulusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (3), dan dengan demikian itu, apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf yang tergolong dalam kelas itu hendaklah, tertakluk pada subseksyen (5) dan (6), berkuat kuasa walaupun ia tidak diluluskan sedemikian di bawah subseksyen (3).

(5) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf yang dibuat di bawah subseksyen (4) tidak termasuk dalam kelas kaedah-kaedah yang diisytiharkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen itu sebagai tidak menghendaki kelulusannya, Suruhanjaya boleh, selepas berunding dengan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu, menghendaki organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu mengemukakan pindaan itu untuk kelulusannya di bawah subseksyen (3).

(6) Walau apa pun peruntukan seksyen ini, Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan organisasi

pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf, melalui notis bertulis menghendaki organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu meminda atau menambah apa-apa kaedah-kaedahnya mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(7) Sesuatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf yang melanggar subseksyen (2) atau melanggar suatu kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (5) atau suatu notis bertulis yang dibuat di bawah subseksyen (6) melakukan suatu kesalahan.

Pelantikan pengarah organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf

326. (1) Tiada pelantikan, pemilihan atau pencalonan seseorang pengarah atau ketua eksekutif suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf boleh dibuat tanpa kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

(2) Organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf hendaklah memastikan bahawa sekurang-kurangnya satu per tiga daripada bilangan pengarah dalam lembaganya merupakan pengarah berkepentingan awam mengikut apa-apa kriteria sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Kuasa untuk mengeluarkan arahan ke atas organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf

327. (1) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

(a) percanggahan berlaku atau boleh berlaku antara kepentingan suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf atau anggotanya dengan kepentingan untuk pelaksanaan yang sepatutnya fungsi atau kewajipan yang diberikan oleh Akta ini, kaedah-kaedahnya atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut seksyen 377;

- (b) apa-apa percanggahan kepentingan telah berlaku atau telah wujud dalam hal keadaan yang memungkinkan percanggahan kepentingan itu akan berterusan atau berulang; atau
- (c) organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu telah tidak menjalankan fungsinya atau menunaikan kewajibannya di bawah subseksyen 324(1) atau kaedah-kaedahnya atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut seksyen 377,

Suruhanjaya boleh menyampaikan suatu notis bertulis kepada organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu yang menyatakan sebab bagi menyokong alasan bagi notis itu dan mengarahkan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu dengan segera mengambil apa-apa langkah yang dinyatakan dalam notis itu, termasuk langkah berhubung dengan mana-mana hal ehwal, urusan atau hartanya bagi maksud menguruskan percanggahan kepentingan itu atau perkara yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan itu dan penjalanan fungsinya dan penunaian kewajibannya dengan memuaskan.

(2) Suatu notis yang disampaikan di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta.

(3) Suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf yang telah disampaikan suatu notis di bawah subseksyen (1) tidak boleh tanpa sebab yang munasabah, tidak mematuhi notis itu.

(4) Suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf yang telah disampaikan suatu notis di bawah subseksyen (1) boleh merayu terhadap notis itu kepada Suruhanjaya tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh penyampaian notis itu atau mana-mana tempoh yang lebih lama, jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam notis itu, tetapi notis itu hendaklah mula berkuat kuasa dengan serta-merta walaupun rayuan telah atau boleh dibuat di bawah subseksyen ini.

(5) Tanpa menghadkan keluasan subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengeluarkan apa-apa arahan lain kepada suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf jika difikirkan perlu oleh Suruhanjaya demi kepentingan awam atau bagi melindungi pelabur.

Penarikan balik pengiktirafan

328. (1) Suruhanjaya boleh, dengan persetujuan Menteri, menarik balik pengiktirafan yang diberikan di bawah subseksyen 323(1) jika—

- (a) organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu telah tidak memulakan operasi dalam masa enam bulan dari tarikh yang disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen 323(1);
- (b) Suruhanjaya tidak berpuas hati bahawa organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu menjalankan atau menunaikan fungsi atau kewajipannya di bawah kaedah-kaedahnya atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut seksyen 377;
- (c) organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu telah melanggar apa-apa terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 323(1);
- (d) organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan menurut seksyen 377 atau telah tidak mematuhi apa-apa arahan Suruhanjaya dan jika berkaitan, kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat;
- (e) organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan;
- (f) suatu hutang penghakiman terhadap organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu tidak dijelaskan sepenuhnya atau sebahagiannya;

- (g) seorang penerima, seorang penerima dan pengurus, atau seorang yang setaraf dengannya telah dilantik, berhubung dengan mana-mana harta organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu;
- (h) organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu—
 - (i) atas kehendaknya sendiri telah memohon kepada Suruhanjaya untuk memberhentikan operasi sebagai suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf; atau
 - (ii) telah ditentukan oleh Suruhanjaya sebagai telah terhenti beroperasi sebagai suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf;
- (i) apa-apa maklumat yang diberikan bagi maksud seksyen 323 adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir material; atau
- (j) organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu telah melanggar apa-apa arahan Suruhanjaya yang dikeluarkan di bawah seksyen 327.

(2) Suatu pengiktirafan yang diberikan di bawah subseksyen 323(1) tidak boleh ditarik balik melainkan jika Suruhanjaya telah memberitahu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu tentang niat dan alasan bagi tindakan Suruhanjaya, dan memberi organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu peluang untuk membuat representasi kepada Suruhanjaya.

Perlindungan bagi organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf

329. Suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf, pegawai atau pekerja suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf atau anggota jawatankuasa suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf tidak boleh bertanggunggan bagi apa-apa

kehilangan yang dialami oleh atau kerugian yang disebabkan kepada mana-mana orang akibat daripada apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan oleh mereka dalam pelaksanaan kuasa, fungsi dan kewajipan yang dibuat dengan suci hati yang berkaitan dengan fungsi pengawalseliaan atau pengawasan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu.

Akaun dan laporan berkenaan dengan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf

330. (1) Peruntukan Subpenggal 6 Penggal 4 Bahagian III hendaklah terpakai bagi pelantikan, pemecatan dan peletakan jawatan seorang juruaudit dan juruaudit akaun suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf.

(2) Dalam masa tiga bulan selepas berakhir setiap tahun kewangan, suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya suatu laporan setakat yang ia telah mematuhi terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 323(1), kehendak yang dikenakan ke atasnya di bawah Bahagian ini dan kaedah-kaedahnya atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut seksyen 377.

(3) Suruhanjaya hendaklah dengan segera menghantar suatu salinan laporan yang disebut di bawah subseksyen (2) kepada Menteri.

(4) Apabila diterima laporan di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa jika difikirkan perlu untuk berbuat demikian—

- (a) menjalankan suatu audit ke atas organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu;
- (b) melantik mana-mana orang berkecuali untuk membantu Suruhanjaya dalam sesuatu audit; dan
- (c) mengenakan kos bagi menjalankan audit itu ke atas organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu.

(5) Suruhanjaya hendaklah secepat yang dapat dilaksanakan mengemukakan kepada Menteri suatu salinan laporan audit yang dijalankan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (4).

Pemberian bantuan kepada Suruhanjaya

331. (1) Suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf hendaklah memberikan apa-apa bantuan kepada Suruhanjaya, atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya, sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki oleh Suruhanjaya atau orang itu termasuk memberikan apa-apa penyata, dan pemberian apa-apa maklumat yang berhubungan dengan operasi organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf itu atau apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya atau orang itu bagi pentadbiran sepatutnya undang-undang sekuriti.

(2) Seseorang yang enggan atau tidak, tanpa alasan yang sah, membantu Suruhanjaya atau seseorang yang bertindak bagi pihak, atau yang diberi kuasa oleh, Suruhanjaya, mengikut subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IX

DANA PEMBANGUNAN PASARAN MODAL

Penubuhan Dana Pembangunan Pasaran Modal

332. (1) Hendaklah ditubuhkan suatu dana yang dinamakan Dana Pembangunan Pasaran Modal, yang disebut “Dana” dalam Bahagian ini.

(2) Dana itu hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga Dana Pembangunan Pasaran Modal, yang disebut “Lembaga” dalam

Bahagian ini, yang hendaklah bertindak sebagai pemegang amanah bagi Dana.

(3) Suruhanjaya hendaklah bertanggungjawab untuk membantu Lembaga dalam pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal ehwal Dana.

Aset yang membentuk Dana

333. Dana hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa syer yang diluluskan bagi Dana di bawah perenggan 4(1)(d) Akta Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003 [*Akta 632*];
- (b) hasil yang didapatkan berkaitan dengan penjualan syer yang disebut dalam perenggan (a);
- (c) apa-apa jumlah wang sebagaimana yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud Bahagian ini oleh Parlimen;
- (d) semua derma dan hadiah yang diterima oleh Lembaga bagi Dana;
- (e) semua bunga, dividen dan pendapatan lain hasil daripada pelaburan wang Dana; dan
- (f) semua jumlah wang atau harta lain yang boleh mengikut apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Dana.

Objektif Dana, dsb.

334. (1) Objektif yang baginya wang Dana boleh digunakan adalah seperti yang berikut:

- (a) penggalakan pasaran modal di dalam Malaysia supaya menjadi suatu pasaran yang cekap, inovatif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa;
 - (b) pembangunan dan peningkatan kemahiran dan kepakaran yang dikehendaki oleh pasaran modal di Malaysia;
 - (c) pembangunan pengawalseliaan sendiri oleh persatuan profesional dan badan pasaran dalam industri sekuriti dan derivatif; dan
 - (d) pembangunan dan sokongan kajian berkualiti tinggi dan program pembangunan dan projek yang berhubungan dengan pasaran modal di Malaysia.
- (2) Dana hendaklah dibelanjakan bagi maksud—
- (a) membuat pembayaran yang dikehendaki dibuat oleh Dana selaras dengan objektifnya;
 - (b) membayar apa-apa belanja yang dilakukan dengan sah oleh Dana termasuk fi dan kos, dan saraan bagi orang yang digajikan atau diambil kerja oleh Lembaga, termasuk pemberian pinjaman, elaun persaraan atau ganjaran;
 - (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Lembaga, bagi maksud kuasanya dan menjalankan kewajipannya; dan
 - (d) secara amnya membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Bahagian ini dan yang berkaitan dengan pentadbiran Dana.
- (3) Menteri boleh meluluskan pembayaran daripada Dana bagi apa-apa kos, belanja atau pembayaran lain bagi maksud selain maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (2) yang selaras dengan objektif Dana.

Keanggotaan Lembaga

335. (1) Anggota Lembaga hendaklah dilantik oleh Menteri dan Lembaga hendaklah terdiri daripada—

- (a) Pengerusi Suruhanjaya, sebagai anggota *ex-officio*, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya, sebagai anggota *ex-officio*;
- (c) wakil kanan syarikat pemegang bursa; dan
- (d) empat orang anggota lain yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam kewangan, perniagaan, undang-undang atau pengalaman lain yang berkaitan.

(2) Jika Pengerusi Lembaga tidak hadir atau tidak berupaya untuk bertindak disebabkan sakit atau apa-apa sebab lain, Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya hendaklah bertindak menggantikan tempatnya sebagai Pengerusi Lembaga.

(3) Anggota Lembaga tidak berhak untuk mendapat apa-apa saraan tetapi boleh dibayar apa-apa honorarium dan elaun perjalanan dan sara hidup sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Lembaga hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dan hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan yang diberikan atau dikenakan oleh Akta ini atau sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri dan boleh melalui surat cara secara bertulis mewakilkan kepada mana-mana orang semua atau mana-mana kuasa atau kewajipan itu.

Tempoh jawatan

336. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), seseorang anggota Lembaga, selain anggota *ex-officio* yang disebut dalam subseksyen

335(1), hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Dalam hal Pengerusi Suruhanjaya dan Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya, yang merupakan anggota *ex-officio* Lembaga, tempoh jawatan mereka sebagai anggota Lembaga ialah tempoh pelantikannya masing-masing sebagai Pengerusi Suruhanjaya dan Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan

337. (1) Anggota Lembaga boleh, pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui suatu notis bertulis yang ditujukan kepada Menteri.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan seseorang anggota Lembaga jika difikirkannya patut.

Pengosongan jawatan

338. Jawatan anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) dia telah disabitkan atas mana-mana kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) dia tidak hadir mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut kecuali dengan kebenaran yang diberikan oleh Menteri; atau

- (f) dia bersalah atas suatu salah laku yang serius berhubung dengan kewajipannya di bawah Akta ini.

Kuorum dan tatacara mesyuarat

339. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekerap mungkin untuk melaksanakan fungsi dan kewajipannya di bawah Bahagian ini.

(2) Empat orang anggota Lembaga hendaklah membentuk suatu kuorum pada mana-mana mesyuarat Lembaga.

(3) Tertakluk pada Bahagian ini, Lembaga hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

(4) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian tersebut.

(5) Tertakluk pada seksyen 340, jika atas apa-apa persoalan yang hendak ditentukan terdapat persamaan undi, Pengerusi Lembaga hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

Penzahiran kepentingan

340. (1) Seseorang anggota Lembaga yang mempunyai secara langsung atau tidak langsung oleh dirinya sendiri, pasangannya atau anak-anaknya, apa-apa kepentingan dalam mana-mana perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga, hakikat kepentingan itu dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga, dan selepas penzahiran itu—

- (a) anggota itu tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana pertimbangtelitian atau keputusan Lembaga;
- (b) anggota itu tidak boleh dikira bagi maksud membentuk suatu kuorum Lembaga berhubung dengan perkara itu; dan
- (c) tiada tindakan atau prosiding Lembaga boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga telah melanggar peruntukan seksyen ini.

Pemeliharaan Dana

341. (1) Menjadi kewajipan Lembaga untuk memelihara Dana selaras dengan peruntukan Bahagian ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini.

(2) Lembaga boleh melaburkan wang Dana yang sedia ada untuk pelaburan mengikut apa-apa cara yang Lembaga boleh, melalui mana-mana peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri, dibenarkan untuk melabur.

(3) Tanpa menyentuh keluasan seksyen 335, Lembaga boleh melalui surat cara bertulis mewakilkan semua atau mana-mana kuasa dan fungsinya di bawah subseksyen (2) kepada mana-mana pekerja atau orang yang dilantik olehnya.

(4) Lembaga boleh membayar kepada mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen (3) suatu fi bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan dalam menjalankan mana-mana kuasa atau fungsi yang diwakilkan kepada orang itu di bawah subseksyen itu.

Tahun kewangan

342. Bagi maksud Bahagian ini, tahun kewangan Dana hendaklah bermula pada satu Januari dan berakhir pada tiga puluh satu Disember setiap tahun.

Akaun dan audit

343. (1) Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun yang sepatutnya dan rekod lain berkenaan dengan operasi Dana dan hendaklah menyediakan penyata akaun berkenaan dengan setiap tahun kewangan.

(2) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan akaun Dana diaudit oleh juruaudit yang dilantik oleh Lembaga.

(3) Pada akhir setiap tahun kewangan dan sebaik sahaja akaun Dana diaudit, Lembaga hendaklah menyebabkan suatu salinan penyata akaun dikemukakan kepada Menteri, bersama-sama dengan suatu laporan yang memperkatakan pelaburan Dana dalam tahun kewangan sebelumnya dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Kuasa Menteri berhubung dengan Lembaga

344. Menteri boleh memberikan kepada Lembaga apa-apa arahan yang bersifat am selaras dengan peruntukan Bahagian ini berhubung dengan perjalanan dan pelaksanaan fungsi Lembaga dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan itu.

Pembubaran Dana

345. (1) Jika Menteri berpuas hati bahawa wang dalam kredit Dana tidak mencukupi untuk mencapai dengan sepenuhnya objektif yang disebut dalam seksyen 334, Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membubarkan Dana dan memindahkan segala aset dan wang yang tinggal dalam kredit Dana kepada dana lain yang mempunyai objektif yang sama dengan Dana.

(2) Sekiranya Dana dibubarkan di bawah subseksyen (1) dan tiada dana lain yang memenuhi peruntukan subseksyen (1) berkenaan

dengan objektifnya, aset dan wang yang tinggal dalam kredit Dana hendaklah dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

346. Menteri boleh membuat apa-apa peraturan-peraturan bagi menjalankan dengan lebih baik peruntukan Bahagian ini atau sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi—

- (a) menguatkuasakan sepenuhnya peruntukan Bahagian ini;
- (b) menjalankan atau mencapai objektif dan maksud Bahagian ini; atau
- (c) pelaksanaan selanjutnya, yang lebih baik atau lebih mudah peruntukan Bahagian ini.

BAHAGIAN IXA

PENGURUSAN RISIKO SISTEMIK DALAM PASARAN MODAL

346A-346D. (*Dipotong oleh Akta A1499*).

BAHAGIAN X

PENZAHIRAN MAKLUMAT

Penggal 1

Pemakaian

Pemakaian Bahagian ini

347. (1) Bahagian ini tidak terpakai bagi suatu institusi berlesen dan suatu bank Islam selain suatu institusi berlesen yang memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (3), Bahagian ini tidak membenarkan apa-apa penyiasatan dalam hal ehwal seseorang pelanggan suatu institusi berlesen atau bank Islam selain suatu instituti berlesen yang memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal.

(3) Suruhanjaya hendaklah mendapatkan bantuan Bank Negara jika Suruhanjaya berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk memeriksa buku suatu institusi berlesen atau bank Islam selain suatu institusi berlesen yang memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, yang berhubungan dengan hal ehwal seseorang pelanggan suatu institusi berlesen atau bank Islam bagi maksud menyiasat hal ehwal pelanggan itu.

Penggal 2

Penzahiran maklumat

Kuasa Suruhanjaya untuk menghendaki pengemukaan buku

348. (1) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, jika difikirkannya ada sebab yang mencukupi untuk berbuat demikian, secara bertulis—

- (a) memberikan arahan kepada—
 - (i) suatu syarikat pemegang bursa, suatu bursa saham atau suatu bursa derivatif;
 - (ii) seorang anggota lembaga suatu syarikat pemegang bursa, suatu bursa saham atau suatu bursa derivatif;
 - (iii) seseorang yang menjadi atau telah menjadi sama ada bersendirian atau bersama dengan seorang lain atau orang lain, seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal;
 - (iv) seseorang penama yang dikawal oleh seorang yang disebut dalam subperenggan (iii) atau dikawal secara

bersesama oleh dua orang atau lebih yang sekurang-kurangnya seorang daripadanya ialah orang yang disebut dalam subperenggan itu; atau

- (v) seseorang yang menjadi atau telah menjadi pegawai atau pekerja, atau ejen, peguam bela dan peguam cara, juruaudit atau orang lain yang bertindak atas apa-apa sifatnya bagi atau bagi pihak, suatu syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif atau seseorang yang disebut dalam subperenggan (ii), (iii) atau (iv),

yang menghendaki pengemukaan, kepada Suruhanjaya, apa-apa buku sebagaimana yang ditentukan sedemikian, iaitu buku yang berhubungan dengan—

- (A) urusan atau hal ehwal suatu syarikat pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (B) apa-apa perniagaan dalam sekuriti atau perniagaan dalam derivatif;
 - (C) apa-apa nasihat mengenai apa-apa sekuriti atau derivatif atau pengeluaran atau penyiaran laporan atau analisis mengenai apa-apa sekuriti atau derivatif;
 - (D) sifat atau kedudukan kewangan, atau apa-apa urusan yang dijalankan oleh, seseorang yang disebut dalam subperenggan (iii) atau (iv); atau
 - (E) pengauditan, atau apa-apa laporan seseorang juruaudit mengenai, perniagaan dalam sekuriti atau apa-apa akaun atau rekod pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal; atau
- (b) memberikan arahan kepada seseorang yang menghendaki supaya dikemukakan, kepada Suruhanjaya, apa-apa buku yang berhubungan dengan perkara yang disebut dalam

subperenggan (a)(A), (B), (C), (D) atau (E) yang ada dalam jagaan atau di bawah kawalan orang itu:

Dengan syarat bahawa buku itu tidak dikehendaki dikemukakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang boleh mengganggu perjalanan wajar urusan harian biasa orang itu.

(2) Sebutan dalam subseksyen (1) mengenai perniagaan dalam sekuriti atau urusan yang dijalankan oleh seseorang termasuklah sebutan mengenai perniagaan dalam sekuriti oleh seseorang sebagai pemegang amanah atau urusan yang dijalankan oleh seseorang sebagai pemegang amanah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika Suruhanjaya menghendaki pengemukaan apa-apa buku di bawah seksyen ini dan seseorang itu mempunyai lien ke atas buku itu, pengemukaan buku itu tidaklah menjejaskan lien itu.

(4) Jika Suruhanjaya menjalankan kuasa di bawah seksyen ini untuk menghendaki seorang lain supaya mengemukakan buku—

(a) jika buku itu dikemukakan, Suruhanjaya—

- (i) boleh mengambil milikan buku itu dan membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, buku itu;
- (ii) boleh menghendaki orang lain itu atau mana-mana orang yang menjadi pihak dalam penyusunan buku itu membuat suatu pernyataan yang memberi penjelasan mengenai mana-mana buku itu;
- (iii) boleh memegang simpan buku itu selama yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya; dan
- (iv) hendaklah membenarkan orang lain itu, apabila memberi suatu notis yang munasabah dan penentuan buku itu, mempunyai akses kepada buku itu yang ada dalam milikan Suruhanjaya; atau

- (b) jika buku itu tidak dikemukakan, Suruhanjaya boleh menghendaki orang lain itu —
- (i) menyatakan, sepanjang yang dia tahu dan percaya, di mana buku itu boleh dijumpai; dan
 - (ii) mengenal pasti orang yang, sepanjang yang dia tahu dan percaya, terakhir mempunyai jagaan ke atas buku itu dan menyatakan, sepanjang yang dia ketahui dan percaya, di mana orang yang terakhir disebut itu boleh dijumpai.

(5) Kuasa yang diberikan oleh seksyen ini untuk membuat suatu kehendak ke atas seseorang itu, jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, termasuk suatu pertubuhan perbadanan yang sedang digulung, atau pernah menjadi suatu pertubuhan perbadanan, yang merupakan suatu pertubuhan perbadanan yang dibubarkan, meliputi kehendak mana-mana orang yang menjadi atau telah menjadi seorang pegawai pertubuhan perbadanan itu.

(6) Jika pada hemat seorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang didapatinya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa terdapat buku di premis tertentu, yang pengemukaannya dikehendaki menurut kuasa seksyen ini, dan yang belum lagi dikemukakan sebagai mematuhi kehendak itu, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran memberi Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dinamakan dalam waran itu kuasa, dengan atau tanpa bantuan—

- (a) untuk menggeledah premis itu, memecah buka dan menggeledah mana-mana almari, laci, peti, kotak, bungkusan atau bekas lain, sama ada suatu lekapan atau tidak, di premis itu; dan
- (b) untuk mengambil milikan, atau menjaga supaya tidak diganggu, apa-apa buku yang kelihatan sebagai buku-buku, yang pengemukaannya dikehendaki.

(7) Kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (6) adalah sebagai tambahan kepada, dan bukannya mengurangkan daripada, mana-mana kuasa lain yang diberikan oleh undang-undang.

(8) Dalam seksyen ini, “premis” termasuklah apa-apa struktur, bangunan, pesawat udara, kenderaan, vesel atau tempat.

Kesalahan

349. (1) Seseorang yang melanggar kehendak yang dibuat di bawah seksyen 348 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang yang memberikan maklumat atau membuat pernyataan menurut seksyen 348 yang palsu atau mengelirukan dalam butir-butir material melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Seseorang yang menghalang atau menghadang Suruhanjaya atau orang lain dalam menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen 348 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk menentukan bentuk dan cara pengemukaan

350. (1) Jika di bawah mana-mana peruntukan Akta ini—

(a) mana-mana orang dikehendaki; atau

(b) kuasa diberikan kepada Suruhanjaya untuk menghendaki mana-mana orang,

mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa maklumat, penyata atau dokumen, Suruhanjaya boleh menentukan yang maklumat, penyata

atau dokumen itu dikemukakan mengikut apa-apa bentuk atau cara dan dalam apa-apa tempoh atau pada apa-apa lat tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Maklumat, penyata atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) boleh dikemukakan—

- (a) secara bertulis;
- (b) secara rakaman visual (sama ada imej pegun atau bergerak);
- (c) secara rakaman bunyi; atau
- (d) dengan cara apa-apa rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau apa jua rakaman lain,

atas apa-apa bahan, material, benda atau barang.

Perlindungan

351. (1) Jika—

- (a) Suruhanjaya membuat suatu kehendak di bawah seksyen 348 terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan sesuatu buku; dan
- (b) buku itu mengandungi komunikasi terlindung yang dibuat oleh atau bagi pihak atau kepada peguam bela dan peguam cara atas sifatnya sebagai peguam bela dan peguam cara,

peguam bela dan peguam cara berhak enggan mematuhi kehendak itu melainkan jika orang yang kepadanya atau olehnya atau bagi pihaknya komunikasi itu dibuat atau, jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan di bawah penerimaan atau sedang digulung, penerima atau pelikuidasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersetuju bagi peguam bela dan peguam cara mematuhi kehendak itu, tetapi jika peguam bela dan peguam cara enggan mematuhi sesuatu kehendak, peguam bela dan peguam cara hendaklah dengan segera memberikan secara bertulis

kepada Suruhanjaya nama dan alamat orang yang kepadanya atau olehnya komunikasi itu dibuat.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penzahiran kepada Suruhanjaya

352. (1) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti menzahirkan kepada Suruhanjaya berhubung dengan apa-apa pemerolehan atau pelupusan sekuriti, apa-apa maklumat termasuk nama orang yang daripadanya atau melaluinya atau bagi pihaknya sekuriti itu diperoleh atau yang kepadanya atau melaluinya atau bagi pihaknya sekuriti itu dilupuskan dan jenis arahan yang diberikan kepada pemegang lesen itu berkenaan dengan pemerolehan atau pelupusan itu.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif menzahirkan kepada Suruhanjaya berhubung dengan apa-apa derivatif, apa-apa maklumat termasuk nama orang yang daripadanya atau melaluinya atau bagi pihaknya derivatif itu didagangkan, dan jenis arahan yang diberikan kepada pemegang itu.

(3) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang yang telah memperoleh atau melupuskan sekuriti atau derivatif menzahirkan kepada Suruhanjaya, sama ada dia memperoleh atau melupuskan sekuriti atau derivatif itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai pemegang amanah bagi, atau bagi atau bagi pihak, orang lain dan, jika dia memperoleh atau melupuskan sekuriti atau derivatif itu sebagai pemegang amanah bagi, atau bagi atau bagi pihak, orang lain, menzahirkan nama orang yang satu lagi itu dan jenis apa-apa arahan yang diberikan kepada orang yang pertama disebut itu berkenaan dengan pemerolehan atau pelupusan itu.

- (4) Suruhanjaya boleh menghendaki—
- (a) sesuatu bursa saham menzahirkan kepada Suruhanjaya, berhubung dengan suatu pemerolehan atau pelupusan sekuriti di pasaran saham bursa saham itu, nama organisasi peserta yang bertindak dalam pemerolehan atau pelupusan itu; atau
 - (b) sesuatu bursa derivatif menzahirkan kepada Suruhanjaya, berhubung dengan perniagaan dalam derivatif di bursa derivatif, nama gabungan yang menjalankan perdagangan itu.
- (5) Seseorang yang melanggar kehendak Suruhanjaya di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penzahiran maklumat yang berhubung dengan berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif

353. (1) Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang menzahirkan kepada Suruhanjaya, berhubung dengan apa-apa perniagaan dalam sekuriti atau perniagaan dalam derivatif sama ada atau tidak perniagaan itu dijalankan bagi pihak orang lain—

- (a) nama, dan butir-butir yang mencukupi untuk mengenal pasti orang yang daripadanya, melaluinya atau yang bagi pihaknya sekuriti atau derivatif itu diniagakan atau didagangkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) jenis arahan yang diberikan kepada orang itu berhubung dengan perniagaan dalam sekuriti atau perniagaan dalam derivatif;
- (c) butir-butir mengenai perniagaan dalam sekuriti itu, termasuk—

- (i) butir-butir sekuriti yang diniagakan; dan
 - (ii) butir-butir balasan yang diberikan atau diterima bagi perniagaan dalam sekuriti itu atau apa-apa transaksi lain berhubung dengan perniagaan dalam sekuriti itu; dan
- (d) butir-butir mengenai perniagaan dalam derivatif itu, termasuk —
- (i) butir-butir derivatif yang didagangkan; dan
 - (ii) butir-butir balasan yang diberikan atau diterima bagi perniagaan dalam derivatif itu atau apa-apa transaksi lain berhubung dengan perniagaan dalam derivatif itu; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang ada dalam milikan orang itu sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkan olehnya suai manfaat bagi pentadbiran sewajarnya Akta ini.

(2) Seseorang yang melanggar suatu kehendak Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN XI

TINDAKAN PENTADBIRAN DAN SIVIL

Kuasa Suruhanjaya untuk mengambil tindakan

- 354.** (1) Jika mana-mana orang—
- (a) melanggar peruntukan Akta ini selain peruntukan Bahagian V dan Penggal 2 Bahagian VI atau mana-mana undang-undang sekuriti; atau

- (b) tidak mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan—
- (i) kaedah-kaedah sesuatu bursa saham, pusat penjelasan diluluskan atau depository pusat;
 - (ii) apa-apa notis bertulis, arahan, garis panduan atau nota amalan yang dikeluarkan atau syarat yang dikenakan, oleh Suruhanjaya; atau
 - (iii) apa-apa kaedah-kaedah suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf,

dalam hal keadaan yang orang itu dikenakan obligasi untuk mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan kaedah-kaedah, notis bertulis, arahan, garis panduan, nota amalan atau syarat itu,

orang itu telah melakukan suatu kemungkiran.

(2) Tanpa menghadkan keluasan perenggan (1)(b), orang yang berikut hendaklah disifatkan dikenakan obligasi untuk mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan kaedah-kaedah suatu bursa saham, pusat penjelasan diluluskan, depository pusat atau organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf, setakat yang kaedah-kaedah itu berupa sebagai berhubung dengan orang itu:

- (a) suatu syarikat pemegang bursa;
- (b) suatu bursa saham;
- (c) suatu depository pusat;
- (d) suatu pusat penjelasan diluluskan;
- (e) seseorang peserta;
- (f) suatu organisasi peserta;

- (g) suatu peserta depositori;
- (h) suatu perbadanan yang telah mengemukakan suatu cadangan di bawah Bahagian VI atau yang telah diterima masuk ke dalam senarai rasmi sesuatu bursa saham dan tidak dikeluarkan daripada senarai rasmi itu dan seseorang yang bersekutu dengan perbadanan itu;
- (i) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf;
- (j) seseorang yang baginya kaedah-kaedah sesuatu bursa saham, suatu pusat penjelasan diluluskan, suatu depositori pusat atau suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf, mengikut mana-mana yang berkenaan, terpakai;
- (k) pengarah atau pegawai orang yang disebut dalam perenggan (a) hingga (i);
- (l) penasihat perbadanan yang disebut dalam perenggan (h) berhubung dengan apa-apa cadangan atau transaksi perbadanan;
- (m) penerbit dan setiap pengarah seorang penerbit pada masa pengeluaran prospektus;
- (n) seseorang yang bersetuju atau menyebabkan dirinya dinamakan dan dinamakan dalam prospektus sebagai pengarah atau sebagai bersetuju untuk menjadi seorang pengarah, sama ada serta-merta atau selepas suatu lat tempoh masa;
- (o) seorang penganjur berkenaan dengan penyediaan suatu prospektus;
- (p) seseorang yang dinamakan dalam prospektus dengan persetujuannya, sebagai telah membuat suatu pernyataan yang telah dimasukkan dalam prospektus itu;

- (q) seseorang yang dinamakan dalam prospektus dengan persetujuannya, sebagai pembroker stok, pembroker saham atau penaja jamin;
- (r) seorang pemegang amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 260;
- (s) seorang pemegang amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 289;
- (t) suatu syarikat pengurusan yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 289; atau
- (u) mana-mana orang lain yang suatu obligasi di bawah mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya telah dikenakan.

(3) Jika seseorang telah melakukan suatu kemungkiran dan Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah wajar dalam segala hal keadaan untuk mengambil tindakan terhadap orang itu, Suruhanjaya boleh mengambil mana-mana satu atau lebih daripada tindakan yang berikut:

- (a) mengarahkan orang yang mungkir itu supaya mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana kaedah-kaedah, peruntukan, notis bertulis, arahan, nota amalan, syarat atau garis panduan;
- (b) mengenakan suatu penalti yang sepadan dengan beratnya kemungkiran itu ke atas orang yang melakukan pelanggaran itu, tetapi dalam apa-apa keadaan tidak melebihi satu juta ringgit;
- (c) mencela orang yang mungkir itu;
- (c) menghendaki orang yang mungkir itu supaya mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya untuk meremedi atau mengurangkan kesan

kemungkiran itu, termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan kemungkiran itu;

- (e) dalam hal suatu pelanggaran Bahagian VI atau garis panduan yang dikeluarkan menurut Bahagian VI, enggan menerima atau menimbang apa-apa pengemukaan di bawah Bahagian VI;
- (f) dalam hal seseorang penganjur atau pengarah suatu perbadanan, sebagai tambahan kepada tindakan yang boleh diambil di bawah perenggan (a) hingga (e) di atas, tindakan yang berikut boleh diambil oleh Suruhanjaya:
 - (i) mengenakan suatu moratorium atas, atau melarang apa-apa perdagangan atau perniagaan dalam, sekuriti perbadanan itu atau dalam mana-mana sekuriti lain yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya oleh penganjur atau pengarah atau mana-mana orang yang berkaitan dengan penganjur atau pengarah itu; atau
 - (ii) mengeluarkan suatu kenyataan awam yang mempunyai kesan bahawa, pada pendapat Suruhanjaya, pemegangan jawatan oleh pengarah itu adalah memudaratkan kepentingan awam.

(4) Suruhanjaya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (3) tanpa memberi orang yang mungkir itu peluang untuk didengar.

(5) Bagi maksud perenggan (3)(d), dalam menentukan sama ada atau tidak restitusi perlu dibuat oleh seseorang yang mungkir, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—

- (a) keuntungan yang telah terakru kepada orang yang mungkir itu; atau
- (b) sama ada satu orang atau lebih telah mengalami kehilangan atau selainnya terjejas akibat kemungkiran itu.

- (6) *(Dipotong oleh Akta A1406).*
- (7) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang—
- (a) Suruhanjaya daripada mengambil apa-apa tindakan yang Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mengambil di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti terhadap orang yang mungkir; dan
 - (b) syarikat pemegangan bursa, bursa saham, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada mengambil apa-apa tindakan di bawah kaedah-kaedah yang berkaitan.
- (8) Jika seseorang telah gagal membayar suatu penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah perenggan 3(b), penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya itu boleh dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia.
- (9) Tanpa menjejaskan mana-mana remedi lain, jika suatu arahan di bawah perenggan (3)(d) telah menghendaki orang yang mungkir itu untuk membuat restitusi dalam bentuk pembayaran wang, dan orang yang mungkir itu gagal untuk membayar restitusi itu, Suruhanjaya boleh membawa guaman terhadap dan mendapatkan restitusi itu sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada orang yang terkilan dengan kemungkiran itu.
- (10) Setakat yang apa-apa amaun yang didapatkan di bawah perenggan 3(d) atau subseksyen (9) tidak diagihkan oleh sebab kesulitan mengenal pasti atau memberitahu orang yang terkilan, amaun tersebut hendaklah—
- (a) dibayar kepada Dana Pampasan Pasaran Modal yang disenggarakan di bawah Bahagian IV; atau
 - (b) dipegang simpan oleh Suruhanjaya untuk membayar—

- (i) kos membangunkan dan memudahkan program pendidikan bagi pelabur pasaran modal dan profesional; atau
 - (ii) kos mengawal selia pasaran modal,
- sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengambil tindakan terhadap bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, dsb., kerana tidak mematuhi kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, dsb.

355. (1) Jika mana-mana orang—

- (a) melanggar peruntukan Akta ini selain peruntukan Bahagian V dan Penggal 2 Bahagian VI atau mana-mana undang-undang sekuriti; atau
- (b) tidak mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan—
 - (i) kaedah-kaedah suatu bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan;
 - (ii) apa-apa notis bertulis, arahan, garis panduan atau nota amalan yang dikeluarkan atau syarat yang dikenakan, oleh Suruhanjaya; atau
 - (iii) apa-apa kaedah-kaedah suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf,

dalam hal keadaan yang orang itu dikenakan obligasi untuk mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan kaedah-kaedah, notis bertulis, arahan, garis panduan, nota amalan atau syarat,

orang itu telah melakukan suatu kemungkiran.

(2) Tanpa menghadkan keluasan perenggan (1)(b), orang yang berikut hendaklah disifatkan dikenakan obligasi untuk mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan kaedah-kaedah suatu bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf, setakat yang kaedah-kaedah itu berupa sebagai terpakai berhubung dengan orang itu:

- (a) suatu syarikat pemegangan bursa;
- (b) suatu bursa derivatif;
- (c) suatu pusat penjelasan diluluskan;
- (d) suatu gabungan;
- (e) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf;
- (f) seseorang yang baginya kaedah-kaedah sesuatu bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf, mengikut mana-mana yang berkenaan, terpakai;
- (g) pengarah atau pegawai orang yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d); atau
- (h) mana-mana orang lain yang suatu obligasi di bawah mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya telah dikenakan berkenaan dengan perniagaan, nasihat pelaburan atau pengurusan dana berkenaan dengan derivatif.

(3) Jika seseorang telah melakukan suatu kemungkiran dan Suruhanjaya berpuas hati bahawa ia adalah wajar dalam segala hal keadaan untuk mengambil tindakan terhadap orang itu, Suruhanjaya boleh mengambil mana-mana satu atau lebih daripada tindakan yang berikut:

- (a) mengarahkan syarikat pemegangan bursa atau bursa derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (i) menggantung perdagangan di pasaran derivatif dalam suatu kelas derivatif yang tertentu;
- (ii) menghadkan transaksi di pasaran derivatif setakat penutupan derivatif;
- (iii) menangguhkan selama suatu tempoh yang dinyatakan, tarikh penyempurnaan bagi semua derivatif atau bagi suatu kelas derivatif yang tertentu yang dibuat di pasaran derivatif;
- (iv) menyebabkan sesuatu derivatif yang tertentu yang dibuat di pasaran derivatif atau setiap derivatif yang termasuk dalam suatu kelas derivatif yang tertentu yang dibuat sedemikian, supaya—
 - (A) ditutup dengan serta-merta akibat pemadanan derivatif dengan derivatif daripada jenis yang sama yang harga atau nilainya sama dengan harga atau nilai yang ditentukan oleh bursa derivatif itu; atau
 - (B) diinvoiskan kembali ke suatu tarikh yang dinyatakan pada harga atau nilai yang ditentukan oleh bursa derivatif itu;
- (v) menghendaki sesuatu derivatif yang dibuat di pasaran derivatif atau setiap derivatif yang termasuk dalam sesuatu kelas derivatif yang tertentu yang dibuat sedemikian, supaya ditunaikan dengan—
 - (A) menawarkan sesuatu lot boleh niaga sesuatu surat cara yang ditentukan oleh bursa derivatif itu, yang kualiti atau piawaiannya yang ditentukan oleh bursa derivatif itu, berbeza daripada kualiti atau piawaian surat cara yang dinyatakan dalam derivatif itu; dan

- (B) menawarkan suatu harga yang diselaraskan dengan suatu amaun yang ditentukan oleh bursa derivatif itu yang berpatutan dengan mengambil kira kualiti atau piawaian surat cara yang disebut dalam subsubperenggan (A);
- (vi) menghendaki mana-mana gabungan bursa derivatif itu supaya bertindak mengikut cara yang tertentu berhubung dengan perdagangan dalam derivatif di pasaran derivatif bagi bursa derivatif itu atau berhubung dengan perdagangan dalam sesuatu kelas derivatif yang tertentu;
- (b) mengarahkan orang yang mungkir itu supaya mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana kaedah-kaedah, peruntukan, notis bertulis, arahan, nota amalan, syarat atau garis panduan;
- (c) mengenakan suatu penalti yang sepadan dengan beratnya kemungkiran itu ke atas orang yang mungkir itu, tetapi dalam apa-apa keadaan tidak melebihi satu juta ringgit;
- (d) mencela orang yang mungkir itu;
- (e) menghendaki orang yang mungkir itu supaya mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya untuk meremеди atau mengurangkan kesan kemungkiran itu, termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan kemungkiran itu.
- (4) Suruhanjaya tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (3) tanpa memberi orang yang mungkir itu peluang untuk didengar.
- (5) Bagi maksud perenggan (3)(e), dalam menentukan sama ada atau tidak restitusi kena dibuat oleh suatu syarikat pemegang bursa, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, pengarah, pegawai atau gabungan yang berkenaan, atau mana-mana orang yang berkenaan, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—

- (a) keuntungan yang telah terakru kepada syarikat pemegang bursa, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, pengarah, pegawai atau gabungan yang berkenaan atau mana-mana orang lain yang berkenaan; atau
 - (b) sama ada mana-mana orang telah mengalami kehilangan atau selainnya terjejas akibat kemungkiran itu.
- (6) *(Dipotong oleh Akta A1406).*
- (7) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang—
- (a) Suruhanjaya daripada mengambil apa-apa tindakan yang Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mengambil di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti terhadap orang yang mungkir; dan
 - (b) syarikat pemegang bursa, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada mengambil apa-apa tindakan di bawah kaedah-kaedahnya.
- (8) Jika seseorang telah gagal membayar suatu penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah perenggan 3(c), penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya itu boleh dibawa guaman terhadapnya dan boleh didapati sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia.
- (9) Tanpa menjejaskan mana-mana remedi lain, jika suatu arahan di bawah perenggan 3(e) telah menghendaki orang yang mungkir itu untuk membuat restitusi dalam bentuk pembayaran wang, dan orang yang mungkir itu gagal membayar restitusi itu, Suruhanjaya boleh membawa guaman terhadap dan mendapatkan restitusi itu sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada orang yang terkilan dengan kemungkiran itu.
- (10) Setakat yang apa-apa amaun yang boleh didapati di bawah perenggan (3)(e) atau subseksyen (9) tidak diagihkan oleh sebab

kesulitan mengenal pasti atau memberitahu orang yang terkilan, amaun tersebut hendaklah—

- (a) dibayar kepada Dana Pampasan Pasaran Modal yang disenggarakan di bawah Bahagian IV; atau
- (b) dipegang simpan oleh Suruhanjaya untuk membayar—
 - (i) kos membangunkan dan memudahkan program pendidikan bagi pelabur pasaran modal dan profesional; atau
 - (ii) kos mengawal selia pasaran modal,

sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri.

Kuasa berkenaan dengan pematuhan syarat lesen, dsb., oleh orang berlesen

356. (1) Jika mana-mana orang berlesen—

- (a) melanggar atau tidak mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana kehendak atau peruntukan Akta ini, mana-mana undang-undang sekuriti, notis bertulis, arahan, garis panduan, nota amalan, mana-mana syarat, atau sekatan ke atas, lesen yang diberikan di bawah atau menurut Akta ini; atau
- (b) melaksanakan atau meninggalkan daripada melaksanakan apa-apa perbuatan berkenaan dengan apa-apa urusan yang dijalankan oleh orang berlesen menurut lesen yang diberikan di bawah atau menurut Akta ini, yang berkemungkinan—
 - (i) membahayakan kepentingan klien orang berlesen itu; atau
 - (ii) menjejaskan kepentingan awam,

orang berlesen itu telah melakukan suatu kemungkiran.

(2) Jika seseorang orang berlesen telah melakukan suatu kemungkiran dan Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah wajar dalam segala hal keadaan untuk mengambil tindakan terhadap orang berlesen itu, Suruhanjaya boleh mengambil satu atau lebih daripada tindakan yang berikut:

- (a) mengarahkan orang yang mungkir supaya mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan apa-apa kehendak atau peruntukan Akta ini, mana-mana undang-undang sekuriti, notis bertulis, arahan, garis panduan, nota amalan, mana-mana syarat, atau sekatan ke atas, lesen yang diberikan di bawah atau menurut Akta ini, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) mengenakan suatu penalti yang sepadan dengan beratnya kesan kemungkiran itu ke atas orang yang mungkir itu, tetapi dalam apa-apa keadaan tidak lebih daripada satu juta ringgit;
- (c) mencela orang yang mungkir itu;
- (d) menghendaki orang yang mungkir itu untuk mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya untuk meremеди atau mengurangkan kesan kemungkiran itu, termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan kemungkiran itu.

(3) Suruhanjaya tidak boleh mengambil mana-mana tindakan di bawah subseksyen (2) tanpa memberi orang yang mungkir itu peluang untuk didengar.

(4) Bagi maksud perenggan (2)(d), dalam menentukan sama ada restitusi kena dibuat oleh orang yang mungkir, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—

- (a) keuntungan yang telah terakru kepada orang yang mungkir itu; atau

(b) sama ada mana-mana orang telah mengalami kehilangan atau selainnya terjejas akibat kemungkiran itu.

(5) *(Dipotong oleh Akta A1406).*

(6) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menghalang Suruhanjaya daripada mengambil apa-apa tindakan yang Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mengambil di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti terhadap orang yang mungkir.

(7) Jika seseorang telah gagal membayar suatu penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah perenggan (2)(b), penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya itu boleh dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia.

(8) Tanpa menjejaskan mana-mana remedi lain, jika suatu arahan di bawah perenggan (2)(d) telah menghendaki orang yang mungkir untuk membuat restitusi dalam bentuk pembayaran wang, dan orang yang mungkir gagal untuk membayar restitusi itu, Suruhanjaya boleh membawa guaman dan mendapatkan restitusi itu sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada orang yang terkilan dengan kemungkiran itu.

(9) Setakat yang apa-apa amaun yang boleh didapatkan di bawah perenggan (2)(d) atau subseksyen (8) tidak diagihkan oleh sebab kesulitan mengenal pasti atau memberitahu orang yang terkilan, amaun tersebut hendaklah—

(a) dibayar kepada Dana Pampasan Pasaran Modal yang disenggarakan di bawah Bahagian IV; atau

(b) dipegang simpan oleh Suruhanjaya untuk membayar kos—

(i) membangunkan dan memudahkan program pendidikan bagi pelabur pasaran modal dan profesional; atau

(ii) mengawal selia pasaran modal,

sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri.

Tanggungan sivil orang yang melanggar undang-undang sekuriti

357. (1) Seseorang yang mengalami kehilangan atau kerugian disebabkan oleh, atau kerana bergantung pada, perlakuan orang lain yang melanggar mana-mana peruntukan Bahagian VI atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh mendapatkan amaun kehilangan atau kerugian itu dengan memulakan prosiding sivil terhadap orang lain itu sama ada atau tidak orang lain itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan batasan masa, suatu tindakan di bawah subseksyen (1) boleh dimulakan pada bila-bila masa dalam masa enam tahun dari tarikh kausa tindakan terakru atau tarikh yang orang yang disebut dalam subseksyen (1) menyedari tentang pelanggaran itu, mengikut mana-mana yang terkemudian.

Suruhanjaya boleh mendapatkan kehilangan atau kerugian

358. (1) Suruhanjaya boleh, jika dianggapnya bahawa adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, mendapatkan bagi pihak seseorang yang mengalami kehilangan atau kerugian itu disebabkan oleh, atau kerana bergantung kepada, perlakuan seorang lain yang melanggar mana-mana peruntukan Bahagian VI atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, amaun kehilangan atau kerugian itu dengan memulakan prosiding sivil terhadap orang lain itu sama ada atau tidak orang lain itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan batasan masa, suatu tindakan di bawah

subseksyen (1) boleh dimulakan pada bila-bila masa dalam masa enam tahun dari tarikh kausa tindakan terakru atau tarikh yang Suruhanjaya menyedari tentang pelanggaran itu, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(3) Apa-apa kehilangan atau kerugian yang didapatkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) hendaklah digunakan—

- (a) pertama, untuk membayar ganti kepada Suruhanjaya segala kos penyiasatan dan prosiding berkenaan dengan pelanggaran itu; dan
- (b) kedua, untuk memampas orang yang mengalami kehilangan atau kerugian disebabkan oleh, atau kerana bergantung pada, perlakuan orang lain yang melanggar mana-mana peruntukan Bahagian VI atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah tidak praktik untuk memampas orang yang disebut dalam perenggan (3)(b), memandangkan amaun apa-apa pengagihan yang mungkin kepada setiap orang atau kesulitan memastikan atau memberitahu orang yang sepatutnya dimampasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, Suruhanjaya boleh memutuskan untuk tidak membuat pengagihan kepada orang yang disebut dalam perenggan (3)(b).

(5) Setakat yang apa-apa amaun yang didapatkan atau diperolehi dalam tindakan sivil di bawah subseksyen (1) tidak diagihkan menurut subseksyen (3), amaun itu hendaklah—

- (a) dibayar kepada Dana Pembangunan Pasaran Modal yang disenggarakan di bawah Bahagian IX; atau
- (b) dipegang simpan oleh Suruhanjaya untuk membayar kos mengawal selia perdagangan pasaran, sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri.

(6) Apa-apa hak tindakan yang diberikan di bawah seksyen ini adalah sebagai tambahan kepada apa-apa hak yang dipunyai oleh orang itu di bawah mana-mana undang-undang lain.

Sebutan mengenai perlakuan

359. (1) Sesuatu sebutan mengenai penglibatan dalam perlakuan ialah sebutan mengenai perlakuan atau keengganan untuk melakukan apa-apa perbuatan, termasuk membuat suatu perjanjian atau memberi kuat kuasa kepada suatu peruntukan suatu perjanjian.

(2) Jika, dalam suatu prosiding di bawah Bahagian VI berkenaan dengan perlakuan yang dilakukan oleh seseorang penerbit, adalah perlu untuk membuktikan keadaan fikiran penerbit itu, adalah mencukupi untuk menunjukkan bahawa pengarah, pekerja atau ejen penerbit itu, yang merupakan seorang pengarah, pekerja atau ejen yang terlibat dengan perlakuan yang termasuk dalam skop kuasa yang sebenar atau zahir pengarah, pekerja atau ejen itu, mempunyai keadaan fikiran itu.

(3) Perlakuan yang dilakukan bagi pihak penerbit—

- (a) oleh seorang pengarah, pekerja atau ejen penerbit dalam skop kuasa yang sebenar atau zahir pengarah, pekerja atau ejen itu; atau
- (b) oleh mana-mana orang lain atas arahan atau dengan kebenaran atau persetujuan (sama ada secara nyata atau tersirat) seseorang pengarah, pekerja atau ejen penerbit itu, jika pemberian arahan, kebenaran atau persetujuan itu adalah dalam skop kuasa yang sebenar atau zahir pengarah, pekerja atau ejen itu,

hendaklah disifatkan telah dilakukan oleh penerbit itu.

(4) Jika, dalam suatu prosiding di bawah Bahagian VI berkenaan dengan perlakuan yang dilakukan oleh seseorang selain penerbit, adalah perlu untuk membuktikan keadaan fikiran orang itu, adalah

mencukupi untuk menunjukkan bahawa pekerja atau ejen orang itu, yang merupakan seorang pekerja atau ejen yang terlibat dengan perlakuan yang termasuk dalam skop kuasa yang sebenar atau zahir pekerja atau ejen itu, mempunyai keadaan fikiran itu.

(5) Perlakuan yang dilakukan bagi pihak seseorang selain seorang penerbit—

- (a) oleh seorang pekerja atau ejen orang itu dalam skop kuasa yang sebenar atau zahir pekerja atau ejen itu; atau
- (b) oleh mana-mana orang lain atas arahan atau dengan kebenaran atau persetujuan (sama ada secara nyata atau tersirat) seseorang pekerja atau ejen seseorang selain penerbit (orang yang mula-mula disebut itu), jika pemberian arahan, kebenaran atau persetujuan itu adalah dalam skop kuasa yang sebenar atau zahir pekerja atau ejen itu,

hendaklah disifatkan telah dilakukan juga oleh orang yang mula-mula disebut itu.

Kuasa mahkamah untuk membuat perintah tertentu

360. (1) Jika—

- (a) atas permohonan oleh Suruhanjaya, mahkamah mendapati bahawa—
 - (i) wujud kebarangkalian yang munasabah bahawa mana-mana orang akan melanggar suatu kehendak yang berkaitan;
 - (ii) mana-mana orang telah melanggar suatu kehendak yang berkaitan; atau
 - (iii) mana-mana orang telah melanggar suatu kehendak yang berkaitan dan terdapat langkah-langkah yang boleh diambil untuk meremеди pelanggaran atau

mengurangkan kesan pelanggaran itu, termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan pelanggaran itu,

sama ada atau tidak orang itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau sama ada atau tidak suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan;

- (b) atas permohonan oleh Suruhanjaya, mahkamah mendapati bahawa mana-mana orang telah tidak atau tidak mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 354, 355 atau 356;
- (c) atas permohonan suatu syarikat pemegang bursa, suatu bursa saham, suatu bursa derivatif atau suatu pusat penjelasan diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mahkamah mendapati bahawa—
 - (i) mana-mana orang telah melanggar suatu kehendak yang berkaitan; atau
 - (ii) mana-mana orang telah melanggar suatu kehendak yang berkaitan dan terdapat langkah-langkah yang boleh diambil untuk meremеди pelanggaran atau mengurangkan kesan pelanggaran itu; atau
- (d) atas permohonan oleh mana-mana orang yang terkilan dengan suatu pengataan pelanggaran suatu kehendak yang berkaitan oleh seorang lain, mahkamah mendapati bahawa—
 - (i) orang lain itu telah melanggar kehendak yang berkaitan itu; dan
 - (ii) pemohon itu terkilan dengan pelanggaran itu,

mahkamah boleh, tanpa menjejaskan apa-apa perintah yang boleh dibuat selain menurut seksyen ini, membuat satu atau lebih daripada perintah yang berikut:

- (A) suatu perintah yang menahan atau menghendaki pemberhentian pelanggaran itu;
- (B) suatu perintah yang menahan seseorang daripada berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif berkenaan dengan mana-mana kelas sekuriti atau derivatif yang disebut dalam perintah itu;
- (C) suatu perintah yang mengisytiharkan suatu derivatif sebagai batal atau boleh batal;
- (D) suatu perintah yang menahan orang itu daripada memperoleh, melupuskan atau selainnya menguruskan, aset yang mahkamah berpuas hati adalah munasabah mungkin dilupuskan atau selainnya diuruskan oleh orang itu;
- (E) suatu perintah yang mengarahkan seseorang supaya melupuskan apa-apa sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (F) suatu perintah yang menahan perjalanan apa-apa hak mengundi atau hak lain yang diberikan kepada mana-mana sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (G) suatu perintah yang menahan seseorang daripada menyediakan, menawarkan untuk langganan atau belian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, atau mengumpukkan apa-apa sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (H) suatu perintah yang melantik seorang penerima harta pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau harta yang dipegang oleh pemegang itu untuk atau bagi pihak seorang lain sama ada sebagai amanah atau selainnya;

- (I) suatu perintah yang meletakkan sekuriti atau apa-apa harta lain yang dinyatakan dalam perintah itu pada Suruhanjaya atau seorang pemegang amanah yang dilantik oleh mahkamah;
- (J) jika seseorang telah enggan atau tidak, masih enggan atau tidak, atau bercadang untuk mengganggu daripada atau tidak, melakukan apa-apa perbuatan atau benda yang dia dikehendaki melakukan di bawah suatu kehendak yang berkaitan, suatu perintah yang menghendaki orang itu melakukan perbuatan atau benda itu;
- (K) dalam hal pelanggaran kaedah-kaedah suatu bursa saham, suatu bursa derivatif atau suatu pusat penjelasan diluluskan oleh seseorang, suatu perintah yang memberikan arahan berkenaan dengan pematuhan atau penguatkuasaan kaedah-kaedah itu kepada—
 - (i) orang itu; dan
 - (ii) jika orang itu merupakan suatu pertubuhan perbadanan, pengarah pertubuhan perbadanan itu;
- (L) dalam hal jika orang itu merupakan seorang ketua eksekutif atau pengarah, suatu perintah yang memecatnya daripada jawatan atau bahawa dia dihalang daripada menjadi seorang ketua eksekutif, pengarah atau menyertai dalam pengurusan secara langsung atau tidak langsung, mana-mana syarikat awam yang lain bagi apa-apa tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah;
- (M) suatu perintah yang menghendaki orang itu, atau mana-mana orang lain yang diketahui terlibat dalam pelanggaran itu, untuk mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah untuk meremеди atau mengurangkan kesannya termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan pelanggaran itu;

- (N) bagi maksud memastikan pematuhan apa-apa perintah lain di bawah seksyen ini, suatu perintah yang mengarahkan seseorang untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan suatu perbuatan yang ditentukan;
- (O) jika seseorang telah enggan atau tidak atau masih enggan mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 354, 355 atau 356, suatu perintah yang mengarahkan orang itu supaya mematuhi arahan itu yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya; dan
- (P) apa-apa perintah sampingan yang disifatkan wajar berikutan dengan pembuatan suatu perintah di bawah mana-mana peruntukan terdahulu subseksyen ini.

(2) Jika suatu permohonan dibuat kepada mahkamah bagi suatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh, jika pada pendapatnya adalah wajar untuk berbuat demikian, sebelum menimbang permohonan itu, membuat suatu perintah interim daripada jenis perintah yang dipohon itu dan perintah itu hendaklah dinyatakan mempunyai kuat kuasa sementara menanti penentuan permohonan itu.

(3) Mahkamah boleh, sebelum membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mengarahkan supaya notis permohonan itu diberikan kepada mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut atau mengarahkan supaya notis permohonan itu disiarkan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, atau kedua-duanya.

(4) Jika suatu permohonan dibuat kepada mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah di bawah perenggan (1)(J), mahkamah boleh membenarkan perintah itu—

- (a) jika mahkamah berpuas hati bahawa orang itu telah enggan atau tidak melakukan perbuatan atau benda yang dikehendaki itu, sama ada atau tidak mahkamah mendapati bahawa orang itu berniat sekali lagi untuk enggan atau tidak atau terus untuk enggan atau tidak, melakukan perbuatan atau benda yang dikehendaki itu; atau

- (b) jika mahkamah mendapati bahawa sekiranya perintah sedemikian tidak dibenarkan, adalah berkemungkinan bahawa orang itu akan enggan atau tidak melakukan perbuatan atau benda yang dikehendaki itu, sama ada atau tidak orang itu telah sebelum ini enggan atau tidak melakukan perbuatan atau benda itu dan sama ada atau tidak terdapat apa-apa risiko kerugian yang ketara kepada mana-mana orang jika orang yang dikehendaki melakukan perbuatan atau benda itu enggan atau tidak berbuat demikian.

(5) Jika suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah subseksyen (1) dibuat oleh Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Suruhanjaya atau suatu bursa saham, suatu bursa derivatif atau suatu pusat penjelasan diluluskan, mahkamah tidak boleh, menjadikan sebagai suatu syarat bagi perintah itu diberikan, menghendaki apa-apa janji mengenai ganti rugi yang kena diberikan oleh atau bagi pihak Suruhanjaya, bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu.

(6) Seseorang yang dilantik melalui perintah mahkamah di bawah subseksyen (1) sebagai penerima harta pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal—

- (a) boleh menghendaki pemegang itu supaya menghantar serah kepada penerima apa-apa harta yang dia telah dilantik sebagai penerima atau memberikan kepada penerima segala maklumat mengenai harta itu yang mungkin dikehendaki dengan munasabahnya;
- (b) boleh memperoleh dan mengambil milikan apa-apa harta yang dia telah dilantik sebagai penerima;
- (c) boleh menguruskan apa-apa harta yang diperolehnya atau yang telah diambil milikan olehnya mengikut apa-apa cara yang pemegang itu boleh menguruskan harta itu dengan sah; dan

- (d) mempunyai apa-apa kuasa lain berkenaan dengan harta itu sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah dalam perintah itu.

(7) Dalam perenggan (1)(H) dan subseksyen (6), “harta”, berhubung dengan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal termasuk wang, sekuriti, atau harta lain dan dokumen hakmilik kepada sekuriti atau harta lain yang diamanahkan kepada atau diterima bagi pihak mana-mana orang lain oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau seorang lain dalam perjalanan atau berkaitan dengan urusan pemegang itu.

(8) Suruhanjaya atau pemegang amanah yang dilantik melalui suatu perintah mahkamah di bawah perenggan (1)(I)—

- (a) boleh menghendaki mana-mana orang supaya menghantar serah kepada Suruhanjaya atau pemegang amanah itu mana-mana sekuriti atau apa-apa harta lain itu yang dinyatakan dalam perintah itu atau memberikan kepada Suruhanjaya atau pemegang amanah itu segala maklumat mengenai sekuriti atau derivatif sebagaimana yang boleh dikehendaki dengan munasabahnya;
- (b) boleh memperoleh dan mengambil milikan sekuriti atau apa-apa harta lain;
- (c) boleh berniaga sekuriti atau apa-apa harta lain mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut; dan
- (d) hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain berkenaan dengan sekuriti atau apa-apa harta lain sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah dalam perintah itu.

(9) Hasil perniagaan atau pelupusan sekuriti atau derivatif di bawah perenggan (1)(I) hendaklah dibayar ke dalam mahkamah, dan mana-mana orang yang mendakwa sebagai berhak secara benefisial ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian hasil itu boleh, dalam masa tiga puluh hari dari pembayaran ke dalam mahkamah itu, memohon kepada mahkamah untuk pembayaran daripada hasil itu kepadanya.

(10) Seseorang yang melanggar—

- (a) suatu perintah di bawah subseksyen (1) yang terpakai baginya;
- (b) suatu kehendak seorang penerima yang dilantik melalui perintah mahkamah di bawah subseksyen (1); atau
- (c) suatu kehendak Suruhanjaya atau pemegang amanah yang dilantik melalui perintah mahkamah di bawah perenggan (1)(I),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(11) Subseksyen (10) tidak menyentuh kuasa mahkamah berhubung dengan hukuman menghina mahkamah.

(12) Mahkamah boleh membatalkan, mengubah atau melepaskan sesuatu perintah yang dibuat olehnya di bawah seksyen ini atau menggantung pelaksanaan perintah sedemikian.

(13) Bagi maksud seksyen ini, “kehendak yang berkaitan”—

- (a) berhubung dengan suatu permohonan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini, ertinya suatu kehendak—
 - (i) yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti;
 - (ii) yang dikenakan sebagai suatu syarat atau sekatan ke atas mana-mana kelulusan atau lesen yang diberikan atau dikeluarkan di bawah atau menurut Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti;
 - (iii) yang dikenakan oleh atau di bawah kaedah-kaedah suatu bursa saham, suatu bursa derivatif atau suatu pusat penjelasan diluluskan; atau

- (iv) yang dikenakan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang lain dan yang pelanggarannya merupakan suatu kesalahan yang Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mendakwa dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya;
- (b) berhubung dengan suatu permohonan oleh syarikat pemegang bursa, suatu bursa saham, suatu bursa derivatif atau suatu pusat penjelasan diluluskan, ertinya suatu kehendak yang dikenakan oleh atau di bawah kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (c) berhubung dengan suatu permohonan oleh orang yang terkilan, ertinya suatu kehendak—
 - (i) yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini;
 - (ii) yang dikenakan sebagai suatu syarat atau sekatan ke atas mana-mana kelulusan atau lesen yang diberikan atau dikeluarkan di bawah atau menurut Akta ini atau mana-mana undang-undang sekuriti; atau
 - (iii) yang dikenakan oleh atau di bawah kaedah-kaedah suatu bursa saham, suatu bursa derivatif atau suatu pusat penjelasan diluluskan.

(14) Suatu permohonan yang dibuat menurut seksyen ini tidak boleh memudaratkan apa-apa tindakan lain yang boleh diambil oleh Suruhanjaya, syarikat pemegang bursa, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau orang yang terkilan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah mana-mana undang-undang sekuriti atau mana-mana undang-undang atau kaedah-kaedah lain.

Permohonan untuk penggulungan

361. (1) Walau apa pun peruntukan *Akta Syarikat 1965, jika seseorang yang disebut dalam subseksyen 360(1) ialah suatu syarikat, sama ada atau tidak syarikat itu sedang digulung secara sukarela, orang itu boleh digulung di bawah suatu perintah mahkamah atas petisyen Suruhanjaya, suatu bursa saham, suatu bursa derivatif atau suatu pusat penjelasan diluluskan, mengikut peruntukan *Akta Syarikat 1965.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan penggulungan atas petisyen yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika orang yang disebut dalam subseksyen 360(1)—

- (a) telah memegang suatu lesen di bawah Akta ini, dan lesen itu telah dibatalkan atau diserahkan balik; atau
- (b) telah melanggar mana-mana kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan itu atau telah melanggar suatu peruntukan suatu undang-undang sekuriti, sama ada atau tidak orang itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak pelanggaran itu telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

BAHAGIAN XII

AM

Larangan tentang penggunaan gelaran tertentu

362. (1) Seseorang yang bukan organisasi peserta atau suatu gabungan tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara inferens menerima pakai nama, gelaran atau perihalan “organisasi peserta” atau “gabungan”, atau mengambil atau menggunakan atau melekatkan atau mempamerkan di mana-mana tempat apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang membayangkan atau berkecenderungan

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu ialah seorang organisasi peserta atau suatu gabungan.

(2) Melainkan jika Suruhanjaya membenarkan selainnya, seseorang yang bukan suatu syarikat pemegang bursa, suatu bursa saham atau suatu bursa derivatif tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara inferens menerima pakai nama, gelaran atau perihalan “syarikat pemegang bursa”, “bursa saham”, “bursa derivatif”, “pasaran saham”, “pasaran derivatif”, “pasaran perdagangan sekuriti” atau “pasaran dagangan derivatif”, atau mengambil atau menggunakan atau melekatkan atau mempamerkan di mana-mana tempat apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang membayangkan atau berkecenderungan mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu ialah suatu syarikat pemegang bursa, bursa saham atau bursa derivatif .

(3) Seseorang yang bukan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal tidak boleh mengambil atau menggunakan atau melekatkan atau mempamerkan di mana-mana tempat gelaran yang mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu dilesenkan untuk menjalankan urusan atau melakukan apa-apa fungsi berhubung dengan mana-mana aktiviti terkawal sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual 2.

Derivatif bukan kontrak perjudian atau pertaruhan

362A. Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis, suatu derivatif tidak boleh dianggap sebagai suatu kontrak perjudian atau pertaruhan.

Salinan buku sebagai keterangan *prima facie*

363. (1) Suatu salinan buku yang disimpan atau disenggarakan oleh suatu bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, depository pusat atau pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah dalam semua prosiding undang-undang diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai buku itu dan mengenai perkara, transaksi dan akaun yang direkodkan dalam buku itu.

(2) Salinan buku yang disebut di bawah subseksyen (1) tidak boleh diterima sebagai keterangan di bawah Akta ini melainkan jika ia telah dibuktikan terlebih dahulu bahawa perkara, transaksi dan akaun tersebut direkodkan dalam buku dalam perjalanan urusan biasa dan berada dalam jagaan atau kawalan bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan, depository pusat dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu.

(3) Apa-apa bukti yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) boleh diberikan secara lisan atau melalui affidavit oleh seseorang yang sebelum atau selepas apa-apa perkara, transaksi atau akaun adalah direkodkan dalam buku, adalah bertanggungjawab bagi pengurusan, penjagaan atau kawalan buku itu.

(4) Affidavit di bawah subseksyen (3) hendaklah diangkat sumpah di hadapan mana-mana Majistret atau orang yang diberi kuasa untuk membuat affidavit.

(5) Salinan buku yang disebut dalam subseksyen (1) tidak boleh diterima sebagai keterangan di bawah Akta ini melainkan jika telah dibuktikan bahawa orang yang disebut dalam subseksyen (3) telah memeriksa salinan itu dengan buku yang asal.

(6) Apa-apa bukti yang dikehendaki di bawah subseksyen (5) hendaklah diberikan oleh seorang yang telah memeriksa salinan itu dengan buku yang asal, dan boleh diberikan sama ada secara lisan atau melalui affidavit yang diangkat sumpah di hadapan mana-mana Majistret atau orang yang diberi kuasa untuk membuat affidavit.

(7) Walau apa pun peruntukan subseksyen (5) dan (6), jika buku yang asal itu tidak dijumpai atau hilang, adalah mencukupi bagi orang yang disebut dalam subseksyen (3) untuk menyatakan secara lisan atau dalam suatu affidavit yang diberikan di bawah seksyen ini bahawa beliau telah membuat usaha munasabah untuk mencari buku yang asal itu dan selepas itu salinan buku itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai apa-apa perkara, transaksi dan akaun yang direkodkan dalam buku itu, dalam mana-mana prosiding undang-undang.

Permohonan kajian semula oleh orang yang terkilan

364. Suruhanjaya boleh mengkaji semula keputusannya sendiri di bawah Akta ini apabila dibuat atas permohonan oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu.

Masa bagi permohonan untuk kajian semula

365. Permohonan kepada Suruhanjaya untuk mengkaji semula keputusannya sendiri hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari selepas orang yang terkilan itu diberitahu tentang keputusan itu.

Keputusan Menteri adalah muktamad

366. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini, sama ada suatu keputusan asal olehnya atau suatu keputusan atas rayuan kepadanya daripada sesuatu keputusan Suruhanjaya, adalah muktamad.

Kesalahan oleh kumpulan orang dan oleh pekerja dan ejen

367. (1) Jika suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang semasa berlakunya kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pegawai atau wakil pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, adalah disifatkan yang telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang perlakuan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya dijalankan olehnya, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan.

(2) Jika seseorang yang merupakan pekerja seorang lain melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, orang itu yang baginya atau bagi pihaknya pekerja itu bertindak hendaklah disifatkan telah melanggar peruntukan itu.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), jika mana-mana wakil pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, pemegang itu hendaklah disifatkan telah melanggar peruntukan itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, seseorang pengarah sesuatu perbadanan termasuklah—

- (a) seseorang yang menjawat atau memangku jawatan pengarah perbadanan itu, dengan apa jua nama disebut, dan sama ada atau tidak dilantik secara sah untuk menjawat atau diberi kuasa sewajarnya untuk memangku jawatan itu;
- (b) seseorang yang mengikut arahan atau petunjuknya pengarah perbadanan itu lazimnya bertindak; dan
- (c) jika perbadanan itu diperbadankan di luar Malaysia—
 - (i) anggota lembaga perbadanan itu;
 - (ii) seseorang yang menjawat atau memangku jawatan pengarah lembaga perbadanan itu, dengan apa jua nama disebut, dan sama ada atau tidak dilantik secara sah untuk menjawat atau diberi kuasa sewajarnya untuk memangku jawatan itu; dan
 - (iii) seseorang yang mengikut arahan atau petunjuknya anggota lembaga perbadanan itu lazimnya bertindak.

Pemalsuan rekod

368. (1) Seseorang itu tidak boleh, dalam mana-mana buku berhubung dengan urusan sesuatu bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan

diluluskan, seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya sama ada atau tidak disimpan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini—

- (a) mengikut apa-apa cara membuat, merekodkan atau menyimpan, atau menyebabkan dibuat, direkodkan atau disimpan, apa-apa perkara yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir-butir yang material;
- (b) mengikut apa-apa cara memalsukan atau menyebabkan dipalsukan, apa-apa perkara yang—
 - (i) dibuat, direkodkan atau disimpan;
 - (ii) telah disediakan bagi maksud untuk dibuat, direkodkan atau disimpan; atau
 - (iii) telah disediakan untuk digunakan dalam penyusunan perkara lain untuk dibuat, direkodkan atau disimpan; atau
- (c) tidak membuat, merekodkan atau menyimpan apa-apa perkara dengan niat untuk memalsukan rekod atau mana-mana bahagian rekod itu yang diniatkan untuk tujuan penyusunan.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

Pernyataan palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya, bursa atau pusat penjelasan diluluskan, dsb.

369. Seseorang yang—

- (a) dengan niat untuk memperdaya, membuat atau memberikan atau menyerahkan simpan; atau
- (b) dengan diketahuinya menyebabkan, memberi kuasa atau membenarkan supaya dibuat, diberikan atau diserahkan simpan,

apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen yang palsu atau mengelirukan, kepada Suruhanjaya, suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan yang berhubungan dengan—

- (A) perniagaan sekuriti atau derivatif;
- (B) hal ehwal suatu perbadanan yang disenaraikan;
- (C) apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki oleh Suruhanjaya bagi pentadbiran sewajarnya Akta ini;
- (D) apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah mana-mana garis panduan, nota amalan, notis bertulis atau terma atau syarat; atau
- (E) apa-apa kehendak di bawah kaedah-kaedah suatu bursa saham, bursa derivatif, atau pusat penjelasan diluluskan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

Percubaan, persubahatan dan komplot

370. Seseorang yang—

- (a) cuba melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini;

- (b) melakukan apa-apa perbuatan bagi melanjutkan perlakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (c) bersubahat atau terlibat dalam suatu komplot jenayah untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan akibat daripadanya,

melakukan kesalahan itu dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan atau boleh dikenakan penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

371. *(Dipotong oleh Akta A1499).*

Penalti am

372. (1) Seseorang yang melanggar apa-apa kehendak atau peruntukan Akta ini, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan, jika tiada penalti diperuntukkan secara nyata, boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam hal suatu kesalahan yang berterusan pesalah, sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (1), boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pengkompaunan kesalahan

373. (1) Pengerusi Suruhanjaya boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Bahagian II, III, VI, VII, X atau XII atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang yang tidak

melebihi denda maksimum (termasuk denda harian dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, jika ada) bagi kesalahan itu.

(2) Apabila diterima bayaran di bawah subseksyen (1), tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan jika milikan apa-apa buku atau apa-apa benda lain telah diambil, buku atau benda itu boleh dilepaskan tertakluk pada apa-apa syarat yang dikenakan mengikut syarat pengkompaunan.

(3) Semua amaun yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Orang disabitkan bertanggung membayar pampasan

374. Seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian V atau VI adalah bertanggung membayar apa-apa pampasan sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah kepada mana-mana orang yang telah mengalami kehilangan atau kerugian akibat daripada kesalahan yang dilakukan oleh orang yang disabit itu.

Penjalanan pendakwaan

375. (1) Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya, boleh mendakwa mana-mana kes berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), “pegawai” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Tanggung rugi

376. Tiada tanggungan sivil boleh dilakukan oleh—

- (a) suatu bursa saham, bursa derivatif, syarikat pemegangan bursa, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat; dan
- (b) mana-mana orang yang bertindak bagi pihak suatu bursa saham, bursa derivatif, syarikat pemegangan bursa, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat; termasuk—
 - (i) mana-mana anggota lembaga suatu bursa saham, bursa derivatif, syarikat pemegangan bursa, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat atau mana-mana anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh mana-mana lembaga itu;
 - (ii) mana-mana pegawai suatu bursa saham, bursa derivatif, syarikat pemegangan bursa, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat itu; dan
 - (iii) mana-mana ejen, atau mana-mana orang yang bertindak mengikut arahan suatu bursa saham, bursa derivatif, syarikat pemegangan bursa, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat itu,

untuk, bagi pihak, atau berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan, apa-apa pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, berkaitan dengan penunaian atau pelaksanaan atau berupa sebagai penunaian atau pelaksanaan apa-apa kewajipan di bawah undang-undang sekuriti atau kaedah-kaedah bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan diluluskan atau depositori pusat atau dalam perjalanan atau perjalanan yang diniatkan apa-apa kuasa di bawah undang-undang sekuriti atau mana-mana kaedah-kaedah, jika perbuatan, pernyataan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati.

Garis panduan dan nota amalan Suruhanjaya

377. (1) Suruhanjaya boleh, secara amnya berkenaan dengan Akta ini atau berkenaan dengan mana-mana peruntukan tertentu Akta ini, mengeluarkan apa-apa garis panduan dan nota amalan sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh membatalkan, mengubah, menyemak atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian garis panduan dan nota amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(3) Tertakluk pada Akta ini atau melainkan jika tujuan yang bertentangan dinyatakan dengan nyata, seseorang yang kepadanya garis panduan atau nota amalan yang disebut dalam subseksyen (1) terpakai, hendaklah melaksanakan garis panduan atau nota amalan itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Jika seseorang yang disebut dalam subseksyen (3) melanggar atau tidak melaksanakan mana-mana garis panduan atau nota amalan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan yang dinyatakan dalam seksyen 354, 355 atau 356 sebagaimana yang difikirkan sesuai.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

378. (1) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi—

- (a) memberikan kesan sepenuhnya kepada peruntukan Akta ini;
- (b) menjalankan atau mencapai tujuan dan maksud Akta ini; atau
- (c) melaksanakan selanjutnya, dengan lebih baik atau dengan lebih mudah peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bagi—

- (a) borang bagi maksud Akta ini;
- (b) fi yang perlu dibayar bagi maksud Akta ini;
- (c) pengawalseliaan pembelian dan penjualan produk pasaran modal;
- (d) piawaiian berkenaan dengan kelayakan, pengalaman dan latihan orang berlesen dan pengarah syarikat tersenarai awam;
- (e) penjalanan urusan sesuatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan diluluskan; atau
- (f) pengecualian daripada mana-mana peruntukan Akta ini ke atas mana-mana orang yang ditentukan atau kepada mana-mana orang yang merupakan anggota suatu golongan orang yang ditentukan, tertakluk pada terma dan syarat.

Kuasa untuk membuat perkiraan

378A. Suruhanjaya boleh membuat perkiraan dengan pihak berkuasa berkaitan yang disebut di bawah subseksyen 76(11) untuk menyelaraskan pengawalseliaan pasaran derivatif melalui kaunter dan instrumen kewangan di dalam pasaran kewangan.

Penyelesaian pertikaian

379. (1) Suruhanjaya boleh meluluskan suatu pertubuhan perbadanan menjadi suatu pertubuhan perbadanan diluluskan bagi penyelesaian pertikaian berkaitan dengan perkhidmatan atau produk pasaran modal.

(2) Suatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, suatu pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah mengadakan kaedah-kaedah yang berhubungan dengan—

- (a) pentadbiran yang sepatutnya bagi pertubuhan perbadanan itu sebagai suatu badan penyelesaian pertikaian; dan
- (b) skop, pemakaian, pengendalian, dan tatacara penyelesaian pertikaian.

(4) Pertubuhan perbadanan itu hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, menyerahkan atau menyebabkan supaya diserahkan kepada Suruhanjaya bagi mendapatkan kelulusannya apa-apa kaedah-kaedah yang dicadangkan atau apa-apa pindaan yang dicadangkan bagi kaedah-kaedah sedia ada.

(5) Suruhanjaya boleh mengeluarkan peraturan-peraturan di bawah seksyen 378 berhubung dengan suatu pertubuhan perbadanan diluluskan atau membuat peruntukan bagi penyelesaian pertikaian berkaitan dengan perkhidmatan atau produk pasaran modal.

Kuasa untuk meminda Jadual

380. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengubah, memotong, menambah, menggantikan atau selainnya meminda mana-mana Jadual Akta ini dan apabila disiarkan sedemikian, Jadual itu sebagaimana yang diubah, dipotong, ditambah, digantikan atau selainnya dipinda, hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian integral Akta ini mulai dari tarikh penyiaran sedemikian, atau dari suatu tarikh terkemudian sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu.

(2) Menteri dalam mengubah, memotong atau menggantikan mana-mana Jadual yang dirujuk oleh subseksyen (1) boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya perlu.

(3) Dalam membuat perintah di bawah subseksyen (1), Menteri hendaklah memberi perhatian kepada kepentingan awam.

BAHAGIAN XIII

PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pemansuhan Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan kecualian dan peralihan berkenaan dengannya

381. (1) Bagi maksud Bahagian ini—

“Akta termansuh” ertinya Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan sedemikian di bawah Bahagian ini;

“tarikh kuat kuasa” ertinya tarikh atau tarikh-tarikh yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diberitahu oleh Menteri di bawah seksyen 1.

(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dimansuhkan berkuat kuasa dari tarikh kuat kuasa.

(3) Walau apa pun subseksyen (2)—

(a) (i) semua peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, pengecualian dan perundangan subsidiari lain, walau bagaimana jua disebut; dan

(ii) semua kelulusan, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian dan tindakan eksekutif lain, walau bagaimana jua disebut,

yang dibuat, diberikan, atau dilakukan di bawah atau mengikut, atau menurut kuasa, Akta termansuh hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya berhubung dengan orang yang baginya ia terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan, ditamatkan, dibatalkan atau diganti di bawah, mengikut atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan Akta ini;

- (b) tiap-tiap arahan, notis, garis panduan, surat pekeliling, nota panduan atau nota amalan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau Menteri di bawah Akta termansuh sebelum tarikh kuat kuasa dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, hendaklah disifatkan telah dikeluarkan secara sah di bawah Akta ini berhubung dengan peruntukan tertentu Akta ini yang bersamaan dengan perkara yang diuruskan mengikut arahan, notis, garis panduan, surat pekeliling, nota panduan atau nota amalan itu dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya sehingga ia dipinda, ditamatkan atau dimansuhkan di bawah Akta ini;
- (c) apa-apa permohonan bagi suatu kelulusan atau persetujuan, atau bagi apa-apa jua maksud lain, atau apa-apa rayuan berhubung dengan permohonan itu, yang dibuat oleh mana-mana orang kepada Menteri atau Suruhanjaya di bawah sama ada Akta termansuh sebelum tarikh atau tarikh-tarikh kuat kuasa, dan yang belum selesai sebaik sebelum tarikh atau tarikh-tarikh kuat kuasa, hendaklah, jika ada peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini, diuruskan seolah-olah permohonan itu dibuat di bawah peruntukan itu dan, jika tiada peruntukan yang bersamaan dalam bawah Akta ini, permohonan atau rayuan itu hendaklah luput pada tarikh atau tarikh-tarikh kuat kuasa; dan
- (d) semua transaksi atau perniagaan yang disempurnakan atau dibuat dengan sah, dan semua urusan yang dilakukan dengan sah, di bawah atau mengikut mana-mana Akta termansuh oleh seseorang yang dilesenkan di bawah Akta

termansuh masing-masing dan dilesenkan atau disifatkan sebagai dilesenkan berkenaan dengan suatu urusan yang bersamaan di bawah Akta ini, dengan mana-mana pelanggan atau orang lain, hendaklah disifatkan telah disempurnakan, dibuat, atau dilakukan dengan sah di bawah dan mengikut Akta ini, dan dengan demikian itu mana-mana hak atau tanggungan di bawah apa-apa transaksi perniagaan atau urusan itu yang wujud, sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, hendaklah disifatkan terus menjadi sah di bawah Akta ini.

Syarikat pemegangan bursa, bursa dan pusat penjelasan diluluskan disifatkan telah diluluskan

382. (1) Tanpa menjejaskan keluasan seksyen 381, entiti yang berikut yang telah diluluskan atau diiktirafkan di bawah Akta termansuh sebaik sebelum tarikh kuat kuasa setiap satu hendaklah disifatkan telah diluluskan di bawah peruntukan yang bersamaan Akta ini:

- (a) syarikat pemegangan bursa dan bursa saham;
- (b) syarikat bursa dan pusat penjelasan diluluskan bagi pasaran niaga hadapan di bawah subseksyen 6B(1) Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan yang disifatkan diluluskan sebagai suatu bursa niaga hadapan dan pusat penjelasan diluluskan di bawah peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini; dan
- (c) suatu pusat penjelasan yang diiktiraf di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai suatu pusat penjelasan diluluskan di bawah peruntukan yang bersamaan Akta ini.

(2) Mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Menteri atau Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan, ke atas mana-mana entiti yang disebut dalam subseksyen (1) sebagai suatu syarikat pemegangan bursa, bursa saham, bursa niaga hadapan, pusat

penjelasan diluluskan atau pusat penjelasan diiktiraf, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai suatu syarat atau sekatan yang baginya kelulusan atau pengiktirafannya di bawah Akta ini tertakluk.

Kemudahan elektronik disifatkan berdaftar

383. (1) Sistem pembrokeran elektronik yang dikecualikan di bawah Perintah Perindustrian Sekuriti (Pengisytiharan Pasaran Saham Terkecuali) 2005 [*P.U. (A) 496/2005*] yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan telah didaftarkan di bawah subseksyen 34(1).

(2) Apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah Perintah Perindustrian Sekuriti (Pengisytiharan Pasaran Saham Terkecuali) 2005 dan mana-mana garis panduan lain yang terpakai yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai suatu syarat atau sekatan yang pendaftarannya di bawah subseksyen 34(1) adalah tertakluk.

Kecualian berkenaan dengan lesen yang dikeluarkan di bawah Akta termansuh

384. (1) Tanpa menjejaskan keluasan seksyen 381 dan tertakluk pada peruntukan Akta ini—

(a) seseorang yang memegang mana-mana lesen yang berikut sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah, dari tarikh itu, disifatkan memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan aktiviti terkawal yang dijalankan oleh orang itu di bawah lesen yang mula-mula disebut:

(i) lesen broker niaga hadapan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan;

- (ii) lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan;
- (iii) lesen penasihat perdagangan niaga hadapan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan;
- (iv) lesen peniaga yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan;
- (v) lesen pengurus kumpulan wang yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan;
- (vi) lesen penasihat pelaburan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan;
- (vii) lesen wakil broker niaga hadapan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan;
- (viii) lesen wakil pengurus kumpulan wang niaga hadapan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan;
- (ix) lesen wakil penasihat perdagangan niaga hadapan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan;
- (x) lesen wakil peniaga yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan;
- (xi) lesen wakil pengurus kumpulan wang yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan; atau

(xii) lesen wakil pelaburan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan; dan

(b) apa-apa syarat atau sekatan yang mana-mana lesen yang disebut dalam perenggan (1)(a) adalah tertakluk sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, setakat yang ia selaras dengan peruntukan Akta ini, hendaklah disifatkan suatu syarat atau sekatan yang kepadanya lesen yang bersamaan yang disebut dalam perenggan (1)(a) adalah tertakluk.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang memegang lesen penasihat pelaburan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan sebaik sebelum tarikh kuat kuasa dan yang dibenarkan untuk menjalankan urusan—

(a) menasihati orang lain berkenaan dengan sekuriti selain menasihati kewangan korporat, orang itu hendaklah disifatkan memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal berkenaan dengan aktiviti terkawal nasihat pelaburan;

(b) menasihati tentang kewangan korporat, orang itu hendaklah disifatkan memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal berkenaan dengan aktiviti terkawal menasihati kewangan korporat; atau

(c) menganalisis hal keadaan kewangan seorang lain dan menyediakan pelan untuk memenuhi keperluan kewangan dan objektif orang lain itu, orang itu hendaklah disifatkan memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal berkenaan dengan aktiviti terkawal perancangan kewangan,

masing-masing di bawah peruntukan yang bersamaan Akta ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang memegang lesen wakil penasihat pelaburan yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan sebaik sebelum tarikh kuat kuasa dan yang dibenarkan untuk menjalankan urusan—

- (a) menasihati orang lain berkenaan dengan sekuriti selain menasihati kewangan korporat, orang itu hendaklah disifatkan memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal berkenaan dengan aktiviti terkawal nasihat pelaburan;
- (b) menasihati kewangan korporat, orang itu hendaklah disifatkan memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal berkenaan dengan aktiviti terkawal menasihati kewangan korporat; atau
- (c) menganalisis hal keadaan kewangan seorang lain dan menyediakan pelan untuk memenuhi keperluan kewangan dan objektif orang lain itu, orang itu hendaklah disifatkan memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal berkenaan dengan aktiviti terkawal perancangan kewangan,

masing-masing di bawah peruntukan yang bersamaan Akta ini.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang memegang lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, orang itu hendaklah disifatkan memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk aktiviti terkawal pengurusan kumpulan wang berkenaan dengan kontrak niaga hadapan.

(5) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang memegang lesen wakil pengurus kumpulan wang niaga hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang dimansuhkan sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, orang itu hendaklah disifatkan memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk aktiviti terkawal pengurusan kumpulan wang berkenaan dengan kontrak niaga hadapan.

(6) Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis kepada seseorang yang memegang mana-mana lesen yang disebut dalam subseksyen (1) menentukan—

- (a) walau apa pun seksyen 68, tarikh habis tempoh Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau Lesen Wakil

Perkhidmatan Pasaran Modal yang disifatkan dipegang olehnya menurut kuasa subseksyen (1);

- (b) aktiviti atau aktiviti terkawal yang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal berkaitan; dan
- (c) mana-mana syarat atau sekatan tambahan yang kepadanya Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal adalah tertakluk, dengan syarat bahawa jika apa-apa syarat atau sekatan yang dicadangkan untuk dikenakan berkemungkinan menjejaskan kepentingan orang berlesen, Suruhanjaya hendaklah memberi orang berlesen itu peluang untuk didengar.

(7) Jika Suruhanjaya memberikan notis kepada seseorang mengenai tarikh habis tempoh suatu lesen yang disebut dalam perenggan (6)(a), lesen itu hendaklah habis tempoh pada tarikh itu.

(8) Tertakluk pada subseksyen (7)—

- (a) dalam hal seseorang yang memegang lesen yang disebut dalam subseksyen (1) sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang disifatkan dipegang olehnya menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah habis tempoh pada tarikh habis tempoh lesen yang mula-mula disebut; atau
- (b) dalam hal seseorang yang memegang lebih daripada satu lesen yang disebut dalam subseksyen (1) sebaik sebelum tarikh kuat kuasa yang tarikh habis tempohnya adalah berbeza, lesen yang disifatkan itu hendaklah habis tempoh pada tarikh terakhir daripada tarikh-tarikh itu.

Permohonan lesen yang belum selesai

385. Melainkan jika diberitahu secara bertulis oleh Suruhanjaya, suatu permohonan bagi suatu lesen di bawah Akta termansuh yang masih belum selesai sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah—

- (a) disifatkan sebagai permohonan bagi suatu lesen yang bersamaan dengan lesen yang mula-mula disebut di bawah seksyen 58 atau 59, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan yang disertakan dengan fi permohonan yang bersesuaian di bawah Akta ini; atau
- (b) jika pemohon itu disifatkan di bawah Bahagian ini sebagai memegang suatu lesen, disifatkan sebagai suatu permohonan untuk mengubah lesen itu dengan menambahkan aktiviti terkawal yang dimaksudkan oleh lesen yang bersamaan, dan yang disertakan dengan fi permohonan yang bersesuaian di bawah Akta ini.

Peralihan dan kecualian berkenaan dengan cadangan korporat

386. (1) Tanpa menjejaskan keluasan seksyen 381, semua tindakan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan dan tindakan eksekutif lain, walau bagaimana jua pun disebut, dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa seksyen 2B dan peruntukan Bahagian IV Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah, setakat yang tindakan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan dan tindakan eksekutif lain itu selaras dengan peruntukan Akta ini, disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa peruntukan yang bersamaan Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan berhubung dengan orang, aktiviti atau transaksi yang baginya tindakan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan dan tindakan eksekutif itu terpakai sehingga dipinda, dibatalkan atau dihapuskan, di bawah, mengikut, atau menurut kuasa peruntukan yang bersamaan Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh tanggungan mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum tarikh kuat kuasa berkenaan dengan kesalahan itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan yang diperoleh, terakru atau ditanggung di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 sebelum tarikh kuat kuasa dan apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyiasatan berkenaan dengan hak, keistimewaan, kewajipan atau tanggungan itu tidaklah tersentuh dan apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyiasatan itu boleh dimulakan, diteruskan atau dikuatkuasakan seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh—

- (a) menyentuh kesahan apa-apa sekuriti atau operasi mana-mana surat ikatan amanah atau surat ikatan yang dikeluarkan atau disempurnakan sebelum tarikh berkuat kuasa;
- (b) terpakai berhubung dengan seseorang penerbit, peminjam, penjamin atau pemegang amanah atau mana-mana orang lain berkenaan dengan mana-mana sekuriti yang diterbitkan atau ditawarkan bagi langganan atau pembelian atau yang berkenaan dengannya suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti telah dibuat sebelum tarikh kuat kuasa; atau
- (c) menghendaki pelantikan atau penggantian mana-mana pemegang amanah atau pelaksanaan apa-apa surat ikatan amanah berkenaan dengan mana-mana debentur yang diterbitkan sebelum tarikh kuat kuasa, jika tiada apa-apa kehendak sebelum tarikh kuat kuasa.

(5) Jika, pada tarikh berkuat kuasa, sekuriti boleh diterbitkan, ditawarkan bagi langganan atau pembelian atau jika suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti telah dibuat berasaskan mana-mana prospektus yang diterbitkan sebelum tarikh kuat kuasa, penerbit hendaklah, melainkan jika kelulusan bertulis Suruhanjaya yang memberikan suatu pengecualian diperoleh, menerbitkan apa-apa prospektus tambahan atau gantian dan mengambil apa-apa tindakan lain bagi memastikan bahawa terbitan, tawaran atau pelawaan itu mematuhi kehendak Akta ini.

(6) Suruhanjaya boleh, melalui suatu arahan secara bertulis yang diberikan kepada mana-mana penerbit yang disebut dalam subseksyen (5) menentukan tindakan yang hendaklah diambil oleh penerbit itu dan bagaimana apa-apa kesulitan yang timbul berkenaan dengan peruntukan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini boleh diatasi.

(7) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini yang boleh—

- (a) menyentuh kesahan atau operasi apa-apa kepentingan atau surat ikatan, yang baginya Penggal 5 Bahagian IV Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 terpakai, yang diterbitkan atau dilaksanakan sebelum tarikh kuat kuasa; atau
- (b) terpakai berhubung dengan syarikat pengurusan yang baginya atau bagi pihaknya apa-apa kepentingan yang baginya Penggal 5 Bahagian IV Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 terpakai dan yang diterbitkan sebelum tarikh berkuat kuasa atau berhubung dengan pemegang amanah bagi pemegang apa-apa kepentingan itu.

Peruntukan peralihan berhubung dengan orang berdaftar

387. (1) Perisytiharan Perindustrian Sekuriti (Berniaga Sekuriti) 1996 [*P.U. (B) 22/1996*] dan Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) 1996 [*P.U. (A) 20/1996*] dibatalkan.

(2) Semua orang yang disebut dalam Perintah itu di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah didaftarkan bawah perenggan 76(1)(a) mulai dari tarikh kuat kuasa.

(3) Orang berdaftar yang baginya perenggan 76(6)(a) terpakai hendaklah diberi tempoh satu tahun untuk mematuhi peruntukan yang disebut dalam perenggan 76(6)(c).

Pembatalan perundangan subsidiari

388. Perundangan subsidiari yang dinyatakan dalam Jadual 11 dibatalkan.

Pengubahsuaian kepada pentafsiran undang-undang bertulis lain

389. Jika dalam mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa sebutan yang dibuat mengenai—

- (a) mana-mana Akta termansuh, ia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta ini;
- (b) mana-mana peruntukan tertentu mana-mana Akta termansuh, ia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai peruntukan Akta ini yang sehampir sama kepada peruntukan tertentu itu; dan
- (c) peniaga atau broker niaga hadapan hendaklah ditafsirkan masing-masing sebagai sebutan mengenai pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau perdagangan dalam kontrak niaga hadapan.

Penerusan hak, tanggungan yang lain, dsb., di bawah Akta termansuh

390. (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta termansuh atau Akta ini boleh menyentuh tanggungan mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan atau kemungkiran yang dilakukan di bawah Akta termansuh sebaik sebelum tarikh kuat kuasa atau mana-mana prosiding yang dibawa, hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan atau kemungkiran itu.

(2) Apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan yang diperoleh, terakru atau dilakukan sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyiasatan berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau tanggungan itu tidaklah tersentuh oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Akta ini telah tidak diperbuat.

Pencegahan anomali

391. Jika apa-apa kesulitan timbul berkenaan dengan pemakaian mana-mana satu atau lebih peruntukan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini dan peruntukan kecualian dan peralihan, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa ubah suaian dalam mana-mana satu peruntukan atau lebih yang ternyata olehnya perlu untuk memberi kesan sepenuhnya kepada peruntukan Akta ini atau untuk mencegah anomali.

Orang yang berniaga dalam sekuriti berhubung dengan skim unit amanah

392. (1) Sesuatu badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan untuk mengawal selia anggotanya yang berniaga dalam sekuriti berhubung dengan perkiraan atau penawaran untuk jualan atau belian apa-apa kepentingan dalam sesuatu skim unit amanah hendaklah, tertakluk pada terma dan syarat yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

menjadi suatu badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya di bawah perenggan 76(1)(d) bagi maksud Akta ini bagi tempoh dua tahun dari tarikh mula kuat kuasa.

(2) Seseorang ejen unit amanah yang didaftarkan dengan badan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah bagi maksud perenggan 76(1)(d) menjadi orang berdaftar.

(3) Suruhanjaya boleh menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta ini berkenaan dengan seseorang orang berlesen terhadap badan itu dan juga ejen unit amanah yang didaftarkan dengan badan yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Bagi maksud seksyen ini, “ejen unit amanah” ertinya seseorang individu yang berdaftar dengan badan yang disebut dalam subseksyen (1).

Peruntukan peralihan bagi syarikat pengurusan unit amanah yang tidak berlesen

393. (1) Mana-mana syarikat pengurusan yang—

- (a) didaftarkan dengan sesuatu badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- (b) bukan merupakan pemegang lesen pengurus kumpulan wang sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 15A Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan atau seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang; dan
- (c) yang perniagaan dalam sekuritinya adalah berhubung dengan aktiviti perkiraan atau penawaran untuk jualan atau belian mana-mana kepentingan dalam sesuatu skim unit amanah,

dibenarkan untuk meneruskan apa-apa aktiviti tanpa memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi tempoh satu tahun dari tarikh mula

kuat kuasa tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh menjalankan mana-mana kuasanya di bawah Akta ini berkenaan dengan seseorang orang berlesen terhadap syarikat pengurusan yang disebut dalam subseksyen (1).

Peruntukan peralihan bagi eksekutif kewangan korporat dan penganalisis kajian

394. (1) Seseorang eksekutif kewangan korporat—

- (a) yang diambil kerja oleh suatu syarikat pembrokeran saham dan yang berdaftar dengan Suruhanjaya menurut Garis Panduan Suruhanjaya bagi Peniaga dan Wakil Peniaga di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan; atau
- (b) yang diambil kerja oleh suatu bank saudagar berlesen yang memegang lesen peniaga di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan,

sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah, dari tarikh berkuat kuasa, disifatkan memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti terkawal menasihati kewangan korporat.

(2) Seorang penganalisis kajian—

- (a) yang diambil kerja oleh suatu syarikat pembrokeran saham dan yang berdaftar dengan Suruhanjaya menurut Garis Panduan Suruhanjaya bagi Peniaga dan Wakil-wakil Peniaga di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan; atau
- (b) yang diambil kerja oleh suatu bank saudagar berlesen yang memegang lesen peniaga di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dimansuhkan,

sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah, dari tarikh kuat kuasa, disifatkan memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti terkawal nasihat pelaburan.

(3) Lesen yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2), adalah sah bagi tempoh satu tahun dari tarikh kuat kuasa dan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

JADUAL 1

[Subseksyen 7(4)]

Pasaran saham terkecuali atau pasaran derivatif terkecuali

1. Apa-apa sistem yang memudahkan pemindahan, penjelasan dan penyelesaian dana dan sekuriti hutang tidak tersenarai.
 2. Apa-apa sistem yang memudahkan perniagaan dalam sekuriti, termasuk lelong atau belian langsung, jualan, terbitan, pinjaman, peminjaman dan pertukaran sekuriti hutang tidak tersenarai.
 3. Apa-apa sistem yang menyediakan maklumat kepada mana-mana orang yang berhubungan dengan pasaran wang atau tender, terbitan, dagangan dan tawaran atau harga bida sekuriti hutang atau apa-apa maklumat berhubung dengan suatu sekuriti hutang tidak tersenarai.
 4. Apa-apa sistem untuk pengendalian berpusat sekuriti hutang yang didepositkan dengan Bank Negara melalui kemasukan dalam akaun sekuriti hutang tanpa penghantar serahan fizikal perakuan.
 5. Apa-apa sistem untuk menjalankan apa-apa aktiviti lain berhubung dengan mana-mana sistem dalam perenggan 1 hingga 4.
 6. Apa-apa sistem bagi penyebaran maklumat yang berhubung dengan perenggan 1 hingga 5.
-

JADUAL 2

[Subseksyen 2(1) dan 58(1)]

Aktiviti terkawal

Bahagian 1 — Jenis aktiviti terkawal

1. Berniaga dalam sekuriti.
2. Berniaga dalam derivatif
3. Pengurusan kumpulan wang.
4. Menasihati kewangan korporat.
5. Nasihat pelaburan.
6. Perancangan kewangan.
7. Berniaga dalam skim persaraan swasta.
8. Penjelasan bagi sekuriti atau derivatif.

Bahagian 2 — Tafsiran aktiviti terkawal

1. “Berniaga dalam sekuriti” ertinya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen—
 - (a) memperoleh, melupuskan, melanggan atau menaja jamin sekuriti; atau
 - (b) membuat atau menawarkan untuk membuat dengan mana-mana orang, atau mendorong atau cuba mendorong mana-mana orang supaya membuat atau menawarkan untuk membuat—
 - (i) apa-apa perjanjian bagi atau dengan tujuan hendak memperoleh, melupuskan, melanggan atau menaja jamin sekuriti; atau
 - (ii) apa-apa perjanjian, selain suatu derivatif, yang maksud atau maksud yang diakui baginya adalah untuk mendapatkan suatu keuntungan bagi mana-mana pihak daripada hasil sekuriti atau dengan sebutan mengenai naik turunnya nilai sekuriti.
2. “Berniaga dalam derivatif” ertinya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, membuat atau menawarkan untuk membuat dengan mana-mana orang, atau

mendorong atau cuba mendorong mana-mana orang, atau meminta atau menerima apa-apa perintah untuk, atau selainnya—

- (a) membuat atau mengambil sesuatu penyerahhakkan derivatif itu, sama ada atau tidak bagi pihak seorang yang lain;
 - (b) mengambil atau menyebabkan diambil tindakan yang menutup derivatif itu, sama ada atau tidak bagi pihak seorang yang lain;
 - (c) berhubung dengan opsiyen—
 - (i) menjalankan mana-mana hak di bawah opsiyen itu; atau
 - (iii) membenarkan mana-mana hak di bawah opsiyen itu luput, sama ada atau tidak bagi pihak seorang yang lain; atau
 - (d) memulakan, mengasalkan atau menerbitkan derivatif melalui kaunter.
3. “Pengurusan kumpulan wang” ertinya mengaku janji bagi pihak mana-mana orang lain untuk menguruskan—
- (a) suatu portfolio sekuriti atau derivatif atau gabungan kedua-duanya, oleh pengurus kumpulan wang portfolio, sama ada atas kuasa budi bicara atau selainnya; atau
 - (b) suatu aset atau kelas aset dalam suatu skim unit amanah oleh pengurus kumpulan wang aset.
4. “Menasihati kewangan korporat” ertinya memberi nasihat berkenaan dengan—
- (a) pematuhan terhadap atau berkenaan dengan Bahagian VI, apa-apa peraturan-peraturan dibuat di bawah seksyen 378 dan apa-apa garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377 yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang diperuntukkan di bawah Bahagian VI, atau yang berhubungan dengan penjana modal oleh mana-mana perbadanan;
 - (b) pematuhan terhadap kehendak penyenaian bursa saham yang berhubungan dengan penjana modal atau transaksi pihak yang berhubungan;
 - (c) penyusunan atau pengstruktur semula perbadanan tersenarai atau anak syarikat perbadanan tersenarai itu mengenai aset atau tanggungannya.

5. “Nasihat pelaburan” ertinya menjalankan sesuatu urusan menasihati orang lain berkenaan dengan sekuriti atau derivatif atau sebagai sebahagian daripada suatu urusan, mengeluarkan atau memasyhurkan analisis atau laporan dengan sekuriti atau derivatif.
6. “Perancangan kewangan” ertinya menganalisis hal keadaan kewangan seorang lain dan menyediakan suatu pelan untuk memenuhi kehendak dan objektif kewangan orang lain itu, termasuk apa-apa pelan pelaburan dalam sekuriti, sama ada atau tidak suatu fi dikenakan berhubung dengannya.
7. “Berniaga dalam skim persaraan swasta” ertinya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, membuat atau menawarkan untuk membuat dengan mana-mana orang, atau mendorong atau cuba mendorong mana-mana orang, untuk memasuki dalam atau menawar untuk memasuki dalam apa-apa perjanjian untuk atau dengan tujuan untuk—
 - (a) memperoleh atau melupuskan kepentingan benefisial di bawah suatu skim persaraan swasta; atau
 - (b) membuat caruman kepada suatu skim persaraan swasta.
8. “Penjelasan bagi sekuriti atau derivatif” ertinya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, menjalankan perniagaan yang memikul obligasi bagi penyerahan dan pembayaran transaksi seseorang yang berhubungan dengan sekuriti yang tersenarai atau derivatif yang diseragamkan sebagaimana yang ditentukan dalam kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan.

JADUAL 3

[Subseksyen 58(2)]

Orang yang ditentukan

1. Mana-mana syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 yang penjalanan mana-mana aktiviti terkawalanya adalah semata-mata bersampingan dengan penjalanan urusannya yang baginya didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949.
2. Mana-mana peguam bela dan peguam cara yang ditakrifkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang [*Akta 166*] yang menjalankan amalan yang penjalanan aktiviti terkawalanya menasihati kewangan korporat atau perancangan kewangannya adalah semata-mata bersampingan dengan amalan profesionnya.

3. Mana-mana akauntan yang merupakan anggota institut yang ditubuhkan di bawah Akta Akauntan 1967 [*Akta 94*] yang menjalankan amalan yang penjalanan aktiviti terkawalanya menasihati kewangan korporat atau perancangan kewangannya adalah semata-mata bersampingan dengan amalan profesionnya.
4. Seseorang penilai yang ditakrifkan di bawah Akta Penilai, Pentafsir dan Ejen Harta Tanah 1981 [*Akta 242*] yang penilaiannya berkenaan dengan aset bagi maksud menasihati kewangan korporat adalah semata-mata bersampingan dengan amalannya sebagai seorang penilai.
5. Mana-mana orang yang merupakan tuan punya sesuatu akhbar dan pemegang permit yang dikeluarkan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [*Akta 301*] yang penjalanan aktiviti terkawal olehnya nasihat pelaburan melalui akhbar jika—
 - (a) setakat yang akhbar itu diedarkan amnya kepada orang awam, ia diedarkan hanya kepada pelanggan dan pembeli akhbar itu untuk nilainya;
 - (b) nasihat itu diberikan atau analisis atau laporan itu dikeluarkan atau dimasyhurkan hanya melalui akhbar itu;
 - (c) orang itu tidak menerima komisen atau balasan lain kerana mengeluarkan atau memasyhurkan analisis atau laporan itu; dan
 - (d) nasihat itu diberikan dan analisis dan laporan itu dikeluarkan atau dimasyhurkan semata-mata bersampingan dengan penjalanan urusan orang itu sebagai tuan punya suatu akhbar.
6. Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti terkawal nasihat pelaburan melalui penyediaan perkhidmatan maklumat jika—
 - (a) setakat yang perkhidmatan maklumat itu diedarkan amnya kepada orang awam, ia diedarkan hanya kepada pelanggan dan pembeli perkhidmatan maklumat itu bagi nilai;
 - (b) nasihat itu diberikan atau analisis atau laporan itu dikeluarkan atau dimasyhurkan hanya melalui perkhidmatan maklumat itu;
 - (c) orang itu tidak menerima komisen atau balasan lain kerana mengeluarkan atau memasyhurkan analisis atau laporan itu; dan
 - (d) nasihat itu diberikan dan analisis dan laporan itu dikeluarkan atau dimasyhurkan semata-mata bersampingan dengan penjalanan urusan orang itu sebagai tuan punya suatu perkhidmatan maklumat.

7. Mana-mana perbadanan yang penjalanan aktiviti terkawal pengurusan kumpulan wangnya adalah semata-mata bagi faedah syarikat yang berhubungannya.
8. Mana-mana perbadanan yang penjalanan aktiviti terkawal nasihat pelaburan olehnya adalah semata-mata bagi faedah syarikat berkaitan.
9. Mana-mana perbadanan yang penjalanan aktiviti terkawal menasihati kewangan korporatnya adalah semata-mata bagi faedah syarikat yang berhubungannya dan jika syarikat yang berhubungan itu ialah suatu perbadanan tersenarai, nasihat itu tidak diedarkan kepada pemegang saham syarikat yang berhubungan itu atau selainnya diberitahu kepada umum.
10. Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti bagi—
 - (a) akaunnya sendiri atau bagi perbadanan yang berhubungannya melalui seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti;
 - (b) akaunnya sendiri atau bagi akaun pelanggannya melalui bank berlesen bagi maksud pemberian pinjaman sekuriti di bawah apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1); atau
 - (c) akaunnya sendiri atau bagi perbadanan yang berhubungannya jika sekuriti itu tidak disenaraikan di bursa saham.
11. Mana-mana orang yang berniaga dalam derivatif—
 - (a) atas akaunnya sendiri atau bagi perbadanan yang berhubungannya; atau
 - (b) jika orang itu bukan merupakan seorang pemastautin di Malaysia yang bertindak sebagai prinsipal atau ejen melalui pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif.
12. (*Dipotong oleh P.U. (A) 336/2011*).
13. Seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif yang perniagaan dalam sekuritinya—
 - (a) adalah akibat langsung daripada berniaga dalam derivatif;

- (b) adalah berkaitan dengan penghantar serahan suatu sekuriti dalam suatu kelas sekuriti yang tertakluk pada suatu kelas derivatif; atau
 - (c) adalah berkaitan dengan perpindahan sekuriti sebagai kolateral atau jaminan, atau realisasi mana-mana kolateral atau jaminan, untuk obligasi di bawah suatu derivatif.
14. Mana-mana perbadanan berkanun awam yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang menjalankan aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti atau pengurusan kumpulan wang.
 15. Mana-mana bursa saham atau syarikat pemegang bursa yang perniagaan dalam sekuritinya adalah semata-mata bersampingan dengan pengendalian olehnya suatu pasaran saham atau suatu bursa saham.
 16. Suatu bursa derivatif atau syarikat pemegang bursa jika perniagaan dalam kontrak derivatif adalah semata-mata bersampingan dengan pengendalian olehnya suatu pasaran derivatif atau suatu bursa derivatif.
 17. Suatu pusat penjelasan diluluskan atau syarikat pemegang bursa yang penjalanan mana-mana aktiviti terkawalnya adalah semata-mata bersampingan dengan pengendalian olehnya kemudahan penjelasan.
 18. Suatu bank luar pesisir berlesen yang ditakrifkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990 [*Akta 443*], syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 [*Akta 441*], yang penjalanan aktiviti terkawal nasihat pelaburan olehnya kepada seseorang yang bukan merupakan pemastautin di Malaysia semata-mata bersampingan kepada urusan luar pesisirnya.
 19. Seseorang penerima, penerima dan pengurus, atau pelikuidasi atau mana-mana orang yang dilantik oleh mahkamah yang penjalanan aktiviti terkawalnya adalah semata-mata bersampingan dengan kewajibannya sebagai penerima, penerima dan pengurus, pelikuidasi atau mana-mana orang yang dilantik oleh mahkamah, mengikut mana-mana yang berkenaan.
 20. Seorang pemegang amanah atau orang lain yang penjalanan aktiviti terkawalnya adalah semata-mata bersampingan dengan pentadbiran olehnya suatu kompromi atau perkiraan antara suatu pertubuhan perbadanan dengan mana-mana orang lain.

21. Suatu syarikat insurans berlesen di bawah *Akta Insurans 1996 atau pengendali takaful yang didaftarkan di bawah **Akta Takaful 1984 yang penjalanan aktiviti terkawal pengurusan kumpulan wang olehnya adalah semata-mata bersampingan dengan pengurusan dan pentadbiran urusan insurans atau takaful itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.
22. Mana-mana pengendali pasaran diiktiraf yang aktiviti terkawalnya adalah semata-mata bersampingan dengan pengendalian olehnya suatu pasaran diiktiraf.
23. Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti terkawal penjelasan bagi sekuriti atau derivatif, bagi dirinya sendiri atau bagi perbadanan yang berhubungan dengannya.

JADUAL 4
[Perenggan 76(1)(a)]

Orang berdaftar

Bahagian 1

Ruang pertama	Ruang kedua	Ruang ketiga
Butiran	Aktiviti	Kategori orang berdaftar
1	Berniaga dalam sekuriti	
(a)	Menyebut harga jualan dan belian bagi, dan berniaga dalam—	Bank Islam dan semua institusi berlesen
	(i) debentur, saham atau bon Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri atau badan berkanun; atau	

* *CATATAN*—Akta Insurans 1996 [Akta 553] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali seksyen 129 dan Jadual 9 [P.U. (B) 276/2013]; 1 Januari 2015 seksyen 129 dan Jadual 9 [P.U. (B) 552/2014]—lihat seksyen 271 Akta 758.

** *CATATAN*—Akta Takaful 1984 [Akta 312] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali perenggan 1 hingga 10 Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [P.U. (B) 277/2013]; 1 Januari 2015 perenggan 1 hingga 10 daripada Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [P.U. (B) 553/201]—lihat seksyen 282 Akta 759.

Ruang pertama	Ruang kedua	Ruang ketiga
Butiran	Aktiviti	Kategori orang berdaftar
	(ii) debentur korporat bagi instrumen lain yang tidak disenaraikan untuk didagangkan dalam mana-mana bursa saham.	
(b)	Membuat perkiraan bagi jualan atau belian sekuriti yang diterbitkan oleh, dimiliki oleh atau bagi pihak pelanggan melalui pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti.	Bank Islam, bank berlesen, KAF Investment Bank Berhad dan syarikat kewangan berlesen
(c)	Membuat perkiraan bagi jualan atau belian sekuriti yang tidak disenaraikan di pasaran saham sesuatu bursa saham yang diterbitkan oleh, dimiliki oleh atau bagi pihak pelanggan.	Bank Islam, bank berlesen, KAF Investment Bank Berhad, pusat diskaun berlesen dan syarikat kewangan berlesen
(d)	(i) Penajajaminan sekuriti dan penempatan keluar apa-apa sekuriti yang ditaja jamin sama ada melalui pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau selainnya.	Bank Islam, bank berlesen dan KAF Investment Bank Berhad
	(ii) Penajajaminan sekuriti dan penempatan keluar apa-apa sekuriti yang ditaja jamin, sama ada melalui pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti atau selainnya, berhubung dengan tawaran untuk syarikat projek infrastruktur sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad

Ruang pertama	Ruang kedua	Ruang ketiga
Butiran	Aktiviti	Kategori orang berdaftar
(e)	Penajaminan terbitan bon yang semata-mata bersampingan kepada pengurusan dan pentadbiran perniagaan insurans atau takafulnya.	Syarikat insurans berlesen di bawah *Akta Insurans 1996 [<i>Akta 553</i>] dan pengendali takaful berdaftar di bawah **Akta Takaful 1984 [<i>Akta 312</i>].
(f)	Penempatan secara persendirian terbitan sekuriti bagi pihak pelanggan.	KAF Investment Bank Berhad dan Bank Islam
(g)	Perkiraan atau penawaran bagi jualan atau belian sebagai ejen untuk mana-mana orang apa-apa kepentingan dalam skim unit amanah.	Bank Islam, bank berlesen dan syarikat kewangan berlesen, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional Berhad
(h)	Bertindak atau menawarkan untuk bertindak sebagai ejen bagi mana-mana pusat terbitan berhubung dengan penerbitan atau penyenaian mana-mana sekuriti.	Bank Islam, bank berlesen, KAF Investment Bank Berhad dan syarikat kewangan berlesen
(i)	Pemberian pinjaman atau peminjaman sekuriti hutang tidak tersenarai bagi akaun sendiri atau bagi akaun pelanggan di bawah Garis Panduan untuk Program Pinjaman dan Pemberian Pinjaman di bawah RENTAS atau apa-apa garis panduan lain yang bersamaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara.	Bank Islam, bank berlesen, syarikat kewangan berlesen dan KAF Investment Bank Berhad
(j)	Pemberian pinjaman atau memudahkan pemberian pinjaman sekuriti bagi akaunnya sendiri atau bagi akaun pelanggannya di bawah mana-mana	Bank berlesen

*CATATAN—Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali seksyen 129 dan Jadual 9 [P.U. (B) 276/2013]; 1 Januari 2015 seksyen 129 dan Jadual 9 [P.U. (B) 552/2014]—lihat seksyen 271 Akta 758.

**CATATAN—Akta Takaful 1984 [*Akta 312*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali perenggan 1 hingga 10 Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [P.U. (B) 277/2013]; 1 Januari 2015 perenggan 1 hingga 10 daripada Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [P.U. (B) 553/201]—lihat seksyen 282 Akta 759.

Ruang pertama	Ruang kedua	Ruang ketiga
Butiran	Aktiviti	Kategori orang berdaftar
	garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1).	
(k)	Perkiraan atau penawaran sebagai prinsipal atau agen bagi mana-mana orang, penjualan atau pembelian waran berstruktur oleh penerbit yang layak yang diluluskan di bawah mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1).	Bank berlesen, KAF Investment Bank Berhad dan bank Islam
2.	Menasihati kewangan korporat	
(a)	Debentur yang tidak boleh ubah kepada ekuiti.	Bank berlesen, KAF Investment Bank Berhad dan pusat diskaun berlesen
(b)	Sekuriti Islam sebagaimana yang ditentukan dalam garis panduan Suruhanjaya berkenaan dengan sekuriti Islam.	Bank berlesen, KAF Investment Bank Berhad, bank Islam dan pusat diskaun berlesen
(c)	Produk berstruktur sebagaimana yang ditafsirkan di bawah apa-apa garis panduan Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1).	Bank berlesen, KAF Investment Bank Berhad dan bank Islam
(d)	Waran berstruktur sebagaimana yang ditafsirkan di bawah apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1).	Bank berlesen, KAF Investment Bank Berhad dan bank Islam
(e)	Terbitan sekuriti untuk wang atau balasan lain.	KAF Investment Bank Berhad dan bank Islam

Ruang pertama	Ruang kedua	Ruang ketiga
Butiran	Aktiviti	Kategori orang berdaftar
(f)	Pengambilalihan dan percantuman di bawah Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman.	KAF Investment Bank Berhad dan bank Islam
(g)	Cadangan untuk syarikat projek infrastruktur seperti yang dinyatakan oleh Suruhanjaya sama ada untuk tujuan penyenaian syarikat tersebut atau sebaliknya.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad
3.	Nasihat pelaburan	
	(a) menjalankan suatu urusan menasihati orang lain mengenai sekuriti atau sebahagian daripada urusan, mengeluarkan atau memasyhurkan analisis atau laporan berkenaan dengan sekuriti; atau	Bank Islam dan institusi berlesen
	(b) menjalankan suatu urusan menasihati orang lain mengenai derivatif atau sebahagian daripada urusan, mengeluarkan atau memasyhurkan laporan derivatif.	
4.	Pengurusan Kumpulan Wang	
	Bertindak atau menawarkan untuk bertindak sebagai pengurus portfolio bagi pelanggan atau sebagai pengurus pelaburan atau pelaburan bersama dana negara, dana amanah, dana usaha niaga, dana unit amanah atau dana lain termasuk—	KAF Investment Bank Berhad dan bank Islam
	(a) peruntukan mengenai nasihat pelaburan; dan	

Ruang pertama	Ruang kedua	Ruang ketiga
Butiran	Aktiviti	Kategori orang berdaftar
	(b) pemerolehan atau pelupusan sekuriti atau derivatif,	
	bersampingan dengan aktiviti pengurusan dana itu.	
5.	Berniaga dalam derivatif	
	(a) Berniaga dalam derivatif dalam pasaran wang.	Institusi berlesen, bank Islam, syarikat insurans berlesen di bawah *Akta Insurans 1996 [<i>Akta 553</i>] dan pengendali takaful berdaftar di bawah **Akta Takaful 1984 [<i>Akta 312</i>].
	(b) Berniaga dalam derivatif melalui kaunter.	Institusi berlesen, bank Islam, syarikat insurans berlesen di bawah *Akta Insurans 1996 [<i>Akta 553</i>] dan pengendali takaful berdaftar di bawah **Akta Takaful 1984 [<i>Akta 312</i>] dan institusi yang ditetapkan di bawah Akta Pembangunan Institusi Kewangan [<i>Akta 618</i>]
6.	Berniaga dalam skim persaraan swasta	
	Mengatur atau menawar untuk menjual atau membeli sebagai ejen bagi mana-mana orang, apa-apa kepentingan dalam skim persaraan swasta.	Bank Islam, bank berlesen, syarikat kewangan berlesen, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional

* *CATATAN*—Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali seksyen 129 dan Jadual 9 [*P.U. (B) 276/2013*]; 1 Januari 2015 seksyen 129 dan Jadual 9 [*P.U. (B) 552/2014*]*—lihat* seksyen 271 Akta 758.

** *CATATAN*—Akta Takaful 1984 [*Akta 312*] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali perenggan 1 hingga 10 Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [*P.U. (B) 277/2013*]; 1 Januari 2015 perenggan 1 hingga 10 daripada Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [*P.U. (B) 553/2014*]*—lihat* seksyen 282 Akta 759.

Bahagian 2

Ruang pertama	Ruang kedua	Ruang ketiga
Butiran	Aktiviti	Kategori orang berdaftar
1.	<p>(a) Berniaga dalam sekuriti berhubung dengan pelaburan yang dibuat oleh perbadanan modal usaha niaga dan perbadanan pengurusan dana usaha niaga; dan</p> <p>(b) bertindak atau menawarkan untuk bertindak sebagai pengurus pelaburan atau sebagai pengurus pelaburan bersama dana usaha niaga, termasuklah pemberian nasihat pelaburan yang bersampingan kepada aktiviti pengurusan kumpulan wangnya.</p>	Mana-mana perbadanan modal usaha niaga dan syarikat pengurusan dana usaha niaga yang berdaftar di bawah Garis Panduan Suruhanjaya bagi Pendaftaran Perbadanan Modal Usaha Niaga dan Perbadanan Pengurusan Modal Usaha Niaga
2.	Nasihat pelaburan berhubung dengan peruntukan perkadaran untuk debentur.	Agensi perkadaran kredit yang berdaftar di bawah Garis Panduan Suruhanjaya mengenai Pendaftaran Agensi Perkadaran Kredit
3.	Nasihat pelaburan berhubung dengan penentuan harga debentur.	Suatu agensi penentuan harga bon yang berdaftar di bawah Garis Panduan Suruhanjaya mengenai Pendaftaran Agensi Penentuan Harga Bon
4.	Berniaga dalam sekuriti berhubung dengan pentadbiran kewajipan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.	Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan semua subsidiarinya yang ditetapkan di bawah subseksyen 60(2) Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 [Akta 587]

JADUAL 5

[Subseksyen 212(8)]

Cadangan yang tidak menghendaki kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan

Kategori transaksi yang tidak tertakluk pada kehendak subseksyen 212(2), (3) dan (4), perenggan 212(5)(a) dan subseksyen 212(6).

Bahagian 1

Cadangan di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar

1. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, produk pasaran modal tidak tersenarai sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya kepada—

(a) pelabur sofistikated sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377;

(b) seseorang yang memperoleh produk pasaran modal tidak tersenarai itu yang balasannya adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi sama ada amaun tersebut dibayar secara tunai atau selainnya;

(c) dalam hal debentur atau sukuk, khusus kepada seseorang di Labuan atau di luar Malaysia; atau

(d) mana-mana orang lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya,

dengan syarat bahawa penyediaan, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, produk pasaran modal tidak tersenarai itu mematuhi kehendak garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berhubung dengan Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar.

Bahagian 2

A. Sekuriti

(i) Am

2. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau penerbitan sekuriti, atau penawaran bagi langganan atau pembelian sekuriti, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti, berhubung dengan—

- (a) penyenaian atau sebut harga sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau Bank Negara di pasaran saham suatu bursa saham;
 - (b) penyenaian atau sebut harga sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011 [*Akta 721*];
 - (c) penyenaian dan sebut harga waran berstruktur di pasaran saham suatu bursa saham, dengan syarat bahawa penerbit waran berstruktur itu mematuhi kehendak kelayakan yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
 - (d) suatu perolehan atau pelupusan aset yang menghasilkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan yang syernya tersenarai di pasaran alternatif suatu bursa saham kecuali jika perolehan atau pelupusan itu dijalankan berhubung dengan perenggan 212(2)(b);
 - (e) suatu pelupusan aset yang menghasilkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan yang syernya tersenarai di pasaran utama suatu bursa saham yang bukan sebahagian daripada apa-apa cadangan lain yang menghendaki kelulusan daripada Suruhanjaya; atau
 - (f) penyenaian dan sebut harga sekuriti suatu perbadanan di pasaran saham suatu bursa saham yang disebabkan oleh penjalanan penstruktur semula yang melibatkan suatu pemindahan status penyenaian suatu perbadanan kepada perbadanan yang pertama disebut itu kecuali jika ia membentuk sebahagian daripada suatu cadangan yang melibatkan perolehan aset di bawah perenggan 212(2)(d) atau cadangan di bawah subseksyen 212(3).
3. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau penerbitan sekuriti, atau tawaran bagi langganan atau pembelian sekuriti, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti, jika suatu perbadanan yang syernya tersenarai di pasaran saham suatu bursa saham mengagihkan sekuriti yang dipegang olehnya dalam perbadanan lain atau suatu skim unit amanah kepada anggotanya sendiri.
4. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan pelawaan untuk melanggan atau membeli
- (a) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau Bank Negara;
 - (b) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh mana-mana Kerajaan Negeri;

- (c) sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011;
 - (d) sekuriti suatu syarikat kepada anggota sedia ada syarikat mengikut pengertian seksyen 457 Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]; atau
 - (e) sekuriti mana-mana entiti yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang yang terpakai di Labuan—
 - (i) khusus kepada orang di Labuan atau di luar Malaysia; atau
 - (ii) kepada entiti lain yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang yang terpakai di Labuan.
5. Pelawaan atau tawaran untuk menaja jamin atau menaja jamin kecil sekuriti menurut suatu perjanjian penajajaminan berhubung dengan penyenaian dan sebut harga sekuriti di pasaran saham suatu bursa saham.
 6. Penerbitan atau pengutukan sekuriti kepada suatu penaja jamin atau penaja jamin kecil menurut suatu perjanjian penajajaminan berhubung dengan penyenaian dan sebut harga sekuriti di pasaran saham suatu bursa saham.
 7. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti suatu dana modal usaha niaga atau dana ekuiti persendirian yang distrukturkan sebagai perkongsian terhad dengan syarat bahawa perbadanan yang menguruskan dana modal usaha niaga atau dana ekuiti persendirian itu didaftarkan dengan Suruhanjaya.

(ii) Syer

Syer syarikat tidak tersenarai

8. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli—
 - (a) syer suatu syarikat persendirian; atau
 - (b) syer suatu syarikat awam yang syernya tidak tersenarai dan tidak memohon supaya syernya disenaraikan di pasaran saham suatu bursa saham, dengan syarat bahawa menjadikan tersedia, penawaran bagi langganan atau pembelian, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer itu mematuhi kehendak sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

Syer syarikat awam atau perbadanan tersenarai

9. Berhubung dengan subseksyen 212(4), apa-apa cadangan untuk menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, di Labuan atau di luar Malaysia, syer suatu syarikat awam atau suatu perbadanan tersenarai, atau untuk menyenaraikan syer itu di suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia.
10. Berkenaan dengan suatu perbadanan yang syernya tersenarai di pasaran utama bursa saham, menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer menurut —
- (a) penjalanan suatu waran, opsiyen atau hak langganan boleh pindah, pengubahan suatu nota boleh ubah atau syer keutamaan, atau penukaran suatu nota boleh tukar;
 - (b) suatu hak berkenaan dengan waran, opsiyen atau hak tanpa balasan;
 - (c) suatu pembahagian kecil atau penyatuan syer;
 - (d) suatu skim syer pekerja atau skim opsiyen syer pekerja;
 - (e) suatu terbitan bonus;
 - (f) suatu terbitan hak;
 - (g) suatu penjalanan penempatan secara persendirian;
 - (h) suatu pengagihan sebagai ganti dividen;
 - (i) suatu perolehan aset yang tidak menghasilkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan itu; atau
 - (j) apa-apa aktiviti korporat lain di bawah kaedah-kaedah bursa saham sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya,
- kecuali jika ia membentuk sebahagian daripada suatu cadangan yang melibatkan perolehan aset di bawah perenggan 212(2)(d) atau cadangan di bawah subseksyen 212(3).

Syer perbadanan tersenarai atau bakal tersenarai di pasaran alternatif bursa saham

11. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, atau penerbitan syer, atau tawaran bagi langganan atau pembelian syer, atau penerbitan suatu

pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer, berhubung dengan penyenaian dan sebut harga syer suatu perbadanan di pasaran alternatif bursa saham.

12. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer suatu perbadanan yang syernya tersenarai di pasaran alternatif bursa saham selain suatu cadangan yang tergolong di bawah perenggan 212(2)(b).

Syer yang berhubung dengan perbadanan asing

13. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan pelawaan untuk melanggan atau membeli—

(a) syer suatu perbadanan yang syernya tersenarai di suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia menurut—

- (i) suatu skim syer pekerja atau skim opsiyen syer pekerja;
- (ii) suatu terbitan bonus;
- (iii) suatu terbitan hak;
- (iv) penjalanan suatu waran, opsiyen atau hak langganan boleh pindah, pengubahan suatu nota boleh ubah atau syer keutamaan, atau penukaran nota boleh tukar;
- (v) suatu hak berkenaan dengan suatu waran, opsiyen atau hak tanpa balasan;
- (vi) suatu pembahagian kecil atau penyatuan syer; atau
- (vii) mana-mana aktiviti korporat lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya;

(b) syer suatu perbadanan yang syernya tidak tersenarai di pasaran saham suatu bursa saham atau suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia—

- (i) menurut—
 - (A) suatu skim syer pekerja atau skim opsiyen syer pekerja;
 - (B) suatu terbitan bonus; atau
 - (C) suatu terbitan hak yang tidak boleh dilepaskan; atau

- (ii) kepada pemegang saham sedia ada atau mana-mana orang lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377; atau
 - (c) syer menurut suatu tawaran pengambilalihan suatu perbadanan asing.
14. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, syer, kecuali syer dalam suatu dana tertutup, yang tersenarai atau diluluskan untuk penyenaraian dan sebut harga di suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia kepada—
- (a) pelabur sofistikated sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377;
 - (b) seseorang yang memperoleh syer menurut suatu penempatan secara persendirian, yang balasannya adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi sama ada amaun itu dibayar secara tunai atau selainnya; atau
 - (c) mana-mana orang lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya,

dengan syarat bahawa, dalam hal suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia, bursa itu ditentukan oleh Suruhanjaya dan pengagihan syer itu dibuat oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti.

Pengagihan syer sebagai ganti dividen

15. Apa-apa pengagihan syer sebagai ganti dividen kepada pemegang saham sedia ada.

(iii) Skim unit amanah, skim persaraan swasta dan skim pelaburan ditetapkan

16. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, unit dalam suatu skim unit amanah, skim persaraan swasta atau skim pelaburan ditetapkan oleh wakil peribadi, pelikuidasi, penerima atau pemegang amanah dalam kebangkrapan atau pelikuidasian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam perjalanan biasa merealisasikan aset.
17. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, penerbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau penerbitan suatu pelawaan untuk

melanggan atau membeli, unit dalam suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan berhubung dengan—

- (a) suatu perolehan aset yang menghasilkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham selain suatu amanah perniagaan; atau
 - (b) suatu pelupusan aset yang menghasilkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham kecuali dalam hal suatu amanah perniagaan yang pelupusan aset oleh amanah perniagaan itu membentuk sebahagian daripada apa-apa cadangan lain yang menghendaki kelulusan daripada Suruhanjaya.
18. Berkenaan dengan suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang tersenarai di pasaran utama bursa saham, menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, unit menurut—
- (a) suatu pembahagian kecil unit;
 - (b) suatu terbitan bonus;
 - (c) suatu terbitan hak;
 - (d) suatu penjalanan penempatan secara persendirian;
 - (e) suatu pengagihan pendapatan dalam unit sebagai ganti kepada wang tunai;
 - (f) suatu perolehan aset yang tidak menghasilkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan itu; atau
 - (g) apa-apa aktiviti korporat lain di bawah kaedah-kaedah bursa saham sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya,

kecuali dalam hal suatu amanah perniagaan jika ia membentuk sebahagian daripada suatu cadangan yang melibatkan perolehan aset di bawah perenggan 212(2)(d).

19. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli—

- (a) unit suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan yang disenaraikan di suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia menurut—
 - (i) suatu pembahagian kecil unit;
 - (ii) suatu terbitan bonus;
 - (iii) suatu terbitan hak;
 - (iv) suatu pengagihan pendapatan dalam unit sebagai ganti kepada wang tunai; atau
 - (v) apa-apa aktiviti korporat lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (b) unit yang dipegang oleh suatu skim unit amanah asing atau skim pelaburan ditetapkan asing yang tersenarai di suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia menurut suatu pengagihan pendapatan dalam unit sebagai ganti kepada wang tunai;
- (c) unit menurut suatu tawaran pengambilalihan suatu skim unit amanah asing atau skim pelaburan ditetapkan asing; atau
- (d) unit suatu skim unit amanah asing atau skim pelaburan ditetapkan asing yang tidak tersenarai di pasaran saham suatu bursa saham atau suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia menurut—
 - (i) suatu terbitan bonus;
 - (ii) suatu pengagihan pendapatan dalam unit sebagai ganti kepada wang tunai; atau
 - (iii) suatu terbitan hak yang tidak boleh dilepaskan.

(iv) Debentur, sukuk dan produk berstruktur

- 20. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur atau sukuk oleh suatu perbadanan kepada perbadanan berkaitannya yang debentur atau sukuk itu mengandungi suatu terma yang melarang pemindahan debentur atau sukuk itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana orang lain.
- 21. Dalam hal suatu syarikat awam yang debenturnya atau sukuknya telah diluluskan oleh Suruhanjaya, suatu cadangan bagi penyenaian debentur atau sukuk itu di suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia.

22. Apa-apa cadangan, skim, transaksi, perkiraan atau aktiviti, penerbitan syer, tawaran bagi langganan atau pembelian syer, atau penerbitan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli syer, berhubung dengan suatu perolehan atau pelupusan aset yang menyebabkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan yang hanya debentur atau sukuknya tersenarai di pasaran saham suatu bursa saham.
23. Semua transaksi sekunder debentur, sukuk atau produk berstruktur.
24. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, produk berstruktur atau produk berstruktur Islam khusus kepada orang di Labuan atau di luar Malaysia.

B. Mata Wang Digital dan Token Digital

25. (1) Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mata wang digital atau token digital kepada mana-mana orang melalui suatu pasaran diiktiraf dan mematuhi kehendak sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.
- (2) Bagi maksud subperenggan (1)—
 - (a) “mata wang digital” ertinya mata wang digital yang ditetapkan sebagai sekuriti di bawah Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019 [P.U. (A) 12/2019]; dan
 - (b) “token digital” ertinya token digital yang ditetapkan sebagai sekuriti di bawah Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019.

C. Derivatif

26. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli —
 - (a) derivatif yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau Bank Negara;
 - (b) derivatif yang diterbitkan atau dijamin oleh mana-mana Kerajaan Negeri;
 - (c) derivatif yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011; atau

- (d) derivatif mana-mana entiti yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang yang terpakai di Labuan —
- (i) khusus kepada orang di Labuan atau di luar Malaysia; atau
 - (ii) kepada entiti lain yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah undang-undang yang terpakai Labuan.
27. Menjadikan tersedia, menawarkan untuk langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, atau berniaga dalam, derivatif melalui kaunter jika—
- (a) derivatif melalui kaunter itu dicadangkan untuk disediakan, ditawarkan untuk langganan atau pembelian kepada;
 - (b) pelawaan untuk melanggan atau membeli derivatif melalui kaunter itu dibuat kepada; atau
 - (c) perniagaan dalam derivatif melalui kaunter itu melibatkan, pelabur sofistikated sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377.

JADUAL 6

[Seksyen 229]

Tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali

Bagi maksud perenggan 229(1)(a), suatu tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali hendaklah—

- (a) suatu tawaran atau pelawaan kepada pelabur sofistikated sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377; dan
- (b) apa-apa jenis tawaran atau pelawaan lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I dan Bahagian II.

Bahagian I

Jenis tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali yang lain

1. Suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa penjualan unit dalam suatu skim unit amanah, skim persaraan swasta atau skim pelaburan ditetapkan oleh wakil peribadi, pelikuidasi, penerima atau pemegang amanah dalam kebangkrapan atau pelikuidasian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam perjalanan biasa merealisasikan aset.

2. Semua dagangan sekunder dalam sekuriti yang dilaksanakan di pasaran saham suatu bursa saham atau bursa sekuriti yang lain di Labuan atau di luar Malaysia sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.
3. Suatu tawaran atau pelawaan sekuriti yang dibuat atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri atau Bank Negara.
4. Suatu tawaran atau pelawaan dibuat menurut suatu tawaran pengambilalihan yang mematuhi undang-undang yang berkaitan yang terpakai bagi tawaran itu.
5. (1) Tertakluk pada subperenggan (2), semua dagangan sekunder dalam debentur atau sukuk.
(2) Dalam hal dagangan sekunder dalam debentur atau sukuk yang melibatkan pelabur runcit, subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai jika—
 - (a) suatu prospektus telah diterbitkan pada terbitan utama; atau
 - (b) debentur atau sukuk itu mematuhi kehendak garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berhubung dengan Rangka Kerja Bon Sedia Ada.
6. Suatu tawaran atau pelawaan berkenaan dengan debentur atau sukuk yang mematuhi kehendak garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berhubung dengan Rangka Kerja Penerbit Berkelayakan.
7. Suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada pekerja atau pengarah suatu perbadanan atau perbadanan berkaitannya menurut suatu skim syer pekerja atau skim opsyen syer pekerja.
8. Suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada mana-mana pemiutang atau pemegang sekuriti suatu syarikat yang sedang menjalani suatu skim perkiraan atau kompromi di bawah Akta Syarikat 2016 atau suatu skim penyusunan semula di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang tidak boleh dilepaskan kepada mana-mana orang selain pemiutang atau pemegang sekuriti syarikat itu.
9. Suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat khusus kepada orang di Labuan atau di luar Malaysia.
10. Suatu tawaran atau pelawaan untuk membuat suatu perjanjian penajaminan atau penajaminan kecil atau suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada penaja jamin di bawah perjanjian itu.
11. Suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada seseorang yang memperoleh sekuriti menurut suatu penempatan secara persendirian jika balasan bagi pemerolehan itu adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit

atau yang sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi sama ada amaun itu dibayar secara tunai atau selainnya.

12. Suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat oleh atau kepada Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011.
13. Suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat oleh atau kepada Danamodal Nasional Berhad.
14. Suatu tawaran atau pelawaan berkenaan dengan sekuriti suatu perbadanan yang dibuat kepada anggota sedia ada dalam suatu syarikat mengikut pengertian di bawah seksyen 457 Akta Syarikat 2016.
15. Suatu tawaran atau pelawaan berkenaan dengan sekuriti suatu perbadanan atau skim unit amanah yang diterima masuk di suatu bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, yang dibuat kepada pemegang sekuriti perbadanan itu atau skim unit amanah sedia ada melalui suatu terbitan hak, dengan syarat bahawa, dalam hal suatu terbitan hak yang boleh dilepaskan, tawaran atau pelawaan itu telah disertakan dengan suatu prospektus atau dokumen penzahiran yang diluluskan atau didaftarkan oleh atau diserahkan dengan pihak berkuasa di Labuan atau di luar Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menjalankan fungsi yang bersamaan dengan fungsi Suruhanjaya.
16. Suatu tawaran atau pelawaan berkenaan dengan sekuriti suatu perbadanan yang dibuat kepada pemegang sekuriti sedia ada perbadanan itu melalui suatu terbitan hak yang tidak boleh dilepaskan atau suatu terbitan hak yang boleh dilepaskan yang hanya memihak kepada anggota atau pemegang sekuriti sedia ada itu.
17. Suatu tawaran atau pelawaan berkenaan dengan syer suatu syarikat persendirian.
18. Suatu tawaran atau pelawaan jika tiada balasan, sama ada secara tunai atau selainnya, diberikan atau akan diberikan bagi tawaran atau pelawaan itu.

Bahagian II

Pasaran alternatif

19. Suatu tawaran atau pelawaan berkenaan dengan syer suatu perbadanan yang disenaraikan atau diluluskan bagi penyenaraian dan sebut harga di pasaran alternatif bursa saham, dengan syarat bahawa—
 - (a) tawaran atau pelawaan itu disertakan dengan suatu prospektus yang didaftarkan oleh bursa saham itu, dan prospektus itu tidak dianggap sebagai suatu memorandum maklumat bagi maksud Akta ini; dan
 - (b) tawaran atau pelawaan itu mematuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam kehendak penyenaraian.

20. Suatu penyenaian permulaan syer suatu perbadanan di pasaran alternatif bursa saham, dengan syarat bahawa—
- (a) penyenaian permulaan itu disertakan dengan suatu prospektus yang didaftarkan oleh bursa saham itu, dan prospektus itu tidak dianggap sebagai suatu memorandum maklumat bagi maksud Akta ini; dan
 - (b) penyenaian permulaan itu mematuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam kehendak penyenaian.

Bahagian III

Ketidakpakaian

21. Seksyen 232, 233, 234, 235, 236, 237, 238, 239, 240, 241 dan 244 tidak terpakai bagi suatu tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali kepada pelabur sofistikated sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377 dan suatu tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali di bawah Bahagian I Jadual ini.
22. Seksyen 232, 233, 234, 235, 237, 238, 239, 240, 241 dan 244 tidak terpakai bagi suatu tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali di bawah Bahagian II Jadual ini.

JADUAL 7

[Seksyen 230]

Terbitan terkecuali

Bagi maksud perenggan 230(1)(a), terbitan terkecuali hendaklah—

- (a) suatu terbitan kepada pelabur sofistikated sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377; dan
- (b) apa-apa jenis terbitan lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I dan Bahagian II.

Bahagian I

Jenis terbitan terkecuali yang lain

1. Suatu terbitan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa penjualan unit dalam suatu skim unit amanah, skim persaraan swasta atau skim pelaburan ditetapkan oleh wakil peribadi, pelikuidasi, penerima atau pemegang amanah dalam kebangkrapan atau pelikuidasian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam perjalanan biasa merealisasikan aset.
2. Semua perdagangan sekunder dalam sekuriti yang dilaksanakan di pasaran saham suatu bursa saham atau bursa sekuriti yang lain di Labuan atau di luar Malaysia sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

3. Suatu terbitan sekuriti yang dibuat atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri atau Bank Negara.
4. Suatu terbitan berkenaan dengan sekuriti yang diperoleh menurut suatu tawaran pengambilalihan yang mematuhi undang-undang yang berkaitan yang terpakai bagi tawaran itu.
5. (1) Tertakluk pada subperenggan (2), semua perdagangan sekunder dalam debentur atau sukuk.

(2) Dalam hal perdagangan sekunder dalam debentur atau sukuk yang melibatkan pelabur runcit, subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai jika—
 - (a) suatu prospektus telah diterbitkan pada terbitan utama; atau
 - (b) debentur atau sukuk itu mematuhi kehendak garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berhubung dengan Rangka Kerja Bon Sedia Ada.
6. Suatu terbitan debentur atau sukuk yang mematuhi kehendak garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berhubung dengan Rangka Kerja Penerbit Berkelayakan.
7. Suatu terbitan berkenaan dengan sekuriti yang diperoleh oleh pekerja atau pengarah suatu perbadanan atau perbadanan berkaitannya menurut suatu skim syer pekerja atau skim opsyen syer pekerja.
8. Suatu terbitan yang dibuat kepada mana-mana pemiutang atau pemegang sekuriti suatu syarikat yang sedang menjalani suatu skim perkiraan atau kompromi di bawah Akta Syarikat 2016 atau suatu skim penyusunan semula di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang tidak boleh dilepaskan kepada mana-mana orang selain pemiutang atau pemegang sekuriti syarikat itu.
9. Suatu terbitan yang dibuat khusus kepada orang di Labuan atau di luar Malaysia.
10. Suatu terbitan yang dibuat kepada penaja jamin di bawah perjanjian penajajaminan atau penajajaminan kecil.
11. Suatu terbitan yang dibuat kepada seseorang yang memperoleh sekuriti menurut suatu penempatan secara persendirian jika balasan bagi pemerolehan itu adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi sama ada amaun itu dibayar secara tunai atau selainnya.
12. Suatu terbitan yang dibuat oleh atau kepada Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011.

13. Suatu terbitan yang dibuat oleh atau kepada Danamodal Nasional Berhad.
14. Suatu terbitan sekuriti suatu perbadanan yang dibuat kepada anggota sedia ada dalam suatu syarikat mengikut pengertian seksyen 457 Akta Syarikat 2016.
15. Suatu terbitan berkenaan dengan sekuriti suatu perbadanan atau skim unit amanah yang diterima masuk di bursa sekuriti di Labuan atau di luar Malaysia sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya, yang dibuat kepada pemegang sekuriti sedia ada perbadanan itu atau skim unit amanah itu melalui suatu terbitan hak, dengan syarat bahawa, dalam hal suatu hak yang boleh dilepaskan, terbitan itu telah disertakan dengan suatu prospektus atau dokumen penzahiran yang diluluskan atau didaftarkan oleh atau diserahkan dengan pihak berkuasa di Labuan atau di luar Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menjalankan fungsi yang bersamaan dengan fungsi Suruhanjaya.
16. Suatu terbitan berkenaan dengan sekuriti suatu perbadanan yang dibuat kepada pemegang sekuriti sedia ada perbadanan itu melalui suatu terbitan hak yang tidak boleh dilepaskan atau suatu terbitan hak yang boleh dilepaskan yang hanya memihak kepada pemegang sekuriti sedia ada itu.
17. Suatu terbitan berkenaan dengan syer suatu syarikat persendirian.
18. Suatu terbitan sekuriti jika tiada balasan, sama ada secara tunai atau selainnya, diberikan atau akan diberikan bagi terbitan sekuriti itu.
19. Suatu terbitan sekuriti oleh suatu perbadanan menurut penjalanan suatu opsiyen, waran atau hak langganan boleh pindah, yang berkenaan dengannya suatu prospektus yang telah didaftarkan di bawah Akta ini atau berkenaan dengannya sekuriti yang opsiyen, waran atau hak langganan boleh pindah itu ubah ialah sekuriti tersenarai.
20. Suatu terbitan syer oleh suatu perbadanan menurut peruntukan yang terkandung dalam suatu nota boleh tukar, sama ada nota itu diterbitkan oleh perbadanan itu atau oleh perbadanan lain, yang berkenaan dengannya suatu prospektus telah didaftarkan di bawah Akta ini atau yang berkenaan dengannya syer yang nota itu ubah ialah syer tersenarai.
21. Suatu terbitan berkenaan dengan syer atau unit dalam suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang diterbitkan untuk menjelaskan dividen atau pengagihan yang kena dibayar oleh penerbit kepada pemegang syer sedia ada atau unit sedia ada yang diterbitkan menurut suatu prospektus.
22. Suatu terbitan bonus sekuriti yang dibuat oleh suatu perbadanan, skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan.

Bahagian II**Pasaran alternatif**

23. Suatu terbitan berkenaan dengan syer suatu perbadanan yang disenaraikan atau diluluskan bagi penyenaian dan sebut harga di pasaran alternatif bursa saham, dengan syarat bahawa—
- (a) terbitan itu disertakan dengan suatu prospektus yang didaftarkan oleh bursa saham itu, dan prospektus itu tidak dianggap sebagai suatu memorandum maklumat bagi maksud Akta ini; dan
 - (b) terbitan itu mematuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam kehendak penyenaian.
24. Suatu penyenaian permulaan syer suatu perbadanan di pasaran alternatif bursa saham, dengan syarat bahawa—
- (a) penyenaian permulaan itu disertakan dengan suatu prospektus yang didaftarkan oleh bursa saham itu, dan prospektus itu tidak dianggap sebagai suatu memorandum maklumat bagi maksud Akta ini; dan
 - (b) penyenaian permulaan itu mematuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam kehendak penyenaian.

Bahagian III**Ketidakpakaian**

25. Seksyen 232, 233, 234, 235, 236, 237, 238, 239, 240, 241 dan 244 tidak terpakai bagi suatu terbitan terkecuali kepada pelabur sofistikated sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377 dan suatu terbitan terkecuali di bawah Bahagian I Jadual ini.
26. Seksyen 232, 233, 234, 235, 237, 238, 239, 240, 241 dan 244 tidak terpakai bagi suatu terbitan terkecuali di bawah Bahagian II Jadual ini.

JADUAL 8

[Subseksyen 257(1)]

Terbitan debentur

Penerbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang baginya Subpenggal 1 Penggal 4 Bahagian VI dan seksyen 283 Subpenggal 2 Penggal 4 Bahagian VI tidak terpakai.

1. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun.

2. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan atau Bank Negara.
3. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang menurut termannya hanya boleh dipegang oleh anggota penerbit.
4. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang menurut termannya hanya boleh dipegang oleh seorang pemegang tunggal debentur itu.
5. Semua transaksi sekunder dalam debentur.
6. *(Dipotong oleh P.U. (A) 473/2012).*
7. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat menurut suatu skim perkiraan atau kompromi di bawah seksyen 176 *Akta Syarikat 1965 atau suatu skim penyusunan semula di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.
8. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat oleh atau kepada Danamodal Nasional Berhad.
9. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat khusus kepada orang di luar Malaysia.
10. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur kepada anggota suatu syarikat yang sedia ada mengikut pengertian seksyen 270 *Akta Syarikat 1965.
11. Suatu terbitan, tawaran atau pelawaan dibuat berhubung dengan debentur jenis mata wang asing kepada—
 - (a) seorang penaja jamin di bawah suatu penaja jaminan atau perjanjian pembelian permulaan;
 - (b) suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan;
 - (c) seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti;

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

- (d) suatu dana tertutup yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
 - (e) seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang;
 - (f) suatu perbadanan yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing berasaskan kepada akaun teraudit yang terakhir;
 - (g) suatu bank luar pesisir berlesen sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990; atau
 - (h) suatu penanggung insurans luar pesisir sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990.
12. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat oleh mana-mana orang atau perbadanan yang ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, selain suatu pengantara bertujuan khas yang tidak berbantuan sepenuhnya kepada suatu entiti lain, yang mempunyai penarafan kredit tempatan AAA atau penarafan kredit antarabangsa BBB dan ke atas, yang diberikan oleh suatu agensi penarafan kredit, kecuali jika terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur itu dibuat kepada pelabur runcit seperti yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
13. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat oleh mana-mana orang atau perbadanan yang ditubuhkan atau diperbadankan di luar Malaysia seperti yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
14. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat oleh atau kepada Perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011.

JADUAL 9

[Subseksyen 257(2)]

Terbitan debentur

Terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang baginya seksyen 263, 266, 268, 269, 271, 272, 275, 278, subseksyen 280(4) dan 280(5) Penggal 4 Bahagian VI tidak terpakai.

1. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada suatu syarikat yang didaftarkan sebagai suatu syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 atau suatu perbadanan yang merupakan suatu syarikat awam di bawah *Akta Syarikat 1965 atau di bawah undang-undang mana-mana negara lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk menjadi pemegang amanah bagi maksud Akta ini.
2. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada suatu skim unit amanah atau skim pelaburan ditetapkan.
3. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan dalam sekuriti.
4. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada suatu dana tertutup yang diluluskan oleh Suruhanjaya.
5. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang.
6. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada seseorang yang memperoleh sekuriti menurut suatu tawaran, sebagai prinsipal, jika balasan agregat bagi pemerolehan itu adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi, sama ada amaun tersebut dibayar secara tunai atau selainnya.

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] berkuat kuasa mulai 31 Januari 2017.

7. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada seseorang individu yang mempunyai jumlah bersih aset peribadi yang melebihi tiga juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing.
8. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada sesuatu perbadanan yang mempunyai jumlah bersih aset yang melebihi sepuluh juta ringgit atau yang sama nilainya dalam mata wang asing berasaskan kepada akaun teraudit yang terakhir.
9. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada suatu bank luar pesisir berlesen sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990.
10. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada suatu penanggung insurans luar pesisir sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990.
11. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur suatu syarikat persendirian.
12. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada suatu institusi berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam *Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau suatu bank Islam sebagaimana yang ditakrifkan dalam **Akta Bank Islam 1983.
13. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada suatu syarikat insurans yang didaftarkan di bawah †Akta Insurans 1996.
14. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur yang dibuat kepada suatu kumpulan wang

*CATATAN—Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali seksyen 129 dan Jadual 9 [P.U. (B) 276/2013]; 1 Januari 2015 seksyen 129 dan Jadual 9 [P.U. (B) 552/2014]—lihat seksyen 271 Akta 758.

**CATATAN—Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali perenggan 1 hingga 10 Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [P.U. (B) 277/2013]; 1 Januari 2015 perenggan 1 hingga 10 daripada Jadual 9 dan perenggan 13 hingga 19 Jadual 9 [P.U. (B) 553/2014]—lihat seksyen 282 Akta 759.

†CATATAN—Akta Insurans 1996 [Akta 553] telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013 kecuali seksyen 129 dan Jadual 9 [P.U. (B) 276/2013]; 1 Januari 2015 seksyen 129 dan Jadual 9 [P.U. (B) 552/2014]—lihat seksyen 271 Akta 758.

pencen yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967.

JADUAL 10

(Dipotong oleh Akta A1406).

JADUAL 11

[Seksyen 388]

Senarai perundangan subsidiari yang dibatalkan

1. Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti 1987 [*P.U. (A) 314/1987*].
2. Perintah Perindustrian Sekuriti (Pengecualian) 1992 [*P.U. (A) 126/1992*].
3. Peraturan-Peraturan Perindustrian Niaga Hadapan 1995 [*P.U. (A) 413/1995*].
4. Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) (No. 2) 1996 [*P.U. (A) 21/1996*].
5. Perisytiharan Perindustrian Sekuriti (Berniaga Sekuriti) (No. 2) 1996 [*P.U. (B) 23/1996*].
6. Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Pelesenan Pengurus Kumpulan Wang dan Wakil Pengurus Kumpulan Wang) 1996 [*P.U. (A) 117/1996*].
7. Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Deposit) 1997 [*P.U. (A) 34/1997*].
8. Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Tabung Pampasan) 1997 [*P.U. (A) 35/1997*].
9. Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Nota Kontrak Peniaga) 1997 [*P.U. (A) 37/1997*].
10. Perisytiharan Perindustrian Sekuriti (Berniaga Sekuriti) 1997 [*P.U. (B) 338/1997*].
11. Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) 1997 [*P.U. (A) 339/1997*].
12. Perintah Perindustrian Niaga Hadapan (Pengubahan Keanggotaan Lembaga) 1998 [*P.U. (A) 139/1998*].

13. Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) 1998
[*P.U. (A) 324/1998*].
 14. Perintah Perindustrian Niaga Hadapan (Pengecualian Pelesenan) 1998
[*P.U. (A) 393/1998*].
 15. Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Ketidapkakaian Peruntukan Yang Berhubungan Dengan Perdagangan Dalaman) 1999
[*P.U. (A) 180/1999*].
 16. Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) 2000
[*P.U. (A) 160/2000*].
 17. Perintah Perindustrian Niaga Hadapan (Pengecualian Pelesenan) 2001
[*P.U. (A) 209/2001*].
 18. Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) 2002
[*P.U. (A) 17/2002*].
 19. Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) (No. 2) 2002
[*P.U. (A) 314/2002*].
 20. Perintah Perindustrian Sekuriti (Pengisytiharan Pasaran Saham Terkecuali) 2005 [P.U. (A) 496/2005].
 21. Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Agensi Penentuan Harga Bon) 2006 [P.U. (A) 22/2006].
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 671

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 263/2008	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 8) 2008	01-08-2008
P.U. (A) 65/2009	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 4) 2009	20-02-2009
P.U. (A) 128/2009	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 3 dan 4) 2009	26-03-2009
P.U. (A) 287/2009	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5) 2009	03-08-2009
Akta A1370	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2010	01-04-2010
Act A1406	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2011 kecuali perenggan 25(a)	03-10-2011
P.U. (A) 336/2011	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 1, 2, 3 dan 4)	04-10-2011
Akta A1437	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012	28-12-2012
P.U. (A) 473/2012	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 8) 2012	28-12-2012
P.U. (A) 475/2012	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 2) 2012	28-12-2012

658	<i>Undang-Undang Malaysia</i>	AKTA 671
Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 481/2012	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5, 6 dan 7) 2012	28-12-2012
P.U. (A) 119/2015	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5,6,7 dan 8) 2015	15-06-2015
Akta A1499	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015	15-09-2015
P.U. (A) 212/2015	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 3) 2015	15-09-2015
P.U. (A) 133/2017	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 2 dan 3) 2017	18-05-2017
P. U. (A) 22/2018	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5) 2018	01- 04- 2018
P. U. (A) 89/2018	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 6 dan 7) 2018	05- 04- 2018
P. U. (A) 289/2021	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5, 6 dan 7) 2021	01-07-2021; kecuali perenggan 3 (Bahagian III Jadual 6) dan perenggan 4
P. U. (A) 41/2024	Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5, 6 dan 7) 2024	05- 02- 2024

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 671

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	Akta A1406	03-10-2011
2	Akta A1370 Akta A1406 Akta A1437 Akta A1499	01-04-2010 03-10-2011 28-12-2012 15-09-2015
3	Akta A1406	03-10-2011
5	Akta A1406 Akta A1499	03-10-2011 15-09-2015
6	Akta A1406	03-10-2011
Tajuk Bahagian II	Akta A1406	03-10-2011
7	Akta A1406 Akta A1499	03-10-2011 15-09-2015
8	Akta A1406	03-10-2011
9	Akta A1406	03-10-2011
10	Akta A1406	03-10-2011
11	Akta A1406	03-10-2011
12	Akta A1406	03-10-2011
13	Akta A1406	03-10-2011
15	Akta A1406	03-10-2011
16	Akta A1406	03-10-2011
17	Akta A1406	03-10-2011
18	Akta A1406	03-10-2011

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
20	Akta A1437	28-12-2012
21	Akta A1406	03-10-2011
23	Akta A1406	03-10-2011
24	Akta A1406	03-10-2011
26	Akta A1406	03-10-2011
27	Akta A1406 Akta A1499	03-10-2011 15-09-2015
28	Akta A1406	03-10-2011
29	Akta A1406	03-10-2011
30	Akta A1406 Akta A1499	03-10-2011 15-09-2015
31	Akta A1406	03-10-2011
32	Akta A1499	15-09-2015
33	Akta A1406 Akta A1499	03-10-2011 15-09-2015
34	Akta A1499	15-09-2015
35	Akta A1499	15-09-2015
36	Akta A1499	15-09-2015
36A	Akta A1499	15-09-2015
36B	Akta A1499	15-09-2015
37	Akta A1406	03-10-2011
38	Akta A1406	03-10-2011
39	Akta A1406	03-10-2011
40A	Akta A1499	15-09-2015
40B	Akta A1499	15-09-2015
40C	Akta A1499	15-09-2015

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
40D	Akta A1499	15-09-2015
40E	Akta A1499	15-09-2015
40F	Akta A1499	15-09-2015
40G	Akta A1499	15-09-2015
40H	Akta A1499	15-09-2015
41	Akta A1406	03-10-2011
52	Akta A1406	03-10-2011
57A	Akta A1499	15-09-2015
57B	Akta A1499	15-09-2015
57C	Akta A1499	15-09-2015
59A	Akta A1499	15-09-2015
60	Akta A1406	03-10-2011
61	Akta A1406	03-10-2011
62	Akta A1406	03-10-2011
63	Akta A1370 Akta A1406	01-04-2010 03-10-2011
64	Akta A1406	03-10-2011
65	Akta A1406	03-10-2011
66	Akta A1406	03-10-2011
67	Akta A1406	03-10-2011
68	Akta A1406	03-10-2011
69	Akta A1406	03-10-2011
70	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
71	Akta A1406	03-10-2011
72	Akta A1406	03-10-2011

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
73	Akta A1406	03-10-2011
74	Akta A1406	03-10-2011
75	Akta A1406	03-10-2011
76	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
76A	Akta A1437	28-12-2012
78	Akta A1406	03-10-2011
80	Akta A1406	03-10-2011
89	Akta A1499	15-09-2015
92	Akta A1406	03-10-2011
92A	Akta A1406 Akta A1499	03-10-2011 15-09-2015
94	Akta A1499	15-09-2015
95	Akta A1499	15-09-2015
98	Akta A1406	03-10-2011
Subsubtajuk Subpenggal 3 Penggal 3 Bahagian III	Akta A1406	03-10-2011
99	Akta A1406	03-10-2011
100	Akta A1406	03-10-2011
101	Akta A1406	03-10-2011
102	Akta A1406	03-10-2011
103	Akta A1406	03-10-2011
104	Akta A1406	03-10-2011
105	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
106	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
107	Akta A1406	03-10-2011

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Subsubtajuk Subpenggal 4 Penggag 3 Bahagian III	Akta A1406	03-10-2014
107 _A –107 _J	Akta A1406	03-10-2014
111	Akta A1406	03-10-2011
116	Akta A1406	03-10-2011
117	Akta A1406	03-10-2011
118	Akta A1406	03-10-2011
119	Akta A1406	03-10-2011
120	Akta A1406	03-10-2011
121	Akta A1406	03-10-2011
122	Akta A1406	03-10-2011
123	Akta A1406	03-10-2011
Subsubtajuk Subpenggal 5 Penggag 3 Bahagian III	Akta A1406	03-10-2011
125	Akta A1406	03-10-2011
126	Akta A1406	03-10-2011
128	Akta A1406	03-10-2011
137	Akta A1406	03-10-2011
139	Akta A1406	03-10-2011
139 _{AZ} -139 _{ZM}	Akta A1406	03-10-2011
139 _{ZK} -139 _{ZR}	Akta A1437	28-12-2012
139 _{ZS}	Akta A1499	15-09-2015
140	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
141–158	Akta A1437	28-12-2012
159	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
160	Akta A1406 Akta A1437 Akta A1499	03-10-2011 28-12-2012 15-09-2015
161	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
162	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
163	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
164	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
165	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
166	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
167	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
168	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
169	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
170	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
171	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
172	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
173	Akta A1406 Akta A1437	03-10-2011 28-12-2012
174	Akta A1406	03-10-2011
Subtajuk Penggal 2	Akta A1406	03-10-2011
Bahagian V		
200	Akta A1437	28-12-2012

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
201	Akta A1437 Akta A1499	28-12-2012 15-09-2015
202	Akta A1406	03-10-2011
203	Akta A1406	03-10-2011
204	Akta A1406	03-10-2011
205	Akta A1406	03-10-2011
206	Akta A1406	03-10-2011
207	Akta A1406	03-10-2011
208	Akta A1406	03-10-2011
211	Akta A1437	28-12-2012
212–214A	Akta A1437	28-12-2012
215 –215A	Akta A1437	28-12-2012
216	Akta A1370 Akta A1499	01-04-2010 15-09-2015
217	Akta A1499	15-09-2015
218	Akta A1499	15-09-2015
218A–218D	Akta A1499	15-09-2015
219	Akta A1499	15-09-2015
220	Akta A1370 Akta A1437 Akta A1499	01-04-2010 28-12-2012 15-09-2015
221	Akta A1499	15-09-2015
222	Akta A1370 Akta A1499	01-04-2010 15-09-2015
223	Akta A1499	15-09-2015
232	Akta A1406	03-10-2011
233	Akta A1437	28-12-2012
237	Akta A1437	28-12-2012
245	Akta A1437	28-12-2012

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa Dari
248	Akta A1499	15-09-2015
256	Akta A1499	15-09-2015
256A	Akta A1437	28-12-2012
256B	Akta A1437	28-12-2012
256C	Akta A1437	28-12-2012
256D	Akta A1437	28-12-2012
256E	Akta A1437	28-12-2012
256F	Akta A1437	28-12-2012
256G	Akta A1437	28-12-2012
256H	Akta A1437	28-12-2012
256I	Akta A1437	28-12-2012
256J	Akta A1437	28-12-2012
256K	Akta A1437	28-12-2012
256L	Akta A1437	28-12-2012
256M	Akta A1437	28-12-2012
256N	Akta A1437	28-12-2012
256O	Akta A1437	28-12-2012
256P	Akta A1437	28-12-2012
256Q	Akta A1437	28-12-2012
256R	Akta A1437	28-12-2012
256S	Akta A1437	28-12-2012
256T	Akta A1437	28-12-2012
256U	Akta A1437	28-12-2012
256V	Akta A1437	28-12-2012
256W	Akta A1437	28-12-2012
256X	Akta A1437	28-12-2012
256Y	Akta A1437	28-12-2012

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
256Z	Akta A1437	28-12-2012
256ZA	Akta A1437	28-12-2012
256ZB	Akta A1437	28-12-2012
256ZC	Akta A1437	28-12-2012
256ZD	Akta A1437	28-12-2012
256ZE	Akta A1437	28-12-2012
256ZF	Akta A1437	28-12-2012
256ZG	Akta A1437	28-12-2012
256ZH	Akta A1437	28-12-2012
256ZI	Akta A1437	28-12-2012
256ZJ	Akta A1437	28-12-2012
256ZK	Akta A1437	28-12-2012
256ZL	Akta A1437	28-12-2012
256ZM	Akta A1437	28-12-2012
256ZN	Akta A1437	28-12-2012
256ZO	Akta A1437 Akta A1499	28-12-2012 15-09-2015
256ZP	Akta A1437 Akta A1499	28-12-2012 15-09-2015
268	Akta A1437	28-12-2012
273	Akta A1437 Akta A1499	28-12-2012 15-09-2015
280A	Akta A1499	15-09-2015
293	Akta A1437	28-12-2012
298	Akta A1499	15-09-2015
316	Akta A1499	15-09-2015
316A	Akta A1370 Akta A1499	01-04-2010 15-09-2015

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
316B	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1499	15-09-2015
316C	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1499	15-09-2015
316D	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1499	15-09-2015
316E	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1406	03-10-2011
	Akta A1499	15-09-2015
316F	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1499	15-09-2015
316G	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1406	03-10-2011
	Akta A1499	15-09-2015
316H	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1499	15-09-2015
317A	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1406	03-10-2011
319	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1499	15-09-2015
320	Akta A1406	03-10-2011
320A	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1406	03-10-2011
323	Akta A1406	03-10-2011
325	Akta A1499	15-09-2015
328	Akta A1406	03-10-2011
334	Akta A1406	03-10-2011
336	Akta A1499	15-09-2015
346A-346D	Akta A1406	03-10-2011
	Akta A1499	15-09-2015
348	Akta A1406	03-10-2011

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
352	Akta A1406	03-10-2011
353	Akta A1406	03-10-2011
354	Akta A1406	03-10-2011
	Akta A1437	28-12-2012
	Akta A1499	15-09-2015
355	Akta A1406	03-10-2011
	Akta A1437	28-12-2012
	Akta A1499	15-09-2015
356	Akta A1406	03-10-2011
	Akta A1437	28-12-2012
	Akta A1499	15-09-2015
360	Akta A1406	03-10-2011
361	Akta A1406	03-10-2011
362	Akta A1406	03-10-2011
362A	Akta A1406	03-10-2011
363	Akta A1406	03-10-2011
368	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1406	03-10-2011
369	Akta A1406	03-10-2011
	Akta A1499	15-09-2015
371	Akta A1370	01-04-2010
	Akta A1406	03-10-2011
	Akta A1499	15-09-2015
376	Akta A1406	03-10-2011
378	Akta A1406	03-10-2011
378A	Akta A1406	03-10-2011
379	Akta A1406	03-10-2011
	Akta A1499	15-09-2015
Jadual 1	P.U. (A) 336/2011	04-10-2011
Jadual 2	P.U. (A) 336/2011	04-10-2011
	P.U. (A) 475/2012	28-12-2012
	P.U. (A) 133/2017	18-05-2017

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual 3	P.U. (A) 128/2009	26-03-2009
	P.U. (A) 336/2011	04-10-2011
	P.U. (A) 212/2015	15-09-2015
	P.U. (A) 133/2017	18-05-2017
Jadual 4	P.U. (A) 65/2009	20-02-2009
	P.U. (A) 128/2009	26-03-2009
	P.U. (A) 336/2011	04-10-2011
Jadual 5	P.U. (A) 287/2009	03-08-2009
	P.U. (A) 481/2012	28-12-2012
	P.U. (A) 119/2015	15-06-2015
	P. U. (A) 22/2018	01-04-2018
	P.U. (A) 289/2021	01-07-2021
	P.U. (A) 41/2024	05-02-2024
Jadual 6	P.U. (A) 481/2012	28-12-2012
	P.U. (A) 119/2015	15-06-2015
	P. U. (A) 89/2018	05-04-2018
	P. U. (A) 289/2021	01-07-2021
	P.U. (A) 41/2024	05-02-2024
		Perenggan 3 Bahagian III —01-01-2022
Jadual 7	P.U. (A) 481/2012	28-12-2012
	P.U. (A) 119/2015	15-06-2015
	P. U. (A) 89/2018	05-04-2018
	P. U. (A) 289/2021	01-07-2021
	P.U. (A) 41/2024	05-02-2024
		Perenggan 4 Bahagian III —01-01-2022
Jadual 8	P.U. (A) 263/2008	01-08-2008
	P.U. (A) 473/2012	28-12-2012
	P.U. (A) 119/2015	15-06-2015
Jadual 10	Akta A1406	03-10-2011
Pindaan Am	Akta A1499	15-09-2015
